

sejarah JOHOR

oleh:

HAJI BUYONG BIN ADIL

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR
1980

KK. 791-850 0102

Cetakan Pertama 1971
Cetakan Kedua 1980

© Hakcipta Dewan Bahasa dan Pustaka (1971)

M
957-519
Buy

421119

APB

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur.
\$8.50

10 FEB 1980

Kata Pengantar

Sejarah Johor ini ialah sebuah buku sejarah yang pertama dari satu siri *Sejarah Nusantara*.

Che'gu Buyong bin Adil memang sudah terkenal sebagai penulis buku sejarah, dan kini beliau mulai produktif lagi. Apa yang sangat-sangat menarik hati di dalam siri *Sejarah Nusantara* ini ialah penulisnya banyak menggunakan sumber-sumber tempatan untuk menghasilkan karya beliau. Cara pendekatan begini dengan sendirinya melahirkan suatu hasil penulisan sejarah yang baru; yang menempatkan perjalanan sejarah tempatan di tempat yang sewajarnya.

Atas dasar inilah saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Che'gu Buyong bin Adil. Semoga usaha beliau dapat menambah, bukan saja jumlah buku-buku yang bermutu dalam bahasa Malaysia, bahkan juga pengetahuan kita sendiri mengenai sejarah tanahair kita sendiri.

DATUK HAJI HASSAN AHMAD
Ketua Pengarah,
Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jun, 1979

The first part of the paper is devoted to a general
discussion of the problem. It is shown that the
problem is equivalent to the problem of finding
the minimum of a certain functional. This
functional is defined as the integral of a
certain function over a certain domain. The
function is defined as the sum of the squares
of the derivatives of the function. The domain
is defined as the region bounded by the
curves $y = 0$ and $y = 1$ and the lines
 $x = 0$ and $x = 1$. The minimum of this
functional is found by the method of
Lagrange multipliers. The result is that the
minimum is attained when the function is
linear. This result is verified by the method
of the calculus of variations. The result is
that the minimum is attained when the
function is linear. This result is verified by
the method of the calculus of variations.

Pendahuluan

Alhamdulillah; saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah s.w.t. yang telah mengurniakan tenaga kepada saya hingga telah dapat menulis sejarah negeri Johor seperti yang ada ini; dan memohon petunjukNya bagi meneruskan penulisan saya mengenai sejarah negeri-negeri lain pula dalam Siri Sejarah Nusantara yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia.

Dalam kebanyakan sejarah Semenanjung Tanah Melayu yang telah ditulis, tertamanya yang telah ditulis oleh orang-orang Barat, apabila Kerajaan Melayu Melaka jatuh ke tangan orang-orang Portugis (pada tahun 1511) hingga kepada masa Melaka dirampas pula oleh orang-orang Belanda (pada tahun 1641), sejarah Semenanjung Tanah Melayu pada masa itu biasa disebut sejarah "Zaman Portugis". Pada hal, yang sebenarnya, pada masa itu bukanlah orang-orang Portugis yang telah mengambil bahagian utama dalam peristiwa-peristiwa bersejarah di negeri-negeri Melayu; hanya Melaka itu sahajalah yang telah dapat ditakluki oleh orang-orang Portugis; lain-lain negeri di Semenanjung Tanah Melayu masih dalam pemerintahan raja-raja Melayu, dan orang-orang Melayulah yang telah memainkan peranan utama dalam negeri mereka sendiri.

Sultan Mahmud Shah, Sultan Melaka yang telah dialahkan oleh orang-orang Portugis itu pun, setelah baginda keluar meninggalkan Melaka, baginda telah berkerajaan pula di negeri Johor (1511-1528); baginda bersemayam di Pagoh (dalam Daerah Muar), di Bentan dan akhirnya baginda pindah ke Kampar (di Sumatera) lalu mangkat di sana (1528).

Pada masa Sultan Mahmud Shah berkerajaan di negeri Johor itu, tak putus-putus orang Portugis yang memerintah di Melaka terancam oleh serangan daripada angkatan perang Sultan Mahmud yang selalunya dibantu pula oleh angkatan perang dari lain-lain

negeri Melayu yang telah mencuba hendak mengambil balik negeri Melaka itu dari tangan Portugis tetapi tidak berjaya.

Kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka dari tangan raja-raja Melayu, telah digantikan pula dengan Kerajaan Melayu Johor yang diwarisi oleh raja-raja keturunan daripada raja-raja Melayu Melaka.

Pada masa orang-orang Belanda memerintah di Melaka (1641-1795; 1818-1824) biasa disebut dalam sejarah kita sejarah "Zaman Belanda" pula; pada hal pada masa itu bukanlah juga orang-orang Belanda yang khususnya menerbitkan peristiwa-peristiwa bersejarah di Tanah Melayu, bahkan dalam Kurun Masihi yang ke-17, Kerajaan Melayu Achehlah yang telah memainkan peranan dalam peristiwa-peristiwa yang telah berlaku di negeri Johor; dan dalam kurun yang ke-18 pula, sedang Belanda berkuasa di Melaka dan telah menduduki beberapa buah negeri di Gugusan Pulau-pulau Melayu (Indonesia sekarang), orang-orang Melayu Bugis pula yang telah menjalankan tindakan cergas merupakan peristiwa bersejarah di negeri Johor hingga telah membentuk "Kerajaan Johor" yang meliputi seluruh Johor—Riau—Lingga—Pahang—Singapura dengan mempunyai beberapa buah negeri jajahan takluknya di pantai timur Sumatera, serta berkait-mengait pula dengan kejadian-kejadian bersejarah yang telah berlaku di Linggi, Rembau, Selangor, Perak, Kedah, Pahang, Trengganu dan lain-lain.

Setelah Belanda dan British berlumba-lumba dalam hal perniagaan sambil menjalankan tindakan penjajahan mereka di Nusantara dengan berlunaskan dasar "pecah-pecah dan perintah", pada suku pertama dalam Kurun Masihi yang ke-19, Kerajaan Johor itu telah dipecah-pecahkan oleh Belanda dan British hingga Riau—Lingga—Pahang—Singapura terkeluar dari ikatan "Kerajaan Johor" yang luas itu; daerah Muar yang sekarang sebuah daripada daerah dalam negeri Johor itu pun hampir-hampir lagi hendak menjadi sebuah negeri kecil yang berasingan akibat daripada dasar penjajahan Barat itu.

Raja-raja Melayu keturunan daripada raja-raja Melayu Melaka yang memerintah di Johor itu pun, kemudiannya telah bertukar tangan kepada raja-raja keturunan Bendahara Johor; dan kemudiannya pula berpindah ke tangan raja-raja keturunan Temenggong Kerajaan Johor yang lama itu. Dalam masa pertukaran ketuunan raja-raja pemerintah di negeri Johor itu, orang-orang Melayu Bugis yang berasal dari Tanah Bugis (Sulawesi sekarang) telah mengambil bahagian utama dalam politik pemerin-

tahan di negeri itu. Dan pada masa British hendak mencengkamkan kuku penjajahannya ke negeri Johor, dapatlah pula dilihat betapa raja-raja dan orang-orang besar Johor berhadapan dengan British walaupun Pulau Singapura telah ditakluk oleh British dari tangan raja-raja Melayu dengan cara yang curang mengikut pandangan sejarah orang-orang Melayu. Demikianlah sejarah yang telah dialami oleh negeri Johor.

Pada keseluruhannya sejarah Johor yang diceritakan dalam buku ini dan juga sejarah negeri-negeri Melayu lainnya dalam penerbitan *Siri Sejarah Nusantara* ini, dapatlah diperkatakan bahawa perasaan kemelayuan orang-orang adalah menyeluruh dan meluas ke segenap Nusantara di Asia Tenggara. Perasaan ini tidaklah sempit dan terbatas dalam lengkungan suatu daerah kecil seperti yang ada pada zaman sebelum tanah air dibahagi-bahagikan oleh penjajahan dahulu. Dalam sejarah ini, boleh kita ambil satu misalan kepada pengalaman Raja Haji Marhum Teluk Ketapang. Walaupun almarhum itu berasal orang Melayu Bugis, tetapi bukanlah tanah airnya, bumi yang diperjuangkannya, terhad di Tanah Bugis sahaja. Dengan hanya menggunakan perahu atau perahu layar, beliau telah menjelajah ke merata-rata tempat di Nusantara: Siantan, Riau, Lingga, Jambi, Siak, Inderagiri, Kalimantan, Johor, Pahang, Melaka, Linggi, Rembau, Selangor, Perak, Kedah dan lain-lain, bahkan telah beristeri dan beranak-pinak pula di beberapa buah tempat yang disebutkan itu. Demikianlah juga halnya dengan Raja Kechil Siak, Daing Perani, Kelana Jaya Putera, Daing Kemboja, Raja Ismail Siak, Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah dan lain-lain lagi yang ada disebutkan cerita mereka dalam buku sejarah ini.

Dalam Sejarah Johor ini didapati pula beberapa kisah sejarah yang telah berlaku di negeri Pahang, Selangor, Linggi, Rembau, Perak, Kedah dan Trengganu yang ada hubungannya dengan Johor—Riau—Lingga.

Kandungan Sejarah Johor yang dihidangkan dalam buku ini dari mula hingga akhirnya, bersekitar di sekeliling peristiwa yang berlaku mengikut zaman masing-masing Raja Melayu yang memerintah negeri itu, iaitu bermula dari Sultan Mahmud Shah (1) yang datang dari Melaka sampailah kepada Sultan Johor yang ada sekarang ini (1970).

Tarikh yang digunakan dalam buku sejarah ini ialah tarikh Tahun Masihi.

Ada bijak pandai mengatakan: sejarah ialah sebagai suatu

rekod kejadian baik dan jahat yang telah dilakukan oleh manusia dari zaman ke zaman. Oleh kerana itu semoga kejadian yang telah berlaku dalam Sejarah Johor, dan juga dalam sejarah lain-lain negeri Melayu dalam Siri Sejarah Nusantara ini, dapatlah kiranya jadi cermin perbandingan kepada sekalian penduduk Malaysia untuk memelihara kemerdekaan dan kedaulatan Negara Malaysia sepanjang abad.

Dalam Pendahuluan ini, rasanya tidaklah lengkap kalau tidak saya sebutkan bahawa saya mengucapkan setinggi terima kasih kepada sekalian pengarang dan penulis buku dan rencana sejarah yang telah saya gunakan sebagai bahan bacaan dalam menyusun Sejarah Johor ini. Kepada semua, sama ada yang masih hidup atau yang telah meninggal dunia, saya terhutang budi kepada mereka itu. Tajuk rencana dan nama buku sejarah serta nama pengarangnya ada saya tuliskan sepenuhnya dalam bahagian Bibliografi buku ini.

Dengan sukacita pula saya nyatakan di sini bahawa saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Datuk Haji Hassan Ahmad Ketua Pengarah DBP sekarang yang telah sudi menulis Kata Pengantar bagi buku Sejarah Johor ini; semoga dengan Kata Pengantar beliau itu, dapatlah kiranya buku ini memberikan sumbangannya kepada kemajuan Negara Malaysia khususnya dalam bidang sejarah.

HAJI BUYONG BIN ADIL

Kuala Lumpur
2hb. Januari, 1971.

133

Kandungan

Muka Surat

Kata Pengantar	v
Pendahuluan	vii
Johor Sebelum Awal Kurun Masihi Yang Ke-16 ...	1
✓ Sultan Mahmud Shah I. (1511-1528)	5
✓ Sultan Alauddin Riayat Shah II. (1528-1564) ...	17
✓ Sultan Muzaffar Shah (1564-1570)	28
Sultan Abdul Jalil Shah I. (1570/71)	32
Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Shah II. (1570/71-1597) ...	33
Sultan Alauddin Riayat Shah III. (1597-1615) ...	54
Sultan Abdullah Ma'ayat Shah (1615/16-1623) ...	72
Sultan Abdul Jalil Shah III. (1623-1677)	75
Sultan Ibrahim Shah (1677-1685)	88
✓ Sultan Mahmud Shah II. (1685-1699)	92
✓ Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV. (1699-1718) ...	98
✓ Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah (1718-1722) ...	107
Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (1722-1760) ...	114
Sultan Abdul Jalil Muazzam Shah (1760-1761) ...	139
Sultan Ahmad Riayat Shah (1761)	141
Sultan Mahmud Shah III. (1761-1812)	143
Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah (1812-1819) ...	176
Sultan Husain Shah (1819-1835)	181
✓ Tengku Ali dan Temenggong Tun (Daing) Ibrahim ...	211

Temenggong Ibrahim Seri Maharaja Johor dan Sultan Ali Iskandar Shah	230
Temenggong Abu Bakar Seri Maharaja Johor (1862); Maharaja Abu Bakar (1868); Sultan Abu Bakar (1885-1895)						246
Sultan Ibrahim (1895-1959)		292
Sultan Ismail (1959—sedang berkerajaan)				365
Sultan dan Raja Pemerintah Johor		371
Pembacaan	375
Indeks	377

Johor Sebelum Awal Kurun Masihi Yang Ke-16:

DALAM *Sejarah Melayu* (Susunan Tun Seri Lanang, tahun 1612) ada menyebutkan: setelah mengalahkan kerajaan "Gangga Nagara" (di darat Dinding ke sana Perak), Raja Suran yang datang dengan angkatan perangnya dari negeri India, telah pergi pula memerangi dan mengalahkan sebuah kerajaan orang-orang Siam "di hulu Sungai Johor" bernama "Klang-kio" atau disebut juga "Genggayu". Ahli-ahli sejarah pada zaman sekarang ini berpendapat bahawa Raja Suran yang datang dari negeri India yang menyerang negeri-negeri di Tanah Melayu itu, ialah Raja Chola yang bernama Rajendra Chola I, seorang raja di negeri India yang telah datang ke Nusantara memerangi kerajaan-kerajaan yang di bawah takluk Kerajaan "Seri Wijaya" (Palembang Tua) dalam Kurun Masihi yang ke-11 (Tahun 1025). Ahli-ahli sejarah sekarang ini juga berpendapat bahawa negeri "Klangkio" atau "Genggayu" itu bukanlah terletak di hulu Sungai Johor seperti yang tersebut dalam *Sejarah Melayu* itu, melainkan ianya sebuah kerajaan orang Siam-Asli (Mon-Khmer) yang terletak dalam negeri Pahang sekarang ini. Ahli sejarah sekarang ini lebih berat menyangkakan bahawa tempat yang disebut "Kota Gelanggi" yang masih ada di negeri Pahang sekarang ini (tiada berapa jauh dari Pulau Tawar) ialah bekas sebuah kerajaan besar pada zaman dahulu (lihat: *Sejarah Pahang*), dan lebih munasabah kerajaan itulah yang disebut oleh *Sejarah Melayu*: kerajaan orang-orang Siam itu.

Keterangan yang dinyatakan di atas itu ialah sebagai suatu pendapat yang membatalkan perasangka orang selama ini yang memikirkan bahawa Kerajaan "Klang-kio" atau "Genggayu" yang tersebut dalam *Sejarah Melayu* itu terletak dalam negeri Johor sekarang ini.

Mengikuti sejarahnya, sejak lebih kurang tahun 1280, kuasa orang-orang Siam-Thai (yang mengalahkan Siam-Asli) telah mula berkembang ke arah bahagian selatan Semenanjung Tanah Melayu. Dan mengikut keterangan sebuah buku undang-undang Siam-Thai berjudul *Kot Mont'ien Ban*, bertarikh tahun 1358 (tetapi nyata kelihatan telah disusun semula dalam Kurun Masihi yang ke-15) menyebutkan: *Wurawari* dan Melaka takluk di bawah kuasa orang-orang Siam-Thai. *Wurawari* yang disebutkan itu ialah dalam kawasan negeri Johor sekarang ini. Dalam pada itu, ahli-ahli sejarah sekarang ini berpendapat: kisah yang menyatakan bahawa dalam Kurun Masihi yang ke-14 itu orang-orang Siam-Thai berkuasa di bahagian selatan Semenanjung Tanah Melayu, nyatalah suatu kisah atau keterangan yang dibesar-besarkan sahaja; kerana, sepanjang penyelidikan yang telah dilakukan, dalam Kurun Masihi yang ke-14 itu, pengaruh orang-orang Siam-Thai di bahagian selatan Semenanjung Tanah Melayu tidaklah kuat, kerana pada masa itu kerajaan Majapahit (di Tanah Jawa) telah mengembangkan kuasa dan pengaruhnya ke Semenanjung Tanah Melayu ini, terutama di bahagian selatan.

Syair Jawa yang bernama *Nagarakertagama* yang dikarang oleh Prapancha pada tahun 1365, yang menceritakan kebesaran kerajaan Majapahit pada masa pemerintahan rajanya Hayam Wuruk dan Mangkubuminya Patch Aria Gajah Mada, ada mencatatkan nama-nama tempat di Nusantara yang di bawah takluk kerajaan Majapahit; di antaranya ada tersebut: Hujung Medini, Langkasuka, Sai (buri), Kalanten, Tringgano, Nador, Paka, Muara Dungun, Tumasik, Sang Hyang Hujung, Kelang, Keda, Jire, semuanya takluk kepada Majapahit. *Hujung Medini* yang tersebut dalam *Nagarakertagama* itu ialah daerah negeri Johor sekarang ini.

Dalam *Hikayat Raja-Raja Pasai* pula menyebutkan: beberapa buah pulau di pantai timur negeri Johor sekarang ini, takluk juga kepada Majapahit, iaitu Pulau Tinggi, Pulau Pemanggil dan Pulau Laut (serta Pulau Tioman juga).

Dalam Kurun Masihi yang ke-14 itu juga, iaitu pada masa Raja Seri Rana Wira Kerma memerintah di Singapura (dipercayai dari tahun 1362-1375), ada tersebut tempat yang bernama *Sayong*, yang terletak di tepi Sungai Johor. Sejarah Melayu mengatakan: Badang orang kuat yang jadi Hulubalang Raja Singapura itu berasal dari *benua Sayong*. Sebelum ia jadi Hulubalang Raja Singapura itu, ia

bekerja menebas-menebang hutan kepunyaan tuannya di tempat yang bernama *Seluang* (di hulu Kota Tinggi sekarang). *Sayong* yang dikatakan oleh *Sejarah Melayu* terletak di hulu Sungai Johor itu, dipercayai *Sayong Pinang* dalam negeri Johor sekarang ini, terletak lebih kurang 26 batu di hulu dari bandar Kota Tinggi sekarang ini, yang pernah menjadi pusat pemerintahan kerajaan Johor dalam Kurun Masihi yang ke-16 yang disebut *Sayong*.

Pada akhir Kurun Masihi yang ke-14, setelah angkatan perang Jawa-Majapahit mengalahkan Singapura, Raja Singapura yang bernama Permaisura (atau yang disebut oleh *Sejarah Melayu* namanya Raja Iskandar Shah—iaitu gelarannya sesudah beragama Islam, di Melaka) itu telah berlepas diri meninggalkan Singapura, dan baginda telah sampai ke Muar. Di daerah Muar itu baginda serta pengikut baginda telah membuat tempat tinggal di tempat yang disebut *Biawak Busuk* dan *Kota Buruk*. (Akhirnya Raja Singapura yang akhir itu telah pergi membuka negeri Melaka).

Dalam *Sejarah Melayu* juga menyebutkan: pada zaman Sultan Muzaffar Shah memerintah Kerajaan Melayu Melaka (tahun 1445-1458), iaitu pada masa orang-orang Siam menyerang Melaka, ada tersebut nama *Batu Pahat*. Adalah dipercayai bahawa Batu Pahat itu ialah Batu Pahat dalam negeri Johor sekarang ini.

Pada masa Sultan Mahmud Shah mula memerintah Melaka (lebih kurang pada tahun 1488) *Sejarah Melayu* juga menyebutkan: "dari Ayer Leleh (dekat Sungai Melaka) hingga ke Kuala Muar pasar tiada berkeputusan" yakni ramai didiami orang.

Daripada keterangan yang dinyatakan di atas itu, bolehlah kita mengambil kesimpulan iaitu: sebelum awal Kurun Masihi yang ke-16 (yakni sebelum tahun 1500), daerah yang disebut *Hujung Medini* yakni *Hujung Tanah* atau yang disebut *Wurawari* itu, dipercayai negeri Johor sekarang ini; mulanya di bawah pengaruh orang-orang Siam-Thai; tetapi kuasa dan pengaruh orang-orang Siam-Thai ke atas daerah itu makin lama semakin lemah disebabkan oleh kuasa dan pengaruh kerajaan Majapahit yang telah berkembang di bahagian luas daerah Nusantara. Selain daripada itu nyatalah: tempat-tempat yang bernama *Sayong*, *Seluang*, *Muar*, *Batu Pahat*, *Kuala Muar*, *Pulau Tinggi*, *Pulau Pemanggil* dan *Pulau Laut*, sebelum Kurun Masihi yang ke-16 itu, telah didiami orang, iaitu orang-orang Melayu. Dalam Kurun Masihi yang ke-15, tempat-tempat dalam negeri Johor itu adalah di bawah pengaruh Sultan-

SEJARAH JOHOR

Sultan Melayu yang berkerajaan di Melaka.

Demikianlah dengan ringkasnya kisah negeri Johor itu sebelum Kurun Masihi yang ke-16.

Sultan Mahmud Shah I. (1511-1528):

1511. Setelah berperang beberapa hari dengan hebatnya, pada 15 haribulan Ogos tahun 1511, angkatan perang Portugis yang diketuai oleh Alfonso d'Albuquerque telah berjaya mengalahkan Kerajaan Melayu Melaka daripada tangan Sultan Mahmud Shah dan putera baginda Sultan Ahmad Shah. Baginda kedua serta keluarga dan ramai orang Melayu, laki-laki perempuan, pengikut baginda berundur ke hulu bandar Melaka lalu berkumpul pula di tempat yang bernama Bertam di tepi Sungai Melaka. Sultan Mahmud berundur lagi ke tempat yang bernama Batu Hampar tiada berapa jauh dari Bertam, dan Sultan Ahmad dengan orang-orangnya tinggal bertahan di Bertam dengan maksud hendak kembali semula ke bandar Melaka.

Apabila orang Portugis di bandar Melaka dapat tahu orang-orang Sultan Melaka ada bertahan di Bertam, kira-kira dalam bulan September tahun 1511 itu juga, Alfonso d'Albuquerque telah menghantarkan askar-askarnya datang menyerang dan mengalahkan pertahanan Sultan Ahmad dan orang-orangnya di Bertam. Setelah Bertam dikalahkan oleh Portugis, Sultan Mahmud dan Sultan Ahmad serta pengikut baginda berundur lagi ke Hulu Muar lalu pergi ke tepi Sungai Muar dan membuat tempat kediaman yakni berkerajaan di tempat yang bernama Pagoh. (Di Pagoh inilah juga tempat makam almarhum Sultan Alauddin Riayat Shah I, ayahanda Sultan Mahmud Shah, yang berkerajaan di Melaka dari tahun 1477 hingga tahun 1488). Sultan Mahmud dan Sultan Ahmad telah membangunkan sebuah kubu di tempat yang bernama Bentayan berhampiran dengan kuala Sungai Muar, dan telah bersedia pula hendak melancarkan serangan ke Melaka.

Pada masa Sultan Mahmud bersemayam di daerah Muar itu,

baginda telah berutus-utusan secara sulit membuat perhubungan dengan seorang ketua orang-orang Jawa di bandar Melaka bernama Timutu Raja (atau Utimutiraja) yang telah memberitahu baginda akan hal dan kekuatan orang-orang Portugis di bandar Melaka serta telah mempelawa baginda datang menyerang Portugis di Melaka dan berjanji yang ia serta orang-orangnya akan membantu Sultan Mahmud.

Dalam bulan Oktober tahun 1511 itu juga, Raja Abdullah, Sultan Kampar, anak saudara Sultan Mahmud Shah, berada di Muar, dan Sultan Mahmud telah dapat tahu Raja Abdullah itu suka berbaik-baik dengan Portugis. Sultan Mahmud telah cuba hendak membunuh Raja Abdullah; tetapi Raja Abdullah dengan serta-merta telah meninggalkan Muar pergi ke Melaka lalu membuat perhubungan baik dengan Alfonso d'Albuquerque. Setelah itu Raja Abdullah pun kembali ke Kampar. Pada masa itu juga Alfonso d'Albuquerque telah dapat tahu akan rahsia Timutu Raja membuat perhubungan dengan Sultan Mahmud. Oleh sebab itu dan juga oleh sebab Timutu Raja hendak melawan pemerintahan Portugis di Melaka, orang-orang Portugis telah menangkap Timutu Raja, dan akhirnya pada 27 haribulan Disember tahun 1511, iaitu sebelum Alfonso d'Albuquerque meninggalkan Melaka, Timutu Raja telah dihukum bunuh iaitu dipancung lehernya.

Oleh sebab khuatirkan bahaya dari Pagoh dan Bentayan (Kuala Muar) itu, pada akhir tahun 1511 itu juga, Alfonso d'Albuquerque telah menghantar suatu angkatan perang yang terdiri daripada 400 orang askar Portugis, 600 orang Jawa dan 300 orang Pegu (Burma) pergi menyerang dan mengalahkan Bentayan dan Pagoh. Sultan Mahmud dan Sultan Ahmad serta orang-orang baginda berundur dari Pagoh dengan meninggalkan beberapa buah kenderaan baginda serta beberapa ekor gajah baginda di daerah Muar.

Dalam *Sejarah Melayu* ada menceritakan: orang Portugis (Feringgi) telah datang menyerang Pagoh. Setelah berperang beberapa hari lamanya, Sang Setia pun mati, Pagoh pun dikalahkan. Sultan Mahmud dan Sultan Ahmad berundur meninggalkan Pagoh. Dalam pelarian itu Bendahara Paduka Tuan (atau Bendahara Tepok) telah meninggal dunia, dikebumikan di tempat yang bernama Lubok Batu (dalam Daerah Segamat sekarang) dan Bendahara itulah yang disebut *Dato' Lubok Batu*

atau *Bendahara Lubok Batu*. Sultan Mahmud dan rombongan baginda itu telah sampai ke tempat yang bernama Penarekan (di hulu Sungai Seriting) dan dari Penarekan baginda menghilir Sungai Pahang lalu sampai ke negeri Pahang.

Kedatangan Sultan Mahmud ke negeri Pahang itu telah disambut oleh Sultan Abdul Jamil, Sultan Pahang (Sultan Pahang III), putera Sultan Pahang I (Sultan Muhammad Shah). Pada masa itu Sultan Abdul Jamil memerintah bersama-sama dengan saudara sepupu baginda Sultan Mansur Shah I putera Sultan Pahang II (Sultan Ahmad Shah). Pada masa di Pahang itu seorang daripada puteri Sultan Mahmud dengan isteri baginda puteri Kelantan, dikahwinkan dengan Sultan Mansur Shah I, Sultan Pahang itu.

1512. Alfonso d'Albuquerque telah meninggalkan Melaka dan balik ke Goa (di India) dalam bulan Januari tahun 1512, iaitu setelah ia siap mendirikan *Kota Melaka* yang dibina dengan batu. Mengikut cerita orang-orang Portugis, Sultan Mahmud yang tinggal di negeri Pahang itu telah berangkat semula ke Muar. Orang-orang Portugis mengatakan: dalam bulan Jun tahun 1512 Sultan Mahmud telah berada semula di daerah Muar. Sungguhpun tiada didapati keterangan yang tepat jalan manakah yang telah dilalui baginda semasa pergi ke Muar itu, tetapi dipercayai baginda telah bertolak dari Pahang ikut jalan laut pergi ke Bentan (Riau), dan setelah mengumpulkan kelengkapan baginda di sana, baharulah baginda berangkat semula ke daerah Muar, ke Pagoh, — dalam pertengahan tahun 1512. *Sejarah Melayu* mengatakan: dari Pahang baginda berangkat ke Bentan; tetapi tidak pula menyebutkan baginda berangkat semula ke daerah Muar.

Pada masa Sultan Mahmud di Muar itu, Kuala Muar (Bentayan) dan Pagoh balik semula ke dalam perintah baginda. Dalam bulan Julai tahun 1512 itu juga, angkatan perang Sultan Mahmud yang diketuai oleh Laksamana Hang Nadim telah berangkat hendak menyerang orang-orang Portugis di Melaka. Angkatan Laksamana Hang Nadim itu telah berperang dengan angkatan perang Portugis yang diketuai oleh panglima perang Portugis bernama Fernao Peres de Andrade; pertempuran itu telah berlaku di laut tiada berapa jauh ke utara Kuala Sungai Muar; dan akhirnya angkatan Laksamana Hang Nadim telah dikalahkan oleh angkatan Portugis itu. Menurut riwayat seorang Portugis bernama

Castanheda: dalam bulan Julai tahun 1512 itu juga, de Andrade telah menyerang dan mengalahkan Pagoh, iaitu serangan Portugis yang kedua kali ke atas Pagoh.

1513. Seterusnya, dalam bulan Januari tahun 1513, Sultan Mahmud serta pengikut baginda dari daerah Muar, telah berada semula di Bentan; baginda bersemayam di tempat yang bernama Kopak. Dari tahun 1513 itu hingga tahun 1519, kekalah baginda bersemayam di Bentan.

Mengikut *Sejarah Melayu*: pada masa Sultan Mahmud berkerajaan di Bentan itulah putera baginda Sultan Ahmad Shah telah mangkat dan disebut *Marhum Bukit Batu*. Putera baginda dengan isterinya puteri Kelantan, yang bernama Raja Muzaffar, dilantik jadi bakal menggantikan kerajaan baginda. Raja Muzaffar dikahwinkan dengan Tun Terang anak Tun Fatimah dengan suaminya yang pertama di Melaka dahulu (Tun Fatimah ialah anak Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir Melaka; suaminya yang pertama di Melaka dahulu ialah Tun Ali anak Seri Nara Diraja Tun Tahir, mempunyai anak bernama Tun Terang. Kerana fitnah Raja Mudeliar dan Kitul di Melaka, Sultan Mahmud telah menitahkan orang-orangnya membunuh Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir, Seri Nara Diraja Tun Tahir, Tun Hasan Temenggong anak Bendahara Seri Maharaja, dan Tun Ali anak Seri Nara Diraja. Setelah itu Sultan Mahmud kahwin dengan Tun Fatimah). Raja Muzaffar dan Tun Terang mempunyai seorang anak laki-laki bernama Raja Mansur. Tun Khoja Ahmad yang bergelar Tun Pikrama anak marhum Bendahara Lubok Batu, dijadikan Bendahara oleh Sultan Mahmud bergelar Bendahara Paduka Raja. Laksamana Hang Nadim (menantu Hang Tuah) tetap jadi Laksamana, dan termasyhur gagah beraninya.

Lebih kurang dalam tahun 1513 itu juga, Tun Fatimah isteri Sultan Mahmud itu berputerakan seorang anak laki-laki yang bernama Raja Ali atau Raja Alauddin, timang-timangannya Raja Kecil Besar. Oleh Sultan Mahmud, putera baginda dengan Tun Fatimah itu, ditabalkan baginda sebagai bakal Sultan bergelar Sultan Alauddin Riayat Shah (II) dan disebut Sultan Muda. Sejak itu batallah perlantikan Raja Muzaffar sebagai bakal ganti ayahandanya Sultan Mahmud itu. (Raja Muzaffar kemudiannya menjadi Sultan yang pertama di negeri Perak).

Sejak Sultan Mahmud Shah berkerajaan di Bentan, tempat-tempat yang dahulunya di bawah kuasa atau pengaruh kerajaan Melaka tetap juga di bawah kuasa baginda, iaitu seperti Kuala Muar, Pagoh (dalam negeri Johor sekarang), Beruas (dalam negeri Perak sekarang), Selangor (Kuala Selangor), Lingga dan Inderagiri. Di daerah Muar memang ada seorang pegawai baginda tinggal di situ bergelar Syahbandar.

1514. Dalam pada itu, Raja Abdullah, Sultan Kampar, yang suka berbaik-baik dengan orang Portugis itu, tiada mahu tunduk kepada Sultan Mahmud di Bentan itu. Oleh kerana tersangat murkanya kepada Raja Abdullah, Sultan Mahmud pun berengkap angkatan perang hendak menyerang Kampar. Setelah berita itu sampai ke Kampar, Raja Abdullah pun meminta bantuan daripada orang Portugis di Melaka dan orang Portugis telah menghantar suatu angkatan perang di bawah pimpinan seorang panglima perang Portugis bernama George Botelho yang telah pergi ke Kampar dan berjaga-jaga di situ.

Angkatan perang Sultan Mahmud dari Bentan telah datang menyerang Kampar yang dibantu oleh orang Portugis itu. Suatu pertempuran hebat telah berlaku di antara orang-orang Sultan Mahmud dengan orang-orang Portugis di Kampar di tempat yang bernama Kerumutan. Hulubalang Melayu yang terkenal gagah beraninya dalam peperangan itu ialah Tun Biajid anak Laksamana Hang Tuah. Tetapi peperangan itu berakhir dengan kekalahan kepada pihak Sultan Mahmud dan askar-askar baginda pun berundur meninggalkan Kampar pergi ke Inderagiri lalu balik ke Bentan.

Setelah selesai peperangan di Kampar itu, ketua Portugis di Melaka telah menghantarkan seorang pegawainya pergi ke Kampar menjemput Raja Abdullah dibawa ke Melaka. Oleh sebab Raja Abdullah memang suka berbaik-baik dengan Portugis, tambahan pula ia pun telah membuat perhubungan baik dengan Alfonso d'Albuquerque dahulu, Raja Abdullah telah diberi jawatan Bendahara di Melaka; beliaulah Bendahara yang pertama di Melaka di bawah pemerintahan Portugis.

Pada masa itu juga, Sultan Mansur Shah (I), Sultan Pahang, menantu Sultan Mahmud itu telah mangkat dibunuh orang, kerana kesalahan baginda sendiri. Balunya puteri Sultan Mahmud telah dipanggil oleh ayahandanya balik ke Bentan. Kemudian puteri

Sultan Mahmud itu dikahwinkan pula dengan Raja Nara Singa, Raja Inderagiri. Raja Inderagiri itu telah dinobatkan oleh Sultan Mahmud, dan bergelar Sultan Abdul Jalil.

1515. Pada tahun 1515, Sultan Mahmud yang berkerajaan di Bentan itu telah membuat tuduhan baginda kepada Gabenor Portugis di Melaka (George d'Albuquerque) mengatakan: Raja Abdullah (Sultan Kampar) yang jadi Bendahara di Melaka itu telah berlaku serong terhadap Portugis dengan hendak menyerahkan Kota Melaka itu kepada baginda. Walaupun tuduhan itu telah dibantah oleh Raja Abdullah, dan pegawai-pegawai Portugis lain pun ramai yang tiada menyetujui Raja Abdullah itu dihukum, tetapi dengan tersangat marahnya dan dengan tiada usul periksa lagi, Gabenor Portugis itu telah menjatuhkan hukum bunuh kepada Raja Abdullah. Raja Abdullah telah dibunuh dengan lehernya dipancung di hadapan khalayak ramai. Sejak Raja Abdullah dibunuh oleh Portugis dengan cara yang tiada adil itu, orang-orang di bandar Melaka telah ditimpa bahaya kekurangan makanan, kerana raja-raja atau pemerintah Melayu di sekitar Melaka tiada menyetujui perbuatan Portugis membunuh Raja Abdullah itu dan mereka tiada mahu menghantarkan hasil-hasil makanan dijual ke Melaka, dan Sultan Mahmud sendiri pun telah menghantarkan beberapa buah perahu perang baginda pergi ke Kuala Muar menyekat perahu-perahu yang hendak pergi membawa barang-barang makanan ke Melaka. Pada masa itu terpaksa orang-orang Portugis di Melaka mencari barang-barang makanan dari negeri-negeri lain dibawa ke Melaka. Keadaan seperti itu telah berlanjutan hingga beberapa tahun lamanya.

1516-1518. Setelah itu Sultan Mahmud Shah telah menghantarkan sebuah angkatan perang yang diketuai oleh Laksamana Hang Nadim dan Sang Naya pergi lagi menyerang orang-orang Portugis di Melaka. Angkatan perang Laksamana Hang Nadim itu telah bertempur dengan angkatan perang Portugis yang diketuai oleh Goncalo Pereira di perairan dekat *Pulau Melaka* (sekarang disebut Pulau Jawa di perairan Melaka), dan pertempuran di laut itu telah melarat hingga ke Punggur (sebatang sungai kecil kira-kira empat lima batu arah ke tenggara bandar Melaka). Tetapi Laksamana Hang Nadim tiada dapat mengalahkan Portugis di

Melaka, lalu balik semula ke Bentan.

1519. Lebih kurang pada tahun 1519, pada masa Sultan Mahmud di Pulau Bentan, baginda telah mengahwinkan puteri baginda yang bernama Raja Hatijah dengan Sultan Mahmud, Sultan Pahang (Sultan Pahang V) putera Sultan Pahang I (Sultan Muhammad Shah). Selepas perkahwinan itu Sultan Pahang itu pun berangkat balik ke Pahang membawa isteri baginda itu.

Sultan Mahmud Shah yang bersemayam di Bentan itu tidak juga putus harap hendak mengalahkan orang-orang Portugis di Melaka. Kira-kira dalam tahun 1519 baginda telah berangkat pula ke Pagoh untuk menguatkan pertahanan dan kelengkapan perang baginda di situ dan juga di Kuala Muar dengan rancangannya hendak melancarkan serangan ke Melaka. Apabila orang-orang Portugis di Melaka mendengar berita baginda telah berada semula di Pagoh, suatu angkatan Portugis yang diketuai oleh panglima perang Portugis bernama Duarte de Mello telah datang memudiki Sungai Muar lalu menyerang Pagoh. Tetapi serangan angkatan Portugis itu telah dapat diundurkan oleh askar-askar Melayu di Pagoh, dan orang-orang Portugis itu pun balik semula ke Melaka.

Dari Pagoh, beberapa kali Sultan Mahmud telah menghantar-kan angkatan perang baginda, ikut darat dan ikut laut, pergi menyerang orang-orang Portugis di Melaka. Sungguhpun serangan itu tiada dapat mengalahkan orang-orang Portugis, tetapi penduduk bandar Melaka telah bertambah-tambah menderita kerana kesukaran mendapatkan barang-barang makanan dari negeri-negeri Melayu yang berjiran dengan Melaka; sehingga dalam bulan Mei tahun 1519 dan bulan Jun tahun 1520 pemerintah Portugis di Melaka telah terpaksa menghantar pegawainya yang bernama Antonio Correa pergi mendapatkan barang-barang makanan dari negeri Burma untuk dibawa ke Melaka.

1520. Oleh sebab ancaman yang selalu datang dari Pagoh itu, pada tahun 1520, Garcia de Sa, ketua orang-orang Portugis di Melaka telah menghantar suatu angkatan perang mengandungi askar seramai 500 orang (termasuk 150 orang Portugis) pergi menyerang Pagoh dengan diketuai oleh Antonio Correa. Askar-askar Portugis itu telah menyerang dan membinasakan perahu-perahu angkatan laut Sultan Mahmud di Sungai Muar; kemudian

mulud lagi lalu mereka menyerang Pagoh. Suatu pertempuran hebat telah berlaku di Pagoh di antara askar-askar pihak Portugis yang datang menyerang dengan askar-askar pihak Melayu yang bertahan di situ. Akhirnya, setelah beberapa ramai askar kedua belah pihak terkorban dalam pertempuran itu, Pagoh pun kalah dan Sultan Mahmud dengan beberapa orang pengikut baginda belayar balik ke Bentan.

1521-1524. Dari Bentan Sultan Mahmud telah menghantarkan lagi angkatan perang yang diketuai oleh Paduka Tuan (Tun Isap Berakah) dan menantu baginda Sultan Abdul Jalil, Raja Inderagiri, pergi menyerang Portugis di Melaka. Di antara panglima Melayu yang turut sama pergi dalam angkatan itu, ialah Laksamana Hang Nadim dan Tun Mahmud (anak Paduka Tuan) yang jadi ketua pemerintah di Selangor (Kuala Selangor). Peperangan di antara orang-orang Melayu dengan orang-orang Portugis kali ini telah berlaku di laut dan di darat Melaka. Seekor gajah Sultan Mahmud yang tinggal di Muar telah dibawa datang menyerang Kota Melaka. Oleh sebab Paduka Tuan dengan Sultan Abdul Jalil yang mengetuai angkatan itu tiada bersetujuan dalam tindakan mereka tatkala menyerang Melaka itu, akhirnya Sultan Mahmud pun memanggil semua angkatan perang baginda di Melaka itu balik semula ke Bentan, dan serangan itu pun tiada juga berjaya.

Pada masa Sultan Mahmud di Bentan itu juga, Sultan Siak yang bernama Raja Abdul (Raja Abdullah) telah datang mengadap Sultan Mahmud. Sultan Siak itu telah diisytiharkan oleh baginda sebagai Sultan dan bergelar Sultan Khoja Ahmad Shah lalu dikahwinkan dengan seorang lagi puteri Sultan Mahmud. Setelah itu Sultan Siak serta isterinya itu pun berangkat balik ke Siak.

Pada masa itu juga, Tun Aria Bija Diraja, Raja Beruas, datang mengadap Sultan Mahmud di Pulau Bentan membaharui dan menguatkan semula taat setianya kepada Sultan Mahmud, dan Raja Beruas itu telah berjanji pula akan menolong baginda memerangi orang-orang Portugis musuh ketat Sultan Mahmud itu. Raja negeri Haru (di Sumatera Timur) yang bernama Sultan Husain telah datang juga ke Bentan mengadap Sultan Mahmud, dan Raja Haru itu pun telah berkahwin dengan puteri Sultan Mahmud yang bernama Raja Puteh dan telah dibawa oleh suaminya balik ke negeri Haru.

Dalam tahun 1521 itu juga, George d'Albuquerque, ketua pemerintah Portugis di Melaka telah menghantarkan angkatan perangnya sebanyak 18 buah kapal dan 600 orang askar datang menyerang Bentan. Pada masa itu di Bentan ada dua buah kubu pertahanan yang kuat. Askar-askar Melayu di Pulau Bentan serta askar-askar bantuan dari negeri-negeri lain yang bertuankan Sultan Mahmud, telah berperang melawan orang-orang Portugis yang datang menyerang itu dengan penuh semangat keberanian, dan tidaklah dapat askar-askar pihak Portugis itu mengalahkan Bentan, dan mereka pun undur balik ke Melaka.

Kemudian daripada itu, pada tahun 1523, sebuah angkatan perang Portugis dari Melaka sebanyak 200 buah kapal yang diketuai oleh Don Sancho Enriquez datang lagi menyerang Bentan. Serangan Portugis itu pun tidak juga berjaya. Tujuh buah daripada kapal Portugis yang datang itu telah binasa, dan bakinya berundur balik semula ke Melaka. Pada tahun hadapannya, tahun 1524, datang lagi orang-orang Portugis menyerang Bentan; itu pun tidak juga berjaya, dan orang-orang Portugis itu pun undur semula ke Melaka dengan mengalami kehilangan nyawa dan kerugian harta benda yang bukan sedikit.

1526. Orang-orang Portugis di Melaka tidak juga berhenti-henti melengkapkan angkatan perang mereka hendak mengalahkan Sultan Mahmud di Bentan walaupun telah beberapa kali mereka dialahkan oleh angkatan perang Sultan Mahmud; ini kerana orang-orang Portugis itu merasakan selagi Sultan Mahmud berkerajaan, orang-orang Portugis di Melaka tidak akan senang. Dalam bulan Oktober tahun 1526, suatu angkatan Portugis dari Melaka, serta bantuan yang didatangkan dari Goa, mengandungi sebanyak 25 buah kapal besar serta 550 orang askar Portugis dan 600 orang Melayu yang dapat dipujuk oleh orang-orang Portugis, dengan diketuai oleh panglima perang Portugis bernama Pedro Mascarenaas, telah bertolak dari Melaka hendak menyerang Bentan. Pada 23 haribulan Oktober (1526) angkatan perang Portugis itu telah menyerang dan membinasakan bandar Bengkalis daerah takluk kerajaan Johor yang pada masa itu berpusat di Bentan (Sultan Mahmud). Selepas Bengkalis, angkatan Portugis itu telah menyerang dan membakar rumah-rumah orang Melayu di Bulang. Dari situ mereka belayar lagi menuju ke Bentan (Riau).

Apabila khabar kedatangan angkatan Portugis itu disampaikan kepada Sultan Mahmud, seluruh angkatan perang dan kubu-kubu baginda di Bentan pun bersiap sedia menghadapi bahaya yang akan datang itu. Kubu pertahanan yang di sebelah hadapan (di sebelah kuala) yang disebut Kota Kara, telah diperkuat lagi dengan bedil dan meriam serta penjaganya yang terdiri daripada hulubalang Melayu yang gagah berani, termasuk Laksamana Hang Nadim dan panglima yang bergelar Sang Setia. Kubu pertahanan di Kopak, di tempat bersemayam Sultan Mahmud pun telah dilengkapi demikian jua.

Tiada lama selepas itu angkatan Portugis itu pun datang lalu menyerang Pulau Bentan; serangan itu dimulakan mereka di Kota Kara, dan berlakulah pertempuran hebat. Dalam pertempuran itu Sang Setia mati terbunuh dan Laksamana Hang Nadim luka, dan tiada lama kemudian Kota Kara pun alah oleh Portugis; askar-askar Portugis itu bersedia pula hendak menyerang ke Kopak.

Sebelum askar-askar Portugis itu sampai ke Kopak, walaupun Sultan Mahmud tiada mahu bergerak dari istana baginda, orang-orang besar baginda terutama Seri Nara Diraja (Tun Hamzah), telah memaksa Sultan Mahmud meninggalkan Kopak melarikan diri masuk ke hutan, kerana angkatan Portugis yang datang itu, pada pendapat orang besar baginda itu, jauh lebih kuat dan lebih lengkap daripada kekuatan pertahanan yang ada di Kopak. Sungguhpun baginda telah menyatakan keengganan baginda meninggalkan Kopak sebelum bertempur dengan pihak Portugis yang dijangka akan datang menyerang itu, tetapi terpaksa juga baginda menurut kehendak orang-orang besar baginda itu terutama Tun Hamzah Seri Nara Diraja yang sangat baginda kasihi itu. (Tun Hamzah inilah sisa daripada pembunuhan beramai-ramai yang telah diperintahkan oleh Sultan Mahmud di Melaka terhadap ayahnya Seri Nara Diraja Tun Tahir, Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir dan lain-lain dahulu). Setelah membuat keputusannya, Sultan Mahmud serta orang-orang besar baginda dan rombongan pengikut baginda telah meninggalkan Kopak, menjauhkan diri pergi berkumpul pada suatu tempat dan bersedia hendak meninggalkan Bentan. Bendahara Paduka Raja Tun Khoja Ahmad turut sama mengikut baginda. Tiada lama selepas itu, askar-askar pihak Portugis di bawah pimpinan Pedro Mascarenhaas telah datang menyerang Kopak dan telah melakukan ram-

pasan yang tiada berkira-kira sehingga penduduk Kopak bertempiran keluar melarikan diri—Bentan pun kalah.

Tun Mahmud anak Paduka Tuan (Tun Isap Berakah) yang memerintah di Selangor (Kuala Selangor) dengan membawa suatu angkatan dua puluh buah perahu telah datang ke Bentan mendapatkan Sultan Mahmud di tempat baginda dan orang-orangnya berkumpul hendak meninggalkan Bentan itu. Lima belas hari setelah orang-orang Portugis yang mengalahkan Bentan itu balik ke Melaka, Sultan Mahmud serta beberapa ramai pengikut baginda pun meninggalkan Bentan dibawa oleh perahu-perahu angkatan Tun Mahmud yang datang itu, dan dengan nasihat Bendahara Paduka Raja, Sultan Mahmud telah berangkat menuju ke negeri Kampar di Pulau Sumatera; Bendahara itu ikut sama pergi ke Kampar. Tetapi Paduka Tuan (Tun Isap Berakah) dengan anak isteri dan orang-orangnya telah meninggalkan Bentan pergi tinggal di Sayong di tanah besar negeri Johor. Dalam pada itu, tiada lama kemudian, Paduka Tuan ini pun pergi juga ke Kampar mengikut Sultan Mahmud.

1527-1528. Mengikut *Sejarah Melayu*: setelah Bentan dialahkan oleh Portugis (tahun 1526), Sultan Mahmud serta pengikut-pengikut baginda telah pergi ke negeri Kampar, seperti yang disebutkan di atas tadi. Tetapi orang-orang Portugis menyatakan, iaitu setelah meninggalkan Bentan itu, Sultan Mahmud telah berangkat ke tanah besar negeri Johor. Oleh sebab itu timbul pendapat pada masa ini mengatakan: oleh sebab pada masa itu tempat-tempat di tepi Sungai Johor seperti Sayong (Sayong Pinang), Kota Tinggi dan Johor Lama telah sedia didiami oleh orang-orang Melayu, dan taat setia mereka pun masih tetap kepada Kesultanan Melaka, boleh jadi juga Sultan Mahmud telah berangkat ke tanah besar negeri Johor setelah baginda dialahkan oleh Portugis di Bentan seperti yang dikatakan oleh orang-orang Portugis itu. Tetapi, kalau pergi sekalipun Sultan Mahmud itu ke tanah besar negeri Johor, tentulah baginda tiada lama bersemayam di Johor, kerana selewat-lewatnya dalam bulan September tahun 1527 Sultan Mahmud telah sedia bersemayam di negeri Kampar bersama-sama dengan anak isteri serta orang-orang besar baginda. Pada masa di Kampar itu baginda bersemayam di istana asal yang dipunyai oleh saudara baginda almarhum Sultan Munawwar Shah, Sultan

Kampar, ayahanda Raja Abdullah yang telah dibunuh oleh Portugis di Melaka itu.

Mengikut *Sejarah Melayu* (Naskhah simpanan Raffles No. 18) pada masa Sultan Mahmud di negeri Kampar itu, menantu baginda Sultan Husain, Raja negeri Haru, telah datang mengadap baginda. Pada masa di Kampar itu juga Bendahara Paduka Tuan (Tun Khoja Ahmad) telah meninggal dunia, disebut *Bendahara Tambak*, dan anaknya Tun Isap Berakah Paduka Tuan dilantik menjadi Bendahara.

Mengikut *Sejarah Melayu* Tun Seri Lanang (suntingan W.G. Shellabear): tiada lama setelah Sultan Mahmud bersemayam di negeri Kampar itu, isteri baginda Tun Fatimah, Raja Perempuan, pun mangkat dan telah dimakam di Kampar. Sejak itu selalulah sahaja Sultan Mahmud gering, dan tiada berapa lama kemudian, lebih kurang dalam tahun 1528, Sultan Mahmud Shah pun mangkat, dimakam di Kampar, dan disebut *Marhum Kampar*. Putera baginda dengan almarhum Tun Fatimah, Sultan Muda, dilantik menggantinya jadi Sultan dengan memakai gelaran Sultan Alauddin Riayat Shah (II).

Pendeknya: setelah Melaka dialahkan oleh Portugis pada tahun 1511 hingga Sultan Mahmud mangkat di Kampar lebih kurang pada tahun 1528 itu, negeri Johor yang ada sekarang ini di bawah perintah Sultan Mahmud Shah yang telah membuat pusat pemerintahan baginda di Pagoh, di Bentan (Riau) dan akhirnya di Kampar (di Sumatera Timur), dan sepanjang masa itu baginda tetap bermusuh dan sentiasa berperang melawan orang Portugis, iaitu orang Barat yang mula-mula menjajah negeri-negeri Melayu. Oleh sebab itu Sultan Mahmud Shah itu bolehlah disifatkan sebagai Sultan Johor yang pertama (1511-1528).

Sultan Alauddin Riayat Shah II. (1528-1564):

1528-1530. Lebih kurang dalam tahun 1528, Sultan Alauddin Riayat Shah II telah dilantik menggantikan ayahandanya Marhum Kampar (Sultan Mahmud Shah) sebagai Sultan bagi seluruh kerajaan Johor dan lain-lain jajahan di bawah takluk kepada almarhum Sultan Mahmud Shah dahulu, iaitu pada masa baginda bersemayam di negeri Kampar, dan Sultan Alauddin Riayat Shah II ini disifatkan sebagai Sultan Johor yang kedua dalam sejarah ini.

Mengikut *Sejarah Melayu* (Naskhah No. 18) mengatakan: tiada lama setelah jadi Sultan itu (kira-kira dalam tahun 1529), Sultan Alauddin Riayat Shah II ini berserta dengan Bendahara baginda Bendahara Paduka Tuan (Tun Isap Berakah) dan lain-lain orang besar baginda, telah keluar dari negeri Kampar berangkat ke negeri Pahang. Apabila baginda sampai ke negeri Pahang, telah disambut oleh Sultan Pahang pada ketika itu, iaitu Sultan Mahmud Shah (Sultan Pahang V). Pada masa berada di negeri Pahang itu, Sultan Alauddin telah dikahwinkan dengan seorang daripada keluarga (saudara) Sultan Mahmud Pahang. Sultan Mahmud Pahang itu saudara sepupu dan menantu juga kepada Marhum Kampar (Sultan Mahmud Pahang itu telah berkahwin dengan Raja Hatijah puteri Marhum Kampar).

Mengikut *Sejarah Melayu* Tun Seri Lanang (suntingan Shella-bear) mengatakan: pada masa Sultan Alauddin sampai ke negeri Pahang itu, Sultan Pahang pada ketika itu ialah Sultan Mansur Shah (I) (Sultan Pahang IV). Tetapi mengikut cerita *Sejarah Melayu* (Naskhah No. 18) pula mengatakan: pada masa Marhum Kampar hidup lagi, Sultan Mansur Pahang itu telah mangkat dibunuh oleh hulubalang ayahandanya (Sultan Ahmad, Sultan Pahang yang kedua, yang masih hidup lagi), kerana Sultan Mansur itu berzina

dengan salah seorang isteri ayahandanya (emak tirinya). Sultan Mansur Pahang terbunuh itu lebih kurang dalam tahun 1519.

Oleh sebab itu dipercayai: Sultan Alauddin Riayat Shah II itu sampai ke negeri Pahang ialah pada ketika negeri Pahang diperintah oleh Sultan Mahmud (Sultan Pahang V).

Dalam *Sejarah Melayu* (Tun Seri Lanang) mengatakan pula: Sultan Mansur Pahang itu ada dua orang puteri; seorang bernama Puteri Puspa Dewi, dan seorang lagi bernama Puteri Kesuma Dewi. Puteri Puspa Dewi berkahwin dengan Raja Ahmad yang berasal dari Trengganu dan sangat dikasihi oleh Sultan Mansur sehingga Raja Ahmad itu dijadikan anak angkat baginda dan dikahwinkan dengan puteri baginda Puspa Dewi. Dalam pada itu, dalam *Sejarah Melayu* oleh Tun Seri Lanang mengatakan pula: ada pun bonda Puteri Puspa Dewi dan Puteri Kesuma Dewi itu, yakni isteri Sultan Mansur Shah Pahang itu, ialah puteri Sultan Mahmud, Marhum Kampar, dengan isteri baginda puteri Kelantan. Dan daripada keterangan yang disebutkan di atas tadi, nyatalah Sultan Alauddin Riayat Shah II berkahwin dengan Puteri Kesuma Dewi itu, ayahandanya Sultan Mansur Sultan Pahang itu sudah lama mangkat (tahun 1519).

Mengikut *Sejarah Melayu* (Tun Seri Lanang) juga mengatakan: Raja Ahmad dengan isterinya Puteri Puspa Dewi itu mempunyai seorang putera bernama Raja Umar. Sultan Alauddin Riayat Shah II dengan isterinya Puteri Kesuma Dewi itu, kemudiannya mempunyai putera dan puteri bernama Raja Muzaffar dan Raja Fatimah.

Tiada berapa lama selepas mendiami negeri Pahang itu, Sultan Alauddin Riayat Shah serta Bendahara dan lain-lain orang-orang besar baginda "kembali ke Hujung Tanah" (Johor) berbuat negeri dan bersemayam di tempat yang bernama *Pekan Tua* dan membuat kota di ulu *Sungai Telor*.

Sepanjang penyiasatan ahli sejarah: *Pekan Tua* tempat Sultan Alauddin mula-mula bersemayam di negeri Johor (Hujung Tanah) sebagai tempat pusat pemerintahan baginda di negeri itu, kedudukannya di tepi Sungai Johor tiada berapa jauh di hilir daripada kuala Sungai Sayong, iaitu kira-kira di tempat yang bernama Kangka Lubok Pekan sekarang ini; dan kubu (kota) yang dibuat baginda itu pun di tepi Sungai Johor juga, ke hilir daripada Pekan Tua, kira-kira sebatu setengah di hulu daripada kuala Sungai Telor

cawangan Sungai Johor. Ada pun kubu (yang disebut *kota*) itu, ialah "kubu pertahanan di sebelah hadapan" Pekan Tua itu bagi menjaga serangan musuh ke pusat kerajaan, yang biasa disebut namanya dalam *Sejarah Melayu*: "Kota Kara".

Tiada lama setelah Sultan Alauddin berkerajaan di negeri Johor (Hujung Tanah) itu, sampai berita kepada baginda mengatakan: Tun Mahmud Seri Agar Raja (anak Bendahara Paduka Tuan Tun Isap Berakah) yang memerintah di Selangor itu telah pergi ke negeri Perak jadi Bendahara kepada Sultan Muzaffar Shah (Sultan Perak yang pertama) saudara seayah kepada baginda, dan Sultan Alauddin Johor tiada suka Tun Mahmud jadi Bendahara di negeri Perak itu. Seorang orang besar kerajaan Johor bergelar Tun Pikrama telah dititahkan pergi ke negeri Perak memanggil Tun Mahmud datang ke negeri Johor. Tetapi kedatangan Tun Pikrama ke negeri Perak itu telah diperelok-olokkan oleh Tun Mahmud Bendahara Perak yang pertama itu. Tun Pikrama balik semula ke negeri Johor dan tiadalah berjaya ia membawa Tun Mahmud datang ke Johor. Tetapi apabila Bendahara Paduka Tuan, Bendahara Johor (ayah Tun Mahmud) sendiri pergi ke negeri Perak, baharulah Tun Mahmud datang ke negeri Johor menyempurnakan panggilan Sultan Johor itu. Tiada lama lepas itu, ketua pemerintah di negeri Kampar (di Sumatera) yang bergelar Adipati Kampar datang pula ke negeri Johor dengan membawa persembahan menyatakan kesetiiaannya kepada Sultan Alauddin Riayat Shah.

1533. Dalam tahun 1533, pada masa Garcia de Sa menjadi ketua pemerintah Portugis di Melaka, ada seorang orang besar Melayu bergelar Sang Naya telah beristeri dan diam di bandar Melaka. Pada masa itu orang-orang Melayu di Melaka masih ramai. Sang Naya itu telah mengadakan suatu pakatan sulit dengan orang-orang Melayu di Melaka dan telah mengumpulkan senjata hendak memberontak dan hendak membunuh orang-orang Portugis di Melaka. Rancangan yang hendak dilancarkan itu, ialah Sang Naya yang mengetuai orang-orang Melayu di Melaka itu hendak membunuh orang-orang Portugis tatkala orang-orang Portugis itu hendak masuk sembahyang ke gereja mereka; pada masa itulah orang-orang Melayu akan mengamuk, kerana ketika itu orang-orang Portugis tiada bersenjata. Tetapi sebelum rancangan itu dapat dijalankan oleh Sang Naya, Garcia de Sa telah dapat tahu rahsia

rancangan itu, dan Sang Naya pun ditangkap oleh orang-orang Portugis lalu dibunuh, iaitu Sang Naya telah dibawa naik ke atas menara tinggi dalam Kota Melaka dan dari puncak menara itu Sang Naya telah ditolakkan jatuh ke tanah langsung mati.

Tiada lama lepas itu, suatu angkatan perang orang-orang Johor sebanyak 27 buah perahu perang telah singgah di pelabuhan Melaka dalam pelayarannya hendak balik ke Johor dari negeri Perak, iaitu setelah menolong Sultan Muzaffar Shah dalam suatu peperangan di negeri Perak. Ketua angkatan orang-orang Johor itu telah berjumpa dan mengucapkan selamat kepada Estevao da Gama (anak Vasco da Gama) yang baharu datang memegang jawatan jadi ketua di Kota Melaka, dan ketua orang-orang Johor itu telah mengajak ketua orang Portugis itu membuat hubungan persahabatan dengan raja mereka Sultan Alauddin di Pekan Tua. Adakah perbuatan orang Johor itu betul atau hanya berpura-pura sahaja, tiadalah diketahui. Tetapi orang-orang Portugis mengatakan perbuatan itu hanya pura-pura.

Lepas itu, Estevao da Gama telah menghantarkan seorang pegawainya jadi utusan pergi ke Pekan Tua memberitahu kepada Sultan Alauddin berkenaan Sang Naya yang mati di Melaka dan sebabnya ia telah dibunuh itu. Apabila utusan Portugis itu sampai ke Pekan Tua, Sultan Alauddin telah menyuruh tangkap utusan Portugis itu, dan dinaikkan ke atas sebuah pokok kayu tinggi lalu ditolakkan ke bawah dan utusan Portugis itu pun mati, iaitu meniru perbuatan orang-orang Portugis membunuh Sang Naya di Melaka itu. Sangatlah marah Estevao da Gama apabila mendengar berita utusannya yang pergi ke negeri Johor itu telah dibunuh oleh orang-orang Johor.

1535. Dalam bulan Jun tahun 1535, suatu angkatan perang Portugis dari Melaka terdiri dari dua buah kapal besar dan beberapa buah perahu kecil dengan 400 orang askar diketuai oleh Estevao da Gama telah datang menyerang negeri Johor. Angkatan itu telah memudiki Sungai Johor dan telah memerangi tempat-tempat di tepi Sungai Johor; serangan itu telah ditentang oleh orang-orang Melayu. Dengan menggunakan perahu kecil, askar-askar itu telah sampai ke Kota Kara (di ulu kuala Sungai Telor). Kubu di tempat itu telah ditembak dan dibedil oleh askar-askar Portugis yang datang menyerang itu dan berlakulah pertempuran hebat dengan

askar-askar Johor yang bertahan di tempat itu. Oleh sebab tiada tertahan akan bedilan dan tembakan orang-orang Portugis itu, orang-orang Melayu pun meninggalkan Kota Kara, dan dengan nasihat Bendahara Paduka Tuan, sebelum orang-orang Portugis itu sampai ke Pekan Tua, Sultan Alauddin serta orang-orang besar dan pengikut baginda, telah berangkat dengan perahu meninggalkan Pekan Tua, mudik ke hulu lagi lalu sampai dan membuat tempat kediaman di tempat yang bernama Sayong. Askar-askar baginda yang undur dari Kota Kara dan Pekan Tua itu, apabila sampai ke tempat yang bernama Batu Belah, mereka telah menumbangkan beberapa batang pokok kayu melintang di sungai di tempat itu yang tiada berapa lebar untuk menghalang supaya jangan dapat perahu-perahu Portugis mudik di situ. Itulah sebabnya tempat itu disebut orang namanya *Rebat*. Dalam pada itu, orang-orang Portugis tadi, setelah mengalahkan Kota Kara, tidaklah mereka mudik lagi mengikut Sultan Johor hingga ke Sayong; kerana mereka telah dapat tahu Sungai Johor yang ke hulu lagi daripada Kota Kara itu, makin ke hulu semakin bertambah sempit. Oleh sebab itu Estevao da Gama telah memerintahkan orang-orangnya balik semula ke Melaka. Sejak itu, pusat pemerintahan Sultan Alauddin telah berpindah ke Sayong pula. Sepanjang penyiasatan ahli sejarah: tempat itu letaknya tiada berapa jauh dari kuala Sungai Sayong, cawangan Sungai Johor, iaitu di tempat yang sekarang disebut namanya Sayong Pinang—lebih kurang 26 batu ke hulu daripada bandar Kota Tinggi sekarang.

Tiada berapa lama Sultan Alauddin bersemayam di Sayong, Seri Nara Diraja (Tun Hamzah) telah meninggal dunia di Sayong; dikuburkan di Sayong dan Allahyarham itulah yang disebut *Dato' Nisan Besar*. Adiknya Tun Muhammad Tun Narawangsa dilantik menjadi Seri Nara Diraja (Penghulu Bendahari). Pada masa baginda bersemayam di Sayong itu juga, Sultan Muzaffar Shah, Sultan Pahang (Sultan Pahang yang ke-VI) berangkat mengadap baginda di Sayong, kerana ada suatu perselisihan di antara Sultan Muzaffar Pahang itu dengan orang besar Johor yang bergelar Sang Setia; akhirnya mereka telah didamaikan oleh Sultan Alauddin.

Lepas Estevao da Gama menyerang Johor itu (tahun 1535), orang-orang Melayu semakin mengganas terhadap orang-orang Portugis dengan melakukan rompakan di laut yang dilalui oleh kapal-kapal Portugis dan kapal-kapal lain yang hendak membuat

perhubungan berniaga dan berdagang dengan orang-orang Portugis di Melaka. Pada suatu masa, sekumpulan perahu perang orang Melayu Johor telah berkumpul di Muar dengan tujuan hendak menyekat perniagaan yang hendak dijalankan dengan orang-orang Portugis di Melaka. Sebuah pasukan kecil orang-orang Portugis yang diketuai oleh Paulo da Gama (adik Estevao da Gama) yang telah cuba mengganggu dan berlaku kasar kepada orang-orang Johor yang berkumpul di Muar itu, telah diserang oleh orang-orang Johor itu. Paulo da Gama serta lebih kurang 30 orangnya telah mati dibunuh oleh orang-orang Johor itu.

1536. Oleh sebab itu, pada tahun 1536, sekali lagi Estevao da Gama telah membawa sebuah angkatan perang mengandungi beberapa buah kapal perang dan beratus-ratus orang askar Portugis dan juga orang-orang Melayu yang diupah mereka, telah datang memudiki Sungai Johor langsung menyerang kampung-kampung orang Melayu di tepi Sungai Johor itu. Pertempuran hebat telah berlaku juga di Kota Kara. Oleh sebab ramai askar-askar Johor yang telah terkorban dalam pertempuran itu, dan mengikut nasihat orang-orang besar Johor yang mengatakan angkatan Portugis yang datang itu didapati lebih besar dan lebih kuat serta lebih lengkap lagi senjatanya daripada angkatan Portugis yang dahulu, Sultan Alauddin pun menghantar seorang utusan baginda pergi berjumpa panglima perang Portugis yang datang menyerang itu untuk berdamai, dan perdamaian itu telah disetujui oleh panglima perang Portugis itu. Keputusan peperangan itu: berdamailah Sultan Alauddin dengan orang-orang Portugis, dan askar-askar Portugis itu pun balikkah semula ke Melaka.

Lepas Estevao da Gama menyerang Johor kali yang kedua itu, didapati Sultan Alauddin telah berangkat pergi bersemayam ke Muar pula dan bersahabat baiklah baginda dengan orang-orang Portugis, dan redalah serangan orang Melayu terhadap kapal-kapal perniagaan Portugis itu. Tetapi persahabatan ini hanya berjalan beberapa tahun sahaja.

1539-1540. Dalam bulan Januari tahun 1539, angkatan perang Aceh telah datang menyerang negeri Aru di pantai Sumatera Timur, kerana raja negeri itu (raja perempuan) tiada mahu tunduk kepada Aceh tetapi mahu masuk ke bawah pengaruh Johor.

Oleh sebab Kerajaan Aru masih juga tiada mengindahkan kuasa kerajaan Aceh, dalam bulan November tahun 1539 itu juga, Sultan Alauddin Riayat Shah Al-Qahhar, Sultan Aceh masa itu, telah menghantarkan sebuah angkatan perang Aceh yang besar pergi lagi menyerang negeri Aru. Angkatan Aceh itu terdiri daripada 160 buah kapal yang didayungkan oleh beberapa ramai pendayung, dan angkatan itu membawa seramai 12,000 orang, di antaranya 600 orang yang berasal dari Melaka, Gujerati, dan juga orang Turki dan Habshi. Dalam peperangan di Aru itu, oleh sebab seorang daripada orang besar Aru telah belot, Aru pun dikalahkan oleh Aceh. Ratu Aru (raja perempuan) telah keluar dari negerinya itu pergi meminta bantuan daripada orang-orang Portugis di Melaka hendak melawan Aceh.

Setelah lima bulan lamanya Ratu Aru itu menunggu di Melaka dan tidak juga nampaknya orang-orang Portugis mahu membantunya, kira-kira dalam bulan Mac atau April tahun 1540, Ratu Aru itu pun pergi ke Bentan menemui Sultan Alauddin (II), Sultan Johor yang pada masa itu berada di Bentan, dan Ratu Aru telah meminta Sultan Alauddin membantunya melawan Aceh. Sultan Alauddin dan Ratu Aru itu berangkat ke negeri Kampar dan di sana mereka telah berkahwin, dan Sultan Alauddin pun mengaku akan membantu Aru.

Sultan Alauddin telah mengumpulkan angkatan perang yang didatangkan dari Bentan, Johor, Siak, Inderagiri dan juga bantuan dari negeri Perak dan Pahang hendak melawan Aceh. Sultan Alauddin telah mengutus surat kepada Sultan Aceh dan dalam surat itu Sultan Johor membahasakan diri baginda "Raja Hujung Tanah dan Bentan yang mempunyai jajahan takluk Inderagiri dan Kampar". Dalam suatu peperangan laut di antara angkatan perang Johor yang dibantu oleh Kampar, Siak, Inderagiri dan lain-lain yang disebutkan tadi dengan angkatan perang Aceh yang telah berlaku dalam tahun 1540, Aceh kalah; beribu-ribu orang askar dan beratus-ratus buah perahu perang Aceh telah binasa. Kerajaan Aru dapat diambil balik dan diserahkan semula kepada rajanya, dan Aru pun takluk di bawah perintah Johor. Sejak itu hingga lebih kurang dua puluh empat tahun lamanya Kerajaan Aru itu di bawah takluk kerajaan Johor.

Kira-kira pada awal tahun 1540 itu juga, Sultan Alauddin telah membuat tempat pusat pemerintahan baginda di *Johor Lama* di

tepi Sungai Johor; dan arah ke hilir sedikit dari situ, di tempat yang bernama Tanjong Batu, baginda telah mendirikan sebuah kota batu yang besar lagi kukuh dan disebut namanya *Kota Batu*. Sejak itulah mulanya Johor Lama menjadi pusat kerajaan bagi negeri Johor yang mempunyai jajahan takluk di Semenanjung Tanah Melayu, di gugusan pulau-pulau di selatan Singapura dan juga negeri-negeri di Sumatera Timur sampai ke Aru. Tegasnya, daripada bukti-bukti yang telah didapati, mulai tahun 1545, Sultan Alauddin telah kekal berkerajaan di Johor Lama dengan mempunyai kota batunya yang kukuh di Tanjong Batu itu (*Kota Batu*).

1547. Pada tahun 1547, Sultan Alauddin telah berangkat ke Inderagiri, iaitu sebuah daripada daerah takluk kerajaan Johor masa itu. Apabila baginda mendengar khabar angkatan Portugis di Melaka hendak pergi melanggar negeri Aceh, Sultan Alauddin pun membawa angkatan perangnya yang besar pergi berkumpul di Kuala Muar. Tiada lama kemudian, datang pula perahu-perahu perang bantuan dari negeri Perak dan Pahang, sehingga masa itu ada sebanyak 300 buah perahu perang dan orang berjumlah 8,000 orang telah berkumpul di Kuala Muar. Adakah tujuan Sultan Alauddin hendak menyerang Melaka, tidaklah didapati keterangannya yang sah. Tetapi baginda telah memberitahu kepada pihak Portugis di Melaka mengatakan baginda hendak menolong Portugis melawan Aceh. Orang-orang Portugis pula berpendapat: pengakuan baginda itu hanya pura-pura sahaja; mereka syak baginda itu hendak menyerang Melaka. Dalam pada itu, apabila Sultan Alauddin dapat tahu ada angkatan perang Portugis yang besar akan tiba ke Melaka, angkatan perang dan bantuannya itu pun keluar meninggalkan Muar.

1551. Dalam bulan Jun tahun 1551, Sultan Alauddin dengan pembantu-pembantu baginda dari negeri Perak, Pahang dan dari Japara (di Tanah Jawa) telah mengumpulkan angkatan perang sebanyak 200 buah perahu perang serta 5,000 orang lalu menyerang orang-orang Portugis di Melaka. Angkatan Johor itu telah membakar beberapa buah perahu di pelabuhan Melaka; menyerang kampung di sekitar bandar Melaka dan merampas barang bekalan yang ada di situ, dan akhirnya angkatan Johor dan pembantunya itu telah mengepung Kota Melaka yang besar dan kukuh itu. Dalam

serangan besar-besaran hendak merampas Kota Melaka itu, lebih kurang 800 orang Johor telah terkorban, dihujani dengan batang kayu, letupan dan tembakan orang-orang Portugis dari atas tembok Kota Melaka itu. Askar-askar Melayu yang datang itu telah sentiasa mengepung di sekeliling Kota Melaka untuk melumpuhkan orang-orang Portugis yang ada di dalamnya kerana tiada dapat menerima barang-barang makanan dari luar kota. Tiga bulan lamanya angkatan Johor mengepung Kota Melaka. Akhirnya, apabila pihak Johor dapat khabar mengatakan angkatan perang Portugis yang besar telah pergi hendak menyerang negeri Johor, Perak dan Pahang, berhentilah pihak Johor dan pembantunya itu mengepung Kota Melaka lalu balik ke tempat masing-masing hendak menjaga keselamatan negeri sendiri pula. Hanya orang-orang Jawa tetap tinggal mengepung Kota Melaka. Tetapi kesudahannya mereka pun terpaksa meninggalkan Melaka kerana ditewaskan oleh orang-orang Portugis.

Putera Sultan Alauddin Riayat Shah yang bernama Raja Muzaffar itu, telah dikahwinkan baginda dengan Tun Mas Jiwa anak Temenggung. Puteri baginda yang bernama Raja Fatimah dikahwinkan baginda dengan Sultan Mansur Shah II (Sultan Pahang VIII — memerintah dari tahun 1555-1560). Raja Umar putera Raja Ahmad dengan Puteri Puspa Dewi itu, telah dikahwinkan dengan anak Seri Nara Diraja Pahang, mendapat seorang putera bernama Raja Mansur.

1560. Pada tahun 1560, Sultan Mansur Shah II, Sultan Pahang telah mangkat. Lebih kurang pada tahun itu juga, Raja Fatimah puteri Sultan Alauddin, balu almarhum Sultan Mansur Pahang itu, dikahwinkan pula dengan Raja Umar bin Raja Ahmad yang datang dari negeri Pahang.

1564. Pada tahun 1564, Sultan Alauddin Riayat Shah Al-Qahhar, Sultan Aceh (1537-1568), telah menghantarkan angkatan perang Aceh yang besar menyerang dan mengalahkan negeri Aru, dan menghalaukan sekalian orang-orang besar Johor yang ada di Aru. Setelah itu datang pula angkatan perang Aceh itu menyerang dan mengalahkan negeri Johor (Johor Lama). Sultan Alauddin, Sultan Johor, serta sekalian anak isteri baginda ditawan lalu dibawa ke Aceh.

Mengikut *Bustanu's-Salatin* dan juga buku-buku sejarah Aceh, mengatakan: Sultan Alauddin Riayat Shah II, Sultan Joho itu, telah ditawan dan dibawa ke negeri Aceh, dan baginda telah mangkat dibunuh di negeri Aceh. Ada pula sejarah mengatakan bagindalah yang disebut *Marhum Shahid Mangkat di Aceh*.

Bustanu's-Salatin juga menyebutkan: Sultan Alauddin Al Qahhar, Sultan Aceh itu, telah mengahwinkan seorang puter baginda dengan Radin Bahar anak gundik Sultan Alauddin Joho yang sama-sama dibawa ke Aceh; dan Sultan Aceh telah menghantarkan Radin Bahar itu balik ke Johor jadi Raja Joho menggantikan ayahandanya almarhum Sultan Alauddin itu. Tetapi dalam *Sejarah Melayu* tidak ada menyebutkan nama Radin Bahar itu.



Sungai Johor dan ibu negeri Johor: 1587-1720

Kisah Sultan Alauddin Riayat Shah (II), Sultan Johor, yang tersebut dalam *Sejarah Melayu* itu, nyatalah tidak lengkap hingga ke akhir hayat baginda. *Sejarah Melayu* mengatakan baginda mangkat di Johor Lama dan disebut *Marhum Johor Lama*. Nampaknya gelaran itu hanyalah mengambil sempena berakhirnya pemerintahan baginda di Johor Lama; yang sebenarnya baginda bukan mangkat di Johor Lama.

Dipercayai: Radin Bahar yang disebutkan oleh *Bustanu's-Salatin* itu ialah juga Raja Muzaffar; kerana, kecuali *Bustanu's-Salatin*, semua sumber sejarah bersetuju mengatakan bahawa Raja Muzaffarlah yang jadi Sultan Johor menggantikan ayahandanya almarhum Sultan Alauddin Riayat Shah (II) itu. Boleh jadi juga ibunya yang dikatakan "gundik" Sultan Alauddin itu, ialah keluarga Sultan Mahmud Pahang yang diperisterikan oleh Sultan Alauddin pada masa baginda mula-mula sampai ke negeri Pahang (tahun 1529) seperti yang tersebut dalam *Sejarah Melayu* (Naskhah Raffles No. 18) itu. Jika benar yang demikian itu, berlainan ibulah Raja Muzaffar (Radin Bahar) dengan adiknya Raja Fatimah.

Sultan Muzaffar Shah (1564-1570):

1564. RAJA Muzaffar Shah putera almarhum Sultan Alauddin Riayat Shah II telah dilantik menjadi Sultan Johor menggantikan almarhum ayahanda baginda, dan bergelar Sultan Muzaffar Shah; bagindalah Sultan Johor yang ke-III; bersemayam di Johor Lama, di tepi Sungai Johor; baginda mula menaiki takhta Kerajaan Johor pada tahun 1564. Mengikut *Bustanu's-Salatin*: baginda itu takluk di bawah kuasa Kesultanan Aceh, kerana baginda dilantik menjadi Sultan Johor itu ialah dengan persetujuan Sultan Aceh yang telah menakluk negeri Johor. Tetapi Sultan Muzaffar Shah itu tidak suka dijajah di bawah takluk Aceh, bahkan Aceh dianggap baginda sebagai musuh yang telah merosakkan negeri baginda.

Mengikut *Sejarah Melayu* (Tun Seri Lanang): tiada berapa lama bersemayam di Johor Lama, Sultan Muzaffar serta orang-orang besar baginda pindah ke hulu lagi, ke tempat yang bernama Seluyut; baginda bersemayam di Bukit Seluyut, berhampiran dengan kuala Sungai Seluyut, cawangan Sungai Johor. Sejak itu tempat-tempat di sekitar Seluyut bertambah ramai didiami orang, dan Seluyut menjadi pusat pemerintahan kerajaan Johor.

Pada masa baginda bersemayam di Seluyut itulah, Raja Fatimah adinda Sultan Muzaffar Shah yang bersuamikan Raja Umar dari Pahang itu, hamil. Setelah Raja Fatimah hamil, Raja Umar pun menceraikan isterinya anak Seri Nara Diraja Pahang yang telah berputerakan Raja Mansur itu.

Sultan Muzaffar Shah telah jatuh cinta dengan anak Seri Nara Diraja janda Raja Umar itu. Sultan Muzaffar Shah telah berkahwin dengan anak Seri Nara Diraja Pahang itu; tetapi perkahwinan itu dirahsiakan oleh baginda, kerana baginda merasa malu mengambil janda iparnya itu.

Tiada berapa lama lepas itu, Raja Fatimah isteri Raja Umar itu pun berputerakan seorang laki-laki, dan Sultan Muzaffar Shah, menamakan anak saudaranya itu Raja Abdul Jalil. Sangatlah baginda kasih akan anak saudaranya itu, sehingga diambil baginda sebagai anak baginda sendiri, bahkan ada ahli-ahli sejarah yang menyangkakan Raja Abdul Jalil itu putera Sultan Muzaffar. Dalam pada itu, anak Seri Nara Diraja Pahang yang diperisterikan oleh Sultan Muzaffar Shah itu, berputerakan pula seorang laki-laki, dan anak itu dinamakan Raja Abdullah. Pendeknya, anak raja-raja Johor yang ada masa ini, yang akan mengambil bahagian dalam sejarah Johor ialah: Raja Mansur putera Raja Umar dengan isterinya yang pertama, anak Seri Nara Diraja Pahang; Raja Abdul Jalil putera Raja Fatimah adik Sultan Muzaffar dengan suaminya Raja Umar, dan Raja Abdullah putera Sultan Muzaffar dengan isterinya anak Seri Nara Diraja Pahang, janda Raja Umar.


1565. Pada masa Sultan Muzaffar Shah berkerajaan di Seluyut, lebih kurang pada tahun 1565, Tun Genggang isteri Tun Ahmad Paduka Raja ibni Bendahara Seri Maharaja Tun Isap Misai, berputerakan seorang laki-laki bernama Tun Muhammad, yang kemudiannya menjadi Bendahara Johor dan terkenal dengan gelaran Tun Seri Lanang (Pengarang *Sejarah Melayu*—tahun 1612).

1568. Mengikut sejarahnya, pada tahun 1568, angkatan perang Aceh telah datang menyerang orang-orang Portugis di Melaka. Ketua orang Portugis di Melaka telah mengutus kepada Sultan Muzaffar Shah di Seluyut supaya menghantarkan angkatan perang Johor membantunya melawan Aceh itu. Sultan Muzaffar Shah dengan angkatannya dari Johor telah datang ke Melaka. Tetapi pada masa baginda sampai di Melaka, angkatan perang Aceh baharu sehari yang lepas telah meninggalkan Melaka. Jadi, tiadalah sempat angkatan Sultan Johor yang datang itu membantu Portugis melawan Aceh. Dalam pada itu, kedatangan baginda ke Melaka itu telah diraikan oleh orang-orang Portugis. Baginda telah berangkat ke darat; disambut oleh orang-orang Portugis dengan penuh kehormatan tentera, tembakan meriam dari Kota Melaka, dan bandar Melaka telah dihiasi dengan daun-daun, dan baginda telah dipersilakan juga melawat serta melihat-lihat kota Portugis di bandar Melaka itu. Mengikut keterangan seorang ahli sejarah Por-

tugis, mengatakan: Sultan Johor yang datang melawat ke Melaka itu (Sultan Muzaffar), ialah cucu kepada Sultan yang akhir di Melaka. Baginda itu berbadan kurus, tinggi orangnya, matanya besar, sifat dan gaya baginda bercakap betul-betul kelihatan sebagai seorang raja pemerintah, dan umurnya lebih kurang empat puluh tahun—demikianlah kata orang Portugis itu.

1570. Dua tahun lepas itu, lebih kurang pada tahun 1570, oleh sebab marahkan perbuatan Johor membantu Portugis itu, orang-orang Aceh yang dalam pelayaran mereka hendak menyerang Portugis di Melaka, telah datang menyerang dan membakar rumah-rumah orang Johor di tepi Sungai Johor. Tetapi tiadalah didapati kisah yang lanjut mengenai serangan orang-orang Aceh itu.

Lebih kurang pada tahun 1570 itu juga, Sultan Muzaffar Shah telah mangkat dan telah dimakamkan di Seluyut. Bagindalah yang disebut *Marhum Mangkat di Seluyut* atau *Marhum Seluyut*.



Sungai Johor: Dari Johor Lama ke Kuala Seluyut

Sultan Abdul Jalil Shah I. (1570/71):

SETELAH mangkat Sultan Muzaffar Shah (Marhum Seluyut) mengikut wasiat almarhum itu, Bendahara Seri Maharaja Johor (Tun Isap Misai) serta lain-lain orang-orang besar Johor telah melantik Raja Abdul Jalil putera Raja Fatimah dengan Raja Umar menjadi Sultan Johor (Sultan Johor yang ke-IV) dan bergelar Sultan Abdul Jalil Shah (I). Oleh sebab Sultan ini masih budak, baharu berumur kira-kira lapan tahun, pemerintahan negeri dipangku oleh Bendahara Seri Maharaja—kejadian ini berlaku lebih kurang dalam tahun 1570/71.

Raja Fatimah bonda Sultan Abdul Jalil itu tidak suka pemerintahan negeri Johor itu dipangku oleh Bendahara, kerana pada pendapatnya seolah-olah kerajaan Johor itu telah terserah ke tangan Bendahara; ia lebih suka pemangku pemerintah kerajaan Johor itu diserahkan kepada suaminya Raja Umar ayahanda Sultan Abdul Jalil.

Belum pun sampai setahun Sultan Abdul Jalil itu jadi Sultan, tiba-tiba baginda telah jatuh gering dan didapati sangat berat geringnya. Tiada berapa lama gering itu, dengan tiada disangka-sangka Sultan Abdul Jalil pun mangkat; usia baginda baharu lebih kurang sembilan tahun. Ada juga ahli sejarah berpendapat bahawa kemangkatan baginda dengan tiba-tiba itu boleh jadi kena racun. Sultan Abdul Jalil I itu mangkat, lebih kurang dalam tahun 1570/71.

Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Shah II.
(Raja Umar) (1570/71-1597):

1570-71. Setelah mangkat Sultan Abdul Jalil Shah I., Bendahara Johor hendak melantik Raja Abdullah putera Marhum Seluyut (Sultan Muzaffar Shah) jadi Sultan Johor. Tetapi tidak disetujui oleh Raja Fatimah bonda almarhum Sultan Abdul Jalil I itu. Raja Fatimah telah memarahi Bendahara kerana tiada mahu melantik suaminya Raja Umar, sambil Raja Fatimah mengancam Bendahara itu jika suaminya tidak dilantik menjadi raja, beliau dan suaminya itu akan keluar meninggalkan negeri Johor membawa nasib mereka. Mendengar kata-kata Raja Fatimah itu, lembutlah hati Bendahara itu, tidaklah pula ia berkeras hendak melantik Raja Abdullah juga, kerana terfikir pula oleh Bendahara itu: jika diteruskannya hendak melantik Raja Abdullah, boleh jadi orang ramai menyangkakan ia sendiri hendak jadi Raja Johor, kerana Raja Abdullah itu pun masih kecil lagi.

Bendahara Seri Maharaja telah mengumpulkan orang-orang besar Johor merundingkan bakal pengganti almarhum Sultan Abdul Jalil I itu sambil menerangkan kepada orang-orang besar itu akan kehendak Raja Fatimah. Oleh sebab ramai orang-orang besar Johor yang menyetujui kehendak Raja Fatimah itu, Bendahara pun terpaksa ikut bersetuju melantik Raja Umar suami Raja Fatimah yang berasal dari negeri Pahang itu menjadi Sultan Johor (Sultan Johor yang ke-V) bergelar Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Shah (II), iaitu kira-kira dalam tahun 1570/71.

Tiada berapa lama lepas itu, Bendahara Seri Maharaja (Tun Isap Misai) telah meninggal dunia; dipercayai Bendahara itu juga telah dikebumikan di Seluyut juga. Sultan Ali Jalla Abdul Jalil telah melantik Tun Seri Lanang (Tun Muhammad) anak Tun Ahmad

Paduka Raja, cucu almarhum Bendahara Seri Maharaja Tun Isak Misai itu, menjadi Bendahara kerajaan Johor bergelar Bendahara Paduka Raja.

Setelah Sultan Ali Jalla melantik Tun Seri Lanang jadi Bendahara, baginda pun pindah dari Seluyut ke suatu tempat di hilir sedikit, di tepi Sungai Johor itu juga, iaitu tempat yang bernama Tanah Puteh. Orang-orang besar baginda dibawa baginda pindah bersama ke tempat baharu itu, dan berpindah pulalah pusat pemerintahan kerajaan Johor dari Seluyut ke Tanah Puteh.

Ahli-ahli sejarah sekarang ini berpendapat: tempat yang bernama Tanah Puteh itu ialah di sekitar tempat yang sekarang ini bernama Gonggong di tepi Sungai Johor, kira-kira dua batu ke hilir daripada Kuala Seluyut.

1573. Ada kira-kira dua tahun lamanya Sultan Ali Jalla Abdul Jalil bersemayam di Tanah Puteh, baginda pun merasa tiada bersejua lagi bersemayam di tempat itu, kerana tempat itu kurang sihat untuk didiami; ramai orang baginda yang telah mati di situ dan ramai pula yang sakit. Sepanjang penyiasatan ahli-ahli sejarah kali ini baginda telah pindah bersemayam ke Johor Lama iaitu tempat bersemayam almarhum Sultan Alauddin Riayat Shah II dahulu, iaitu kira-kira dalam lingkungan Kampung Johor Lama sekarang ini. Tempat itu dan kota batu di Tanjong Batu ke hilir sedikit dari Johor Lama yang telah tinggal beberapa lama itu, telah dibaiki dan dibaharui semula oleh Sultan Ali Jalla sehingga menjadi kota yang kukuh, dikenali dengan nama Kota Batu bagi mempertahankan Johor Lama. Sultan Ali Jalla Abdul Jalil itu mula bersemayam di Johor Lama dengan kotanya Kota Batu itu kira-kira dalam tahun 1573—Johor Lama pula menjadi pusat pemerintahan kerajaan Johor.

1574-75. Setelah Sultan Ali Jalla bersemayam di Johor Lama (dan Kota Batu), didapati kerajaan Johor telah bersahabat baik dengan kerajaan Aceh. Walaupun tiada dengan berterang-terang, baginda telah membantu Aceh dalam perjuangan Aceh melawan kekuasaan Portugis di Melaka, sejak itu Sultan Ali Jalla telah memusuhi Portugis. Mengikut riwayat orang-orang Portugis: pada masa askar-askar dari Tanah Jawa datang mengepung Melaka dari bulan Oktober tahun 1574 hingga bulan Januari tahun 1575, kapal-

kapal dari Tanah Jawa yang membawa bekal untuk askar-askar Jawa di Melaka itu, dibenarkan oleh baginda singgah dan berunding di negeri Johor.

1576-78. Pada tahun 1576 suatu angkatan perang orang-orang Portugis telah datang menyerang Johor, dan askar-askar Portugis itu telah bertempur dengan askar-askar Melayu yang berkubu di Kota Batu. Dalam peperangan ini orang-orang Portugis tidak berjaya mengalahkan Johor.

Lebih kurang dua tahun kemudian daripada itu, pada tahun 1578, datang lagi angkatan perang Portugis dari Melaka memudiki Sungai Johor lalu menyerang Kota Batu (Johor Lama). Dalam peperangan ini juga serangan Portugis itu telah dapat dipatahkan oleh orang-orang Johor, dan orang-orang Portugis itu telah balik semula ke Melaka. Tatkala berundur itu, kapal-kapal Portugis itu telah mengejar beberapa buah perahu Aceh yang berada di Sungai Johor.

Oleh sebab permusuhan di antara Johor dengan Portugis telah bertambah tegang, persahabatan Johor dengan Aceh pula semakin bertambah baik, seolah-olah Johor dan Aceh telah bersatu menentang Portugis di Melaka. Pada masa itu kapal-kapal Aceh bebas belayar di laut di sekitar Johor dan di selatan Singapura dengan tiada mendapat apa-apa gangguan dari pihak Johor, bahkan kapal-kapal Portugis dan kapal-kapal lain yang hendak membuat perhubungan berniaga dengan Melaka, selalu sahaja diserang dan dirampas oleh perahu perang Aceh dan Johor. Pada masa itu kapal perang Aceh selalu sahaja kelihatan belayar di selat ke selatan Singapura, berjaga-jaga di situ supaya jangan dapat dilalui oleh kapal-kapal yang hendak pergi berniaga ke Melaka, dan kapal Aceh itu boleh pula masuk berlabuh atau berunding di Sungai Johor.

1579. Pada tahun 1579, Sultan Aceh yang bergelar Sultan Alaud-din Mansur Shah (yang berasal dari negeri Perak, dan memerintah di Aceh dari tahun 1577-1585) telah mengahwinkan puteri baginda dengan Sultan Ali Jalla Abdul Jalil II, Sultan Johor. Daripada perkahwinan baginda dengan puteri Aceh itulah baginda dikurniakan seorang putera bernama Raja Hashim; tetapi putera baginda itu tetap juga tinggal di negeri Aceh.

1582. Sultan Alauddin Mansur Shah, Sultan Aceh itu ialah seorang daripada Sultan Aceh yang berusaha juga meluaskan jajahan takluk kerajaan Aceh dan mengembangkan agama Islam. Oleh sebab Sultan Johor itu telah jadi menantunya, Sultan Aceh itu telah berusaha pula hendak memasukkan kerajaan Johor ke bawah kuasa Aceh. Tetapi Sultan Ali Jalla tidak pula mahu tunduk di bawah kuasa kerajaan Aceh. Oleh sebab itu mulalah retak hubungan di antara Aceh dengan Johor, dan keretakan itu makin lama semakin buruk sehingga Aceh dan Johor bermusuhan pula; terutama apabila Johor berbaik pula dengan Portugis di Melaka. Dalam tahun 1582 telah berlaku suatu peperangan di antara Aceh dengan Johor. Angkatan perang Aceh telah datang menyerang Johor Lama. Dalam peperangan itu Sultan Johor telah meminta bantuan daripada orang-orang Portugis di Melaka. Portugis telah menghantarkan sebuah pasukan lautnya pergi ke Sungai Johor, dan kapal Portugis itu telah berjaya menghalau kapal Aceh keluar dari Sungai Johor—Portugis telah dapat menyelamatkan Johor daripada serangan Aceh.

Sultan Ali Jalla Abdul Jalil telah berangkat pergi ke Melaka kerana hendak mengucapkan terima kasih baginda kepada pihak berkuasa Portugis di Melaka. Kedatangan baginda ke Melaka itu telah disambut oleh ketua dan pegawai-pegawai Portugis di Melaka dengan gembira. Rogue de Mello, ketua Portugis di Melaka masa itu telah mengadakan suatu pesta yang meriah dalam Kota Melaka kerana meraikan kedatangan baginda, dan baginda telah dibawa pula melihat-lihat Kota Melaka yang kukuh itu.

Tiada lama lepas itu, Sultan Johor telah menghantarkan utusan baginda pergi ke Goa (di India) dan utusan Johor itu telah bertolak dari Melaka bersama-sama dengan Joao da Gama, bekas ketua Portugis di Melaka yang sudah tamat tempoh perkhidmatannya di Melaka dan digantikan oleh Rogue de Mello itu. Utusan Johor bertolak pergi ke Goa itu kira-kira di antara bulan November tahun 1582 dengan bulan Januari tahun 1583. Sampai di Goa, utusan Johor itu bagi pihak kerajaan Johor telah membuat perjanjian dengan pihak pemerintah Portugis di Goa. Di antara syarat-syarat utama yang tersebut dalam perjanjian itu ialah: Sultan Johor hendaklah jangan bersahabat dengan Sultan Aceh, dan Sultan Johor hendaklah jangan membenarkan orang-orang Cina datang ke pelabuhan negeri Johor.

1583. Dalam bulan Januari tahun 1583 seorang pegawai Portugis bernama Simao Ferreira sedang belayar dari negeri China hendak balik ke Melaka; kapalnya itu penuh bermuat barang dagangan. Disebabkan oleh kecuaiannya orang dalam kapal itu, kapal itu telah pecah di laut dekat kuala Sungai Johor. Dengan menggunakan sebuah perahu, dengan segera Simao Ferreira pergi berjumpa Sultan Johor di Johor Lama meminta bantuan menyewakan perahu-perahu yang akan digunakan untuk membawa barang-barang daripada kapalnya yang pecah itu, dan pegawai Portugis itu berjanji akan membayar sewa perahu-perahu itu dan membayar cukai yang dikenakan oleh kerajaan Johor kerana membawa barang-barang itu masuk ke negeri Johor. Sultan Ali Jalla telah menenangkan hati pegawai Portugis itu, dan dalam masa tiada berapa lama, baginda telah memberi pertolongan kepada pegawai Portugis itu; meriam, barang-barang dagangan dan tali-temali yang dipungah dari kapal Portugis itu telah dibawa ke Johor Lama, dan dengan perintah Sultan Johor barang-barang itu telah disimpan di dalam bangsal di situ.

Apabila berita kemalangan kapal Portugis dekat kuala Sungai Johor itu disampaikan kepada ketua Portugis (Rogue de Mello) di Melaka, ia telah menghantarkan seorang pegawainya bernama Joao Rebello pergi ke Johor dan meminta Sultan Johor menyerahkan balik orang-orang Portugis yang kemalangan di pantai Johor itu serta semua barang mereka—menurut syarat perjanjian yang telah dibuat di antara Portugis dengan Sultan Johor.

Pegawai Portugis di Johor Lama itu telah memberitahu kepada ketuanya di Melaka akan kesukaran hendak mendapatkan balik barang-barang mereka yang dalam simpanan Sultan Johor itu, dan khabarnya banyak pula di antara barang-barang Portugis itu yang telah dijualkan oleh Sultan Johor secara sulit. Ketua Portugis di Melaka telah memberitahukan hal itu kepada Wizurai Portugis di Goa.

Ketua Portugis di Melaka telah menghantarkan pula seorang pegawainya bangsa India bernama Joao Pereira pergi ke Johor dengan membawa wang sebanyak 20,000 pardos (wang Portugis) yang akan diserahkan kepada Joao Rebello di Johor supaya diberikan kepada Sultan Johor untuk pengganti belanja baginda mengambil barang-barang dan harta-benda Portugis itu, dan juga untuk membayar cukai barang-barang itu, dan barang-barang itu

hendaklah diserahkan balik kepada orang Portugis. Mengikut riwayat Portugis: Joao Pereira itu ialah "seorang yang dicurigai kejujurannya dan banyak tipu-helahnya."

Mengikut keterangan daripada seorang pegawai dan ahli sejarah bangsa Portugis bernama Diogo de Couto (tarikh hidupnya: 1543-1616) mengatakan: apabila sampai di Johor, perintah Rogue de Mello itu tidak diikuti oleh Joao Pereira. Sebelum berjumpa dengan Rebello, dengan secara sulit lebih dahulu Pereira telah pergi berjumpa dengan Sultan Johor (Sultan Ali Jalla) dan Pereira telah menyatakan kepada baginda: ketua-ketua Portugis di Melaka telah menyatakan kepadanya, ada pun barang-barang dan harta benda Portugis itu telah dikirakan hilang begitu sahaja jadi hak baginda, kerana kemalangan kapal Simao Ferreira itu telah berlaku di pantai negeri Johor; dan Pereira menyatakan juga kepada baginda: ia ada membawa wang daripada ketua Portugis di Melaka sebanyak 20,000 pardos untuk menebus kain-kain sutera iaitu sebahagian daripada barang-barang dagangan yang diambil dari kapal Simao Ferreira yang kemalangan itu. Wang itu telah diserahkan oleh Pereira kepada Sultan Johor.

Esoknya baharulah Pereira berjumpa Rebello dan menyerahkan surat-surat daripada Rogue de Mello. Setelah membaca surat-surat itu, Rebello pun meminta wang daripada Pereira yang dibawanya dari Melaka itu. Pereira mengatakan wang itu telah diambil oleh Sultan Johor. Terkejut Rebello mendengarnya, kerana ia percaya keterangan Pereira itu betul; tambahan pula Rebello telah mengalami betapa sukarnya ia hendak mendapatkan balik daripada Sultan Johor itu beberapa pucuk meriam dan beberapa buah barang yang tidak begitu mustahak kepunyaan Portugis yang disimpankan baginda itu.

Rebello telah pergi berjumpa Sultan Ali Jalla dan menunjukkan kepada baginda surat-surat daripada ketuanya di Melaka itu dengan maksud supaya baginda tahu tujuannya mengenai wang dari Melaka sebanyak 20,000 pardos itu. Rebello telah cuba mendesak baginda menyerahkan balik barang-barang dan harta benda orang-orang Portugis itu, dan nampaknya percubaan Rebello itu telah berhasil juga, kerana baginda telah menyuruh Rebello memunggah ke kapalnya barang-barang yang kecil-kecil dan meriam sahaja dahulu, dan barang-barang yang lain itu baginda sendiri akan menguruskannya. Tetapi tiada lama lepas itu, baginda

merasa menyesal pula telah membenarkan Rebello memunggah meriam-meriam itu, lalu baginda memujuk Rebello supaya meriam-meriam itu jangan dipunggah ke kapal Portugis itu. Rebello tidak mahu menurut pujukan baginda itu.

Setelah siap meriam dan barang-barang orang Portugis itu dimuatkan ke dalam sebuah kapal, malamnya kapal itu bertambat di pengkalan itu juga, kerana esok baharu hendak belayar. Pada keesokan paginya didapati kapal itu telah karam dengan muatannya sekali. Kapal itu karam kerana di perut kapal itu telah ditebuk orang lubang untuk supaya air masuk untuk mengaramkan kapal itu. Orang-orang Portugis percaya bahawa perbuatan itu ialah dengan perintah Sultan Johor.

Kejadian itu telah membosankan Rebello, dan tidaklah ia mahu berunding lagi dengan Sultan Johor menguruskan hal barang-barang dan harta benda orang Portugis itu; melainkan, dengan beberapa orang kawannya, Rebello telah pergi berjumpa Sultan Johor dan menyerahkan semua meriam-meriam dan harta benda kepunyaan Portugal yang ditinggalkan di negeri Johor itu kepada Sultan Johor, dengan mengatakan bagindalah yang akan bertanggungjawab menjawab apa-apa pertanyaan daripada Wizurai Portugis di Goa mengenai harta benda Portugis itu. Setelah menerima sepucuk surat daripada Sultan Johor mengenai kerja-kerja yang telah dibuatnya di negeri Johor itu, Joao Rebello dan lain-lain orang Portugis di Johor Lama itu pun balik semula ke Melaka, dan wang 20,000 pardos itu tidak pula dimintanya balik daripada Sultan Johor. Demikian diriwayatkan oleh Diogo de Couto itu.

Apa yang telah berlaku di Johor itu tidak pula dengan sertamerta menimbulkan apa-apa tindak-balas dari pihak Portugis. Dalam pada itu, saudagar-saudagar Portugis di Melaka telah meminta kepada Sultan Johor hendak membeli barang-barang yang didapati dari kapal Portugis itu. Permintaan itu telah dibenarkan oleh Sultan Johor. Dalam pada itu, sebelum utusan Johor yang pergi ke Goa itu bertolak balik ke Johor, pihak berkuasa Portugis di Goa telah mengadakan syarat tambahan dalam perjanjian di antara utusan Johor dengan Portugis itu, dan tentulah syarat-syarat tambahan itu akan menguntungkan pihak Portugis. Pada masa itu orang-orang Portugis di Nusantara ini, lebih khuatir kepada bahaya yang didatangkan kepada mereka oleh kerajaan Aceh daripada

kerajaan Johor, dan nampaknya pegawai-pegawai dan saudagar Portugis di Melaka sentiasa hendak memelihara hubungan baik dengan Johor.

Utusan Johor yang pergi ke Goa itu telah dibawa balik dalam suatu angkatan kapal-kapal perang Portugis yang besar datang ke Nusantara, dengan tujuan bukan sahaja hendak melemahkan hati Sultan Johor kepada kekuatan Portugis, melainkan yang lebihnya ialah hendak menggentarkan hati Sultan Aceh, kerana pada masa itu mereka ada mendengar berita mengatakan kerajaan Aceh telah mengumpulkan suatu angkatan perang yang besar dan belumlah diketahui oleh orang-orang Portugis mengenai matlamatnya.

Setelah angkatan kapal-kapal perang Portugis itu sampai di Melaka, didapati tidak ada apa-apa kekacauan di Melaka; lalu perselisihan dengan Johor itu pun dipulihkan semula. Sultan Al-Jalla Abdul Jalil telah mengembalikan semula meriam-meriam dan sebahagian daripada barang-barang Portugis yang disimpan baginda itu; tetapi bakinya yang lain dikatakan telah dicuri oleh Orang-orang Laut dan tiadalah dapat dikembalikan baginda lagi.

1584. Pada tahun 1584, pemerintah Portugis telah mengeluarkan perintah ke Melaka melarang orang-orang Portugis duduk di negeri Johor; kerana oleh sebab adanya pegawai atau saudagar Portugis di negeri Johor, pejabat orang-orang Portugis di Melaka menanggung kerugian besar. Sejak itu perahu-perahu dari Tanah Jawa yang biasanya datang berniaga ke negeri Johor dan membayar cukai kepada Sultan Johor, tidak lagi datang ke negeri Johor, melainkan terus pergi ke Melaka menjualkan dagangan mereka di pasar perniagaan di Melaka. Pada masa itu kapal-kapal perang Portugis pun sentiasalah berjaga-jaga di laut sebelah selatan Singapura dan dekat Kuala Sungai Johor menjaga kapal-kapal yang hendak berniaga ke negeri Johor dan mengarahkan kapal-kapal itu terus pergi ke Melaka. Jika ada perahu dagangan keluar dari negeri Johor, habislah dagangan dalam perahu itu dirampas oleh orang Portugis.

1585. Pada awal tahun 1585, Wizurai Portugis di Goa yang bernama Duarte de Menezes telah menghantar seorang pegawainya bernama Joao da Silva pergi memegang jawatan ketua pemerintah Portugis di Melaka; dan seorang lagi pegawai Portugis (anak saudara Joao da Silva) bernama Manoel de Almada pergi juga ber-

sama-sama ke Melaka untuk memegang jawatan ketua pemerintah angkatan laut Portugis di seluruh perairan negeri-negeri Melayu.

Apabila Joao da Silva telah memegang jawatannya di Melaka, Sultan Ali Jalla telah menghantarkan utusan baginda pergi ke Melaka mengucapkan selamat datang kepada ketua Portugis yang baharu itu. Utusan Sultan Johor itu telah menyampaikan juga kepada ketua Portugis itu janji-janji muluk yang akan diberi oleh Sultan Johor kepada orang-orang Portugis asal sahaja ketua Portugis itu mahu menghantarkan orangnya tinggal di negeri Johor. Tetapi oleh sebab telah ada perintah daripada kerajaannya melarang orang Portugis tinggal di negeri Johor, da Silva telah menolak permintaan Sultan Johor itu.

Pada masa Manoel de Almada mengetahui sepasukan kapal Portugis yang berjaga-jaga di Selat Melaka, de Almada telah menahan sebuah kapal yang sarat bermuat dengan timah dekat Tanjong Tuan (Cape Rachado) dan didapatinya nakhoda kapal itu ialah seorang Acheh yang telah bertahun-tahun tinggal di negeri Johor dan telah jadi rakyat Sultan Johor. Kapal itu telah dibawa ke Melaka. Orang-orang Portugis telah merampas semua muatan yang ada dalam kapal itu, dan untuk menyembunyikan rahsia itu, semua anak kapal itu termasuk nakhodanya sekali telah dibunuh, dibenamkan ke dalam laut oleh orang-orang Portugis. Walaupun disembunyikan, rahsia itu telah bocor juga dan telah sampai ke pengetahuan Sultan Johor. Baginda telah menghantarkan bantahan kepada ketua Portugis di Melaka berhubung dengan perbuatan orang-orang Portugis yang sangat kejam itu. Joao da Silva telah menghantar seorang pegawainya dari Melaka bergelar *Temenggung* pergi berjumpa Sultan Johor menyampaikan maaf daripada ketua Portugis itu akan kejadian yang telah berlaku itu dan telah membebaskan semua kesalahan itu kepada nakhoda-nakhoda Portugis dalam angkatan yang telah melakukan perbuatan zalim itu. *Temenggung* Portugis itu telah berjaya memulihkan kemurkaan Sultan Johor; istimewa apabila sampai pula dua buah kapal perang besar Portugis ke Melaka dihantar oleh Duarte de Menezes untuk menambah angkatan tentera laut Portugis di pelabuhan Melaka, semakin lembut hati Sultan Johor. Kapal perang itu dihantarkan ke Melaka kerana hendak mengetatkan lagi penjagaan orang-orang Portugis di Selat Singapura dan hendak menyekat kapal atau perahu yang hendak pergi ke negeri Johor. Tetapi di sebalik itu,

tujuan yang terutama sekali orang-orang Portugis menambah kapal perang itu ialah kerana Wizurai Portugis di Goa itu kkuatirkan Aceh bertindak menyerang Melaka. Walau bagaimanapun kedatangan kapal-kapal Portugis itu telah melambatkan Sultan Johor melakukan tindakan permusuhannya terhadap Portugis.

1586. Pada awal tahun 1586 telah nyata sekali bahawa suatu peperangan terbuka akan berlaku di antara Johor dengan Portugis. Joao da Silva ketua Portugis di Melaka itu telah menghantarkan satu pasukan angkatan perang laut pergi mengepung di kuala Sungai Johor; semua kapal dan perahu yang hendak pergi ke negeri Johor telah dipaksa oleh orang-orang Portugis meneruskan pelayaran ke Melaka jangan pergi ke Johor. Tetapi kapal-kapal Portugis itu tidak dapat bertunggu lama-lama di situ. Setelah kapal Portugis meninggalkan tempat itu, Sultan Ali Jalla Abdul Jalil pun menghantarkan angkatan perang baginda ke laut di kuala Sungai Johor lalu memaksa kapal dan perahu yang datang ke situ masuk ke negeri Johor. Oleh sebab murkanya kepada orang-orang Portugis, Sultan Johor itu telah memerintahkan orang-orang baginda menenggelamkan beberapa buah tongkang dan perahu besar bermuat batu di *Selat Singapura*, supaya selat itu jangan dapat dilalui oleh kapal-kapal membawa dagangan yang datang dari negeri China dan Pulau-pulau Maluku hendak pergi ke Melaka. Apabila perbuatan Sultan Johor itu disampaikan kepada Joao da Silva di Melaka, dengan segera pula ia menghantarkan suatu pasukan kapal perang pergi bertunggu tetap di laut bertentang kuala Sungai Johor. Tetapi oleh sebab angkatan laut orang-orang Melayu lebih besar daripada pasukan kapal Portugis yang bertunggu di situ, tiadalah banyak kejayaan yang dapat dicapai oleh Manoel de Almada ketua pemerintah angkatan laut Portugis itu. Dalam pada itu ia telah berjaya pula mendapatkan sebuah selat lain di selatan Singapura yang dapat dilalui sebagai menggantikan Selat Singapura yang telah disekat oleh Sultan Johor itu. Selat yang baharu dijumpai oleh orang-orang Portugis itu dinamakan "Selat Santa Barbara." Sungguhpun demikian, tetapi banyak juga kapal dan perahu dagangan yang melalui selat itu hendak ke Melaka, telah ditawan dan dirampas oleh angkatan laut orang-orang Melayu.

Ahli sejarah zaman ini berpendapat: Selat Singapura yang

telah disekat oleh Sultan Johor dengan menenggelamkan di selat itu beberapa buah tongkang dan perahu besar bermuat batu dalam tahun 1586 itu, ialah pada suatu bahagian perairan di Pelabuhan Keppel (Keppel Harbour) Singapura sekarang ini; dan selat yang dinamakan "Selat Santa Barbara" oleh orang-orang Portugis itu, dipercayai selat yang di antara Pulau Tekukor dengan Pulau Belakang Mati sekarang ini.

Disebabkan oleh tentangan dari pihak Sultan Johor itu, Melaka telah mulai ditimpa bahaya kebuluran kerana kekurangan barang makanan yang dibawa dari negeri-negeri lain, kerana dari dahulu lagi Melaka memang bergantung kepada makanan-makanan yang didatangkan dari luar. Joao da Silva dengan segera mengutus ke Goa meminta pertolongan. Wizurai Portugis di Goa telah menghantarkan dua buah kapal besar pergi ke Melaka; sebuah diketuai oleh panglima perang Portugis yang bernama Antonio de Noronha, dan sebuah lagi diketuai oleh Jerenimo de Azevedo dan diikuti juga oleh beberapa orang pegawai Portugis yang lainnya, dan mereka itu membawa askar seramai 350 orang. Sebelum bertolak, Wizurai Portugis itu telah melantik Azevedo jadi Kapten-Major bagi angkatan perang laut Portugis di perairan negeri-negeri Melayu. Kapal-kapal itu telah bertolak dari Goa kira-kira dalam bulan Mei tahun 1586.

Azevedo telah sampai di Melaka lebih dahulu daripada Noronha; dan dengan segera Azevedo mengambil-alih kuasa pemerintah angkatan laut Portugis daripada tangan Manoel de Almada. Azevedo telah menghantarkan suatu angkatan perang laut mengandungi lapan buah kapal kecil pergi menyerang sebuah kampung dalam takluk Sultan Johor. Sungguhpun serangan Portugis itu telah berjaya membinasakan kampung itu, tetapi lima buah daripada kapal Portugis itu telah ditawan oleh suatu angkatan perang laut Johor, dan baki kapal Portugis itu telah terselamat setelah dibantu oleh sebuah kapal besar Portugis yang datang ke tempat itu.

Kemudian, Azevedo telah membawa suatu angkatan laut lagi pergi bertunggu dan mengepung di kuala Sungai Johor. Tetapi kepungan itu pun tiada memberi apa-apa kesan kepada kerajaan Johor seperti kepungan Manoel de Almada dahulu juga. Bahkan tatkala kapal-kapal Azevedo berjaga-jaga di laut kuala Sungai Johor itu, Sultan Johor sendiri dalam sebuah angkatan baginda

yang mengandungi enam belas buah kapal besar telah belayar keluar ke kuala Sungai Johor lalu ke laut di hadapan orang-orang Portugis yang berjaga-jaga di situ, dan tiada pun diapa-apakan oleh orang-orang Portugis itu. Angkatan perang Sultan Johor itu telah pergi ke Melaka dan telah berlabuh di hujung pelabuhan Melaka selama empat hari. Tetapi nampaknya tidaklah pula baginda melancarkan apa-apa serangan ke Melaka, dan orang-orang Portugis pun tiada pula berbuat apa-apa kepada angkatan perang Sultan Johor itu. Setelah itu baginda pun meninggalkan Melaka.

Setelah Antonio de Noronha sampai di Melaka, dengan segera ia pun pergi membawa kapal-kapalnya bersatu dengan kapal-kapal Azevedo yang berjaga-jaga di laut kuala Sungai Johor itu. Kedua-dua panglima perang Portugis itu telah memudiki Sungai Johor hingga sampai ke suatu tempat di tepi Sungai Johor yang boleh kelihatan bandar Johor Lama (dan Kota Batu di Tanjong Batu). Pada masa di Sungai Johor itu, orang-orang Portugis itu telah menyerang dan membinasakan beberapa buah perahu orang-orang Melayu yang sedang belayar di sungai itu dan telah mendatangkan beberapa kerosakan ke kampung di tepi sungai itu. Setelah itu Noronha pun balik ke Melaka dan Azevedo ditinggalkan berjaga-jaga di laut tentang kuala Sungai Johor hingga ke selat di selat Singapura. Tiada berapa lama lepas itu, Azevedo pun membawa kapal-kapalnya balik ke Melaka kerana mengiringkan beberapa buah kapal yang membawa dagangan datang dari Pulau-pulau Maluku hendak pergi ke Melaka. Dalam pada itu, banyak juga di antara kapal yang membawa dagangan itu telah ditawan oleh kapal-kapal Sultan Ali Jalla Abdul Jalil.

Pada masa angkatan Azevedo berjaga-jaga di Selat Melaka itu, ada sekali ia telah menyerang lalu menawan sebuah tongkang orang China dan telah membunuh hampir semua orang China yang ada dalam tongkang itu. Perbuatan Azevedo itu telah diketahui orang di Melaka dan telah membangkitkan kemarahan orang-orang Cina di Melaka mengutuk Azevedo.

Oleh sebab pertentangan dari pihak kerajaan Johor itu, bahaya kebuluran di Melaka telah bertambah buruk; istimewa pula pada masa itu orang-orang di daerah hulu Melaka yang memang menyebelahi Johor, iaitu orang-orang Melayu Minangkabau dan Naning dan orang-orang Melayu Rembau telah mendatangkan beberapa kesusahan kepada orang-orang Portugis di Melaka.

Pasukan orang-orang Naning selalu sahaja datang menjarah ke Melaka membinasakan kebun buah-buahan dan harta-benda yang dipunyai oleh orang-orang Portugis dan orang-orang Serani yang berkampung halaman di tepi Sungai Melaka di sekitar bandar Melaka. Untuk bertindak membalas perbuatan orang-orang Naning itu, Joao da Silva telah menghantarkan sebuah angkatan perang mengandungi seramai 100 orang askar Portugis dan 600 orang askar upahan yang terdiri daripada orang-orang Melayu juga, diketuai oleh pegawai Portugis yang bernama Diogo de Azambuja, yang pergi menyerang Naning, lalu bertempur dengan orang-orang Naning. Askar-askar Portugis itu telah membakar habis hangus rumah orang di Naning (Taboh Naning) dan akhirnya Naning pun kalah.

Setelah mengalahkan Naning, Azambuja membawa askar-askarnya pergi ke Rembau hendak memerangi Rembau pula. Oleh sebab wakil Sultan Johor yang memerintah di Rembau masa itu dikatakan telah berlepas diri meninggalkan Rembau apabila didengarnya Portugis hendak menyerang Rembau, orang-orang Rembau membuat perdamaian dengan Azambuja, dan setelah berdamai, pihak Portugis itu pun balik semula ke Melaka dengan kemenangannya. Sungguhpun demikian, bukanlah bererti orang-orang Portugis di Melaka tidak lagi akan menerima ancaman dari Johor.

1587. Pada 6 haribulan Januari tahun 1587, Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Shah (II) dengan sebuah angkatan perang yang mengandungi beberapa banyak kapal dan perahu perang telah sampai ke laut negeri Melaka. Setelah lima hari lamanya angkatan Johor itu berlabuh di situ, baharulah Sultan Johor menetapkan hendak menyerang Melaka. Rancangan baginda ialah: sebahagian daripada askar-askar Johor itu akan mendarat di kampung di bahagian utara bandar Melaka; sebahagian yang lain pula, di bawah pimpinan baginda sendiri, akan mendarat di bahagian selatan bandar Melaka. Sebelum memulakan serangan itu baginda telah mendaratkan suatu pasukan kecil pergi bersembunyi ke hutan di sekitar bandar Melaka dan pada ketika yang telah ditetapkan, pasukan itu akan pergi menyerang dan menawan bangunan Portugis yang ada di atas Bukit China di pinggir bandar Melaka.

Askar perang Sultan Johor telah pergi berperahu lalu mula

mendarat di bahagian utara bandar Melaka langsung bertempur dengan askar-askar Portugis yang berkawal di situ, dan askar-askar Portugis itu telah dapat mengalahkan askar-askar Melayu yang datang menyerang itu; askar-askar Melayu pun berundur ke perah mereka lalu meninggalkan tempat itu.

Pasukan Johor yang pergi ke Bukit China itu, telah berjaya menawan bangunan Portugis di Bukit China itu; tetapi tiada lamanya kemudian, mereka pun dihalau oleh askar-askar Portugis lalu berundur balik ke laut. Oleh sebab kegagalan serangan pihak Johor yang disebutkan itu, Sultan Johor pun tiada jadi mendaratkan askar-askar baginda di bahagian selatan bandar Melaka seperti yang telah dirancangkan itu.

Sungguhpun Sultan Ali Jalla tiada berjaya mengalahkan Portugis di Melaka, tetapi kesukaran mendapatkan barang-barang makanan bagi orang-orang Portugis di Melaka itu semakin teruk. Dengan segera ketua Portugis di Melaka menghantarkan pegawainya bernama Jerenimo Rebello pergi meminta pertolongan daripada Wizurai Portugis di Goa. Pada masa itu Azevedo pun telah balik ke Goa, dan Noronha telah dilantik menggantinya jadi ketua pemerintah angkatan laut Portugis di Melaka. Dan oleh sebab terlampau susah hati melihatkan kemalangan yang telah menimpa orang-orang Portugis di Melaka selama dalam pemerintahannya, Joao da Silva telah jatuh gila, lalu jawatan ketua pemerintah di Melaka itu diserahkan kepada seorang Bisyp (paderi besar) yang kanan di Melaka, dan beliau ialah seorang yang kaya pula. Bisyp ini telah menghantarkan sebuah angkatan laut pergi mengintip-intip ke kuala Sungai Johor.

Apabila Jerenimo Rebello sampai ke Goa (pada akhir bulan Mac tahun 1587), ia telah menerangkan kepada Wizurai Portugis di Goa itu akan keadaan di Melaka. Antara lain Rebello telah menyatakan kepada Wizurai itu: jika bantuan tidak dihantarkan dengan segera, Kota Melaka akan ditimpa bahaya, dan akan lucut dari tangan Portugis, kerana Sultan Ali Jalla, Sultan Johor itu akan bersekutu dengan Acheh.

Setelah dirundingkan dan dipersetujui oleh orang-orang besar Portugis di Goa, Duarte de Menezes Wizurai Portugis itu pun mengambil ketetapan akan menghantarkan angkatan perang yang lebih besar pergi mengusir Sultan Ali Jalla dari takhta kerajaan Johor dengan alasan selagi baginda itu ada di Johor, selama itulah

juga Melaka akan dicerobohnya—begitulah pendapat orang-orang Portugis.

Wizurai Portugis (Duarte de Menezes) di Goa telah melengkapkan suatu angkatan perang mengandungi 16 buah kapal besar dan kecil, diketuai oleh panglima perang Portugis bernama Paulo de Lima Pereira serta beberapa orang pegawai di bawahnya. Angkatan itu telah bertolak dari Goa pada 28 hari bulan April tahun 1587. Pada 27 hari bulan Mei (1587) kapal-kapal Portugis itu telah hampir ke laut dekat negeri Aceh. Tiada lama kemudian, beberapa buah kapal daripada kumpulan besar kapal-kapal Portugis itu, yang diketuai oleh panglima perang Portugis yang bernama Simao de Abreu, telah berpecah daripada angkatan besarnya itu, kerana hendak mencari air sebab mereka kekurangan air. Tatkala kapal-kapal Simao de Abreu belayar tiada berapa jauh dari pantai negeri Aceh, orang-orang Portugis itu telah berjumpa dengan suatu angkatan kapal orang-orang Melayu. Kapal-kapal itu telah ditahan dan diperiksa oleh Simao de Abreu dan didapatinya angkatan itu membawa seorang utusan daripada Sultan Johor. Utusan Johor itu telah disiksa dan dipaksa oleh de Abreu menerangkan hal pelayarannya itu. Utusan itu telah menerangkan bahawa beliau ialah utusan daripada Sultan Johor; pada masa ini Sultan Johor sedang bersiap-siap hendak menyerang Melaka secara besar-besaran, dan ia hendak pergi ke negeri Aceh meminta bantuan Sultan Aceh—begitulah keterangan utusan Johor itu kepada de Abreu. Ada pula riwayat Portugis mengatakan: utusan Johor yang hendak pergi ke negeri Aceh itu ialah kerana hendak mencari askar-askar upahan yang akan mengambil bahagian menyerang Melaka.

Dengan tiada menunggukan Paulo de Lima Pereira lagi, Simao de Abreu pun meneruskan pelayaran dengan kapal-kapal yang diketuainya itu menuju ke Melaka.

Pada 5 hari bulan Julai (1587), kapal-kapal Simao de Abreu itu telah sampai di Melaka, iaitu lebih dahulu daripada Paulo de Lima Pereira. Dari Melaka, dengan kapal-kapal yang dibawanya itu dan ditambah lagi dengan beberapa buah kapal kecil oleh ketua pemerintah Portugis di Melaka, de Abreu pun bertolak pergi bersatu dengan kapal-kapal Antonio de Noronha yang sedang berjaga-jaga dekat Tanjong Rumenia (di selatan Johor). Kata setengah riwayat: dalam pelayarannya dari Melaka hendak ke selatan Johor

itu, Simao de Abreu telah menyerang dan membakar rumah orang Melayu di Muar.

Pada 20 hari bulan Julai (1587), de Abreu dan Noronha telah bersatu di Kuala Johor, dan semua angkatan Portugis itu telah diletakkan di bawah kuasa Antonio de Noronha dengan dibantu oleh Simao de Abreu. Esoknya, pada 21 hari bulan Julai (1587) angkatan Portugis itu pun mudik Sungai Johor hendak menyerang Johor Lama (dan Kota Batu).

Apabila mendengar angkatan Portugis telah datang hendak menyerang Johor Lama (dan Kota Batu) itu, Sultan Ali Jalla Abdu Jalil pun mengerahkan angkatan perang baginda menghilir dari Johor Lama pergi melawan askar-askar Portugis yang datang itu. Suatu pertempuran telah berlaku di Sungai Johor di antara askar-askar Johor dengan askar-askar Portugis yang diketuai oleh Antonio de Noronha. Sungguhpun askar-askar Melayu itu telah berperang dengan penuh semangat keberanian, tetapi mereka telah diundurkan juga oleh askar-askar Portugis yang menggunakan bedilan dan meriam itu. Angkatan Portugis itu maju lagi mengejar askar-askar Johor yang undur itu hingga angkatan Portugis itu sampai dan berlabuh dekat Johor Lama dan kotanya, Kota Batu itu. Pada hari itu juga (21 Mei, 1587), angkatan Portugis itu telah menembil bandar Johor Lama dengan meriam dari kapal mereka sambil membakar rumah-rumah di tebing sungai bandar itu. Pada masa huru-hara di Johor Lama oleh bedilan meriam dari kapal-kapal Portugis itu, beberapa orang Portugis yang ada dalam tahanan di Johor Lama itu, telah dapat melepaskan diri lalu lari balik ke kapal mereka yang ada di Sungai Johor itu; dan pada masa itu juga askar-askar Portugis itu telah merompak dan merampas harta-benda di bandar Johor Lama, dan bukan sedikit harta yang telah mereka dapati. Tetapi askar-askar Portugis yang telah mendarat itu telah diserang oleh askar-askar Melayu hingga askar-askar Portugis itu berundur ke kapal mereka.

Esoknya, pada 22 hari bulan Julai (1587), Antonio de Noronha dengan sakalian pegawai di bawahnya telah mengadakan mesyuarat merundingkan langkah perang yang akan dijalankan lagi. Noronha mencadangkan hendak terus sahaja mendarat melancarkan serangan ke Johor Lama dan ke Kota Batu, iaitu sebelum orang-orang Melayu di Johor Lama itu pulih semula daripada terkejut oleh tembakan meriam Portugis semalam itu. Tetapi Simao de Abreu

dan lain-lain pegawai yang datang dari angkatan Paulo de Lima Pereira, telah menentang cadangan Noronha itu dengan alasan bahawa askar-askar mereka belum cukup ramai untuk melawan askar-askar Johor yang jauh lebih ramai daripada askar-askar mereka yang datang itu; lagi pun kalau mereka kalah boleh jadi akan melemahkan semangat askar-askar dalam angkatan Paulo de Lima Pereira yang akan datang itu, dan Melaka pun akan lebih mudah diserang oleh orang-orang Melayu. Keputusan mesyuarat itu: serangan mendarat ke Johor Lama dan Kota Batu itu akan dimulakan apabila angkatan Paulo de Lima Pereira dari Goa itu tiba ke negeri Johor, dan sementara menantikan itu mereka akan terus membedil dan menembak bandar Johor Lama dan Kota Batu dengan meriam dari kapal-kapal mereka yang sedang berlabuh di Sungai Johor itu.

Berkenaan dengan Johor Lama masa itu, dalam riwayat Portugis antara lain mengatakan: bandar Johor Lama itu ialah sebuah bandar yang cantik; terletak di atas sebuah bukit yang memanjang di tebing Sungai Johor; bandar itu berpagar sekeliling dengan kayu yang sangat kuat; tiada berapa jauh arah ke laut (ke hilir) daripada bandar itu, ada sebuah kota batu yang disebut namanya *Cotabato* (Kota Batu); kota itu kukuh dan hampir menyerupai kota batu orang-orang Portugis di Melaka; pada masa orang-orang Portugis menyerang Johor Lama itu, raja-raja dari negeri-negeri Melayu yang lain ada membantu Sultan Johor; raja-raja Melayu yang ada di Johor Lama masa itu ialah raja-raja pemerintah dari Trengganu, In-deragiri dan Kampar.

Pada 23 hari bulan Julai (1587), mulalah orang-orang Portugis dari kapal-kapal mereka yang berlabuh di Sungai Johor itu melepaskan tembakan meriam ke bandar Johor Lama dan Kota Batu. Dalam pada itu telah berlaku pula suatu kejadian yang tidak disangka-sangka. Dalam masa meriam Portugis itu membedil tidak berhenti-henti, Noronha dengan sebuah kapalnya serta beberapa orang askar telah datang rapat ke tebing. Entah kerana ia telah geram sangat hendak berperang ataupun barangkali telah ada rancangan yang telah diatitkan lebih dahulu oleh sekumpulan pegawai-pegawai Portugis yang hendak segera melancarkan serangan mendarat itu, tiadalah diketahui, melainkan tiba-tiba Noronha telah membawa askarnya mendarat. Askar-askar Portugis yang mendarat itu telah berpecah dua: satu pasukan di bawah

pimpinan Noronha, dan satu pasukan lagi diketuai oleh Pedro Alvares de Abreu, lalu pasukan itu berjalan pergi menyerang bandar Johor Lama dan serangan itu telah ditentang oleh askar Melayu di Johor Lama. Dalam pertempuran ini kedua-dua pasukan askar-askar Portugis itu telah dikalahkan oleh askar-askar Melayu. Noronha telah lari balik ke kapalnya; Pedro Alvares de Abreu telah luka dan telah dibawa balik ke kapalnya; askar Portugis yang lainnya itu dengan susah payah melarikan diri baharu sampai ke kapal mereka. Serangan itu nyatalah tidak mengikut keputusan mesyuarat mereka semalam. Pendeknya: serangan Portugis ke Johor Lama pada 23 hari bulan Julai tahun 1587 itu telah dipatahkan oleh orang-orang Melayu.

Sungguhpun orang-orang Portugis telah kalah dalam pertempuran yang disebutkan itu, tetapi mereka teruskan juga mengumpul dan menembak meriam-meriam mereka ke Johor Lama dan ke Kota Batu mengikut seperti yang telah dipersetujui dalam mesyuarat itu, dan mereka berbalas-balas tembak dengan meriam pihak Melayu dari Johor Lama dan Kota Batu. Kejadian seperti itu telah berjalan terus-menerus beberapa hari lamanya.

Pada 10 hari bulan Ogos tahun 1587 (mengikut setengah pendapat pada 6 hari bulan Ogos) sampailah angkatan perang Portugis dari Goa di bawah pimpinan Paulo de Lima Pereira tiba di Johor Lama setelah singgah sebentar di Melaka. Setelah berunding dan mengaturng rancangan perang dengan pegawai Portugis lainnya, pada pagi hari 15 hari bulan Ogos tahun 1587, dengan perintah Paulo de Lima Pereira, orang Portugis itu pun mula melancarkan serangan mereka ke Johor Lama dan Kota Batu. Askar-askar Portugis yang mendarat itu berpecah kepada tiga pasukan: satu pasukan di bawah pimpinan Antonio de Noronha dan dibantu oleh Joao Pereira; satu pasukan lain pula diketuai oleh panglima perang Portugis bernama Matheus Pereira Sampaio, dan satu pasukan lagi diketuai oleh Paulo de Lima Pereira sendiri.

Mengikut laporan Paulo de Lima Pereira sendiri: ramainya askar-askar Portugis yang datang menyerang Johor Lama dan Kota Batu itu ialah 400 orang askar, dan askar Johor yang bertahang itu adalah seramai lebih kurang 8,000 orang. Tetapi kata suatu riwayat Portugis yang lain pula mengatakan: askar-askar Portugis itu adalah seramai 600 orang termasuk beberapa orang askar-askar upahan (orang-orang Melayu), dan askar-askar Johor ada seramai

di antara 10,000 hingga 12,000 orang, di bawah pimpinan seorang panglima perang Johor yang disebut oleh orang-orang Portugis itu Raja Mahkota namanya.

Dalam peperangan itu, pasukan askar-askar Portugis yang diketuai oleh Matheus Pereira Sampaio telah dapat menawan Kota Batu setelah beberapa ramai askar-askarnya terkorban, dan askar-askar Portugis yang telah menawan Kota Batu itu telah menggunakan meriam di kota itu menembak askar-askar Johor. Askar-askar Portugis yang menyerang ke bandar dan ke kubu yang ada di Johor Lama (Kampung Johor Lama sekarang) telah membakar semua rumah yang ada di bandar itu, dan telah menyering juga sebuah kubu kecil di kuala Sungai Johor Lama (Bekas kubu itu sekarang disebut *Kubu Budak* atau *Kota Budak*). Akhirnya pihak Johor kalah peperangan itu, dan Sultan Ali Jalla Abdul Jalil (II) serta orang-orang besar baginda telah berlepas diri mudik ke hulu lagi.

Askar-askar Portugis yang telah menang perang di Johor Lama itu telah merampas beberapa banyak harta-benda orang-orang Melayu di Johor Lama serta harta-benda kerajaan Johor. Mengikut laporan Paulo de Lima Pereira: setelah mengalahkan Johor Lama dan Kota Batu itu, ia telah merampas sebanyak 800 pucuk meriam gangsa, dan askarnya telah dapat merampas beberapa banyak emas, perak dan beberapa banyak barang. Daripada serangan ke Johor Lama dan ke tempat-tempat di sekitar Johor Lama, Paulo de Lima Pereira telah dapat menawan sebanyak 1,200 buah perahu besar kecil.

Pendeknya peperangan Portugis menyerang Johor Lama dan Kota Batu pada 15 hari bulan Ogos tahun 1587 itu telah menyebabkan kehilangan nyawa dan harta-benda orang-orang Melayu yang bukan sedikit; tidak kurang sepuluh orang-orang besar dan pahlawan Melayu, termasuk Seri Nara Diraja Johor, telah terkorban dan peperangan kerana mempertahankan tanahair mereka dari pencerobohan Portugis. Panglima perang Portugis yang bernama Manoel de Almada dan Bernado de Menezes telah terbunuh juga dalam peperangan itu.

Tiada berapa lama setelah mengalahkan Johor Lama dan Kota Batu itu, Paulo de Lima Pereira dan angkatan perangnya itu pun balik ke Melaka. Walaupun pada masa memerangi Johor Lama itu ia telah berselisih faham juga dengan Antonio de Noronha, tetapi

kedatangan Paulo de Lima Pereira ke Melaka itu telah disambut oleh orang-orang Portugis di Melaka dengan penuh kehormatan dan kegembiraan, iaitu pada 5 hari bulan September tahun 1587.

Lepas itu, pada 15 hari bulan Oktober tahun 1587 itu juga, seorang pegawai Portugis, adik Paulo de Lima Pereira, bernama Pedro de Lima, dengan sebuah angkatannya telah pergi ke Johor Lama dan didapatinya tempat itu masih hangus bekas kena bakar, dan ia telah mendengar khabar mengatakan Sultan Johor sedang membuat rancangan hendak bersemayam pada suatu tempat baharu pula ke hulu daripada Johor Lama itu. Dari Johor Lama Pedro de Lima telah pergi ke Bentan dan telah dibakarnya pula rumah-rumah di Bentan. Dalam bulan November (1587) baharulah ia meninggalkan Bentan.

Setelah Johor Lama dan Kota Batu dialahkan oleh Portugis, pada akhir tahun 1587 itu juga, Sultan Ali Jalla Abdul Jalil (II) telah bersemayam membuat tempat pusat pemerintahan baginda yang baharu pula di Batu Sawar, di tepi Sungai Johor, di hulu daripada Johor Lama (Lebih kurang dua batu ke hilir daripada bandar Kota Tinggi sekarang). Sejak itu Batu Sawar pula menjadi bandar yang penting bagi kerajaan Johor.

1589. Pada tahun 1589, Wizurai Portugis di Goa telah memerintahkan ketua Portugis di Melaka supaya kota di Johor Lama itu (Kota Batu) tidak dibaiki semula orang-orang Melayu. Ketua Portugis di Melaka itu telah menghantarkan suatu pasukan kapal-kapal perang dengan diketuai oleh pegawai-pegawainya yang bernama Francisco de Souza Pereira dan Antonio de Andrea pergi ke Johor Lama. Setelah orang-orang Portugis itu melihat Kota Batu dan Johor Lama, mereka mudik lagi lalu menyerang kubu Sultan Johor di Batu Sawar yang baharu dua tahun dibina oleh Sultan Ali Jalla, iaitu sejak baginda kalah di Johor Lama dahulu. Angkatan Portugis itu pun telah berjaya mengalahkan Batu Sawar; mereka telah membakar kubu di Batu Sawar itu dan telah merampas 20 pucuk meriam dari kubu itu, dan Sultan Johor pun telah melarikan diri dari tempat itu. Tetapi setelah orang-orang Portugis itu balik ke Melaka, baginda pun balik semula ke Batu Sawar lalu menguatkan semula kubu di Batu Sawar itu, dan tetaplah juga Batu Sawar jadi ibu negeri kerajaan Johor (sejak tahun 1587).

Pada masa itu nampaknya Sultan Ali Jalla Abdul Jalil (II) itu

telah bermusuhan pula dengan Kerajaan Aceh, kerana putera baginda di Aceh, yang bernama Raja Hashim itu, telah mangkat dibunuh oleh orang-orang Aceh yang menyebelahi raja yang hendak merebut kerajaan Aceh setelah mangkat Sultan Alauddin Mansur Shah mertua Sultan Ali Jalla itu. Dalam pada itu, pada zaman Sultan Ali Jalla itu juga Johor telah dapat mengambil kerajaan Aru tunduk balik ke bawah kuasa Johor, tidak lagi takluk kepada Aceh.

1596. Pada masa Sultan Ali Jalla Abdul Jalil bersemayam di Batu Sawar itu, isteri baginda yang bernama Raja Fatimah telah mangkat. Mengikut wasiat almarhumah itu, jenazahnya telah dimakamkan di Seluyut berdekatan dengan makam abangnya almarhum Sultan Muzaffar Shah (Marhum Seluyut).

Sultan Ali Jalla Abdul Jalil itu telah mempunyai putera dengan gundik baginda tiga orang putera yang bernama: Raja Husain telah jadi Raja di Kelantan; Raja Hasan telah jadi Raja di Siak, dan Raja Mahmud telah dirajakan di Kampar (Sumatera). Dipercayai putera-putera baginda itulah yang telah datang membantu Johor tatkala Portugis menyerang Johor Lama itu. Sebagai yang telah disebutkan dahulu; dengan isteri baginda anak Seri Nara Diraja Pahang, baginda telah berputerakan Raja Mansur, dan ibu Raja Mansur itu telah diceraikan baginda apabila isteri baginda Raja Fatimah mengandungkan Raja Abdul Jalil (Almarhum Sultan Abdul Jalil Shah I).

1597. Lebih kurang setahun lepas mangkat Raja Fatimah itu, pada tahun 1597, Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Shah II (Raja Umar), Sultan Johor yang ke-V itu pun mangkat; disebut orang *Marhum Mangkat di Batu (Sawar?)*.

Sultan Alauddin Riayat Shah III. (Raja Mansur). (1597-1615):

1597. SETELAH mangkat Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Shah II (Raja Umar), dengan kerelaan Raja Mansur putera sulung almarhum itu, Bendahara Paduka Raja (Tun Seri Lanang) hendak menabalkan Raja Abdullah (putera almarhum Sultan Muzaffar Shah, Marhum Seluyut) jadi Sultan Johor. Tetapi Raja Abdullah telah menolak tiada mahu ditabalkan; ia hendakkan abangnya (saudara seibu) Raja Mansur itu ditabalkan. Oleh sebab itu Bendahara dan lain-lain orang-orang besar Johor pun melantik Raja Mansur jadi Sultan Johor (Sultan Johor yang ke-VI) bergelar Sultan Alauddin Riayat Shah (III), bersemayam di Batu Sawar juga.

Sultan Alauddin itu tiada berapa pedulikan hal pemerintahan negeri; melainkan baginda leka berseronok bermain-main rebana berbuai-buai, duduk bersenang-senang dikipaskan oleh biduan sambil minum-minum arak dengan orang-orang besar dan pegawai baginda yang muda-muda. Oleh sebab itu, pemerintahan dan pentadbiran negeri terserah kepada adinda baginda Raja Abdullah dan Bendahara Tun Seri Lanang. Raja Abdullah itu tiadalah pula minum arak, kecuali sekali sekala sahaja, dan beliau didapati lebih berakal daripada abangnya Sultan Alauddin itu.

Sultan Alauddin bersemayam di istana baginda di Batu Sawar (di tepi Sungai Johor). Raja Abdullah telah membuat istana baharu tempat semayamnya di tempat yang bernama *Pangkalan Raja* di seberang sana dan ke hilir sedikit daripada Batu Sawar, lalu Raja Abdullah membangunkan sebuah kubu di situ (disebut juga kota), langsunglah tempat itu disebut *Kota Seberang*, dan itulah sebabnya Raja Abdullah itu kadang-kadang disebut Raja Seberang pula. Selain daripada itu, Raja Abdullah itu disebut juga: Ra

Bongsu, Raja di Hilir, dan Yang Dipertuan Hilir.

1602. Menjelang Kurun Masihi yang ke-17, didapati, selain daripada orang-orang Portugis, orang-orang Belanda dan Inggeris pula telah masuk mencampuri hal ehwal di negeri Johor sebagai penjajah dalam perniagaan dan penaklukan di negeri-negeri di Nusantara.

Dalam bulan Jun tahun 1602, sebuah angkatan kapal orang Belanda yang diketuai oleh seorang Belanda bernama Jacob van Heemskerck telah sampai ke negeri Johor. Kedatangan orang-orang Belanda itu telah disambut dan diraikan oleh Raja Abdullah (Raja Bongsu) adinda Sultan Johor itu. Raja Abdullah dan orang-orang besar Johor telah bersahabat dengan orang-orang Belanda yang datang itu. Hasil daripada persahabatan itulah, kemudiannya, kerajaan Johor telah menghantarkan dua orang utusannya pergi ke negeri Belanda; utusan itu seorang bernama Megat Mansur, dan seorang lagi bernama Enche' Kamar. Tetapi Megat Mansur itu telah meninggal dunia dalam pelayaran hendak ke negeri Belanda itu.

Apabila mendengar orang-orang Belanda telah bersahabat dengan orang-orang Johor, orang-orang Portugis di Melaka telah memberitahu kepada Sultan Alauddin Riayat Shah III di Batu Sawar supaya jangan bersahabat dengan orang-orang Belanda yang disifatkan oleh orang-orang Portugis sebagai "pencuri" itu. Tetapi dengan nasihat Raja Abdullah, Sultan Alauddin pun tidak mengindahkan amaran orang-orang Portugis itu.

1603. Dalam bulan Februari tahun 1603, sebuah kapal Portugis bernama *Santa Catharina* yang dipimpin oleh nakhoda Portugis bernama Sabatiao Serrao yang penuh bermuat dagangan datang dari Makau (di negeri China) hendak ke Melaka, telah singgah berlabuh di kuala Sungai Johor. Kapal Portugis itu telah diserang lalu ditawan oleh angkatan orang-orang Belanda yang diketuai oleh Jacob van Heemskerck. Dagangan dalam kapal Portugis itu telah dirampas oleh orang-orang Belanda lalu dihantarkan ke negeri Belanda. Oleh sebab orang-orang Belanda telah mengalahkan kapal Portugis itu, orang-orang Johor pun memandangi tinggi terhadap orang-orang Belanda. Pada tahun itu juga Kompeni Belanda telah menghantar seorang pegawai dan saudagar Belanda

bernama Jacob Buijsen datang dan diam di Batu Sawar; dialah saudagar Belanda yang mula-mula tinggal di negeri Johor. Kedatangan Jacob Buijsen ke Batu Sawar itu telah disambut dan diraikan oleh orang-orang besar Johor dengan gembira.

Perbuatan orang Belanda menyerang dan merampas kapal Portugis itu, dan telah bersahabat pula dengan kerajaan Johor telah menyebabkan orang-orang Portugis di Melaka marah kepada kerajaan Johor terutama kepada Raja Bongsu (Raja Abdullah) yang suka bersahabat dengan orang-orang Belanda itu. Oleh sebab itu orang-orang Portugis telah menghantarkan kapal-kapal perang mereka datang mengepung Batu Sawar menyekat perhubungan Johor dengan Belanda dan boleh jadi juga hendak menyerang negeri Johor (Batu Sawar).

Dalam bulan Oktober tahun 1603 itu juga, seorang orang besar Belanda bernama Jacob Pietersz van Enkhuijen yang sedang belayar dengan sebuah angkatan kapalnya melalui Singapura, telah menerima dua pucuk surat; sepucuk daripada Sultan Johor dan sepucuk lagi daripada Jacob Buijsen, dan dalam surat-surat itu menyatakan: orang-orang Portugis sedang mengepung Batu Sawar dan kapal-kapal Portugis sedang menunggu di sekitar perairan bandar itu. Angkatan kapal-kapal Belanda itu telah datang ke Sungai Johor lalu menghalau kapal-kapal Portugis yang ada di situ. Sultan Johor dan Raja Bongsu dengan sukacita telah meraikan ketua angkatan kapal-kapal Belanda itu dan telah menghadiahkan kepadanya beberapa bilah keris; sebagai balasnya pula, nakhoda Belanda itu telah menghadiahkan kepada Sultan Johor sebilah pedang Jepun berulu perak, dan kepada Raja Bongsu (Raja Abdullah) sepucuk senapang.

Orang-orang Portugis di Melaka telah memberi amaran kepada Sultan Johor supaya menghalau orang-orang Belanda yang tinggal di Batu Sawar itu. Tetapi Sultan Johor tiada mempedulikan amaran Portugis itu, iaitu setelah mendengar nasihat adinda baginda Raja Bongsu (Raja Abdullah).

1604. Dalam tahun 1604, dengan usaha seorang pegawai Portugis di Melaka bernama Godinho d' Eredia, orang-orang Portugis telah mendirikan sebuah kota kecil di Kuala Muar, dan kota ini disebut oleh orang-orang Portugis namanya *Fortaleza de Muar*.

Oleh sebab Sultan Johor tiada mengindahkan amaran Portugis

suruh menghalau orang-orang Belanda di Batu Sawar itu, dalam bulan Februari tahun 1604 itu juga, sebuah angkatan perang laut Portugis, dipimpin oleh panglima perang Portugis bernama Andre Furtado de Mendoca, telah datang memudiki Sungai Johor. Bersama-sama Furtado de Mendoca itu dibawanya juga Godinho d' Eredia. Orang-orang Portugis itu telah menduduki Johor Lama dan Kota Batu (di Tanjong Batu) dan telah mula mengepung Batu Sawar tempat Sultan Johor bersemayam. Pada masa kepungan orang-orang Portugis itulah Jacob Buijsen dan lain-lain pegawai Belanda yang ada di Batu Sawar telah lari meninggalkan Batu Sawar pergi ke Bantam atau Banten (di Jawa Barat).

Orang-orang Portugis yang datang ke negeri Johor itu telah bercadang hendak menjadikan Kota Batu di Tanjong Batu dekat Johor Lama itu sebuah kota kepunyaan orang-orang Portugis, dan sudah pun kota itu diukur oleh Godinho d' Eredia, ataupun mendirikan sebuah kota lain di salah satu tempat berdekatan dengan kuala Sungai Johor, dengan tujuan hendak menyekat orang-orang Melayu membuat hubungan berniaga dengan Belanda, dan juga untuk melawan orang-orang Belanda. Tetapi satu pun cadangan itu tiada jadi dilakukan oleh orang-orang Portugis.

Tiada berapa lama orang-orang Portugis menduduki Johor Lama dan mengepung Batu Sawar itu, datang pula dua buah kapal orang-orang Inggeris memudiki Sungai Johor lalu ke Batu Sawar, dan orang-orang Portugis pun berhenti mengepung Batu Sawar lalu balik semula ke Melaka.

Pada 3 hari bulan Mei tahun 1604 itu juga, seorang laksamana Belanda bernama Admiral Wijbrand van Warwijck dengan angkatan kapalnya telah belayar memudiki Sungai Johor lalu laksamana Belanda itu berjumpa dengan Sultan Alauddin di Batu Sawar. Laksamana Belanda itu telah menghadihkan kepada Sultan Johor ubat bedil dan beberapa biji bola besi peluru meriam; dan baginda telah menghadihkan pula kepada laksamana Belanda itu lada hitam sebanyak dua setengah bahara.


1605. Pada tahun 1605, selepas kapal-kapal Inggeris dan Belanda yang disebutkan itu meninggalkan Sungai Johor, datang lagi panglima perang Portugis Andre Furtado de Mendoca itu hendak menyerang Batu Sawar. Tetapi serangan itu tiada jadi dilancarkan-

nya, kerana pada masa itu juga sebuah angkatan kapal perang Belanda telah datang pula ke Sungai Johor.

1606. Dengan perintah Raja Abdullah (Raja Bongsu), pada hari bulan Mei tahun 1606, *Seri Raja Negara*, ketua Orang Laut yang jadi Syahbandar di Singapura, dengan dua buah perahunya telah sampai ke laut pelabuhan Melaka, kerana hendak melihat kalau-kalau ada kapal orang Belanda di pelabuhan itu. Pada masa itu angkatan kapal-kapal perang Belanda sebanyak sebelas buah kapal, diketuai oleh laksamana Belanda bernama Admiral Cornelis Matelief sedang mengepung bandar Melaka dari laut pelabuhan Melaka, lalu Syahbandar Singapura itu pun balik memberitahu Raja Abdullah akan hal itu. Tiada lama lepas itu, Raja Abdullah dengan suatu angkatan perahu-perahu perang besar kecil sebanyak 50 buah dengan membawa askar perang seramai 3,000 orang telah sampai ke laut pelabuhan Melaka lalu Raja Abdullah (Raja Bongsu) berjumpa Admiral Matelief.

Dalam pertemuan Raja Abdullah dengan Admiral Matelief di atas kapal perang Belanda bernama *Oranje* di hujung pelabuhan Melaka itu, mereka telah berunding panjang fasal hendak menyerang bandar Melaka yang dalam perintah Portugis itu. Dalam beberapa kali perjumpaan mereka itu, telah dirundingkan juga fasal hal-hal yang akan didapati oleh pihak Belanda dan oleh pihak Johor setelah Melaka dikalahkan. Dan dalam pertemuan di pelabuhan Melaka itu juga Raja Abdullah meminta orang-orang Belanda menolong Johor memerangi Acheh. Akhir rundingan Raja Abdullah bagi pihak kerajaan Johor telah membuat perjanjian dengan Admiral Matelief akan bantu-membantu menyerang dan mengambil negeri Melaka dari tangan Portugis, dan syarat perjanjian itu telah ditandatangani di atas kapal *Oranje* oleh kedua belah pihak, iaitu pada 17 haribulan Mei tahun 1606, dan telah ditetapkan juga tarikh mula melancarkan serangan ke Melaka. Admiral Matelief telah memberikan kepada Raja Abdullah barangan hadiah iaitu pistol, mutiara, pedang, dan lain-lain barangan lagi yang dihadiahkan kepada Sultan Johor.

Esoknya, pada 18 haribulan Mei (1606), mulalah Admiral Matelief mendaratkan askar-askarnya seramai 800 orang di Melaka di sebelah selatan Kota Melaka (Kira-kira pada tempat Rest House di bandar Melaka sekarang ini), tiada berapa jauh



Johor Lama dalam Kurun Masihi ke-16

pintu gerbang Kota Melaka yang bernama Pintu Gerbang Santiago itu (yang masih ada lagi sekarang ini). Setelah askar-askar Belanda itu mendarat, didapati mereka kampung-kampung di luar bandar Melaka telah dibakar dan telah ditinggalkan oleh penduduknya yang telah pergi berhimpun ke dalam bandar Melaka. Askar-askar Belanda itu telah menyerang Kota Melaka dan serangan mereka itu telah ditentang dengan bersungguh-sungguh oleh askar-askar Portugis yang bertahan di Kota Melaka. Dalam peperangan menyerang Melaka itu, askar-askar Johor telah membantu orang-orang Belanda mengikut syarat-syarat dalam perjanjian yang telah dibuat oleh Raja Abdullah itu. Dalam pada itu, bantuan Johor itu tiadalah memuaskan hati Admiral Matelief.

Selama Admiral Matelief mengepung dan menyerang Kota Melaka itu, orang-orang Portugis yang bertahan dalam kota itu telah menanggung beberapa penderitaan; tetapi orang-orang Portugis itu tetap juga melawan dengan gigihnya sehingga tiada dapat askar-askar Belanda dan Johor itu menembusi Kota Melaka; padahal kampung-kampung dan tempat-tempat di luar kota di sekitar bandar Melaka, boleh kata telah dikuasai oleh pihak Belanda dan Johor. Orang-orang Portugis yang menderita dalam Kota Melaka itu, tidak pula lupa meminta bantuan ke Goa. Kepungan dan serangan pasukan Admiral Matelief ke Kota Melaka itu berjalan terus hingga masuk ke bulan Jun, Julai dan awal bulan Ogos (1606).

Dalam pertengahan bulan Ogos tahun 1606, telah sampai berita ke Melaka mengatakan sebuah angkatan perang Portugis yang besar dan sangat kuat mengandungi empat belas buah kapal perang besar dan kapal kecil dari Goa akan sampai ke pelabuhan Melaka. Apabila berita itu terdengar kepada Admiral Matelief, sekalian askar-askar Belanda yang telah bertunggu-tangga di sekeliling Kota Melaka sekian lama itu, dikerahkan balik ke kapal mereka yang ada di pelabuhan Melaka dan meriam serta alat senjata mereka pun semuanya dibawa balik ke kapal.

Pada 17 haribulan Ogos (1606) sampailah angkatan kapal-kapal perang Portugis dari Goa itu ke pelabuhan Melaka lalu berperang dengan angkatan kapal Belanda yang telah sedia menanti di pelabuhan itu. Pertempuran tembak-menembak dengan meriam dari kapal masing-masing di pelabuhan Melaka telah berlaku dengan sangat hebat.

Ada kira-kira seminggu lamanya Belanda dan Portugis berperang di pelabuhan Melaka itu, pihak Belanda dan Portugis masing-masing telah kehilangan dua buah kapal, tetapi askar-askar Portugis sangat banyak yang telah mati terbunuh dalam peperangan itu. Pada 24 hari bulan Ogos (1606) Admiral Matelief pun bertolak meninggalkan pelabuhan Melaka, dan sungguhpun ia telah berjaya dalam pertempuran di laut pelabuhan Melaka itu, tetapi tiadalah sampai hajatnya hendak mengalahkan orang-orang Portugis di Kota Melaka itu.

Dalam pertengahan bulan September tahun 1606 itu juga, Admiral Matelief dengan angkatan kapal-kapalnya telah muncul pula di perairan sebelah kuala Sungai Johor. Ia telah memudiki Sungai Johor sampai ke Batu Sawar lalu berjumpa dengan Sultan Alauddin Riayat Shah III.

Dalam laporan Admiral Matelief mengenai Batu Sawar pada masa ia pergi ke tempat itu dalam tahun 1606, antara lain ia telah menyebutkan:

Ia telah sampai ke Batu Sawar pada 18 hari bulan September tahun 1606, kerana ada kerja-kerja yang hendak disegerakannya, iaitu hendak menggesa Sultan Johor menguatkan bandar itu (Batu Sawar) dengan kota (kubu); hendak mengambil barang-barang bekalan bagi kapal-kapalnya; hendak meminta Sultan Johor supaya mengaku mahu menghantarkan orang-orangnya ke negeri Acheh dan ke Melaka bertanyakan kalau-kalau ada kapal-kapal Belanda telah sampai ke tempat itu, dan juga kedatangan Matelief ke Batu Sawar itu ialah kerana hendak berikhtiar di mana boleh didapati ubat-ubat bedil.

Batu Sawar ialah sebuah bandar enam atau tujuh batu jauhnya mudik dari kuala Sungai Johor; bandar itu terletak pada suatu tempat yang sangat cantik; sungai di situ lebar dan dalam; di situ boleh didapati air minuman (air tawar). Kebanyakan tanah di negeri itu tanah pamah, dan rumah-rumah orang didirikan di atas tiang-tiang di sepanjang sungai itu (Sungai Johor); dan ada dua buah kota (kubu): sebuah di Batu Sawar dan sebuah lagi di Kota Seberang (di seberang Batu Sawar).

Bandar Batu Sawar itu adalah kira 1,300 langkah panjang kelilingnya, rupa bentuk bandar itu hampir-hampir empat persegi; kubu pertahanan di bandar itu diperbuat berpagar dengan pancang-pancang kayu besar-besar, rapat-rapat, setinggi empat puluh

kaki, dan di sebelah luarnya telah ditambah pula dengan bekas-bekas kerja yang rendah mutunya. Pancang-pancang kayu itu dicacakkan pada tanah rata, rapat ke tepi sungai, kira-kira suku jam perjalanan dari bukit-bukit yang dekat di belakang bandar itu; senang sahaja sampai ke tempat itu ikut sungai. Dalam bandar itu penuh didiami orang yang mempunyai rumah-rumah atap, tetapi kediaman rajanya (Sultan) serta beberapa orang orang-orang besarnya dibuat daripada kayu.

Tempat yang disebut *Kota Seberang* itu lebih kurang empat ratus atau lima ratus langkah panjang kelilingnya, dan bentuknya hampir-hampir empat persegi. Dalam kedua-dua buah kubu di Batu Sawar dan di Kota Seberang itu adalah lebih kurang tiga atau empat ribu orang lelaki yang boleh memegang senjata; kebanyakan daripada mereka itu tinggal di luar daripada kubu-kubu itu. Semua tanah di tempat itu kepunyaan Sultan (Johor), tetapi itu tidaklah mengapa; jika rakyat negeri itu memohon tanah, mereka boleh dapat tanah seberapa banyak yang mereka suka. Nampaknya tanah negeri itu subur dan penuh dengan pokok-pokok kayu. Admiral Matelief telah memberikan kepada Sultan (Johor) beberapa buah pelan atau peta serta cadangan yang baik untuk mendirikan kubu (kota) bagi mempertahankan bandar itu; tetapi orang-orang Melayu di situ sangat lembab bekerja.

Demikianlah di antara keterangan Admiral Matelief mengenai Batu Sawar dan Kota Seberang dalam tahun 1606.

Setelah lebih kurang sebulan lamanya Matelief tinggal di Batu Sawar, pada 23 haribulan September (tahun 1606), ia telah membuat suatu perjanjian baharu dengan Sultan Alauddin; segala syarat-syarat dalam perjanjian yang telah diperbuat dengan Raja Abdullah (Raja Bongsu) di pelabuhan Melaka dahulu (17 Mei, 1606) telah disahkan dalam perjanjian baharu ini, kecuali syarat-syarat fasal hendak mengambil negeri Melaka daripada tangan Portugis, telah ditangguhkan. Berkenaan dengan hendak mengambil negeri Melaka itu, Bendahara Tun Seri Lanang sendiri dengan terang telah mengatakan kepada Admiral Matelief: berkenaan dengan kerja mengepung negeri Melaka itu, orang-orang Melayu lebih suka menyerahkannya kepada orang-orang Belanda sahaja.

Pada masa itu juga Sultan Johor telah bersetuju hendak memberikan kepada orang-orang Belanda suatu tempat, sama ada di tanah besar negeri Johor ataupun di mana pulau perintah Johor,

seberapa luas yang dikehendaki oleh orang-orang Belanda, untuk tempat mereka mendirikan rumah-rumah dan gudang-gudang. Pada 17 hari bulan Oktober tahun 1606 itu juga Admiral Matelief pun meninggalkan negeri Johor.

1608. Dalam tahun 1608 ada juga orang-orang Portugis datang menyerang negeri Johor; tetapi tidaklah dapat mereka mendarat. Pada masa itulah juga Raja Abdullah dari Kota Seberang berangkat dan bersemayam di Pulau Lingga.

Lebih kurang dalam tahun 1608 itu juga Sultan Alauddin Riayat Shah III mula membuat tempat bersemayam yang baharu pada suatu tempat di sebelah hulu sedikit daripada Batu Sawar dan tempat itu dinamakan *Pasir Raja*. Ahli-ahli sejarah tiadalah dapat menentukan dengan tepat kedudukan tempat itu sekarang ini, kerana keterangan dalam *Sejarah Melayu* itu tidak terang, hanya menyebutkan tempat itu letaknya "di hulu Sungai Riun", sedang Sungai Riun tidak diketahui di mana letaknya. Tetapi walau bagaimanapun tentulah tempat itu (*Pasir Raja*) tiada berapa jauh daripada Batu Sawar, kerana pada masa seorang Belanda bernama Admiral Pieter Verhoeff datang ke Batu Sawar, ia telah pergi melihat tempat itu (*Pasir Raja*) dalam bulan Januari tahun 1609—seperti yang akan diceritakan lagi di bawah ini—didapatinya perjalanan mudik dengan perahu dari Batu Sawar ke tempat itu tiadalah berapa jauh.

Setelah *Pasir Raja* siap dibuka pada akhir tahun 1608, Sultan Alauddin pun pindah bersemayam ke tempat itu. Dalam pada itu istana baginda di Batu Sawar tetap juga ada dan digunakan apabila ada sesuatu keperluan berhubung dengan urusan pemerintahan ataupun untuk kegunaan pelawat-pelawat, raja-raja dan orang-orang besar dari negeri lain; pendeknya Batu Sawar masih digunakan bagi urusan pertadbiran negeri. Pada masa itulah juga adinda baginda Raja Abdullah yang tinggal di Lingga itu datang balik bersemayam ke Kota Seberang.

Dalam bulan November tahun 1608, Admiral Pieter Verhoeff (orang Belanda) dengan angkatannya sebanyak tiga belas buah kapal dari negeri Belanda telah sampai ke pelabuhan Melaka. Dari situ ia telah mengirim surat kepada Abraham van den Broek wakil Belanda yang tinggal di negeri Johor (Batu Sawar) supaya mengajak Sultan Johor menghantarkan angkatan perang baginda

datang menyerang negeri Melaka dari darat, dan admiral itu sendiri menyerang dari laut. Abraham van den Broek dan utusan Sultan Johor telah menerangkan kepada admiral itu dengan alasan-alasan yang munasabah menyatakan pada masa itu serangan ke negeri Melaka itu belum boleh dijalankan. Admiral Verhoeff telah berpuas hati dengan alasan-alasan yang diberikan itu.

1609. Pada 5 hari bulan Januari tahun 1609, angkatan kapal Belanda yang dipimpin oleh Admiral Pieter Verhoeff telah sampai pula ke Kuala Sungai Johor. Pada 8 hari bulan itu juga Verhoeff telah memudiki Sungai Johor lalu mendarat di Johor Lama. Sultan Johor telah menghantarkan orang-orang besar baginda dengan sebuah perahu pergi menyambut Verhoeff di Johor Lama lalu dibawa ke Batu Sawar. Sampai ke Batu Sawar, Laksamana Belanda itu telah disambut dengan menaiki gajah lalu dibawa ke istana baginda di Batu Sawar itu.

Pada suatu Hari Raya Puasa di Batu Sawar itu, Verhoeff telah dapat menyaksikan istiadat baginda Sultan Johor bersama-sama dengan Raja Seberang (Raja Abdullah) dan orang besar baginda menaiki gajah berangkat pergi sembahyang ke masjid. Lepas itu baginda berangkat balik ke istana lalu bersemayam dihadapi oleh orang-orang besar baginda yang menjalankan adat menjunjung duli (menyembah); pada masa itu Verhoeff ada bersama-sama dalam majlis itu. Kemudian, pada hari itu juga, setelah Verhoeff menyampaikan barang-barang hadiah kepada Sultan Johor dan kepada Raja Seberang, Verhoeff telah dijamu baginda makan di meja yang telah disediakan mengikut cara Belanda; sambil makan itu irama lagu pun dimainkan dan ada pula penari-penari yang menari dalam majlis itu.

Dua hari lepas itu, Sultan Johor dan Raja Seberang telah membawa laksamana Belanda itu naik ke sebuah perahu di hadapan loji Belanda yang ada di Batu Sawar itu, lalu mudik ke hulu melihat-lihat dan memeriksa tempat yang baharu dibuka oleh Sultan Johor itu (Pasir Raja). Kemudian laksamana Belanda itu balik semula ke Batu Sawar tinggal di tempat kediamannya dan makan bersama-sama dengan Sultan Johor.

Tempat baharu di hulu Batu Sawar yang telah dilawat oleh Admiral Verhoeff itu nyatalah tiada berapa jauh dari Batu Sawar, dan tempat itulah Pasir Raja yang disebutkan tadi, dan nyatalah

pula tempat itu berdekatan juga dengan bandar Kota Tinggi sekarang ini. (Pasir Raja yang disebutkan ini, bukanlah Pasir Raja yang di hilir sedikit daripada Kuala Sayong).

Pada masa di Batu Sawar itu, Admiral Verhoeff telah meminta kepada Sultan Johor hendak mendirikan sebuah kota di Batu Sawar untuk—kata Verhoeff—menjaga Johor daripada serangan Portugis. Sultan Johor telah ragu-ragu hendak membenarkan permintaan Belanda itu, kerana baginda khawatir orang-orang Belanda akan berkelakuan seperti orang-orang Portugis juga iaitu suka mencabul perempuan Melayu. Tetapi, setelah baginda berfikir sebentar, baginda telah membenarkan pula permintaan Verhoeff itu dengan syarat yang telah dikemukakan baginda iaitu hendaklah orang-orang Belanda memerangi dan mengalahkan negeri Patani, kerana pada masa itu Raja Patani bermusuhan dengan Sultan Johor. Oleh sebab syarat itu tiada dapat dipenuhi oleh Verhoeff, tiadalah jadi orang-orang Belanda membuat kota di Batu Sawar. Tiada lama kemudian, dalam tahun 1609 itu juga, Admiral Verhoeff pun bertolak meninggalkan Batu Sawar (Johor).

1610. Pada awal tahun 1610, nampaknya Sultan Johor dan orang-orang besar baginda telah cenderung pula hendak bersahabat dengan orang-orang Portugis. Tambahan pula seorang putera baginda telah berkahwin dengan sepupunya puteri Raja Siak. Keluarga Raja Siak itu memang bersahabat baik dengan orang-orang Portugis. Raja Siaklah yang telah mempengaruhi Sultan Johor supaya bersahabat dengan Portugis. Tetapi Raja Abdullah (Raja Bongsu) tetap juga tiada suka bersahabat dengan Portugis.

Dengan ikhtiar Raja Siak, dalam bulan Oktober tahun 1610 itu juga, seorang pegawai Portugis bernama Joao Lopez d'Amoreira bagi pihak pemerintah Portugis di Melaka telah membuat perjanjian damai dengan Sultan Johor, dan sejak itu berdamailah balik Johor dengan Portugis. Tetapi Raja Abdullah tetap juga melindungi kepentingan Belanda yang ada di negeri Johor.

1612. Dalam bulan September tahun 1612, Sultan Alauddin Riayat Shah III telah menyerang negeri Pahang dan telah membakar sebuah kampung di negeri Pahang yang bernama Kampung Cina (Kampung Cina, Pekan Baharu sekarang), dan telah merosakkan beberapa banyak harta-benta orang-orang Pahang. Sultan

Pahang masa itu ialah Sultan Abdul Ghafur. Kemurkaan Sultan Johor sehingga datang menyerang dan membakar sebuah kampung di negeri Pahang itu, bersebab dari suatu perkara kecil sahaja, iaitu Sultan Johor sangat ingin hendak membeli sebetuk cincin yang terpendang oleh baginda di jari menantu Sultan Pahang (putera Sultan Berunai), tetapi menantu Sultan Pahang itu tiada mahu menjualnya; itulah mula sebabnya. Tetapi tiada lama lepas itu, Sultan Johor telah terpaksa meninggalkan negeri Pahang, kerana dihalau oleh seorang raja dari Berunai dengan angkatannya datang membantu keluarganya Sultan Pahang itu.

Dalam tahun 1612 itu juga, iaitu pada masa Sultan Alauddin Riayat Shah III bersemayam di Pasir Raja, Bendahara Tun Seri Lanang mula menyurur *Sejarah Melayu* yang diperbaiki daripada *Sejarah Melayu* yang asalnya iaitu *hikayat Melayu dibawa orang dari Goa*, dengan titah galakan Yang Dipertuan di Hilir (Raja Abdullah) dan hikayat asalnya itu telah diberikan kepada Bendahara Tun Seri Lanang oleh Tun Bambang Seri Narawangsa anak Seri Akar Raja, Patani.

Sejak Johor bersahabat balik dengan orang-orang Portugis, kerajaan Aceh yang diperintah oleh Sultan Iskandar Muka Mahkota Alam telah memandang serong kepada Johor, kerana Portugis memang musuh ketat Aceh. Sultan Aceh itu telah menghantarkan angkatan perang yang besar pergi mengambil negeri Aru (Pulau Kampai, di Langkat sekarang) yang telah sekian lama tiada mahu tunduk kepada Aceh tetapi mahu tunduk ke Johor. Selepas menakluk Aru itu, Aceh telah menakluk Deli, Batu Bara, Asahan dan Siak pula.

1613. Dalam bulan Jun tahun 1613, Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, Sultan Aceh, telah menghantarkan suatu angkatan perang yang besar datang menyerang negeri Johor. Besar kemungkinannya baginda sendiri mengetuai angkatan itu.

Angkatan perang Aceh yang datang menyerang negeri Johor itu, telah berperang dengan askar-askar Johor selama dua puluh sembilan hari, baharulah Aceh dapat mengalahkan Johor; Kota Seberang dan Batu Sawar telah diduduki oleh askar-askar Aceh. Sultan Alauddin Riayat Shah (III) bersama-sama dengan adinda baginda Raja Abdullah (Raja Bongsu, orang Aceh menyebutnya: Raja Radin) serta Bendahara Tun Seri Lanang dan beberapa orang

panglima dan orang-orang besar Johor, serta dua puluh orang Belanda yang tinggal di loji mereka di Batu Sawar, semuanya telah ditawan oleh orang-orang Aceh lalu dibawa ke negeri Aceh.

Sampai ke Aceh, Sultan Alauddin telah diberi tempat yang baik dan dipelihara. Raja Abdullah telah dikahwinkan dengan seorang puteri Aceh adinda Sultan Iskandar Muda untuk mempereratkan kembali tali persaudaraan keluarga diraja antara kedua buah negeri itu.

Pada akhir tahun 1613 itu juga, Sultan Iskandar Muda telah menyuruh Raja Abdullah balik ke negeri Johor dihantar oleh suatu angkatan Aceh mengandungi tiga puluh buah perahu besar, membawa lebih kurang dua ribu orang askar-askar Aceh serta beberapa banyak wang kerana hendak membaiki dan membangunkan semula bandar Batu Sawar yang telah rosak oleh peperangan yang baharu lepas itu. Angkatan Aceh itu diketuai oleh orang besar Aceh yang bergelar Orang Kaya Lela Wangsa. Setelah sampai ke Johor, Raja Abdullah pun bersemayam di istana lama kakandanya di Batu Sawar dan memulakan pekerjaan membaiki dan menambah besarkan lagi bandar Batu Sawar dengan bantuan orang-orang Aceh yang datang itu.

Bendahara Tun Seri Lanang tinggal di Aceh sambil menyambung kerjanya menyusun dan membaiki *Sejarah Melayu* yang telah dimulakannya di Pasir Raja dahulu. Pada masa di Aceh itu berkenalanlah Tun Seri Lanang dengan pengarang-pengarang dan ulama yang terkenal di Aceh pada masa itu seperti Shaikh Nuruddin Ar-Raniri, Tun Aceh, Tun Burhat, Hamzah Fansuri, Shaikh Shamsuddin Samatrani dan lain-lain; pengarang-pengarang dan ulama di Aceh masa itu memang digalakkan oleh Sultan Iskandar Muda memajukan usaha-usaha mereka dalam bahagian masing-masing untuk memajukan persuratan Melayu dan agama Islam.

1614. Kira-kira pada pertengahan tahun 1614, Sultan Alauddin Riayat Shah III yang tertawan di Aceh itu telah dilepaskan balik ke negeri Johor iaitu setelah baginda berjanji dengan Sultan Aceh akan membantu Aceh dalam peperangan melawan orang-orang Portugis, dan tidak membenarkan orang-orang Belanda tinggal di negeri Johor lagi. Sultan Alauddin pun berangkat balik ke Johor. Tetapi nampaknya, seperti dahulu juga, pertadbiran negeri Johor


itu dijalankan oleh Raja Abdullah yang disebut juga Yang Dipertuan di Hilir (bersemayam di Kota Seberang, di hilir sedikit dari pada Batu Sawar).

Sultan Alauddin yang telah kembali semula ke negeri Johor itu pun nampaknya tiada pula tetap bersemayam di istana baginda, melainkan selalu sahaja berangkat ke sana ke mari, dan kadang-kadang bersemayam dalam perahu sahaja, di tempat-tempat di sekitar negeri Johor; jadi, seolah-olah Raja Abdullahlah Sultan negeri itu. Dalam pada itu, baik Sultan Alauddin atau Raja Abdullah, tiadalah dengan sepenuhnya mematuhi janji mereka dengan Sultan Aceh yang perkasa itu.

Pada 25 hari bulan Ogos tahun 1614 itu juga, seorang orang besar Belanda bernama Adriaen van der Dussen telah datang melawat ke Batu Sawar, dan mengikut keterangan orang Belanda itu, mengatakan: pada masa itu Sultan Johor serta orang-orang besar baginda telah dibawa balik ke negeri Johor oleh orang besar Aceh Orang Kaya Lela Wangsa. Bandar Batu Sawar telah dibaiki semula dan telah dibesarkan lagi oleh orang-orang Aceh.

Adriaen van der Dussen telah berunding dan menegaskan lagi kepada Raja Bongsu (Raja Abdullah) fasal hendak membangunkan sebuah kota di tepi Sungai Johor seperti yang telah diminta oleh Admiral Pieter Verhoeff dalam tahun 1609 dahulu. Raja Bongsu tidak juga dapat meluluskan permintaan orang Belanda itu. Penolakan Raja Bongsu itu nyatalah kerana silukan kuasa dan pengaruh Aceh yang memang tidak membenarkan orang-orang Belanda mendirikan loji mereka di negeri Aceh. Sungguhpun demikian, tetapi dalam bulan Oktober tahun itu juga (1614), didapati orang-orang Belanda telah balik berniaga ke negeri Johor mendiami loji mereka di Batu Sawar, dan ini nyatalah disebabkan oleh Raja Abdullah yang memang suka bersahabat dengan Belanda.

1615. Pada awal tahun 1615, Raja Abdullah yang telah beristerikan puteri Aceh itu, telah dipanggil oleh Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam datang ke Aceh, kerana Sultan Aceh hendak berunding fasal rancangan hendak menyerang Portugis di Melaka dan juga perkara-perkara yang berhubung dengan orang-orang Belanda. Raja Abdullah telah pergi ke negeri Aceh dan telah belayar bersama-sama Sultan Iskandar Muda melawat tempat-tempat di pantai laut negeri Aceh. Berkenaan dengan rancangan




Johor Lama dan Kota Batu

dan persediaan Aceh hendak menyerang Melaka itu telah berlanjutan hingga beberapa tahun kemudian.

Dalam bulan Ogos tahun 1615 itu juga, Sultan Alauddin telah membuat perjanjian pula dengan orang-orang Portugis di Melaka, dan orang-orang Portugis telah menolong baginda menghantarkan putera baginda yang bernama Raja Bujang pergi menduduki takhta kerajaan Pahang dan menjadi Sultan di negeri itu. Isteri Raja Bujang itu ialah puteri Raja Ahmad adinda Sultan Abdul Ghafur, Sultan Pahang (Sultan Abdul Ghafur itu telah mangkat dibunuh dalam tahun 1614. Raja Ahmad Pahang itu hanya ada seorang putera bernama Raja Mughal yang kemudiannya kelak jadi Sultan Aceh bergelar Sultan Iskandar Thani).

Kejadian-kejadian di negeri Johor yang disebutkan itu telah membangkitkan kemurkaan Sultan Iskandar Muda, Sultan Aceh. Mengikut *Sejarah Aceh* lebih kurang dalam bulan November tahun 1615 itu juga, Sultan Aceh telah menghantar suatu angkatan perang yang besar pergi menyerang sekali lagi ke negeri Johor dan telah mengalahkan Batu Sawar. Sultan Alauddin telah melarikan diri ke hulu lagi hingga ke Seluyut; tetapi telah dapat juga ditawan oleh askar-askar Aceh yang pergi mengejar baginda ke situ. Sultan Alauddin telah dibawa balik ke negeri Aceh. Sampai di Aceh, akhirnya, baginda telah dihukum bunuh. Dalam *Sejarah Aceh*, bagindalah yang disebut "Raja Siyujut", kepelatan Aceh menyebut "Seluyut", kerana baginda telah ditawan oleh askar-askar Aceh di Seluyut, *Sejarah Melayu* (Tun Seri Lanang) menyebutkan: bagindalah yang disebut *Marhum Yang Mangkat di Aceh* dan *Silsilah Perak* pula menyebutkan bagindalah yang disebut *Marhum Shahid Mangkat di Aceh*. Kemangkatan Sultan Alauddin Riayat Shah III (Raja Mansur) dihukum bunuh di Aceh itu nampaknya ialah pada penghujung tahun 1615 ataupun pada awal tahun 1616. Dengan persetujuan Sultan Aceh, Raja Abdullah diangkat jadi Sultan Johor.



Johor Lama dalam Kurun Masihi ke-16

Sultan Abdullah Ma'ayat Shah (1615/16-1623):

1615/16. SETELAH Sultan Alauddin Riayat Shah III mangkat di Aceh, adinda baginda (saudara seibu) Raja Abdullah (putera almarhum Sultan Muzaffar Shah, Marhum Mangkat di Seluyut dengan isterinya anak Seri Nara Diraja Pahang) yang disebut juga Raja Bongsu, Raja Seberang dan yang Dipertuan di Hilir, jadi Sultan Johor (Sultan Johor yang ke-VII) bergelar Sultan Abdullah Ma'ayat Shah; perlantikan itu ialah dengan persetujuan Sultan Aceh (Iskandar Muda Mahkota Alam). Setelah jadi Sultan itu, Sultan Abdullah pun pindah bersemayam ke Batu Sawar. Kejadian itu berlaku kira-kira dalam akhir tahun 1615 atau awal tahun 1616.

Sebagai yang telah diketahui, pada masa itu anak saudara baginda Raja Bujang putera almarhum Sultan Alauddin Riayat Shah III yang mangkat di Aceh itu, sedang memerintah di negeri Pahang sebagai Sultan, iaitu sejak bulan Ogos tahun 1615.

1617. Johor telah berbaik dengan Portugis dan melantik Raja Bujang ke atas takhta kerajaan negeri Pahang. Ini telah membangkitkan kemarahan Sultan Iskandar Muda Aceh. Pada tahun 1617 Sultan Aceh telah menghantarkan angkatan perang lain baginda menyerang negeri Pahang, dan askar-askar Aceh itu telah membinasakan daerah negeri Pahang (daerah di sekitar Pekan sekarang). Raja Bujang telah dapat melarikan diri lalu pergi ke Pulau Lingga dan tinggal di situ. Tetapi ayah mertuanya di Pahang Raja Ahmad adinda almarhum Sultan Abdul Ghafur, serta putera Raja Ahmad yang bernama Raja Mughal telah ditawan dan dibawa ke negeri Aceh. Lebih kurang 10,000 orang rakyat negeri Pahang telah dibawa pindah ke negeri Aceh untuk menambah ramaikan penduduk negeri Aceh dan menambahkan kekuatan tentera.

Iskandar Muda, iaitu sebahagian daripada dasar pemerintahan kerajaan Aceh masa itu. Seorang daripada puteri Pahang bernama Puteri Kamaliah telah menjadi seorang daripada isteri Sultan Iskandar Muda Aceh dan puteri Pahang itu telah termasyhur dalam sejarah Aceh kerana bijaksananya dan disebut oleh orang-orang Aceh *Puteri Phang*.

Sultan Abdullah Ma'ayat Shah telah merasa bosan berbaik dengan Aceh, kerana nyatalah kerajaan Johor bersama-sama dengan Pahang telah masuk dalam kuasa dan pengaruh kerajaan Aceh. Sultan Abdullah telah menceraikan isteri baginda puteri Aceh adinda Iskandar Muda itu, dan puteri itu pun kembali semula ke negeri Aceh. Sejak puteri Aceh itu balik ke negerinya, puteri Sultan Jambi yang telah diperisteri oleh Sultan Abdullah sejak tahun 1615 dahulu, telah menduduki tempat puteri Aceh itu sebagai permaisuri baginda.

1618. Oleh sebab Sultan Abdullah telah merasa kedudukan baginda di negeri Johor (Batu Sawar) itu tiada berapa selamat dan kurang pula hasil pendapatan kerajaan, pada tahun 1618 Sultan Abdullah pun pindah bersemayam ke Pulau Lingga dan bersama-sama baginda di pulau itu dengan anak saudara baginda Raja Bujang yang telah datang ke situ pada tahun lalu, dan sejak itu Lingga pula jadi pusat pemerintahan kerajaan Johor.

Pada masa Sultan Abdullah bersemayam di Lingga itu, untuk mendapatkan hasil pendapatan kerajaan, baginda telah menghubungkan perniagaan dengan Melaka (Portugis) dengan jalan: tongkang dan perahu yang datang ke Lingga dari negeri Siam (Thai), Patani, Tanah Jawa, Tanah Bugis (Sulawesi) dan Pulau-pulau Maluku yang membawa dagangan beras dan lain-lain dagangan, setelah membayar cukai kepada baginda baharulah dibenarkan tongkang dan perahu itu belayar melalui perairan kerajaan Johor (Selat Melaka dan selat-selat di selatan Singapura) membawa dagangan itu diperniagakan di Melaka. Sungguhpun Gabenor-Jeneral Kompeni Belanda di Betawi (Jakarta sekarang) masa itu melarang baginda membenarkan perahu-perahu itu pergi ke Melaka, tetapi larangan Belanda itu tiada dipedulikan oleh Sultan Abdullah.

1623. Setelah lebih kurang lima tahun lamanya Sultan Abdullah

bersemayam di Lingga, pada awal tahun 1623, Sultan Iskandar Muda Aceh telah menghantar angkatan perang baginda sekali lagi menyerang pusat pemerintahan kerajaan Johor di Pulau Lingga. Serangan itu nyatalah kerana kemarahan Sultan Aceh yang merasa telah dihinakan oleh Sultan Johor yang telah menceraikan adik Sultan Aceh itu. Perlanggaran Aceh ke Pulau Lingga itu telah mendatangkan beberapa kerosakan di pulau itu sehingga Sultan Abdullah serta keluarga baginda dengan diiringi oleh Raja Bujang, Laksamana Tun Abdul Jamil dan lain-lain orang besar baginda telah mengundurkan diri meninggalkan Pulau Lingga pergi bersemayam ke Pulau Tambelan pula.

Tiada berapa lama kemudian, kira-kira dalam bulan Mac tahun 1623 itu juga, Sultan Abdullah Ma'ayat Shah telah mangkat di Pulau Tambelan, dan disebut orang *Marhum Tambelan*. Setelah baginda mangkat, balu baginda puteri Sultan Jambi itu pun balik semula mendapatkan ayahnya di Jambi. Seorang putera almarhum itu bernama Raja Bajau, baharu berumur lebih kurang dua tahun.

Sultan Abdul Jalil Shah III.
(Raja Bujang) (1623-1677):

1615-1623. SEBAGAI yang telah diketahui, dalam pertengahan bulan Ogos tahun 1615, Raja Bujang putera almarhum Sultan Alauddin Riayat Shah III telah memerintah di negeri Pahang sebagai Sultan hingga tahun 1617 apabila askar-askar Acheh datang menyerang dan mengalahkan Pahang. Raja Bujang telah melarikan diri pergi ke Pulau Lingga. Dalam tahun 1618 datang pula Sultan Abdullah Ma'ayat Shah bersemayam ke pulau itu. Dalam bulan Januari tahun 1623 apabila Acheh datang menyerang dan mengalahkan Lingga, Raja Bujang bersama-sama ayah saudaranya Sultan Abdullah sekeluarga dibawa oleh Laksamana Tun Abdul Jamil pindah dan tinggal di Pulau Tambelan pula. Dalam bulan Mac tahun 1623 itu juga Sultan Abdullah Ma'ayat Shah mangkat di Pulau Tambelan.

1623-1624. Setelah mangkat Sultan Abdullah Ma'ayat Shah (Marhum Tambelan), Laksamana Tun Abdul Jamil, orang besar kerajaan Johor yang berkuasa masa itu, telah mengambil alih kuasa Bendahara lalu melantik Raja Bujang jadi Sultan Johor (Sultan Johor yang ke-VIII) bergelar Sultan Abdul Jalil Shah (III) dengan syarat Raja Bajau putera Marhum Tambelan yang baharu berumur kira-kira dua tahun itu (saudara sepupu baginda) hendaklah diakui oleh Sultan Abdul Jalil (Raja Bujang) sebagai bakal yang akan menggantikan kerajaan baginda.

Sungguhpun Raja Bujang telah jadi Sultan Johor, tetapi tidaklah baginda berani datang bersemayam di tanah besar negeri Johor. Dalam tahun 1624, didapati ramai orang-orang Melayu rakyat

Johor melarikan diri dari negeri Johor pergi ke negeri Jambi, kerana diusir oleh askar-askar Aceh.

1636. Pada 27 hari bulan Disember tahun 1636, Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, Sultan Aceh yang masyhur itu telah mangkat, menantunya Raja Mughal putera Raja Ahmad yang berasal dari negeri Pahang itu, diangkat oleh orang-orang besar Aceh menggantikan Marhum Mahkota Alam jadi Sultan Aceh bergelar Sultan Iskandar Thani. Sejak itu Pahang dengan Aceh berhubung baik, dan Sultan Iskandar Thani itu telah mengirakan negeri Pahang di bawah takluk baginda.

1637. Pada tahun 1637 Sultan Abdul Jalil III, Sultan Johor itu telah membuat perjanjian dengan orang-orang Belanda hendak bertolong-tolongan melawan orang-orang Portugis di Melaka, dan orang-orang Belanda akan menolong baginda mendirikan sebuah kota yang kuat di negeri Johor (Batu Sawar). Tetapi tidaklah nampaknya orang-orang Belanda telah menolong baginda mendirikan kota batu itu.

Sungguhpun pada masa itu orang-orang Portugis masih ada lagi di Melaka, tetapi orang-orang Belanda telah bertambah kuat daripada mereka, dan orang-orang Belanda telah mulai dapat menguasai kapal yang belayar di Selat Melaka dan telah menahapi beberapa buah kapal orang Portugis, bahkan hingga berani orang-orang Belanda itu datang mengintip ke Melaka memeriksa keadaan dan kekuatan Kota Melaka yang masih di dalam tangan orang-orang Portugis itu.

1638-1639. Oleh sebab tiada suka melihatkan Pahang berhubung baik dengan Aceh itu, tambahan pula baginda pun telah pernah memerintah negeri Pahang (1615-1617) dan memandang Pahang itu sebagai daerah takluk baginda, pada tahun 1638, dengan bantuan orang-orang Belanda, Sultan Abdul Jalil III telah menghantarkan angkatan perang baginda menyerang negeri Pahang sehingga rakyat Pahang menderita kesusahan oleh serangan bekas rajanya sendiri. Sejak itu Sultan Abdul Jalil telah mengakui diri baginda sebagai Sultan Johor-Pahang.

Pada masa orang-orang besar Sultan Iskandar Thani di negeri Aceh sedang bersiap-siap hendak pergi ke negeri Pahang men-

bawa batu-batu nisan yang akan dipasang di perkuburan raja-raja keluarga Sultan Iskandar Thani itu di Pahang, iaitu dengan kehendak Sultan Aceh itu sendiri, tiba-tiba sampai seorang orang besar dari Pahang memberitahu Sultan Iskandar Thani mengatakan negeri Pahang telah diserang oleh askar-askar Johor, ramai rakyat Pahang yang telah terbunuh dalam serangan itu dan orang-orang besarnya pun telah melarikan diri ke dalam hutan. Walaupun demikian, Sultan Iskandar Thani tetap juga hendakkan orang-orang besar Aceh pergi ke Pahang meneruskan pekerjaan yang telah dititahkan baginda itu; membawa batu-batu nisan dan memasangkannya di perkuburan keluarga baginda di Pahang.

Apabila sampai di Pahang, orang-orang Aceh yang datang itu telah menyempurnakan titah raja mereka memasang batu-batu nisan yang mereka bawa di makam-makam keluarga Sultan Iskandar Thani di Pahang itu dengan upacara istiadat yang selengkapnya. Pada masa itu Sultan Abdul Jalil telah berangkat melawat ke Patani.

1640-1641. Sultan Iskandar Thani telah menghantar bantahan kepada orang Belanda yang telah bersahabat baik dengan Johor hingga Johor telah menyerang Pahang. Sultan Aceh itu tidak lagi mahu menolong Belanda menyerang Portugis di Melaka seperti yang telah dipersetujui oleh Aceh hendak membantu Belanda.

Dalam bulan Jun tahun 1640, dengan perintah Gabenor-Jeneral Antonio van Dieman di Betawi, angkatan kapal perang Belanda dari Betawi telah datang ke pelabuhan Melaka lalu mengepung bandar Melaka yang hendak mereka serang itu. Pada akhir bulan hadapannya (Julai) Sultan Abdul Jalil Johor telah menghantar angkatan perang baginda sebanyak 40 buah perahu perang membawa askar-askar Melayu seramai lebih kurang 1,500 orang di bawah pimpinan Laksamana Tun Abdul Jamil (kemudiannya bergelar Paduka Raja) pergi membantu orang-orang Belanda mengepung dan memerangi orang-orang Portugis di Melaka. Setelah lebih kurang enam bulan lamanya Kota Melaka dikepung dan diserang oleh askar-askar Belanda yang dibantu oleh askar-askar Johor itu, akhirnya pada 14 hari bulan Januari tahun 1641 Belanda pun berjaya menakluk Melaka dengan meruntuhkan kekuasaan Portugis yang telah bercokol di bumi Melayu itu selama 130 tahun (1511-1641).

Lebih kurang sebulan selepas Belanda menakluk Melaka itu, pada 15 hari bulan Februari tahun 1641 itu juga, Sultan Iskandar Thani, Sultan Aceh itu telah mangkat di Aceh; balunya Puteri Safiatuddin, disebut juga Puteri Seri Alam anakanda Marhum Mahkota Alam dilantik menjadi raja pemerintah Aceh bergelar Sultanah Tajul Alam Safiatuddin Shah (gelaran Melayunya; Puteri Seri Alam Permaisuri), dan mulalah Kerajaan Aceh diperintah oleh raja perempuan.

Setelah Portugis di Melaka dialahkan oleh Belanda dan kerajaan Aceh pun telah beraja perempuan, dalam tahun 1641 itu juga baharulah Sultan Abdul Jalil III datang balik ke tanah besar negeri Johor membuat tempat semayam dan pusat pemerintahan baginda di tepi Sungai Johor iaitu di tempat yang bernama Makam Tauhid (ke hulu sedikit daripada Batu Sawar, termasuk dalam lingkungan Kota Tinggi sekarang). Sungguhpun pada mulanya baginda sakit hati juga kepada Laksamana Tun Abdul Jamil disebabkan Johor tiada mendapat apa-apa faedah setelah menolong Belanda menawan Melaka itu, tetapi hal itu tiada pula melarat, kerana persahabatan Johor dengan Belanda telah bertambah baik; baginda telah menerima barang-barang hadiah daripada Belanda dan baginda tidak lagi khuatirkan ancaman Portugis dan Aceh. Laksamana Tun Abdul Jamil sendiri telah menerima beberapa banyak barang hadiah daripada Kompeni Belanda kerana pertolongan Johor membantu Belanda menyerang Melaka. Pada masa itu raja-raja dan ketua-ketua pemerintah di pulau-pulau sekitar Johor, di Gugusan Pulau-pulau Riau, serta Bengkalis, Kampar dan Siak di Sumatera Timor, semuanya tunduk di bawah perintah Sultan Abdul Jalil Shah III, Sultan Johor-Pahang itu.

Pada masa itu orang-orang besar Johor telah memohon pula kepada Sultan Johor supaya baginda tidak menghantarkan utusan Johor pergi ke negeri Aceh membuat hubungan persahabatan di antara Johor dengan Sultanah Tajul Alam yang sedang memerintah di negeri Aceh itu, kerana orang-orang besar Johor itu khuatir kalau-kalau hubungan persahabatan antara kedua kerajaan itu menyebabkan Sultan Johor kahwin pula dengan Sultanah Tajul Alam itu.

Pada tahun 1641 itu juga Raja Bajau putera Marhum Tambelan, bakal Sultan Johor yang baharu berumur lebih kurang 20 tahun itu, dilantik oleh Sultan Abdul Jalil jadi Yamtuan Muda

(Raja Muda) bersemayam dan memerintah di negeri Pahang. Laksamana Tun Abdul Jamil dititahkan baginda pula pergi membuka negeri di Sungai Charang (di Pulau Bentan) dan tempat itu dinamakan *Riau*. Laksamana Tun Abdul Jamil telah membina kubunya di situ untuk melancarkan serangan ke kapal Portugis di perairan Riau.

Perniagaan orang-orang Belanda di Melaka semakin lama semakin berkembang, kerajaan Johor telah bangkit serta berkembang semula di bawah perintah Sultan Abdul Jalil Shah III itu. Tetapi lama-kelamaan, perkembangan kuasa dan perniagaan Belanda di Melaka yang kemudiannya telah meluas ke merata-rata negeri di Semenanjung Tanah Melayu dan ke pantai timur Sumatera serta ke lain-lain daerah di Nusantara, telah membawa kepada kelemahan dan kejatuhan kerajaan Johor seperti yang akan diceritakan lagi. Pada akhir tahun 1641 itu juga, Raja Patani telah berangkat melawat ke negeri Johor membalas lawatan Sultan Johor ke Patani dahulu.

1642. Dalam bulan Februari tahun 1642 dua orang pegawai Belanda dari Melaka bernama Pieter Willemsz dan Jan Meine telah sampai ke Johor (Makam Tauhid) kerana mengucapkan selamat kepada baginda Sultan Johor yang baharu pindah bersemayam ke tempat baharu itu. Mengikut keterangan orang Belanda: pada masa itu Laksamanalah (Tun Abdul Jamil) orang besar Johor yang sangat dikasihi oleh Sultan Johor. Pegawai-pegawai Belanda yang datang itu, bagi pihak ketuanya di Melaka, telah membuat perjanjian baharu pula dengan Sultan Johor. Di antara syarat dalam perjanjian itu ada menyebutkan: semua kapal dari Johor yang belayar hendak pergi ke tempat-tempat yang di sebelah barat Melaka, hendaklah lebih dahulu singgah ke Melaka mengambil pasport daripada orang Belanda. Hamba-abdi yang lari daripada kedua-dua pihak (Johor dan Belanda) hendaklah dikembalikan semula kepada pihak yang punya hamba-abdi itu. Pada masa itu ada beberapa orang Kristian kulit hitam yang telah dapat ditawan di Melaka dipenjarakan di negeri Johor dan orang-orang tawanan itu boleh dapat dibeli daripada Sultan Johor dengan harga di antara 50-60 rial tiap-tiap seorang. Tetapi kemudiannya orang-orang tawanan itu telah ditebus oleh orang-orang Belanda dan dibawa mereka balik ke Melaka. Sultan Abdul Jalil yang bersemayam di

Makam Tauhid itu telah berkirim surat kepada Johan van Twist, Gabenor Belanda di Melaka mengesahkan syarat dalam perjanjian yang telah dibuat itu, sambil menghadahkan pula kepada Gabenor Belanda itu sebuah batu geliga, sepuluh tahlil kapur barus dan dua gulung kain.

Dalam bulan Februari tahun 1642 itu juga orang-orang Belanda di Melaka telah cuba melarang perahu-perahu yang membawa lada hitam dari Tanah Jawa pergi ke negeri Johor dan Pahang, melainkan hendaklah perahu-perahu itu pergi ke Melaka dahulu, kerana kehendak orang Belanda biarlah orang-orang dari Johor dan Pahang datang ke Melaka membeli beras dan lain-lain barang keperluan mereka.

Ada kira-kira dua tahun lamanya Sultan Abdul Jalil bersemayam di Makam Tauhid, didapati baginda tempat itu tiada sihat untuk didiami; Bendahara baginda telah mangkat di tempat itu, dan Laksamana serta beberapa orang-orang besar Johor telah jatuh sakit. Oleh sebab itu, dalam bulan Oktober tahun 1642 baginda pindah menyeberangi Sungai Damar pergi bersemayam dan membuat tempat pusat pemerintahan baginda di tempat yang bernama Pasir Raja dan tempat ini pun dikenali dengan nama Batu Sawar juga (Di sinilah baginda bersemayam hingga tahun 1673).

Dalam bulan Oktober tahun itu juga (1642), Belanda telah membuat perjanjian berbaik-baik dengan Jambi. Perahu-perahu Jambi yang hendak pergi ke Pahang dan ke lain-lain tempat jua, hendaklah lebih dahulu mendapat surat kebenaran daripada Residen Belanda yang ada di Jambi itu.

1644. Pada tahun 1644 Permaisuri negeri Patani telah berkahwin dengan adik bongsu Sultan Abdul Jalil Johor dan perkahwinan itu telah merapatkan hubungan kedua buah negeri itu. Pada masa itu Bengkalis dan Kampar di Sumatera ialah tempat-tempat yang banyak mengeluarkan hasil lada hitam, dan negeri-negeri itu takluk di bawah kuasa kerajaan Johor. Negeri Siak dan Rekan (Rokan) pun diperintah oleh orang-orang besar Johor yang bergelar Syahbandar dan diam di tempat-tempat itu.

1647-1648. Dalam bulan Julai tahun 1647, seorang nakhoda Inggeris bernama Wylde telah datang melawat ke negeri Johor

dan telah mengadap Sultan Johor di Batu Sawar. Nakhoda Inggeris itu mengatakan: hasil yang terutama di negeri Johor masa itu ialah timah, lada hitam, kayu gaharu dan gading gajah. . . Hasil-hasil ini dibawa dari negeri Pahang, Kampar, Bulang dan Kelang. Di pasar perniagaan negeri Johor masa itu banyak dijual kain-kain yang didatangkan dari negeri India. Dalam bulan Mac tahun 1648, Sultan Johor-Pahang (Sultan Abdul Jalil III) telah mengutus orang-orang besar baginda yang bergelar Lela Wangsa dan Tun Lela Pahlawan membawa surat baginda dikirimkan kepada Gabenor-Jeneral Belanda di Betawi bernama Cornelis van de Lijn, dan dalam surat itu baginda menyatakan fasal Raja Mataram (di Tanah Jawa) telah mengancam baginda dan meminta pasport bagi sebuah kapal yang hendak belayar ke pantai Koromandel (di India). Utusan Johor itu telah diraikan oleh Gabenor-Jeneral Belanda itu dan telah dibawanya melawat ke tempat-tempat yang menarik perhatian di sekitar Betawi. Sebulan lamanya utusan Johor itu di Tanah Jawa baharulah mereka balik ke Johor.

1661. Dalam catatan sejarah orang Belanda ada mengatakan: dalam tahun 1661, saudagar-saudagar Cina dari Melaka telah membawa beberapa banyak kain ke pasar perniagaan di negeri Johor, iaitu kain-kain buatan Inggeris dan buatan orang-orang Islam yang didatangkan dari bandar Surat dan dari bandar-bandar di pantai Koromandel. Banyak juga dagangan yang dibawa dari Betawi diperniagakan di negeri Johor. Pada masa itu negeri Johor (Batu Sawar) telah jadi bandar pusat perniagaan bagi dagangan yang dibawa dari negeri China dan dijual pula ke negeri-negeri di sekitar Johor.

Dalam bulan Mei tahun 1661, sebuah kapal orang Inggeris yang datang dari bandar Surat (di India) telah melalui Melaka dalam pelayarannya hendak ke negeri Johor. Gabenor Belanda di Melaka telah berkirim surat kepada Sultan Johor meminta kepada baginda supaya orang-orang Johor jangan berniaga dengan orang-orang Inggeris yang datang itu. Dalam pada itu, dihantarkan pula oleh Gabenor Belanda itu dua orang pegawainya pergi ke Johor pura-pura dikatakan hendak mencari hamba-abdi mereka yang lari ke Johor; padahal yang sebenarnya ialah hendak mengintip orang-orang Inggeris yang datang hendak berniaga ke negeri Johor itu dan memerhatikan sikap orang-orang Johor terhadap orang-orang

Inggeris itu lalu melaporkannya kepada Gabenor mereka di Melaka. Orang-orang Inggeris yang datang itu telah meminta juga kepada Sultan Johor hendak mendirikan gudang perniagaan mereka di negeri Johor; tetapi permintaan itu tiada diluluskan baginda. Sungguhpun orang-orang Belanda tersangat iri hati dan cuba menggagalkan percubaan orang-orang Inggeris hendak berniaga di negeri Johor, tetapi sejak itu saudagar-saudagar Inggeris tidak pula berhenti-henti berikhtiar mencuba hendak dapat berniaga di negeri Johor.

1663-1664. Pada tahun 1663, Yamtuan Muda Raja Bajau, bakal Sultan Johor yang memerintah di negeri Pahang itu telah bertunang dan hendak dikahwinkan dengan anak Raja Jambi (Pengeran Jambi). Sultan Abdul Jalil tidak bersetuju Raja Bajau dikahwinkan dengan anak Raja Jambi itu. Oleh sebab itu, pada tahun berikutnya, tahun 1664, pertunangan di antara Raja Bajau dengan puteri Jambi itu pun diputuskan di Johor.

Dengan tidak mengetahui apa yang telah berlaku di Johor, Raja Jambi telah mengutus ke Johor mempersilakan Yamtuan Muda Raja Bajau datang ke Jambi supaya perkahwinannya dengan puteri Jambi itu dilangsungkan. Tetapi panggilan Raja Jambi itu tidak pun dipedulikan oleh Raja Bajau. Sangatlah marah Raja Jambi akan perbuatan raja Johor itu, dan bermusuhlah Jambi dengan Johor.

Apabila Yamtuan Muda Raja Bajau mendengar khabar Raja Jambi hendak menghantarkan angkatan perangnya memerangi Johor, Raja Bajau pun menghantar utusannya pergi ke Jambi hendak menerangkan kepada Raja Jambi akan sebabnya ia tiada dapat datang ke Jambi melangsungkan perkahwinannya dengan puteri Jambi itu. Perahu utusan Raja Bajau yang hendak pergi ke Jambi itu diiringi oleh angkatan Laksamana Tun Abdul Jamil sebanyak lima puluh buah perahu dan dua ribu orang hingga had Pulau Lingga. Tujuannya ialah jika didapati benar Jambi hendak memerangi Johor, angkatan Laksamana itu akan terus pergi menyerang negeri Jambi. Berita kedatangan angkatan Laksamana Johor ke Lingga itu terdengar juga ke Jambi hingga heboh orang-orang Jambi pindah-randah meninggalkan rumah mereka.

Utusan Yamtuan Muda Raja Bajau yang sampai ke Jambi itu telah menerangkan kepada Raja Jambi: perkahwinan Raja Bajau

yang tidak dapat dilangsungkan dengan puteri Raja Jambi itu ialah disebabkan oleh Sultan Johor yang tiada menyetujui perkahwinan itu dilangsungkan, sehingga Raja Bajau tiada dapat datang ke Jambi. Setelah utusan itu balik ke Johor, Laksamana Tun Abdul Jamil telah meninggalkan lima enam buah perahunya dekat Jambi untuk memerhatikan gerak-geri di Jambi yang dikatakan hendak menyerang Johor itu.

Selain daripada Sultan Abdul Jalil tiada menyetujui dilangsungkan perkahwinan Raja Bajau dengan anak Raja Jambi itu, ialah juga kerana Raja Bajau telah beristerikan anak Laksamana Tun Abdul Jamil, kerana pada masa itu Laksamana itulah orang besar yang sangat berpengaruh dalam Kerajaan Johor, dan beliau-lah juga memegang kuasa sebagai kuasa Sultan Johor memerintah di Riau, tempat yang dibukanya dahulu.

Pada akhir tahun 1664, Raja Jambi telah mengutus memberi tahu kepada Sultan Johor membatalkan pertunangan anaknya dengan Raja Bajau itu, lalu anaknya itu dikahwinkannya dengan orang lain pula. Sejak itu bertambah teganglah permusuhan di antara Jambi dengan Johor.

1666-1667. Sejak Johor bermusuhan dengan Jambi, selalulah Yamtuan Muda Raja Bajau mengikut mertuanya Laksamana Tun Abdul Jamil yang telah beberapa kali menyerang perahu orang Jambi. Dalam bulan Julai tahun 1666, orang-orang Belanda telah cuba hendak mendamaikan Johor dengan Jambi; tetapi percubaan orang Belanda itu tiada berjaya. Dalam bulan Disember tahun itu juga, Jambi telah meminta pertolongan kepada Belanda, kerana Raja Muda Johor (Raja Bajau) telah membedil angkatan perahu Raja Jambi dengan cara yang curang. Tetapi mengikut keterangan dari pihak Johor pula mengatakan: angkatan perahu Jambilah yang telah menyerang perahu dalam angkatan Raja Muda Johor itu tatkala dalam pelayarannya hendak mengambil isterinya ke Riau. Dalam bulan Mei tahun 1667 lagi sekali Jambi minta tolong kepada Belanda, kerana angkatan dari Johor telah datang membakar kampung-kampung di tepi Sungai Jambi.

1669. Permusuhan di antara Jambi dengan Johor itu masih berjalan terus. Pada tahun 1669 seorang orang besar Jambi telah memberitahu kepada pihak berkuasa Belanda mengatakan: dalam

pertempuran di antara Jambi dengan Johor, pihak Jambi telah dapat menawan orang-orang Johor seramai 1,318 orang serta beberapa pucuk meriam; dan pihak Johor telah menawan orang-orang Jambi seramai 550 orang. Orang besar Jambi itu telah menghadiahkan kepada Gabenor-Jeneral Belanda di Betawi seorang Melayu Johor yang pandai bertukang kayu, serta seketul gigi gajah.

Pada masa itu Inderagiri pula telah tunduk ke bawah kuasa Sultan Johor. Di Inderagiri masa itu banyak mengeluarkan hasil lada hitam yang dibawa dari daerah Minangkabau; dan dari Inderagiri dagangan lada hitam itu dibawa dan diperniagakan pula ke Batu Sawar.

Pada masa itu Batu Sawar telah menjadi pusat perniagaan yang besar. Selain daripada lada hitam, hasil dagangan seperti timah, kelapa kering, kayu gaharu, gading gajah, kapur barus, periuk belanga, damar dan lain-lain dagangan yang didatangkan dari daerah-daerah takluk Johor seperti dari Pahang, negeri-negeri di pantai timur Sumatera, Gugusan Pulau-pulau Riau, dan juga dari Sungai Ujong, Kelang, dan daerah-daerah di darat Melaka seperti Nanning dan Rembau, semuanya dibawa ke Batu Sawar dan lain-lain bandar di tepi Sungai Johor, dan dari tempat-tempat itu baharulah dagangan itu dijual kepada orang-orang Belanda. Sebagai menunjukkan bahawa Johor bukan takluk Belanda, hasil-hasil dagangan yang dibawa ke Batu Sawar itu dijual juga kepada saudagar Gujerat, China, Portugis, dan saudagar Inggeris yang datang ke negeri Johor. Dan ke Batu Sawar jugalah saudagar-saudagar China datang membawa dagangan dari negeri China seperti benang emas, barang-barang tembikar jenis kasar, kualiti besi, teh dan tembakau, ditukarkan mereka dengan timah dan lada hitam yang banyak di pasar perniagaan Batu Sawar itu. Saudagar-saudagar Belanda, China yang datang dari Melaka, orang-orang India, Portugis dan Inggeris, yang datang ke Batu Sawar itu telah membawa beberapa banyak kain buatan India. Segala cukai barang-barang dagangan yang dibawa keluar masuk negeri Johor itu serta bayaran cukai pelabuhan yang dikenakan kepada kapal yang datang ke negeri Johor itu, semuanya terserah kepada Sultan Johor.

1670. Dalam tahun 1670 telah berlaku perang di antara Jambi dengan Johor. Mengikut keterangan dari pihak Jambi kepada

orang-orang Belanda mengatakan: dalam peperangan itu pihak Jambilah yang selalu menang. Tetapi dalam bulan November tahun 1670 itu juga, delapan buah perahu perang angkatan Johor telah datang menyerang dan membinasakan semua kampung di tepi Sungai Jambi. Dalam suatu daripada peperangan itu, seorang orang besar dari keluarga diraja Jambi telah mangkat dibunuh oleh orang-orang Johor. Dalam bulan Disember tahun itu juga (1670) Raja Jambi telah memberitahu kepada Gabenor-Jeneral Belanda di Betawi mengatakan: selagi Sultan Johor ataupun utusan baginda tidak datang ke Jambi minta maaf kepada Raja Jambi, dan memberikan kepada Raja Jambi seorang yang berdarah raja sebagai menggantikan orang besar Jambi yang telah terbunuh itu, selama itulah tidak akan aman. Tetapi permintaan Raja Jambi itu nampaknya tidak dipedulikan oleh Sultan Johor. Permusuhan di antara kedua buah negeri Melayu itu berpanjangan juga hingga mengorbankan beberapa banyak jiwa dan harta-benda bangsa sendiri; dan dalam keadaan yang seperti itu, sudah tentulah orang-orang Belanda yang telah bertapak di Betawi (sejak tahun 1619) dan di Melaka (sejak tahun 1641) itu menjalankan politik penjajahannya terhadap negeri-negeri Melayu yang bermusuhan itu dengan cara menonjol-nonjolkan bahawa pihaknya sendiri (Belanda) sebagai pendamai dan pengaman.

1671-1672. Pada masa Gabenor Balthasar Bort jadi Gabenor di Melaka (Belanda), pada tahun 1671 ia telah menghantar seorang pegawainya bernama Adriaen Weyland pergi berjumpa Sultan Johor dan cuba menasihatkan baginda supaya memberhentikan peperangan di antara Johor dengan Jambi itu. Tetapi percubaan itu tidak juga berjaya. Dalam tahun 1672, ada tiga kali angkatan perang Johor telah datang menyerang dan membinasakan kampung-kampung di tepi Sungai Jambi.

1673. Dalam bulan Mei tahun 1673, angkatan perang Jambi mengandungi sebanyak 75 buah perahu perang telah datang dengan mengejut menyerang dan membinasakan Bengkalis daerah takluk kerajaan Johor di pantai timur Sumatera itu. Dari situ datang pula angkatan perang Jambi itu menyerang dan membinasakan kampung-kampung di tepi Sungai Johor; dan setelah menyerang dan mengalahkan Johor Lama, askar-askar Jambi itu mudik lagi

datang menyerang Batu Sawar tempat semayam Sultan Abdul Jalil. Walaupun serangan itu telah ditentang oleh orang-orang Johor, tetapi akhirnya kalah juga Johor. Sultan Abdul Jalil serang orang-orang besar baginda telah berundur meninggalkan negeri Johor pergi ke negeri Pahang, bersemayam di situ. Askar-askar Jambi yang telah menyerang dan mengalahkan Batu Sawar itu telah dapat merampas harta-benda kerajaan Johor sebanyak seratus pucuk meriam dan emas yang ditaksir berharga sebanyak 100,000 rupiah Belanda masa itu; 2,500 orang-orang Johor, termasuk Bendahara Johor, telah ditawan oleh askar-askar Jambi. Tetapi hampir 1,200 orang daripada orang-orang tawanan itu telah dapat melarikan diri. Seorang Inggeris bernama Locq yang ada di Batu Sawar masa itu telah ditangkap oleh askar-askar Jambi dan akhirnya orang Inggeris itu telah mati terbunuh.

1674. Dalam bulan Julai tahun berikutnya, tahun 1674, Raja Jambi sendiri telah menyatakan: orang-orang tawanan dan harta-benda yang telah dirampas oleh askar-askar Jambi pada masa menyerang dan mengalahkan negeri Johor itu, memang ada dalam tahanan di negeri Jambi. Orang-orang Johor yang tertawan di Jambi itu dipandang oleh orang-orang Jambi sebagai "saudara" mereka sendiri, dan lambat-laun mereka akan dihantar juga balik ke kampung halaman mereka di negeri Johor. Sungguhpun demikian, tetapi permusuhan antara kedua negeri itu masih berjalan terus.

Dalam bulan Disember tahun 1674 itu juga, sebuah angkatan perahu orang Johor yang dipimpin oleh Dato' Seri Nara Diraja Johor telah menyerang perahu-perahu yang dibawa oleh dua orang kepala perompak laut yang terkenal di Jambi. Seorang daripada kepala perompak itu telah ditangkap oleh orang-orang Johor dan lalu diserahkan kepada Sultan Abdul Jalil yang pada masa itu bersemayam di Pahang. Ketua perompak itu telah dihukum bunuh dengan cara yang ngeri. Dalam tahun itu juga, Laksamana Tuah Abdul Jamil dengan Yamtuan Muda Raja Bajau telah pergi juga menyerang dan membinasakan kampung-kampung di tepi Sungai Jambi.

1675. Pada akhir tahun 1675 ada berita-berita angin mengatakannya Sultan Johor yang bersemayam di negeri Pahang itu hendak mem-

buat suatu perikatan dengan kerajaan Siam dengan tujuan hendak menyerang Jambi. Tetapi khabar itu nampaknya tidaklah berlaku.

1676. Pada tahun 1676, Yamtuan Muda Raja Bajau putera al-marhum Sultan Abdullah Marhum Tambelan, Raja Muda Johor yang memerintah di negeri Pahang itu, telah mangkat di Pahang dalam usia lebih kurang 56 tahun dan meninggalkan seorang putera bernama Raja Ibrahim.

1677. Lebih kurang tengah dua tahun selepas mangkat Raja Bajau itu, pada 22 hari bulan November tahun 1677, Sultan Abdul Jalil Shah III (Raja Bujang), Sultan Johor-Pahang itu telah mangkat di negeri Pahang; disebut *Marhum Mangkat di Pahang* dan disebut juga *Marhum Besar*.

Sultan Ibrahim Shah (1677-1685):

1677. SETELAH mangkat Sultan Abdul Jalil III (Raja Bujang) di negeri Pahang pada akhir tahun 1677, Raja Ibrahim putera almarhum Raja Bajau, dilantik jadi Sultan Johor-Pahang bergelar Sultan Ibrahim Shah. Bendahara Johor masa itu ialah Tun Habib Abdul Majid yang bergelar Bendahara Seri Maharaja.

1678. Pada tahun berikutnya, tahun 1678, Laksamana Tun Abdul Jamil yang tinggal di Riau, telah mempersilakan Sultan Ibrahim pindah bersemayam ke Riau; oleh itu baginda pun pindah dari Pahang pergi ke Riau membuat tempat pusat pemerintahan baginda di situ. Seorang daripada isteri Sultan Ibrahim itu ialah anak Laksamana Tun Abdul Jamil. Setelah baginda bersemayam di Riau, mulalah orang-orang Belanda membuat hubungan perniagaan secara kecil dengan Pulau Riau. Dalam pada itu permusuhan di antara Johor dengan Jambi belum juga selesai, dan dari Riau itu mudahlah Sultan Ibrahim melancarkan serangan ke Jambi. Lebih kurang pada tahun itulah juga Laksamana Tun Abdul Jamil telah membunuh Temenggung Johor di Tanjong Batu (dekat Johor Lama).

1679. Oleh sebab hendak menamatkan permusuhan di antara Johor dengan Jambi, kira-kira dalam bulan Jun tahun 1679, Sultan Ibrahim telah menitahkan Laksamana Tun Abdul Jamil membawa angkatan perang sebanyak tiga ratus buah perahu pergi menyerang negeri Jambi. Seorang orang besar Bugis bernama Daing Mengikat telah membantu Johor dalam serangan ke Jambi itu. Dalam peperangan itu Jambi kalah, lalu berdamai dan Jambi pun tunduk di bawah kuasa kerajaan Johor yang berpusat di Riau.

Sultan Ibrahim telah menggelar Tun Abdul Jamil dengan gelaran Paduka Raja. Sejak itu Paduka Raja Tun Abdul Jamillah orang besar yang berkuasa sekali dalam kerajaan Johor-Pahang sehingga melebihi kuasa Bendahara Seri Maharaja. Paduka Raja Tun Abdul Jamil telah melantik seorang anaknya memegang jawatan Laksamana yang telah dikosongkannya itu.

1680. Daing Mengika yang telah menyebelahi Johor mengalahkan Jambi itu, telah merasa tiada puas hati terhadap layanan kerajaan Johor kepadanya; boleh jadi kerana ia tiada mendapat bahagian yang secukupnya daripada harta rampasan setelah mengalahkan Jambi itu. Dalam bulan Oktober tahun 1680, Daing Mengika dalam suatu angkatannya telah menyerang dan merampas sebuah kapal yang membawa utusan Jambi dalam pelayarannya hendak pergi ke Riau, lalu menawan orang-orang dalam kapal Jambi itu seramai hampir-hampir dua ratus orang; Daing Mengika pun meninggalkan Riau pergi ke Palembang menyebelahi Raja Palembang pula.

1681. Dalam bulan Januari tahun 1681 Paduka Raja Tun Abdul Jamil bersama-sama dengan anaknya Laksamana Johor yang baharu itu, telah membawa angkatan perang Johor membantu Jambi menyerang Palembang yang dibantu oleh Daing Mengika itu. Angkatan Johor itu telah mengalahkan Palembang, dan Paduka Raja Tun Abdul Jamil telah mengambil semua meriam dan separuh daripada harta rampasan yang didapati dalam peperangan mengalahkan Palembang yang dibantu oleh Daing Mengika itu.

Dalam bulan Februari tahun itu juga (1681), sebuah kapal Perancis bernama *de Voiltour*, dalam pelayarannya hendak ke negeri Siam (Thai), telah singgah ke Riau, dan orang besar Perancis dari kapal itu telah mengadap Sultan Ibrahim dan menyampaikan hadiah serta sepucuk surat daripada Raja Perancis kepada Sultan Johor.

Lima bulan selepas mengalahkan Palembang itu (dalam bulan Mei), Paduka Raja Tun Abdul Jamil telah mengambil semua kuasa pemerintahan kerajaan Johor-Pahang ke dalam genggamannya, sehingga tidak lagi ia mengindahkan Sultan Ibrahim, dan orang-orang besar Johor pun tidak suka melihatkan tingkahlaku Paduka Raja yang telah sombong dan bongkak itu. Sultan Ibrahim sendiri

pun, seberapa boleh hendak menyingkirkan Paduka Raja itu dari sisi baginda.

Dalam bulan Mei tahun 1681 itu juga, Raja Jambi dengan suatu angkatan sebanyak 300 buah perahu serta orang-orangnya seramai 600 orang telah datang ke Riau. Raja Jambi telah mengucapkan terima kasihnya kepada Sultan Ibrahim kerana Johor telah membantunya mengalahkan Palembang dan orang besar Bugis itu (Daing Mengika). Dalam tahun itu juga, dua orang utusan dari Raja Siam telah datang menghadap baginda, menyatakan maksud Raja Siam hendak membantu baginda dengan orang-orang dan alat-alat sekali membaiki dan membuka semula bandar Johor Lama. Tetapi tiadalah pula didapati riwayatnya yang lebih lanjut berkenaan dengan hal itu.

1682. Dalam bulan April tahun 1682, Sultan Ibrahim serta Paduka Raja Tun Abdul Jamil dalam suatu rombongan baginda, telah berangkat melawat ke Betawi dan telah berjumpa juga dengan Gabenor-Jeneral Belanda di situ. Baginda dan Paduka Raja telah memberi barang-barang hadiah kepada Gabenor-Jeneral itu. Pada masa itu telah kedengaran berita mengatakan Sultan Ibrahim telah berura-ura hendak pindah bersemayam ke Johor Lama. Setelah baginda kembali ke Riau, datang pula utusan muhibbah daripada kerajaan Kedah menghadap baginda.

Sebelum tahun 1682, orang-orang Minangkabau yang telah bertambah ramai di negeri Siak, telah meminta seorang raja dari Minangkabau supaya memerintah di Siak. Raja Minangkabau telah menghantar seorang raja bernama Raja Hitam pergi memerintah di Siak.

Pada tahun 1682, angkatan perang Kerajaan Johor yang diketuai oleh Paduka Raja Tun Abdul Jamil, bersama-sama dengan anaknya Laksamana Johor, telah pergi menyerang Siak dan telah beroleh beberapa banyak rampasan. (Ada ahli sejarah berpendapat Raja Hitam dari Minangkabau yang memerintah di Siak itulah yang kemudiannya dikenali sebagai Raja Kecil, yang akan memainkan peranan yang lebih lagi dalam sejarah Johor-Riau. Tetapi pendapat itu tidak pula menerangkan dalil-dalilnya).

1685. Pada 16 hari bulan Februari tahun 1685, Sultan Ibrahim Sultan Johor-Pahang itu telah mangkat di Riau, dan baginda di

sebut *Marhum Bongsu*. Ada pula riwayatnya mengatakan bahawa kemangkatan baginda itu ialah kerana diracun oleh isteri-isteri baginda. Jika benar baginda mangkat kena racun itu, ialah kerana baginda telah menetapkan hendak pindah dari Riau bersemayam ke tanah besar negeri Johor — ke Johor Lama, dan pada masa itu di tanah besar negeri Johor, pengaruh keluarga Bendahara Johor lebih kuat, dan ketetapan baginda hendak pindah ke Johor itu, tidaklah disukai oleh Paduka Raja Tun Abdul Jamil. Oleh sebab itu, kalau benarlah kemangkatan baginda itu kerana diracun oleh isteri-isteri baginda, boleh jadi isteri baginda anak Paduka Raja Tun Abdul Jamil itulah yang telah meracun baginda bagi kepentingan ayahnya Paduka Raja itu.

Sultan Mahmud Shah II. (1685-1699):

1685. SETELAH mangkat Sultan Ibrahim Shah (Marhum Bongsu) di Riau pada bulan Februari tahun 1685, puteranya Raja Mahmud, iaitu putera almarhum itu dengan isterinya anak Paduka Raja Tun Abdul Jamil, dilantik menjadi Sultan Johor-Pahang, bergelar Sultan Mahmud Shah (II), iaitu Sultan Johor yang ke-X, bersemayam di Riau juga. Oleh sebab Sultan Mahmud masih kecil, baharu berumur lebih kurang sepuluh tahun, bonda bagindalah yang memangku kerajaan; tetapi orang yang sebenarnya berkuasa dalam pemerintahan kerajaan Johor masa itu ialah Paduka Raja Tun Abdul Jamil.

Oleh sebab desakan orang-orang Belanda, pada awal bulan April tahun 1685 itu juga, Paduka Raja Tun Abdul Jamil yang menjalankan pertadbiran kerajaan itu telah membuat perjanjian dengan orang-orang Belanda, kerana orang-orang Belanda hendak memborong timah di negeri Siak, daerah takluk Johor, yang baharu diketahui ada mengeluarkan bijih timah. Surat perjanjian itu telah ditandatangani juga oleh lain-lain orang besar Johor iaitu: Bendahara Seri Maharaja Tun Habib Abdul Majid, Laksamana (anak Paduka Raja) dan Temenggung Johor (anak Paduka Raja juga).

Pada masa itu kuasa kerajaan Johor nampaknya meliputi juga pengaruhnya ke negeri-negeri Melayu yang lain. Dalam tahun itu juga orang-orang Belanda telah meminta kepada kerajaan Johor memberitahu ke Rembau, Tampin, Sungai Ujong, Kelang dan Selangor (Kuala Selangor), supaya pihak-pihak berkuasa di tempat-tempat itu memelihara persahabatan lama di antara mereka dengan orang-orang Belanda di Melaka.

1688. Setelah lebih kurang tiga tahun lamanya Sultan Mahmud berkerajaan, orang-orang besar Johor, terutamanya Bendahara

Seri Maharaja, yang memusuhi Paduka Raja Tun Abdul Jamil yang hendak menguasai seluruh kerajaan Johor-Pahang itu, telah dapat menyingkirkan Paduka Raja daripada kerajaan Johor, dan Paduka Raja pun meninggalkan Riau pergi ke Trengganu. Paduka Raja Tun Abdul Jamil telah mangkat di Trengganu dalam tahun 1688 itu juga. Sejak itu kembalilah semula kuasa pentadbiran kerajaan Johor itu dipegang oleh Bendahara Seri Maharaja.

Pada tahun 1688 itulah juga Bendahara Seri Maharaja Tun Habib Abdul Majid telah mengambil Sultan Mahmud Shah dari Riau dibawanya pindah ke tanah besar negeri Johor, bersemayam di Kota Tinggi, di tepi Sungai Johor, di hulu sedikit daripada Makam Tauhid yang lama itu. (Sekarang Makam Tauhid itu termasuk ke dalam lingkungan Kota Tinggi).

1689. Pada 11 hari bulan April tahun 1689, Bendahara Tun Habib Abdul Majid bagi pihak kerajaan Johor telah membuat suatu perjanjian baharu pula dengan orang-orang Belanda. Sejak dibuat perjanjian itu, orang Belanda telah bebas berniaga dalam negeri Johor dan segala daerah yang dikuasainya seperti Pahang, Pulau-pulau Riau, Bengkalis, Siak dan lain-lain; orang-orang India tidak dibenarkan tinggal di negeri Johor; orang-orang Siak dibenarkan menjual kayu-kayu balak kepada orang-orang Belanda; perahu-perahu rakyat Johor yang datang berdagang ke Sungai Siak, hendaklah diperiksa, kalau ada membawa barang-barang larangan, akan dirampas.

Nampaknya orang Belanda telah mencuba menyekat orang-orang Melayu berdagang barang-barang besar ke negeri Siak dan cuba menyekat sekalian orang-orang Melayu datang berniaga ke Bengkalis, kerana pada masa itu Siak dan Bengkalis maju perniagaannya; dan nyatalah orang-orang Belanda masa itu telah cuba hendak merosakkan perniagaan dan perdagangan lain-lain bangsa Asia dalam negeri Johor dan daerah-daerah yang dikuasainya.

1691. Oleh sebab tiada puas hati dengan cara yang Belanda menjalankan perniagaan mereka di negeri Johor dan daerah-daerahnya itu, dalam bulan April tahun 1691, Sultan Mahmud telah menghantar utusan baginda pergi ke Betawi berjumpa pihak berkuasa Belanda di sana kerana hendak membatalkan syarat-syarat dalam

perjanjian yang telah dibuat oleh kerajaan Johor dengan orang-orang Belanda. Walaupun demikian, tetapi dalam penghujung Kurun Masihi yang ke-17 itu nampaknya tiadalah berlaku apa-apa pergeseran dalam hal perniagaan di antara Johor dengan Belanda.

1695. Dalam tahun 1695, iaitu pada masa Sultan Mahmud telah berusia lebih kurang dua puluh tahun, dan Bendahara Tun Habib Abdul Majid masih ada lagi jadi Bendahara, seorang ahli pelayaran Inggeris bernama Kapten Alexander Hamilton telah datang ke negeri Johor — itulah lawatannya yang mula-mula ke negeri Johor. Dia telah singgah ke Johor Lama membeli dagangan, dan di Johor Lama ia telah berjumpa dengan Sultan Mahmud dan menghadiahkan pistol kepada baginda. Mengenai Sultan Mahmud, antara lain Hamilton mengatakan: baginda itu banyak tabiatnya yang ganjil-ganjil dan berkelakuan bengis; istana tempat semayam baginda ialah pada suatu tempat lebih kurang dua puluh batu ke hulu daripada Johor Lama. Tetapi tidak pula Hamilton pergi melawat ke tempat itu (Kota Tinggi). Dipercayai, di Johor Lama pun ada istana baginda.

1697. Setelah Sultan Mahmud berusia lebih kurang dua puluh dua tahun, pada hari Khamis, 7 hari bulan Muharram Tahun Hijrah 1109, bersamaan dengan Tahun Masihi 1697, Bendahara Seri Maharaja Tun Habib Abdul Majid telah meninggal dunia; dimakamkan di Padang Saujana, Kota Tinggi, dan almarhum itulah yang disebut *Marhum Padang Saujana* atau *Bendahara Padang Saujana*. Anak almarhum itu yang bernama Tun Abdul Jalil dilantik jadi Bendahara Johor menggantikannya bergelar *Bendahara Paduka Raja*.

Sungguhpun Sultan Mahmud telah dewasa, tetapi baginda terus juga melakukan kegilaan dan kebengisan baginda dengan laku perangai baginda yang ganjil-ganjil itu, sehingga orang-orang besar Johor tidak lagi mengindahkan taraf kesultanan baginda itu; segala hal pemerintahan negeri yang hendak dirundingkan oleh orang-orang besar itu, mereka bermuafakat dengan Bendahara Paduka Raja Tun Abdul Jalil sahaja.

1699. Dalam bulan Ogos tahun 1699, setelah berkerajaan selama empat belas tahun, ketika berumur lebih kurang dua puluh empat

tahun, sedang muda benar, Sultan Mahmud Shah (II) pun mangkat, dan dimakamkan di Kota Tinggi.

Kemangkatan Sultan Mahmud Shah (II) itu, berbagai-bagai ceritanya yang telah didapati; tetapi nyatalah baginda itu telah mangkat dibunuh oleh orang besar baginda kerana kezaliman dan kebengisan baginda. Di antara cerita-cerita yang mengisahkan sebabnya dan caranya Sultan Mahmud terbunuh itu, yang masyhurnya, ialah seperti yang tersebut dalam hikayat *Tuhfatu'n-Nafis* (karangan Raja Ali Haji Riau) seperti yang disalinkan di bawah ini:

"Adalah seorang Raja Johor bernama Sultan Mahmud. Adalah baginda itu berbinikan peri konon, iaitu suatu nauk daripada jin; jadi baginda itu tiadalah suka bersekedudukan dengan isterinya yang berbangsa manusia ini.

"Pada suatu hari baginda itu tengah beradu, maka datanglah seorang mempersembahkan nangka masak, ditaruh oleh Penghulu Istana itu, kerana menantikan baginda itu jaga; tiba-tiba datang bini Megat Seri Rama yang bunting, mengidam hendak makan nangka, lalu dipintanya seulas kepada Penghulu Istana itu. Maka Penghulu pun mengambil seulas diberikan kepada bini Megat Seri Rama itu, maka ia pun baliklah.

"Maka apabila Raja itu terjaga, hendak makan nangka, lalu dipersembahkan oleh Penghulu Istana kepada baginda: "Ada yang tiada baik tadi, patik berikan kepada bini Megat Seri Rama daripada terbuang sahaja". Apabila ia mendengar maka baginda pun murkalah lalu disuruhnya panggil bini Megat Seri Rama itu, dibelahnya perutnya, dikeluarkannya anaknya dari dalam perutnya itu, maka matilah bini Megat Seri Rama itu.

"Maka apabila sampai khabar itu kepada suaminya Megat Seri Rama, maka ia pun menangislah, serta hilang akal, meradang sebab marahnya. Maka lalu ia mendapatkan Dato' Bendahara, maka dimaklumkannya yang ia hendak membalas dendam kematian isterinya itu, seraya berkata: "Jikalau Dato' hendak menjadi Raja, inilah ketikanya, yang diperhamba hendak menderhaka tiada boleh tiada." Syahadan adalah Megat Seri Rama itu seorang daripada hulubalang yang kebal, banyak anak buahnya, serta kuat kuasanya. Maka bermesyuaratlah Dato' Bendahara itu dengan saudaranya Temenggung dan Indera Bongsu akan hajat Megat Seri Rama itu, bersatulah sekalian mereka itu serta membenarkan Megat Seri Rama itu, kerana segala orang-orang besar

di dalam negeri itu, ramai yang sukakan Bendahara itu menjadi Raja, kerana kata mereka itu: "Ini baru Megat Seri Rama dibuatnya, akhirnya kita semua pun nanti dibuatnya begitu juga". Maka tetaplah muafakat itu...

"Syahadan adalah yang tiada pernah berpisah dengan baginda ada seorang hulubalangnya yang berani di dalam negeri itu, lagi gagah perkasa, bernama Seri Bija Wangsa. Maka hulubalang itu ditipu oleh Dato' Bendahara lalu disuruhnya bunuh maka matilah ia, kerana jikalau ada Seri Bija Wangsa itu, susahlah Megat Seri Rama itu melakukan kehendaknya. Syahadan maka adalah pada ketika baginda itu di atas julang hendak pergi bersembahyang Jumaat, lalu diparangnya hulu baginda itu lalu mangkat, dan Megat itu pun mati juga, kerana dilontar oleh baginda dengan kerisnya".

Begitulah kisahnya seperti yang tersebut dalam hikayat *Tuhfat'n-Nafis*. Itulah sebabnya almarhum Sultan Mahmud Shah (II) itu dikenali dengan gelaran *Marhum Mangkat di Julang*, dan disebut juga *Marhum Kota Tinggi*.

Ada pun jenazah Megat Seri Rama itu, dengan senyap-senyap telah dikebumikan dalam kawasan perkuburan Laksamana, iaitu Laksamana yang berkeluarga dengan pihak ibu Marhum Mangkat Dijulang (dari keturunan Paduka Raja Tun Abdul Jamil) yang menyebabkan kemangkatan almarhum Sultan Ibrahim empat belas tahun dahulu (1685).

Dengan mangkatnya Sultan Mahmud Shah II itu, putuslah zuriat keturunan daripada Sultan-Sultan Melayu Melaka memerintah negeri Johor, bertukar pula ke tangan raja-raja keturunan daripada Bendahara seperti yang akan diceritakan. Di sebelah ini dibentangkan silsilah Sultan-Sultan Johor dari Sultan Mahmud Shah I, Sultan Johor yang pertama, hingga Sultan Mahmud Shah II, Sultan Johor yang ke-10.


SILSILAH SULTAN JOHOR

(Diperbaharui 15/11 sampai 1999)
 Sultan Alauddin Riayat Shah I.
 Sultan Melaka: 1477—1489.

Sultan Mahmud Shah I.
 "Marhum Kempar"

Sultan Melaka: 1489—1511
 Sultan Johor (1): 1511—1528

Sultan Alauddin Riayat Shah II.
 Sultan Johor (2): 1528—1564.



X = berkahwin

Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV. (1699-1718):

1699. SETELAH mangkat Sultan Mahmud Shah II ("Marhum Mangkat Dijulang, oleh sebab almarhum itu tiada meninggalkan putera yang akan mewarisi kerajaan, pada awal bulan September tahun 1699 itu juga, orang-orang besar Johor telah melantik Bendahara Paduka Raja Tun Abdul Jalil (anak almarhum Bendahara Padang Saujana) jadi Sultan Johor — Sultan Johor yang ke-XI — bergelar Sultan Abdul Jalil Riayat Shah (IV). Adinda baginda Tun Mahmud dilantik baginda jadi Yamtuan Muda (Raja Muda). Sejak itu anak-anak baginda dipanggil *Tengku*. Tiada berapa lama setelah baginda berkerajaan, isteri baginda yang bernama Che' Nusamah berputerakan seorang anak lelaki, dinamakan Raja Sulaiman.

1700-1702. Lebih kurang setahun kemudian daripada itu, pada tahun 1700, Sultan Abdul Jalil telah berpindah dari Kota Tinggi bersemayam di tempat yang bernama Panchor, di sebelah kanan mudik Sungai Johor, dekat kuala sebuah sungai kecil (Sungai Tukul), lebih kurang sebatu ke hilir daripada Bukit Piatu, di hulu daripada Johor Lama. Sultan Abdul Jalil telah membangunkan sebuah istana yang besar dan indah di tempat itu iaitu di atas sebuah bukit (Bukit Sungai Tukul).

Lebih kurang dua tahun kemudian, istana baginda itu telah terbakar. Tetapi telah dibangunkan gantinya sebuah istana lain yang tidak kurang besar dan indahnya daripada istana yang telah terbakar itu, di atas bukit itu juga (Bukit Sungai Tukul), dan kekalah Panchor jadi tempat pusat pemerintahan baginda hingga tahun 1708.

1703. Pada awal tahun 1703, sebuah kapal Kompeni Inggeris (East India Company) yang belayar di Laut China Selatan, telah beroleh kemalangan dan kekurangan bekalan makanan. Orang-orang Inggeris di kapal itu telah terdampar di kuala Sungai Endau. Dalam bulan Mac tahun itu juga (1703), seorang daripada orang-orang Inggeris itu yang bernama Vaughan serta lima orang Inggeris lain, telah dibawa oleh orang-orang Melayu ke Endau lalu diserahkan kepada Sultan Johor di Panchor.

Pengalaman Vaughan dan kawan-kawannya di negeri Johor itu (Panchor) telah ditulis oleh Vaughan. Antara lain ia telah menyebutkan sebagai berikut:

Di pelabuhan negeri Johor itu mereka lihat ada enam buah tongkang besar kepunyaan orang-orang Cina serta beberapa buah perahu sedang berlabuh di situ. Seorang Belanda yang jadi jurubahasa di istana Sultan Johor telah memberitahu orang-orang Inggeris itu supaya mereka bersunat dan masuk Islam, dan bolehlah mereka diberi wang dan isteri, tetapi orang-orang Inggeris itu tiada mahu menerima cadangan itu. Dalam pada itu, tidak pula Sultan Johor marah. Orang-orang Inggeris itu telah diberi beras dan wang dan mereka telah ditahan dalam sebuah rumah. Di bandar tempat semayam Sultan Johor itu (Panchor) ada sebuah kota kecil terletak di atas suatu tanah tinggi. Bentuk kota itu empat persegi panjang, diperbuat daripada balak kayu yang tebal dan besar berlapis-lapis hingga dua belas kaki tingginya dari tanah, dan lantai di sebelah dalam kota itu ditinggikan lima kaki. Kota itu terletak dekat kuala sebuah sungai kecil di tepi Sungai Johor. Kota itu mempunyai dua belas pucuk meriam tembaga yang besar dan sangat cantik buatannya; lima pucuk daripada meriam itu diletakkan menghala ke Sungai Johor, dan tujuh pucuk lagi dihalakan ke sungai kecil itu (Sungai Tukul). Kadang-kadang, orang-orang Inggeris itu diberi makan sirih, nenas dan tebu, dan disuruh menari, menyanyi dan main silap mata menyukakan hati Sultan Johor dan orang-orang besar baginda. Pada suatu hari, orang-orang Inggeris itu telah melihat seramai 600 orang Cina di bandar itu dalam suatu keramaian bermain-main dengan pedang-pedang mereka. Empat pucuk meriam besar dari kapal orang-orang Inggeris yang terdampar di kuala Sungai Endau itu, telah dibawa ke Panchor dan diletakkan di pasar bandar itu. Kapal orang Portugis dan kapal orang India dari negeri Kedah ada juga datang

ke pelabuhan bandar itu. Akhirnya, setelah Sultan Johor menerima surat daripada Gabenor Belanda di Melaka, pada 7 hari bulan Oktober tahun 1703 itu juga, iaitu setelah lebih kurang tujuh bulan lamanya ditahan, baharulah orang-orang Inggeris itu dibebaskan. Tiada lama kemudian, sebuah kapal dari Melaka telah datang mengambil orang-orang Inggeris itu dan mereka pun meninggalkan negeri Johor dengan selamat.

Sekianlah ceritanya seperti yang telah ditulis oleh Vaughan dalam tahun 1703.

Lepas itu, dalam tahun 1703 juga, nakhoda Inggeris yang bernama Kapten Alexander Hamilton, telah singgah lagi ke negeri Johor. Mengikut ceritanya: dia telah singgah ke negeri Johor dalam pelayarannya hendak ke negeri China. Katanya Sultan Abdul Jalil Riayat Shah itu ialah seorang raja yang sangat sederhana dan adil. Pemerintahan negeri, yang telah ditadbirnya sendiri, telah berjalan dengan baik selama lapan atau sembilan tahun; orang besar dan rakyatnya kasih kepadanya; perniagaan dalam negeri itu mewah. Oleh sebab baginda itu sangat kuat mengerjakan ibadat agamanya (Islam), jarang sangatlah ia keluar daripada istananya, dan telah menyerahkan urusan pemerintahan negeri Johor itu kepada adiknya yang jadi Raja Muda (Tun Mahmud). Sultan itu selalu tinggal dalam istana bersama-sama dengan beberapa orang alim ulama. Raja Muda itu berbaik-baik juga dengan orang-orang alim itu; tetapi berlaku keras dan zalim kepada rakyatnya dengan tidak setahu abangnya Sultan itu. Kedatangan Alexander Hamilton itu telah disambut oleh Sultan Abdul Jalil dengan budi bahasa yang sangat baik, kerana ia telah berkenalan baik dengan Sultan itu pada masa sebelum ia jadi Sultan dahulu, tetapi tiadalah pernah Raja Muda itu meninggalkan nakhoda Inggeris itu dengan Sultan berduaan sahaja. Hamilton mengatakan lagi: Sultan Abdul Jalil itu telah menghadihkan kepadanya Pulau Singapura (yang dipunyai oleh Kerajaan Johor itu); tetapi dengan hormat ia telah mengatakan kepada baginda: hadiah itu tiadalah dapat diterimanya, kerana sebagai orang yang menjalankan kerja bersendirian, pulau itu tiadalah akan berguna kepadanya. Tetapi nakhoda itu berpendapat: pulau itu memanglah tempat yang sepatutnya diduduki oleh Kompeni Inggeris, kerana tempat itu terletak di tengah-tengah tempat perniagaan dan mempunyai beberapa kelebihan. Sekianlah yang telah disebutkan oleh Kapten Alexander

Hamilton dalam tahun 1703 dahulu.

Tiada lama lepas itu Alexander Hamilton pun bertolak meninggalkan negeri Johor.

Sejak awal Kurun Masihi yang ke-18 itu juga, ada lima orang raja-raja Bugis bersaudara dari Tanah Bugis (Sulawesi), telah mengembara dengan perahu-perahu besar angkatan perang mereka belayar ke merata-rata tempat di bahagian barat Nusantara ini, terutama di laut-laut di sekeliling Semenanjung Tanah Melayu dan di Kepulauan Riau, dengan tujuan hendak dapat berkuasa memerintah negeri. Raja-raja Bugis lima bersaudara itu bernama: Daing Perani, Daing Menambun, Daing Merewah, Daing Chelak (atau Daing Pali) dan Daing Kemasi. Pada masa itu selalulah raja-raja Bugis itu datang ke Pulau Siantan, yang telah dijadikan sebagai tempat kekuatan mereka sebelum dapat bertapak dan berkuasa di tempat-tempat lain. Daing Perani telah berkahwin dengan anak seorang penghulu di Pulau Siantan. Kemudiannya, isteri Daing Perani di Pulau Siantan itu telah melahirkan seorang anak lelaki bernama Daing Kemboja, kerana mengambil sempena pengembaraan ayahnya (Daing Perani) ke negeri Kemboja. Kemudian dapat pula seorang anak perempuan, bernama Raja Khadijah.

Pada masa Sultan Abdul Jalil berkerajaan di negeri Johor itu juga, seorang raja dari Hulu Palembang yang bergelar Sultan Lembayang, telah berkelahi dengan saudaranya Sultan di negeri Palembang, lalu Sultan Lembayang itu datang melawat ke negeri Johor. Bersama-sama dalam rombongan Sultan itu, dibawanya juga seorang anak raja yang datang dari Minangkabau bernama Raja Beraleh atau disebut juga namanya Tuan Bujang yang telah menghambakan diri kepada Sultan Lembayang dijadikan tukang pembawa tempat sirih Sultan itu.

Kedatangan Sultan Lembayang itu telah diraikan dengan baik oleh Sultan Abdul Jalil. Sultan Lembayang telah memining puteri Sultan Abdul Jalil hendak dijadikan isterinya; tetapi pinangan itu tiada diterima oleh Sultan Johor. Sultan Lembayang dengan rombongannya serta Raja Beraleh itu telah pergi ke Pulau Siantan. Setelah Sultan Lembayang beristeri di Pulau Siantan, ia pun pergi ke Pulau Bangka. Dengan pertolongan orang-orang Belanda, Sultan Lembayang telah menyerang dan mengalahkan Palembang serta menghalau saudaranya yang memerintah di situ.

Dengan kebenaran Sultan Palembang yang baharu itu, Raja

Beraleh (Tuan Bujang) telah pergi di Tanah Rawas, di Hulu Palembang, lalu ia beristeri dengan anak seorang orang besar di situ. Daripada perkahwinan itulah Raja Beraleh dapat seorang anak lelaki bernama Raja Alam. Kemudian selepas membantu Raja Jambi dalam suatu peperangan, Raja Beraleh pun kembali semula ke Minangkabau.

Keluarga Raja Pagar Ruyong di Minangkabau telah mengubah nama Raja Beraleh itu dengan nama Raja Kecil, dan diberi alat kerajaan serta kuasa boleh memerintah orang-orang Minangkabau di Pasisir Timur Sumatera. Raja Kecil telah pergi ke Siak, ke Bengkalis dan ke Batu Bara (Batu Bahara), dan di Batu Bara Raja Kecil telah menyediakan kelengkapan perang.

1706. Lebih kurang pada tahun 1706, Sultan Abdul Jalil yang bersemayam di Panchor itu, telah melantik adik baginda yang bernama Tun Mas Anum jadi Bendahara Johor bergelar Bendahara Seri Maharaja.

1708-1715. Dua tahun lepas itu, pada tahun 1708, dengan pujukan adindanya Yamtuan Muda (Raja Muda) Tun Mahmud, Sultan Abdul Jalil telah pindah pula bersemayam ke Pulau Riau.

Pada masa bersemayam di Riau itu, Sultan Abdul Jalil telah menitahkan Yamtuan Muda itu pergi menyerang Inderagiri, Batu Bara dan Deli. Dipercayai, lepas inilah Raja Kecil yang tinggal di Batu Bara itu telah dapat pula berkuasa di Siak, kerana orang-orang Minangkabau ramai diam di Siak; di Siak juga Raja Kecil telah menyiapkan kelengkapan perang.

1716. Ada kira-kira lapan tahun lamanya Sultan Abdul Jalil bersemayam di Riau, kerana selalu dikacau oleh orang-orang Minangkabau, Bugis dan orang-orang Patani, baginda pun pindah balik ke tanah besar negeri Johor, bersemayam di Panchor juga, dan telah menguatkan semula kota baginda di situ. Dalam pada itu, selalulah juga baginda bersemayam di istana-istana baginda yang ada di Makam Tauhid dan di Johor Lama, serta membaiki kota di Tanjong Batu yang terkenal dengan nama Kota Batu dahulu, dan sekarang disebut pula Kota Lama.

Dalam tahun 1716 itu juga, adinda baginda Bendahara Seri Maharaja Tun Mas Anum telah meninggal dunia, dan adinda

baginda yang bernama Tun Abdullah dilantik menggantinya jadi Bendahara Johor dengan memakai gelaran Bendahara Paduka Raja. Dua orang anakanda baginda, dijadikan Temenggung dan Raja Indera Bongsu. Anak-anak baginda yang perempuan ialah: Tengku Tengah (atau Tengku Erang), Tengku Mandak dan Tengku Kamariah. Tiada lama selepas itu, anakanda baginda yang jadi Temenggung itu dititahkan menyerang Linggi.

1717. Dalam tahun 1717, Raja Kecil yang telah bersiap angkatan perang di negeri Siak itu, telah mengumpulkan orang-orang Minangkabau di situ dan dari Batu Bara juga, hendak menyerang negeri Johor. Pada tahun itu juga, Raja Kecil telah berjumpa dengan Daing Perani dan Daing Celak di Bengkalis, dan telah mengajak raja-raja Bugis lima bersaudara itu membantunya menyerang dan mengambil negeri Johor. Raja Kecil mengatakan: apabila Johor dapat ke tangannya, Daing Perani akan dilantiknya menjadi Yamtuan Muda. Raja-raja Bugis itu tiada bersetuju membantu Raja Kecil hendak menjalankan kemahuannya itu; tetapi mereka memberitahu Raja Kecil: biarlah mereka pergi dahulu ke Langat (dalam negeri Selangor sekarang) mengumpulkan orang-orang Bugis dan menyediakan kelengkapan perang di sana.

Oleh sebab bantuan daripada raja-raja Bugis itu tidak juga datang pada akhir tahun 1717 itu juga, Raja Kecil pun membawa perahu angkatan perangnya melalui Selat Singapura hendak memudiki Sungai Johor menyerang negeri Johor.

Sebelum melancarkan serangannya, Raja Kecil lebih dahulu telah menghantarkan orang-orang besarnya pergi memujuk Raja Negara iaitu ketua Batin (Orang-orang Laut) di Singapura, dan memujuk Orang-orang Laut di Kuala Johor, supaya menyebelahi Raja Kecil, dengan mengatakan kepada Orang-orang Laut serta kepada orang-orang Melayu rakyat Johor yang lainnya bahawa Raja Kecil itu ialah puteri Marhum Mangkat Dijulang (Sultan Mahmud Shah II).

Sungguhpun ada bermacam-macam cerita yang telah disebutkan fasal Raja Kecil itu sebagai putera Marhum Mangkat Dijulang tetapi orang-orang besar Raja Kecil yang pergi memujuk Orang-orang Laut di Singapura dan di Kuala Johor itu mengatakan kepada mereka: ada pun ibu Raja Kecil itu bernama Che' Pong, anak Dato' Laksamana Johor, dan isteri kepada Sultan Mahmud

Shah II. Apabila Sultan Mahmud mangkat, kerana takutkan di-bunuh oleh Sultan Abdul Jalil, Che' Pong yang sedang mengan-dungkan Raja Kecil, telah dilarikan ke Minangkabau, dan di Minangkabaulah Che' Pong telah melahirkan Raja Kecil, lalu Raja Kecil itu dijadikan anak angkat oleh keluarga diraja Pagar Ruyong, di Minangkabau. Dan sekarang Raja Kecil itu datang hendak mengambil negeri Johor, pesaka almarhum ayahnya itu. Orang-orang Laut di Kuala Johor dan di Singapura serta beberapa ramai rakyat Johor lainnya telah bersetuju dengan pujukan orang-orang besar Raja Kecil itu, dan mereka telah mengajak Raja Kecil datang ke negeri Johor. Selain daripada itu ialah juga kerana rakyat Johor telah merasa benci kepada pemerintahan Yamtuan Muda Johor yang zalim itu.

Raja Kecil telah berkirin surat juga kepada Dato' Laksamana Johor memberitahu yang ia hendak menyerang negeri Johor. Dato' Laksamana telah mengaku ia hendak belot menentang Johor menyebelahi pihak Raja Kecil.

Apabila Yamtuan Muda Tun Mahmud dapat tahu Raja Kecil dari Siak telah membawa angkatan hendak menyerang negeri Johor dan telah berada di Kuala Johor, Yamtuan Muda itu pun membawa angkatannya pergi melawan angkatan Raja Kecil di Kuala Johor. Tetapi angkatan Yamtuan Muda itu tiada dapat mengalahkan angkatan Raja Kecil, kerana ramai orang dalam angkatan Yamtuan Muda itu telah lari pergi menyebelahi pihak Raja Kecil. Yamtuan Muda itu merasa sangat terharu lalu kembali semula ke Panchor.

1718. Sungguhpun Orang-orang Laut dan rakyat Johor yang lainnya telah menyebelahi Raja Kecil, tetapi belumlah Raja Kecil sanggup meneruskan serangannya ke pusat kerajaan Johor di Panchor, kerana ia merasa angkatan perangnya belum cukup kuat. Tambahan pula pada masa itu ada sebuah kapal Portugis yang besar sedang berlabuh di Panchor. Kapal itu ada membawa seorang orang besar Portugis bernama Antonio de Albuquerque Coelho yang hendak pergi ke Makau di negeri China, kerana memegang jawatannya jadi Gabenor Portugis di Makau (Makau ialah sebuah jajahan Portugis di negeri China). Kapal itu telah singgah di negeri Johor sementara menantikan reda musim angin timur-laut (musim gelora). Pada masa itu, orang besar Portugis itu sedang berbaik

dengan Sultan Johor dan Yamtuan Muda Tun Mahmud, dan telah mengaku tidak akan membenarkan perahu-perahu Raja Kecil mudik ke hulu lagi melampaui kapalnya yang sedang berlabuh di Panchor itu.

Raja Kecil yang bertunggu di Kuala Johor itu telah berikhtiar menambahkan lagi kelengkapannya, dan telah mencuba hendak mendapatkan pertolongan daripada orang besar Portugis itu, atau pun sekurang-kurangnya supaya orang besar Portugis itu jangan menyebelahi ke mana-mana pihak apabila ia menyerang Panchor.

Setelah hampir-hampir tiga bulan lamanya menjalankan ikhtiarnya, dapatlah Raja Kecil menambahkan kelengkapan perangnya, dan dapatlah juga Raja Kecil berbaik dengan Antonio de Albuquerque Coelho itu. Raja Kecil telah mengaku akan memenuhi permintaan orang besar Portugis itu hendak mendirikan gereja di negeri Johor, jika Johor dapat ke tangannya. Sejak itu orang besar Portugis itu pun mengambil pendirian berkecuali, tiada mahu menyebelahi ke pihak mana pun dalam peperangan di antara orang-orang bangsa Melayu sesama sendiri dan di negeri mereka sendiri.

Dalam bulan Mac tahun 1718, perahu-perahu angkatan Raja Kecil pun mudik Sungai Johor hendak menyerang Panchor. Dalam keadaan sedang kelam-kabut di Sungai Johor itu, Yamtuan Muda Johor serta anak isteri dan orang-orangnya dalam sebuah kapalnya membawa beberapa banyak emas dan harta yang berharga, telah meninggalkan Panchor, menghilir lalu masuk ke Sungai Johor Lama (cawangan Sungai Johor), dan telah merapatkan kapalnya ke tebing, lalu mendarat di Johor Lama. Tetapi, rupanya satu pasukan kecil orang-orang Raja Kecil telah sedia ada di situ, lalu mengejar orang-orang Yamtuan Muda itu yang telah lari masuk hutan. Pada masa itulah Yamtuan Muda Tun Mahmud telah membunuh anak isterinya, lalu mengamuk melawan orang-orang Raja Kecil itu dengan sebilah kerisnya. Mengikut cerita dalam hikayat "Tuhfatu'n-Nafis": Yamtuan Muda itu telah mangkat dalam pertempuran itu, dan beliaulah yang disebut "*Marhum Mangkat di Kayu Anak*".

Angkatan Raja Kecil telah datang menyerang Panchor dan serangan itu telah ditentang oleh askar-askar kerajaan Johor. Sultan Abdul Jalil telah berlepas diri ke hulu lagi, pergi ke Kota Tinggi, dan adik baginda Tun Abdullah (Bendahara) ditinggalkan

mempertahankan istana dan kota di Panchor itu. Akhirnya, pada 21 hari bulan Mac tahun 1718, Panchor pun ditawanoleh Raja Kecil, dan Tun Abdullah pun lari meninggalkan tempat itu seperti saudara-saudaranya yang lain itu juga. Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV telah mengaku kalah; tetapi baginda telah diampunkan oleh Raja Kecil, tiada dipengapakan; dibenarkan juga tinggal di negeri Johor, dan Raja Kecil berjanji pula akan meletakkan baginda semula kepada jawatan Bendaharanya seperti dahulu juga. Sejak 21 hari bulan Mac tahun 1718 itu, kerajaan Johor pun jatuh ke tangan Raja Kecil Siak.

Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah
(Raja Kecil) (1718-1722):

1718-1719. SETELAH Raja Kecil dapat menakluk Kerajaan Johor, beliau pun dilantik menjadi Sultan Johor — Sultan Johor yang ke-XII — bergelar Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah; tetapi gelaran ini tiadalah begitu terkenal dalam sejarah. Raja Kecil telah membenarkan Sultan Abdul Jalil, bekas Sultan Johor itu, balik semula memegang jawatan Bendahara Johor. Setelah menjadi Sultan Johor itu, Raja Kecil pun meminang Tengku Tengah (atau Tengku Erang) puteri sulung Sultan Abdul Jalil, hendak dijadikan isterinya. Pinangan itu telah diterima oleh Sultan Abdul Jalil, dan bertunanglah Raja Kecil dengan Tengku Tengah.

Pada suatu Hari Raya, Sultan Abdul Jalil telah membawa puteri-puterinya Tengku Tengah, Tengku Mandak dan Tengku Kamariah, pergi mengadap Raja Kecil. Sultan Abdul Jalil dan puterinya itu telah diraikan dan dijamu oleh Raja Kecil. Pada masa itulah Raja Kecil mula melihat wajah Tengku Kamariah, dan Raja Kecil telah berkenan pula kepada puteri itu. Raja Kecil telah memutuskan pertunangannya dengan Tengku Tengah, dan hendak berkahwin dengan Tengku Kamariah pula. Sultan Abdul Jalil tiada dapat berbuat apa-apa, melainkan menerima sahaja kehendak Raja Kecil itu. Sampai masanya, Raja Kecil pun dikahwinkan dengan Tengku Kamariah. Tengku Tengah dan saudaranya Raja Sulaiman sangatlah marah akan perbuatan Raja Kecil itu; tambahan pula mereka telah mendengar khabar ayah mereka hendak dijadikan Bendahara oleh Raja Kecil.

Tiada lama selepas itu, raja Bugis lima bersaudara itu dengan dipimpin oleh saudara tua mereka Daing Perani telah datang melawat ke negeri Johor. Kedatangan raja-raja Bugis itu telah

disambut oleh Raja Kecil dan dijamunya. Pada masa itulah Raja Sulaiman dengan saudaranya Tengku Tengah, di istana mereka, telah bermesyuarat supaya Tengku Tengah dikahwinkan dengan salah seorang daripada raja-raja Bugis itu, dan minta tolong kepada raja-raja Bugis itu mengalahkan Raja Kecil. Raja Sulaiman dan Tengku Tengah telah mendapat kata sepakat, dan rancangan itu telah dipersetujui juga oleh ayahanda mereka Sultan Abdul Jalil.

Raja Sulaiman dan Tengku Tengah telah menjemput raja-raja Bugis itu pula ke dalam suatu jamuan di istana mereka. Pada masa itulah, secara diam-diam, Tengku Tengah dan Raja Sulaiman, telah meminta Daing Perani dan saudaranya itu membantu menebus kembali kehormatan mereka adik-beradik dan anak-beranak oleh perbuatan Raja Kecil itu. Setelah menyatakan kehairanannya melihatkan negeri Johor yang begitu besar telah ditakluk oleh Raja Kecil, Daing Perani pun menyatakan kesanggupannya merampas semula kerajaan Johor dari tangan Raja Kecil itu; tetapi hendaklah dibuat dahulu suatu perjanjian di antara Raja Sulaiman dan saudaranya dengan raja-raja Bugis itu. Setelah kedua belah pihak bersetuju, raja-raja Bugis itu pun membuat perjanjian dengan Raja Sulaiman, iaitu: jika raja-raja Bugis itu berhasil merampas balik kerajaan Johor dari tangan Raja Kecil, salah seorang daripada raja-raja Bugis lima bersaudara itu dijadikan Yamtuan Muda (Yang Dipertuan Muda) atau Raja Muda turunturun. Setelah perjanjian itu dipadu oleh kedua belah pihak, Tengku Tengah pun dikahwinkan dengan Daing Perani.

Raja Kecil merasa iri hati juga melihatkan raja-raja Bugis itu tinggal lama-lama di negeri Johor; tambahan lagi mereka telah jadi tetamu pula kepada Raja Sulaiman dan saudara-saudaranya. Tetapi tiadalah diketahui oleh Raja Kecil rundingan sulit yang telah dijalankan oleh Raja Sulaiman dan Tengku Tengah dengan raja-raja Bugis itu. Tiada lama selepas itu, Daing Perani dan saudaranya itu pun bertolak meninggalkan negeri Johor balik ke Siantan dan menyediakan kelengkapan perang.

Setelah raja-raja Bugis meninggalkan Johor, negeri Johor pun huru-hara; kerana rakyat Johor ada yang menyebelahi Raja Kecil, dan ada yang menyebelahi bekas Sultan Johor Sultan Abdul Jalil (IV) itu, seolah-olah kerajaan Johor itu beraja dua. Dalam pada itu, telah heboh pula khabar-khabar angin dari pihak yang tiada menyetujui Raja Kecil mengatakan Raja Kecil itu bukan sebenar-

nya putera Marhum Mangkat Dijulang (Sultan Mahmud Shah II), melainkan tipu helah sahaja. Oleh sebab berita-berita angin itu, Tengku Kamariah pun tiada lagi berapa pedulikan Raja Kecil suaminya itu; tetapi Raja Kecil belum lagi mengambil apa-apa tindakan.

Kemudian daripada itu, Tengku Tengah telah menyuruh orang-orangnya menculik adiknya Tengku Kamariah dari istana Raja Kecil lalu dibawa balik ke istana ayah mereka. Raja Kecil pun marah, lalu menghantar pasukan perangnya menyerang pihak Sultan Abdul Jalil yang telah berkubu di Seluyut, dan berlakulah peperangan di antara orang-orang Johor yang memihak kepada Sultan Abdul Jalil dengan pihak Raja Kecil yang kebanyakannya orang-orang Minangkabau. Tiada lama berperang, kalah juga pihak Sultan Abdul Jalil. Baginda serta anak isteri dan pengikut-pengikut baginda berundur meninggalkan negeri Johor pergi ke negeri Pahang, dan apa pula di antara orang-orang besar Johor yang berundur ke Melaka. Peristiwa ini berlaku dalam tahun 1719.

Setelah Sultan Abdul Jalil (IV) meninggalkan negeri Johor, Raja Kecil pun pindah pula pergi bersemayam ke Pulau Riau, dan dari sanalah ia memerintah kerajaan Johor-Riau.

Pada masa di negeri Pahang itu, Sultan Abdul Jalil telah mengangkat adindanya yang bernama Tun Abdul Jamal jadi Bendahara menggantikan Bendahara Tun Abdullah yang telah mangkat itu. Baginda telah berangkat juga melawat ke Pulau Aur, Pulau Tinggi dan Pulau Tioman, dan rakyat Melayu di pulau-pulau itu masih taat kepada baginda juga. Tiada berapa lama di Pahang itu, baginda sekeluarga serta pengikut-pengikut baginda berangkat pergi ke negeri Trengganu pula.

Pada masa di Trengganu itu, seorang saudara seayah kepada baginda, bernama Tun Zainal Abidin (Tun Jenal), digelar baginda Paduka Maharaja.

1720. Setelah kira-kira setahun lamanya Sultan Abdul Jalil bersemayam di Trengganu, dalam tahun 1720, baginda sekeluarga serta pengiring-pengiring baginda pindah pula ke negeri Pahang, bersemayam di Kuala Pahang. Saudara baginda Tun Zainal Abidin Paduka Maharaja, dan anakanda baginda yang bernama Tun Hussain ditinggalkan di Trengganu menjaga negeri itu.

Pada masa baginda bersemayam di Kuala Pahang itu, Raja

Kecil di Riau telah menghantar suatu pasukan orang-orang Minangkabau di bawah pimpinan panglimanya yang bernama Laksamana Nakhoda Sekam pergi ke Kuala Pahang, mempersilakan Sultan Abdul Jalil bekas Sultan Johor itu datang ke Riau. Oleh sebab Sultan Abdul Jalil menolak tiada mahu pergi ke Riau, berperanglah orang-orang Laksamana Nakhoda Sekam yang datang itu dengan orang-orang Sultan Abdul Jalil, dan kalah pihak bekas Sultan Johor itu. Apabila dipersilakan sekali lagi oleh Nakhoda Sekam, baharulah baginda mahu pergi ke Riau. Setelah bersiap-siap, baginda serta sekalian putera dan puteri baginda pun naiklah ke perahu yang akan membawa mereka ke Riau.

Sebelum baginda berangkat hendak pergi ke Riau itu, datang seorang utusan Raja Kecil dari Riau bernama Mas Radin, membawa surat daripada Raja Kecil disampaikan kepada Laksamana Nakhoda Sekam. Dalam surat itu Raja Kecil memberitahu Laksamana Nakhoda Sekam mengatakan: "Janganlah Sultan Abdul Jalil itu dibawa ke Riau lagi, bunuhlah sahaja; kita tahu matinya sahaja".

Mendengar bunyi surat perintah daripada Raja Kecil itu, Laksamana Nakhoda Sekam pun serba-salah; tetapi terpaksa mestinya mengikut perintah rajanya itu.

Laksamana Nakhoda Sekam telah memerintahkan empat orang hulubalang Minangkabau berbaju rantai serta beberapa orang pengikut mereka pergi naik ke perahu Sultan Abdul Jalil lalu mengamuk. Pada masa itu Sultan Abdul Jalil sedang sembahyang di tikar sembahyangnya, baharu lepas sembahyang subuh, tengah membaca wirid; lalu baginda ditetak oleh orang-orang Minangkabau itu; tetapi sempat juga baginda melawan dengan gagah beraninya dan telah dapat membunuh lapan orang daripada orang-orang Minangkabau itu; setelah itu baharulah baginda mangkat. Anakanda baginda yang bernama Tun Abdul Hamid Tun Narawangsa terbunuh juga dalam pertempuran itu. Puteri baginda Tengku Tengah telah keluar dari bilik kurungnya dalam perahu itu lalu mengamuk melawan orang-orang Minangkabau itu; apabila orang-orang Minangkabau itu hendak melawan, Laksamana Nakhoda Sekam pun datang lalu menjerit melarang orang-orang Minangkabau itu mengusik Tengku Tengah, mereka semua akan dibunuh oleh Raja Kecil — dan selamatlah Tengku Tengah.

Setelah itu Laksamana Nakhoda Sekam pun, dengan sedih dan

air mata berlinang, turut sama mengelola dan memakamkan jenazah almarhum Sultan Abdul Jalil Riayat Shah (IV) di tempat yang bernama Telok Kandang, dan bagindalah yang disebut *Marhum Mangkat di Kuala Pahang* — iaitu pada tahun 1720. Tempat itu sekarang ini disebut *Kampung Marhum*.

Setelah itu, anak-anak almarhum itu pun, iaitu Tun Abbas (anak almarhum sebelum jadi Sultan), Raja Sulaiman, Tengku Tengah, Tengku Mandak dan Tengku Kamariah, dibawa oleh Laksamana Nakhoda Sekam ke Riau, diserahkan kepada Raja Kecil, dan tinggallah mereka di Riau dengan memendam hati.

1721-1722. Dalam tahun 1721, oleh sebab sakit hati kepada Raja Kecil yang telah merampas kerajaan Johor itu, Raja Sulaiman yang tinggal di Riau itu telah bermesyuarat dengan abangnya Tun Abbas hendak meminta bantuan daripada raja-raja Bugis lima bersaudara itu merampas kerajaan Johor-Riau daripada tangan Raja Kecil. Setelah bermesyuarat, Raja Sulaiman pun berkirim surat kepada raja-raja Bugis lima bersaudara yang pada masa itu ada di Matan (di Kalimantan). Dalam surat itu Raja Sulaiman telah menceritakan perihal ayahnya yang telah mangkat di Kuala Pahang itu dan juga perihal penderitaan mereka adik-beradik selama di bawah perintah Raja Kecil.

Setelah menerima surat daripada Raja Sulaiman itu, raja-raja Bugis itu pun marah akan perbuatan Raja Kecil itu. Setelah siap kerja-kerja mereka di Matan, dengan suatu kelengkapan perang tujuh buah perahu besar dan beberapa buah perahu kecil lainnya serta lebih kurang seribu orang ahli-ahli perang Bugis, raja-raja Bugis itu pun bertolak meninggalkan Matan menuju ke Riau. Selain daripada Daing Perani, Daing Menambun, Daing Merewah, Daing Chelak dan Daing Kemasi, turut juga bersama-sama raja-raja Bugis lainnya keluarga mereka yang bernama Daing Masuru, Daing Mengetok dan Daing Menampok.

Apabila sampai ke Riau, pihak raja-raja Bugis itu pun berperanglah dengan pihak Raja Kecil. Peperangan itu telah berlaku di perairan Riau di tempat-tempat yang bernama Pengujan, Pulau Bayan, Pulau Penyangat dan Tanjong Bemban. Setelah berperang dua hari lamanya, pihak Raja Kecil pun kalah; Riau pun ditawan oleh raja-raja Bugis itu; Raja Kecil berundur ke Pulau Lingga dan bertahan pula di situ. Daing Perani serta saudara-saudaranya itu

pun berjumpa dengan Raja Sulaiman serta keluarganya bertanya-hal ehwal sepeninggalan mereka. Mereka telah merundingkan langkah-langkah yang akan dijalankan untuk masa depan kalau-kalau berlaku lagi peperangan dengan Raja Kecil.

Tiada lama lepas itu, Raja Sulaiman dan raja-raja Bugis itu telah meninggalkan Riau. Raja Sulaiman dengan suatu rombongannya pergi ke negeri Pahang, berjumpa bapa saudaranya Bendahara Pahang yang disebut *Bendahara Pekok* (Tun Abdul Jamal), kerana mencari belanja hendak menambahkan kelengkapan perang untuk melawan Raja Kecil. Raja-raja Bugis lima bersaudara itu pula dengan suatu angkatan perang telah pergi ke Langkat dan Selangor (Kuala Selangor), kerana orang-orang Bugis ramai di tempat-tempat itu, dan mereka pun suka pula menolong raja-raja Bugis itu.

Sementara Raja Sulaiman pergi ke negeri Pahang, dan raja-raja Bugis itu pergi ke negeri Selangor, beberapa orang Bugis yang tinggal di Riau telah pergi menyerang Raja Kecil di Lingga. Sungguhpun pihak Raja Kecil di Lingga itu dikalahkan juga oleh orang-orang Bugis, tetapi Raja Kecil dengan angkatanannya telah dapat melepaskan diri dari Lingga, lalu pergi balik mengambil Riau dan menguatkan semula pertahanannya di situ.

Pada masa itu juga, suatu peristiwa lain pula telah berlaku. Penghulu di Linggi telah menganiaya nelayan-nelayan Bugis yang menangkap ikan di Kuala Linggi. Oleh sebab itu, raja-raja Bugis lima bersaudara yang ada di negeri Selangor itu, dengan bantuan orang-orang Bugis di Selangor, datang menyerang Linggi. Penghulu Linggi telah meminta bantuan daripada Raja Kecil di Riau, dan dengan angkatan perangnya Raja Kecil pun datang membantu Penghulu Linggi, lalu berperanglah dengan orang-orang Bugis yang datang menyerang itu; peperangan itu telah berlaku di laut dan di darat (Linggi).

Dalam peperangan di Linggi itu, raja-raja Bugis itu telah menjalankan suatu muslihat. Pada suatu malam, angkatan Bugis itu telah berpecah dua; sebahagian, di bawah pimpinan Daing Menambun dan Daing Kemasi tinggal di Linggi meneruskan peperangan di situ, dan sebahagian lagi di bawah pimpinan Daing Perani, Daing Merewah dan Daing Celak berundur perlahan-lahan meninggalkan Linggi, lalu pergi ke Riau.

Peperangan di Linggi itu kesudahannya kalah pihak Penghulu

Linggi yang dibantu oleh Raja Kecil itu, dan Raja Kecil pun berundur meninggalkan Linggi; tetapi ia tidak dapat pergi ke Riau, kerana orang-orang Bugis telah ada di situ; Raja Kecil terus ke Siak lalu menguatkan pula angkatannya di Siak. Penghulu Linggi yang tinggal itu telah mengaku kesetiiaannya dengan raja-raja Bugis yang tinggal itu; lepas itu orang-orang Bugis pun meninggalkan Linggi.

Raja-raja Bugis dengan angkatan perang mereka yang berundur dari Linggi pergi ke Riau itu, kebetulan pula sampai ke Riau serempak dengan sampainya Raja Sulaiman dengan angkatannya dari Pahang, langsung mereka bersama-sama mengambil Riau balik lalu menambahkan lagi kekuatan mereka di Riau.

Tiada berapa lama selepas itu, dalam tahun 1722 itu juga, suatu angkatan perang dari Riau dipimpin oleh Daing Merewah yang dikenali juga dengan gelaran Kelana Jaya Putera, telah pergi menyerang Raja Kecil di Siak, kerana hendak mengambil alat-alat kebesaran kerajaan Johor-Riau yang ada di tangan Raja Kecil. Setelah berperang di Siak, akhirnya Raja Kecil tiada sanggup meneruskan peperangan lagi, lalu minta damai. Alat-alat kebesaran kerajaan Johor itu telah diambil oleh raja-raja Bugis itu lalu dibawa balik ke Riau dan diserahkan kepada Raja Sulaiman. Sejak itu, iaitu pada akhir tahun 1722, terlucutlah taraf Raja Kecil sebagai Sultan Johor-Riau yang telah dipegangnya selama lebih kurang empat tahun (1718-1722).

Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (1722-1760):

1722. SETELAH alat-alat kebesaran kerajaan Johor itu ada dalam tangan Raja Sulaiman, raja Bugis serta orang-orang besar Melayu yang ada di Riau itu pun bermesyuarat. Hasil daripada keputusan mesyuarat itu, raja-raja Bugis itu pun melantik dan menabalkan Raja Sulaiman jadi Yang Dipertuan Besar atau Sultan bagi kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang serta daerah takluknya dengan gelaran Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah ibni almarhum Sultan Abdul Jalil (Sultan Johor yang ke-XIII); perlantikan itu telah diadakan pada 4 hari bulan Oktober tahun 1722. Mengikut perjanjianannya, dengan pilihan dan persetujuan bersama raja-raja Bugis lima bersaudara itu, Daing Merewah (Kelana Jaya Putera) dilantik jadi Yamtuan Muda (Yang Dipertuan Muda); gelarannya Sultan Alauddin Shah, tetapi gelaran ini tiadalah berapa dipakai dan tiada terkenal dalam sejarah, melainkan lebih terkenal Yamtuan Muda Riau sahaja dan Yamtuan Muda Riau I Daing Merewah itu dikenali pula dengan gelaran Bugisnya Kelana Jaya Putera. Pada masa itu juga Sultan Sulaiman melantik abangnya Tun Abbas jadi Bendahara Johor-Riau dengan gelaran Bendahara Seri Maharaja. Daing Menampok digelar Raja Tua iaitu jawatan jadi ketua di bawah Yamtuan Muda.

Pada masa itulah juga 4 hari bulan Oktober, 1722) pihak orang-orang Bugis di Riau diketuai oleh Yamtuan Muda Daing Merewah dengan pihak orang-orang Melayu dipimpin oleh Sultan Sulaiman membuat suatu Persetiaan dengan bersumpah bersaksikan Al-Qur'an, mengakui bersaudara dan bertolong-tolongan antara kedua belah pihak dan syarat-syarat dalam persetiaan itu telah dipersetujui oleh kedua belah pihak untuk mematuhi.

(Persetiaan itu kemudiannya dikenali dengan nama *Persetiaan Marhum Sungai Baru*).

Setelah itu dijalankan pula perkahwinan beramai-ramai di antara raja-raja Bugis dengan raja-raja Melayu Johor-Riau. Daing Celak dikahwinkan dengan Tengku Mandak saudara Sultan Sulaiman; Daing Menampok dikahwinkan dengan Tengku Tipah emak saudara Sultan Sulaiman; Daing Masuru dikahwinkan dengan Tun Kecil (anak almarhum Yamtuan Muda Tun Mahmud, Marhum Mangkat di Kayu Anak) saudara sepupu Sultan Sulaiman; Tun Enah, anak Marhum Mangkat di Kayu Anak juga, dikahwinkan dengan Daing Mengetok. Daing Merewah, Yamtuan Muda (I) beristerikan Tun Che' Ayu (anak Temenggung Riau) balu Marhum Mangkat di Julang yang belum bersama dengan almarhum itu, kerana ketika ia dikahwinkan dengan Marhum Mangkat Dijulang dahulu, Tun Che' Ayu itu masih sangat kecil lagi; tiada lama lepas itu almarhum itu pun mangkat terbunuh. Ada pula setengah riwayat mengatakan: pada masa itulah (1722) baharu Daing Perani dikahwinkan dengan Tengku Tengah saudara Sultan Sulaiman itu.

Sejak itu, pusat kekuatan orang-orang Bugis di bahagian barat Nusantara ini yang dahulunya berpusat di negeri Selangor itu, telah berpindah pula ke Riau, dan hubungan di antara raja-raja Melayu Johor-Riau dengan raja-raja Bugis itu pun bertambah kuat.

Tiada lama lepas itu, Daing Perani dengan saudaranya Daing Menambun dan Daing Kemasi, telah pergi ke Selangor (Kuala Selangor). Sampai di Selangor, Daing Perani telah beristerikan anak Yang Dipertuan Selangor. Mengikut suatu riwayat: Yang Dipertuan Selangor itu ialah seorang raja Bugis berasal dari negeri Gua di Tanah Bugis (Sulawesi), namanya Arong Pasarai, dan anaknya yang diperisteri oleh Daing Perani itu disebut namanya Tengku Puan Berima.

1723. Kira-kira dalam tahun 1723, pada masa Daing Perani di Selangor, datang utusan daripada Raja Kedah minta tolong kepada Daing Perani, kerana kerajaannya telah dirampas oleh adiknya. Daing Perani telah meminta tangguh hendak balik dahulu bermesyuarat dengan saudara-saudaranya di Riau dan hendak lengkap angkatan perang. Daing Perani balik ke Riau. Setelah bermesyuarat dan setelah dipersetujui oleh saudara-saudaranya dan oleh Sultan Sulaiman, Daing Perani pun pergi ke negeri Kedah

dengan angkatan perangnya, lalu berperang melawan pihak adik Raja Kedah yang merampas kerajaan abangnya itu. Setelah pihak Bugis mengalahkan pihak adik Raja Kedah itu, Daing Perani pun menaikkan semula Raja Kedah yang tua itu ke atas takhta kerajaannya. Setelah itu Daing Perani pun balik semula ke Riau.

1724. Kira-kira pada awal tahun 1724, adik Raja Kedah yang dikalahkan oleh orang-orang Bugis itu, meminta bantuan kepada Raja Kecil di Siak. Raja Kecil dengan angkatan perangnya dari Siak telah datang ke Kedah hendak membantu adik Raja Kedah itu. Raja Kedah yang tua itu telah meminta bantuan pula kepada raja-raja Bugis di Riau. Angkatan Bugis dari Riau sebanyak enam puluh dua buah perahu perang dipimpin oleh Daing Perani, Daing Merewah (Yamtuan Muda) dan Raja Tua Daing Menampok, telah pergi ke negeri Kedah. Sampai di Kedah, Daing Perani telah mencadangkan kepada Raja Kechil supaya raja Kedah adik-beradik yang berebut kerajaan itu didamaikan sahaja. Tetapi cadangan itu tiada diterima oleh Raja Kechil, dan tiada lama lepas itu berlakulah peperangan di negeri Kedah di antara orang-orang Bugis yang membantu Raja Kedah yang tua itu dengan pihak Raja Kechil yang membantu adik Raja Kedah yang hendak merampas kerajaan abangnya itu. Peperangan itu, dengan tiada disangka-sangka, telah berlanjutan hingga hampir-hampir selama dua tahun, dan telah merosakkan perniagaan dan keamanan di negeri Kedah. Pada penghujung tamatnya peperangan itu, Daing Perani telah mangkat kena tembak oleh pihak musuhnya. Setelah jenazah Daing Perani selamat dikebumikan di Kedah, adiknya Kelana Jaya Putera (Daing Merewah) memimpin askar-askar Bugis meneruskan peperangan di negeri Kedah melawan pihak Raja Kechil itu dengan lebih bersungguh-sungguh lagi, dan akhirnya kalah pihak Raja Kechil yang membantu pihak adik Raja Kedah itu, lalu Raja Kechil lari balik ke negeri Siak. Setelah Raja Kedah itu balik semula menduduki takhta kerajaan dan mengaturkan pemerintahannya, Kelana Jaya Putera pun membawa orangnya balik ke Riau dengan beroleh kemenangan. Sampai di Riau, didapati oleh Yamtuan Muda, Sultan Sulaiman tiada di Riau; baginda telah berangkat ke Bulang lalu ke Kampar, kerana ada berlaku sedikit perselisihan di antara baginda dengan orang-orang besar Bugis yang tinggal di Riau sementara Yamtuan Muda ber-

perang di Kedah itu. Yamtuan Muda telah pergi ke Kampar mengambil Sultan Sulaiman dibawanya balik ke Riau. Sejak itu Yamtuan Muda telah menguatkan lagi persediaan perang di Pulau Riau:

Dalam tahun 1724 itu juga, datang lagi Raja Kechil menyerang Riau. Dalam peperangan itu pun kalah juga Raja Kechil, lalu berdamai dengan raja-raja Bugis itu. Setelah itu Raja Kechil pun balik ke Siak. Tiada lama selepas itu, Raja Kechil datang balik ke Riau hendak mengambil isterinya Tengku Kamariah. Pada masa di Riau itu Raja Kechil telah bersumpah bersaksikan Al-Qur'an dalam masjid di Riau di hadapan raja-raja Bugis, dan Raja Kechil mengaku tidak hendak menyerang Riau dan mengembalikan semua daerah takluk kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang kepada Sultan Sulaiman dan raja-raja Bugis itu. Raja Kechil balik ke Siak membawa isterinya Tengku Kamariah, sampai di Siak Tengku Kamariah dijadikan Raja Perempuan Siak. Dengan isterinya Tengku Kamariah itulah Raja Kechil beroleh putera bernama Raja Mahmud, disebut juga Raja Buang.

1725. Pada tahun berikutnya, tahun 1725, Sultan Sulaiman telah menitahkan Raja Tua Daing Menampok dengan suatu rombongan pergi ke Trengganu, melantik bapa saudara Sultan Sulaiman, Tun Zainal Abidin (Paduka Maharaja) jadi Sultan Trengganu bergelar Sultan Zainal Abidin ibni almarhum Tun Habib Abdul Majid (Marhum Padang Saujana); bagindalah Sultan Trengganu yang pertama. Abang Sultan Sulaiman yang bernama Tun Husain dilantik menjadi Bendahara di Trengganu.

1726. Pada tahun 1726, Raja Kechil Siak telah melanggar sumpahnya; ia telah datang lagi membawa angkatan perangnya menyerang Riau lalu berperang dengan angkatan perang Riau yang di bawah pimpinan Kelana Jaya Putera. Raja Kechil berkubu di Pulau Bayan. Pada masa peperangan itulah beras di Riau mahal harganya. Tetapi selepas dua hari lamanya berperang, Raja Kechil pun kalah lalu kembali semula ke Siak. Inilah peperangan yang akhir di antara Raja Kechil melawan orang-orang Bugis pada masa Daing Merewah jadi Yamtuan Muda Riau (I).

1728. Pada tahun 1728, Kelana Jaya Putera (Daing Merewah)

telah berangkat ke Selangor, dan telah membawa orang-orang Bugis dari Selangor pergi membantu Raja Inu, Raja Muda Perak yang bersemayam di Bernam, menentang abangnya Sultan Perak Sultan Alauddin Mughayat Shah (Sultan Perak yang ke-12) — yang bersemayam di Geronggong. Tetapi serangan orang-orang Bugis itu tidaklah pula dapat mengalahkan atau menurunkan Sultan Perak itu dari takhta kerajaan baginda. Kelana Jaya Putera balik semula ke Selangor lalu pulang ke Riau.

Dalam tahun 1728 itu juga, pada masa Yamtuan Muda Daing Merewah menjalankan tugasnya melawat daerah takluk kerajaan Johor-Riau di pantai timur Sumatera, dengan tiba-tiba Yamtuan Muda itu telah mangkat dalam pelayaran, dan jenazahnya dibawa balik ke Riau lalu dimakamkan di tempat yang bernama Sungai Baru (di Riau), iaitu pada 7 hari bulan Ogos tahun 1728, dan almarhum itulah yang disebut *Marhum Mangkat di Sungai Baru*. Dengan isterinya Tun (Engku) Che' Ayu, almarhum itu meninggalkan anak-anaknya yang bernama Kelana Che' Unok, Raja Sa' dan Raja Fatimah. Raja Fatimah ini kemudiannya bersuamikan Daing Kemboja anak Daing Perani.

Setelah mangkat Daing Merewah, Sultan Sulaiman melantik Daing Chelak menggantikan almarhum abangnya itu menjadi Yamtuan Muda Riau (II).

1729. Tiada lama setelah Daing Chelak jadi Yamtuan Muda Riau ia telah membawa angkatan perangnya pergi ke Mempawah (di Kalimantan), kerana menolong abangnya Daing Menambun yang telah jadi raja di sana, berperang melawan seorang raja di Hulu Mempawah. Lepas itu Yamtuan Muda itu pergi pula ke Selangor menyerang dan mengalahkan seorang Bugis bernama Daing Matekko (Daing Matkah) yang membuat kacau di Selangor. Daing Matekko telah lari pergi ke Siak menyebelahi Raja Kechil. Kemudian Raja Kechil telah membawa Daing Matekko ke Riau lalu meminta maaf kepada Yamtuan Muda Daing Chelak.

Sejak Daing Chelak jadi Yamtuan Muda itu, Riau makmur dan maju perniagaannya. Pulau itu ramai didatangi oleh peniaga-peniaga dari Benggala, Tanah Jawa, Siam, China dan dari Tanah Bugis (Sulawesi) juga. Orang-orang besar Riau ramai yang kaya-kaya. Pada masa itulah, dengan anjuran Yamtuan Muda itu, mula dibuka ladang gambir di Riau. Seorang Bugis bernama Penggawa

Tarum dan seorang Melayu disebut namanya Kepala Chedun, merekalah yang mula-mula membuka ladang gambir di Riau, benihnya dibawa dari Sumatera; lalu diikuti oleh orang-orang lain membuka beberapa buah ladang gambir. Ramai orang-orang China datang ke Riau jadi pekerja di ladang gambir orang-orang Melayu dan Bugis, dan banyaklah Riau mengeluarkan hasil gambir. Orang-orang alim Arab pun ramai datang ke Riau mengajar ajaran Agama Islam di masjid-masjid. Kelengkapan perang dan kubu pertahanan di pulau itu diperkuatkan lagi.

1733. Pada 7 hari bulan Mac tahun 1733, Sultan Zainal Abidin, Sultan Trengganu yang pertama, bapa saudara Sultan Sulaiman itu, telah mangkat di Trengganu, dan meninggalkan beberapa orang putera; seorang daripada putera almarhum itu bernama Raja Mansur, disebut juga namanya Tun Dalam atau Raja Kechil; beliaulah yang menggantikan almarhum ayahandanya jadi Sultan Trengganu (II). Pada masa itu Tun Dalam masih kecil, disebut orang Yang Dipertuan Kechil (Sultan Mansur); oleh sebab itu pemerintahan negeri dipegang oleh Bendahara Tun Husain, abang Sultan Sulaiman.

1735. Pada awal bulan Mei tahun 1735, Daing Menampok, Raja Tua, telah mangkat di Riau. Tiada lama lepas itu Bendahara Seri Maharaja Tun Abbas, kakanda Sultan Sulaiman, telah jadi gila pula, dan telah mangkat di Bulang (tahun 1736), meninggalkan anak-anaknya yang bernama: Tun Hasan, Tun Abdul Majid dan Tun Abdul Jamal. Tun Hasan itu dilantik jadi Bendahara di Riau. Beberapa lama kemudian, Tun Abdul Majid itu pula dilantik jadi Bendahara Pahang (tahun 1770), dan Tun Abdul Jamal itu dijadikan Temenggung. Temenggung Abdul Jamal itulah, kemudiannya, beristerikan Raja Maimunah anak Daing Perani, mempunyai anak Daing Kechil dan Engku Muda Muhammad (Bulang).

Dalam tahun 1735 itu juga, iaitu pada zaman Yamtuan Muda Daing Chelak, Raja Kechil Siak datang lagi menyerang Riau dan Raja Kecil berkubu di Pulau Penyengat. Oleh sebab kelengkapan dan kekuatan perang di Pulau Riau telah bertambah banyak dan kuat, serangan Raja Kechil itu seolah-olah dipermain-mainkan sahaja oleh Yamtuan Muda Daing Chelak. Raja Kecil telah kalah lalu lari balik ke Siak dengan malunya.

1735-1736. Pada akhir tahun 1735 hingga awal tahun 1736, Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah dalam suatu rombongan baginda dari Riau berangkat ke negeri Pahang, lalu baginda mendirikan diwal (tembok) di makam almarhum ayahanda baginda Marhum Mangkat di Kuala Pahang (Sultan Abdul Jalil IV). Setelah itu baginda pun berangkat ke Trengganu, berjumpa dengan Yang Dipertuan Kecil (Tun Dalam, Raja Mansur), Sultan Trengganu. Pada masa di Trengganu itulah (1736) Sultan Sulaiman mengahwinkan sepupunya Tun Abdul Majid (anak Bendahara Tun Abbas yang gila itu) dengan Tun Enah anak Tun Husain Bendahara Trengganu.

Ada kira-kira dua bulan setengah lamanya Sultan Sulaiman bersemayam di Trengganu, Daing Kemboja anak Daing Perani dari Riau datang ke Trengganu mempersilakan Sultan Sulaiman balik ke Riau. Oleh itu baginda pun berangkat balik ke Riau; Tun Dalam Yang Dipertuan Kechil Trengganu itu dibawa baginda bersama-sama ke Riau. Tiada berapa lama di Riau, Tun Dalam pun balik ke Trengganu. Dalam tahun 1736 itulah Tun Abbas, Bendahara Seri Maharaja yang gila itu telah meninggal dunia di Bulang. Pada tahun 1736 itu juga Raja Kecil Siak telah berubah fikiran. Oleh sebab itu pemerintahan negeri Siak diserahkan kepada puteranya Raja Alam dan digelar Yamtuan Muda Siak.

1737. Lebih kurang dalam bulan Ogos tahun 1737, Raja Alam Yamtuan Muda Siak, dengan dibantu oleh Daing Matekko (Daing Matkah) serta seorang raja bernama Raja Mas, dengan membawa angkatan perang Siak sebanyak 62 buah perahu perang datang menyerang Riau. Serangan itu telah ditentang oleh angkatan perang Riau di bawah pimpinan Yamtuan Muda Daing Celak. Daing Kemboja anak Daing Perani, dan Kelana Che' Unok serta Raja Sa'id putera-putera Daing Merewah, turut sama berperang mempertahankan Riau. Akhirnya Yamtuan Muda Daing Celak telah mengalahkan pasukan yang datang dari Siak itu. Raja Alam, Daing Matekko dan Raja Mas undur balik ke Siak. Apabila berita itu disampaikan kepada Raja Kecil, semakin bertambah terganggu fikirannya yang memang telah tidak siuman itu.

Pada masa inilah juga — oleh sebab Raja Kecil telah berubah akal — putera-puteranya Raja Alam dan Raja Mahmud (Raja Buang) telah bergaduh berebutkan kerajaan. Orang-orang Bugis

yang ada di Siak menyebelahi Raja Mahmud, kerana Raja Mahmud telah beristerikan anak Daing Matekko (melahirkan Raja Ismail dan Raja Daud), dan Raja Mahmud itu ialah anak saudara kepada Sultan Sulaiman (Tengku Kamariah ibu Raja Mahmud itu, saudara Sultan Sulaiman). Dalam pada itu ramai juga orang-orang Siak yang menyebelahi Raja Alam. Raja Alam itu ada seorang puteranya bernama Raja Muhammad Ali; dan dengan isterinya Raja Khadijah anak Daing Perani, Raja Alam mempunyai anak bernama Tengku atau Daing Badariah. Tengku Badariah itulah, kemudiannya, bersuamikan Saiyid Uthamn Ash-Shahab, mempunyai anak bernama Saiyid Ali.

Pergaduhan di antara Raja Alam dengan Raja Mahmud (Raja Buang) di Siak itu telah mengakibatkan huru-hara dan perang saudara di negeri itu, dan akhirnya kalah Raja Alam, lalu ia berundur ke Batu Bara, ke Palembang dan kemudiannya ke Deli lalu menetap di situ.

1739. Pada tahun 1739, Tun Dalam Yang Dipertuan Kechil Trengganu yang masih muda itu, telah dijemput datang ke Riau. Sampai di Riau, Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah dan Yamtuan Muda Daing Chelak telah mengahwinkan Tun Dalam dengan Raja Bulang puteri Sultan Sulaiman Badrul Shah. Sejak itu sentiasalah Tun Dalam diam di Riau dan hanya sekali-sekali sahaja kembali ke Trengganu dan balik semula ke Riau. Bendahara Tun Husain di Trengganu pun selalulah menghantarkan orang-orang besar Trengganu pergi mengadap Sultan Sulaiman di Riau.

1740. Pada tahun 1740, Sultan Sulaiman, dalam suatu rombongan diraja dari Riau, telah berangkat melawat daerah-daerah takluk baginda di bahagian sebelah barat Pulau Riau. Dalam lawatan itu sampai juga baginda ke Muar dan berjumpa dengan Yamtuan Muda Riau yang telah ada di situ. Yamtuan Muda yang sampai ke Muar itu telah berjumpa Raja Mahmud Siak dengan Daing Matekko serta angkatan Siak yang telah ada di Muar, dan nampaknya mereka hendak memerintah di tempat itu. Yamtuan Muda Daing Chelak telah membedil angkatan Siak yang ada di Muar itu dengan meriam, hingga Raja Mahmud, Daing Matekko dan angkatan Siak itu lari balik ke Siak dengan meninggalkan beberapa pucuk meriam mereka lalu diambil oleh orang-orang Riau.

Dari Muar Sultan Sulaiman balik sebentar ke Riau. Lepas itu baginda berangkat pula pergi ke Trengganu membawa menantu baginda Tun Dalam Raja Trengganu itu. Di antara pengiring-pengiring baginda dalam rombongan itu ialah anak-anak saudara baginda: Tun Hasan, Tun Abdul Majid dan Tun Abdul Jamal (Temenggong) anak almarhum Bendahara Tun Abbas, serta beberapa ramai lagi orang-orang besar dan hulubalang Riau.

Setelah beberapa minggu lamanya Sultan Sulaiman bersemayam di Trengganu, Long Pandak orang besar Kelantan datang mengadap baginda di Trengganu, lalu Long Pandak itu diberi baginda gelaran "Dato' Seri Maharaja".

Setelah lebih kurang lima bulan lamanya Sultan Sulaiman di Trengganu, baginda pun menabal dan mengesahkan kedudukan menantu baginda Tun Dalam Yang Dipertuan Kecil itu sebagai Sultan Trengganu diberi gelaran Sultan Mansur Shah ibni almarhum Sultan Zainal Abidin.

Beberapa minggu pula selepas itu, baharulah Sultan Sulaiman berangkat meninggalkan Trengganu; Sultan Mansur Shah (Tun Dalam) yang baharu ditabalkan itu pun dibawa baginda bersama. Abang baginda Bendahara Tun Husain ikut sama mengiringkan baginda sehingga ke sempadan negeri Pahang. Setelah singgah di Pulau Kapas dan Dungun, Sultan Sulaiman telah singgah ke negeri Pahang, membaiki tembok makam almarhum ayahanda baginda di Kuala Pahang. Tiada lama di Pahang, baginda pun berangkat balik ke Riau, dan bapa saudara baginda Bendahara Tua di Pahang (Bendahara Tun Abdul Jamal yang disebut juga Bendahara Pekok) dibawa baginda bersama ke Riau.

1739-1740. Lebih kurang dalam tahun 1739, Yamtuan Muda Daing Chelak dari Riau telah membawa isterinya Tengku Puan Mandak pergi ke Selangor (Kuala Selangor) dan telah dimuliakan oleh Yang Dipertuan Selangor. Tiada lama di Selangor, mereka pun balik ke Riau. Pada tahun berikutnya, tahun 1740, Daing Chelak datang lagi ke Selangor, lalu beristerikan Daing Ma'asik anak seorang raja Bugis (Arong Pala) di Selangor, lalu membawa isterinya itu balik ke Riau.

Pada kali ini, lebih dua tahun lamanya Tun Dalam menantu Sultan Sulaiman itu tinggal di Riau. Pada masa itulah, setelah memandang keadaan di Riau, Tun Dalam merasa tidak puas hati

melihatkan kuasa Sultan Sulaiman dan orang-orang besar Melayu di Riau itu di bawah daripada kuasa dan pengaruh raja-raja Bugis, khususnya Daing Chelak, Yamtuan Muda Riau itu. Tun Dalam merasa kecewa pula yang ayah mertuanya Sultan Sulaiman itu tiada pernah menegur apa-apa hal pertadbiran yang dijalankan oleh raja Bugis itu. Begitulah pendapat Tun Dalam; tetapi pada masa itu belumlah dapat ia berbuat apa-apa kerana ia masih muda walaupun ia telah merasa hendak mengurangkan kuasa raja-raja Bugis di Riau itu.

1742-1743. Pada tahun 1742, Yamtuan Muda Daing Chelak datang lagi ke Selangor. Dari Selangor beliau telah membawa orang-orang Bugis pergi menyerang negeri Perak yang sedang diperintah oleh Sultan Muzaffar Shah III (Sultan Perak yang ke-13). Raja Abdul Jalil yang disebut juga Raja di Baroh, putera Sultan Sulaiman dipercayai ada turut sama dalam pasukan orang-orang Bugis yang datang menyerang negeri Perak itu. Serangan orang-orang Bugis ke negeri Perak dalam tahun 1742 itu, nyatalah menyebelahi Yang Dipertuan Muda (Raja Muda) Perak, Raja Bisnu, yang bersemayam di Pulau Tiga (di tepi Sungai Perak) yang sedang berselesih faham dengan kakandanya Sultan Muzaffar Shah itu. Orang-orang besar Perak yang menyebelahi Yang Dipertuan Muda Perak di Pulau Tiga itu, telah bermuafakat dengan orang-orang Bugis yang datang itu, lalu melantik Yang Dipertuan Muda Perak itu menjadi Sultan, bergelar Sultan Muhammad Shah. Pada masa itulah Kesultanan Perak berpecah dua: Sultan Muhammad Shah (adik) memerintah di bahagian selatan (hilir) negeri Perak, dan Sultan Muzaffar Shah (abang) memerintah di bahagian utara (hulu) negeri Perak. (Tahun 1742-1743). (Lihat: Sejarah Perak).

Pada masa di negeri Perak itu, Yamtuan Muda Daing Chelak telah mengambil dua orang gundik; seorang bernama Che' Samidah dan seorang lagi bernama Che' Satimah. Lama juga Yamtuan Muda itu tinggal di Perak. Setelah dua kali utusan Sultan Sulaiman dari Riau datang menjemputnya, baharulah Yamtuan Muda itu balik ke Riau, iaitu pada tahun 1743.

1745. Setelah lebih kurang tujuh belas tahun lamanya menjadi Yamtuan Muda Riau, pada 15 hari bulan Mei tahun 1745, Daing Chelak Yamtuan Muda Riau II itu pun mangkat di Riau; dimakam-

kan di Riau juga, dan digelar *Marhum Mangkat di Kota*; meninggalkan beberapa orang putera, yang lelaki ialah: Raja Lumu (di Selangor); Raja Haji (di Riau); yang perempuan: Tengku Puteh, Tengku Hitam, Raja Aminah, dan Raja Halimah.

Setelah mangkat Daing Chelak, Daing Kemboja anak almarhum Daing Perani, bersama-sama dengan Raja Sa'id anak almarhum Daing Merewah, bertolak ke Selangor, kerana hendak bermesyuarat dengan orang-orang besar Bugis di sana fasal hendak memilih ganti almarhum Yamtuan Muda (II) Daing Chelak itu. Mengikut setengah riwayat mengatakan: pada masa Daing Kemboja di Selangor itu, orang-orang Bugis di sana telah melantik-nya menjadi Yamtuan Muda Riau (III) menggantikan Marhum Mangkat di Kota itu; tetapi perlantikan itu belum diketahui oleh Sultan Sulaiman di Riau.

Ada suatu punca mengatakan: enam hari sebelum mangkat Yamtuan Muda Daing Chelak itu, Tun Dalam Yang Dipertuan Trengganu yang baharu berumur lebih kurang dua puluh tahun itu, telah datang ke Riau. Ahli sejarah Bugis telah menaruh syak akan kemangkatan Daing Chelak itu disebabkan kena racun, iaitu hasil daripada rancangan Tun Dalam. Tetapi ini ialah syak sahaja, kerana melihatkan telatah Tun Dalam yang tiada gemarkan orang-orang Bugis memegang kekuasaan yang berlebihan di Riau itu; bukti yang nyata tiada diperoleh.

Semenjak itu mulalah Tun Dalam jadi penganjur bagi pihak orang-orang suku Melayu di Riau yang cuba hendak mengurangkan kuasa orang-orang suku Bugis di Riau. Tun Dalam memang tidak senang hati melihatkan kebanyakan jawatan kerajaan yang penting dipegang oleh orang-orang Bugis, dan orang-orang Bugis itu dibantu pula oleh Sultan Sulaiman. Bendahara Pahang dan Temenggung Johor serta lain-lain orang besar suku Melayu di Kepulauan Riau, menyebelahi Tun Dalam. Sejak itu hingga kepada masa mangkatnya Sultan Sulaiman (Tahun 1760), Tun Dalam lebih banyak tinggal di Riau daripada di Trengganu; beliau sibuk dalam pergolakan politik dengan raja-raja Bugis itu sahaja, dan pemerintahan di Trengganu ditadbirkan oleh orang-orang besar di negeri itu di bawah pimpinan Bendahara Tun Husain.

1746. Setelah lebih kurang setahun lamanya Daing Kemboja tinggal di Selangor, baharulah ia balik ke Riau; tetapi hingga masa

itu pun belum juga nampaknya Sultan Sulaiman melantiknya menjadi Yamtuan Muda Riau menggantikan Yamtuan Muda Riau II yang telah mangkat itu. Boleh jadi disebabkan Sultan Sulaiman itu sentiasa sibuk dengan beberapa hal lain yang dirasanya lebih penting dan mesti diselesaikan dahulu.

Lebih kurang dalam tahun 1746 itu juga, Tengku Kamariah, Raja Perempuan Siak, isteri Raja Kechil dan saudara Sultan Sulaiman itu, telah mangkat di Siak. Oleh sebab itu Raja Kechil telah semakin bertambah gila hingga ia bertunggu tidur di kubur almarhumah isterinya itu. Tiada lama selepas itu, dalam tahun 1746 itu juga, Raja Kechil pun mangkat di Siak, dan dimakamkan di Siak. Mengikut riwayat orang Belanda, pada masa Raja Kechil mangkat, ia telah sangat tua. Oleh sebab itu Raja Kechil itu bukanlah putera Marhum Mangkat Dijulang (Sultan Mahmud Shah II) seperti yang didakwakaninya itu; kerana dari tarikh mangkat Sultan Mahmud Shah II (Marhum Mangkat Dijulang) itu, iaitu pada tahun 1699, hingga kepada tarikh mangkat Raja Kecil itu, tahun 1746, baharu lebih kurang 47 tahun; seseorang yang baharu berumur 47 tahun, belumlah sangat tua, seperti yang diterangkan oleh riwayat Belanda itu.

Setelah mangkat Raja Kechil, puteranya dengan Tengku Kamariah, iaitu Raja Mahmud (Raja Buang), naik kerajaan memerintah Siak, bergelar Sultan Mahmud Shah. Tiada lama selepas itu, Raja Alam putera Raja Kechil (lain ibu dengan Raja Mahmud) yang tinggal di Deli itu, datang membawa angkatan perangnya menyerang Siak dan mengalahkan adiknya Sultan Mahmud Shah itu. Raja Alam pun menjadi Raja Siak.

Raja Mahmud telah pergi mengadap bapa saudaranya Sultan Sulaiman di Riau dan meminta maaf kepada baginda, kerana perbuatannya di Muar dahulu (hendak memerintah di Muar). Pada masa itulah Sultan Sulaiman telah mula berkira-kira hendak menyerahkan negeri Siak itu kepada Belanda.

Dalam bulan Mei tahun 1746 itu juga, Sultan Sulaiman bersama-sama putera baginda Raja Abdul Jalil (Raja di Baroh), pergi ke Melaka lalu membuat perjanjian dan membaharui persahabatan dan perniagaan antara kerajaan Johor dengan orang-orang Belanda. Berkenaan dengan negeri Siak, baginda memulangkan kepada pertimbangan Gabenor-Jeneral Kompeni Belanda di Betawi menentukannya.

1748-1749. Dua tahun selepas itu, pada tahun 1748, baharulah Sultan Sulaiman melantik Daing Kemboja jadi Yamtuan Muda Riau (III), dan Raja Haji dilantik jadi penolong kepada Yamtuan Muda dan digelar *Engku Kelana*. Sejak itu selalulah Daing Kemboja dan Raja Haji berulang-alik ke Selangor. Lebih kurang pada masa itu juga, Tun Hasan abang Tun Abdul Majid, anak-anak almarhum Bendahara Tun Abbas yang gila itu, dilantiknya menjadi Bendahara di Riau bergelar Bendahara Seri Maharaja.

Dalam pada itu, Raja Mahmud bekas Sultan Siak itu, datang lagi ke Riau, meminta bantuan Sultan Sulaiman dan Yamtuan Muda Daing Kemboja, hendak mengalahkan Raja Alam yang sedang memerintah di Siak itu. Tun Dalam dan orang-orang besar Melayu di Riau bersetuju membantu Raja Mahmud itu, dan Sultan Sulaiman pun bersetuju pula dengan pendapat orang-orang besar Melayu itu. Tetapi Yamtuan Muda Daing Kemboja tiada bersetuju, dengan alasan bahawa pergaduhan Raja Mahmud dengan Raja Alam itu ialah pergaduhan orang adik-beradik.

Lepas itu, Sultan Sulaiman bagi pihak Raja Mahmud, bersama-sama dengan Tun Dalam telah pergi ke Melaka meminta bantuan orang-orang Belanda menolong Raja Mahmud mengambil semula kerajaan Siak dari tangan Raja Alam, dengan pengakuan jika Siak dapat balik ke tangan Raja Mahmud, orang-orang Belanda akan diberi kemudahan berniaga dan berdagang di negeri Siak. Setelah sama-sama bersetuju, Raja Mahmud yang dibantu oleh Sultan Sulaiman dan orang-orang Belanda itu pun pergi menyerang Siak dan mengalahkan Raja Alam.

Raja Alam telah berundur meninggalkan Siak pergi ke Batu Bara kemudian pergi ke Pulau Siantan dan dapat pula berkuasa di pulau itu. Setelah Sultan Mahmud dapat balik merajai Siak, ia pun membenarkan orang-orang Belanda berniaga di Siak dan membangunkan gudang mereka di Pulau Guntong (di Siak).

Pada akhir tahun 1748, Sultan Sulaiman yang membawa angkatan baginda dari Riau, dengan dibantu oleh Tun Dalam yang membawa angkatan Trengganu, telah pergi menyerang Raja Alam di Pulau Siantan. Setelah lebih kurang lima bulan lamanya (masuk ke tahun 1749) Sultan Sulaiman mengepung dan memerangi pasukan Raja Alam di pulau itu, tidak juga baginda dapat mengalahkan Raja Alam. Sultan Sulaiman pun meminta bantuan Yamtuan Muda Daing Kemboja, dan Daing Kemboja pun datang

membawa orang-orang Bugis dari Riau dan dari negeri Selangor membantu Sultan Sulaiman di Siantan. Setelah berperang dengan hebatnya, hingga beratus-ratus orang askar kedua belah pihak mati dalam peperangan itu, akhirnya Raja Alam pun kalah, lalu Raja Alam meninggalkan Siantan pergi ke Matan (di Kalimantan) dengan meninggalkan beberapa banyak alat senjata dan harta bendanya di Pulau Siantan. Tiada berapa lama di Matan, pergi pula Raja Alam ke Batu Bara dan tinggal di situ.

Oleh sebab orang-orang suku Melayu dan suku Bugis di Riau tidak juga berbaik, Yamtuan Muda Daing Kemboja telah berikhtiar supaya keadaan buruk seperti itu jangan berpanjangan. Dengan usaha Daing Kemboja, Raja Abdul Jalil (Raja di Baroh) putera Sultan Sulaiman itu dikahwinkan dengan Tengku Puteh puteri almarhum Daing Chelak dan beriparlah Raja Abdul Jalil dengan Raja Haji; dan adik Daing Kemboja sendiri yang bernama Raja Khadijah itu dikahwinkan dengan Raja Alam putera Raja Kecil Siak itu.

Raja Abdul Jalil Raja di Baroh dengan isterinya Tengku Puteh itu, kemudiannya, berputerakan Raja Ahmad dan Raja Mahmud (Kedua-duanya akan jadi Sultan). Raja Alam dengan isterinya Raja Khadijah itu, kemudiannya, berputerikan Raja Badariah, dan Raja Badariah itu bersuamikan Saiyid Uthman Ash-Shahab, berputerakan Saiyid Ali.

1753. Sungguhpun demikian, persengketaan Melayu-Bugis di Riau itu tidak juga hilang. Tun Dalam yang tidak suka kuasa raja-raja Bugis berlebih-lebihan dalam kerajaan Johor-Riau itu, masih ada lagi di Riau. Mengikut riwayat Bugis: pada masa itu, fitnah-fitnah selalu sahaja ditimbulkan orang di sana sini, supaya orang-orang suku Melayu dan suku Bugis di Riau itu bergaduh dan bermusuh-musuhan. Oleh sebab hendak menghindarkan pergaduhan yang mungkin timbul antara kedua belah pihak itu, Yamtuan Muda Daing Kemboja pun telah beberapa kali meminta kepada Sultan Sulaiman hendak meninggalkan Riau; tetapi tidak dibenarkan oleh Sultan Sulaiman. Akhirnya, oleh sebab kemarahannya terhadap persengketaan Melayu-Bugis itu telah memuncak, Yamtuan Muda Daing Kemboja pun keluar meninggalkan Riau dengan membawa anak isteri dan pengikut-pengikutnya serta beberapa pucuk meriam besar kepunyaannya sendiri, lalu beliau

pergi ke Linggi dan memerintah di situ bersendirian. Engku Kelana Raja Haji ditinggalkan di Riau menjaga orang-orang Bugis yang ada di situ. Setelah Yamtuan Muda Daing Kemboja memerintah di Linggi, ia telah membuat hubungan baik dengan orang-orang Bugis di Selangor. Raja Alam yang tinggal di Batu Bara itu, datang juga ke Linggi mengadap iparnya itu, dan Daing Kemboja telah menceritakan kepadanya hal persengketaan di antara orang-orang suku Bugis dengan orang-orang suku Melayu di Riau yang dianjurkan oleh Tun Dalam itu. Lepas itu Raja Alam balik ke Batu Bara lalu berlengkap kelengkapan perang di situ.

Dalam bulan Mei tahun 1753 itu juga, Raja Alam yang telah berlengkap angkatan perang di Batu Bara itu, telah datang menyerang Siak dan mengalahkan adiknya Sultan Mahmud; Raja Alam pula menjadi raja pemerintah di Siak dengan menggelarkan dirinya Sultan Azimuddin Shah. Raja Alam tiada membenarkan orang-orang Belanda tinggal di Siak dan menyekat perniagaan orang-orang Belanda barang di mana sahaja yang dapat dilakukannya. Dalam bulan Oktober tahun itu juga (1753), Sultan Sulaiman pun membantu anak saudara baginda Raja Mahmud dengan menghantarkan perahu-perahu perang untuk menyerang Siak; tetapi serangan itu telah diundurkannya oleh pasukan perang Raja Alam.

Untuk mengembalikan perniagaan mereka di negeri Siak, orang-orang Belanda berpendapat iaitu Raja Alam mesti dihalau keluar dari negeri Siak; tetapi hendaklah lebih dahulu berbaik-baik dengan Sultan Sulaiman di Riau.

1754. Dalam bulan Oktober tahun 1754, Kompeni Belanda di Nusantara telah menghantarkan wakilnya pergi berjumpa Sultan Sulaiman yang pada masa itu berada di Pulau Buru, dekat Pulau Kerimun, lalu wakil Belanda itu membuat perjanjian pula dengan Sultan Sulaiman. Dalam perjanjian itu, antara lain ada menyebutkan: apabila Sultan Sulaiman dapat balik menguasai Siak, baginda akan meletakkan seorang Bendahara di situ; dan baginda akan membenarkan Kompeni Belanda menduduki suatu tempat di Pulau Guntong (di Siak) ataupun barang di mana suatu tempat di tepi Sungai Siak.

1755. Dalam bulan Ogos tahun 1755, angkatan orang-orang Belanda yang menolong Sultan Sulaiman dan Raja Mahmud telah

bertolak ke Siak, lalu berperang dengan orang-orang Siak yang di bawah pimpinan Raja Alam. Lebih kurang dua minggu lamanya berperang, pada 13 hari bulan Ogos tahun 1755 itu juga, Raja Alam (Sultan Azimuddin) pun kalah lalu keluar meninggalkan Siak. Raja Mahmud pun dapat balik menduduki takhta kerajaan Siak, lalu membuat perjanjian persahabatan dan perniagaan dengan Kompeni Belanda. Sultan Mahmud telah membenarkan orang-orang Belanda membangunkan gudang dan duduk pada suatu tempat di Pulau Guntong. Suatu pasukan askar-askar Kompeni Belanda telah ditempatkan di Pulau Guntong, iaitu seramai 37 orang askar bangsa Eropah, dan 30 orang askar bangsa Asia, di bawah pimpinan seorang pegawai Belanda bernama Leftenan Daniel Poppal. Raja Alam yang telah dikalahkan oleh orang-orang Belanda itu, telah pergi sebentar ke Linggi berjumpa Yamtuan Muda Daing Kemboja. Setelah dibekal oleh Yamtuan Muda itu dengan dua buah kapal besar, Raja Alam pun balik ke Batu Bara.

1756. Pada 6 hari bulan Januari tahun 1756, Sultan Sulaiman dari Riau, dengan diiringi oleh putera baginda Raja Abdul Jalil Raja di Baroh, Tun Dalam, dan Tun Hasan Bendahara Seri Maharaja, telah sampai ke Melaka. Baginda telah mengucapkan terima kasih kepada Gabenor Belanda di Melaka kerana bantuan orang-orang Belanda mengalahkan Raja Alam, dan Sultan Mahmud dapat balik berkerajaan di Siak. Pada 19 hari bulan Januari tahun 1756 itu juga, Sultan Sulaiman telah membuat perjanjian dengan orang-orang Belanda di Melaka, dan perjanjian ini telah membatalkan perjanjian yang telah dibuat di Buru pada tahun 1754 yang lalu.

Dalam perjanjian 19 Januari tahun 1756 itu, antara lain ada menyebutkan: seberapa yang terdaya, orang-orang Belanda akan mengambil peluang mendapatkan balik daerah takluk Sultan Sulaiman yang telah lucut dari tangan baginda dan menyerahkannya balik kepada baginda; Siak yang telah didapati balik dengan pertolongan Belanda kerana anjuran Sultan Sulaiman itu, hendaklah diperintah oleh seorang pemangku raja yang akan mengkaji kepentingan Belanda di Siak; orang-orang Belanda boleh menduduki atau meninggalkan tempat mereka di Pulau Guntong; pegawai-pegawai Belanda boleh datang melawat ke Sungai Siak dan akan menghukum orang-orang yang melanggar syarat-syarat dalam perjanjian ini. Sebuah kapal pun tiada dibenarkan masuk ke

Siak melainkan ada surat kebenaran daripada Sultan; Kompeni Belanda dan Sultan sahaja mempunyai hak monopoli menjual kain-kain di Sungai Siak; kapal-kapal Belanda dibebaskan daripada membayar cukai tol dalam seluruh kerajaan Johor-Riau; Kompeni Belanda diberi juga suatu hak monopoli membeli timah di Selangor (Kuala Selangor), Kelang dan Linggi; orang-orang Eropah yang lain daripada Belanda, tiada dibenarkan masuk ke kerajaan Johor melainkan dengan surat kebenaran daripada Kompeni Belanda.

Pada masa di Melaka itu juga, Sultan Sulaiman telah ber-kirim surat kepada Daing Kemboja di Linggi, Raja Tua di Kelang dan kepada Sultan Salehuddin (Raja Lumu) di Selangor, bertanya sama ada raja-raja itu masih mengakui pemerintahan baginda atau tidak. Dengan tiada berlengah-lengah lagi datanglah jawapan daripada raja-raja itu mengatakan: mereka tidak menyetujui perbuatan baginda dengan orang-orang Belanda itu. Pada 30 hari bulan Januari (1756) Sultan Sulaiman pun berangkat balik ke Riau.

Nampaknya, Sultan Sulaiman masih memandang atau mengirakan daerah Linggi, Selangor (Kuala Selangor) dan Kelang itu di bawah kuasa atau pengaruh baginda walaupun tempat-tempat itu ialah tempat-tempat kekuatan orang Bugis selain daripada Riau, dan tempat-tempat itu memang banyak menghasilkan bijih timah. Dan pada tahun itu juga didapati mula tersebut gelaran raja pemerintah di Selangor itu *Sultan Salehuddin*, dan mengikut sepanjang sejarahnya; Sultan Salehuddin Selangor itu ialah Raja Lumu abang Raja Haji, putera-putera almarhum Daing Chelak Yamtuan Muda Riau II. Sejak orang-orang Belanda ber-baik-baik dengan Sultan Sulaiman itu, orang-orang Bugis pun memusuhi orang-orang Belanda.

Pada masa itu, Tun Dalam dengan Bendahara Seri Maharaja di Riau, telah meminta kepada orang-orang Belanda yang ada berlabuh dengan kapal mereka di Riau, supaya menangkap Raja Haji dan adiknya Raja Aminah dan Raja Halimah. Apabila Raja Haji dapat tahu hal itu, beliau pun marah kepada Tun Dalam dan hendak memerangi orang-orang Trengganu yang ada di Riau. Sultan Sulaiman dan Raja Abdul Jalil Raja di Baroh telah berusaha mendamaikan Tun Dalam dengan Raja Haji. Setelah mereka ber-damai, Sultan Sulaiman telah menitahkan Tun Dalam dengan Raja Haji pergi ke Linggi menjemput Yamtuan Muda Daing

Kemboja balik ke Riau.

Dalam pelayaran menuju ke Linggi, perahu-perahu Tun Dalam dan Raja Haji telah singgah di pelabuhan Melaka. Tun Dalam telah naik ke darat lalu mengatakan kepada pihak berkuasa Belanda di Melaka bahawa ianya ialah wakil daripada Sultan Sulaiman di Riau meminta Belanda menangkap Raja Haji yang sekarang ada di pelabuhan Melaka, dan minta Belanda melanggar Yamtuan Muda Daing Kemboja di Linggi. Oleh sebab itu orang-orang Belanda pun mengatitkan rancangan hendak mengadakan suatu jamuan dalam sebuah kebun Belanda di Melaka, dan dalam jamuan itu kelak mereka hendak menangkap Raja Haji.

Sebelum rancangan itu dijalankan, rahsia itu telah bocor lalu disampaikan orang kepada Daing Kemboja di Linggi, dan dengan tidak berlengah-lengah lagi Yamtuan Muda itu pun terus memberitahu dan menyuruh Raja Selangor (Raja Lumu) segera datang ke Melaka mengambil adindanya Raja Haji yang sedang dalam bahaya itu.

Raja Selangor dengan beberapa orang besar Selangor dengan segera belayar menuju ke Melaka. Tatkala Raja Selangor itu singgah di Tanjong Keling, kira-kira tujuh batu lagi hendak sampai ke bandar Melaka, iaitu dalam bulan April tahun 1756, ia telah ditemui oleh Tun Dalam. Berhadapan dengan seorang pegawai Belanda bernama Ary Verbrugge, Tun Dalam telah memujuk Raja Selangor supaya jangan menyebelahi Daing Kemboja. Pujukan Tun Dalam itu tiada dipedulikan oleh Raja Selangor, melainkan terus juga Raja Selangor menyuruh orang-orangnya mencari Raja Haji, dan akhirnya orang-orang Selangor itu telah berjumpa dengan Raja Haji sedang berada dalam perahunya dekat sebuah pulau tiada berapa jauh dari bandar Melaka. Raja Selangor dengan segera membawa Raja Haji pergi ke Linggi berjumpa sepupu mereka Daing Kemboja di Linggi. Setelah Raja Haji terselamat daripada tangkapan Belanda itu, Raja Selangor pun balik ke Selangor.

Lebih kurang empat bulan lepas itu, pada akhir bulan Julai (1756), angkatan kapal perang Belanda dengan dibantu oleh perahu-perahu Trengganu yang diketuai oleh Tun Dalam, datang menyerang orang-orang Bugis di Linggi. Serangan itu telah ditentang oleh orang-orang Bugis di Linggi di bawah pimpinan Raja Haji. Apabila Raja Haji luka pahanya kena sangkur senapang,

Linggi pun kalah. Daing Kemboja dan Raja Haji serta orang-orang Bugis pengikut mereka berundur pergi ke Rembau. Daing Kemboja dan Raja Haji telah berbaik-baik dengan penghulu di Rembau lalu mereka membuat perjanjian bersumpah setia dan bertolong-tolongan.

Setelah kalah Linggi, Tun Dalam pun balik ke Riau pura-pura memberitahu Sultan Sulaiman mengatakan: Yamtuan Muda Daing Kemboja akan balik ke Riau, dia minta tangguh dan sekarang sedang bersiap-siap. Tiada lama lepas itu, Tun Dalam telah menghalau Raja Aminah dan Raja Halimah adik Raja Haji keluar dari Riau, mereka pun pergi ke Reteh.

Pada masa Daing Kemboja dan Raja Haji tinggal di Rembau itu, Tun Dalam di Riau hendak membawa isterinya Raja Bulan dan orang-orang Trengganu yang ada di Riau balik ke Trengganu dan dipersilakannya Sultan Sulaiman dan Raja Abdul Jalil Raja Baroh pergi bersama ke Trengganu. Tetapi Raja Abdul Jalil tidak mahu pergi ke Trengganu.

Dalam pada itu, sebelum Sultan Sulaiman berangkat mengikut Tun Dalam pergi ke Trengganu, datang orang dari Melaka berdagang ke Riau dan orang itu mengatakan: Daing Kemboja telah dialahkan oleh orang-orang Belanda (di Linggi) dengan kehendak Sultan Sulaiman. Mendengar itu, Sultan Sulaiman dan Raja Abdul Jalil pun marah kepada Tun Dalam, kerana mereka dapat mengagak bahawa kejadian itu tentulah berpunca daripada Tun Dalam masa Tun Dalam pergi ke Melaka hendak ke Linggi bersama-sama dengan Raja Haji dahulu, dan Raja Haji tidak pula balik bersama-sama Tun Dalam. Oleh sebab tersangat marahnya, Raja Abdul Jalil hendak menikam Tun Dalam; Riau huru-hara, dan Tun Dalam telah lari meninggalkan Riau balik ke Trengganu. Tetapi tiada lama kemudian, apabila keadaan di Riau telah agak tenang, Tun Dalam datang balik ke Riau.

Pada masa itu Riau telah sunyi; perniagaannya tiada berapapun ramai dan tidak makmur lagi; beras dan lain-lain barang makanan pun telah mahal; rakyat menderita kerana kesukaran mendapatkan barang-barang makanan; perahu-perahu dagang hampir tak ada yang datang ke Riau; Sultan Sulaiman berdukacita melihat keadaan itu.

Dalam bulan Oktober tahun 1756 itu juga, orang-orang Bugis di bawah pimpinan Yamtuan Muda Daing Kemboja dari Rembau

yang dibantu oleh orang-orang Rembau, datang menyerang ke Melaka. Daing Kemboja telah berkubu di Kelebang, tiada berapa jauh dari bandar dan Kota Melaka. Askar-askar Daing Kemboja dengan orang-orang Rembau itu telah menyerang kampung-kampung di sekitar bandar Melaka, iaitu Terangkera, Peringgit, Bukit China, Semabok dan Telok Ketapang, dan telah menyebabkan beberapa kerosakan dan kemalangan kepada penduduk di kampung-kampung itu. Tiada lama lepas itu, Raja Sa'id (putera almarhum Daing Merewah) datang ke Melaka membawa orang-orang Bugis dari Selangor kerana hendak membantu Daing Kemboja. Kemudian, datang pula Raja Alam dari Batu Bara membawa askar-askarnya membantu Daing Kemboja, dan pihak Daing Kemboja pun telah bertambah kuat.

Pada akhir tahun 1756 itu, askar-askar Belanda telah datang menyerang kubu Daing Kemboja di Kelebang; tetapi askar-askar Belanda itu telah diundurkan oleh askar-askar Daing Kemboja dan sekutunya, dan balikkah semula askar-askar Belanda itu ke Kota Melaka. Daing Kemboja telah mencadangkan juga kepada pihak berkuasa Belanda supaya memutuskan perhubungan mereka dengan Sultan Sulaiman di Riau; tetapi cadangan Daing Kemboja itu tiada diterima oleh orang-orang Belanda.

1757. Daing Kemboja berperang melawan Belanda di Melaka itu telah berlanjutan hingga ke bulan Mei tahun 1757. Dalam bulan Mei itu, dengan bantuan pasukan askar Belanda yang lebih besar yang didatangkan dari Betawi ke Melaka, orang-orang Belanda telah dapat mengundurkan askar-askar Daing Kemboja dan sekutunya meninggalkan Melaka pergi ke Linggi. Kapal perang Belanda telah datang mengepung Linggi, berkawal di Kuala Linggi, sehingga orang-orang Belanda itu telah mendirikan sebuah kota kecil di atas sebuah bukit (Bukit Supai namanya disebut orang) di sebelah daerah Melaka mengadap ke kuala Sungai Linggi. Adanya kota Belanda di Kuala Linggi itu nyatalah kerana hendak mengawal pergerakan orang-orang Bugis di Linggi dan di Rembau, seperti mengawal hasil timah yang dibawa dari Rembau dan Sungai Ujong keluar ikut Kuala Linggi; tambahan pula hak monopoli memberi timah di Linggi itu telah diberikan oleh Sultan Sulaiman kepada orang-orang Belanda. Kota Belanda di Kuala Linggi itu dinamakan mereka *Fort Filipina*.

Dalam bulan Mei tahun 1757 itu juga, dengan jemputan Gabenor Belanda di Melaka, Sultan Sulaiman dari Riau, Raja Selangor serta beberapa orang-orang besar Bugis dari Selangor, telah datang ke Melaka lalu bermesyuarat dengan orang-orang Belanda fasal peperangan di antara orang-orang Belanda dengan orang-orang Daing Kemboja itu. Pada masa itu baharu jelas diketahui bahawa perang itu berpunca daripada hasutan Tun Dalam, bukan dengan kehendak Sultan Sulaiman. Keputusan mesyuarat itu juga membuat ketetapan iaitu Sultan Sulaiman dituntut membayar wang ganti rugi kepada Belanda berhubung dengan peperangan di Linggi itu sebanyak \$75,457.00 dalam tempoh empat bulan. (Mengikut *Hikayat Negeri Johor* pula, wang gantirugi yang dituntut oleh Belanda daripada Sultan Sulaiman itu ialah sebanyak \$30,457.00).

Pada 12 hari bulan Disember tahun 1756 itu juga, Sultan Sulaiman bersama-sama dengan Tun Dalam dan Temenggong Abdul Majid (adik Tun Hasan Bendahara Seri Maharaja) telah menandatangani suatu perjanjian dengan orang-orang Belanda, menyerahkan Rembau dan Linggi kepada orang-orang Belanda; dan penyerahan itu tidaklah dengan pengetahuan penghulu-penghulu di Rembau dan di Linggi. Perbuatan baginda itu nyata menunjukkan baginda masih mengirakan daerah Rembau dan Linggi itu masih di bawah takluk Johor-Riau, dan tujuan baginda berbuat demikian ialah supaya orang-orang Bugis di Linggi dan orang-orang Rembau yang tiada lagi taat kepada perintah baginda itu, dimasukkan ke dalam pemerintahan Belanda, dan dipercayai ialah juga kerana mengikut nasihat Belanda.

Pada masa kapal-kapal Belanda datang mengepung di Kuala Linggi (Mei, 1757), dan kemudian Linggi diserahkan oleh Sultan Sulaiman kepada Belanda (Disember, 1757), Daing Kemboja dan Raja Haji bukanlah tinggal di Linggi, melainkan mereka tinggal di Pedas dalam daerah Rembau. Pada masa itu Raja Haji dikahwinkan dengan Tengku Perak puteri Daing Kemboja; dan pada masa itu juga Raja Haji pergi ke Asahan membeli sebuah perahu layar yang besar, dibawanya ke Selangor (Kuala Selangor), dipinda dan dibaikinya hingga jadi perahu kenaikannya yang besar dan indah, dan dinamakan *Bulang Linggi*. Yamtuan Muda Daing Kemboja pun selalu berulang-alik antara Pedas dan Selangor, dan raja-raja serta orang-orang besar Bugis di Selangor itu pun

selalu pula datang mengadap Yamtuan Muda Daing Kemboja di Pedas (Rembau).

1758. Setelah orang Belanda mengetahui asal puncanya peperangan mereka dengan Daing Kemboja itu, orang-orang Belanda pun berdamai dengan Daing Kemboja yang mewakili orang-orang Bugis. Daing Kemboja serta orang-orang besar dari Rembau dan Selangor telah pergi ke Melaka dan telah diterima dengan baik oleh orang-orang Belanda. Pada 1 haribulan Januari tahun 1758, Yamtuan Muda Daing Kemboja, Raja Tua Kelang dan Raja Adil Rembau, telah menandatangani suatu surat perjanjian damai dengan orang-orang Belanda. Surat perjanjian itu telah ditandatangani oleh kedua belah pihak di Fort Filipina di Kuala Linggi. Dalam perjanjian itu, antara lain terutama menyebutkan: sahabat kepada Kompeni Belanda, terutama Sultan Johor, menjadi sahabat juga kepada pihak-pihak yang membuat perjanjian dengan Belanda itu; timah yang dikeluarkan dari tempat-tempat mereka itu, hendaklah dijual kepada Kompeni Belanda sahaja dengan harga 32 ringgit Sepanyol pada tiap-tiap satu bahara yang beratnya 300 kati, dan ditambah dua ringgit lagi sebagai hadiah kepada Raja pemerintah di tempat penjualan timah itu. Raja Selangor (Raja Lumu) turut sama hadir dalam majlis menandatangani perjanjian itu.

Sementara itu Raja Haji telah eprgi mengambil adiknya Raja Aminah dan Raja Halimah di Reteh, dibawanya ke Pedas. Pada masa itu juga, entah kerana kkuatirkan orang-orang Bugis atau lain-lain sebab Sultan Sulaiman di Riau telah menitahkan menantu baginda Tun Dalam, meminta kepada orang-orang Belanda menempatkan askar-askar Belanda seramai 25 orang di Riau. Nampaknya, pada masa itulah raja-raja Bugis di negeri Selangor tidak lagi tunduk di bawah kuasa Sultan Sulaiman di Riau; kerana baginda telah meminta kepada orang-orang Belanda mendapatkan balik negeri Selangor itu masuk ke bawah perintah baginda.

1759. Dalam tahun 1759, Sultan Mahmud Raja Siak yang tiada berpuas hati dengan adanya orang-orang Belanda menduduki Pulau Guntong dan menjalankan perniagaan mereka dengan bebas di negeri Siak itu, telah mengumpulkan askar-askar perangnya dengan dibantu oleh panglima Siak yang terkenal bernama

Saiyid Umar serta putera baginda Raja Ismail, lalu menyerang dan membunuh beberapa ramai orang Belanda di Pulau Guntong, dan ketua Belanda di pulau itu pun mati dibunuh oleh Saiyid Umar. Orang-orang Belanda lainnya yang dapat melepaskan diri, telah lari balik ke Melaka. Gabenor Belanda di Melaka sangat marah akan perbuatan Sultan Mahmud Siak itu. Sejak itulah juga nampaknya Sultan Sulaiman tidak lagi menguasai Siak, kerana baginda telah meminta juga kepada orang-orang Belanda mengambil negeri Siak masuk ke bawah perintah baginda. Semenjak itu juga orang-orang Belanda telah membuat hubungan baik pula dengan Raja Alam di Batu Bara.

Setelah diputuskan dalam mesyuarat di antara raja-raja dan orang-orang besar Bugis di Pedan (Rembau), dalam bulan Disember tahun 1759 Yamtuan Muda Daing Kemboja telah memerintahkan Raja Haji pergi ke Riau dengan tujuan hendak mendesak Sultan Sulaiman membaharui semula *Persetiaan Sumpah-setia Marhum Sungai Baru* yang telah diperbuat antara Sultan Sulaiman dengan raja-raja Bugis dahulu, yang telah menentukan hak raja-raja Bugis turun-temurun sebagai Yamtuan Muda Riau. Raja Haji telah pergi ke Riau dengan kapalnya *Bulang Linggi*, dan di belakang itu dituruti pula oleh Raja Selangor (Raja Lumu) dan beberapa orang-orang besar Bugis dari Selangor pergi juga ke Riau.

Raja Haji telah mengadap Sultan Sulaiman di Riau dan telah menyatakan maksud kedatangannya seperti yang telah dirancang di Pedas itu. Setelah itu, Sultan Sulaiman pun mengumpulkan orang-orang besar Melayu dan Bugis di Riau lalu menyatakan di hadapan khalayak itu bahawa baginda telah menyerahkan balik urusan pemerintahan kerajaan Johor-Riau itu kepada raja-raja Bugis, khasnya kepada Yamtuan Muda Daing Kemboja mengikut syarat-syarat dalam *Persetiaan Marhum Sungai Baru* dahulu. Setelah perisytiharan itu diumumkan, Raja Haji dan kakandanya Raja Selangor itu pun pergi berjumpa saudara-saudara mereka Tengku Puteh dan Tengku Hitam serta keluarga-keluarga mereka yang telah begitu lama berpisah itu.

1760. Dalam bulan Ogos tahun 1760, Sultan Sulaiman telah menyuruh Raja Selangor (Raja Lumu), Raja Haji dan putera baginda Raja Abdul Jalil Raja di Baroh pergi ke Rembau mengambil Yamtuan Muda Daing Kemboja dibawa balik ke Riau untuk

menjalankan pertadbiran negeri.

Setelah ketiga-tiga orang raja itu meninggalkan Riau, Sultan Sulaiman pun jatuh gering. Pada masa itu juga, Tengku Puteh (anak Daing Chelak) isteri Raja Abdul Jalil Raja di Baroh yang tinggal di Riau itu, bersalin seorang anak lelaki, dinamakan Raja Mahmud; anaknya yang sulung bernama Raja Ahmad abang Raja Mahmud masih budak lagi belum baligh.

Apabila Raja Selangor, Raja Haji dan Raja Abdul Jalil sampai di Pedas (Rembau), mereka pun menyampaikan titah Sultan Sulaiman yang berkehendakkan Yamtuan Muda Daing Kemboja balik di Riau menjalankan pertadbiran negeri seperti dahulu.

Setelah beberapa hari tinggal di Pedas, dengan persetujuan Daing Kemboja, Raja Abdul Jalil telah mengikut Raja Selangor (Raja Lumu) pergi melawat ke Selangor (Kuala Selangor). Tetapi dengan tiada disangka-sangka, tiba di Selangor, Raja Abdul Jalil telah jatuh gering, demam, dan beliau tinggal di istana Raja Selangor.

Sultan Sulaiman di Riau yang gering itu, semakin bertambah gering pula. Akhirnya, dalam tahun 1760 itu juga, Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah pun mangkat di Riau, berusia lebih kurang enam puluh tahun. Jenazah almarhum telah dimakamkan di Batangan (Riau) dan disebut *Marhum Batangan*. Pada masa itu Daing Kemboja dan Raja Haji masih di Rembau (Pedas), dan putera almarhum Raja Abdul Jalil Raja di Baroh yang telah ditentukan bakal ganti almarhum berkerajaan itu, sedang gering pula di Selangor (Kuala Selangor).

Dalam tahun 1760 itu juga, mangkat pula Sultan Mahmud putera Raja Kecil yang memerintah di negeri Siak itu; almarhum itu telah dimakamkan di tempat yang bernama Mampura di Siak, dan disebut *Marhum Mampura*. Raja Ismail putera almarhum itu naik takhta kerajaan menjadi Yang Dipertuan Besar Siak, dan sepupunya Raja Muhammad Ali putera Raja Alam jadi Yang Dipertuan Muda (Yamtuan Muda) Siak.

Tiada lama setelah Raja Ismail berkerajaan di Siak, bapa saudaranya Raja Alam yang tinggal di Batu Bara itu, dengan pertolongan kapal perang Belanda yang didatangkan dari Melaka, telah menyerang negeri Siak. Setelah beberapa bulan lamanya berperang, Siak tidak juga alah. Akhirnya, oleh sebab Yamtuan Muda Raja Muhammad Ali belot kepada Raja Siak dan menyebelahi

ayahnya Raja Alam yang datang menyerang itu, kalahlah Raja Ismail, lalu beliau pun undur meninggalkan negeri Siak pergi ke Pulau Lawan (Palawan?); lepas itu ke Pulau Siantan, dan ke Pulau Tambelan dan dapat pula beliau berkuasa di Pulau Siantan dan Pulau Tambelan. Sejak itu, Raja Alam pula menjadi Yang Dipertuan Besar di Siak, dan puteranya Raja Muhammad Ali menjadi Yang Dipertuan Muda.

Sultan Abdul Jalil Muazzam Shah (1760-1761):

1760. SETELAH Sultan Sulaiman mangkat di Riau kira-kira dalam bulan Ogos tahun 1760, Bendahara pun menghantar utusan pergi memberitahu hal itu kepada putera almarhum itu Raja Abdul Jalil (Raja di Baroh) yang sedang gering di Selangor, dan kepada Yamtuan Muda Daing Kemboja serta Raja Haji di Pedas (Rembau), dan juga kepada Raja Selangor (Raja Lumu) di Selangor.

Mengikut sejarah: Raja Abdul Jalil Raja Baroh itu memang telah ditentukan bakal yang akan jadi Yang Dipertuan Besar (Sultan) di Riau selepas mangkat ayahnya kelak. Tetapi setelah Sultan Sulaiman mangkat itu, puteranya itu tidak dapat dilantik di Riau jadi Sultan mengikut adat istiadat yang telah diamal oleh raja-raja Melayu tatkala memakamkan jenazah almarhum ayahandanya itu, kerana pada masa itu Raja Abdul Jalil sedang gering di Selangor. Dalam pada itu, ahli-ahli sejarah Bugis dan Melayu menyebutkan dalam riwayat masing-masing, Raja Abdul Jalil itu disebut gelarannya Sultan Abdul Jalil Muazzam Shah, kerana beliaulah yang dipandang sebagai Sultan Johor-Riau dan daerah-daerah takluknya bagi menggantikan ayahandanya almarhum Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (Marhum Batangan), dan hanya menantikan beliau balik ke Riau hendak ditabalkan sebagai Sultan.

1761. Apabila Yamtuan Muda Daing Kemboja, Raja Haji dan Raja Abdul Jalil menerima berita kemangkatan Sultan Sulaiman itu, mereka pun sangatlah berdukacita. Tiada lama setelah menerima berita itu, iaitu kira-kira lima bulan selepas mangkat Marhum Batangan itu, Raja Abdul Jalil Raja di Baroh yang tinggal di Selangor (Kuala Selangor) itu pun, dengan tiba-tiba telah mangkat

pula. Dalam sejarah ada menyebutkan: orang-orang suku Melayu di Riau percaya bahawa kemangkatan Raja Abdul Jalil di Selangor itu ialah disebabkan kena racun. Tetapi tiada pula riwayat itu menerangkan buktinya.

Setelah jenazah Raja Abdul Jalil itu disiapkan di Selangor, jenazah almarhum itu pun dibawa dengan istiadat ke tempat Yam-tuan Muda Daing Kemboja dan Raja Haji di Pedas (dalam Rembau). Kemudian, dari Pedas, dengan istiadat pula, jenazah itu dibawa oleh Yam-tuan Muda Daing Kemboja dan Raja Haji, dalam suatu rombongan besar mengandungi empat puluh lima buah perahu balik ke Riau, iaitu dalam bulan Februari tahun 1761. Sampai ke Riau, hebohlah rakyat Riau, terutama keluarga diraja di sana, menyambut jenazah almarhum Sultan Abdul Jalil Muazzam Shah yang telah mangkat dengan secara mengejut itu, dan juga menyambut datangnya balik Yam-tuan Muda Daing Kemboja yang telah meninggalkan Riau sekian lama itu. Setelah itu jenazah almarhum Sultan Abdul Jalil Muazzam Shah itu pun dimakamkan dengan istiadatnya di permakaman almarhum ayah-andanya Marhum Batangan.

Sultan Ahmad Riayat Shah (1761):

1761. SEBELUM jenazah almarhum Sultan Abdul Jalil Muazzam Shah dimakamkan, Yamtuan Muda Riau (III) Daing Kemboja serta orang-orang besar Bugis di Riau telah melantik Raja Ahmad putera sulung almarhum itu dengan isterinya Tengku Puteh (anak almarhum Daing Chelak) menjadi Sultan Johor-Riau dan daerah takluknya, dan bergelar Sultan Ahmad Riayat Shah; pada masa itu usia baginda baharu lebih kurang sembilan tahun. Adinda baginda Raja Mahmud masih kecil benar lagi.

Tiada lama selepas itu, mangkat pula bonda baginda Tengku Puteh. Sultan Ahmad itu bersemayam di Kampung Bulang bersama keluarganya suku Melayu; tetapi selalulah baginda dibawa berjumpa Yamtuan Muda Daing Kemboja, orang yang sebenarnya menjalankan pemerintahan dalam kerajaan Johor-Riau masa itu. Adinda baginda Raja Mahmud dipelihara oleh emak-emak saudaranya Tengku Hitam (adik Tengku Puteh), Raja Aminah dan Raja Halimah (adik Raja Haji). Oleh sebab Sultan Ahmad masih budak lagi, segala urusan pemerintahan negeri terserah dan dijalankan oleh Yamtuan Muda Daing Kemboja dan pembantunya Engku Kelana Raja Haji.

Setelah itu, datang pegawai Belanda dari Melaka ke Riau menuntut wang pembayaran gantirugi perang yang telah dijanjikan oleh almarhum Sultan Sulaiman dahulu. Oleh sebab Bendahara dan lain-lain orang besar Melayu yang ada di Riau itu tiada sanggup membayar hutang itu, akhirnya Yamtuan Muda Daing Kembojalah yang telah sanggup menjelaskannya. Tiada lama lepas itu, pembayaran itu telah dijelaskan oleh Yamtuan Muda Daing Kemboja kepada pegawai-pegawai Belanda itu di Bulang, di hadapan Sultan Ahmad sendiri dan disaksikan oleh Bendahara

dan lain-lain orang besar Riau. Wang pembayaran itu didapati oleh Daing Kemboja daripada wang keuntungannya sendiri kerana menjual candu kepunyaan seorang nakhoda bangsa Eropah yang diamanahkannya menjual kepada Daing Kemboja dan sebahagian daripada keuntungan penjualan itu didapati oleh Daing Kemboja. Pada masa menjelaskan pembayaran itu, tidak juga lupa Daing Kemboja menyesali perbuatan jahat orang-orang besar Melayu terhadap orang-orang besar Bugis sehingga menyebabkan beliau meninggalkan Riau, dan disindirinya pula pegawai-pegawai Belanda yang datang menuntut wang gantirugi perang itu dengan perkataan yang bermaksud: kalau wang belanja Kompeni Belanda memerangi dia (Daing Kemboja) dapat digantinya, wang belanja dia memerangi orang-orang Belanda di Linggi dahulu, daripada siapa pula hendak dimintanya? Tetapi pegawai Belanda itu tersenyum sahaja mendengar sindiran Daing Kemboja itu. Sejak itu Yamtuan Muda Daing Kemboja semakin berkuasa di Riau.

Tiada berapa lama Sultan Ahmad Riayat Shah itu berkerajaan, tiba-tiba dalam tahun 1761 itu juga, baginda pun mangkat di Riau dalam usia yang masih tersangat muda, belum pun baligh; baginda digelar *Marhum Tengah*. Ada juga riwayat yang mengatakan bahawa kemangkatan baginda itu pun barangkali kena racun juga oleh pihak yang berebutkan kuasa kerajaan.

Sultan Mahmud Shah III (1761-1812):

1761-1763. PADA tahun 1761, setelah mangkat Sultan Ahmad Riayat Shah (Marhum Tengah), ramai orang-orang besar Melayu di Riau berkehendakkan salah seorang daripada saudara-saudara almarhum Sultan Abdul Jalil (Raja di Baroh), iaitu Tengku Abdul Kadir atau seorang lagi Tengku Buang, dilantik Sultan. Tetapi Yamtuan Muda Daing Kemboja dan orang-orang besar Bugis memilih Raja Mahmud adik almarhum Sultan Ahmad dilantik Sultan.

Dalam suatu perhimpunan ramai di balai besar Riau, yang dihadiri oleh orang-orang besar Bugis dan orang-orang besar Melayu, termasuk Bendahara (Tun Hasan), Temenggong (Abdul Jamal) dan anak-anak Temenggong itu yang bernama Daing Kochil, Daing Chelak dan Engku Muda Muhammad (bonda mereka Raja Maimunah anak Daing Perani dengan Tengku Tengah) hadir juga di balai itu. Yamtuan Muda Daing Kemboja telah membawa Raja Mahmud ke balai itu. Sambil Raja Mahmud diribanya di atas singgahsana, Yamtuan Muda Daing Kemboja pun melantik Raja Mahmud jadi Sultan, lalu Yamtuan Muda itu berucap yang maksudnya: "Barang diketahui kiranya oleh suku-suku sebelah Melayu dan Bugis, bahawa sesungguhnya Raja Mahmud inilah Raja Johor dan segala daerah takluknya yang dilantik oleh Bugis sebagaimana melantik nindanya Sultan Sulaiman, ia pun demikian jualah. Maka barang siapa yang tiada mematuhi aturan ini, maka pada hari dan waktu inilah kita berhabis-habisan"; demikianlah maksud perisytiharan Yamtuan Muda itu sambil meng-hunus pedangnya. Tak ada seorang pun dalam perhimpunan itu yang membantah perlantikan itu; dan Raja Mahmud pun jadi Yang Dipertuan Besar atau Sultan Johor-Riau-Lingga-Pahang dan

daerah-daerah takluknya dengan gelaran Sultan Mahmud Shah (III); pada masa itu umur baginda baharu lebih kurang setahun.

Oleh sebab Sultan Mahmud masih budak lagi, segala kuasa pemerintahan negeri dipegang oleh Yamtuan Muda Daing Kemboja dengan dibantu oleh penolongnya Raja Haji. Yamtuan Muda itu telah membuat sebuah istana baharu, dan Sultan Mahmud tinggal bersama-sama Daing Kemboja, dan baginda itu dipelihara oleh emak saudaranya Tengku Hitam (adik Tengku Puteh). Daripada masa itu hingga ke akhir hayatnya (tahun 1777), Yamtuan Muda Daing Kemboja itulah orang yang berkuasa sekali dalam pemerintahan di seluruh kerajaan Johor-Riau (termasuk Lingga dan Pahang).

Daing Kemboja masih berbaik dengan orang Belanda; pada masa itu perniagaan di Riau pun telah bertambah besar; pulau itu ramai didatangi oleh peniaga-peniaga dari Benggala, China, Tanah Jawa, dan negeri pun dalam keadaan aman. Dalam pada itu Daing Kemboja merasa terkilan juga kerana tiada dapat berniaga dengan secara berterang-terang dengan orang-orang Inggeris, kerana dilarang oleh orang-orang Belanda. Raja Haji yang menjadi Engku Kelana itu pula selalulah pergi melawat ke daerah-daerah takluk kerajaannya, seperti ke Jambi, Inderagiri dan pulau-pulau di serata Kepulauan Riau, kerana mengaturkan susunan pertadbiran di tempat-tempat itu, dan selalulah juga beliau pergi ke negeri Selangor yang diperintah oleh kakandanya Raja Lumu yang dipanggil Tengku Raja Selangor atau Sultan Salehuddin itu, bahkan negeri Selangor masa itu nyatalah di bawah pengaruh raja-raja Bugis di Riau.

Pada masa itu juga Raja Haji telah berkahwin dengan Ratu Mas puteri Sultan Jambi, langsung Sultan Jambi itu menggelar Raja Haji dengan gelaran *Kelana Pengeran Suta Wijaya*. Kemudian daripada itu, setelah menolong Sultan Hasan Raja Inderagiri berperang melawan seorang raja Minangkabau bernama Raja Bayangkahwin pula Raja Haji dengan Raja Halimah puteri Sultan Inderagiri itu.

Mengikut riwayat Bugis: setelah Raja Mahmud dilantik menjadi Sultan oleh orang-orang besar Bugis itu, orang-orang besar Melayu di Riau diketuai oleh Bendahara dan Temenggung yang tiada suka raja-raja Bugis itu berkuasa di Riau, telah berkirin surat kepada Sultan Mansur (Tun Dalam) di Trengganu, Raja Ismail

bekas Raja Siak di Pulau Tambelan, dan Raja Alam di Siak, meminta bantuan kerana orang-orang suku Melayu di Riau hendak memberontak melawan pemerintahan raja-raja Bugis di negeri itu, dengan alasan mengatakan bahawa raja-raja Bugis di Riau itu hendak membinasakan orang-orang suku Melayu di Riau.

Pada masa itu juga, Raja Alam (Sultan Azimuddin) putera Raja Kechil yang Dipertuan Besar kerajaan Siak itu telah mangkat di Siak dan dimakamkan di Siak. Puteranya Yang Dipertuan Muda Raja Muhammad Ali dilantik menggantikannya menjadi Yang Dipertuan Besar Siak.

Apabila Raja Ismail yang tinggal di Pulau Tambelan itu dapat surat daripada orang-orang besar Melayu di Riau itu, beliau pun berangkat ke Trengganu berjumpa Sultan Mansur lalu bermesyuarat fasal hendak melanggar orang-orang Bugis di Riau. Sultan Mansur (Tun Dalam) bersetuju dengan rancangan itu; tetapi baginda mengatakan kepada Raja Ismail pergilah dahulu baginda akan mengikut di belakang.

Apabila Yamtuan Muda Daing Kemboja dapat tahu fasal Raja Ismail dengan Sultan Trengganu hendak menyerang orang-orang Bugis di Riau, dan telah dapat tahu pula rahsia orang-orang suku Melayu di Riau yang telah membuat hubungan rahsia dengan Raja Ismail dan Sultan Trengganu itu, dan mereka akan belot daripada Bugis apabila Raja Ismail datang menyerang Riau, Daing Kemboja pun berkirim surat meminta bantuan kepada Tengku Raja Selangor (Raja Lumu) dan kepada Engku Kelana Raja Haji yang pada masa itu berada di Inderagiri. Setelah itu Daing Kemboja pun mengeluarkan perintah suruh mengumpulkan semua senjata-senjata besar yang ada pada sekalian orang-orang suku Melayu di seluruh Riau, lalu semua senjata itu dikumpulkan di Pulau Bayan dan dijaga oleh askar-askar Bugis.

1764. Raja Ismail bersama-sama dengan adiknya, Raja Abdullah dan Raja Musa, telah bertolak dari Trengganu dengan angkatannya sebanyak enam puluh buah perahu perang datang ke Singapura dan telah berkumpul di laut dekat Singapura. Raja Negara Batin Orang-orang Laut (Melayu Jati) di Singapura telah bersekutu dengan Raja Ismail dan angkatan mereka berjumlah semuanya seratus buah perahu yang dicadangkan akan melanggar orang-orang Bugis di Riau. Setelah angkatan Raja Ismail berkumpul di

Singapura, datang utusan daripada Bendahara di Riau kepada Raja Ismail mengatakan: masa ini jangan dahulu datang menyerang Riau, kerana senjata-senjata orang Melayu di Riau semuanya telah dirampas oleh Daing Kemboja. Angkatan bantuan dari Sultan Mansur Trengganu dan dari Raja Siak pun belum juga sampai ke Singapura.

Sungguhpun Bendahara di Riau mengingatkan Raja Ismail jangan dahulu datang menyerang Riau, tetapi Raja Ismail telah mengutus kepada Daing Kemboja di Riau minta kebenaran ia hendak datang ke Riau. Yamtuan Muda itu tiada membenarkan Raja Ismail datang ke Riau, dengan alasan Riau telah membuat perjanjian dengan Kompeni Belanda yang tiada membenarkan Raja Ismail masuk ke Riau.

Dalam pada itu, suatu angkatan beberapa buah perahu-perahu besar yang dihantar oleh Tengku Raja Selangor (Raja Lumu) hendak membantu Daing Kemboja di Riau, telah singgah ke Singapura. Oleh Raja Ismail, pegawai Bugis yang jadi ketua dalam angkatan dari Selangor itu, dimintanya pergi ke Riau memberitahu Daing Kemboja ia minta kebenaran lagi hendak datang ke Riau. Pegawai Bugis itu disuruhnya berperahu sahaja pergi ke Riau, perahu besar dari Selangor itu ditahan oleh Raja Ismail di Singapura.

Apabila pegawai Bugis dari Selangor itu sampai ke Riau, disampaikan kepada Daing Kemboja akan permintaan Raja Ismail di Singapura itu. Walaupun Daing Kemboja merasa syak akan kejujuran Raja Ismail itu, dihantarnya juga pegawai-pegawainya bersama-sama pegawai dari Selangor itu pergi ke Singapura hendak meminta Raja Ismail bersumpah dahulu tiada akan melakukan apa-apa kejahatan apabila ia dibenarkan masuk ke Riau. Apabila utusan dari Riau itu sampai ke Singapura dan memberitahu kepada Raja Ismail akan kehendak Daing Kemboja itu, semuanya diakui oleh Raja Ismail dan utusan itu pun balik ke Riau; tetapi seorang daripada utusan dari Riau itu, bernama Muhammad Amin Bandar, telah ditinggalkan di Singapura untuk menjaga perahu besar orang-orang Bugis dari Selangor yang ada di Singapura itu. Setelah utusan dari Riau itu meninggalkan Singapura balik ke Riau, Raja Ismail telah membunuh Muhammad Amin Bandar, lalu menyerang dan mengalahkan Bugis-bugis

Selangor yang ada di Singapura itu dan perahu mereka pun ditawan oleh Raja Ismail.

Setelah berita kejadian itu sampai ke Riau, Yamtuan Muda Daing Kemboja pun membawa angkatan perangnya dari Riau datang ke Singapura, lalu berperanglah angkatan Bugis dengan angkatan Raja Ismail di laut dekat Singapura. Akhir peperangan itu kalah pihak Raja Ismail lalu berundur meninggalkan Singapura. Pada masa itu Daing Kemboja berjumpa dalam sebuah peti yang dirampas dari pihak Raja Ismail itu surat-surat daripada Bendahara dan orang-orang besar Melayu di Riau yang meminta bantuan kepada Raja Ismail menyerang orang-orang Bugis di Riau. Peristiwa peperangan di antara pihak Daing Kemboja dengan pihak Raja Ismail di Singapura itu telah berlaku dalam tahun 1764.

Tatkala Raja Ismail berundur meninggalkan Singapura itu, dekat Buru ia telah berjumpa dengan angkatan Raja Haji yang datang dari Inderagiri; tetapi tiada dipengapakan oleh Raja Haji, dan Raja Haji pun terus balik ke Riau. Raja Ismail telah pergi ke Siak; tetapi tiada dibenarkan oleh Raja Muhammad Ali Yang Dipertuan Besar Siak, Raja Ismail tinggal di Siak, kerana Siak telah membuat perjanjian dengan orang-orang Belanda. Raja Ismail telah pergi ke Jambi, kemudian pergi ke Palembang dan tinggal di situ.

Lepas peperangan di Singapura itu, Raja Haji dari Riau telah pergi ke Selangor, lalu dikahwinkannya Raja Ali putera Daing Kemboja dengan puteri Raja Selangor (Raja Lumu) yang bernama Tengku Penoh, gelarannya Tengku Besar. Kemudian, dari Selangor, bersama-sama dengan Raja Selangor serta putera baginda yang bernama Raja Ibrahim, Raja Haji balik ke Riau. Di Riau, dikahwinkannya pula Raja Ibrahim itu dengan Raja Andak puteri Daing Kemboja. Dari perkahwinan anak-anak mereka itu, berbesanlah Raja Lumu (anak Daing Chelak) yang memang bersaudara sepupu dengan Daing Kemboja (anak Daing Perani).

1770. Seterusnya Raja Haji dari Riau telah pergi lagi ke Selangor, dan dari Selangor, bersama-sama kakandanya Tengku Raja Selangor (Raja Lumu), mereka telah berangkat pula ke negeri Perak, iaitu pada masa negeri Perak diperintah oleh Sultan Mahmud Shah (Sultan Perak yang ke-16; tahun 1770-1778). Di negeri Perak, di tempat yang bernama Telok Penadah, isteri Raja Haji

yang bernama Che' Gandariah telah melahirkan seorang anak lelaki, bernama Raja Ja'afar, timang-timangannya *Raja Laut*. Pada masa di negeri Perak itu, Raja Lumu, Tengku Raja Selangor itu, telah diiktiraf oleh Sultan Perak sebagai Yang Dipertuan Besar (Sultan) bagi negeri Selangor dengan gelarannya Sultan Salehuddin. Dari negeri Perak pergi pula Raja Haji ke negeri Kedah. Kedatangan Raja Haji ke negeri Kedah itu ialah kerana hendak menuntut baki hutang kerajaan Kedah kepada raja-raja Bugis di Riau, kerana raja-raja Bugis telah berperang di negeri Kedah membantu Sultan Kedah dahulu. Pada mulanya kerajaan Kedah tidak mahu melayan tuntutan Raja Haji itu. Tetapi setelah berlaku perang dan angkatan Raja Haji telah mengalahkan angkatan Kedah, baharulah Raja Haji dapat menuntut kepada Sultan Kedah baki hutang kerajaan Kedah kepada raja-raja Bugis itu. Masanya Raja Haji datang dan berperang di negeri Kedah itu ialah pada tahun 1770. Dari Kedah Raja Haji datang balik ke Selangor lalu mengahwinkan anaknya yang bernama Raja Selamah dengan Raja Nala adik Raja Ibrahim putera Sultan Salehuddin (Raja Lumu).

Pada tahun 1770 itu juga Temenggong Abdul Majid telah dilantik di Riau menjadi Bendahara Pahang. Bendahara Abdul Majid ini ialah adik Tun Hassan Bendahara Seri Maharaja, anak almarhum Bendahara Tun Abbas.

Raja Haji dengan angkatannya telah bertolak meninggalkan negeri Selangor. Setelah singgah di Pulau Lingga dan Muntok, Raja Haji terus belayar sampai ke Mempawah (di Kalimantan) berjumpa kaum keluarganya di sana iaitu putera-putera Daing Menambun. Kemudian, pergi pula Raja Haji ke Pontianak lalu melantik Pengeran Sharif Abdul Rahman menantu Daing Menambun menjadi Raja di Pontianak bergelar Sultan Sharif Abdul Rahman Nur Alam Syah. Raja Haji telah tinggal beberapa lama di Pontianak menolong mengaturkan kerajaan di situ sambil bersuka-suka.

1777. Dalam tahun 1777, Daing Kemboja Yamtuan Muda Riau (III) itu telah jatuh gering, dan tiada lama kemudiannya ia pun mangkat. Almarhum itulah yang disebut gelarannya *Murhum Janggut*. Perihal Daing Kemboja gering itu telah diberitahu kepada Raja Haji di Pontianak. Tetapi sebelum Raja Haji bertolak dari Pontianak hendak balik ke Riau, datang pula utusan dari Riau memberitahu Raja Haji mengatakan Yamtuan Muda Daing Kem-

boja telah mangkat. Menurut setengah riwayat: setelah mangkat Yamtuan Muda Daing Kemboja, anaknya yang bernama Raja Ali telah dilantik menjadi Yamtuan Muda dan perlantikan itu telah dipersetujui oleh Kompeni Belanda.

Setelah diberitahu hal kemangkatan Daing Kemboja itu, Raja Haji pun bertolak meninggalkan Pontianak. Tetapi Raja Haji tidak balik ke Riau, melainkan ia telah belayar terus pergi ke negeri Pahang berjumpa Bendahara Abdul Majid. Pada masa di Pahang itulah, mengikut adat istiadat kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang, Bendahara Abdul Majid telah melantik Raja Haji jadi Yamtuan Muda Riau (IV) menggantikan almarhum Daing Kemboja (Marhum Janggut).

Apabila mendengar khabar Raja Haji berada di Pahang dan telah dilantik oleh Bendahara jadi Yamtuan Muda, Sultan Mahmud dari Riau dalam suatu angkatan diiring oleh Raja Abdul Samad putera Marhum Janggut dan lain-lain orang-orang besar Riau, telah berangkat ke negeri Pahang mendapatkan Raja Haji. Tiada berapa lama di Pahang, Sultan Mahmud serta pengiring-pengiring baginda pun membawa Raja Haji Yamtuan Muda yang baharu itu balik ke Riau, dan mulalah Raja Haji memegang jawatannya itu. Raja Ali putera almarhum Daing Kemboja yang telah dilantik jadi Yamtuan Muda sebelum Raja Haji datang itu, telah turun daripada jawatannya, kerana perlantikan Raja Haji oleh Bendahara Abdul Majid itulah yang dipandang sah mengikut adat istiadat.

Apabila Raja Haji jadi Yamtuan Muda Riau (IV), hubungan baik dengan orang-orang Belanda sejak Daing Kemboja dahulu diteruskan juga. Riau semakin bertambah maju; perniagaan banyak; negeri aman dan makmur; ramai orang bangsa asing datang bekerja dan berniaga di Riau; kerajaan banyak dapat cukai dan berjenis-jenis permainan ada di Riau untuk hiburan rakyat. Orang suku Melayu dan suku Bugis penduduk Riau masa itu ada seramai di antara empat puluh ribu dengan lima puluh ribu orang.

1778-1781. Pada masa Sultan Mahmud (III) memerintah kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang, iaitu tiada lama setelah Raja Haji dilantik menjadi Yamtuan Muda (IV) itu, kira-kira dalam tahun 1778, Sultan Salehuddin (Raja Lumu) Yang Dipertuan Besar negeri Selangor telah mangkat di Selangor (Kuala Selangor); almarhum itu

disebut gelarannya *Marhum Saleh*. Yamtuan Muda Raja Haji telah berangkat ke Selangor lalu melantik Raja Ibrahim putera almarhum itu jadi Sultan Selangor bergelar Sultan Ibrahim Shah dan adinda baginda Raja Nala dilantik menjadi Raja Muda Selangor. Setelah itu Raja Haji pun balik ke Riau.

Sampai kepada masa Raja Haji jadi Yamtuan Muda itu pun hubungan di antara orang-orang besar Melayu dengan orang-orang besar Bugis dalam kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang itu tidak juga baik. Tun Dalam Yang Dipertuan Trengganu telah mengadakan suatu pakatan sulit dengan Bendahara Abdul Majid di Pahang dan Raja Indera Bongsu di Riau, lalu mereka berkiriman surat kepada orang Belanda di Melaka dan kepada orang-orang Inggeris di Benggala, Madras dan Ceylon meminta mereka menyerang Riau dan mengambil Sultan Mahmud yang di bawah pengaruh Raja Haji itu. Tetapi tidak pula diketahui bagaimanakah sambutan orang-orang Barat itu setelah menerima surat itu. Dalam pada itu, rahsia pakatan sulit itu diketahui juga oleh Raja Haji dan maklumat yang diterimanya daripada seorang raja di Trengganu yang tiada menyetujui perbuatan Tun Dalam itu.

Lebih kurang pada masa itulah juga Raja Ismail telah menyerang negeri Siak dan mengalahkan Raja Muhammad Ali Yang Dipertuan Besar Siak itu. Raja Muhammad Ali telah lari ke Hulu Siak, dan Raja Ismail dapat balik menjadi Yang Dipertuan Besar menduduki takhta kerajaan Siak. Raja Muhammad Ali telah dipanggil balik oleh Raja Ismail lalu dijadikan Yamtuan Muda Siak. Tetapi tiada lama selepas itu, Raja Muhammad Ali telah berubah akal lalu dipenjarakan oleh Raja Ismail. Setelah sembuh diubati oleh bomoh, Raja Muhammad Ali dijadikan *Raja Tua*.

Tiada lama kemudian, Raja Ismail pun mangkat; digelar *Marhum Mangkat di Balai*. Putera almarhum itu yang bernama Raja Yahya dilantik menjadi Raja Siak bergelar Sultan Yahya Saiyid Ali (anak Tengku Badariah dengan suaminya Saiyid Uthman Ash-Shahab) dikahwinkan dengan anak Raja Musa adik almarhum Raja Ismail, dan Raja Musa telah meletakkan menantunya Saiyid Ali itu memerintah di Bukit Batu dekat negeri Kampar.

1782-1783. Pada tahun 1782, ada sebuah kapal Kompeni Inggeris bernama *Betsy*, nakhodanya bernama Kapten Robert Geddes membawa muatan sebanyak 1,154 buah peti berisi candu. Kapal itu

telah masuk ke laut perairan Riau berlabuh di Pulau Bayan. Gerrid Pangal, Residen Belanda yang ada di Riau masa itu, telah dapat tahu kapal Inggeris itu ada membawa barang yang berharga; tetapi Pangal tidak boleh memandai-mandai sendiri sahaja merampas barang yang ada dalam kapal itu jika tidak dengan kebenaran Raja Haji. Jika diberitahu kepada Raja Haji dan barang yang ada dalam kapal itu dapat pula dirampas, boleh jadi tidak banyak bahagian yang akan diterimanya daripada pembahagian dengan Raja Haji itu. Oleh itu Gerrid Pangal telah memberitahu kepada Gabenor Belanda di Melaka (Pieter Gerurdus de Bruijn), yang dengan segera pula menyuruh sebuah kapal orang Perancis yang ada berlabuh di pelabuhan Melaka, nakhodanya bernama Mathurin Barbaron, pergi merampas barang-barang dalam kapal Inggeris yang berlabuh di Riau itu (Masa itu Belanda dan Perancis sedang bermusuhan dengan Inggeris). Nakhoda Perancis itu telah membawa kapalnya pergi ke Riau lalu menyerang kapal orang Inggeris itu dan merampas candu yang ada dalam kapal itu, dibawa ke Betawi. Setelah candu itu dijual, wang pendapatannya telah dibahagikan di antara Kompeni Belanda dengan nakhoda Perancis yang menolong merampas candu itu.

Apabila Raja Haji dapat tahu hal itu, ia pun menuntut bahagian haknya daripada Gabenor Belanda di Melaka mengikut perjanjian yang telah dipersetujui bersama dengan Kompeni Belanda itu, tambahan pula rampasan itu telah dilakukan di laut perairan Riau. Raja Haji telah pergi ke Muar hendak mendesak tuntutan daripada Gabenor Belanda di Melaka. Gabenor Belanda di Melaka telah menghantar seorang pegawai Belanda dan seorang Kapten Melayu pergi ke Muar berunding dengan Raja Haji. Dalam rundingan di Muar itu, Raja Haji telah menerangkan kepada pegawai-pegawai pihak Belanda itu akan kejadian rampasan itu dan haknya patut dapat bahagian daripada wang jualan harta rampasan itu mengikut perjanjiannya dengan Belanda. Tetapi pegawai-pegawai pihak Belanda itu tetap juga berkeras mengatakan Raja Haji tidak ada hak boleh mendapat bahagian daripada harta rampasan itu. Raja Haji telah marah kepada pihak Belanda yang telah mungkir janji itu, lalu surat perjanjian yang telah dibuatnya dengan Belanda itu dikembalikannya kepada pegawai-pegawai Belanda itu suruh pulangkan kepada Gabenor di Melaka sambil berkata: "Apalah gunanya perjanjian yang syarat-

syaratnya setengah dipakai dan setengah tidak itu." Raja Haji balik semula ke Riau.

Sejak itu mulalah Raja Haji memusuhi Belanda dengan membuat serangan-serangan mengganggu perniagaan Belanda di Selat Melaka. Sambil itu Raja Haji membuat hubungan pula dengan Rembau dan Selangor supaya membantunya dalam perjuangan menentang Belanda.

Oleh sebab Gabenor Belanda di Melaka marah akan perbuatan Raja Haji memulangkan surat perjanjian itu, dan pertentangan Raja Haji terhadap orang-orang Belanda itu pun telah semakin hebat, dalam tahun 1782 itu juga Kompeni Belanda telah menghantarkan angkatan kapal perangnya dari Betawi sebanyak enam buah kapal perang yang membawa 910 orang askar (di antaranya termasuk 362 orang Eropah) diketuai oleh Togar Aboe pergi ke Riau mengepung dan menyerang pulau itu dengan tujuan hendak menawan Riau. Serangan Belanda itu telah ditentang oleh angkatan perang Riau di bawah pimpinan Raja Haji sendiri yang telah berperang dengan bersungguh-sungguh dan dengan gagah berani. Oleh sebab pertempuran dari pihak Riau itu telah semakin hebat, pada awal bulan September (tahun 1782), pihak Belanda di Betawi menghantarkan lagi tujuh buah kapal perang ke Riau dengan membawa 594 orang askar datang mengepung dan menyerang Riau. Raja Haji tetap meneruskan penentangannya terhadap kepungan dan serangan pihak Belanda itu. Bagi menguatkan lagi pengepungan ke atas Riau itu, pada akhir tahun 1782, Kompeni Belanda menambah lagi angkatannya dengan menghantar ke Riau sebanyak 17 buah kapal kecil dan 600 orang askar, diserahkan kepada pimpinan seorang Belanda yang jadi Ketua Mahkamah Keadilan di Melaka, bernama Arnoldus Lemker, dan beliau menaiki sebuah kapal besar yang bernama *Malakka's Welvaren*. Sampai di Riau, kapal-kapal Belanda itu pun terus mengepung dan menyerang Riau, dan Raja Haji dengan angkatan perangnya terus juga melawan.

Peperangan Raja Haji melawan pencerobohan Belanda di Riau itu berjalan terus hingga memasuki tahun 1783, dan tidaklah juga Belanda dapat menawan Riau seperti yang dihajati oleh orang-orang Belanda itu.

Setelah mendengar ayah saudaranya Raja Haji berperang melawan Belanda di Riau, pada akhir tahun 1783, Sultan Ibrahim

di Selangor serta adiknya Raja Nala (Raja Muda) telah membawa angkatan perang dari Selangor hendak menyerang orang-orang Belanda di Melaka. Sebelum menyerang Melaka, Sultan Ibrahim pergi dahulu ke Rembau lalu berunding dengan penghulu-penghulu di Rembau fasal hendak menyerang Belanda di Melaka itu. Penghulu-penghulu di Rembau telah bersetuju hendak sama membantu Sultan Ibrahim menyerang Belanda di Melaka. Angkatan Selangor yang bersatu dengan orang-orang Rembau itu telah pergi ke Melaka, dan telah mendarat di Sungai Baru, Melaka, berkubu di situ lalu membuat rancangan hendak mara lagi arah ke bandar Melaka.

1784. Pada 6 haribulan Januari tahun 1784, pihak Belanda yang sudah sekian lama mengepung dan menyerang Riau itu, telah mula melancarkan serangan secara langsung ke Riau dengan harapan supaya peperangan di Riau itu dapat ditamatkan dan dapat mengambil Riau. Tetapi, entah apakah sebabnya, dengan tiba-tiba suatu letupan besar telah berlaku di kapal *Malakka's Welvaren* yang dinaiki oleh Arnoldus Lemker, ketua angkatan Belanda yang mengepung Riau itu, sehingga geladak-geladak kapal itu berterbangan ke udara; Arnoldus Lemker serta semua anak kapal dan askar-askar Belanda dalam kapal itu habis mati terbunuh; ditaksirkan lebih kurang lima ratus orang. Oleh sebab kemalangan itu, dan kebetulan masa itu pula Gebenor Belanda di Melaka pun telah memanggil semua angkatan Belanda di Riau itu segera balik ke Melaka untuk menentang orang-orang Selangor dan Rembau yang datang menyerang Melaka, dalam pertengahan bulan Januari tahun 1784 itu juga, semua angkatan perang Belanda itu pun berhenti mengepung dan menyerang Riau lalu bertolak balik menuju ke Melaka.

Pada 14 haribulan Januari tahun itu juga (1784), askar Sultan Ibrahim Selangor yang dibantu oleh orang-orang Rembau, dari Sungai Baru itu telah menyerang tempat-tempat di sepanjang pantai Melaka hingga ke Batang Tiga, lalu berkubu di Batang Tiga pula; di situlah kubu besar Sultan Ibrahim selama memerangi Belanda di Melaka itu. Orang-orang Selangor dan Rembau itu telah membakar rumah-rumah di Tanjong Keling dan tempat-tempat di sekitarnya. Pada 15 haribulan Januari (1784) pula, askar-askar Belanda yang datang dari Kota Melaka telah menyerang kubu

Sultan Ibrahim di Batang Tiga itu; tetapi askar-askar Belanda itu telah diundurkan oleh pihak Selangor dan Rembau. Askar-askar Sultan Ibrahim terus juga membakar kampung di sekitar tempat itu.

Pada 24 haribulan Januari (1784), angkatan kapal perang Belanda dari Riau itu telah sampai ke Melaka, dan peristiwa letupan di kapal *Malakka's Welvaren* di Riau yang telah membunuh Arnoldus Lemker serta 500 orang Belanda itu pun disampaikan kepada Gabenor Belanda di Melaka dan kejadian itu telah disahkan benar-benar telah berlaku, dan peristiwa itu sangatlah memarahkan hati orang-orang Belanda.

Pada masa angkatan Selangor yang dibantu oleh Rembau meneruskan peperangan melawan Belanda di Melaka itu, pada awal bulan Februari (1784), Sultan Ibrahim dengan sebuah perahu kakap serta tiga puluh orang baginda telah bertolak dari Melaka pergi ke Riau.

Sampai ke Riau, Sultan Ibrahim telah mengajak Yamtuan Muda Raja Haji menyerang orang-orang Belanda di Melaka. Sungguhpun ada juga beberapa orang raja-raja Bugis di Riau tiada berapa menyetujui Raja Haji pergi menyerang Belanda itu, tetapi Raja Haji telah menetapkan azamnya hendak pergi juga; kerana memikirkan orang-orang Selangor dan Rembau sedang bersungguh-sungguh berperang melawan orang-orang Belanda di Melaka; dan juga kerana anak saudaranya sendiri telah datang mengajaknya pergi berperang; tambahan pula Raja Haji pun merasa ia akan beroleh fazilat jihad memerangi orang-orang Belanda itu.

Setelah siap angkatan perangnya, Raja Haji pun bertolak dari Riau dengan membawa lebih kurang seribu orang perajurit perangnya menuju ke Melaka; Sultan Mahmud ikut sama pergi. Sampai di Muar, Sultan Mahmud serta pengiring-pengiring baginda ditinggalkan di situ, dan Raja Haji dengan angkatannya itu belayar lagi menuju ke Melaka, dan telah sampai ke Telok Ketapang pada 13 haribulan Februari (1784), lalu mendarat dan membuat kubu perang di Tanjong Palas Telok Ketapang, kira-kira lima batu lagi ke bandar Melaka. Sultan Ibrahim berangkat ke Batang Tiga bersatu balik dengan orangnya yang berkubu di situ. Pada 15 haribulan Februari (1784) mulalah orang-orang Riau, terutamanya Bugis, dari Telok Ketapang, dan orang-orang Selangor

yang bersekutu dengan orang-orang Rembau dari Batang Tiga, menyerang tempat-tempat di sekitar bandar Melaka seperti: Punggor, Duyong, Pernu, Semabok, Ujong Pasir, Bunga Raya, Bandar Hilir, Bukit China, Tanjong Keling, Terangkera dan lain-lain lagi. Pusat kekuatan pihak Belanda melawan serangan-serangan itu ialah Kota Melaka yang kukuh itu. Semua serangan dari pihak Riau dan Selangor yang bersekutu dengan Rembau itu telah ditentang oleh pihak Belanda; beberapa pertempuran telah berlaku dengan menggunakan senjata-senjata seperti pedang, lembing, keris, bedil, meriam, dan banyak kampung yang disebutkan itu telah ditawan oleh pihak yang datang menyerang itu, dan banyak kerosakan serta kemalangan yang telah ditanggung oleh penduduk Melaka di tempat berlaku pertempuran itu.

Peperangan berjalan terus. Dalam pertengahan bulan Mac (1784) askar-askar Raja Haji telah menyerang kubu-kubu bermeriam pihak Belanda di Bandar Hilir dan di Bunga Raya yang terletak di luar Kota Melaka. Sejak itu askar-askar Raja Haji dan Sultan Ibrahim telah melakukan perang gerila terhadap pihak Belanda; boleh kata hampir setiap malam tempat-tempat di sekitar Kota Melaka diharu oleh orang-orang Bugis, dan sentiasalah penduduk di situ dalam ketakutan — keadaan yang seperti itu telah berlanjutan hingga berbulan-bulan lamanya hingga bulan Jun tahun 1784.

Pada awal bulan Mei (1784), Gabenor Belanda di Melaka telah menerima surat daripada Raja Muhammad Ali Siak, dan daripada Sultan Trengganu (Tun Dalam) yang mengatakan mereka hendak membantu orang-orang Belanda di Melaka melawan orang-orang Bugis itu.

Pada 14 hari bulan Mei (1784), Raja Muhammad Ali dan anak saudaranya Saiyid Ali dari Siak, dengan tiga buah perahu serta tujuh puluh lapan orang pengikutnya telah sampai ke Melaka. Kedatangan mereka itu telah diterima dengan baik oleh orang-orang Belanda, dan mereka telah diberi rumah tumpangan di luar pintu gerbang Terangkera.

Dalam pada itu, Gabenor Belanda di Melaka telah meminta bantuan daripada Gabenor-Jeneral Belanda di Betawi menghantarkan bantuan ke Melaka, kerana serangan Bugis di Melaka itu telah semakin hebat. Dalam bulan Mei itu juga (1784), kota Belanda di Bukit Senjuang (St. John's Hill) dan kubu-kubu Belanda di Ban-

dar Hilir serta di Bukit China telah beberapa kali diserang oleh orang-orang Bugis, dan di tempat-tempat itu telah berlaku pertempuran hebat dengan askar-askar Belanda. Askar-askar Sultan Ibrahim serta orang-orang Rembau itu pula telah menyerang kubu-kubu Belanda di Terangkera.

Pada 1 hari bulan Jun (1784), sebuah angkatan kapal perang Belanda yang besar dari Betawi, dipimpin oleh panglima Perang Belanda yang bernama Jacob Pieter van Braam, telah sampai ke Melaka. Angkatan itu terdiri daripada enam buah kapal besar dan beberapa buah kapal kecil, membawa askar seramai 2,130 orang, dan 326 pucuk meriam. Kapal perang yang dinaiki oleh panglima perang besar Belanda itu bernama *Utrecht*; semua kapal-kapal Belanda itu telah berlabuh di Telok Ketapang, dan sejak itu sentiasalah meriam dari kapal-kapal Belanda itu menyemburkan pelurunya membedil kubu orang-orang Bugis di Tanjong Palas itu. Askar-askar Belanda di bandar Melaka pun telah melipat gandakan serangan-serangan mereka ke kubu-kubu berparit orang-orang Bugis di Semabok dan Ujong Pasir; tetapi serangan-serangan itu telah mengecewakan orang-orang Belanda.

Pada 16 hari bulan Jun (1784), datang lagi sebuah kapal perang Belanda bernama *Princess Louisa*, nakhodanya bernama Frederick Rudolph Carel, membantu Admiral van Braam di Telok Ketapang.

Sehari selepas itu, pada 18 hari bulan Jun tahun 1784, askar-askar Belanda seramai 734 orang, lengkap dengan senapang bersangkut, dari kapal-kapal Belanda di Telok Ketapang, yang telah didaratkan dalam gelap malam tadi, telah mula menyerang ke kubu Raja Haji di Tanjong Palas Telok Ketapang, dan berlakulah pertempuran hebat antara kedua belah pihak. Meriam besar dari kapal-kapal Belanda itu pula menembak tiada putus-putus ke perahu angkatan Raja Haji yang berada di Telok Ketapang dan juga ke kubu orang-orang Bugis yang ada di darat. Dalam peperangan pada pagi 18 hari bulan Jun (1784) itu orang-orang Bugis telah berperang dengan penuh keberanian melawan askar-askar Belanda yang datang menyerang dengan bersenjatakan senapang bersangkut dan dibantu pula oleh tembakan meriam mereka dari kapal. Dalam pertempuran yang kelam-kabut itu, tiba-tiba Yamtuan Muda Raja Haji telah terbunuh kena peluru Belanda, dan panglima-panglimanya yang bernama Arong Lenga, Daing Selikang dan Raja Ahmad telah terbunuh juga dalam pertempuran.

itu. Riwayat Bugis mengatakan: kira-kira tujuh puluh orang askar-askar Belanda serta tiga orang pegawai mereka telah terbunuh dalam peperangan itu. Sejarah yang ditulis oleh orang-orang Barat pula mengatakan: tidak kurang daripada 500 orang Bugis telah terkorban dalam peperangan itu.

Dalam peperangan di Telok Ketapang itu, setelah Raja Haji mangkat terbunuh, kalahlah orang Bugis. Baki orang-orang Bugis yang dapat melarikan diri dari kubu mereka di Tanjong Palas itu, telah pergi ke Muar, lalu mengambil Sultan Mahmud dibawa balik ke Riau. Sultan Ibrahim dan orang Bugis dari Selangor yang berkubu di Batang Tiga itu pun balik ke Selangor, dan orang-orang Rembau balik ke Rembau.

Pada 24 hari bulan Jun tahun 1784, dengan pertolongan Kapten Melayu serta beberapa orang-orang tua di Melaka, mayat Raja Haji dari Telok Ketapang telah dibawa ke bandar Melaka. Menurut riwayatnya: mayat Raja Haji, yang telah sedia dimasukkan ke dalam keranda itu, hendak dibawa oleh orang-orang Belanda ke Betawi, dan sebuah kapal Belanda bernama *Dolphijn* yang akan membawa mayat itu, telah disediakan dan sedang berlabuh di pelabuhan Melaka. Tetapi, lebih kurang pada pukul 2.00 malam itu, entah dari mana sebab mulanya, tiba-tiba kapal *Dolphijn* itu telah meletup dan terbakar; seramai 203 orang anak-anak kapal dan askar-askar yang ada dalam kapal itu habis mati terbunuh. Pada malam itu juga, dari peti keranda jenazah almarhum Raja Haji itu kelihatan kepada orang-orang Belanda keluar cahaya seperti api memancar ke udara; itulah sebabnya almarhum Raja Haji itu disebut juga oleh orang-orang Belanda *Raja Api*. Oleh sebab itu tiadalah jadi mayat Raja Haji itu dibawa oleh orang-orang Belanda ke Betawi.

Esoknya, pada 25 hari bulan Jun (1784), dengan secara istiadat raja-raja besar, jenazah almarhum Raja Haji itu pun dimakamkan pada suatu tempat di lereng sebelah bawah Bukit Melaka (Bukit Bendera sekarang) dalam Kota Melaka. (Beberapa lama kemudian, baharulah mayat almarhum itu digali diambil balik lalu dikuburkan semula oleh keluarga almarhum itu di Riau, iaitu di Pulau Penyengat sebelah selatan). Almarhum Raja Haji, Yamtuan Muda Riau (IV) itulah yang dikenali dengan gelaran *Marhum Telok Ketapang*.

Pada 13 hari bulan Julai tahun 1784 itu juga, orang-orang Belanda telah pergi menyerang negeri Selangor yang diperintah oleh Sultan Ibrahim. Pada 2 hari bulan Ogos (1784), Belanda telah mengalahkan Selangor, dan Sultan Ibrahim mengundurkan diri pergi ke negeri Pahang berjumpa Bendahara Abdul Majid. (Lihat: Sejarah Selangor).

Setelah Sultan Mahmud Shah (dari Muar) balik ke Riau, dengan persetujuan baginda, orang-orang Bugis di sana melantik Raja Ali putera almarhum Daing Kemboja (Marhum Janggut) jadi Yamtuan Muda Riau (V) menggantikan Marhum Telok Ketapang (Raja Haji). Pada masa itu Raja Ja'afar putera almarhum Raja Haji itu masih belum baligh.

Pada awal bulan Ogos (1784), orang-orang Belanda di Melaka telah menghantar dua buah kapal pergi ke Riau dan bertunggu di laut pulau itu. Oleh sebab syakkan orang-orang Belanda hendak menyerang Riau, Yamtuan Muda Raja Ali telah menghantar utusan ke Melaka membuat perdamaian. Tetapi tiada diindahkan oleh orang-orang Belanda. Sejak itu berturut-turut sahaja kapal-kapal Belanda datang ke Riau dan berjaga-jaga dekat pulau itu. Pada masa itu orang-orang suku Melayu dengan suku Bugis di Riau masih juga tidak persefahaman.

Pada 10 hari bulan Oktober (1784), kapal perang Belanda yang bernama *Utrecht* serta enam buah kapal lagi, dalam suatu angkatan perang, di bawah pimpinan Admiral Jacob Pieter van Braam, telah bertolak dari Melaka menuju ke Riau; kemudian daripada itu datang lagi beberapa buah kapal Belanda bagi menambahkan kekuatan mereka di Riau itu.

Setelah kapal-kapal Belanda itu berkumpul dekat Riau, Admiral van Braam pun menyatakan kepada Sultan Mahmud supaya memutuskan hubungan baginda dengan orang-orang Bugis; tetapi baginda tidak dapat melakukannya, kerana baginda memang telah dipengaruhi dan dikuasai oleh raja-raja Bugis yang ada di Riau. Oleh sebab itu Admiral van Braam telah mengeluarkan perintah kepada kerajaan Riau mengatakan: sekalian orang-orang Bugis hendaklah meninggalkan Riau, dan seterusnya, di Riau tidak dikehendaki lagi Yamtuan Muda. Pada 29 hari bulan Oktober (1784), mulalah orang-orang Belanda itu menyerang Riau dan berlakulah pertempuran serang-menyerang dan tembak-menembak

di antara orang-orang Belanda dengan orang-orang Riau (terutamanya Bugis).

Oleh sebab tiada tertahan akan tembakan daripada meriam-meriam besar dari kapal-kapal Belanda itu, pada 30 hari bulan Oktober (1784), waktu malam, Yamtuan Muda Raja Ali dengan beberapa ramai orang-orang Bugis pengikutnya, dengan secara sulit telah keluar beramai-ramai meninggalkan Riau. Yamtuan Muda Raja Ali telah pergi ke Sukadana (di Kalimantan), dan dapat pula berbuat negeri di situ.

Pada 1 hari bulan November (1784), Sultan Mahmud serta orang-orang besar Melayu dan orang-orang China di Riau telah menyerah kalah kepada Belanda. Sultan Mahmud telah mengucapkan terima kasih kepada orang-orang Belanda, kerana mereka telah menghalau orang-orang Bugis dari Riau. Empat orang orang-orang besar suku Melayu, iaitu Raja Tua (Enche' Andak namanya), Bendahara Abdul Majid (yang pada masa itu ada di Riau), Temenggong dan Raja Indera Bongsu, mewakili Sultan Mahmud, telah pergi ke kapal *Utrecht* berjumpa Admiral van Braam, lalu menandatangani surat pengakuan menyerah kalah kepada Belanda itu. Dalam surat pengakuan itu, antara lain ada menyebutkan: semua kubu yang ada di Riau dan peluru-peluru juga hendaklah diserahkan kepada Belanda; Sultan Mahmud dibenarkan menduduki takhta kerajaannya; orang-orang suku Melayu bolehlah terus memiliki harta benda mereka; orang-orang Cina yang telah membantu orang-orang Bugis melawan Belanda, dibenarkan juga terus memiliki harta benda mereka, tetapi dihukum membayar kepada Belanda wang sebanyak dua puluh ribu ringgit. Berkenaan dengan pembayaran semua atau sebahagian daripada ganti rugi kepada orang-orang Belanda yang telah tercebur dalam suatu peperangan yang diarahkan oleh Raja Ali dengan nama Sultan Mahmud itu, akan dinyatakan dalam suatu perjanjian lain yang akan dibuat tidak lama lagi. Demikianlah di antara perkara-perkara yang disebutkan dalam surat pengakuan menyerah kalah dari pihak Riau itu.

Pada 10 hari bulan November tahun 1784 itu juga, baharulah Admiral Jacob Pieter van Braam bagi pihak Kompeni Belanda, membuat perjanjian yang sebenarnya dengan Sultan Mahmud berhubung dengan kekalahan Riau oleh Belanda itu. Dalam surat perjanjian itu ada menyebutkan:

Sultan Mahmud serta orang-orang besar baginda mengaku iaitu: Kerajaan Riau dan pelabuhannya telah dipunyai oleh orang-orang Belanda sebagai haknya menurut perjanjian perang; kerajaan Riau boleh diperintah juga oleh orang-orang Melayu sebagai kuasa yang tertakluk di bawah perintah Belanda dengan beberapa syarat. Dengan adanya perjanjian ini, segala perjanjian yang telah dibuat di antara pemerintah Johor dengan orang-orang Bugis dibatalkan. Oleh sebab Sultan Mahmud masih muda dan belum berpengalaman sebagai Sultan, tiadalah boleh baginda membuat sesuatu ketetapan dan perintah melainkan hendaklah berunding lebih dahulu dengan orang-orang besar baginda, iaitu Raja Tua, Bendahara, Temenggung dan Raja Indera Bongsu. Sahabat dan musuh kepada Kompeni Belanda, jadi sahabat dan musuh juga kepada Riau. Bagi melindungi Riau, suatu pasukan askar-askar Belanda akan ditempatkan di Riau, dan belanja menyelenggarakanannya, Sultan akan memberi sumbangannya tiap-tiap tahun. Riau tidak boleh lagi memakai Yamtuan Muda dan pegawai-pegawai kerajaan daripada orang-orang Bugis, dan sekalian orang Bugis yang bukan dilahirkan di Riau, hendaklah keluar dari Riau. Kompeni Belanda boleh bebas berniaga di sebarang tempat dalam kerajaan Johor, dan rakyat Johor boleh berniaga di tempat dalam pemerintahan Melaka dengan syarat mengikut peraturan yang dijalankan. Semua kapal atau perahu yang belayar hendak melalui Melaka, hendaklah mengambil surat kebenaran daripada orang Belanda di Melaka. Hamba abdi yang lari dari kedua belah pihak, hendaklah dipulangkan balik setelah membayar sepuluh ringgit tiap-tiap seorang. Orang Eropah lain daripada orang Belanda, tiada dibenarkan masuk ke dalam daerah Sultan Johor, melainkan jika mereka ditimpa kemalangan seperti kapal pecah atau karam. Kapal atau perahu orang Cina atau bumiputera, boleh berniaga dan berdagang di Riau jika mereka bukan datang dari Tanah Bugis atau dari Kalimantan (Borneo) ataupun tidak membawa dagangan rempah atau tidak ada membawa timah dari Palembang atau dari Bangka. Jika semua barang larangan ini dibawa juga masuk ke Riau, Sultan akan merampasnya dan dijual kepada orang Belanda, iaitu rempah mengikut harga biasa, dan timah dengan harga lima belas ringgit sepikul. Semua timah hendaklah dihantar ke Melaka atau dijual kepada Kompeni Belanda dengan harga tiga puluh enam ringgit Sepanyol tiap-tiap

satu bahara. Apabila seseorang Sultan itu mangkat, penggantinya ialah seorang daripada keluarga diraja Johor yang diluluskan oleh Gabenor Belanda di Melaka. Demikianlah di antara syarat-syarat yang telah diadakan oleh orang-orang Belanda dalam Perjanjian 10 November 1784 itu bagi memelihara keselamatan perniagaan mereka di Nusantara ini.

Oleh sebab harta benda yang berharga di Riau itu telah habis dibawa pergi oleh orang-orang Bugis, orang-orang Belanda pun membenarkan Sultan Mahmud tidak payah membayar wang ganti rugi perang itu; tetapi hendaklah baginda membayar wang sebanyak 60,000 ringgit Sepanyol sebagai hadiah kepada Admiral van Braam dan orang-orangnya.

Setelah dibuat perjanjian itu, van Braam serta pegawainya telah naik ke darat berjumpa Sultan Mahmud, dan kemudian Sultan Mahmud pula berangkat ke kapal *Utrecht* membalas lawatan laksamana Belanda itu.

Pieter van Braam telah memberitahu juga hal kejayaannya di Riau itu kepada Gabenor di Melaka (Pieter Gerurdus de Bruijn). Orang-orang Belanda di Melaka telah mengadakan temasya keramaian serta menembakkan meriam 21 das kerana menyambut kemenangan itu.

Tiada berapa lama Admiral van Braam di Riau, ia pun balik ke Melaka. Sultan Mahmud tetap juga bersemayam di Riau. Orang-orang Belanda pun mendirikan loji (gudang) mereka di Tanjong Pinang.

1785. Dalam bulan Februari tahun 1785, Yamtuan Muda Raja Ali yang telah membuat negeri di Sukadana itu, telah berkirim surat kepada orang Inggeris di Bengkulu menceritakan halnya telah dihalau oleh orang-orang Belanda dari Riau, kerana, katanya, ia bersahabat dengan orang-orang Inggeris, dan Raja Ali meminta juga supaya ia diberi sebuah cap mohor, bendera serta suatu pasukan askar bagi melindungi negerinya. Tetapi permintaan itu tiada mendapat apa-apa layanan daripada Inggeris. Dalam tahun itu juga Raja Ali telah meminta kebenaran daripada penghulu-penghulu di Rembau membenarkan ia boleh melalui daerah Rembau membawa orang-orangnya hendak menyerang orang-orang Belanda di Melaka. Permintaan Raja Ali itu telah ditolak juga oleh penghulu-penghulu di Rembau.

Pada 19 hari bulan Jun tahun 1785 itu juga, seorang pegawai Kompeni Belanda bernama David Ruhde telah sampai ke Riau menjawat jawatan Residen yang pertama di situ, dan tinggal di sebuah rumah atap di Pulau Bayan. Kompeni Belanda dari Melaka telah menghantar askar-askarnya yang terdiri daripada orang-orang Eropah dan Sepahi tinggal di Riau, dan telah mendirikan kota di atas sebuah bukit di Tanjong Pinang. Tetapi pertadbiran dalam negeri masih di tangan Sultan Mahmud dan orang-orang besar baginda, dan tiadalah mereka ambil peduli hal pertadbiran di antara orang-orang Belanda itu yang tiada memberi faedah kepada mereka. Tambahan pula David Ruhde Residen Belanda di Riau itu tabiatnya kasar dan perintahnya keras sahaja. Jika ada apa-apa yang dikehendakinya, terus sahaja ia pergi berjumpa Sultan Mahmud, dimintanya dengan mengeluarkan kata-kata yang keras, jika lambat diberi apa yang dimintanya itu, dimarahinya, dan tiadalah ia menghiraukan orang-orang besar Melayu di Riau itu; oleh itu tiadalah ia disukai oleh orang-orang besar Riau, terutamanya Raja Indera Bongsu sangat benci kepada Residen Belanda itu, dan Sultan Mahmud pun berdukacita akan adanya Residen Belanda di Riau itu.

Pada 27 hari bulan Jun (1785), dengan pertolongan Bendahara Abdul Majid Pahang, Sultan Ibrahim telah dapat mengambil balik negeri Selangor yang telah diperintah oleh orang-orang Belanda lebih kurang selama sepuluh bulan itu (Ogos 1784—Jun 1785) dan baliklah semula baginda memerintah Selangor.

1786. Dalam tahun 1786, orang-orang Belanda dari Betawi telah datang menyerang dan mengalahkan Yamtuan Muda Raja Ali di Sukadana. Yamtuan Muda itu serta pengikutnya telah keluar meninggalkan Sukadana pergi ke Matan; dari situ pergi pula ia ke Pulau Tambelan, dan akhirnya ke Pulau Siantan dan berkuasa pula di situ.

Pada 24 hari bulan Disember tahun 1786 itu juga, Sultan Mahmud dari Riau dengan diiring oleh Bendahara, Temenggong dan Raja Indera Bongsu, telah sampai dalam lawatan baginda ke Melaka. Kedatangan baginda itu telah disambut dengan penuh istiadat oleh Gabenor Belanda di Melaka yang bernama Abraham Couperus. Pada masa di Melaka itu baginda telah mengambil kesempatan menziarahi makam almarhum Raja Haji dalam

kawasan Kota Melaka (mayat almarhum itu belum dipindahkan lagi ke Riau).

1787. Masuk ke awal tahun 1787, Sultan Mahmud serta orang-orang besar baginda masih ada lagi di Melaka. Pada 7 haribulan Februari (1787), Sultan Mahmud telah menandatangani suatu perjanjian lagi dengan orang-orang Belanda. Dalam perjanjian itu ada menyebutkan: Sultan Mahmud hendaklah menyerahkan segala pertadbiran pemerintahan di Riau itu kepada Kompeni Belanda; dalam masa tiga tahun yang pertama atau barangkali lebih lagi, satu pertiga daripada hasil yang didapati oleh pemerintah di Riau itu, diberikan kepada baginda dan orang-orang besar baginda. Sultan Mahmud dibebaskan daripada jagaan keempat-empat orang besar baginda itu (Raja Tua, Bendahara, Temenggong dan Raja Indera Bongsu), dan hanya akan berunding dengan mereka berhubung dengan perkara-perkara besar mengenai negeri sahaja, kecuali dalam perkara yang mesti disegerakan sangat atau mengenai hal ehwal istana baginda; tetapi perkara-perkara ini pun baharu boleh dilakukan oleh baginda setelah berunding dengan Residen Belanda yang ada di Riau. Orang-orang bangsa asing yang telah dijatuhkan hukum kerana telah melakukan kesalahan besar, hendaklah dihantarkan ke Melaka. Perkara-perkara mengenai orang-orang Cina dan perbalahan di antara orang-orang luar dan di antara penduduk Riau, terserah kepada kuasa Residen Belanda di Riau. Hukuman bunuh, walaupun mengenai orang-orang Melayu dan Bugis, hendaklah menerima keputusan hukum daripada Residen Belanda itu juga. Hanya perkelahian di antara orang-orang Melayu dengan Bugis rakyat baginda sahaja yang boleh diselesaikan dengan keputusan perintah Sultan. Saudagar-saudagar tidak lagi dijangka akan memberi hadiah kepada Sultan, kepada orang-orang besar atau kepada Residen Belanda di Riau itu. Cukai sebanyak lima peratus mengikut taksir harga barang, dikenakan kepada semua barang keluar masuk yang tidak dikesualikan daripada membayar cukai. Pemerintah di negeri Pahang hendaklah mengakui iaitu tongkang-tongkang Cina atau lain-lain tongkang tidak dibenarkan masuk ke Pahang, dan pemerintah Pahang hendaklah mengarahkan tongkang-tongkang itu datang ke tempat membayar cukai di Riau. Barang-barang yang dibawa masuk ke Riau oleh rakyat Sultan, hanya dikenakan cukai apabila barang-

barang itu dibawa keluar (eksport); Sultan dan orang-orang besar baginda pun dikenakan juga cukai ini. Kompeni Belanda pun dikenakan membayar cukai membawa masuk (import) semua barang-barang ke Riau, kecuali rempah, candu, timah dan lada hitam. Sultan sendiri pun jika menjalankan pemborongan (monopoli) bersendirian, tidak juga dikecualikan daripada membayar cukai.

Setelah menandatangani perjanjian di Melaka itu, Sultan Mahmud pun berangkat balik ke Riau.

Sultan Mahmud dan orang-orang besar baginda telah berdukacita sejak adanya Residen Belanda di Riau, dan sejak itu telah membuat perjanjian yang baharu di Melaka itu. Sultan Mahmud dengan Raja Indera Bongsu telah menghantar utusan membawa surat kepada Raja Tempasok di Kalimantan (Borneo), meminta raja itu menghantarkan lanun-lanunnya datang menyerang orang-orang Belanda di Riau.

Dengan perintah Raja Tempasok, suatu angkatan lanun mengandungi empat puluh buah kapal layar yang besar-besar telah belayar menuju ke Riau. Pada 2 hari bulan Mei tahun 1787, angkatan itu telah hampir ke Tanjong Pinang (tempat orang Belanda di Pulau Riau). Sultan Mahmud telah berpura-pura menghantar orang-orang baginda pergi melihat angkatan yang datang itu. Pada 7 haribulan Mei (1787), baginda telah memberitahu kepada Residen Belanda itu mengatakan bahawa kapal-kapal layar yang datang itu membawa orang-orang dari tempat yang bernama Solok dan ada membawa seorang raja dari Kalimantan. Dalam pelayarannya mereka telah dipukul ribut kencang, dan mereka datang ke Riau kerana hendak membeli beras dan membaiki kerosakan kapal-kapal mereka.

Angkatan lanun dari Tempasok itu telah dibenarkan masuk ke Riau; diberi beras dan lain-lain barang bekalan yang diperlukan mereka, dan mereka mengatakan kepada orang Belanda iaitu mereka semua akan balik ke Kalimantan apabila sampai angin musim.

Pada 13 hari bulan Mei (1787), dengan tiada disangka-sangka dan tiada disedari oleh orang-orang Belanda, tiba-tiba lanun itu telah menyerang Riau, dan berlakulah pertempuran di antara mereka dengan askar-askar Belanda. Orang-orang Sultan Mahmud pura-pura sama juga berperang di pihak Belanda; tetapi meriam-

meriam mereka tidak berpeluru. Lanun-lanun itu terus menyerang sampai ke kota Belanda di Tanjong Pinang. Oleh sebab ramai orang Belanda mati terbunuh dalam pertempuran itu, Residen Belanda di Riau itu pun menyerah kalah kepada ketua-ketua lanun itu. Residen Belanda itu telah meminta tangguh selama tiga hari lagi hendak memindahkan barang-barang dan harta benda Kompeni Belanda yang ada di Tanjong Pinang itu masuk ke kapal. Tetapi ketua-ketua lanun itu hanya membenarkan sampai besok pagi sahaja mereka mesti keluar meninggalkan Riau, dan melarang orang-orang Belanda membawa meriam-meriam yang ada di situ. Pada malamnya, semua orang-orang Belanda yang ada di Riau, termasuk Residennya itu sekali, telah meninggalkan tempat-tempat mereka, keluar meninggalkan Riau lalu balik ke Melaka setelah mengalami kekalahan; selain daripada wang Kompeni Belanda, tak ada satu barang pun yang dapat dibawa lari oleh orang-orang Belanda tatkala mereka meninggalkan Riau itu.

Ketua-ketua lanun itu telah naik ke darat mengadap Sultan Mahmud. Baginda telah menjamu dan meraikan lanun-lanun itu kerana kejayaan mereka mengalahkan Belanda. Tiada lama kemudian, lanun-lanun itu pun balik semula ke negeri mereka.

Tiada lama selepas Belanda kalah di Riau itu, oleh sebab khuatirkan Belanda datang menyerang balas ke Riau, Sultan Mahmud serta orang-orang baginda dengan angkatan sebanyak 200 buah perahu, telah bertolak meninggalkan Riau pergi ke Pulau Lingga (Daik) lalu baginda bersemayam membuat tempat pusat pemerintahan baginda di Lingga pula. Bendahara Abdul Majid yang pada masa itu ada di Riau, dengan angkatannya sebanyak 150 buah perahu, telah bertolak juga meninggalkan Riau balik ke Pahang. Sejak itu ramailah orang-orang Melayu di Riau meninggalkan Riau pindah pergi ke Bulang, ke Selangor, ke Trengganu, ke Kalimantan dan ke lain-lain pulau di Kepulauan Riau. Riau yang selama ini ramai didiami oleh orang-orang Melayu dan Bugis itu telah hampir tidak lagi didiami oleh bumiputeranya. Kebanyakan yang tinggal ialah pekerja-pekerja Cina yang bekerja di kebun dan di ladang gambir dan lada hitam di pulau itu, dan di antara ladang itu banyak pula yang telah ditinggalkan oleh tuannya orang-orang Melayu dan Bugis lalu diambil oleh orang-orang Cina. Sejak itu semakin ramai orang-orang Cina datang dan diam di Riau.

Tiada lama kemudian, dalam tahun 1787 itu juga, orang-orang Belanda datang balik menduduki Riau dan menguatkan semula pertahanan mereka di situ. Kompeni Belanda telah menempatkan askar-askarnya di Riau seramai 312 orang (di antaranya 104 orang Eropah). Pada masa itu orang-orang Belanda berpendapat: jika mereka tidak menduduki Riau, Melaka akan terancam; tambahan pula orang-orang Inggeris telah membuka Pulau Pinang.

1788. Apabila Riau telah diduduki balik oleh orang-orang Belanda, mereka telah menjadikan pelabuhan Riau sebuah pelabuhan bebas, kerana hendak menarik supaya lebih ramai orang-orang datang berniaga ke situ, dan juga sebagai menyaingi Pulau Pinang.

Pada awal tahun 1788 itu juga, Yamtuan Muda Raja Ali dengan Raja Sa'id serta pengiring-pengiring mereka yang tinggal di Pulau Siantan itu, telah datang mengadap Sultan Mahmud di Lingga, dan kedatangan mereka telah disambut dengan baik oleh Sultan Mahmud, dan Raja Ali pun menceritakan kepada baginda kisah pengalamannya sejak keluar dari Riau dahulu. Dari Lingga pergi pula Raja Ali ke Selangor berjumpa iparnya Sultan Ibrahim. Dengan ikhtiar Sultan Ibrahim berurusan dengan Belanda di Melaka, orang-orang Belanda pun berbaik semula dengan Raja Ali. Raja Ali balik sebentar ke Siantan mengambil anak isterinya lalu pindah tinggal di Langat (di Selangor). Tiada lama selepas itu, dengan kebenaran orang-orang Belanda, pindah pula Raja Ali tinggal di Muar. (Lihat: Sejarah Selangor).

Dalam tahun 1788 itu juga, Sultan Mahmud dari Lingga telah pergi ke Pahang berjumpa Bendahara Abdul Majid. Dari Pahang Sultan Mahmud mengutus lagi kepada Raja Tempasok meminta supaya lanun-lanun Raja Tempasok itu datang menyerang orang-orang Belanda di Melaka ikut negeri Pahang. Tetapi permintaan baginda itu tiada berjaya. Sultan Mahmud berangkat balik ke Lingga.

Tiada lama kemudian, Sultan Mahmud berangkat pula pergi ke Trengganu berjumpa Sultan Mansur (Tun Dalam), lalu bermesyuarat fasal hendak mendamaikan baginda dengan orang-orang Belanda, dan Sultan Mansur telah sanggup hendak mengikhtiar-kannya.

Lebih kurang pada masa itulah juga, iaitu pada zaman Sultan Yahya memerintah Siak, Raja Muhammad Ali yang telah sembuh

daripada penyakit berubah akal itu, dilantik oleh Sultan Yahya menjadi Raja Tua iaitu sebagai penasihat sahaja. Setelah itu Raja Muhammad Ali telah mengambil anak saudaranya Saiyid Ali menjadi menantunya — Saiyid Ali memerintah di Bukit Batu.

Lepas itu, Saiyid Ali dengan suatu angkatan yang besar telah pergi menyerang ke Senggora (di utara Kelantan) dan telah beroleh beberapa banyak harta rampasan daripada penduduk di Senggora. Setelah meninggalkan Senggora, Saiyid Ali singgah ke Trengganu dan telah berjumpa dengan Sultan Mahmud di situ. Sultan Mahmud telah meminta kepada Saiyid Ali menyerang orang-orang Belanda di Melaka dan mengembalikan baginda berkerajaan di Riau. Apabila orang-orang Belanda mendengar berita Sultan Mahmud telah bermesyuarat dengan Saiyid Ali di Trengganu, orang-orang Belanda telah memerintahkan Raja Muhammad Ali di Siak memanggil anak saudara dan menantunya Saiyid Ali di Trengganu itu balik ke Siak. Setelah menerima panggilan itu Saiyid Ali pun balik semula ke Siak.

1790. Pada 20 hari bulan Mei tahun 1790, Sultan Mansur di Trengganu telah menulis surat kepada Gabenor Belanda di Melaka (Abraham Couperus) bertanyakan kalau-kalau orang Belanda mahu berbaik semula dengan Sultan Mahmud. Tetapi usaha Sultan Mansur itu tiada berjaya; orang Belanda masih curiga kepada Sultan Mansur Trengganu itu. Sultan Mahmud yang tinggal di Trengganu itu pun balik semula ke Lingga.

Sultan Mahmud di Lingga telah menyuruh orang-orang baginda berusaha mengeluarkan bijih timah di Pulau Singkep, kerana pada masa itu telah diketahui di Pulau Singkep ada mengeluarkan bijih timah. Pada masa itu ramai pula orang-orang dari Pulau Bangka pindah ke Pulau Singkep mencari bijih timah.

Dalam tahun 1790 itu juga, Sultan Ibrahim Selangor telah menghantar utusan baginda kepada Gabenor Belanda di Melaka menganjurkan supaya Kompeni Belanda berbaik-baik semula dengan Sultan Mahmud di Lingga. Tetapi Kompeni Belanda belum lagi mahu berbaik dengan Sultan Mahmud. Setelah Sultan Ibrahim menghantar utusan baginda sekali lagi pergi berjumpa Gabenor Belanda di Melaka mengenai perkara Sultan Mahmud itu juga, Gabenor Melaka itu telah meminta tanggguh hendak minta kebenaran dahulu daripada Gabenor-Jeneral Belanda di Betawi. Gabe-

nor Melaka itu telah mengemukakan pandangannya kepada Gabenor-Jeneral di Betawi supaya Kompeni Belanda berbaik semula dengan Sultan Mahmud iaitu memandang kepada permintaan yang bersungguh-sungguh daripada Sultan Selangor itu. Pada 22 haribulan Oktober tahun itu juga (1790), pandangan Gabenor Melaka itu telah diterima oleh Gabenor-Jeneral di Betawi, kerana Kompeni Belanda berpendapat: jikalau Riau tidak ada rajanya memerintah di situ, negeri itu tidak akan ramai didatangi oleh bumiputeranya orang-orang suku Melayu dan tidak akan ramai dan makmur. Tambahan pula, pada masa itu, orang-orang Sultan Mahmud di Lingga telah selalu pula datang menyerang ke kampung-kampung di pantai utara Tanah Jawa. Dalam pada itu, orang Belanda menghadapi masalah bagaimana pula caranya hendak memanggil Sultan Mahmud bersemayam di Riau, pada hal baginda telah bersemayam dan berkerajaan di Lingga.

1793. Dalam tahun 1793, Sultan Mansur Shah (Tun Dalam), Sultan Trengganu, telah mangkat, digantikan oleh puteranya Tengku Zainal Abidin menjadi Sultan Trengganu bergelar Sultan Zainal Abidin II.

1794-1795. Pada 17 hari bulan Oktober tahun 1794, pihak berkuasa Kompeni Belanda di Betawi telah bersetuju berdamai dengan Sultan Mahmud dengan syarat apabila perdamaian itu telah dilaksanakan, Raja Ali hendaklah melucutkan taraf Yamtuan Mudanya itu, dan bolehlah beliau jadi ketua orang-orang besar (di Riau) sahaja. Apabila berita itu terdengar sahaja kepada Sultan Mahmud, baginda pun menitahkan Raja Indera Bongsu pergi berjumpa pihak berkuasa Belanda menawarkan wang hadiah sebanyak 60,000 ringgit jika Belanda mahu mengembalikan balik Sultan Mahmud menguasai Riau sepenuhnya seperti Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah dahulu. Dalam sepucuk surat Belanda bertarikh 29 hari bulan Mei tahun 1795, nampaknya tawaran daripada Sultan Mahmud itu telah dipersetujui oleh Kompeni Belanda.

Sementara Kompeni Belanda berkira-kira hendak berdamai dengan Sultan Mahmud di Lingga itu, pada 18 hari bulan Ogos tahun 1795, mengikut perjanjiannya, angkatan perang Kompeni Inggeris yang diketuai oleh Kapten Henry Newcome dan A. Brown telah datang merampas Melaka daripada tangan Belanda, iaitu dari

Gabenor Belanda, Abraham Couperus, yang memerintah di Melaka masa itu.

Pada masa itu juga, surat yang akan diserahkan kepada Sultan Mahmud kerana menyerahkan balik Riau kepada baginda itu, telah ditandatangani bersama di Melaka oleh Kapten Henry Newcome dan A. Brown bagi pihak Kompeni Inggeris, dan oleh Abraham Couperus bagi pihak Kompeni Belanda.

Pada 18 hari bulan September tahun 1795, dua buah kapal perang Kompeni Inggeris, di bawah perintah Kapten Henry Newcome, telah sampai ke pelabuhan Riau. Pegawai Inggeris itu telah naik ke darat lalu memerintahkan Residen Belanda dan askar-askar Belanda di pulau itu keluar meninggalkan Riau. Setelah itu pegawai Inggeris itu pun menyerahkan pulau itu balik kepada Sultan Mahmud Shah; tetapi baginda tetap juga bersemayam di Lingga.

Mengikut cerita dalam hikayat *Tuhfatu'n-Nafis*: setelah Kompeni Inggeris merampas Melaka dan Riau daripada tangan Belanda (tahun 1795), Inggeris telah menyerahkan balik Riau kepada Sultan Mahmud. Tetapi tiada lama selepas itu, baginda telah menerima surat pula daripada pihak berkuasa Belanda di Betawi menyerahkan Riau kepada baginda.

Mengenai penyerahan Riau kepada Sultan Mahmud dalam tahun 1795 itu, nampaknya orang-orang Belanda telah berdolaldalik mengenai daerah-daerah kerajaan Johor-Riau yang lainnya. Pada masa Belanda menyerahkan balik Riau kepada Sultan Mahmud, iaitu setelah Inggeris merampas Melaka dari tangan mereka (1795), Belanda mengatakan: bukan sahaja Riau telah diserahkan mereka (Belanda) kepada Sultan Mahmud, tetapi bersama-samanya diserahkan juga negeri Johor dan Pahang.

Perbuatan Belanda itu nyatalah bertujuan supaya Johor dan Pahang jangan masuk ke tangan Inggeris.

Tetapi, apabila Belanda merampas balik Melaka daripada tangan Inggeris pada tahun 1818, Belanda mengatakan: pada tahun 1795 dahulu mereka hanya menyerahkan Riau sahaja kepada Sultan Mahmud; Johor dan Pahang tetap tinggal di bawah takluk Melaka mengikut perjanjian yang telah mereka buat dengan Sultan Mahmud pada 10 hari bulan November tahun 1784.

Dalih Belanda kali yang kedua ini pun, samalah tujuannya seperti dalih yang mula-mula tadi.

Dalam tahun 1795, setelah Riau dikembalikan kepada Sultan Mahmud, baginda telah menitahkan Engku Muda Muhammad (anak Temenggong Abdul Jamal) menjaga Riau sementara diadakan peraturan yang tetap di pulau itu. Engku Muda Muhammad pun pergi tinggal di Riau — di Tanjung Pinang. Sultan Mahmud yang bersemayam di Lingga telah membaiki Lingga dengan mengadakan masjid, pasar, dan kota paritnya.

1796. Pada 3 hari bulan Mei tahun 1796, Sultan Mahmud telah menyampaikan ucapan terima kasih baginda kepada Gabenor-Jeneral Belanda di Betawi, kerana Belanda telah mengembalikan Johor, Pahang dan lain-lain daerah takluknya kepada baginda. Tetapi baginda telah mengatakan juga: yang sebenarnya, orang-orang Belanda hanya telah mengembalikan Riau; dan telah menahan hak-hak kedaulatan baginda ke atas negeri Johor mengikut perjanjian yang telah dibuat baginda dengan Belanda pada 10 hari bulan November tahun 1784, dan pada masa Inggeris menduduki Melaka (1795-1818), Belanda telah menolak tiada mahu membuat perjanjian baharu dengan baginda.

Tetapi yang sebenarnya, mengikut pendapat ahli-ahli sejarah: apabila Riau dikembalikan balik kepada Sultan Mahmud, beretilah baginda telah kembali menduduki takhta kerajaan yang dipesakai dari datuk nenek baginda, iaitu sebagai Sultan Johor-Riau, Lingga, Pahang, Kerimun, Singapura dan lain-lain pulau kecil di sekitarnya serta daerah-daerah takluknya.

Setelah Riau kembali kepada Sultan Mahmud, selalulah pula baginda menerima meriam dan peluru diberi oleh Belanda dengan dalih untuk melawan perompak-perompak laut; tetapi yang sebenarnya tujuan orang-orang Belanda berbuat begitu ialah hendak menjaga kekuasaan baginda daripada diserang oleh Raja Ali dan orang-orang Bugis.

1800. Lebih kurang pada awal tahun 1800, Sultan Ibrahim Selangor telah datang ke Pulau Lingga berjumpa Sultan Mahmud. Tujuan Sultan Ibrahim datang itu ialah kerana hendak merapatkan semula hubungan di antara orang-orang suku Melayu dengan suku Bugis di Kepulauan Riau-Lingga yang sudah sekian lama tiada berbaik itu. Sambil itu Sultan Ibrahim telah berkahwin dengan Tengku Tengah puteri almarhum Raja Haji Marhum Telok Ketapang. Oleh

sebab rancangan Sultan Ibrahim hendak merapatkan hubungan antara orang-orang Melayu dengan Bugis itu tiada berapa disetujui oleh Sultan Mahmud dan orang-orang besar Melayu di sekeliling baginda. Sultan Ibrahim pun balik ke Selangor membawa isterinya Tengku Tengah serta sekalian putera-putera Marhum Telok Ketapang termasuk Raja Ja'afar, semuanya dibawa baginda ke Selangor. Lebih kurang dua tahun lamanya Sultan Ibrahim di Lingga baharu baginda balik ke Selangor.

1801. Apabila orang-orang Inggeris tidak lagi melarang orang-orang Bugis pergi ke Riau, pada tahun 1801 Yamtuan Muda Raja Ali serta anak isterinya yang tinggal di Muar itu pun pindah balik semula ke Riau, membuat tempat kediamannya di Tanjong Anggut, Pulau Bayan.

Pada tahun 1801 itu juga Ence' Burok atau Ahok, Temenggong Muar (dan Segamat) telah meninggal dunia di tempat yang bernama Bunga Tanjong di tepi Sungai Muar, dan meninggalkan dua orang anak lelaki, seorang bernama Ence' Konik dan seorang bernama Ence' Ibrahim. Ence' Konik telah pergi ke Lingga memberitahu fasal ayahnya yang telah meninggal dunia itu. Sultan Mahmud (III) telah melantik Ence' Konik jadi Temenggong Muar memerintah Muar dan Segamat menggantikan marhum ayahnya.

Setelah Raja Ali balik semula tinggal di Riau, berselisihlah ia dengan Engku Muda Muhammad. Engku Muda Muhammad mengatakan dialah yang berkuasa di Riau, kerana ia telah dititahkan oleh Sultan Mahmud menjaga Riau. Raja Ali pula mengatakan dialah yang berkuasa di Riau, kerana ia Yamtuan Muda. Oleh sebab itu, dan juga oleh sebab orang-orang Melayu dengan orang-orang Bugis tiada berbaik, berperanglah pihak Engku Muda Muhammad dengan pihak Yamtuan Muda Raja Ali. Akhirnya kalah pihak Engku Muda Muhammad lalu beliau pindah pergi tinggal di Bulang. Pada masa itu anak saudaranya yang bernama Abdul Rahman anak Daing Kechil (Temenggong Abdul Hamid) tinggal di Bulang juga.

Lebih kurang pada masa itulah juga, Saiyid Ali (anak Tengku Badariah dengan Saiyid Uthman Ash-Shahab) menantu Raja Muhammad Ali, menyerang Siak dan mengalahkan Sultan Yahya, Raja Siak itu. Sultan Yahya lari meninggalkan Siak, dan Saiyid Ali pula jadi Yang Dipertuan Besar memerintah Siak. Sejak itu

putuslah zuriat raja-raja Melayu memerintah Siak, pindah ke tangan raja-raja peranakan Arab. Bekas Sultan Yahya itu telah melarat-larat pergi ke Lingga, kemudian ke Retch, dan akhirnya ke Trengganu tinggal di Kemaman. Kesudahannya, bekas Sultan Yahya itu telah tidak siuman dan mangkat di Kemaman, Trengganu.

1802. Dalam bulan Februari tahun 1802, Bendahara Abdul Majid Pahang telah memujuk Engku Muda Muhammad di Bulang dan Raja Ali di Riau datang ke Lingga mengadap Sultan Mahmud. Apabila kedua raja yang berselisih itu sampai di Lingga, mereka telah didamaikan oleh Sultan Mahmud. (Mengikut *Tuhfatun-Nafis*: Sultan Mahmud yang pergi ke Bulang dan memanggil Raja Ali datang ke Bulang lalu mendamaikan Raja Ali dengan Engku Muda Muhammad).

Pada tahun 1802 itu juga Bendahara Abdul Majid telah meninggal dunia di Pahang. Anaknya yang bernama Tun Muhammad yang tinggal di Riau, telah dipanggil ke Lingga lalu dilantik oleh Sultan Mahmud jadi Bendahara menggantikan almarhum ayahnya itu. Setelah itu, Tun Muhammad yang baharu dilantik jadi Bendahara itu, bertolak belayar hendak pergi ke negeri Pahang memegang jawatannya di sana. Dalam pelayarannya dari Pulau Tioman hendak menyeberang ke Endau, di tengah laut perahu Bendahara itu telah dipukul ribut kencang hingga karam dan Bendahara Tun Muhammad dengan seorang isterinya telah bersama-sama karam. Bendahara itulah yang disebut *Marhum Mangkat di Laut*. Dalam tahun 1803 adiknya yang bernama Tun Koris dilantik menggantinya menjadi Bendahara.

1803. Pada tahun 1803, Sultan Mahmud berkahwin dengan Raja Hamidah (disebut juga Engku Puteri) anak almarhum Raja Haji Marhum Telok Ketapang. Setelah itu Sultan Mahmud telah membaiki dan mengindahkan Pulau Penyengat di Riau, dan digelar Pulau Penyengat Indera Mulia. Isteri baginda Raja Hamidah itu telah berpindah lalu tinggal di Pulau Penyengat, dan baginda pun menyerahkan Pulau Penyengat jadi hakmilik Raja Hamidah; dan Pulau Lingga diberikan jadi hakmilik putera baginda yang bernama Tengku Abdul Rahman (disebut juga: Raja Juma'at, dan baginda sendiri memanggil namanya *Si Komeng*). Pada tahun 1803

itu juga Sultan Mahmud telah mengadakan istiadat melantik semula Raja Ali sebagai Yamtuan Muda Riau. Kemudiannya, putera sulung baginda yang bernama Tengku Husain atau Tengku Long dikahwinkan dengan anak Engku Muda Muhammad yang bernama Che' Puan Bulang. Sultan Mahmud tetap juga bersemayam di Lingga dan memajukan perusahaan bijih timah di Pulau Singkep.

Mengikut aturan kerajaan Johor-Riau pada zaman itu, orang besar kerajaan itu yang bergelar Temenggong, daerah tadbirnya, ialah Johor dan pulau-pulau di sekitarnya termasuk Pulau Singapura; dan Bendahara tadbirnya Pahang. Pada tahun 1803, Engku Muda Muhammad yang tinggal di Bulang itu, hendak digelarkan Temenggong menggantikan abangnya Temenggong Abdul Hamid (Daing Kechil) yang telah meninggal dunia. Tetapi Engku Muda Muhammad tiada mahu menerima gelaran itu, kerana beliau berpendapat sepatutnya beliau menjadi Raja Muda (Yamtuan Muda) dan tinggal di Riau.

1806. Pada tahun 1806, Yamtuan Muda (V) Raja Ali telah mangkat di Pulau Bayan (Riau), dan almarhum itulah yang disebut *Marhum Pulau Bayan*. Sultan Mahmud di Lingga telah memanggil Raja Ja'afar anak almarhum Raja Haji Marhum Telok Ketapang yang tinggal di Kelang (Selangor) itu supaya segera datang ke Lingga. Setelah Raja Ja'afar sampai ke Lingga, Sultan Mahmud telah melantik beliau menjadi Yamtuan Muda (VI) menggantikan almarhum Raja Ali (Marhum Pulau Bayan). Anak isteri Raja Ja'afar yang tinggal di Kelang, semuanya dibawa pindah ke Riau. Yamtuan Muda Raja Ja'afar itu telah membuat tempat pemerintahannya di Kota Rentang, Pulau Penyengat, Riau.

Oleh sebab Engku Muda Muhammad (Bulang) tiada mahu menerima pangkat dan gelaran Temenggong yang telah ditolakny kira-kira tiga tahun dahulu, pada tahun 1806 ini, Sultan Mahmud di Lingga telah melantik anak almarhum Temenggong Abdul Hamid (Daing Kechil) yang bernama Abdul Rahman menjadi Temenggong bergelar Temenggong Seri Maharaja, tinggal di Bulang, memerintah tanah besar Johor, Singapura dan pulau-pulau di sekitarnya. Baginda telah melantik juga Tun (atau Wan) Ali jadi Bendahara bergelar Bendahara Seri Wak Raja, menggantikan

ayahnya almarhum Bendahara Tun Koris yang telah meninggal dunia dalam tahun 1806 itu juga.

1811. Dalam tahun 1811, beberapa bulan sebelum angkatan Kompeni Inggeris yang dipimpin oleh Lord Minto pergi menakluk Tanah Jawa dari tangan Belanda, Temenggong Abdul Rahman (Temenggong Seri Maharaja) yang tinggal di Bulang itu, telah membawa anak isterinya serta pengikutnya seramai lebih kurang 150 orang pindah dan tinggal di Singapura, iaitu sebuah daripada pulau-pulau yang di bawah perintahnya. Dalam pada itu, selalulah pula Temenggong itu pergi ke Lingga dan ke Riau.

Pada suatu hari dalam tahun 1811 itu juga, Sultan Mahmud telah memanggil putera-putera baginda Tengku Husain (Tengku Long) dan Tengku Abdul Rahman, lalu berpesan kepada kedua putera baginda itu: "Engkau Long, ialah anakku yang sulung. Mengikut adat dan peraturan kerajaan Johor, engkaulah yang akan menggantikan aku di atas kerajaan. Aku berharap benar, selagi aku hidup, hendaklah engkau berkahwin dengan Che' Wan Esah anak Che' Wan Koris dan adik kepada Che' Wan Ali Bendahara Pahang sekarang ini." Lepas itu kepada Tengku Abdul Rahman pula baginda berpesan: "Engkau Komeng; oleh sebab engkau cenderung dalam perkara agama, beramal ibadat, hendaklah engkau jadi orang alim, dan eloklah engkau bersiap-siap pergi ke Mekah".

Hikayat *Tuhfatu'n-Nafis* yang lebih berat menyebelahi pihak Bugis menceritakan pula: pada suatu hari Sultan Mahmud telah memanggil Yamtuan Muda Raja Ja'afar dari Riau dan segala orang-orang besar baginda (terutama Bugis) berhimpun ke Lingga, dan di hadapan orang-orang besar sekalian itu baginda telah bertitah kepada Yamtuan Muda Raja Ja'afar yang maksudnya: "Jikalau aku dikehendaki Allah dalam sehari dua ini aku mati, engkau sebagai wakilku, Si Komenglah engkau lantik menggantikan aku."

Lepas itu, dalam tahun 1811 itu juga, dengan suatu angkatan, Tengku Husain (Tengku Long) telah bertolak dari Lingga belayar hendak pergi ke Pahang. Pelayaran Tengku Husain itu telah diantar oleh ayahandanya Sultan Mahmud hingga sampai had Bulang. Dalam pelayaran itu perahu kenaikan Tengku Husain dibenarkan oleh Sultan Mahmud mengibarkan bendera diraja kerajaan Johor-Riau, dan perahu kenaikan baginda sendiri mengibarkan bendera

putih iaitu sebagai lambang yang menunjukkan bahawa baginda akan mengundurkan diri baginda daripada menjalankan tugas-tugas pemerintahan kerajaan baginda yang akan diserahkan kepada putera baginda itu. Selain daripada itu, mohor besar kerajaan baginda yang disebut *Cap Kerajaan* itu pun diberikan baginda kepada Tengku Husain menggunakannya. Sampai had Bulang, Tengku Husain meneruskan pelayarannya ke Pahang, dan Sultan Mahmud berangkat balik ke Lingga. Sampai di Pahang, Tengku Husain pun berkahwin dengan Che' Wan Esah adik Bendahara Tun Ali, Bendahara di Pahang pada masa itu.

1812. Tiada lama setelah Tengku Husain pergi ke Pahang itu, dengan tiba-tiba, pada 12 hari bulan Januari tahun 1812, Sultan Mahmud Shah III ibni almarhum Sultan Abdul Jalil (Raja di Baroh) telah mangkat di istana baginda di Lingga, iaitu setelah berkerajaan lebih kurang selama lima puluh tahun; dimakamkan di Lingga. Sebelum dilantik pengganti almarhum itu, kuasa pemerintahan kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang dipegang oleh Yamtuan Muda Raja Ja'afar ibni almarhum Raja Haji Marhum Telok Ketapang.

Pada masa hidupnya, Sultan Mahmud Shah III itu telah beristerikan anak Bendahara Abdul Majid Pahang; tiada beroleh anak; dan isteri baginda ini telah mangkat di Pahang lebih dahulu daripada baginda (dalam tahun 1803). Seorang lagi isteri baginda bernama Che' Makoh anak seorang orang besar Bugis bernama Daing Maturang atau disebut juga Ence' Ja'afar; melahirkan Tengku Husain atau Tengku Long (Sulung). Setelah mangkat Sultan Mahmud, kemudiannya, Che' Makoh itu telah bersuamikan seorang orang besar Bugis bernama Daing Menipi, dan suaminya ini, kemudiannya, dilantik menjadi Suliwatang di Singapura. Seorang lagi isteri Sultan Mahmud, yang dikahwin oleh baginda dalam tahun 1780, bernama Che' Mariam anak seorang orang besar Bugis bernama Bandar Hasan; melahirkan Tengku Abdul Rahman, atau disebut juga namanya Raja Juma'at dan Si Komeng. Seorang lagi isteri baginda, berkahwin dalam tahun 1803, ialah Raja Hamidah atau Engku Puteri anak almarhum Raja Haji Marhum Telok Ketapang, melahirkan seorang anak perempuan; tetapi anak itu telah meninggal dunia tiada lama setelah dilahirkan.

Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah (1812-5 Februari, 1819):

1812-1818. Pada 12 hari bulan Januari tahun 1812, Sultan Mahmud Shah III telah mangkat di Lingga. Pada hari hendak memilih Sultan pengganti almarhum itu, dalam suatu perhimpunan sekalian orang-orang besar kerajaan, Yamtuan Muda Raja Ja'afar telah menerangkan kepada orang-orang besar itu yang maksudnya: adalah marhum yang telah mangkat itu ada meninggalkan dua orang putera iaitu Tengku Husain (Tengku Long) dan Tengku Abdul Rahman, dan Yamtuan Muda itu bertanya pula kepada orang-orang besar itu siapakah di antara kedua putera almarhum itu yang mereka pilih menggantikan almarhum itu.

Di antara orang-orang besar itu, ada dua orang yang telah menjawab dan menerangkan: mengikut aturan dan adat istiadat kerajaan Johor, putera sulung almarhum itulah yang mesti dilantik menjadi Sultan, iaitu Tengku Husain yang patut dilantik jadi Sultan, kerana ia putera sulung almarhum itu.

Jawapan dan keterangan kedua orang besar itu telah disanggah oleh Yamtuan Muda Raja Ja'afar dan menerangkan bahawa pilihan mereka itu bertentangan dengan pilihannya sendiri.

Pada masa itu berlakulah pertikaman lidah di antara orang-orang besar yang memilih Tengku Husain itu dengan Yamtuan Muda Raja Ja'afar yang memilih Tengku Abdul Rahman. Orang-orang besar yang memilih Tengku Husain itu menerangkan lagi kepada Yamtuan Muda Raja Ja'afar, iaitu jika Yamtuan Muda itu hendak menjalankan tindakan yang bertentangan dengan aturan dan adat istiadat kerajaan Johor yang telah tetap itu, apa gunanya Yamtuan Muda itu memanggil mereka berhimpun dan bertanyakan fikiran mereka. Pilihan yang telah mereka nyatakan itu

ialah pilihan yang sebenarnya mengikut aturan dan adat istiadat kerajaan Johor. Jika sekiranya Yamtuan Muda itu tidak hendak mengikut aturan yang sebenarnya itu, mereka membantah perbuatan Yamtuan Muda itu sebagai perosak aturan dan adat istiadat kerajaan. Oleh sebab tidak dapat lagi menentang keterangan dan bantahan daripada pihak yang hendakkan Tengku Husain itu, Yamtuan Muda itu pun meninggalkan perhimpunan itu. Dalam pada itu, pihak keluarga Tengku Abdul Rahman telah meminta pertolongan kepada seorang saudara perempuan Yamtuan Muda Raja Ja'afar yang bernama Tengku Buntit. Tengku Buntit telah berjumpa Yamtuan Muda Raja Ja'afar dan mencadangkan supaya Raja Ja'afar melantik Tengku Abdul Rahman menjadi Sultan menggantikan almarhum ayahandanya.

Yamtuan Muda Raja Ja'afar telah pergi berjumpa Tengku Abdul Rahman dan menerangkan kepada anak raja itu bahawa jenazah almarhum ayahandanya belum lagi dikebumikan, dan mengikut aturan adatnya, sebagai yang diketahui juga oleh Tengku Abdul Rahman, jenazah almarhum itu tidak boleh dikebumikan sebelum dilantik penggantinya. Yamtuan Muda itu menerangkan juga: Tengku Husain abang Tengku Abdul Rahman itu, tidak ada di Lingga (beliau sedang berada di Pahang), dan siapa pun tak tahu bila dia akan balik ke Lingga. Pendeknya tiada siapa lagi yang berhak dijadikan Sultan melainkan Tengku Abdul Rahman — demikianlah keterangan Yamtuan Muda itu kepada Tengku Abdul Rahman.

Tengku Abdul Rahman telah menjawab dan menerangkan pula kepada Yamtuan Muda itu: almarhum ayahandanya (Sultan Mahmud) memang berkehendakkan sungguh-sungguh supaya kekandanya Tengku Husain menggantikan ayahandanya menjadi Sultan, iaitu mengikut aturan adat istiadat kerajaan Johor; dan ayahandanya juga berkehendakkan dia (Tengku Abdul Rahman) jadi orang alim dan pergi menunaikan fardu haji ke Mekah; dan dia tak berani melanggar pesanan ayahandanya itu, takut kena kutuk. Dan Tengku Abdul Rahman telah meminta Raja Ja'afar jadi Pemangku Raja sementara menantikan kekandanya Tengku Husain balik ke Lingga.

Raja Ja'afar menjawab pula dengan tegas mengatakan: bagaimana dia boleh memangku kuasa Sultan kalau seorang daripada putera almarhum itu ada di hadapan matanya?

Mendengar jawapan Raja Ja'afar itu, Tengku Abdul Rahman pun tunduk tiada berkata apa-apa, tetapi Raja Ja'afar telah menafsirkan bahawa tunduk dan diam Tengku Abdul Rahman itu ialah sebagai membenarkan kehendak Raja Ja'afar itu. Setelah itu baharulah jenazah almarhum Sultan Mahmud dimakamkan (di Lingga). Tiga hari selepas itu, Yamtuan Muda Raja Ja'afar pun melantik Tengku Abdul Rahman jadi Sultan Johor-Riau-Lingga-Pahang, bergelar Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah ibni almarhum Sultan Mahmud, dan baginda bersemayam di Lingga juga. Tetapi dalam perlantikan itu tiadalah memakai alat-alat kebesaran kerajaan Johor, kerana perkakas itu ada dalam simpanan Raja Hamidah balu almarhum Sultan Mahmud di Pulau Penyengat, Riau.

Begitulah ringkasnya kisah perselisihan yang telah berlaku di Lingga pada masa hendak melantik Sultan menggantikan almarhum Sultan Mahmud Shah III itu.

Tuhfatu'n-Nafis yang pro-Bugis mengatakan: setelah Sultan Mahmud Shah (III) mangkat di Lingga, Yamtuan Muda Raja Ja'afar dari Riau datang ke Lingga. Oleh sebab mengikut wasiat almarhum Sultan Mahmud, Yamtuan Muda Raja Ja'afar pun melantik Tengku Abdul Rahman menjadi Sultan menggantikan almarhum ayahandanya, dan baginda bersemayam di Lingga.

Pada pendapat setengah-setengah ahli sejarah: sebab Yamtuan Muda Raja Ja'afar berkehendakkan sangat Tengku Abdul Rahman itu jadi Sultan, ialah kerana ada perselisihan di antara keluarga Raja Ja'afar dengan Tengku Husain. Kalau Tengku Husain menjadi Sultan, boleh jadi ia akan mengecil atau mengurangkan kuasa Yamtuan Muda Raja Ja'afar; tetapi jika Tengku Abdul Rahman dijadikan Sultan, ada harapan Yamtuan Muda Raja Ja'afar akan bertambah-tambah berkuasa dalam pemerintahan, kerana Tengku Abdul Rahman itu seorang yang lemah sedikit peribadinya, tidak tegas, dan hanya leka beramal ibadat sahaja, sebab kecenderungannya hendak menjadi orang alim, tiada berapa pedulikan pangkat dan kebesaran di dunia ini.

Tengku Husain (Tengku Long) yang tinggal di Pahang itu telah menerima surat daripada Yamtuan Muda Raja Ja'afar yang memberitahu hal kemangkatan ayahandanya di Lingga itu, dan Yamtuan Muda itu mengatakan pula dalam suratnya itu bahawa kemangkatan almarhum itu ialah disebabkan oleh terlampau letih

setelah balik belayar dari Bulang menghantar Tengku Husain dahulu. Tetapi tidaklah Raja Ja'afar memberitahu dalam suratnya itu fasal Tengku Abdul Rahman telah dilantiknya menjadi Sultan itu. Oleh sebab musim gelora di laut, Tengku Husain telah terlambat balik ke Lingga.

Apabila Tengku Husain sampai balik ke Lingga, ia telah diterima dengan baik oleh adiknya Sultan Abdul Rahman dan telah sama-sama menangis terkenangkan almarhum ayahanda mereka. Kemudian daripada itu setelah mengetahui kedudukan yang sebenarnya telah berlaku di Lingga, Tengku Husain telah menuntut haknya sebagai putera sulung almarhum Sultan Mahmud, dan menerangkan pula iaitu setelah menerima surat daripada Yamtuan Muda yang menyatakan kemangkatan ayahandanya itu, Bendahara Tun Ali di Pahang telah melantiknya menggantikan almarhum ayahandanya, seperti perlantikan Raja Haji jadi Yamtuan Muda oleh Bendahara Abdul Majid dahulu (Tahun 1777). Tetapi tuntutan Tengku Husain itu tiada mendapat sokongan, bahkan pada masa itu Tengku Husain seolah-olah tiada berkawan; orang-orang yang menyebelahnya dahulu pun telah masuk menyebelahi pihak kerajaan yang baharu itu.

Sultan Abdul Rahman yang telah menerima dengan baik kedatangan kekandanya itu, mahu pula menurunkan diri dari takhta kerajaan dan menyerahkannya kepada Tengku Husain. Tetapi baginda itu telah ditegur dengan keras oleh Yamtuan Muda Raja Ja'afar dengan mengatakan: jikalau baginda menurunkan diri dari menjadi Sultan itu, tentulah baginda akan kehilangan hak pencen baginda, dan boleh jadi barangkali baginda akan terpengal, tiada lagi orang yang akan membantu baginda. Oleh sebab itu Sultan Abdul Rahman pun mengundurkan kemahuannya itu. Tengku Husain telah bertolak pergi ke Riau berjumpa Raja Hamidah (Engku Puteri) di Pulau Penyengat.

Sultan Abdul Rahman di Lingga itu nyatalah di bawah kuasa dan pengaruh Yamtuan Muda Raja Ja'afar yang diam di Riau. Sungguhpun ia seorang Sultan, tetapi baginda sentiasa dalam pengawasan dan perhatian orang-orang besar wakil Yamtuan Muda Raja Ja'afar yang ditinggalkannya menjalankan pemerintahan di Lingga, iaitu seperti Engku Saiyid Muhammad Zain Al-Kudsi, Suliwatang Ibrahim, Syahbandar Muhammad, Ence' Abdul Manan, serta beberapa orang Bugis yang dijadikan ketua-ketua

kampung di Lingga. Pasukan askar-askar kerajaan dengan memakai bedil yang ditempatkan di Lingga itu pun diletakkan di bawah pimpinan seorang harapan Yamtuan Muda Raja Ja'afar bernama Ence' Kalok. Segala hal yang berlaku di Lingga, dengan tetap dilaporkan oleh Saiyid Muhammad Zain dan Ence' Kalok kepada Yamtuan Muda di Riau. Kalau ada perkara-perkara besar mengenai pemerintahan di Lingga, Yamtuan Muda Raja Ja'afar sendiri datang ke Lingga menyelesaikannya. Sultan Abdul Rahman di Lingga hanya menerima arahan daripada Yamtuan Muda di Riau — Yamtuan Muda Raja Ja'afarlah orang yang sebenarnya berkuasa dalam pemerintahan kerajaan Johor-Riau masa itu. Begitulah halnya dalam kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang pada permulaan pemerintahan Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah.

Raja Hamidah (Engku Puteri) saudara Yamtuan Muda Raja Ja'afar dan balu almarhum Sultan Mahmud Shah III yang tinggal di Pulau Penyengat itu, ialah seorang yang disegani dalam kerabat diraja Riau-Lingga masa itu. Pada masa Tengku Abdul Rahman dilantik menjadi Sultan di Lingga, Raja Hamidah tidak mahu memberikan alat-alat kebesaran kerajaan Johor yang diperlukan dalam sesuatu perlantikan Sultan itu; alat-alat kebesaran itu ada dalam simpanannya di Pulau Penyengat.

Apabila Tengku Husain datang ke Pulau Penyengat mengadakan halnya yang telah disingkirkan itu kepada ibu tirinya Raja Hamidah, Raja Hamidah pun marah akan perbuatan saudaranya Yamtuan Muda Raja Ja'afar itu. Di antara kata-kata yang telah dikeluarkan oleh Raja Hamidah ketika ia marah itu, ialah: "Siapakah yang telah melantik Abdul Rahman menjadi Sultan Johor? Saudara saya Raja Ja'afar? Adat perlantikan dari manakah yang diikutnya? Perbuatan yang tidak adil seperti inilah yang menyebabkan kerajaan Johor akan segera rosak binasa".

Raja Hamidah menyebelahi Tengku Husain dalam tuntutanannya itu. Tengku Husain telah pergi ke Pahang mengadakan halnya kepada iparnya Bendahara Tun (Wan) Ali pula.

Tiada berapa lama lepas itu, setelah dipersetujui oleh Raja Hamidah, Bendahara Tun Ali di Pahang telah menghantarkan angkatan perangnya berkumpul di Bulang hendak menyerang Lingga. Apabila Yamtuan Muda Raja Ja'afar dapat tahu hal itu, ia pun mengadu dan membantah perbuatan Bendahara Tun Ali itu kepada Residen Ingeris di Melaka. Residen Ingeris itu telah

menghantar wakilnya pergi berjumpa dan memberi amaran kepada Bendahara Tun Ali mengatakan iaitu campur tangan dari pihak Bendahara Tun Ali mengenai hal ehwal di Lingga, dipandang salah oleh orang-orang Inggeris. Oleh itu Bendahara Tun Ali pun memanggil balik angkatanannya yang telah berkumpul di Bulang itu ke Pahang. Sejak itu tiadalah dapat Tengku Husain melakukan apa-apa tindakan lagi; tetaplah Sultan Abdul Rahman menduduki takhta kerajaan di Lingga di bawah kuasa dan arahan Yamtuan Muda Raja Ja'afar di Riau.

Dipandang dari peristiwa yang telah berlaku itu, nyatalah bahawa kerajaan Johor yang meliputi Johor, Riau, Lingga, Pahang, Singapura, Kerimun, dan lain-lain pulau di Kepulauan Riau itu, telah retak. Bendahara Tun Ali di Pahang dan Raja Hamidah di Pulau Penyengat tidak bersetuju dengan perlantikan Tengku Abdul Rahman menjadi Sultan, kerana Tengku Husain atau Tengku Long putera sulung almarhum Sultan Mahmud Shah ada lagi. Di tanah besar negeri Johor nampaknya tidak ada apa-apa kemajuan, sunyi sahaja — orang besar yang mentadbir daerah itu pun (Temenggong) tinggal di Singapura; boleh kata Lingga-Riau yang didiami oleh Sultan dan Yamtuan Muda itu sahajalah yang sedang menjalankan kegiatan memajukan tempat-tempat itu.

Mengikut *Tufatu'n-Nafis*: pada masa itu Yamtuan Muda Raja Ja'afar di Riau mengambil berat dalam hal ehwal agama (Islam) dan masyarakat; beliau sendiri banyak bersahabat dengan orang-orang besar berbagai bangsa, termasuk Belanda; beliau suka mengikuti kemajuan yang dibuat oleh orang putih, seperti mengadakan pasukan askar berpakaian seragam dan bersenapang; menggalakkan orang ramai belajar muzik cara Barat; menjaga keselamatan negeri di darat dan di laut, dan selalu pula beliau berutus-utus dengan raja-raja di lain-lain negeri. Keadaan di Lingga pun didapati bertambah ramai dan makmur, kerana bijih timah telah didapati di Pulau Singkep walaupun Sultan sentiasa dalam pengawasan orang-orang besar baginda yang lebih patuh kepada Yamtuan Muda di Riau — begitulah hal keadaannya berjalan hingga selama lebih kurang tujuh tahun iaitu hingga tahun 1818. Mulai dari tahun 1818, orang-orang Inggeris dan orang-orang Belanda telah berebut-rebut mencampuri hal ehwal dalam pemerintahan kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang, hingga negeri yang asalnya sebuah kerajaan besar itu, dipecah-pecahkan oleh orang-

orang Barat (Inggeris-Belanda) untuk melaksanakan dasar-dasar penjajahan mereka di Nusantara, tanah air rumpun bangsa Melayu.

1818. Pada masa Inggeris menduduki Melaka kali yang pertama (Ogos 1795-September 1818), pada 5 hari bulan Julai tahun 1818 Stamford Raffles, Leftenan-Gabenor Kompeni Inggeris di Bangkahulu, telah berkirim surat, dalam bahasa Melayu, kepada Yamtuan Muda Raja Ja'afar di Riau. Dalam surat itu Raffles mengatakan: dia ada mendengar berita dari Betawi mengatakan orang-orang Belanda hendak mengambil Riau, iaitu suatu perbuatan menyalahi perjanjian yang telah dibuat di antara orang-orang Inggeris dengan Belanda. Dalam surat itu Raffles menasihatkan Yamtuan Muda Raja Ja'afar supaya jangan menerima siapa-siapa pun pegawai utusan dari pihak Belanda; selagi Yamtuan Muda itu tinggal dalam perlindungan Inggeris, mereka tetap tinggal dalam persahabatan seperti dahulu dan saling bertolong-tolongan.

Pada 29 hari bulan Julai tahun 1818 pula, seorang pegawai Inggeris di Melaka (Residen) bernama William Farquhar telah keluar dari Melaka, pura-pura dikatakan hendak mencari seorang perempuan Inggeris yang telah dilarikan oleh perompak laut; tetapi yang sebenarnya Farquhar telah pergi ke negeri Siak, berjumpa Raja Siak dan telah berjaya membuat perjanjian perniagaan dengan Raja Siak. (Lihat Hikayat Abdullah dalam bab Kolonel Farquhar mencari tempat hendak membuat negeri).

Dari Siak Farquhar singgah ke Riau; tetapi ia tidak dapat berjumpa dengan Yamtuan Muda Raja Ja'afar. Setelah meninggalkan pesan ia akan datang lagi ke Riau, Farquhar pun terus belayar ke Pontianak hendak berjumpa Raja Pontianak. Tetapi apabila Farquhar sampai di Pontianak, ia telah dilarang masuk ke Pontianak oleh orang-orang Belanda yang telah sedia ada di situ. Wakil Belanda di Pontianak, Boekholtz namanya, telah memberitahu Farquhar: oleh sebab seluruh Kalimantan telah masuk ke dalam kawalan orang-orang Belanda, tidak ada satu bangsa lain pun dibenarkan membuat sebarang perjanjian dengan ketua-ketua bumiputera di tempat itu. Dari Pontianak Farquhar belayar balik ke Pulau Pinang.

Pada 9 hari bulan Ogos tahun 1818, William Farquhar telah bertolak dari Pulau Pinang pergi ke Lingga berjumpa Sultan Abdul

Rahman dan orang-orang besar di sana. Dalam masa perbualan dengan mereka itu, Farquhar telah menyebutkan kepada Sultan Abdul Rahman barangkali Belanda hendak datang menawan Lingga dan Riau. Sultan Abdul Rahman telah menyatakan kepada Farquhar: baginda bukanlah Sultan, dan tidak berkuasa membuat sebarang urusan mengenai hal ehwal negeri dengan orang-orang Inggeris. Baginda telah menyuruh Farquhar pergi berjumpa dan berurus dengan Yamtuan Muda Raja Ja'afar di Riau, kerana segala hal yang kena-mengena dengan negeri ditadbirkan oleh Yamtuan Muda itu.

Dipercayai, pada masa itulah Farquhar telah dapat mengetahui hal kedudukan kesultanan Johor-Riau-Lingga-Pahang dan percaturan politik dalam kerajaan itu, yang kemudiannya telah digunakan oleh Raffles untuk memecah-mecahkan kerajaan itu.

Farquhar telah pergi ke Riau berjumpa lalu berunding dengan Yamtuan Muda Raja Ja'afar. Dalam rundingan itu Farquhar menyatakan juga kepada Raja Ja'afar: barangkali Belanda hendak menawan Riau dan Lingga. Farquhar menyatakan lagi: jika Belanda datang hendak menawan Riau, disuruhnya Yamtuan Muda menentang, Inggeris akan membantu Riau, kerana Inggerislah yang telah menyerahkan balik Riau-Lingga kepada almarhum Sultan Mahmud dahulu (tahun 1795). Setelah itu Farquhar mendesak Yamtuan Muda Raja Ja'afar supaya membuat perjanjian dengan Inggeris. Sungguhpun pada mulanya Raja Ja'afar telah minta bertangguh, tetapi Farquhar telah memujuk Raja Ja'afar dengan menghadiahkan barang-barang yang berharga iaitu beberapa pucuk meriam dan kain baldu, dan akhirnya, pada 19 haribulan Ogos tahun 1818, Farquhar pun membuat surat perjanjian perniagaan dengan Yamtuan Muda Raja Ja'afar "dengan kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seri Sultan Abdul Rahman Shah, Yang Dipertuan Kerajaan Johor, Pahang dan daerah-daerah takluknya".

Dalam perjanjian itu antara lain menyebutkan: kapal-kapal British boleh bebas datang, dan barang-barang dagangan mereka boleh dibawa, ke seberang pelabuhan dalam negeri Johor, Pahang, Lingga, Riau dan lain-lain daerahnya, iaitu sebagai hak yang telah diberikan kepada suatu *bangsa yang sangat disukai* (British); baginda Sultan tidak akan memberikan hak khas untuk memonopoli sebarang hasil dagangan dalam daerah-daerah perintahnya kepada sebarang orang (lain daripada British); dan baginda tidak juga akan

membatui sebarang perjanjian yang boleh menghalang perdagangan dan perdagangan orang-orang British.

Setelah surat perjanjian itu ditandatangani oleh kedua belah pihak, Farquhar pun mencabutkan sebetuk cincin di jarinya lalu menghadihkannya kepada Yamtuan Muda Raja Ja'afar. Lepas itu Farquhar pun bertolak balik ke Melaka kerana, mengikut perjanjiannya, hendak menyerahkan balik negeri Melaka kepada Belanda.

Pada 21 hari bulan September tahun 1818, Inggeris telah menyerahkan balik negeri Melaka kepada Kerajaan Belanda; tetapi William Farquhar masih tinggal di Melaka hingga akhir bulan Disember tahun 1818 itu.

Mengikut *Tuhfatu'n-Nafis*: setelah William Farquhar meninggalkan Riau, Yamtuan Muda Raja Ja'afar di Riau bermesyuarat dengan orang-orang besar serta kaum keluarganya, termasuk sama Tengku Long (Tengku Husain) dan Temenggong Abdul Rahman (Singapura) merundingkan fasal Farquhar mengatakan Belanda hendak menawan Lingga dan Riau, dan Farquhar suruh lawan Belanda jika Belanda datang hendak mengambil Riau dan Lingga. Mengikut persetujuan yang telah diambil dalam mesyuarat itu, Yamtuan Muda Raja Ja'afar pun mengerahkan orang-orang bersiap memperkuatkan kubu-kubu dan kelengkapan perang serta menyediakan peluru dan makanan; dan Yamtuan Muda itu telah menyuruh pula Sultan Abdul Rahman dan orang-orang besar di Lingga berbuat begitu juga.

Ada seorang sahabat lama Yamtuan Muda Raja Ja'afar di Melaka, seorang Belanda yang telah lama tinggal di Melaka, bernama Adriaen Koek. Apabila ia mendengar khabar Riau dan Lingga telah bersiap sedia kubu-kubu hendak menentang Belanda berperang, ia pun datang ke Riau berjumpa Yamtuan Muda Raja Ja'afar, dan menasihatkan Raja Ja'afar dan orang-orang besar Riau, supaya jangan percaya kepada khabar-khabar angin yang mengatakan Belanda hendak menyerang Riau-Lingga. Dan lagi katanya: Riau dan Lingga itu bukan Inggeris sahaja yang telah memulangkannya balik kepada Sultan Mahmud, Belanda pun telah memulangkannya, sekadarkan berselisih jamnya sahaja, kata-kata yang mengatakan Belanda hendak menawan Riau-Lingga itu ialah fitnah yang hendak memutuskan hubungan Raja Ja'afar dengan Belanda sahaja. (Ini tentulah dimaksudkan kepada Farquhar). Dan

berbagai-bagai lagi kata-kata nasihat Adriaen Koek itu, sehingga Yamtuan Muda Raja Ja'afar dan orang-orang besarnya pun percaya benar akan kata-kata Adriaen Koek itu; melainkan Tengku Long dan Temenggung Abdul Rahman sahaja yang tidak percaya.

Adriaen Koek itu ialah seorang Belanda yang telah lama tinggal dan telah berkampung halaman di Melaka serta mempunyai kedudukan baik. Dia seorang yang pintar; pandai menyesuaikan dirinya dengan pemerintah-pemerintah yang bertukar ganti di Melaka itu. Sungguhpun pada masa Inggeris mengambil Melaka daripada tangan Belanda pada tahun 1795 ia telah dicurigai belot memihak kepada Inggeris dan telah bekerja dengan Inggeris selama pendudukan Inggeris kali yang pertama di Melaka, tetapi apabila Belanda datang balik mengambil Melaka pada tahun 1818, ia dapat kedudukan baik juga dalam jawatan pemerintah Belanda di Melaka.

Setelah Melaka terserah balik kepada Belanda (21 September, 1818), dalam bulan Oktober tahun 1818 itu juga, William Farquhar telah memberitahu dengan surat kepada Gabenor Belanda di Melaka yang bernama Timmerman Thyssen berkenaan dengan surat-surat perjanjian yang telah dibuatnya dengan Riau dan Siak itu. Farquhar telah menerima balasan surat daripada Gabenor Belanda itu yang mengatakan kepada Farquhar: Belanda masih mempunyai hak mengawal daerah-daerah ketua bumiputera di Riau, Lingga dan Johor sebagai daerah-daerah yang takluk kepada pemerintah Belanda di Melaka; Belanda tidak akan menerima urusan atau perjanjian yang telah dibuat oleh Inggeris dengan raja-raja di Lingga dan di Riau itu; "kami tidak akan membenarkan mereka menyerahkan walau seinci pun tanah negeri-negeri itu kepada Inggeris" — demikianlah kandungan surat Timmerman Thyssen kepada Farquhar itu.

Lepas itu, dalam bulan Oktober itu juga, dengan segera Gabenor Belanda di Melaka menghantar panglima perang lautnya yang bernama Admiral Wolterbeek pergi ke Riau, dan Adriaen Koek pun pergi bersama.

Apabila Admiral Wolterbeek dan Adriaen Koek sampai di Riau, mereka pergi berjumpa Yamtuan Muda Raja Ja'afar dan orang-orang besar di situ dalam suatu perhimpunan. Yamtuan Muda telah menceritakan kepada pegawai-pegawai Belanda yang datang itu betapa dia dan orang-orang besar di Riau telah diper-

dayakan hingga dengan tergotoh-gopoh telah menandatangani suatu perjanjian dengan Inggeris (Farquhar); dan Yamtuan Muda itu mengatakan juga, mereka telah tertipu pula dengan kata-kata yang mengatakan orang-orang Belanda hendak menyerang Riau dan Lingga; pada hal orang-orang Belanda sahabat lamanya itu hanya hendak membaharui hubungan mereka yang telah lama itu. Oleh sebab itu, Raja Ja'afar menerangkan lagi, dia pun suka dan memikirkan sudah sepatutnya perjanjian dengan Belanda itu diperbaharui bagi keselamatan Riau-Lingga, dan mengeneppikan perjanjian yang telah dibuat dengan tergesa-gesa itu. Yamtuan Muda itu telah menyatakan sukacitanya dapat berhubung balik dengan Belanda dan membuat perjanjian yang mengandungi syarat-syarat bagi kebajikan kerajaan dan rakyat kedua belah pihak.

Setelah selesai bermesyuarat, pada 26 hari bulan November tahun 1818, ditandatangani perjanjian baharu di antara Sultan Abdul Rahman, Yamtuan Muda Raja Ja'afar dan orang-orang besarnya bagi pihak kerajaan mereka dengan Admiral Wolterbeek dengan pegawai-pegawainya bagi pihak pemerintah Belanda di Melaka. Pada tahun itu baharu kerajaan Belanda mengakui Sultan Abdul Rahman sebagai Sultan kerajaan Riau-Lingga. Temenggong Abdul Rahman telah enggan menandatangani perjanjian itu; tetapi kemudiannya, setelah disyaratkan bahawa ia tiada memihak kepada pihak yang membuat perjanjian itu, baharulah beliau sama menurunkan tandatangannya pada surat perjanjian itu. Mengikut riwayat orang-orang Inggeris: Tengku Long (Tengku Husain) tidak pun dijemput oleh Yamtuan Muda Raja Ja'afar hadir dalam perjumpaan dan mesyuarat fasal membuat perjanjian itu. Tetapi *Tuhfatu'n-Nafis* mengatakan Tengku Long ada bersama dalam mesyuarat dan perjumpaan itu.

Setelah itu balik semula orang-orang Belanda menduduki Riau; membaiki kota dan gudang-gudang mereka di Tanjong Pinang, dan melantik seorang Residennya di Riau. Admiral Wolterbeek balik semula ke Melaka. Temenggong Abdul Rahman balik ke Singapura sebagai biasa.

1819. Thomas Stamford Raffles Leftenan-Gabenor Kompeni Inggeris di Bangkahulu yang datang dari Benggala ke Pulau Pinang, pada 28 hari bulan Januari tahun 1819, dengan angkatan sebanyak lapan buah kapal telah sampai di Pulau Sekijang dekat

Singapura. Esoknya, 29 hari bulan Januari tahun 1819, kapal-kapal itu telah masuk ke pelabuhan Singapura. Raffles yang telah berazam hendak memperkudakan keadaan politik kerajaan Johor masa itu terutama mengenai kedudukan kesultannya, telah naik ke darat Singapura bersama-sama William Farquhar, pergi berjumpa Temenggong Abdul Rahman, pemerintah Singapura, di rumahnya yang terletak tidak jauh dari Sungai Singapura.

Setelah berbual-bual dengan Temenggong Abdul Rahman dan telah mengetahui bahawa orang-orang Belanda tidak ada mempunyai apa-apa kepentingan di Pulau Singapura, Raffles pun memujuk Temenggong Abdul Rahman supaya membenarkan Inggeris duduk dan membangunkan loji atau gudang mereka di Singapura, dan akan melindungi Temenggong itu serta akan memberi wang juga kepada Temenggong sebanyak 3,000 ringgit tiap-tiap tahun. Mendengar pujukan dan keterangan Raffles itu, Temenggong Abdul Rahman pun bersetuju. Raffles balik semula ke kapalnya, dan petang itu juga Farquhar diperintahkan pergi ke Riau supaya memujuk Yamtuan Muda Raja Ja'afar.

Esoknya, pada 30 hari bulan Januari (1819), Raffles naik semula ke darat lalu membuat "Perjanjian Sementara" dengan Temenggong Seri Maharaja Abdul Rahman, orang besar yang memegang kuasa yang memerintah Johor dan Singapura. Surat Perjanjian Sementara itu demikian bunyinya:

"...Temenggong Seri Maharaja Abdul Rahman, Raja Singapura yang memerintah negeri Singapura dan sekalian tukun (tokong) pulau mana yang di dalam perintahnya Singapura dalam dia punya nama sendiri dan di dalam nama Seri Sultan Husain Shah Muhammad Raja Johor dengan Seri Paduka Thomas Stamford Raffles dengan segala daerahnya wakil Seri Maharaja Gabenor Jeneral di Benggala Yang Maha Mulia.

"Maka dari sebab lama bersahabat dan berdagangan perniagaan antara Kompeni Inggeris dengan negeri daerah yang di bawah perintah Singapura — Johor itu baik dibikikan (dibikinkan) pekerjaan yang patut tiada boleh putus selama-lamanya.

"Perkara yang pertama, maka boleh Kompeni Inggeris membiki (membikin) loji akan penduduk di Singapura atau lain-lain tempat yang di bawah perintah Singapura — Johor.

"Perkara yang kedua, maka dari sebab itu Kompeni Inggeris berjanji pelihara Dato' Temenggong Seri Maharaja.

"Perkara yang ketiga, darihal tanah Kompeni mahu biki (bikin) loji penduduk Kompeni bolehlah kasi pada satu tahun kepada Dato' Temenggong Seri Maharaja tiga ribu rial.

"Perkara yang keempat, maka Dato' Temenggong perjanjian selama-lamanya yang Kompeni Inggeris boleh duduk dan pelihara seperti janji ini

tiada dia boleh masuk bicara atau lepas masuk di dalam daerahnya pada segala bangsa yang lain daripada Inggeris.

"Perkara yang kelima, maka apabila datang Seri Sultan yang di jalan sam-pai di sini boleh habiskan segala perkara hal perjanjian ini dan tetapi baiklah Kompeni Inggeris boleh pilih satu tempat mahu dinaikkan bala tenteranya dengan alat perkakasnya dan menaikkan bendera Kompeni Inggeris. Maka dari itu diturunkan tandatangan dan cap kedua kita di dalam kertas ini. Tatkala diperbuat surat ini kepada empat haribulan Rabiul Akhir tahun 1232."

Oleh sebab Raffles hendak menguatkan lagi kedudukan Inggeris di Singapura, dan ia pun mengetahui keadaan kedudukan kesultanan kerajaan Johor-Riau yang sedang dipertikaikan itu, dan juga mengikut seperti yang tersebut dalam Perjanjian Sementara itu, Raffles dan Temenggong Abdul Rahman pun menghantarkan orang-orang mereka pergi ke Riau mengambil Tengku Long (Tengku Husain) dibawa ke Singapura. (Dalam *Hikayat Abdullah* ada menceritakan kisah orang yang pergi mengambil Tengku Long dan dibawa ke Singapura — lihat hikayat itu dalam bab: *Tengku Long*).

William Farquhar yang pergi ke Riau itu telah berjumpa dan memujuk Yamtuan Muda Raja Ja'afar supaya membuat perjanjian baharu dengan orang Inggeris. Tetapi pujukan itu tiada dapat diterima oleh Raja Ja'afar, kerana kerajaannya telah membuat perjanjian dengan Belanda.

Pada 1 hari bulan Februari (1819), Tengku Long telah sampai di Singapura dibawa oleh orang-orang yang menjemputnya itu. Tengku Long telah bermesyuarat dengan Temenggong Abdul Rahman fasal orang-orang Inggeris hendak menduduki Singapura itu; dan Raffles pun menerangkan pula kepada Tengku Long akan tujuannya memanggil beliau datang ke Singapura serta menyatakan apa yang hendak dibuat oleh Raffles. Pada 3 hari bulan Februari (1819) Farquhar sampai balik ke Singapura dan telah menyatakan kepada Raffles akan kegagalannya dalam rundingan dengan Yamtuan Muda di Riau itu.

Pada pagi 6 hari bulan Februari tahun 1819, dalam suatu istiadat yang telah diadakan oleh orang-orang Inggeris di padang Singapura, Thomas Stamford Raffles telah melantik Tengku Long menjadi Sultan dan bergelar Sultan Husain Muhammad Shah ibni almarhum Sultan Mahmud, Sultan Johor. Pada hari itu juga Raffles bagi pihak Kompeni Inggeris telah membuat perjanjian yang

sebenarnya dengan Sultan Husain Shah dan Temenggong Seri Maharaja Abdul Rahman Johor, dan masing-masing telah menurunkan tandatangan dan cap masing-masing pada surat perjanjian itu.

Syarat-syarat yang tersebut dalam surat perjanjian itu, bolehlah dikumpulkan maksudnya seperti yang diringkaskan di bawah ini:

- (1) Perjanjian itu ialah perjanjian persahabatan dan perikatan di antara Stamford Raffles bagi pihak Kompeni Inggeris dengan Sultan Husain Shah dan Temenggong Seri Maharaja Abdul Rahman.
- (2) Perjanjian Sementara yang telah diperbuat di antara Raffles dengan Temenggong Seri Maharaja Abdul Rahman pada 30 hari bulan Januari tahun 1819 itu telah disahkan.
- (3) Kompeni Inggeris akan membayar wang kepada Sultan Husain Shah sebanyak \$5,000/- tiap-tiap tahun selagi Inggeris mempunyai loji atau lojinya di Singapura, dan Kompeni Inggeris akan melindungi Sultan Husain Shah selagi baginda tinggal di Singapura.
- (4) Kompeni Inggeris akan membayar wang kepada Temenggong Seri Maharaja Abdul Rahman sebanyak \$3,000/- tiap-tiap tahun dan akan melindungi Temenggong itu selagi ia tinggal di Singapura.
- (5) Sultan Husain Shah dan Temenggong Seri Maharaja Abdul Rahman bersetuju membantu dan menolong Kompeni Inggeris melawan musuh-musuh yang hendak menyerang loji atau loji-loji Kompeni Inggeris yang ada atau yang akan didirikan di Singapura.
- (6) Sultan dan Temenggong tiada akan membuat perjanjian dengan sebarang bangsa lain, dan tiada akan membenarkan sebarang bangsa Eropah atau Amerika membuat tempat kediaman dalam sebarang daerah perintah mereka.
- (7) Pelabuhan Singapura hendaklah dikirakan di bawah lindungan Inggeris, dan takluk di bawah peraturan orang-orang Inggeris.
- (8) Tambahan kepada Temenggong Seri Maharaja Abdul Rahman bolehlah ia menerima separuh daripada cukai perahu bumiputera.
- (9) Belanja menyelenggarakan pelabuhan Singapura dan memungut cukai ditanggung oleh pemerintah Inggeris.
- (10) Surat perjanjian ini telah dipersetujui oleh kedua belah pihak dan telah ditandatangani di Singapura pada 6 hari bulan Februari tahun 1819.

Esoknya, pada 7 hari bulan Februari (1819) Stamford Raffles pun bertolak meninggalkan Singapura pergi menjalankan kerjanya di tempat lain pula dan memegang jawatannya di Bangkahulu. William Farquhar tinggal di Singapura jadi Residen menjalankan pemerintahan Inggeris di pulau itu.

Hanya lebih kurang sepuluh hari Stamford Raffles di Singapura yang telah mengubah perjalanan sejarah kerajaan Johor

yang dahulunya meliputi Johor, Riau, Lingga, Singapura, Pahang dan pulau-pulau di sekitarnya serta beberapa buah lagi pulau-pulau kecil di Kepulauan Riau. Kerajaan itu telah mula berpecah-pecah: Riau dan lain-lain pulau di Kepulauan Riau-Lingga tinggal dalam pengaruh Belanda dan kemudiannya langsung dikuasai sepenuhnya oleh Belanda; Singapura masuk ke dalam pengaruh Inggeris, dan tak lama kemudian lucut langsung daripada tangan raja-raja Melayu sehingga dipandang sebagai bukan lagi tanah air orang-orang Melayu; Johor akan jadi rebutan di antara keturunan Sultan Husain Shah dengan keturunan Temenggong Seri Maharaja Abdul Rahman yang akhirnya terserah ke tangan raja-raja keturunan Temenggong yang telah membentuk kesultanan baharu di negeri itu; Pahang pegangan Bendahara itu tak lama kemudian menarik diri daripada Riau-Lingga, Singapura dan Johor, dan merdeka dengan sendirinya di bawah perintah Bendahara dan keturunannya yang telah membentuk kesultannya sendiri di negeri itu.

Huraian seterusnya ini mengenai sejarah Johor, bermula daripada Sultan Husain Shah. Sejarah Singapura pada zaman baginda itu, hanya diceritakan pada tempat-tempat yang ada hubungannya dengan kesultanan dan sejarah negeri Johor.

Pendeknya, Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah itulah Sultan yang akhir sekali bagi kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang dan daerah-daerah takluknya, dan Sultan yang pertama bagi kerajaan Riau-Lingga sahaja.

Sultan Husain Shah (1819-1835):

1819. OLEH sebab Sultan Abdul Rahman di Lingga dan Yamtuan Muda Raja Ja'afar di Riau telah membuat perjanjian dan masuk di bawah pengaruh Belanda, pada 6 hari bulan Februari tahun 1819, dengan tujuan supaya orang-orang Inggeris dapat menduduki Singapura, Stamford Raffles telah melantik Tengku Long (Tengku Husain), abang Sultan Abdul Rahman (Lingga), jadi Sultan Johor-Singapura lalu Raffles membuat perjanjian dengan Sultan Husain Shah dan Temenggong Abdul Rahman, iaitu perjanjian membenarkan orang-orang Inggeris tinggal dan membangunkan gudang perniagaan mereka di Singapura. Esoknya, pada 7 hari bulan Februari (1819), Raffles telah meninggalkan Singapura, dan meninggalkan William Farquhar di Singapura, sebagai Residen, meneruskan pendudukan Inggeris di Singapura. Sejak itu mulalah Inggeris bertapak di Singapura.

Lapan hari setelah Raffles meninggalkan Singapura, Temenggong Abdul Rahman dan Sultan Husain Shah dari Singapura telah berkirim surat ke Riau, ke Lingga dan ke Melaka.

Dalam surat yang dikirinkan oleh Temenggong Abdul Rahman dari Singapura yang membahaskan dirinya anakanda kepada Yamtuan Muda Raja Ja'afar di Riau yang dibahasakannya ayahanda, demikian maksud ini surat itu:

"Suatu rombongan orang-orang Inggeris yang dipimpin oleh Raffles dan Residen Melaka (William Farquhar) telah sampai di Singapura. Residen Melaka itu telah pergi ke Riau, dan Raffles tinggal di Singapura. Kedatangan orang-orang Inggeris itu, sebenarnya tidak dengan setahu anakanda (Temenggong). Oleh sebab telah dipaksa, anakanda telah membenarkan orang-orang Inggeris itu mendarat di Singapura, membawa alat kelengkapan mereka sekali, dan langsung mereka membangunkan pondok-pondok tempat kediaman mereka ikut suka hati mereka. Tengku Long sudah sampai di

Singapura, lalu ia berjumpa Raffles, yang telah menahannya di Singapura, dijadikannya Raja, bergelar Sultan Husain Shah, dan diberinya sebuah cap, dan terpaksa anakanda mengikut sahaja semua kehendak mereka."

Demikianlah maksud yang terkandung dalam surat Temenggong Abdul Rahman kepada Yamtuan Muda Raja Ja'afar di Riau. Residen Melaka yang dikatakannya itu ialah William Farquhar, kerana dialah Residen (Inggeris) di Melaka pada masa Inggeris menyerahkan Melaka kepada Belanda dalam bulan September tahun 1818.

Dalam surat daripada Sultan Husain Shah (yang membahaskan dirinya Yang Dipertuan Selat) kepada adiknya Sultan Abdul Rahman (Yang Dipertuan Besar) di Lingga, demikian pula maksud ini surat itu:

Dengan kehendak Allah Ta'ala ke atas hambaNya, telah berlakulah perkara yang tidak disangka-sangka; Abang Johor yang disuruh oleh Temenggong Abdul Rahman, tengah-tengah malam telah sampai ke Riau, dan memberitahu kepadanya (Tengku Long) iaitu suatu pasukan soldadu Inggeris yang ramai dengan beberapa buah kapal mereka telah sampai ke Singapura; dengan tiada kebenaran daripada Temenggong, soldadu Inggeris itu telah naik ke darat. Oleh sebab risau dan bingung memikirkan hal itu dan hal anak lelakinya yang ada di Singapura, dengan tidak memikirkan apa-apa lagi, dan dengan tiada memberitahu lebih dahulu kepada bonda dan kepada Yamtuan Muda Raja Ja'afar, ia (Tengku Long) telah meninggalkan Riau pergi ke Singapura. Sejak sahaja ia sampai di Singapura, ia telah ditemui oleh Raffles, yang telah menahannya di Singapura, lalu dilantiknya jadi Raja; dia tak dapat berbuat apa-apa lagi melainkan mengikut sahaja apa kata Raffles. Dia telah jatuh ke tangan Inggeris, yang tidak membenarkan dia meninggalkan Singapura walaupun sebentar sahaja kerana hendak mengambil anak isterinya di Riau, itu pun tidak dibenarkan oleh Raffles; Raffles hendak menghantarkan orang lain pergi mengambil anak isterinya di Riau untuk dibawa ke Singapura.

Demikianlah maksud dalam surat Sultan Husain Shah kepada adiknya Sultan Abdul Rahman di Lingga.

Tidaklah diketahui siapakah yang dikatakan oleh Sultan Husain Shah *Abang Johor* itu. Tetapi mengikut orang Inggeris mengatakan: Raffles telah memberikan wang sebanyak \$500/- tiap-tiap seorang kepada orang-orang yang bernama "Raja Embong" dan "Wan Abdullah" yang telah mengambil Tengku Long untuk dibawa ke Singapura. Dalam *Hikayat Abdullah* pula menyebutkan: orang yang telah disuruh oleh Raffles dan Temenggong Abdul Rahman pergi mengambil Tengku Long itu bernama Raja Embong

juga, pangkat saudara juga kepada Tengku Long. Oleh sebab itu dipercayai *Abang Johor* yang dikatakan oleh Sultan Husain itu ialah "Raja Embong".

Dalam surat Sultan Husain Shah (Yang Dipertuan Selat) yang membahasakan dirinya anakanda, kepada Yamtuan Muda Raja Ja'afar di Riau yang dibahasakannya ayahanda, demikian pula maksud isi surat itu.

Pada tengah-tengah malam *Abang Johor* telah memberitahu kepadanya (Tengku Long) iaitu baharu-baharu ini beberapa buah kapal telah sampai di Singapura dan telah mendaratkan soldadu-soldadunya serta alat kelengkapannya sekali. Oleh sebab sangat terkejut dan bimbang mendengar khabar yang dengan tiba-tiba sahaja telah berlaku itu, malam itu juga ia telah meninggalkan Riau dengan tiada memberitahu kepada bondanya dan kepada Yamtuan Muda Raja Ja'afar. Sampai di Singapura ia telah berjumpa Raffles, yang telah memaksanya tinggal di Singapura, langsung Raffles melantiknya menjadi Raja dengan gelaran Sultan Husain Shah, dan diberinya sebuah cap. Sultan Husain meminta ampun dan maaf kepada Yamtuan Muda Raja Ja'afar, dan ia yakin Yamtuan Muda itu akan memaafkannya sehingga dunia akhirat; dia tetap menghormati Yamtuan Muda itu. Raffles minta supaya anak isteri Sultan Husain yang tinggal di Riau itu dihantarkan oleh Raja Tua dan Ence' Saban ke Singapura; dan Ence' Saban akan menjaga semua harta pesaka daripada almarhum ayahandanya, sama ada harta yang didapati daripada cukai kapal-kapal yang datang dari negeri China, ataupun daripada pasar-pasar perniagaan orang Cina, ataupun yang didapati daripada rumah cukai, semua itu dikehendakinya kerana ia hendak membayar hutangnya dan menanggung perbelanjaan memindahkan anak isterinya ke Singapura. Pada setiap waktu Sultan Husain berserah kepada Allah dan RasulNya dan kemudian kepada Yamtuan Muda Raja Ja'afar.

Demikianlah maksud isi surat daripada Sultan Husain Shah dari Singapura kepada Yamtuan Muda Raja Ja'afar di Riau.

Di antara ketiga-tiga surat itu, hanya surat daripada Sultan Husain Shah kepada adiknya Sultan Abdul Rahman di Lingga itu sahaja yang didapati bertarikh, iaitu pada 20 haribulan Rabiul Akhir Tahun Hijrah 1234 (bersamaan dengan 15 hari bulan Februari tahun 1819). Surat yang lain-lain itu pun dipercayai kira-kira dalam masa itulah juga telah dikirimkan kepada tiap-tiap seorang.

Selain daripada itu, bersama-sama dengan surat-surat yang disebutkan di atas itu, Temenggong Abdul Rahman telah berkirim surat pula kepada Adriaen Koek yang pada masa itu menjadi seorang daripada ahli Majlis Mesyuarat pemerintah di Melaka. Demikian maksud isi surat itu:

Sebuah angkatan orang-orang Inggeris mengandungi tujuh buah kapal besar dan dua buah kapal kecil, dipimpin oleh Raffles dan Farquhar telah sampai ke Singapura dan semua orang di Singapura sangat terkejut. Sebelum ia (Temenggong) sempat memberitahu ke Melaka atau ke Riau, orang-orang Inggeris itu telah naik ke darat dengan alat kelengkapan mereka sekali. Oleh sebab terkejut mendengarkan banyak kapal datang ke Singapura itu, dan bimbang pula anak lelakinya yang ada di Singapura, Tengku Long telah sampai ke Singapura. Tengku Long bermesyuarat dengan Raffles, langsung dia ditahan oleh Raffles di Singapura, lalu dilantiknya Tengku Long menjadi Sultan di Singapura. Sekarang orang-orang Inggeris itu sedang mendirikan sebuah lojinya di Singapura. Penutup surat ini, Temenggong Abdul Rahman berharap persahabatannya dengan Belanda tidak akan putus selamlamanya.

Begitulah maksud isi surat Temenggong Abdul Rahman di Singapura yang dikirimkannya kepada Adriaen Koek di Melaka.

Tiada lama selepas itu, Gabenor Belanda di Melaka, Timmerman Thyssen, telah menulis surat kepada Gabenor Inggeris di Pulau Pinang, Kolonel Bannerman, mengatakan orang-orang Inggeris dapat menduduki Singapura baharu-baharu ini, ialah dengan cara paksa, bukan dengan sesuka hati ketua-ketua bumiputera di pulau itu.

Perkara itu telah disampaikan juga kepada Residen Farquhar di Singapura. Oleh sebab itu pada 1 haribulan Mac (1819), Farquhar telah meminta Temenggong Abdul Rahman menulis sepucuk surat pengakuan berhubung dengan surat yang telah dikirimkannya kepada Adriaen Koek itu. Dalam surat pengakuan Temenggong Abdul Rahman, bertarikh 1 hari bulan Mac tahun 1819, Sultan Husain Shah pun turut sama membubuh cap baginda pada surat itu. Isi surat pengakuan Temenggong Abdul Rahman itu, demikian maksudnya:

Ketahui oleh sekalian orang, iaitu sahabat kita Major William Farquhar, Residen Inggeris di Singapura, telah meminta kepada kita menyatakan adakah atau tidak kita telah menulis surat atau surat-surat dikirirkan kepada Gabenor Melaka (Belanda) atau kepada sesiapa di bawah perintahnya, atau kepada Yamtuan Muda Riau menyatakan adalah loji yang baharu didirikan oleh orang-orang Inggeris di sini (Singapura) ialah dengan paksa dan tidak dengan kebenaran kita. Oleh sebab itu, kita sekarang dengan bebas mengaku, iaitu sebenarnya kita telah menulis surat kepada Adriaen Koek dan kepada Yamtuan Muda Riau berkenaan dengan kejadian yang disebutkan itu; tetapi tujuan kita menulis itu, ialah kerana kkuatirkan balasan dendam dari pihak Belanda ke atas kita pada masa yang akan datang. Tetapi sekarang, dengan bersaksikan Allah dan RasulNya, kita menyatakan adalah orang-orang Inggeris telah menduduki Singapura ialah dengan kebenaran dan persetujuan kita sendiri; dan sejak dari mula sampai

Yang Berhormat Sir Stamford Raffles, semua soldadu dan harta benda yang dinaikkan ke darat Singapura, ataupun apa-apa yang dikerjakan di Singapura, ialah dengan persetujuan kita dan Sultan Johor. Sebagai tanda menunjukkan pengakuan kita ini benar, inilah kami berdua membubuh cap kami masing-masing pada surat pengakuan ini. Singapura, pada 1 hari bulan Mac, 1819.

Pengakuan daripada Temenggong Seri Maharaja Abdul Rahman itu telah digunakan juga oleh Farquhar dalam keterangannya kepada Gabenor Bannerman di Pulau Pinang berhubung dengan tuduhan Gabenor Belanda di Melaka itu.

Kira-kira dalam bulan itu juga (1819), Temenggong Abdul Rahman telah menulis surat kepada Bendahara Tun Ali di Pahang menyatakan hal yang telah berlaku di Singapura — Inggeris telah menduduki Singapura dan Tengku Long telah dilantik menjadi Sultan. Surat itu telah dijawab oleh Bendahara Tun Ali yang menyatakan: ia tidak bercadang hendak masuk campur dalam hal-hal yang berlaku di Singapura itu; taat setianya tetap juga ke Daik (Lingga); apa-apa hal mengenai negeri Pahang, dia tidak akan bertanya ke Singapura, melainkan ke Daik juga.

Bendahara Tun Ali telah menulis surat kepada Gabenor Timmerman Thyssen di Melaka; dalam surat itu Tun Ali telah menyindir mengatakan: kehairanannya akan perbuatan orang-orang Inggeris di Singapura itu, iaitu suatu perbuatan yang telah menceraikan orang adik-beradik, anak beranak dan sahabat handai; mereka berniat jahat sambil pura-pura menunjukkan merekalah sahabat kepada sahabat-sahabat raja Johor. Surat daripada Bendahara Tun Ali itu dibubuhnya cap yang bertulis *Wakil Sultan Mahmud* (almarhum); pada hal Sultan Mahmud telah lama mangkat. Pada masa itulah Bendahara Tun Ali tidak membenarkan bendera Inggeris dikibarkan di negeri Pahang, dan telah menyatakan juga kepada Sultan Abdul Rahman di Lingga (Daik) yang ianya tetap menumpukan taat setia ke Daik. Akan tetapi tiada lama kemudian daripada itu, Bendahara Tun Ali telah mengakui juga kesultanan iparnya Sultan Husain Shah di Singapura itu.

Dalam tahun 1819 itu juga, anak isteri Sultan Husain Shah telah dibawa pindah dari Riau ke Singapura dan tinggal di istana baginda yang diuntukkan dalam kawasan yang disebut Kampong Gelam; tetapi masa itu kawasan di sebelah belakang istana baginda itu masih penuh berhutan.

Pada 31 hari bulan Mei (1819), Raffles telah datang lagi ke Singapura iaitu dalam pelayarannya hendak ke Bangkahulu. Kali ini ia tinggal di Singapura hingga 28 haribulan Jun (1819), ia pun balik ke Bangkahulu. Pada masa Raffles datang ke Singapura itu, ia dengan Farquhar sibuk dengan kerja-kerja mengatur bandar dan lain-lain hal berhubung dengan Singapura. Dalam pada itu, pada 26 haribulan Jun (1819) sempat pula ia membuat suatu surat yang telah ditandatangani sendiri, serta Farquhar, Sultan Husain Shah dan Temenggong Abdul Rahman berkenaan dengan beberapa perkara mengenai Singapura yang akan ditinggalkannya dalam perintah Residen Farquhar bersama-sama dengan Sultan Husain dan Temenggong Abdul Rahman.

1822. Mengikut riwayat orang-orang Belanda: oleh hasutan Inggeris, pada masa Sultan Abdul Rahman (Lingga) di negeri Trengganu, telah beberapa kali Sultan Husain berikhtiar hendak mendapatkan alat kebesaran kerajaan Johor-Riau yang ada dalam simpanan Raja Hamidah (Engku Puteri) di Pulau Penyengat itu; bahkan pernah baginda menawarkan wang sebanyak 50,000 ringgit Sepanyol hendak mendapatkan alat-alat kebesaran itu; tetapi tidak juga berjaya. Akhirnya, dalam bulan Oktober tahun 1822, Timmerman Thyssen, Gabenor Belanda di Melaka dengan diiringi oleh Adriaen Koek telah pergi ke Pulau Penyengat, Riau; kemudian dengan diikuti oleh satu pasukan askar-askar Belanda bersenjata senapang yang telah siap berisi peluru, beliau telah masuk ke istana Raja Hamidah lalu mengambil alat kebesaran itu dari simpanan Raja Hamidah, lalu alat-alat itu dibawa ke Melaka disimpan oleh pemerintah Belanda.

Tuhfatu'n-Nafis menceritakan: "...maka datanglah Raja Melaka, Timmerman Thyssen, bermesyuarat dengan Yang Dipertuan Muda (Raja Ja'afar) maka lalu mengambil kerajaan Johor kepada tangan Engku Puteri dengan muslihat yang patut dikatakan kepada raja-raja perempuan. Maka dibawanya kerajaan itu ke negeri Melaka".

1823. Dalam bulan Februari tahun 1823, beberapa orang ketua kampung di tepi Sungai Johor telah meminta kebenaran kepada pemerintah Inggeris di Singapura hendak mengibarkan bendera Inggeris di negeri Johor, kerana mereka takut kalau-kalau orang-

orang dari Riau yang bersahabat dengan Belanda itu datang dan menduduki negeri Johor langsung mengirakan negeri Johor itu takluk di bawah kuasa kerajaan Riau-Lingga. Dalam suatu majlis yang dihadiri juga oleh Stamford Raffles dan Temenggong Abdul Rahman, tetapi dipercayai tentulah mengikut rancangan Raffles, Sultan Husain Shah telah memberikan sehelai bendera Inggeris kepada seorang penghulu yang datang dari Johor dan bendera itu akan dikibarkan di negeri Johor, supaya jangan berani orang-orang dari Riau-Lingga yang bersahabat dengan Belanda itu datang menduduki atau hendak menguasai negeri Johor.

Pada 11 hari bulan Mac tahun 1823 itu juga, Residen William Farquhar di Singapura telah ditikam oleh seorang yang bernama Saiyid Yasin. Farquhar tidak mati, melainkan Saiyid Yasin telah mati dibunuh oleh anak William Farquhar yang bernama Andrew Farquhar. Selepas kejadian itu dengan cadangan Raffles Temenggong Abdul Rahman yang tinggal dekat Sungai Singapura itu, berpindah ke tempat yang dipilih oleh Temenggong itu sendiri, iaitu di tempat yang bernama Telok Belanga, di bahagian barat Pulau Singapura, dan di situ pula Temenggong Abdul Rahman membuat istananya. (Kisah yang lebih lanjut dan menarik hati berkenaan dengan hal ini, ada diceritakan oleh Abdullah Munsyi dalam hikayatnya).

Sebelum Raffles meninggalkan Singapura pada kali penghabisannya, pada 7 hari bulan Jun tahun 1823 Raffles telah membuat suatu perjanjian baharu pula dengan Sultan Husain Shah dan Temenggong Abdul Rahman. Dalam perjanjian itu antara lain ada menyebutkan:

Sultan Husain akan menerima pembayaran wang sebanyak \$1,500/- tiap-tiap bulan, dan Temenggong Abdul Rahman \$800/- tiap-tiap bulan. Sultan dan Temenggong tiada boleh lagi menerima cukai dari tongkang-tongkang Cina dan orang-orang Cina yang datang dan keluar dari Singapura. Seluruh Pulau Singapura dan pulau-pulau yang berdekatan dengannya, kecuali kawasan tanah yang diuntukkan bagi tempat kediaman Sultan dan Temenggong, boleh dibuat apa sahaja oleh pemerintah Inggeris. Residen Inggeris di Singapura boleh mendahulukan wang kepada Sultan mencukupi untuk baginda menyiapkan sebuah masjid yang elok berhampiran dengan istana baginda (di Kampong Gelam), dan juga menolong Temenggong Abdul Rahman pindah membuat tempat kediaman-

nya di tempat yang dipilihnya sendiri (Telok Belanga). Sultan dan Temenggong tidak perlu menghadirkan diri mereka dalam mahkamah (menolong menghakimkan percicaraan) pada tiap-tiap hari Isnin itu; tetapi, dengan hormat dinyatakan, baginda kedua dibenarkan hadir di tempat duduk orang ramai yang disediakan dalam mahkamah itu, jika mereka hendak hadir. Pada masa ini pemerintah Inggeris tidak mencampuri urusan negeri dan pulau-pulau takluk baginda kedua yang di luar daripada Pulau Singapura dan pulau-pulau yang berdekatan dengannya.

Pada 9 hari bulan Jun tahun 1823, setelah Raffles melantik seorang pegawai Inggeris bernama John Crawfurd, menggantikan Major William Farquhar jadi Residen di Singapura, Raffles pun bertolak meninggalkan Singapura bagi kali penghabisan.

Dalam bulan Ogos (1823), pihak berkuasa Kompeni Inggeris di Benggala telah memerintahkan Residen Singapura (John Crawfurd) menurunkan bendera Inggeris yang dikibarkan di negeri Johor itu, dan Crawfurd pun memanjangkan perintah itu kepada orang-orang di Johor supaya jangan lagi mengibarkan bendera Inggeris di negeri Johor, dan Crawfurd pun yakin perintahnya itu telah dijalankan.

Dalam bulan November tahun 1823 itu juga, Sultan Abdul Rahman (Lingga) yang sudah lama tinggal di Trengganu itu telah dipanggil oleh Yamtuan Muda Raja Ja'afar balik ke Riau. Sultan Abdul Rahman telah berangkat ke Riau. Tiada lama selepas itu, datang seorang panglima perang laut Belanda dari Melaka dengan sebuah kapal perang membawa alat-alat kebesaran kerajaan Johor-Riau yang diambil dari Raja Hamidah dahulu, diserahkan balik kepada Yamtuan Muda Raja Ja'afar di Riau. Setelah itu Yamtuan Muda Raja Ja'afar pun menabalkan Sultan Abdul Rahman sekali lagi di Riau dengan adat istiadatnya lengkap dengan alat kebesaran itu, dan dalam suatu istiadat besar pula Yamtuan Muda itu telah menyerahkan alat-alat kebesaran itu kepada Sultan Abdul Rahman. Setelah itu Sultan Abdul Rahman pun berangkat balik ke Lingga.

Dalam bulan itu juga, dengan perintah Yamtuan Muda Raja Ja'afar, satu pasukan orang-orang dari Riau yang diketuai oleh Dato' Shahbandar Abdullah Riau serta dibantu oleh dua orang pegawai Belanda, telah datang ke negeri Johor (di Johor Lama). Mereka dapati bendera Inggeris masih dikibarkan juga di Johor Lama pada tiap-tiap hari Ahad dan pada tiap-tiap hari cuti. Orang

besar Riau dan pegawai Belanda yang datang itu telah menurunkan bendera Inggeris itu, dan atas nama Sultan Abdul Rahman Lingga telah mengibarkan pula bendera kerajaan Johor-Riau serta bendera Belanda juga sebagai lambang menunjukkan bahawa negeri Johor ialah sebahagian daripada daerah takluk Riau-Lingga. Setelah itu Dato' Shahbandar Abdullah pun balik ke Riau melaporkan kepada Yamtuan Muda Raja Ja'afar akan pekerjaan yang telah dijalankan-nya di negeri Johor itu.

Beberapa orang ketua di negeri Johor telah datang mengadu dan membantah perbuatan orang Riau dan Belanda itu kepada Sultan dan Temenggong di Singapura. Sultan dan Temenggong telah mengemukakan pula bantahan itu kepada Residen Crawfurd, dan minta halaukan orang-orang Riau dan Belanda yang datang ke negeri Johor. Sejak itu baharu Crawfurd tahu bahawa perintahnya suruh menurunkan bendera Inggeris di negeri Johor dalam bulan Ogos yang lalu rupanya tidak diikuti oleh orang-orang Johor. Crawfurd telah menerangkan kepada Sultan dan Temenggong bahawa pemerintah Inggeris tiada dapat membantah perbuatan kerajaan Riau yang dibantu oleh pegawai-pegawai Belanda di negeri Johor itu, kerana dalam perjanjian yang telah dibuat oleh Inggeris dengan Sultan Husain dan Temenggong Abdul Rahman, tidak ada tersebut syarat-syarat yang membolehkan orang-orang Inggeris masuk mencampuri hal ehwal di negeri Johor, Residen Crawfurd telah meminta Sultan Husain dan Temenggong Abdul Rahman serta orang-orang di negeri Johor itu bersabar dahulu.

Sungguhpun negeri Johor dipandang oleh raja-raja Riau-Lingga sebagai daerah takluknya, tetapi Sultan Husain Shah dan Temenggong Abdul Rahman di Singapura masih menjalankan pemerintahan mereka di negeri Johor. *Tuhfatu'n-Nafis* menceritakan: "Maka di dalam hal itu Yang Dipertuan Selat dan Dato' Temenggong Abdul Rahman melakukan juga akan perintahnya di dalam negeri Johor, seperti menjalankan adat sehari-hari tatkala Yang Dipertuan Selat bersama-sama Yang Dipertuan Muda di Riau masih belum digelarkan oleh Inggeris Sultan Husain, demikianlah juga dilakukannya".

1824. Berhubung dengan kejadian yang telah berlaku di negeri Johor dalam bulan November tahun 1823 itu, Residen Crawfurd di Singapura telah memberitahu hal itu kepada Gabenor-Jeneral

Kompeni Inggeris di Benggala dalam suratnya yang bertarikh pada 10 hari bulan Januari tahun 1824. Dalam surat itu juga Crawfurd telah menerangkan kesulitan-kesulitan dalam menjalankan pemerintahan di Singapura kerana masih bersama juga dengan Sultan dan Temenggong, dan Crawfurd mencadangkan pula supaya Singapura diambil terus oleh Kompeni Inggeris dari tangan Sultan Husain dan Temenggong Abdul Rahman. Crawfurd telah meminta kepada Gabenor-Jeneralnya itu supaya membenarkan dia menjalankan tindakannya mengambil Singapura untuk dijadikan hak milik Inggeris.

Dalam jawapan surat daripada Gabenor-Jeneral Kompeni Inggeris di Benggala kepada Residen Crawfurd di Singapura bertarikh pada 5 hari bulan Mac tahun 1824, Gabenor-Jeneral itu telah menyatakan persetujuannya dengan cadangan Crawfurd itu. Sungguhpun surat perjanjian yang telah dibuat oleh Raffles dengan Sultan Husain dan Temenggong Abdul Rahman pada 7 hari bulan Jun tahun 1823 itu telah menjadikan kuasa Inggeris di Singapura bertambah lagi daripada tahun 1819 dahulu, tetapi hak kedaulatan dan hak-hak politik Inggeris di pulau itu masih dalam keadaan yang kurang baik, dan penyerahan pulau itu menjadi hak milik Inggeris patut disegerakan.

Sejak orang Belanda datang balik menduduki Melaka pada akhir tahun 1818 hingga masa ini, orang-orang Inggeris dan Belanda masih dalam persaingan berebut kuasa politik dan perniagaan di negeri-negeri sebelah sini. Akhirnya, pada 17 hari bulan Mac tahun 1824, orang-orang Inggeris dan Belanda telah membuat perjanjian di bandar London, dan dalam perjanjian itu mereka sendiri telah membahagi dua negeri-negeri di Nusantara ini menjadi lapangan penjajahan mereka dengan menyatakan: orang-orang Belanda telah bersetuju tidak akan mencampuri hal ehwal atau menduduki negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu atau membuat perjanjian dengan raja-rajanya; dan orang-orang Inggeris pun bersetuju tidak akan menduduki Pulau Kerimun dan lain-lain pulau di Kepulauan Riau-Lingga atau lain-lain pulau yang letaknya di selatan daripada Singapura; Melaka diserahkan balik kepada Inggeris, dan Bangkahulu yang dalam tangan Inggeris itu diserahkan kepada Belanda; Pulau Kerimun dan Pulau Buru yang tiada berapa jauh dari Singapura itu termasuk ke dalam perintah Riau-Lingga. Itulah di antara ketetapan-ketetapan yang telah

diperbuat oleh orang-orang Inggeris dengan Belanda sama sendiri mengenai negeri-negeri di Nusantara ini dan seorang pun daripada wakil-wakil pemerintah yang mempunyai negeri-negeri itu tidak ada dalam perundingan membuat perjanjian itu. Dan sejak itu nampaknya kerajaan Riau-Lingga yang bersahabat dengan Belanda itu tidak lagi menuntut negeri Johor sebagai daerah takluknya.

Pendeknya, perjanjian Inggeris-Belanda pada 17 hari bulan Mac tahun 1824 itu, telah membuat suatu garisan yang memisahkan negeri-negeri Melayu berpecah dua; dari Singapura ke utara ditetapkan mereka jadi kawasan penjajahan Inggeris, dan tempat-tempat di selatan Singapura hingga ke selatan lagi dijadikan kawasan penjajahan Belanda. Sejak itu juga jelaslah: kerajaan Johor yang dahulunya meliputi Johor, Riau, Lingga, Pahang, Singapura, Kerimun, Buru, Bulang dan lain-lain pulau di seluruh Kepulauan Riau-Lingga yang merupakan sebuah kerajaan empayar itu, telah dipecah-pecahkan oleh Inggeris-Belanda, dan bertepatan seperti kata Bendahara Tun Ali Pahang dahulu: telah menceraikan orang adik-beradik, anak beranak, sahabat handai, dan ditambah lagi: telah menceraikan satu bangsa yang serumpun, iaitu rumpun bangsa Melayu, berpecah dua.

Sejak diperbuat perjanjian yang memisahkan politik kenegaraan rumpun bangsa Melayu itu, Residen Crawford di Singapura pun berusaha menjalankan tipu muslihatnya hendak menjadikan Singapura yang dipunyai oleh raja-raja Melayu itu menjadi hak milik orang-orang Inggeris.

Abdullah Munsyi yang pada masa itu ada di Singapura, dan berkenalan dengan beberapa orang putih di situ serta tahu benar-benar hal di Singapura masa itu, telah menceritakan dalam hikayatnya betapa Residen Crawford telah menjalankan helah tipu dayanya merampas Singapura daripada kuasa Sultan Husain dan Temenggong Abdul Rahman hingga terserah langsung kepada Inggeris. Crawford telah menahan wang pembayaran bulanan kepada Sultan Husain dan Temenggong Abdul Rahman sampai tiga bulan terturut-turut dengan dalih yang dikatakan oleh Crawford pada masa itu Kompeni Inggeris tiada mempunyai wang, hingga Sultan dan Temenggong kesempitan wang yang amat sangat hendak menyelenggarakan tanggungan mereka, sampai mereka berhutang bergadai.

Dalam masa mereka kesempitan wang itulah Crawford

mengambil peluang mengemukakan maksudnya kepada Sultan dan Temenggong, sebagai mempelawakan air kepada orang yang sedang kehausan di padang pasir, supaya mereka menyerahkan Singapura kepada Inggeris dengan syarat Sultan akan diberi wang hadiah sebanyak \$33,200/- (Wang Sepanyol) dan gaji Sultan, selagi ada hayat baginda, ditetapkan sebanyak \$1,300/- tiap-tiap bulan; dan Temenggong diberi wang hadiah sebanyak \$26,800/- dan gaji tiap-tiap bulan, selagi ada hayatnya \$700/-. Selain daripada itu, jika Sultan Husain dan Temenggong Abdul Rahman mahu pindah keluar dari Singapura, Inggeris akan menambah memberi wang hadiah lagi kepada Sultan sebanyak \$20,000/- dan kepada Temenggong \$15,000/-.

Perbuatan Residen John Crawfurd bagi pihak Kompeni Inggeris terhadap Sultan Husain dan Temenggong Abdul Rahman seperti itulah yang dipandang oleh orang-orang Melayu sekarang, sebagai suatu perbuatan tipu daya yang disalutkan dengan wang ringgit. Sebelum itu hendak membayar wang pembayaran bulanan kepada mereka tiap-tiap bulan, mengikut perjanjiannya, Crawfurd mengatakan Kompeni Inggeris tiada mempunyai wang; tetapi apabila hendak mengambil Singapura daripada mereka, dan hendak *menghalau* mereka keluar dari Singapura dengan wang, ada pula Kompeni Inggeris mempunyai wang!

Sultan dan Temenggong yang telah mencungap kesempatan wang itu, tentu sahaja bersetuju dengan tawaran perangkap yang dihidangkan oleh Crawfurd itu. Akhirnya, pada 2 hari bulan Ogos tahun 1824, diperbuat perjanjian di antara Residen Crawfurd bagi pihak Kompeni Inggeris dengan Sultan Husain Shah dan Temenggong Abdul Rahman menyerahkan langsung Pulau Singapura dan pulau-pulau yang berdekatan dengannya kepada Inggeris menjadi hakmilik Inggeris, dan sejak itu hilanglah kuasa Sultan Husain dan Temenggong Abdul Rahman di pulau itu. Tetapi Sultan Husain dan Temenggong Abdul Rahman dibenarkan juga tinggal di Singapura.

Pendeknya, dengan kepandaian John Crawfurd, sebagai pegawai penjajah, Singapura telah diambil langsung oleh Inggeris daripada tangan raja-raja Melayu yang telah turun-temurun mempunyai hak kuasa pertuanan di pulau itu, bukan dengan perang melainkan dengan kepandaian tipu daya menggunakan wang ringgit pada ketika orang-orang yang diperdayakan itu betul-betul

dalam kesempitan wang, dan hendak menjaga taraf kedudukan mereka pula sebagai raja-raja dalam negeri. Menepatilah seperti kata peribahasa Melayu: *Si Bodoh makanan Si Cerdik!*

Sungguhpun Inggeris dan Belanda telah menetapkan Pulau Kerimun masuk ke dalam perintah kerajaan Riau-Lingga yang di bawah pengaruh Belanda itu, tetapi Sultan Husain dan Temenggong Johor masih mengirakan pulau itu di bawah perintah Johor, kerana dahulu pun pulau itu memang di bawah tadbir Temenggong.

1825. Dalam tahun 1825, seorang pegawai tinggi Belanda dari Betawi bernama van Angelbeek telah datang ke Riau membuat perjanjian baharu dengan Sultan Abdul Rahman dan Yamtuan Muda Raja Ja'afar bagi pihak kerajaan Riau-Lingga. *Tuhfatu'n-Nafis* menyebutkan: pada masa itulah Angelbeek telah menerangkan kepada pemerintah Riau-Lingga fasal "tanah-tanah di bawah angin ini (maksudnya tanah dan pulau-pulau Melayu — Nusantara) telah dibahagi dua oleh Inggeris dan Belanda, iaitu "mana-mana pihak tanah Melayu di sebelah kanan kapal Anjiman (kapal Kompeni Inggeris) pergi ke negeri China iaitu bahagian gobermen Belanda, dan mana-mana yang di sebelah kirinya hak bahagian gobermen Inggeris. Ada pun Johor Pahang lepaslah daripada bahagian Sultan Abdul Rahman".

Pada 8 hari bulan Disember tahun 1825 itu juga, Temenggong Seri Maharaja Abdul Rahman, Temenggong Johor, telah mangkat di istananya di Telok Belanga, Singapura. Sungguhpun ada putera sulungnya bernama Daing Abdullah, tetapi oleh sebab fikirannya tidak siuman, putera almarhum itu yang bernama Daing (atau Tun) Ibrahim (disebut juga namanya: Daing Ronggek, Daing Kechil dan Tengku Chik) telah menggantikan almarhum ayahandanya menjadi Temenggong Seri Maharaja Johor, bersemayam di Telok Belanga juga, dan menerima wang pencen daripada Kompeni Inggeris sebanyak \$250/- tiap-tiap bulan. (Kemudiannya, mulai tahun 1840 dinaikkan lagi jadi \$350/- tiap-tiap bulan. Mengikut perjanjian yang telah dibuat oleh Kompeni Inggeris dengan almarhum ayahandanya, tidaklah Kompeni Inggeris diwajibkan membayar wang pencen itu kepada Temenggong Daing Ibrahim; tetapi oleh sebab Kompeni Inggeris menimbangkan bahawa almarhum ayahandanya itu belum pun lama menerima pembayaran tiap-tiap bulan

daripada Kompeni Inggeris itu, patutlah Temenggong yang baharu itu pun diberi pencen tiap-tiap bulan seperti yang disebutkan itu.

Oleh sebab Sultan Husain mengirakan Pulau Kerimun yang tiada berapa jauh dari Singapura itu daerah takluk Johor, baginda telah menghantarkan seorang peranakan Arab bernama Saiyid Akil sebagai wakil baginda pergi tinggal di pulau itu dan berusaha mengeluarkan hasil bijih timah di situ. Sultan Husain telah membenarkan juga seorang Inggeris bernama Cox mengeluarkan bijih timah di Pulau Kerimun.

1826. Pada 14 hari bulan Ogos tahun 1826, John Crawford telah berhenti daripada jawatannya di Singapura, digantikan oleh seorang pegawai Inggeris bernama Prince jadi Residen di Singapura. Dalam tahun 1826 itu juga Singapura dan Melaka telah disatukan menjadi jajahan kepada Pulau Pinang; ketiga-tiganya menjadi suatu *Jajahan Syarikat* Kompeni Inggeris di Tanah Melayu yang biasa disebut *Straits Settlements* (Negeri-negeri Selat) di bawah tadbir Gabenornya yang tinggal di Pulau Pinang.

1827. Dalam bulan Julai tahun 1827, Sultan Husain di Singapura telah mendengar berita-berita mengatakan: Sultan Abdul Rahman, Sultan Riau-Lingga, telah menyerahkan Pulau Kerimun kepada Belanda, dan Residen Belanda di Riau berkehendakkan Sultan Husain menarik keluar orangnya yang mendiami pulau itu. Tetapi berita itu tidak dipedulikan oleh Sultan Husain.

Pada 13 hari bulan Ogos (1827), Residen Belanda di Riau, bernama C.P.J. Elout, telah memberitahu kepada Residen Inggeris di Singapura: kerajaan Belanda tidak akan mengibarkan benderanya di Pulau Kerimun, melainkan Sultan Abdul Rahman, Sultan Riau-Lingga itulah yang akan menguatkan lagi haknya di pulau itu sebagai daerah takluk kerajaan Riau-Lingga. Pada masa itu juga Yamtuan Muda Raja Ja'afar di Riau telah memberitahu pula kepada Sultan Husain, iaitu adinda baginda Sultan Abdul Rahman akan mengibarkan bendera kerajaan Riau-Lingga di Pulau Kerimun. Maksud Yamtuan Muda itu nyatalah hendak menyatakan kepada Sultan Husain bahawa Pulau Kerimun itu bukannya daerah takluk Johor, atau daerah takluk Sultan Husain, dan orang-orang Sultan Husain tiada berhak menduduki pulau itu.

Tuhfatu'n-Nafis menceritakan: "...dan beberapa Yang Diper-

tuan Muda memberi surat dan menyuruh menyatakan hal ehwal perbatasan itu, maka tiada juga Yang Dipertuan Selat mengikut".

Tuhfatu'n-Nafis menceritakan lagi: "...ada pun Yang Dipertuan Muda Raja Ja'afar, sepeninggalan saudaranya Raja Ahmad itu pergi haji ke Makkatu'l-Musyarrafah, maka ia pun bermesyuaratlah dengan Residen Riau iaitu Tuan Elout serta paduka kekanda Engku Saiyid Muhammad Zain Al-Kudsi pada pekerjaan Yang Dipertuan Selat melalui perbatasan yang sudah dibahagikan oleh Inggeris dan Belanda itu. Maka Yang Dipertuan Selat tiada jua menghiraukan perbatasan itu, disuruhnya orang-orangnya iaitu Saiyid Akil membuka lombong timah di Pulau Kerimun itu, seperti Ungar, Buru dan Kundor dan tempat-tempat kediaman seperti Murah dan Sugi, maka lagi dilakukannya seperti tatkala ia berada di Riau. Maka beberapa kali Yang Dipertuan Muda memberi surat dan nasihat melarang daripada melakukan perbatasan itu, maka tiada juga dipedulikannya. Saiyid Akil telah mendirikan rumah di Pulau Kerimun serta mengumpulkan orang-orang Cina dan orang-orang Melayu untuk menggali bijih timah di Pulau Kerimun itu. Maka begitulah punca perkelahian dan persengketaan di antara kedua-dua adanya."

Dalam bulan Ogos (1827) itu juga, Sultan Husain telah meminta kepada Residen Inggeris di Singapura (Prince) supaya menahan orang-orang Belanda menduduki Pulau Kerimun. Residen itu telah menyatakan kepada Sultan Husain bahawa pihak berkuasa Kompeni Inggeris tiada dapat menyempurnakan permintaan baginda itu, kerana pulau itu di luar daripada kawasan perintah Singapura. Dalam pada itu baginda bebas boleh berbuat apa-apa yang baginda fikirkan patut dalam keadaan darurat yang sedang berlaku itu.

Tiada lama selepas itu, Yamtuan Muda Raja Ja'afar telah menghantarkan suatu rombongan orang-orangnya dari Riau diketuai oleh Engku Saiyid Muhammad Zain Al-Kudsi pergi mengibarkan bendera di Pulau Kerimun. Peristiwa itu ada tersebut dengan terangnya dalam *Tuhfatu'n-Nafis*.

Tuhfatu'n-Nafis menceritakan: "...maka bermesyuaratlah Yang Dipertuan Muda dengan Residen Riau Tuan Elout serta Engku Saiyid Muhammad Zain Al-Kudsi serta orang-orang besarnya di Riau. Maka keputusan mesyuarat itu menyuruh kakanda Engku Saiyid pergi mengibarkan bendera di Pulau Keriman itu. Maka pergilah Engku Saiyid itu bersama-sama putera Yang Diper-

tuan Muda yang bernama Raja Abdul Rahman, serta Dato' Penggawa dan Dato' Shahbandar dan Raja Ismail saudara isteri Yang Dipertuan Muda dan sahabat-sahabat baiknya Ence' Ibrahim dan Ence' Shamsuddin dan Ence' Ahmad dan lain-lainnya. Maka apabila sampai di Kerimun maka Engku Saiyid mengibarkan bendera hitam bertengkok putih, itu pun sudah tembuk-tembuk. Engku Saiyid dengan memberi surat kepada Yang Dipertuan Selat, serta memberi nasihat kepada wakil Yang Dipertuan Selat itu iaitu Saiyid Akil.

"Maka apabila selesai Engku Saiyid pun baliklah ke Riau, adalah yang ditinggalkannya menunggu bendera itu iaitu satu orang Bugis bernama Wak Puasa serta orangnya dua tiga belas orang. Maka adalah sepeninggalan Engku Saiyid itu balik ke Riau, Wak Puasa itu pun dihalau oleh Saiyid Akil dan tiang bendera pun ditebangnya. Maka Wak Puasa itu pun balik ke Riau, maka diper-maklumkanlah kepada Yang Dipertuan Muda serta Residen Riau. Maka marahlah keduanya itu, lalu Yang Dipertuan Muda menyiapkan alat peperangan". Demikian dari *Tuhfatu'n-Nafis*.

Kira-kira dalam bulan September/Oktober tahun 1827 itu juga, suatu angkatan perang Riau mengandungi beberapa buah perahu dengan dibantu oleh sebuah kapal "schooner" Belanda telah bertolak dari Riau menuju ke Pulau Kerimun hendak mengambil pulau itu. Yamtuan Muda Raja Ja'afar dan Residen Elout turut sama pergi dalam angkatan itu. Angkatan Riau itu telah berperang dengan orang-orang Sultan Husain yang dipimpin oleh Saiyid Akil. Kisah *Perang Kerimun* itu ada tersebut dalam hikayat *Tuhfatu'n-Nafis* seperti yang dipetik di bawah ini.

Tuhfatu'n-Nafis menceritakan: "Maka apabila sudah mustaid, berangkatlah Yang Dipertuan Muda dengan kelengkapan perang. Maka adalah Saiyid Akil sudahlah ia siap membuat kubu dan mengatur penjajabnya. Adalah yang beserta dengan dia itu Raja Endut dan Tengku Yahya. Apabila Yang Dipertuan Muda sampai ke Pulau Kerimun lalu berperang. Maka dibantu pula oleh Tuan Residen Riau iaitu sebuah "schooner" perang. Maka berperanglah legum-legam di Kerimun itu beberapa hari tiada juga beralahan. Maka Yang Dipertuan Muda pun mesyuaratlah dengan Residen hendak dipintas dari sebelah daratnya, dinaikkan dengan soldadu dengan orang-orang Riau, dan puteranya yang bernama Raja Abdul Rahman disuruhnya berperang di laut.

"Maka apabila selesai muafakat itu, maka berangkatlah Yang Dipertuan Muda serta Residen Riau serta raja-raja sekalian dan orang-orang besarnya memintas jalan darat di belakang kubunya. Maka hari pun hujan lebat seketika itu, maka Yang Dipertuan Muda serta Residen Riau serta soldadunya itu pun tiba ke tepi kubunya, maka dibedil oleh soldadunya itu dengan senapang ke dalam kubunya serta masuk lalulah beramuk di dalam kubu itu, maka orang kubu itu pun banyaklah yang mati, dan larilah bertabur-taburan keluar dari kubunya. Dan Ence' Abdul Samad anak Suliwatang Lingga pun lukalah, dilarikan orang-orangnya. Maka alahlah kubu itu dapat oleh Yang Dipertuan Muda, maka tinggallah suatu kubu lagi.

"Syahadan, Pateh Madok, raja Bugis pun datanglah ke Kerimun akan membantu Yang Dipertuan Muda itu, maka mintalah ia hendak melanggar kubu satu lagi itu. Maka apabila hari sudah malam, maka larilah Saiyid Akil itu balik ke Singapura serta dengan segala perahunya. Ada pun Tengku Yahya sudah memang ia ke Singapura, katanya hendak mengikhtiarkan bantu dan ubat bedil pun kurang, demikianlah dalihnya...

"Syahadan maka selesailah pekerjaan *Perang Kerimun* itu, maka Yang Dipertuan Muda pun berangkatlah balik ke Riau melalui Ungar, Buru, dan ditinggalkannya dahulu di Kerimun Raja Abdul Rahman. Kemudian Raja Abdul Rahman pun balik pula ke Riau, tinggallah Raja Kasim menunggu Pulau Kerimun itu adanya". Demikian dari *Tuhfatu'n-Nafis*.

Pada masa berlakunya *Perang Kerimun* itu, Residen Elout telah menulis surat kepada Residen Inggeris di Singapura menyatakan: dia telah terpaksa masuk campur dalam perkara itu, dan telah menghantarkan dua buah kapal Belanda membantu Yamtuan Muda Riau, Residen Inggeris di Singapura telah menjawab surat Residen Belanda itu dengan mengatakan: Sultan Husain merdeka boleh berbuat apa sukanya, dan pemerintah Inggeris tak ada kena mengena dengan tindakan yang telah dilakukan oleh Sultan Husain di luar daripada kawasan Singapura.

Pada 8 hari bulan November tahun 1827, Residen Belanda dari Riau bersama dengan dua orang pegawai Belanda membawa satu pasukan askar Belanda seramai lima puluh orang telah sampai ke Pulau Kerimun lalu merampas pulau itu masuk ke dalam pemerintahan Riau-Lingga di bawah takluk Belanda.

1830. Pada tahun 1830, Temenggong Muar yang bernama Encik Konik telah meninggal dunia. Anaknyanya yang bernama Ence' Sa'id telah pergi ke Singapura mengadap Sultan Husain memberitahu tentang kematian ayahnya itu; lalu baginda melantik Ence' Sa'id jadi Temenggong Muar bergelar Temenggong Dato' Sa'id.

Sejak Sultan Husain menjadi Sultan, Temenggong Muar itu tiap-tiap tahun menghantar wang cukai yang dikutip sebanyak satu ringgit daripada tiap-tiap rumah penduduk di Padang (Muar), beserta pula dengan 200 kampil beras. Temenggong Muar itu telah diberi kuasa oleh Sultan Husain memungut cukai barang-barang masuk ke Muar iaitu \$20/- pada tiap-tiap sekati candu, \$2/- pada tiap-tiap sekoyan beras, \$1/- pada tiap-tiap sekoyan garam; dan cukai setengah daripada barang-barang yang dibawa keluar dari Muar, iaitu \$1/- pada tiap-tiap sebahara kayu arang, dan \$1.50 pada tiap-tiap sebahara timah.

Setelah Ence' Konik meninggal dunia (1830) dan digantikan oleh anaknya Ence' Sa'id, yang masih muda, jadi Temenggong Muar, daerah Segamat telah menarik diri tiada mahu lagi di bawah perintah Temenggong Muar. Tetapi tiada lama kemudian, Temenggong Muar itu dapat balik menguasai daerah Segamat.

1831-1832. Sungguhpun Kepulauan Riau-Lingga masih ada Sultannya di Lingga dan Yamtuan Mudanya di Riau, tetapi nyatalah kerajaan itu di bawah telunjuk Belanda. Pada tahun 1831, Yamtuan Muda (VI) Raja Ja'afar ibni almarhum Raja Hajj Marhum Telok Ketapang telah mangkat di Lingga. Belum pun sempat dilantik penggantinya, Sultan Abdul Rahman pula jatuh gering. Pada tahun berikutnya, tahun 1832, Sultan Abdul Rahman ibni almarhum Sultan Mahmud itu pula mangkat, di Lingga, digelar *Marhum Bukit Chengkeh*; putera almarhum itu Tengku Besar Muhammad dilantik menjadi Sultan bergelar Sultan Muhammad Shah; bagindalah Sultan yang kedua bagi kerajaan Riau-Lingga, bersemayam di Lingga juga.

Pada tahun 1832 itu juga Gabenor Negeri-negeri Selat mula ditempatkan di Singapura, tidak lagi di Pulau Pinang.

1833. Pada tahun 1833, baharulah Sultan Muhammad Shah di Lingga melantik Raja Abdul Rahman ibni almarhum Yamtuan

Muda Raja Ja'afar, menjadi Yamtuan Muda Riau (VII), bersemayam di Riau.

1834. Seorang Inggeris bernama P.J. Begbie, telah menulis kisah negeri-negeri Melayu dalam bukunya yang bernama *The Malayan Peninsula*, dan buku itu telah dicetak dalam tahun 1834. Dalam buku itu ada menyebutkan tentang ramainya penduduk di negeri Johor masa itu, iaitu: di Johor (dipercayai Johor Lama) 1,000 orang, Pulau Tinggi 225 orang di bawah ketua seorang Batin, di Sungai Papan 775 orang di bawah ketua seorang Batin juga, dan di Segamat ada 400 buah rumah.

1834-1835. Dalam tahun 1834, mengikut *Hikayat Abdullah*: suasana di istana Sultan Husain Shah di Kampung Gelam, Singapura, telah menjadi kelam kabut, disebabkan oleh baginda telah berlebih-lebihan menyayangi seorang peranakan Keling (India) bernama Abdul Kadir bin Ahmad Shahib; sehingga keadaan di istana baginda itu telah berlainan sekali daripada biasa. Baginda telah menyerahkan segala urusan pertadbiran baginda kepada Abdul Kadir, dan baginda sendiri mengatakan, Abdul Kadir itulah yang telah menolong perbelanjaan baginda menyelenggarakan istana dan anak isteri baginda, hingga Abdul Kadir telah bebas bergerak dalam istana baginda, dan telah dipandang sumbang oleh putera-putera dan orang-orang yang bekerja dalam istana baginda. Setelah perkara itu heboh menjadi buah mulut kecaman orang-orang di Singapura, orang-orang dalam istana baginda telah cuba bendak membunuh Abdul Kadir yang telah berlindung dalam istana baginda itu. Tetapi Abdul Kadir telah dapat diselamatkan oleh Sultan Husain dan isteri baginda dengan cara menyamarkan Abdul Kadir memakai pakaian perempuan, dan Abdul Kadir pun dapat melepaskan diri dari istana, lalu belayar ke Melaka. Tiada lama lepas itu (dalam tahun 1834) Sultan Husain telah membawa anak isteri baginda pindah mengikut Abdul Kadir ke Melaka.

Setelah bersemayam di Melaka, Sultan Husain semakin bertambah-tambah sayang lagi kepada Abdul Kadir, sehingga wang gaji baginda pun semuanya diserahkan baginda kepada pertadbiran Abdul Kadir. Dalam pada itu, keadaan kewangan baginda telah semakin sempit sehingga baginda berhutang bergadai ke sana ke mari. Oleh sebab terlampau marah melihatkan keadaan dalam

istana baginda yang telah dikuasai sepenuhnya oleh Abdul Kadir itu, pada suatu malam, seorang pemuda Melayu telah menikam Abdul Kadir dengan kerisnya, nyaris-nyaris Abdul Kadir mati. Sultan Husain sangat marah, sehingga baginda memberhentikan semua orang-orang Melayu yang bekerja dengan baginda, dan menggantikannya dengan orang-orang peranakan Keling. Setelah Abdul Kadir sembuh daripada lukanya kena tikam itu, Sultan Husain telah mengahwinkan Abdul Kadir dengan puteri baginda yang bernama Tengku Andak, dan peristiwa itu telah menghairankan orang-orang Melayu di Melaka. Dalam pada itu, Abdul Kadir telah menggelarkan dirinya "Tengku Muda" dan memakai cap yang berpahat dengan perkataan "Al-Wathik bi'llah Tengku Muda Abdul Kadir ibni Sultan Husain Shah".

Dalam keadaan seperti itu, akhirnya, pada 5 hari bulan September tahun 1835, Sultan Husain Shah ibni almarhum Sultan Mahmud pun mangkat di Melaka, dalam usia lebih kurang lima puluh sembilan tahun. Dalam istiadat memakamkan jenazah almarhum baginda itu di Terangkera, Melaka, Residen Inggeris di Melaka, Samuel Garling, dan lain-lain pegawai Inggeris turut juga sama turut hadir dan telah diadakan juga perbarisan askar dan tembakan meriam yang diadakan oleh pemerintah Inggeris di Melaka.

Mengikut *Hikayat Abdullah*: tiada berapa lama selepas mangkat Sultan Husain Shah itu, putera baginda di Pahang bernama Tengku Abdul Jalil, dan Temenggong Daing Ibrahim (Tengku Chik) dari Singapura serta beberapa orang raja-raja dari Riau, telah pergi ke Melaka, hendak membawa jenazah almarhum itu ke Riau dan dikebumikan di sisi makam ayahandanya almarhum Sultan Mahmud (di Lingga). Tetapi tiada diluluskan oleh balu dan putera-putera almarhum itu yang ada di Melaka. Dua tahun lepas itu Abdul Kadir pula meninggal dunia.

Tengku Ali dan Temenggong Tun (Daing) Ibrahim:

1835-1840. SETELAH Sultan Husain Shah mangkat di Melaka, balu-balu almarhum itu tidak mendapat apa-apa wang pencen daripada Kompeni Inggeris; tetapi empat orang putera almarhum itu dapat pemberian wang daripada Kompeni Inggeris tiap-tiap bulan sebanyak \$70.00 tiap-tiap seorang. Putera almarhum itu ialah seorang bukan putera gahara bernama Tengku Abdul Jalil, dan seorang putera gahara bernama Tengku Ali. Mengikut ceritanya: pada masa Tengku Ali dilahirkan di Singapura, pemerintah Kompeni Inggeris di Singapura telah menghormati hari keputeraan Tengku Ali itu dengan menembakkan meriam beberapa das. Pada masa itu Sultan Husain sendiri berkehendakkan putera baginda Tengku Ali itu kelak yang akan menggantikan baginda menjadi Sultan. Pada masa Sultan Husain mangkat di Melaka, ketika almarhum itu hendak dimakamkan, keluarga baginda dan orang-orang besar Melayu yang rapat dengan keluarga diraja itu telah melantik Tengku Ali menggantikan almarhum ayahandanya sebagai Sultan Johor; pada masa itu Tengku Ali baharu berusia sebelas tahun.

Oleh sebab Tengku Ali masih budak benar lagi, tidaklah keluarganya memohon kepada pemerintah Inggeris supaya Tengku Ali diiktiraf oleh Inggeris sebagai Sultan Johor pengganti almarhum ayahandanya. Dalam pada itu, Samuel Garling, Residen Inggeris di Melaka masa itu, telah mencadangkan dengan kuat kepada pemerintah Inggeris, supaya Tengku Ali diiktiraf sebagai Sultan Johor menggantikan almarhum ayahandanya. Tetapi cadangan Residen Melaka itu tidak disetujui oleh Gabenor Kenneth Murchison di Singapura yang memandangkan bahawa cadangan

Garling itu ialah "inginkan keluarga itu (keluarga Sultan Ali) secepat mungkin bertukar menjadi penerima gaji yang tidak bergelar. Almarhum ayahandanya dahulu pun tidak pernah diakui oleh negeri-negeri Melayu lainnya sebagai Sultan Johor, dan tidak juga pernah menikmati apa-apa hasil di negeri Johor ataupun telah menjalankan kegiatan-kegiatan politik di negeri itu. Almarhum itu memang telah diisytiharkan oleh Inggeris sebagai Sultan, tetapi itu hanya kerana ada sesuatu maksud tertentu, dan sekarang tak ada apa-apa sebab yang timbul hendak mengiktiraf seorang putera raja yang hanya bergelar dengan tiada bertugas". Sekian kecaman Gabenor Murchison terhadap cadangan Samuel Garling itu. Kesudahannya, cadangan Residen Melaka itu tiada mendapat apa-apa layanan dari pihak berkuasa Kompeni Inggeris.

Waris-warisan almarhum Sultan Husain telah menghantar surat permintaan kepada pemerintah Kompeni Inggeris di Benggala supaya Tengku Ali diberi wang pencen, kerana keluarganya dalam kemiskinan. Permintaan itu telah dipersetujui oleh Kompeni Inggeris dan memberi wang pencen kepada Tengku Ali sebanyak \$250/- tiap-tiap bulan sama seperti pencen yang diberi kepada Temenggong Daing Ibrahim. Sebenarnya, setelah Sultan Husain mangkat, tak ada apa-apa harta kekayaan yang telah ditinggalkan oleh almarhum itu kepada waris-warisnya, melainkan hutang yang berselirat dan pangkat kosong, kerana diperdayakan oleh orang-orang Inggeris.

Di antara tahun 1835-1840, ladang-ladang lada hitam, gambir, cengkeh, pala dan tebu kepunyaan peladang-peladang Cina di Singapura didapati tidak berjaya. Oleh sebab itu ramai peladang Cina itu pindah ke negeri Johor membuat ladang-ladang mereka terutama ladang-ladang lada hitam dan gambir. Tiada lama kemudian, ladang-ladang itu telah mendatangkan hasil negeri yang didapati pula faedahnya oleh Temenggong Ibrahim. Dalam pada itu ada pula orang Cina di Singapura yang telah menawarkan hendak memberi wang kepada Temenggong \$300/- tiap-tiap bulan jika Temenggong membenarkan untuk membuka rumah tempat memasak candu di negeri Johor.

1839. Seorang Inggeris bernama Kapten Newbold, telah menganjurkan sebuah buku dan bukunya itu telah dicetak dalam tahun 1839, dan ada menyebutkan fasal ramainya penduduk di negeri

Johor telah bertambah lagi daripada yang telah disebutkan oleh P.J. Begbie lima tahun yang lalu. Kapten Newbold mengatakan: di Johor Lama ada lebih kurang tiga ratus buah rumah; di Sedili lebih kurang tujuh puluh buah rumah; di daerah Padang (Muar) iaitu di antara Parit Siput dengan Pinang Seribu ada lebih kurang dua ratus orang; di Segamat lebih kurang 2,400 orang; di Kampung Pulau dekat Pontian di bawah ketua Raja Semat lebih kurang seratus buah rumah; Pontian dan Benut ialah kampung-kampung kecil di bawah ketua masing-masing penghulu; daerah Batu Pahat iaitu sepanjang tempat dari Pinang Seribu hingga ke Sungai Batu Pahat serta daerah Muar yang luas itu mengandungi kampung-kampung yang bernama: Bekok, Langkat, Gersik, Ring, Pagoh, dan tempat kediaman Temenggong Muar Pangkalan Kota. Newbold menganggarkan jumlah penduduk negeri Johor masa itu, lebih kurang 25,000 orang. (Penulis sejarah Tanah Melayu bangsa Barat yang bernama R.O. Winstedt berpendapat: semua angka yang disebutkan oleh Newbold itu, ialah agak-agak sahaja, tetapi hampir kepada yang sebenarnya). Pada masa itu hingga ke zaman Temenggong Abu Bakar, Sedili Besar ialah sempadan di antara negeri Johor dengan negeri Pahang, sama seperti dalam zaman pemerintahan Sultan-sultan Johor yang berketurunan dari Sultan-sultan Melaka.

Newbold mengatakan lagi: Temenggong Muar itu ada lapan orang penghulu di bawahnya; empat orang daripada penghulu itu memerintah di sebelah hulu, iaitu Penghulu Besar, Penghulu Tanjung, Penghulu Dagang dan Penghulu Mungkal — gelaran Penghulu Dagang dan Penghulu Mungkal itu mengikut cara gelaran Minangkabau. Empat orang penghulu lagi memerintah di sebelah hilir, iaitu di tempat-tempat yang bernama: Gersik, Bukit Raya, Liang Batu dan Ring.

Newbold ada pula menyebutkan tentang hasil-hasil yang dibawa keluar dari negeri Johor: dari daerah Padang (Muar) tiap-tiap tahun dibawa keluar buah-buahan (tidak pula disebutkannya banyaknya); dari Batu Pahat tiap-tiap tahun dibawa keluar 400 pikul kayu arang, 1,000 bendela rotan, dan 15 pikul jadam, didapati juga sedikit-sedikit gading, damar, lilin lebah dan kayu cendana. Di sebelah hulu Johor Lama ada lombong-lombong bijih timah dan emas. Di Segamat ada menghasilkan sedikit beras, sugu, gading, kayu arang, emas serbuk, timah, lilin lebah, jadam, dan lain-lain

lagi. Di daerah Segamat, ketua-ketua di situ sentiasa sahaja berkelahi sesama sendiri; ladang-ladang di situ banyak yang tinggal terbiar sahaja; hutan di situ besar-besar, berkeliaran dengan gajah, badak dan tenok yang hidup bebas dan belum lagi diusik orang.

Sekianlah keadaan di negeri Johor seperti yang dituliskan oleh Newbold lebih kurang dalam tahun 1839.

1840. Apabila Tengku Ali bertambah dewasa beliau telah berulang-ulang kali menghantar surat-surat permintaan kepada pemerintah Kompeni Inggeris supaya Inggeris mahu mengakui atau mengiktiraf beliau sebagai Sultan Johor. Tetapi permintaan Tengku Ali telah ditolak oleh Kompeni Inggeris. Dalam pada itu, pada tahun 1840, Tengku Ali pun pindah dari Melaka ke Singapura, tinggal di istananya di Kampong Gelam, dan terus juga beliau menghantar surat permintaan kepada Kompeni Inggeris.

Akhirnya, pada 16 hari bulan Oktober tahun 1840, pada masa Samuel George Boham jadi Gabenor, dan Thomas Church jadi Residen Konsular di Singapura, pemerintah Kompeni Inggeris telah mengeluarkan suatu surat siaran yang menyatakan iaitu: "Dari segala segi, Tengku Ali telah dianggap oleh pemerintah Inggeris sebagai pengganti almarhum ayahandanya dan berhak di atas segala harta...yang telah diberikan oleh Kompeni Inggeris kepada almarhum ayahandanya yang ada di Kampong Gelam", Singapura.

Jika dipandang sepintas lalu, nampaknya dengan siaran itu Kompeni Inggeris telah mengakui atau mengiktiraf Tengku Ali sebagai Sultan. Tetapi Residen Singapura, Church, telah mengumumkan pula bahawa siaran itu dikeluarkan ialah khas kerana hendak menentukan hak Tengku Ali ke atas harta pesaka almarhum ayahandanya, supaya anggota-anggota yang muda dalam keluaran Tengku Ali tidak merampas harta pesaka itu. Oleh sebab itu nyatalah nampaknya Kompeni Inggeris sebenarnya tidak mengakui Tengku Ali sebagai Sultan dan tidak pun pernah melantiknya. Tambahan pula, kemudiannya (dalam tahun 1843), Mahkamah Tinggi Kompeni Inggeris di Singapura telah menegaskan lagi: pengakuan kepada Tengku Ali yang telah disiarkan itu, ialah berhubung dengan harta pesaka almarhum ayahandanya, bukan pengakuan kepada pangkat Sultan, yakni serupalah seperti pengumuman Residen Church itu. Dalam pada itu, dengan permintaan Gabenor Bonham, mulai tahun 1840 itu.

Kompeni Inggeris telah menaikkan pencen Tengku Ali dan Temenggong Ibrahim — masing-masing mendapat \$350/- tiap-tiap bulan.

1841. Pada tahun 1841, Sultan Muhammad ibni almarhum Sultan Abdul Rahman (Marhum Bukit Chengkeh) telah mangkat di Lingga, digelar *Marhum Keratun*; puteranya Raja Mahmud dilantik menjadi Sultan Riau-Lingga bergelar Sultan Mahmud Muzaffar Shah, iaitu Sultan Riau-Lingga yang ke-3.

Pada 19 hari bulan Ogos tahun 1841 itu juga, dalam suatu istiadat dihadiri oleh orang ramai yang diadakan di Bukit Ahor, Telok Belanga, Singapura, Bendahara Tun Ali yang datang dari negeri Pahang telah merasmikan perlantikan Tun Ibrahim (Daing Ronggek) sebagai Temenggong Seri Maharaja Johor. Gabenor Bonham dan lain-lain pegawai Inggeris serta orang-orang kenamaan di Singapura telah hadir sama menyaksikan perlantikan itu. Kata setengah riwayat: Gabenor Bonhamlah yang telah meminta Bendahara Tun Ali Pahang itu datang ke Singapura merasmikan perlantikan Tun Ibrahim yang telah memegang jawatan Temenggong itu sejak ayahandanya mangkat pada akhir tahun 1825 dahulu.

1843. Pada tahun 1843, orang-orang di negeri Johor telah heboh fasal dalam hutan negeri Johor telah didapati sejenis pokok mengeluarkan sejenis getah yang disebut namanya *getah perca*. Sejak itu ramailah orang-orang Melayu di negeri Johor telah meninggalkan ladang atau sawah padi mereka pergi mencari getah perca ke dalam hutan, kerana getah itu boleh dijual dengan harga yang mahal. Sejak itu Temenggong Ibrahim telah mengambil hak kuasa membeli dan menjualkan getah perca yang didapati dalam negeri Johor itu ke dalam tangannya sendiri, dan banyaklah Temenggong itu mendapat wang.

Pada tahun 1843 itu juga, Gabenor Bonham telah berhenti daripada jawatannya, digantikan oleh W.J. Butterworth menjadi Gabenor Negeri-Negeri Selat di Singapura.

1844. Pada tahun 1844, pada masa Sultan Mahmud Muzaffar Shah memerintah kerajaan Riau-Lingga, Yamtuan Muda Raja Abdul Rahman ibni almarhum Yamtuan Muda Raja Ja'afar, telah

mangkat di Pulau Penyengat, Riau; tetapi dalam tahun 1845 baharulah Sultan Mahmud melantik adik almarhum itu yang bernama Raja Ali ibni almarhum Yamtuan Muda Raja Ja'afar, menjadi Yamtuan Muda (VIII), bersemayam di Riau.

Dalam bulan Jun tahun 1845, ladang-ladang lada hitam dan gambir telah semakin banyak dibuka oleh peladang-peladang Cina di negeri Johor, iaitu telah ada sebanyak 52 buah ladang orang Cina di negeri Johor: 20 buah dekat Sungai Sekudai, 12 buah di tepi Sungai Melayu, 15 buah dekat Sungai Danga, dan 5 buah dekat Sungai Temberoh, dan lebih kurang sudah ada 500 orang yang sedang bekerja di ladang-ladang itu. Dipercayai, orang-orang Cina akan bertambah ramai lagi datang ke negeri Johor membuka ladang-ladang gambir dan lada hitam; tambahan pula pada masa itu ladang-ladang gambir dan lada hitam di Pulau Riau tidak banyak lagi mengeluarkan hasilnya.

1846. Gabenor Butterworth yang telah jadi Gabenor di Singapura sejak tahun 1843 itu, sangat berusaha menghapuskan perompak laut yang sedang mengganas di laut-laut sekitar Singapura dan Johor, yang telah mendatangkan beberapa kerosakan dan malapetakan kepada penduduk-penduduk di pantai-pantai negeri itu. Gabenor itu telah bersahabat baik benar dengan Temenggong Ibrahim yang telah berusaha pula menolong Gabenor itu menghapuskan perompak laut. Selain daripada itu, Temenggong itu telah berusaha pula memujuk raja-raja di negeri Pahang dan Trengganu supaya jangan membenarkan perompak laut itu datang ke pantai-pantai negeri Pahang dan Trengganu membaiki perahu-perahu atau membahagi-bahagikan harta rampasan mereka. Padahal, sebelum itu Inggeris ada juga syak yang Temenggong itu pun telah membiarkan kerja-kerja perompak laut. Dalam *Hikayat Abdullah* mengatakan: pada masa menghapuskan perompak laut itu, semua nama ketua perompak itu diketahui oleh Temenggong Ibrahim, dan itulah satu daripada sebab-sebabnya Inggeris telah berjaya menangkap ketua perompak itu. Dengan usaha Gabenor Butterworth yang dibantu oleh Temenggong Ibrahim, amanlah laut-laut di sekitar Singapura dan Johor daripada perompak laut.

Oleh sebab menghargakan jasa Temenggong Daing Ibrahim menolong Inggeris menghapuskan perompak itu, Kompeni Inggeris telah menghadihkan kepada Temenggong itu sebilah pedang

keemasan yang berukir dengan nama dan jasa Temenggong itu Istiadat menyampaikan pedang hadiah itu oleh Gabenor Butterworth kepada Temenggong Daing Ibrahim telah diadakan pada 1 hari bulan September tahun 1846 di Rumah Kerajaan (Rumah Gabenor) Singapura yang pada masa itu masih di atas Bukit Larangan (Fort Canning) Singapura dengan dihadiri oleh pegawai-pegawai pemerintah dan orang-orang kenamaan di Singapura dan Johor; Sultan Riau-Lingga (Sultan Mahmud Muzaffar Shah) dan Tengku Ali pun hadir sama dalam majlis itu (Setengah riwayat mengatakan: istiadat itu telah diadakan pada 31 haribulan Ogos tahun 1846; tetapi "Hikayat Abdullah" mengatakan pada 1 haribulan September, 1846. Kisah istiadat dan keramaian di Singapura masa Temenggong Ibrahim menerima hadiah pedang daripada Kompeni Inggeris itu, ada diceritakan dengan lanjutnya dalam *Hikayat Abdullah* (lihat dalam bab: *Darihal Tuan Gabenor Butterworth*).

Pada tahun 1846 itu juga, Tengku Ali telah menulis surat kepada Gabenor Butterworth di Singapura bertanyakan hak Temenggong Ibrahim yang telah memungut cukai-cukai hasil ladang-ladang lada hitam dan tempat-tempat memasak candu) di negeri Johor itu terpulang kepada dirinya seorang sahaja) padahal, pada pendapat Tengku Ali, dia pun ada hak di atas negeri Johor itu. Sambil itu, sebagai menunjukkan haknya itu, Tengku Ali telah menghantar orang-orangnya pergi ke negeri Johor hendak memungut cukai di negeri itu. Tetapi orang-orang Tengku Ali itu telah dipaksa keluar dari negeri Johor oleh orang-orang Temenggong Ibrahim.

Berhubung dengan itu, Church, Residen Singapura berpendapat: "Nampaknya sebab pun Temenggong Ibrahim telah bertindak sendirinya sahaja di negeri Johor itu dan telah memegang kuasa tertinggi di seluruh negeri itu, ialah kerana Tengku Ali belum lagi dilantik dan diiktiraf sebagai Sultan Johor". Surat pertanyaan atau cabaran Tengku Ali itu nampaknya tidak juga mendapat apa-apa layanan daripada Gabenor Singapura.

Sungguhpun Tengku Ali telah mencabar hak kuasa di negeri Johor itu bukannya terpulang kepada Temenggong Ibrahim seorang sahaja, tetapi nampaknya Temenggong Ibrahim itu pun bukannya jenis orang yang mahu menyerah kalah begitu sahaja, melainkan beliau pun berikhtiar pula menegakkan kebenarannya.

Lagi pun Temenggong Ibrahim itu banyak mempunyai kelebihan jika dibandingkan dengan Tengku Ali. Temenggong Ibrahim itu seorang yang berkebolehan, berusaha, cergas menjalankan tugasnya dan berkaliber pula. Selain daripada itu beliau banyak mempunyai sahabat handai terdiri daripada pegawai-pegawai tinggi dan saudagar orang putih serta orang-orang kenamaan di Singapura, terutamanya Gabenor Butterworth dan Residen Church itu bersahabat baik benar dengan Temenggong; orang-orang yang berpengaruh itu semuanya menyebelahi Temenggong Ibrahim. Tambahan pula jasa pertolongan Temenggong Ibrahim menghapuskan perompak-perompak laut memang dihargai oleh pemerintah Inggeris. Sebaliknya, Tengku Ali ialah seorang yang masih muda mentah baharu berumur dua puluh dua tahun dan belum mempunyai pengalaman yang dalam; dan lagi pun beliau seorang yang boros membelanjakan wang, dan tenaga kemahuaannya pun tidak pula kuat. Seorang saudagar dan peguam Inggeris di Singapura bernama W.H. Read yang jadi pembantu Tengku Ali dalam tuntutannya itu, dia sendiri pun mengatakan: daya pemikiran atau kebolehan Tengku Ali itu memang tidak begitu baik.

Apabila Tengku Ali tidak menerima apa-apa jawapan dari pihak pemerintah Inggeris mengenai pertanyaannya tentang Temenggong Ibrahim seorang sahaja mengambil cukai-cukai hasil di negeri Johor itu, dalam bulan September tahun 1846 itu juga, Tengku Ali telah menulis surat permintaan lagi supaya Inggeris melantik dan mengakuinya sebagai Sultan Johor menggantikan almarhum ayahandanya. Pada 21 hari bulan Oktober (1846), surat permintaan Tengku Ali itu telah dikirimkan oleh Gabenor Butterworth kepada pihak berkuasa Kompeni Inggeris di Benggala. Tetapi dalam surat laporan daripada Gabenor Butterworth berhubung dengan surat permintaan Tengku Ali itu, didapati tidak Gabenor itu menyokong Tengku Ali. Sungguhpun Gabenor itu tidak berterus-terang menentang permintaan Tengku Ali itu, tetapi kata-kata Gabenor dalam suratnya itu menunjukkan Tengku Ali itu ialah seorang yang sangat tidak sesuai dijadikan Sultan. Butterworth mengungkit-ungkit balik mengatakan: Sultan Husain dahulu hanya sebagai seorang boneka yang telah dilantik oleh Raffles dengan tujuan hendak mendapatkan suatu hak di Singapura yang tak dapat diapa-apakan lagi; dan "Temenggong Abdul Rah-

man seorang sahaja ketua di pulau itu, bagi pihak Singapura, yang membuat perhubungan dengan Raffles mengenai pendudukan Inggeris di pulau itu". Butterworth menyatakan juga: banyak belanja akan dikeluarkan untuk melantik Tengku Ali itu, iaitu belanja mengadakan istiadat perlantikannya, dan juga belanja bagi menyelenggarakan kedudukan pangkatnya sebagai seorang Sultan, dan belanja itu tentu dia berkehendakkan pertolongan daripada pemerintah Inggeris juga. Pada pendapat Butterworth: hanya Temenggong Ibrahim itu sahaja orang yang benar-benar ada mempunyai kebolehan untuk membaiki negeri Johor itu. Lagipun Temenggong Ibrahim itu telah sempurna dilantik menjadi Temenggong dalam suatu istiadat yang telah dihadiri oleh Gabenor Bonham dan dengan persetujuan Bendahara Pahang (Tun Ali); tak ada apa-apa belanja pun yang dikeluarkan oleh pemerintah Inggeris kepada negeri Johor untuk perlantikan itu. Butterworth mengatakan lagi: dia sangat terhutang budi kepada Temenggong itu yang sentiasa mahu menolongnya menghapuskan perompak laut. Butterworth menegaskan: ia boleh mengaturkan supaya cukai-cukai yang didapati dari tempat-tempat memasak candu negeri Johor itu dibahagi dua sama banyak di antara Tengku Ali dengan Daing Ibrahim jika pemerintah Kompeni Inggeris membenarkan ia berbuat demikian.

Demikian di antara beberapa perkara yang telah disebutkan oleh Gabenor Butterworth dalam surat laporannya berhubung membenarkan surat permintaan Tengku Ali itu.

Mengikut pandangan Residen Singapura (Church) pula: Tengku Ali itu banyak sangat berhutang; jika ia dilantik menjadi Sultan tentulah ia tiada mempunyai "wang yang secukupnya untuk menjaga tarafnya". Lagipun perlantikan itu hendaklah diperkenankan pula oleh Temenggong dan Bendahara. Church percaya: Temenggong dan Bendahara akan memperkenankan perlantikan itu jika diluluskan oleh pemerintah Inggeris; tetapi "Temenggong Ibrahim lebih suka pemerintahan di negeri Johor itu tetap seperti yang ada sekarang ini juga"; dan Residen itu membayangkan pula: Temenggong Ibrahim mempunyai pengaruh di negeri Pahang, Trengganu dan lain-lain tempat di Semenanjung Tanah Melayu; dan jika Tengku Ali dilantik menjadi Sultan, boleh jadi akibatnya akan berlaku beberapa kekacauan, dan tanggungjawab

Residen di Singapura akan bertambah untuk memelihara keamanan dan persesuaian di antara Sultan dengan Temenggong itu.

1847. Pada awal tahun 1847, Gabenor Butterworth di Singapura telah menerima surat, bertarikh 23 hari bulan Januari tahun 1847, daripada Gabenor-Jeneral Kompeni Inggeris di India, menjawab surat Gabenor itu berhubung dengan permintaan Tengku Ali pada akhir tahun 1846 yang lalu. Maksud isi surat Gabenor-Jeneral itu ialah: jika pada fikiran Gabenor Singapura tidak ada faedah politik yang mungkin bertambah setelah Tengku Ali itu dilantik dan diakui sebagai Sultan, Gabenor-Jeneral tidak bersetuju mengadakan perlantikan itu.

Oleh sebab itu nyatalah permintaan Tengku Ali itu telah ditimbangkan oleh Kompeni Inggeris semata-mata dengan alasan dari pandangan faedah politik Kompeni itu sahaja dengan tidak mengirakan hak dan keadilan, dan oleh sebab tak ada apa-apa faedah yang akan didapati oleh Kompeni Inggeris dengan meluluskan perlantikan dan pengakuan itu, permintaan Tengku Ali itu pun telah ditolak oleh Kompeni Inggeris.

1848. Dalam bulan Mac tahun 1848, Dewan Perniagaan di Singapura telah menghantar surat kepada Residen Singapura supaya pemerintah Inggeris melindungi kebebasan pelabuhan Singapura menjalankan perniagaan dan perdagangan yang sebahagian daripadanya telah diancam oleh Temenggong Johor (Daing Ibrahim). Dewan Perniagaan itu telah mengadakan, iaitu dalam tindakan Temenggong Johor memonopoli perdagangan getah perca itu, beliau telah menghantar orang-orang yang bersenjata menyekat perahu-perahu bumiputera yang membawa getah perca yang hendak mereka jual ke Singapura, dan dengan berterang-terang pula orang-orang Temenggong itu telah menakutkan bumiputera supaya patuh kepada peraturan-peraturan yang telah dibuat oleh Temenggong berhubung dengan perdagangan getah perca itu. Bagi Singapura, perdagangan getah perca itu telah menjadi sejenis perniagaan penting; dalam setahun perdagangan itu telah mencapai sebanyak 10,000 hingga 12,000 pikul getah perca yang berharga di antara \$150,000/- hingga \$200,000/-, dan daripada sebanyak itu 90 peratus daripadanya didatangkan dari negeri Johor. Dewan Perniagaan itu juga telah menyatakan: perahu-

perahu dari Siak yang membawa getah perca itu, telah pergi menjualkannya ke Melaka; anak-anak perahu tidak berani membawanya ke Singapura, kerana takutkan bahaya yang disebutkan itu. Dalam pengaduan itu, Dewan Perniagaan itu juga menyebutkan iaitu sejak Kompeni Inggeris menduduki Singapura, mengikut perjanjiannya, Sultan dan Temenggong Johor telah membenarkan warganegara British membuat perniagaan dan perdagangan dengan semua tempat dalam kerajaan Johor. Dewan Perniagaan itu menegaskan pula: jika kejadian-kejadian menyekat perdagangan seperti yang disebutkan itu dibiarkan berjalan terus, akibatnya akan berakulah kemusykilan yang berat dan tiada memberi faedah.

1852. Selepas menerima jawapan daripada Kompeni Inggeris pada awal tahun 1847 itu, hampir lima tahun lamanya tak ada apa hal yang terbit mengenai perkara Tengku Ali itu. Pada bulan November tahun 1851, Gabenor Butterworth mula bercuti pergi ke Australia, dan dijangka ia akan balik memegang jawatannya semula di Singapura dalam bulan November tahun 1853 — hampir-hampir dua tahun. Selama Butterworth bercuti itu, Residen Inggeris di Pulau Pinang, bernama E.A. Blundell, pergi ke Singapura memangku jawatan Gabenor itu.

Dalam bulan April tahun 1852, Pemangku Gabenor Blundell di Singapura itu telah menerima maklumat daripada Gabenor-Jeneral Belanda di Betawi mengatakan: pada masa itu Tengku Ali ada di Pulau Lingga dan dia telah menyerahkan hak-haknya ke atas Singapura (maksudnya yang sebenar: Johor) kepada Sultan di Lingga (Sultan Mahmud Muzaffar Shah). Yamtuan Muda Riau (Raja Ali ibni almarhum Yamtuan Muda Raja Ja'afar) yang menyebelahi Belanda itu, tidak mahu masuk campur dalam perkara Tengku Ali itu. Gabenor Blundell telah dapat memanggil Tengku Ali balik ke Singapura dengan ancaman jika Tengku Ali tidak balik ke Singapura gajinya akan ditahan oleh Kompeni Inggeris. Tengku Ali pun balik ke Singapura.

Lepas itu Tengku Ali telah mengulang lagi permintaannya kepada Kompeni Inggeris supaya melantik dan mengakuinya sebagai Sultan Johor. Gabenor Blundell telah mengkaji dengan bertanggung-sungguh mengenai masalah kesultanan Johor itu. Setelah itu, ulangan permintaan Tengku Ali itu telah dipanjangkan oleh Blundell kepada pihak berkuasa Kompeni Inggeris di Bengkulu,

dan Gabenor Blundell telah memujuk Kompeni Inggeris melantik Tengku Ali jadi Sultan, supaya Tengku Ali dapat bersama-sama dengan Temenggong Ibrahim menerima hasil negeri Johor. Dalam surat Gabenor Blundell bertarikh 20 hari bulan Julai tahun 1852 yang dikirimkannya kepada Gabenor-Jeneral Kompeni Inggeris di Benggala, Blundell mengatakan: pada masa ini dia belum dapat menyatakan ada sebarang faedah politik yang bertambah kepada Kompeni Inggeris setelah menerima Tengku Ali jadi Sultan Johor. Tetapi pada fikirannya: "tidaklah berbudi bahasa membiarkan tuntutan yang kelihatan jelas dan tak dapat dibantah itu dibiarkan berlanjutan lagi dalam penanguhan".

Gabenor Blundell menyatakan lagi: "Saya tidak boleh menidakkan iaitu nampaknya adalah lebih baik lagi kepentingan kita, pemerintah di negeri Johor itu berjalan seperti yang ada sekarang ini juga, iaitu semuanya dalam tangan Temenggong; mengikut pandangan pemerintah (Inggeris) dan saudagar-saudagar (di Singapura), jika dibandingkan dengan Tengku Ali, didapati Temenggong itu telah bertamadun orangnya, dan tidak syak lagi ia lebih baik daripada Tengku Ali yang muda itu dalam kesanggupan memerintah negeri Johor, dan dalam kegunaannya kepada kepentingan British; tetapi dalam perkara ini, terpaksa saya menyatakan fikiran saya, iaitu: jika adalah kiranya suatu darjah kecenderungan kepada Tengku Ali yang diberikan oleh pemerintah dan orang-orang di Singapura...saya akan dapat membuktikan bahawa ia pun boleh jadi seorang pemerintah yang baik".

Kata Blundell lagi: "Sebagai yang telah dinyatakan, saya bersetuju dengan Residen Konsular (Church) yang mengatakan iaitu suatu jenis huru-hara dan kekacauan mungkin berlaku akibat daripada mengiktiraf Tengku Ali menjadi Sultan itu; tetapi masih terasa benar-benar dalam hati saya akan tidak adilnya menolak tuntutan daripada seorang putera raja — raja yang daripadanya kita dapat mengambil Singapura — yang hanya disebabkan oleh tidak banyak kacau, dan barangkali kerana lebih banyak faedahnya kepada kita jika pemerintah di negeri Johor itu tetap tinggal dalam tangan raja yang di bawah daripada Sultan."

Selanjutnya Blundell menambah lagi: Bantahan Church kepada perlantikan Tengku Ali itu nampaknya "semata-mata berdasarkan kepada mengirakan faedah dengan tidak memandang kepada keadilan dan hak", tetapi pada fikiran Blundell: jika "dasar

keadilan terhadap semua pihak itu diakui dan diikuti, segala kejahatan yang mungkin timbul daripada perubahan dasar pemerintahan itu, dengan segera dapat diatasi". Dalam pada itu Blundell telah mengakui pula: jika perlantikan Tengku Ali itu hendak didasarkan juga kepada faedah yang akan didapati oleh Kompeni Inggeris, adalah lebih bijaksana permintaan Tengku Ali itu ditolak sahaja; tetapi Blundell lebih kuat mendesak supaya tuntutan-tuntutan Tengku Ali itu diluluskan, kerana sebab-sebab keadilan.

Permintaan Gabenor Blundell kepada pertimbangan yang adil daripada pemerintah Kompeni Inggeris di Benggala atas tuntutan Tengku Ali itu, telah menerima jawapan daripada Kompeni Inggeris yang tidak menyukakan hati Blundell. Kompeni telah menyatakan kepada Blundell: mengikut syarat I dalam Perjanjian Tahun 1824, pihak pemerintah yang telah membuat Perjanjian itu tidak boleh mencampuri hal ehwal dalam negeri pihak pemerintah lainnya yang membuat Perjanjian itu. Kompeni Inggeris telah menyatakan juga yang maksudnya: oleh sebab adanya syarat Perjanjian itu, jika Kompeni Inggeris mesti juga menjalankan perlantikan itu, berertilah Kompeni Inggeris telah melanggar satu daripada syarat-syarat dalam Perjanjian itu; perbuatan seperti itu tentu akan mendedahkan perdebatan yang berdasarkan keadilan mengenai perkara itu.

Kompeni Inggeris mengatakan lagi: fasal berdasarkan kepada mengirakan faedah Kompeni itu, dalam surat Blundell sendiri sudah terang menyatakan iaitu campur tangan dalam perkara itu boleh jadi membabitkan pemerintah Inggeris dengan kekacauan dalam negeri itu. Oleh sebab itu pemerintah Kompeni Inggeris telah mengambil ketetapan: patutlah Blundell membiarkan perkara itu tinggal begitu sahaja.

Dalam pada itu, Gabenor Blundell telah memanggil Temenggong Ibrahim datang ke Rumah Kerajaan di Singapura, lalu Blundell memujuk Temenggong itu supaya mahu membahagi dua cukai-cukai hasil di negeri Johor itu dengan Tengku Ali dan mahu mengiktiraf Tengku Ali sebagai Sultan Johor. Tetapi Temenggong Ibrahim telah menolak pujukan itu. Pada suatu masa Temenggong Ibrahim telah dipanggil lagi oleh Gabenor Blundell mengenai hal itu juga. Pada masa mereka sedang berbincang, dengan tiba-tiba sahaja Temenggong Ibrahim telah meninggalkan

Blundell di tempat perjumpaan itu dan Temenggong Ibrahim telah meminta Blundell menyatakan kehendaknya itu kepada anaknya yang bernama Wan Abu Bakar. Apabila Gabenor Blundell menyatakan pula hasratnya itu kepada Wan Abu Bakar, dengan terus-terang Wan Abu Bakar mengatakan: ayahandanya dan dia sendiri pun tidak sekali-kali mahu mengiktiraf Tengku Ali sebagai Sultan; "tetapi", kata Wan Abu Bakar lagi sambil menunjukkan tangannya ke arah seorang mata-mata yang sedang berdiri berkawal di Rumah Kerajaan itu, "jika Tuan Yang Terutama masih berkuat juga hendak mengadakannya, walaupun mata-mata itu yang tuan hendak jadikan Sultan kami, terpaksa kami mengikut juga".

Walau bagaimanapun, setelah beberapa kali Gabenor Blundell memujuk dan menerangkan maksudnya itu, akhirnya Temenggong Ibrahim pun bersetuju kepada suatu keputusan yang bertolak ansur.

1853. Walaupun Pemangku Gabenor itu telah menerima surat yang tiada menggembirakan hatinya daripada Kompeni Inggeris berkenaan dengan perkara Tengku Ali itu, pada 14 hari bulan Januari tahun 1853 ia telah menulis surat lagi ke Benggala mengenai Tengku Ali dan Temenggong Ibrahim. Dalam suratnya itu Blundell menyatakan: dia telah selesai memujuk Tengku Ali dan Daing Ibrahim dan keduanya telah mencapai kata sepakat, iaitu Tengku Ali telah berjanji tidak mahu mencampuri hal ehwal negeri Johor dan biarlah pemerintahan negeri itu dalam tangan Temenggong. Temenggong Ibrahim pula telah berjanji akan melantik Tengku Ali menjadi Sultan dan "memberikan kepada Tengku Ali separuh daripada cukai-cukai hasil negeri Johor, dan yang dikirakan separuh itu ialah sebanyak \$300/- tiap-tiap bulan selama tiga tahun; genap tiga tahun akan dibuat pula perkiraan baharu". Blundell telah mengemukakan supaya persetujuan yang telah diaturkannya itu disahkan oleh pihak yang berkuasa Kompeni Inggeris di Benggala.

Tindakan yang telah dibuat oleh Blundell itu telah meresahkan pegawai-pegawai tertinggi Kompeni Inggeris di Benggala. Dalam surat jawapan daripada Kompeni Inggeris kepada Gabenor Blundell, bertarikh 4 hari bulan Mac tahun 1853, Kompeni Inggeris telah mencela perbuatan Blundell yang telah menjalankan tindakan

campurtangan itu walaupun ia telah diberitahu jangan melakukan pekerjaan itu. Tetapi dalam surat itu Kompeni Inggeris menyatakan pula: "Jika penyelesaian dalam masalah itu patut dicadangkan dan Temenggong itu mahu pula membeli seluruh kedaulatan (di Johor) dengan suatu pengorbanan daripada cukai hasil (negeri itu) bagi faedah Sultan itu, maka Gabenor-Jeneral telah memikirkan langkah yang telah diambil itu akan mendatangkan faedah kepada pihak-pihak yang bersangkutan."

Sungguhpun susunan penyelesaian yang dibuat oleh Blundell itu telah diizinkan oleh Gabenor-Jeneral Kompeni Inggeris di Benggala, tetapi belumlah Pemangku Gabenor itu menjalankannya, kerana masa itu dia selalu di Pulau Pinang sahaja; ataupun boleh jadi juga ia telah mengambil ketetapan hendak menyerahkan sahaja perkara itu kepada Gabenor Butterworth yang akan balik semula memegang jawatannya dalam bulan November (1853).

Sementara itu, sebelum Gabenor Butterworth balik semula ke Singapura, Tengku Ali telah melakukan beberapa perbuatan yang menyebabkan Kompeni Inggeris serba salah, dan oleh perbuatannya itu telah menjadikan Tengku Ali bertambah tidak digemari oleh Kompeni Inggeris. Tengku Ali didapati telah berhutang beberapa banyak wang dengan saudagar-saudagar di Singapura; cap mohor diraja yang ada pada Tengku Ali itu telah diberikannya jadi cagaran kepada W.H. Read, pembantunya yang kuat dalam tuntutan-tuntutannya itu. Pada 20 hari bulan Ogos (1853) pula, Tengku Ali telah mengirinkan kepada Temenggong Ibrahim beberapa syarat yang dirasa kesat oleh Temenggong itu, iaitu berkenaan dengan hendak menyelesaikan perkara pengganti Sultan Johor itu. Di antara syarat-syarat yang telah diberikan oleh Tengku Ali itu termasuklah fasal pengakuan dan perlantikan Tengku Ali menjadi Sultan Johor; pembahagian yang sama banyak di antara Sultan dengan Temenggong akan cukai-cukai hasil pendapatan kerajaan Johor; pembayaran kebelakangan (tunggakan) atau separuh daripada cukai-cukai yang telah dinikmati oleh Temenggong seorang sahaja selama ini kepada Tengku Ali; pembayaran sebanyak \$10,000/- kepada Sultan pada masa perkara Kesultanan itu telah diselesaikan, dan pengakuan daripada Temenggong bahawa Tengku Ali ialah yang Dipertuannya.

Tidaklah diketahui dengan jelas apakah yang telah menyebabkan Tengku Ali mengemukakan syarat-syarat seperti itu

kepada Temenggong Ibrahim. Tetapi, Sultan Mahmud Muzaffar Shah, Sultan Riau-Lingga yang pada masa itu selalu datang ke Singapura dan selalu pula berjumpa Tengku Ali, dipercayai tentu juga satu daripada sebab-sebabnya. Sultan Mahmud itu dengan Tengku Ali bersaudara sepupu (bapa-bapa mereka), Sultan Husain Shah dengan Sultan Abdul Rahman adik beradik); tambahan pula masa itu Sultan Mahmud sedang dalam perselisihan dengan pihak Yamtuan Muda Riau. Sultan Mahmud dengan angkatannya yang selalu datang menghiburkan hati ke Singapura itu, telah disyak juga berkomplot dengan Tengku Ali hendak menegakkan semula kerajaan Johor yang besar dahulu di bawah takluk Sultannya di Lingga. Tengku Ali berpendapat: jika Temenggong tidak mahu menerima syarat-syarat yang dikemukakanannya itu, beliau akan mengiktiraf Sultan Mahmud Lingga itu menjadi Sultan Johor; itu lebih baik daripada membiarkan Temenggong memerintah negeri Johor.

Temenggong Ibrahim, dengan cara menghina, tidak mahu melayan permintaan Tengku Ali itu, dan beliau sendiri sanggup mempertahankan hak-haknya di negeri Johor itu. Kompeni Inggeris, yang katanya bermaksud supaya perkara itu jangan bertambah kusut, telah meminta kepada Gabenor-Jeneral Belanda di Betawi supaya memanggil Sultan Mahmud yang di Singapura itu, yang memang di bawah takluk Belanda, balik ke Lingga. Setelah Sultan Mahmud berangkat balik ke Lingga, Tengku Ali tinggal di Singapura dalam keadaan yang lebih buruk.

Pada 9 hari bulan November tahun 1853, setelah bercuti selama hampir dua tahun di Australia, Gabenor Butterworth telah balik semula ke Singapura memegang jawatan Gabenor.

Dalam tahun 1853 itu juga, dengan persetujuan Bendahara Tun Ali (Pahang), anaknya Bendahara (Muda) Tun Mutahir yang memangku jawatan ayahnya itu, telah mengisytiharkan iaitu negeri Pahang merdeka, tiada takluk di bawah pemerintahan Riau-Lingga atau Johor ataupun Singapura.

1854. Dalam bulan Februari tahun 1854, Tengku Ali di Singapura telah mengisytiharkan bahawa beliau sedang dalam perjalanannya meninggalkan Singapura hendak pergi menubuhkan sebuah badan pemerintah di negeri Johor. Perisytiharan itu nyata kelihatan ialah

sebagai suatu tindakan diplomatik yang digalakkan oleh W.H. Read.

Pada masa itu Temenggong Ibrahim telah menawarkan hendak memberi sebahagian daripada cukai hasil negeri Johor itu kepada Tengku Ali dan hendak mengakui Tengku Ali sebagai Sultan, dengan syarat hendaklah pula Tengku Ali mengakui bahawa Temenggong Ibrahim itulah pemerintah yang berhak sepenuhnya di negeri Johor, iaitu bererti Tengku Ali dan Sultan-sultan yang kemudian daripadanya tidak sekali-kali akan menuntut hendak memerintah di negeri Johor.

Tetapi Tengku Ali telah mengemukakan pula kemahuannya iaitu: mula-mula hendaklah ia dahulu diakui menjadi Sultan; selepas itu baharulah ia pula mengakui Temenggong Ibrahim menjadi sebagai menterinya, dan satu bahagian daripada negeri Johor yang akan ditentukan, akan diberi kepada Temenggong, dan akan menerima sebahagian daripada cukai-cukai hasil yang didapati dari daerah itu; dan Temenggong Ibrahim hendaklah membayar wang sebanyak \$10,000/- sebagai menjelaskan pembayaran kebelakangan kepada Tengku Ali.

Apabila kedua-dua peraturan atau syarat-syarat yang dikemukakan oleh Temenggong Ibrahim dan Tengku Ali itu dibawa kepada timbang-tara Kompeni Inggeris menyelesaikannya, Kompeni itu tidak mahu meneruskannya untuk ditimbang-tarakan. Temenggong Ibrahim pula menyatakan: ia tidak mahu menerima syarat-syarat lain daripada syarat-syarat yang telah dikemukakannya itu; dan Tengku Ali pula menyatakan ia hendak merancang mencari cara-cara lain pula untuk menyampaikan maksudnya.

Dalam bulan Ogos tahun 1854 itu juga, Kompeni Inggeris telah mengemukakan pula cadangan-cadangan untuk dipersetujui oleh Tengku Ali dan Temenggong Ibrahim, iaitu: Temenggong Ibrahim memberi kepada Tengku Ali tiap-tiap bulan sebanyak \$500/- beserta dengan satu pembayaran sekali gus wang tunai sebanyak \$5,000/-, dan memberikan kepada Tengku Ali taraf Sultan, dengan syarat Temenggong serta waris-warisnya tetap memegang sepenuhnya kuasa pemerintahan di negeri Johor itu, dan Tengku Ali serta keluarganya pula hendaklah mengaku tidak sekali-kali akan mendiami negeri Johor.

Tengku Ali menyatakan: ia mahu menerima pembayaran sebanyak \$500/- tiap-tiap bulan itu dalam suatu masa yang diten-

tukan; tetapi, seperti yang telah dicadangkan oleh Blundell dahulu, Tengku Ali mahu diadakan satu syarat bagi menambah pembayaran bulanan itu apabila cukai hasil yang didapati oleh kerajaan Johor telah bertambah; dan tidak sudi Tengku Ali jika kedaulatannya sebagai Raja dihapuskan. Tengku Ali telah meminta supaya daerah di antara Sungai Muar dengan Sungai Kesang diberikan kepadanya jadi hakmiliknya sendiri. Temenggong Ibrahim tidak bersetuju memberikan daerah itu kepada Tengku Ali. Rundingan ini pun telah gagal juga.

Dalam bulan September tahun 1854 itu juga, Tengku Ali telah membangkitkan lagi perkaranya dengan Temenggong Ibrahim itu. Oleh sebab telah merasa ia akan kalah dalam tuntutan-tuntutannya itu, Tengku Ali berfikir baik ia menerima sahaja syarat-syarat yang telah dikemukakan oleh Kompeni Inggeris itu, kerana jika tidak diterimanya, boleh jadi tuntutan-tuntutannya itu akan hampa sahaja. Tambahan pula masa itu Tengku Ali dalam kemiskinan dan merasa perkaranya itu harus diselesaikan segera. Tengku Ali menegaskan lagi kepada Kompeni Inggeris: daerah negeri Johor di antara Sungai Muar dengan Sungai Kesang itu hendaklah diberikan kepadanya, kerana di situlah perkuburan kaum keluarga dan nenek moyangnya walaupun pada bulan lepas Temenggong Ibrahim tidak bersetuju memberikan daerah itu kepadanya.

Pada 18 hari bulan Disember (1854), Tengku Ali telah menulis surat kepada Residen Church menyatakan: ia hendak menghantarkan seorang saudaranya bernama Tengku Ja'afar berjumpa Residen Church merundingkan perkaranya itu; apa-apa syarat yang dipersetujui oleh Tengku Ja'afar dengan Residen Church itu, ia akan menerimanya. Tengku Ali menyatakan juga: jika ia tidak dapat menerima pertolongan lagi berhubung dengan surat yang telah dikirimkannya dahulu, terpaksa ia mengikut sahaja, kerana ia tidak ada apa-apa lain sumber pencarian.

Syarat-syarat baharu yang telah dikemukakan oleh Inggeris dan telah dipersetujui oleh Tengku Ali itu, ialah: Tengku Ali akan diberi gelaran *Sultan Johor* dan gelaran itu boleh dipakai terus oleh waris-waris penggantinya. Tengku Ali dan pengganti-penggantinya tidak akan mencampuri hal ehwal negeri Johor. Tengku Ali akan menerima wang sebanyak \$5,000/- sekali gus tunai daripada Temenggong Ibrahim, dan \$500/- tiap-tiap bulan selama-lamanya.

dan daerah Muar-Kesang terserah kepada Tengku Ali selama-lamanya.

Setelah syarat-syarat itu dipersetujui oleh Tengku Ali, Residen Church telah membuat hubungan pula dengan Temenggong Ibrahim supaya sama menyetujui syarat-syarat itu. Setelah Church mendesak Temenggong itu, akhirnya, pada 22 hari bulan Disember (1854), Temenggong Ibrahim pun sama bersetuju menerima syarat-syarat yang dikemukakan oleh Kompeni Inggeris itu.

Dalam bulan Disember itu juga (1854), Gabenor Butterworth telah menulis surat kepada Gabenor-Jeneral Kompeni Inggeris di Benggala mengemukakan syarat-syarat penyelesaian yang telah dipersetujui oleh Tengku Ali dan Temenggong Ibrahim itu dan meminta kebenaran Kompeni Inggeris meluluskannya. Cadangan yang telah dikemukakan oleh Gabenor itu dengan mudah sahaja telah diluluskan oleh Kompeni Inggeris.

Temenggong Ibrahim Seri Maharaja Johor dan Sultan Ali Iskandar Shah:

1855. SETELAH Tengku Ali dan Daing Ibrahim bersetuju dengan syarat-syarat penyelesaian yang dikemukakan oleh Gabenor Butterworth, dan telah diluluskan oleh Gabenor-Jeneral Kompeni Inggeris itu, pada 10 hari bulan Mac tahun 1855, berlangsunglah istiadat menandatangani perjanjian itu oleh Tengku Ali dan Temenggong Ibrahim dengan memeterikan cap mohor masing-masing pada surat perjanjian itu dengan disaksikan oleh Gabenor Butterworth. Majlis itu telah dihadiri oleh beberapa orang pegawai tinggi pemerintah Inggeris, diplomat-diplomat negeri asing serta orang-orang kenamaan di Singapura dan Johor. Dalam istiadat itu Tengku Ali bergelar *Sultan Johor* dengan gelarannya Sultan Ali Iskandar Shah. Gabenor Butterworth telah menghadiahkan kepada Sultan Ali sebilah pedang seperti yang telah dihadiahkan kepada Temenggong Ibrahim sembilan tahun lalu. Dalam ucapannya di majlis perlantikan itu, antara lain, sebagai menyindir, Butterworth telah berkata: "Kalaulah orang besar itu (sambil ia menunjuk ke arah gambar patung Raffles yang ada dalam dewan itu) dapat melihat apa yang ditembusi (diselesaikan) pada hari ini, tentulah beliau itu sangat suka." Lagipun kononnya, diberitakan: pada masa Sultan Ali hendak memeterikan cap mohornya pada surat perjanjian itu, cap itu "tak berapa mahu" dicapkan, melainkan setelah ditekan kuat-kuat.

Dalam buku *Hikayat Johor* karangan Haji Muhammad Sa'id bin Sulaiman ada menyebutkan syarat-syarat dalam perjanjian itu sebagai berikut:

- (1) Sultan Ali sampai keturunan atau waris penggantinya menyerahkan sepenuhnya kerajaan dan haknya kepada Dato'

Temenggong Ibrahim sampai kepada keturunan atau waris penggantinya selama-lamanya kesemua tanah daerah takluk Johor melainkan Kesang;

- (2) Temenggong akan membayar \$5,000/- pada Sultan apakala sempurna tandatangan diturunkan dalam surat itu, dan \$500/- pada sebulan hingga selama-lamanya mulai 1 Januari, 1855;
- (3) Negeri Kesang sahaja tinggal dalam pemerintahan Sultan (Ali);
- (4) Sekiranya Kesang itu hendak dijual hendaklah dahulu ditawarkan kepada Kompeni Inggeris kemudian kepada Temenggong dengan sama harga setelah itu baharulah boleh ditawarkan kepada orang lain;
- (5) Perniagaan hendaklah dilakukan secara bebas dan tiada boleh bangkit-membangkit atau menimbulkan pergaduhan;
- (6) Kiranya berbangkit suatu perselisihan bolehlah diserahkan kepada hukuman atau penyelesaian kerajaan India kerana perjanjian di antara dua pihak diperbuat dengan diketahui oleh kerajaan itu;
- (7) Adalah perjanjian yang diperbuat ini tiada mencatitkan perjanjian dengan East India Company bertarikh 2 Ogos, 1824.

Pendeknya, setelah dua puluh tahun ayahandanya mangkat, dan setelah berjuang sekian lama, pada 10 hari bulan Mac (1855) itu, Tengku Ali telah diberi gelaran "Sultan Johor", tetapi gelaran itu tiada membawa apa-apa pengertian bagi kedudukannya, bolehlah dikatakan gelaran kosong; kerana sejak itu seluruh negeri Johor dan kerajaannya telah terserah langsung kepada Temenggong Ibrahim dan waris-warisnya; Sultan Ali hanya menerima wang tunai \$5,000/-, dan \$500/- tiap-tiap bulan, dan tidak boleh masuk campur hal pemerintahan negeri Johor, melainkan diberi sebuah daerah yang tidak berhasil antara Sungai Muar dengan Sungai Kesang yang luasnya lebih kurang 260 batu persegi (lihat peta) dan ramai penduduknya masa itu lebih kurang seramai 800 orang, dan daerah itu pun kemudiannya lucut juga daripada tangan Sultan Ali seperti yang akan diceritakan lagi.

Sungguhpun negeri Johor telah terserah kepada Temenggong Ibrahim, dan daerah Muar-Kesang kepada Sultan Ali, tetapi mereka masih tinggal di Singapura; Sultan Ali di Kampong Gelam dan Temenggong Ibrahim di Telok Belanga.

Sejak dibuat Perjanjian 10 haribulan Mac tahun 1855 itu, ber-


△ GUNUNG LEDANG

MUAR
(KESANG)

MELAKA

J O H O R

SELAT MELAKA



Daerah Muar 1855-1878



macam-macam pendapat orang ramai mengenai Perjanjian itu. Pihak orang-orang yang menyebelahi Sultan Ali menganggap Perjanjian itu telah dibuat dengan cara menipu, dengan alasan mereka: Sultan Ali yang membuat Perjanjian itu ialah seorang yang tidak berapa siuman atau agak bebal orangnya, dan ia telah dipaksa menyetujui syarat-syarat dalam perjanjian itu, kerana "suatu waran yang hendak memenjarakan dia ke dalam jel, telah dipampangkan dengan cara menakutkan di depan mukanya oleh ketua pihak-pihak yang berkuasa". Lagi mereka mengatakan: mengikut adat Melayu, Tengku Ali dan putera-puteranya tidak berhak menandatangani surat-surat penyerahan kedaulatan negeri Johor kepada sesiapa pun dengan tiada persetujuan orang-orang besarnya dan setelah memberitahu lebih dahulu kepada seorang yang di bawah takluk Sultan Johor. Hanya penderhaka sahaja yang boleh memaksa seseorang Sultan berbuat begitu. Jika Tengku Ali itu seorang yang sangat tidak sesuai dijadikan Sultan, lebih baik pemerintah melantik Temenggong itu menjadi Pemangku Raja (Regent), dan setelah putera Tengku Ali itu dewasa lalu memegang gelaran Sultan itu.

Berhubung dengan Perjanjian itu juga, suratkhbar *Singapore Free Press* keluaran 15 hari bulan Mac tahun 1855 telah mengulas, yang maksudnya demikian:

"Cara menyelesaikan perkara itu juga, kelihatan kepada kami, telah dijalankan dengan perasaan yang sangat buruk. Bukannya penyelesaian itu telah dibuat dengan cara bersenyap-senyap, iaitu dengan cara pertimbangan untuk pihak yang sangat berkepentingan itu boleh diperintahkan sahaja, melainkan telah dibuat dengan cara menonjolkannya sebagai suatu jenis pandangan sandiwara. Sambil sebelah tangan Gabenor itu menghulurkan kepadanya gelaran yang kosong...sebelah tangan yang lain pula telah meragut sebuah negeri kepunyaannya". "Walau bagaimanapun, pimpinan Pemerintah dalam perkara ini, hanyalah secebis kecil kejadian yang telah menunjukkan betapa kelakuan pemerintah terhadap sekalian raja-raja bumiputera dan barangkali terhadap keturunan mereka, iaitu orang-orang dari merekalah Pemerintah telah dapat faedah. Sikap tidak menerima kasih dan cuai, dalam setengah-setengah perkara, dicampurkan dengan sikap yang melukakan hati, memang begitulah rupa pemerintahan dengan tidak berkecuali".

Orang-orang yang memihak kepada Temenggong pula berkata: Temenggong Abdul Rahman ayahanda Daing Ibrahim itu, ialah orang yang empunya Singapura dan Johor, iaitu orang yang menguasai negeri itu mengikut haknya. Jika diperhatikan dengan

cermat susunan undang-undang yang halus itu, bukanlah Sultan Singapura yang dilantik oleh Raffles itu orang yang menceraikan atau memutuskan negeri Pahang dan Johor daripada Kerajaan Johor-Riau yang besar dahulu, melainkan adindanya Sultan Abdul Rahman di Lingga serta tarikan pengaruh orang-orang Belanda dan Inggerislah yang telah memecahbelahkan negeri itu, dan membiarkan negeri Pahang tinggal kepada Bendahara, dan negeri Johor kepada Temenggong, iaitu pemerintah yang sedang memerintah di negeri-negeri itu. Sahabat-sahabat Temenggong itu pula telah menganggap bahawa pertukaran kuasa dan persetujuan yang bebas antara kedua belah pihak itu, memang telah berjalan beberapa tahun lamanya, dan tak ada apa-apa lagi yang dikehendaki melainkan pengesahan rasmi seperti yang baharu dibuat itu. Lagipun, pada masa hidup Temenggong Abdul Rahman dan sesudah mangkatnya pada tahun 1825, iaitu pada masa Daing Ibrahim masih muda belia lagi, tak pernah pun Sultan Husain ayahanda Tengku Ali itu menggunakan kuasanya dengan bersungguh-sungguh di negeri Johor. Gabenor Blundell sahaja yang memihak kepada keluarga Kampung Gelam itu dan mencari-cari jalan hendak menolong anggotanya dengan tidak menghendaki pemerintah Kompeni Inggeris di Benggala memaksa Daing Ibrahim mengaku Tengku Ali menjadi Sultan dan membayar kepadanya sejumlah wang yang banyak untuk mengembalikan balik negeri yang memang telah sedia dipunyai oleh Temenggong itu. Daing Ibrahim sendiri tak mengerti mengapa dia seorang sahaja yang mesti membayar wang kepada Sultan Ali, pada hal sepatutnya pembayaran itu bersama-sama ditanggung oleh Pahang dan Johor; jadi oleh sebab kemurahan hatinya maka Daing Ibrahim telah menyetujui perjanjian itu.

Pendeknya, sebagaimana yang telah dijangkakan, dari permulaan dibuat perjanjian itu lagi, kedua pihak itu tidak berbaik-baik.

Selepas dibuat perjanjian itu, Temenggong Ibrahim pun semakin rajin datang ke negeri Johor sambil memeriksa tempat-tempat dan daerah-daerah dalam negeri Johor dan melantik ketua-ketua pada tempat-tempat yang difikirkannya patut ada ketua; mengadakan pegawai-pegawai menjaga keamanan dan memungut hasil; menggalakkan orang Cina berladang gambir dan lada hitam; mengaturkan orang-orang datang membangunkan rumah dan kedai pada suatu tempat bersetentang dengan Pulau Singa-

pura lalu tempat itu dibukanya menjadi sebuah bandar dinamakan *Tanjung Puteri* serta menggalakkan orang datang berniaga dan diam di bandar itu. Pada masa itu Temenggong Ibrahim telah menjadi orang kaya, terutama kerana perdagangan getah perca yang didagangkan ke Singapura. Selain daripada itu ialah pendapatannya dari cukai-cukai tempat memasak candu dan samsu yang telah didirikan oleh orang-orang Cina di negeri Johor. Dalam tahun 1856 cukai-cukai dari tempat-tempat memasak candu dan samsu itu didapati oleh Temenggong sebanyak \$3,750/-, dan pada tahun berikutnya bertambah hingga didapati sebanyak \$5,000/- Dalam tahun 1855 itu juga Temenggong Ibrahim telah berjanji akan memberi sebanyak \$1,000/- setahun untuk membantu sekolah Inggeris dan Melayu di Telok Belanga yang dipunyai oleh pemerintah Singapura yang di bawah jagaan seorang paderi Inggeris yang terkenal di Singapura bernama Keasberry, dan Temenggong Ibrahim hendak membantu pula sebahagian daripada belanja mendirikan bangunan sekolah itu dan akan memberi tanah tempat mendirikan sekolah itu.

Dalam pada itu, suatu perkara yang tidak disangka-sangka telah berlaku. Pada masa dibuat perjanjian di antara Tengku Ali dengan Temenggong Ibrahim pada 10 hari bulan Mac tahun 1855 itu, rupanya daerah Segamat yang terletak di sebelah kanan mudik Sungai Muar iaitu arah ke timur laut daerah Muar (lihat peta) tiada tersebut dalam perjanjian itu; padahal daerah itu termasuk ke dalam perintah seorang Temenggong yang diam di Muar. Temenggong Muar itu pun dahulunya seperti Temenggong Johor dan Bendahara Pahang juga, takluk di bawah kuasa Kerajaan Johor-Riau juga, dan diberi kuasa memerintah daerah Muar dan Segamat. Mengikut fahaman daripada perjanjian itu yang menyebutkan kawasan dari Sungai Muar sampai ke Sungai Kesang, yakni dari sebelah tebing kiri mudik Sungai Muar sampai ke tebing kanan mudik Sungai Kesang, masuk ke dalam perintah Sultan Ali, dan bererti Segamat yang letaknya di sebelah kanan mudik Sungai Muar itu, termasuk ke dalam perintah negeri Johor, iaitu ke dalam perintah Temenggong Ibrahim.

Tetapi, dalam tahun 1855 itu juga, apabila Temenggong Ibrahim hendak menjalankan kuasanya ke daerah Segamat, Temenggong Muar tidak mahu menerimanya dan telah melawan pihak Temenggong Ibrahim. Temenggong Ibrahim pun marah lalu

melengkapkan pasukan perang hendak menyerang Segamat. Apabila pemerintah Inggeris dapat tahu hal itu, Gabenor di Singapura telah memerintahkan Penolong Residen Konsular di Melaka, bernama Alexander, pergi ke Segamat cuba menyelesaikan pertikaian di antara Temenggong Muar dengan Temenggong Ibrahim itu. Setelah Alexander menerangkan pengertian syarat-syarat dalam perjanjian itu kepada Temenggong Muar, beliau pun mengaku tunduk kepada Temenggong Ibrahim dan mereka pun berdamailah. Tetapi perdamaian itu tidak kekal. Tiada lama kemudian, Temenggong Muar telah berpegang balik kepada hak dan kuasanya sebagai pemerintah yang merdeka di tempat itu, dan berlakulah peperangan yang hebat di antara orang-orang Temenggong Ibrahim dengan orang-orang Temenggong Muar; peperangan itu telah berlanjutan hingga beberapa tahun lamanya (hingga tahun 1862 setelah diselesaikan oleh Inggeris). Dalam bulan Oktober tahun 1855 itu juga, peristiwa di Segamat itu telah dilaporkan oleh Gabenor Singapura ke Benggala dan menerangkan juga perkaitannya dengan perjanjian yang telah dibuat itu.

Dalam bulan Disember tahun 1855, E.A. Blundell mula menjadi Gabenor di Singapura menggantikan Butterworth.

1856. Pada tahun 1856, Temenggong Ibrahim telah bersetuju hendak membayar sebanyak 500 rupiah sebulan iaitu separuh daripada belanja menyelenggarakan dua buah perahu bermeriam yang berkawal di Selat Singapura (Pelabuhan Keppel sekarang) dan menghapuskan perompak laut.

Pada tahun 1856 itu juga, Blundell telah berpendapat, adanya Temenggong Ibrahim Seri Maharaja tinggal di Singapura itu mendatangkan kesulitan kepada pertadbirannya. Oleh sebab itu Blundell telah menulis surat memberitahu kepada Gabenor-Jeneral Kompeni Inggeris di Benggala berkenaan dengan Temenggong Ibrahim yang masih tinggal di Singapura itu. Salinan surat itu telah dikirimkan oleh Gabenor itu kepada Temenggong Ibrahim. Isi surat Blundell itu menyatakan: "Temenggong Ibrahim sebagai seorang pemerintah yang merdeka dan tinggal di Singapura itu telah menyebabkan beberapa kesulitan kepada pemerintah Singapura"; jika Temenggong masih suka tinggal di Singapura, hendaklah ia memberhentikan kesalahan jenayah yang dilakukan oleh rakyat Johor di Singapura; kerana setelah melakukan

kesalahan itu mereka telah lari melindungi diri ke tanah besar Semenanjung; itulah yang telah menjadikan pemerintah Singapura serba salah.

Surat Gabenor Blundell itu telah dijawab oleh Temenggong Ibrahim yang maksudnya: "Sangatlah sedih dan terlampau tidak suka rasa hati beta menerima sebarang tindakan memaksa daripada pemerintah Kompeni Inggeris yang membantu pendapat Gabenor Singapura menyuruh beta pindah daripada tempat kediaman beta di Singapura ini. Hubungan beta dengan Singapura ini telah terikat beberapa lama dan kuat, tidak kurang kuatnya daripada mereka yang telah menghubungkan beta dengan pemerintah British; dengan ingatan yang baik, beta anak isteri menerima kasih akan kebaikan dalam jabatan-jabatan beta yang telah beta terima daripada pemerintah itu".

Setelah Gabenor Blundell menerima surat daripada Temenggong Ibrahim itu, nampaknya maksud Blundell hendak menyuruh Temenggong itu pindah dari Singapura hilang begitu sahaja.

Oleh sebab berkehendakkan hasil dari daerah Muar yang diperintahkannya itu, pada tahun 1856 itu juga, Sultan Ali yang bersemayam di Singapura telah menghantarkan seorang Bugis yang digelar baginda *Suliwatang* (gelaran cara Bugis) dan diberi kuasa, pergi memungut cukai ke daerah Muar dengan aturan yang ditetapkan baginda, iaitu dua pertiga daripada cukai yang didapati itu, setelah ditolak belanja memungutnya, hendaklah diserahkan kepada baginda di Singapura.

Suliwatang dengan beberapa orang kakitangannya orang-orang Bugis telah pergi ke Muar lalu menjalankan pemungutan cukai di sana seberapa banyak yang dapat dipungut dengan cara yang keras dan paksa. Orang-orang Muar di bawah Temenggong Muar yang telah merasa sakit hati kena peras dengan zalim oleh perbuatan Suliwatang dan kakitangannya itu, telah menentang hingga menerbitkan pergaduhan. Dalam pergaduhan itu, orang-orang Bugis itu telah melakukan rompakan dan rampasan di merata-rata tempat di daerah Muar. Apabila pemerintah Inggeris di Singapura dapat tahu hal itu, Inggeris pun meminta Sultan Ali menghantarkan orang-orangnya memanggil balik orang-orang Bugis di Muar itu dan menyelesaikan perkara Suliwatang dengan Temenggong Muar supaya pergaduhan di Muar itu jangan ber-

panjang. Sebagai menjawab permintaan Inggeris itu, Sultan Ali hendak tahu pula dari pihak Inggeris: siapakah yang telah melantik Temenggong Muar jadi ketua di daerah itu dan Sultan Ali mengisytiharkan pula hanya dialah sahaja pemerintah di tempat itu berdasarkan kepada Perjanjian Tahun 1855, dan itulah sebabnya ia telah menyetujui Perjanjian itu.

Gabenor Singapura telah memberitahu kepada Sultan Ali: Temenggong Muar itu telah dilantik oleh Sultan Johor yang lalu dan dalam Perjanjian Tahun 1855 itu memang tak ada menyebutkan fasal Temenggong Muar itu, kerana tak ada orang yang memberitahu kepada Gabenor Butterworth akan adanya Temenggong Muar itu. Gabenor itu telah mengingatkan Sultan Ali iaitu sementara menantikan keputusan daripada Gabenor-Jeneral Kompeni Inggeris di Benggala, janganlah hendaknya berlaku apa-apa kekacauan di Muar, dan panggillah baikk orang-orang Bugis yang ada di situ. Tetapi peringatan Gabenor itu tiada dapat diikuti sepenuhnya oleh Sultan Ali, kerana Suliwang itu pun bukan mudah baginda menguasainya.

Gabenor Singapura telah menghantarkan Residen Konsular Melaka pergi ke Muar merundingkan perkara Temenggong Muar dengan Suliwang itu. Setelah berunding dan setelah mereka diberitahu bahawa Gabenor Singapura hendak menghantar surat kepada Gabenor-Jeneral di Benggala menentukan hal Muar itu, berhenti sebentar pergaduhan di Muar itu; tetapi Suliwang dan orang-orangnya masih ada lagi tinggal di kubu-kubu mereka di Muar itu.

1857. Dalam bulan Jun tahun 1857, Yamtuan Muda Raja Ali ibni almarhum Yamtuan Muda Raja Ja'afar, telah mangkat di Pulau Penyengat, Riau; tetapi belum dilantik penggantinya lagi, kerana pada masa itu Sultan Mahmud Muzaffar Shah (di Lingga) berkehendakkan menantunya Raja Muhammad Yusuf putera almarhum Raja Ali itu menggantikan almarhum ayahandanya menjadi Yamtuan Muda; tetapi ramai orang-orang besar di Riau dan orang Belanda juga berkehendakkan Raja Haji Abdullah (Engku Kelana) adik almarhum Raja Ali jadi Yamtuan Muda menggantikan-kekandanya. Raja Muhammad Yusuf itu ialah suami Tengku Embong puteri Sultan Mahmud Muzaffar Shah. Perkara pengganti Yamtuan Muda itu telah tergantung beberapa bulan lamanya.

Dalam tahun 1857 itu juga Bendahara Tun Ali Pahang mangkat, dan digantikan oleh puteranya Tun (Wan) Mutahir yang telah lama memangku jawatan ayahnya itu, jadi Bendahara Pahang bergelar Bendahara Seri Maharaja. Bendahara Tun Mutahir itu ada seorang adik bernama Tun Ahmad (biasa disebut Wan Ahmad). Oleh sebab Bendahara Tun Mutahir tiada memberikan daerah Kuantan dan Endau kepada adiknya Wan Ahmad seperti yang telah diwasiatkan oleh almarhum ayahanda mereka (Tun Ali), Wan Ahmad pun marah dan telah mengumpulkan pengikut-pengikutnya melawan kekandanya Bendahara Tun Mutahir itu. Pada tahun 1857 itu juga Wan Ahmad telah meninggalkan negeri Pahang pergi ke Pulau Tekong Singapura menyiapkan orang-orang dan perahu-perahu perang hendak menyerang ke Pahang mengalahkan Bendahara Tun Mutahir.

Dalam bulan Julai (1857) Temenggong Ibrahim telah memberitahu kepada Gabenor di Singapura fasal Wan Ahmad yang sedang menyiapkan perahu-perahu di Pulau Tekong hendak menyerang ke negeri Pahang, dan Temenggong itu meminta supaya Gabenor Singapura menghalang Wan Ahmad menggunakan wilayah Singapura (Pulau Tekong) sebagai pangkalan perangnya hendak menyerang Pahang. Gabenor Blundell telah mengingatkan Temenggong Ibrahim sebagai penduduk Singapura, jangan masuk campur dalam hal permusuhan di antara raja-raja Pahang itu.

Dalam bulan September tahun 1857 itu juga, Kerajaan Belanda di Gugusan Pulau-pulau Hindia Timur telah memecat Sultan Mahmud Muzaffar Shah daripada takhta kerajaan Riau-Lingga, kerana baginda itu tiada begitu taat menurut perintah dan nasihat Kerajaan Belanda mengenai pemerintahan baginda di Riau-Lingga. Kerajaan Belanda telah melantik bapa saudara Sultan Mahmud yang bernama Raja Sulaiman ibni almarhum Sultan Abdul Rahman, Marhum Bukit Chengkeh, menjadi Sultan Riau-Lingga (yang ke-4) bergelar Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (II); dan Belanda telah melantik juga Raja Haji Abdullah menjadi Yamtuan Muda di Riau (yang ke-9) menggantikan kakandanya almarhum Raja Ali.

Sultan Mahmud Muzaffar Shah dari Lingga yang telah dipecat oleh Belanda itu pergi ke Singapura, kemudian pergi ke negeri Pahang. Di negeri Pahang telah dicubanya merisik kepada Bendahara Tun Mutahir supaya ia dilantik menjadi Sultan Pahang; tetapi keinginan Sultan Mahmud itu tiada mendapat sambutan

daripada Bendahara Pahang. Oleh sebab itu Sultan Mahmud pun masuk menyebelahi Wan Ahmad menentang Bendahara Tun Mutahir. Sultan Mahmud yang telah bersatu dengan Wan Ahmad memerangi pihak Bendahara Tun Mutahir di negeri Pahang itu, dianggap oleh Temenggong Ibrahim sebagai suatu bahaya kepada kedudukannya di negeri Johor; dan itulah satu daripada sebab mengapa Temenggong Ibrahim menyebelahi Bendahara Tun Mutahir.

Sementara Residen Konsular Melaka telah memberhentikan pergaduhan di antara pihak Temenggong Muar dengan orang-orang Bugis yang diketuai oleh Suliwatang, orang Sultan Ali itu, Gabenor Blundell di Singapura telah menulis surat kepada Gabenor-Jeneral Kompeni Inggeris di Benggala dan mencadangkan; untuk menghindarkan supaya jangan lagi berlaku pergaduhan di Muar itu, eloklah Kompeni Inggeris membeli daerah Muar itu daripada Sultan Ali, dan untuk menjauhkan kerumitan yang berhubung dengan daerah itu, eloklah Sultan Ali dan Temenggong Muar itu diberi wang pencen. Oleh sebab barangkali Kompeni Inggeris masa itu sedang sibuk menghadapi lain-lain hal yang lebih penting daripada pergaduhan kecil di Muar yang telah dibangkitkan oleh Sultan Ali itu, cadangan Gabenor Singapura itu pun tiada mendapat layanan sepenuhnya dari pihak Kompeni Inggeris.

Sementara menantikan jawapan penyelesaian daripada Kompeni Inggeris mengenai hal Muar itu, orang-orang Bugis yang tinggal di dalam kubu-kubu mereka di Muar itu, telah merasa bosan tinggal menunggu lama-lama; tambahan pula barang-barang makanan dalam kubu mereka itu pun telah semakin berkurangan. Oleh sebab itu mereka pun keluar daripada kubu-kubu mereka itu lalu menjarah dan merampas ke sana ke mari di kampung-kampung dalam daerah Muar, dan bangkit semula pergaduhan dengan orang-orang Temenggong Muar. Oleh sebab orang-orang Bugis itu tiada berapa ramai, hanya lebih kurang 80 orang, mereka telah dialahkan oleh orang-orang Temenggong Muar yang ramai lebih kurang empat ratus orang, dan orang-orang Bugis itu telah dihalau keluar dari daerah Muar pergi ke kampung-kampung di seberang sana Sungai Kesang dalam daerah Melaka.

Dalam bulan November tahun 1857 itu juga, Tun Koris putera Bendahara Tun Mutahir Pahang, dengan suatu angkatannya

datang ke Singapura, lalu Tun Koris berkahwin dengan Che' Engku Besar puteri Temenggong Ibrahim. Pada masa itulah, sedang Pahang tidak bersedia apa-apa, Wan Ahmad yang dibantu oleh Sultan Trengganu (Sultan Umar) telah datang menyerang ke negeri Pahang. Pada masa itu juga Gabenor Singapura telah menahan Temenggong Ibrahim menghantar pasukan perang membantu Bendahara Tun Mutahir Pahang, dan melarang Temenggong itu masuk campur dalam hal ehwal yang sedang berlaku di negeri Pahang itu.

1858. Dalam bulan Februari tahun 1858, Temenggong Ibrahim telah mengirim surat kepada Gabenor Singapura menyatakan kesalnya dengan sikap "Bukan cara bersahabat" yang telah ditunjukkan oleh Gabenor itu kepadanya: Gabenor itu telah melarang Temenggong Ibrahim menghantarkan pertolongan kepada Bendahara Tun Mutahir di negeri Pahang; tetapi telah membiarkan Wan Ahmad menggunakan Singapura (Pulau Tekong) jadi pangkalannya memerangi Pahang; Temenggong Ibrahim hendak menghantarkan sebuah pasukan perang negeri Johor pergi membantu Bendahara itu telah ditahan oleh Gabenor itu, dan dilarangnya pula Temenggong Ibrahim, sebagai penduduk Singapura, mencampuri Perang Pahang itu. Temenggong Ibrahim telah menegaskan kepada Gabenor itu: Bendahara Pahang yang hendak dibantunya itu ialah pemerintah sebuah negeri (Pahang) yang sedang berbaik dengan British, dan Wan Ahmad sedang memerangi negeri itu; pihak yang berkuasa besar (British) sepatutnya memelihara ketenteraman di Semenanjung Tanah Melayu ini.

Orang Bugis di bawah jagaan Suliwatang yang telah terhalau ke Kesang dalam daerah Melaka itu, telah mengganas pula di sana, merampas dan merompak di kampung-kampung dalam daerah Kesang. Pasukan Polis Melaka telah mengejar mereka dan telah menangkap beberapa orang daripada orang-orang Bugis itu, dan ramai pula yang telah lari menyembunyikan diri di hutan-hutan dalam daerah Muar.

Tiada lama lepas itu, dalam tahun 1858, Suliwatang telah dapat mengadakan pasukannya semula lalu pergi menyerang daerah Segamat yang di bawah perintah Temenggong Johor itu dan telah memaksa orang-orang di Segamat tunduk ke bawah perintah Sultan Ali dan membayar cukai kepada baginda. Kejadian itu telah disampaikan ke Singapura. Setelah Suliwatang menerima amaran

dan ancaman dari Gabenor Blundell di Singapura, ia pun berundur meninggalkan Segamat.

Sejak dibuat Perjanjian 10 hari bulan Mac tahun 1855 itu pengikut Sultan Ali dengan pengikut Temenggong Ibrahim selalu sahaja bergaduh, baik di Singapura ataupun di negeri Johor. Dalam tahun 1858 itu, Sultan Ali telah mengadu kepada Gabenor di Singapura mengatakan orang-orang baginda yang pergi ke negeri Johor mencari getah perca dan kayu balak telah diapa-apakan dengan cara yang sangat buruk oleh Temenggong Johor. Apabila Gabenor Singapura mengemukakan perkara itu kepada Temenggong Johor, dato' itu telah menjawab mengatakan tuduhan itu tidak benar; dan menyatakan pula: jika orang-orang Sultan Ali datang ke negeri Johor, mestilah mereka mengikut undang-undang negeri itu, membayar cukai dan jika mereka hendak mengambil hasil-hasil dalam hutan negeri itu, hendaklah lebih dahulu meminta surat kebenaran daripada Temenggong itu seperti yang dibuat oleh orang-orang lain juga.

Sikap Temenggong Ibrahim yang dipandang oleh orang-orang Sultan Ali sebagai sikap sombong "orang kaya baru" terhadap Sultan Ali dalam perkara yang disebutkan itu dan dalam beberapa perkara lain juga, telah membangkitkan kemarahan orang-orang Sultan Ali dan orang-orang besar Melayu juga. Oleh itu, mulalah mereka mencabar mengatakan Perjanjian Tahun 1855 itu tidak sah. Beberapa orang wakil dari pihak pengikut Sultan Ali telah pergi menemui Gabenor Singapura dan meminta supaya Perjanjian itu dibatalkan sahaja, kerana mereka memandang Perjanjian itu tidak sah, sebab sebelum membuat Perjanjian itu Sultan Ali tidak berunding lebih dahulu dengan orang-orang besarnya mengikut seperti yang dikehendaki oleh adat Melayu. Tetapi Gabenor Singapura telah menolak, tiada mahu melayan permintaan mereka itu, sambil mencabar mereka pula dengan mengatakan bahawa mereka pun tidak ada kebolehan hendak memberikan pendapat mereka dalam perkara itu. Hampalah maksud wakil pihak pengikut Sultan Ali itu, lalu mereka berikhtiar mencari cara lain pula. (Lihat tahun 1860).

Dalam tahun 1858 itu juga, Kompeni Inggeris yang bernama *East India Company* itu telah dimansuhkan; segala hak dan kuasa Kompeni itu telah diserahkan kepada kerajaan Inggeris (British). Negeri-negeri Selat pun terserahlah kepada kerajaan British; tetapi

Gabenor Negeri-negeri Selat itu diteruskan juga tinggal di bawah perintah Gabenor-Jeneral kerajaan Inggeris di India.

Dalam tahun 1858 itu juga Yamtuan Muda Raja Haji Abdullah mangkat di Pulau Penyengat, Riau, digelar *Marhum Murshid*. Dengan persetujuan kerajaan Belanda lalu dilantik anak saudaranya Raja Muhammad Yusuf ibni almarhum Raja Ali, jadi Yamtuan Muda, bersemayam di Kota Rentang, Riau. Yamtuan Muda Raja Muhammad Yusuf itulah Yamtuan Muda yang ke-10 dan yang akhir sekali di Riau.

1860. Pada akhir tahun 1860, putera Temenggong Ibrahim yang bernama Tun Abu Bakar—biasa disebut Enche' Wan Abu Bakar—telah berkahwin dengan Che' Engku Chik puteri Bendahara Tun Mutahir Pahang, adik Tun Koris. Sejak itu hubungan Johor—Pahang bertambah kuat.

Apabila pengikut Sultan Ali tidak berjaya membatalkan Perjanjian Tahun 1855 itu, mereka hendak menjalankan tindakan dengan jalan berkeras pula. Pada akhir tahun 1860 itu juga, beberapa ramai orang yang menyebelahi Sultan Ali telah berkumpul di Muar dengan tujuan hendak menyerang negeri Johor (Johor selatan) dan hendak mengembalikan negeri itu kepada Sultan Ali. Seorang penasihat kepada Sultan Ali bernama Enche' Bujal, dengan bersulit sulit telah pergi ke Muar, mengumpulkan orang serta alat senjata dari negeri-negeri yang berjiran dan bersiap di Muar hendak melancarkan serangan ke negeri Johor.

Apabila Temenggong Ibrahim mendengar berita orang-orang yang menyebelahi Sultan Ali telah bersiap dengan kelengkapan perang di Muar hendak menyerang negeri Johor itu, dato' itu pun terkejut lalu mengaku dan meminta Gabenor Singapura masuk campur. Gabenor Singapura telah memberi amaran kepada Sultan Ali mengatakan: selagi Sultan Ali dibenarkan tinggal di Singapura, di bawah lindungan kerajaan British, tidaklah boleh baginda atau pengikut-pengikut di bawah kuasa baginda, merosakkan keamanan di Semenanjung Tanah Melayu. Tetapi amaran Gabenor itu tidak dipedulikan oleh Sultan Ali dan tidak juga Sultan Ali memanggil Enche' Bujal di Muar itu balik ke Singapura.

Dalam tahun 1860 itu juga, Sultan Ali telah meminjam wang daripada seorang ceti di Singapura bernama Kavena Chana Shellah Chitty sebanyak \$53,600/- dengan bunga sebanyak 15 peratus.

Dipercayai, pinjaman yang dibuat oleh baginda itu ialah juga kerana perbelanjaan bagi angkatan yang hendak menyerang Johor itu. Kemudian daripada itu, sekeping tanah seluas lima ekar yang telah diuntukkan oleh Kompeni Inggeris bagi tempat kediaman keluarga Sultan itu telah digadaikan oleh Sultan Ali kepada ceti itu juga kerana berkehendakkan wang perbelanjaan.

1861. Sebelum tentu keputusan hal angkatan yang berkumpul di Muar hendak menyerang negeri Johor itu, E.A. Blundell telah berhenti daripada jawatannya, digantikan oleh William Orfeur Cavenagh jadi Gabenor Negeri-negeri Selat di Singapura.

Pada masa itu banyak tersiar rencana dalam suratkhobar di Singapura yang menyokong rancangan Sultan Ali hendak menyerang negeri Johor itu. Antara lain penyokong-penyokong itu mengatakan: memang sudah sepatutnya Sultan Ali mengambil balik negeri Johor itu dengan cara berperang. Dan ada pula yang membandingkan perbuatan yang akan dilancarkan oleh Sultan Ali itu seperti perbuatan pahlawan tanah air Itali yang bernama Garibaldi. Suratkhobar *The Straits Times* telah menerbitkan berita dahsyat yang mengatakan: lebih daripada 30,000 orang telah bersedia hendak melancarkan serangan itu, hanya menantikan kedatangan Sultan Ali sahaja yang hendak memimpin serangan itu.

Pada 14 hari bulan Februari (1861), Temenggong Ibrahim telah memberitahu kepada Gabenor Negeri-negeri Selat (Orfeur Cavenagh) mengatakan: Wan Ahmad (Pahang), Suliwatang serta ketua-ketua dari Rembau dan Sungai Ujong telah berkumpul di Muar di bawah perintah Sultan Ali hendak menyerang negeri Johor.

Pada 21 hari bulan Februari itu juga, pada masa Gabenor itu berada di Pulau Pinang, ia telah berkirin surat menyuruh Residen Konsular Melaka melarang orang-orang Melayu di Melaka meninggalkan Melaka pergi masuk campur dengan orang-orang Enche' Bujal di Muar. Sambil itu Kerajaan Negeri-negeri Selat telah menghantarkan kapalnya yang bernama *Hooghly* pergi ke Tanjong Gading (ibu daerah Muar masa itu) dan nakhoda kapal itu telah diperintahkan juga mengambil tahu betapa besar dan kuatnya angkatan Enche' Bujal yang ada di Muar itu. Sementara itu Gabenor itu telah memerintahkan juga Residen Konsular Singapura memberi amaran keras kepada Sultan Ali mengatakan: Perjanjian Tahun 1855 itu telah disahkan oleh Kompeni Inggeris, dan syarat-

syarat dalam Perjanjian itu tidak boleh diketepikan begitu sahaja oleh mana-mana pihak yang telah mempersetujuinya. Gabenor itu menyuruh juga Residen Konsular Singapura melarang Sultan Ali pergi ke Muar serta menahan senjata-senjata di bawa keluar dari Singapura. Gabenor itu sendiri telah memberi amaran kepada Sultan Ali mengatakan: Gabenor itu sudah cukup bersedia, jika dirasakan perlu, bagi menggunakan kekuatan yang ada di bawah perintahnya, iaitu kekuatan yang Sultan Ali sendiri sudah tahu benar-benar, tidak ada kuasa bumiputera boleh menolaknya, dan kekuatan itulah yang telah menyebabkan bumiputera menghormati British.

Angkatan Enche' Bujal di Muar yang memihak kepada Sultan Ali yang telah dirancangan hendak menyerang negeri Johor itu, sebenarnya tidak jadi dilancarkan menyerang Johor. Boleh jadi kerana Sultan Ali merasa bahawa amaran dan ancaman Gabenor Singapura itu bukanlah gertak kosong sahaja, ataupun barangkali kerana adanya kapal *Hooghly* yang telah berkawal di laut Tanjong Gading yang menyebabkan Enche' Bujal tidak berani keluar dari Kuala Muar melancarkan serangan itu; dalam pada itu boleh jadi sangat kekuatan angkatan Enche' Bujal yang hendak menyerang negeri Johor itu hanya dibesar-besarkan sahaja—digembar-gemburkan.

Dalam bulan Disember tahun 1861 itu juga, setelah dibenarkan oleh kerajaan Inggeris, Temenggong Ibrahim bagi pihak kerajaan Johor dengan Bendahara Tun Mutahir bagi pihak kerajaan Pahang, telah membuat perjanjian setia bertolong-tolongan antara satu dengan lain jika negeri mereka dilanggar musuh, dan jika timbul apa-apa kekusutan di antara mereka, hendaklah diserahkan kepada kerajaan Inggeris sebagai orang tengah untuk menyelesaikannya.

1862. Pada 31 hari bulan Januari tahun 1862, setelah demam dua hari sahaja, Temenggong Ibrahim Seri Maharaja Johor (Daing Konggek) pun mangkat, dan dimakamkan di Telok Belanga, Singapura. Puteranya Enche' Wan Abu Bakar dilantik menggantikan almarhum ayahandanya menjadi Raja Johor bergelar Temenggong Abu Bakar Seri Maharaja Johor, iaitu tatkala Perang Pahang sedang bergelora dan daerah Muar belum aman lagi.

SEJARAH JOHOR

*Temenggong Abu Bakar Seri
Maharaja Johor (1862);
Maharaja Abu Bakar (1868);
Sultan Abu Bakar (1885-1895):*

1862. PADA 1 haribulan Februari tahun 1862, Tun Abu Bakar (Enche' Wan Abu Bakar) telah dilantik di Teluk Belanga, Singapura, menggantikan ayahandanya almarhum Temenggong Tu Ibrahim (Daing Ronggek) menjadi Raja Johor bergelar Datuk Temenggong Abu Bakar Seri Maharaja Johor.

Sejak itu mulalah Temenggong Abu Bakar melipat gandakan usahanya memajukan negeri Johor. Beliau telah melawat ke merata-rata daerah dalam negeri Johor membaiki peraturan pemerintahan, menambah baikkkan lagi keadaan rumah-rumah dan perniagaan bandar Tanjong Puteri, serta menguatkan hubungan berbaik-baik dengan negeri Pahang. Pada masa itu Bendahara Tun Mutahir negeri Pahang yang telah agak uzur itu, telah menyerahkan pentadbiran negeri itu diambil-alih oleh anaknya Tun Koris yang disebut Bendahara Muda.

Sungguhpun dalam bulan Disember tahun 1861 yang lalu Temenggong Ibrahim Seri Maharaja Johor telah membuat perjanjian persahabatan dengan Bendahara Tun Mutahir Pahang, tetapi pada 17 hari bulan Jun tahun 1862, dengan kebenaran kerajaan Inggeris, Temenggong Abu Bakar bagi pihak kerajaan Johor telah membuat pula perjanjian persahabatan dengan Bendahara Tun Mutahir Pahang, dan kebanyakan daripada syarat-syarat dalam perjanjian ini serupa juga dengan syarat-syarat yang tersebut dalam perjanjian dalam tahun 1861 itu. Perjanjian ini pun, bagi pihak kerajaan Pahang, telah ditandatangani oleh Tun Koris (Bendahara Muda).

Di antara syarat-syarat yang tersebut dalam perjanjian 17 Jun tahun 1862 itu ialah: Johor dan Pahang mengaku bersahabat dan bantu-membantu antara satu dengan lain jika diserang musuh; Temenggong Abu Bakar hendaklah membantu Tun Koris dan penggantinya jika dikehendaki; jika berlaku perselisihan antara kedua-dua pihak, hendaklah diserahkan kepada kerajaan Inggeris menyelesaikannya; Pulau Tioman (yang dahulunya dalam pemerintahan Pahang) dan lain-lain pulau yang di selatan daripada Pulau Tioman itu, diserahkan kepada kerajaan Johor; di darat pula, kawasan tanah bagi negeri Johor telah diperluaskan lagi ke utara sampai ke Sungai Endau, dan Sungai Endau menjadi sempadan di darat di antara negeri Johor dengan negeri Pahang. Gabenor Orfeur Cavenagh di Singapura telah mempersetujui ikatan persahabatan itu, terutama kerana pihak yang berikat itulah yang akan menentang Wan Ahmad dan pembantu-pembantunya yang sedang memerangi negeri Pahang.

Dalam bulan Ogos tahun 1862 itu juga, Temenggong Abu Bakar telah berkirim surat kepada iparnya Bendahara Muda Tun Koris di Pahang dan adik Tun Koris yang bernama Wan Abdullahman (Wan Aman) dan kepada lain-lain orang-orang besar di negeri Pahang memberangsangkan mereka supaya bersungguh-sungguh melawan Wan Ahmad; dan Temenggong Abu Bakar berjanji pula akan menghantarkan bantuan orang dan alat kelengkapan perang ke negeri Pahang; dan Temenggong Abu Bakar mengatakan lagi: jika Sultan Mahmud bekas Sultan Riau-Lingga dan Sultan Trengganu (Sultan Umar) membantu Wan Ahmad, Temenggong itu akan mengisytiharkan perang melawan mereka. Dalam surat itu juga Temenggong Abu Bakar telah menawarkan wang hadiah sebanyak \$500/- kepada sesiapa yang dapat memusnahkan Wan Ahmad.

Dalam tahun 1862 itu juga Temenggong Abu Bakar telah berkirim surat mengingatkan Sultan Ali (di Singapura) mengatakan: daerah Segamat itu bukanlah termasuk ke dalam perintah Muar yang dalam perintah Sultan Ali itu, melainkan termasuk ke dalam perintah Johor; oleh sebab itu janganlah Sultan Ali memberi kuasa kepada Temenggong Paduka Tuan Muar (Temenggong Ismail bin Ismail) memerintah daerah Segamat itu.

Pada 7 hari bulan November tahun 1862, Sultan Ali yang selalu menampakan wang kerana borosnya itu, telah meminjam wang lagi

daripada ceti tempat beliau meminjam dahulu (Kavena Chana Shellapah Chitty) sebanyak \$15,000/- dengan tujuan, katanya, hendak membuka daerah Muar; dan cagaran bagi hutang itu, Sultan Ali telah memberi kuasa kepada ceti itu boleh menjualkan seluruh daerah Muar serta harta beliau yang ada tinggal di Kampung Gelam, Singapura.

Dalam bulan November tahun itu juga (1862), Gabenor Cavenagh di Singapura telah menerima surat rasmi daripada Sultan Ali memberitahu Gabenor itu beliau bermaksud hendak meninggalkan Singapura pergi tinggal di Muar, dan Sultan Ali telah meminta supaya wang daripada kerajaan Inggeris sebanyak 120,000/- iaitu pembayaran kepadanya mengikut syarat yang ke-IV dalam Perjanjian Tahun 1824 di antara almarhum ayahandanya dengan Kompeni Inggeris dahulu, dan wang \$20,000/- itu, sebagai harta kepunyaannya, hendaklah dibayarkan kepada ceti yang bernama Kavena Chana Shellapah Chitty itu bersama-sama dengan wang pencen bulanannya. Gabenor Cavenagh telah menolak tiada mahu melayan permintaan Sultan Ali yang berkehendakkan wang sebanyak \$20,000/- itu, dengan alasan bahawa Sultan Ali telah menjualkan atau menggadaikan sebahagian daripada harta yang telah diberikan oleh Kompeni, dan berertilah Sultan Ali telah melanggar syarat-syarat dalam Perjanjian Tahun 1824 itu. Tindakan Cavenagh itu telah dirujukkannya kepada pihak berkuasa kerajaan Inggeris di India yang telah menyetujui langkah yang telah dibuat oleh Cavenagh itu.

Dalam bulan November tahun 1862 itu juga, Sultan Ali pun meninggalkan Singapura; tetapi bukanlah ia pergi ke Muar, daerah yang diperintahnya itu, melainkan ia telah pergi dan tinggal di sebuah kampung dalam negeri Melaka bernama Kampung Umbai; dari situ Sultan Ali meneruskan perjuangannya hendak mendapatkan kuasanya memerintah negeri Johor.

Pada masa Sultan Ali tinggal di Umbai itu, beliau pun tahu bahawa di negeri Pahang sedang berlaku peperangan di antara Bendahara Tun Mutahir yang memerintah negeri itu dengan adiknya Wan Ahmad yang menentang kekuasaan abangnya itu. Temenggong Abu Bakar yang baharu dilantik menjadi Temenggong Johor itu dengan berterang-terang membantu Bendahara Tun Mutahir dan anaknya Bendahara Muda Tun Koris; dan Wan Ahmad pula dibantu oleh Sultan Mahmud bekas Sultan Riau-

Lingga dan Sultan Umar, Sultan Trengganu. Berhubung dengan Perang Pahang itu, Sultan Ali menganggap: jika Wan Ahmad menang, bolehlah beliau pergi ke Pahang melantik dan mengiktiraf Wan Ahmad menjadi Bendahara Pahang, dan sebagai balasannya itu, bolehlah ia meminta Bendahara Wan Ahmad melantik dan mengiktiraf dirinya pula menjadi Sultan yang sebenarnya bagi negeri Johor dan Pahang; dengan jalan itu tertubuhlah balik kerajaan Johor-Riau yang besar dahulu dengan mempunyai Bendaharanya di Pahang dan Temenggongnya di Johor seperti sediakala. Begitulah rancangan yang sedang difikirkannya oleh Sultan Ali di Umbai. Tetapi oleh sebab Sultan Ali tiada mempunyai harta kekayaan, tiadalah dapat beliau memberikan apa-apa bantuan berupa harta benda kepada Wan Ahmad, melainkan bantuan semangat sahaja yang dapat diberikannya. Sebaliknya, Temenggong Abu Bakar yang berkehendakkan keadaan pemerintahan di negeri Johor dan di negeri Pahang tetap tinggal seperti keadaannya yang ada itu, telah menghantar bantuannya seperti pasukan dan alat kelengkapan perang kepada Bendahara Pahang.

Dalam tahun 1862 itu juga Temenggong Abu Bakar telah menyatakan kepada Gabenor Negeri-negeri Selat akan hajatnya berkehendakkan tanah di Telok Belanga Singapura yang didiaminya itu supaya terpulang langsung kepadanya menjadi hak miliknya turun-temurun dengan tiada payah lagi ia menerima pembayaran wang sebanyak \$15,000/- mengikut syarat yang tersebut dalam Perjanjian Tahun 1824 itu. Temenggong Abu Bakar bersetuju pula melepaskan haknya pada tanah-tanah di tepi pantai laut dekat Teluk Belanga itu serta kawasan tempat rumah api di kemuncak sebuah bukit di Singapura yang sekarang dikenali dengan nama Mount Faber, serta sekeping tanah yang hendak dijadikan jalan sampai ke tepi laut bersetentang dengan Pulau Berani. Permintaan Temenggong Abu Bakar itu telah disetujui oleh kerajaan Inggeris. Pada 19 hari bulan Disember tahun 1862 itu juga diperbuatlah surat perjanjian serah-menyerah kuasa itu. Dalam kawasan di Telok Belanga itulah tempat permakaman tinda beliau almarhum Temenggong Abdul Rahman dan ayahanda beliau almarhum Temenggong Daing Ibrahim.

1863. Dalam bulan Mei tahun 1863, walaupun bantuan-bantuan daripada Temenggong Abu Bakar tidak berhenti-henti datang ke

pihak Bendahara Tun Mutahir di negeri Pahang, tetapi kemenangan-kemenangan dalam peperangan di negeri Pahang itu selalu didapati oleh pihak Wan Ahmad. Oleh itu, Bendahara Tun Mutahir yang telah uzur itu bersama-sama dengan anaknya Tun Koris Bendahara Muda itu, dengan suatu angkatan, telah bertolak meninggalkan negeri Pahang, menghilir Sungai Pahang, menuju ke negeri Johor. Dengan tiada disangka-sangka, apabila sampai di Kuala Pahang, dengan tiba-tiba, Tun Koris telah meninggal dunia; tetapi pelayaran diteruskan juga dengan membawa jenazah almarhum itu. Sampai di Kuala Sedili, tiba-tiba mangkat pula ayahandanya Bendahara Tun Mutahir; kedua-dua jenazah itu dibawa terus oleh orang-orang Bendahara itu ke bandar Tanjung Puteri di negeri Johor lalu dimakamkan di situ.

Pada 10 hari bulan Jun tahun 1863, Wan Ahmad telah berjaya mengambil negeri Pahang, dan orang-orang besar Pahang pun melantik Wan Ahmad menjadi Bendahara pemerintah Pahang bergelar Bendahara Seri Wak Raja.

Dalam bulan Jun tahun itu juga (1863), Temenggong Abu Bakar telah memberitahu kepada Gabenor di Singapura akan hal kemangkatan Bendahara Tun Mutahir dan Bendahara Muda Tun Koris yang hanya berselang empat hari di antara anak dan ayahnya itu. Temenggong itu telah mencadangkan kepada Gabenor Cavenagh supaya Wan Ahmad itu dijadikan Pemangku Raja (Regent) sahaja di negeri Pahang sehingga putera sulung Tun Koris memegang tampuk kerajaan itu. Tetapi Cavenagh percaya cadangan itu tentu tidak akan diterima oleh Wan Ahmad yang tentu sahaja tidak mahu melepaskan kerajaan negeri itu ke tangan orang lain daripada tangannya sendiri; dan mengenai hal itu kerajaan Inggeris telah mengambil sikap tidak masuk campur.

Tiada lama selepas Wan Ahmad menang peperangan di Pahang itu, Sultan Ali telah bertolak dari Umbai ikut Hulu Muar, Sungai Serting, hulu Sungai Pahang terus ke Pahang (Pekan) berjumpa Bendahara Wan Ahmad. Sultan Ali telah menyatakan keinginannya selama ini hendak melantik Wan Ahmad menjadi Bendahara; selepas itu dimintanya pula Bendahara Wan Ahmad melantiknya menjadi Sultan seperti yang diharapkannya itu. Oleh sebab Bendahara Wan Ahmad tidak mahu menerbitkan suatu kerumitan pula, permintaan Sultan Ali itu telah ditolaknyanya; tetapi Sultan Ali telah dikahwinkannya di Pahang. Dengan hampa mak-

sudnya Sultan Ali pun berangkat balik ke Umbai. Sejak itu tidaklah lagi Sultan Ali mencuba hendak mendapatkan negeri Johor dari tangan Temenggong Abu Bakar. Dalam pada itu Sultan Ali masih berkehendakkan wang.

Dalam bulan Ogos tahun 1863, Temenggong Abu Bakar telah mengadu kepada Gabenor Cavenagh mengatakan: Wan Ahmad di negeri Pahang itu hendak menyerang Johor dan menawan Endau serta Pulau Tinggi. Apabila Cavenagh mengemukakan perkara itu kepada ketuanya yang di atas lagi, kerajaan Inggeris telah membenarkan Gabenor Cavenagh jadi orang tengah menyelesaikan perselisihan antara Johor dengan Pahang itu. Temenggong Johor telah bersedia mahu menerima Inggeris menyelesaikan perkara itu; tetapi Bendahara Wan Ahmad sangat tidak percaya kepada kejujuran Gabenor itu. Gabenor Cavenagh pun tahu: jika berkehendakkan Wan Ahmad menerima penyelesaian Inggeris, mestilah menggunakan kekuatan senjata; tetapi kerajaan Inggeris tidak membenarkan Cavenagh berbuat begitu, kerana dalam perkara itu kerajaan Inggeris berpendapat: kesalahannya ialah dari pihak Temenggong Johor, sebab Temenggong Johor masih juga lagi menunjukkan tentangannya terhadap Wan Ahmad walaupun sudah nyata Wan Ahmad telah menang dalam perjuangannya mengambil negeri Pahang itu.

1864. Dalam tahun 1864, Sultan Mahmud Muzaffar Shah bekas Sultan Riau-Lingga yang membantu Wan Ahmad dalam Perang Pahang itu, telah memujuk Bendahara Wan Ahmad melengkapkan angkatan perang pergi menyerang orang-orang Belanda di Pulau Lingga. Tetapi pujukan itu tidak disetujui oleh Bendahara Wan Ahmad, kerana beliau tidak mahu menceburkan dirinya dan rakyat Pahang ke dalam peperangan di luar negeri. Dalam tahun itu juga (1864), Sultan Mahmud itu telah mangkat di Pekan (Pahang), dan telah dikebumikan di permakaman Bendahara-bendahara Pahang.

1866. Pada hari Isnin, 1 hari bulan Januari tahun 1866, dalam suatu istiadat yang telah diadakan di bandar Tanjung Puteri, Temenggong Abu Bakar Seri Maharaja Johor telah mengubah nama bandar Tanjung Puteri itu kepada nama *Johor Baharu*, dan lekatlah nama itu dipakai hingga sekarang ini. Pada masa itu juga, bagi memudahkan peladang-peladang gambir dan lada hitam di

negeri Johor, baginda telah mengadakan tempat-tempat kastam di Johor Baharu, Pendas, Kukup, Batu Pahat, Tanjung Surat dan Pengerang. Dengan pertolongan pemerintah Inggeris di Singapura pula, baginda telah mengadakan Undang-undang Tanah bagi negeri Johor.

Kira-kira dua bulan selepas itu, pada 22 hari bulan Mac (1866), Temenggong Abu Bakar dengan diiringi oleh Enche' Ja'afar bin Haji Muhammad (kemudiannya menjadi Menteri Besar Johor) telah berangkat bagi kali yang pertamanya ke benua Eropah. Pada masa baginda di bandar London, Raja Inggeris masa itu, Queen Victoria, telah memperkenankan Temenggong Abu Bakar mengadap Ratu Inggeris itu, dan telah berkenalan pula dengan Putera Mahkota Inggeris yang bergelar Prince of Wales (kemudiannya menjadi King Edward VII). Temenggong Abu Bakar dan rombongannya itu telah melawat ke beberapa buah tempat dalam negeri England bagi meluaskan pandangan dan pengetahuan dan Temenggong itu telah berkenalan pula dengan beberapa orang-orang besar Inggeris. Dalam bulan November tahun itu juga (1866) baginda pun berangkat balik ke Singapura.

1867-1868. Pada 1 hari bulan April tahun 1867, Negeri-negeri Selat (Singapura, Pulau Pinang, Melaka dan daerah-daerahnya) yang di bawah perintah Gabenor-Jeneral kerajaan Inggeris di India itu, telah dipindahkan terus ke bawah perintah Setiausaha Negara Bagi Jajahan Koloni British yang berpejabat di London, dan Negeri-negeri Selat itu pun ditarafkan menjadi jajahan takluk British yang disebut *Crown Colony* (Jajahan Kemahkotaan); Gabenor Orfeur Cavenagh telah digantikan oleh Sir Harry Ord jadi Gabenor Negeri-negeri Selat berpejabat di Singapura juga.

Johor dengan Pahang masih berselisih juga fasal sempadan antara kedua buah negeri itu. Dalam tahun 1867, sebaik sahaja Gabenor Sir Harry Ord memegang jawatannya di Singapura, Temenggong Abu Bakar telah memberitahu Gabenor itu iaitu baginda telah bersetuju hendak menyerahkan Pulau Tioman, Pulau Seri Buat, Pulau Kaban dan lain-lain pulau yang terletak di utara daripada Garisan Lintang 20° 40' kepada kerajaan Pahang (Wan Ahmad) untuk menyelesaikan perselisihan yang telah sekian lama tiada putus-putus itu. Gabenor Ord telah berusaha merundingkan hal itu dengan Bendahara Wan Ahmad dengan jalan berutus-utus

sekian lama. Akhirnya dalam bulan Ogos tahun 1868, dalam lawatannya ke negeri-negeri di pantai timur Semenanjung Tanah Melayu, Gabenor Ord telah singgah di Pekan, Pahang, lalu menyelesaikan perselisihan di antara Temenggong Abu Bakar dengan Bendahara Wan Ahmad, dan sejak itu ditetapkan Sungai Endau jadi sempadan di darat antara negeri Johor dengan negeri Pahang, dan ke laut dari tengah kuala Sungai Endau, ikut suatu garisan lurus yang dijangkakan dari situ lurus ke tengah laut arah ke timur: laut dan pulau-pulau ke utara daripada garisan itu masuk perintah Pahang, Pulau Tioman pun masuk ke dalam perintah Pahang; dan laut serta pulau-pulau di sebelah selatan daripada garisan itu masuk perintah Johor. Pada 1 hari bulan September tahun 1868 ditandatangani surat perjanjian mengenai keputusan itu oleh Temenggong Abu Bakar dan Bendahara Wan Ahmad dengan disaksikan oleh Gabenor Sir Harry Ord. Sejak itu juga kerajaan Inggeris telah mengakui Bendahara Wan Ahmad menjadi pemerintah Pahang.

Pada suatu hari dalam bulan Jun tahun 1868, suatu majlis adat istiadat dan keramaian dihadiri oleh rakyat dan orang-orang besar Johor telah diadakan di bandar ibu negeri Johor yang baharu dinamakan Johor Baharu itu. Pada masa itulah diisytiharkan gelaran Raja Temenggong Abu Bakar Seri Maharaja Johor itu, ditukar dan mula memakai gelaran *Maharaja* sahaja—Maharaja Abu Bakar. Pada 30 hari bulan Jun (1868), Maharaja Abu Bakar itu telah ber-kirim surat kepada Gabenor Ord minta sampaikan ucapan terima kasih baginda kepada kerajaan British yang telah menyetujui keinginan baginda hendak memakai gelaran *Maharaja* itu.

Dalam tahun 1868 itu juga, Sultan Ali yang tinggal di Umbai itu telah mengadakan wakil memberi kuasa kepada seorang guru sekolah bangsa India peranakan Pulau Pinang, bersekolah di Singapura, bernama Baboo Ramasamy, menjadi ketua menjaga dan mentadbirkan daerah Muar serta memungut cukai-cukai di daerah itu. Tetapi kesudahannya Baboo Ramasamy itu pun tidak juga berjaya mendapatkan hasil-hasil dari daerah itu.

1871-1872. Pada 21 hari bulan Disember tahun 1871, Maharaja Abu Bakar telah memperolehi seorang anak sulung, dinamakan Tengku Mariam, digelar juga Tengku Sulong.

Pada tahun 1872, Sultan Ali yang selalu kesempitan wang itu,

telah memajakkan suatu kawasan tanah di daerah Muar, dengan perjanjian pajakan selama lima tahun, kepada seorang bangsa Eropah untuk melombong bijih timah. Tetapi orang Eropah itu pun tidak juga berjaya dalam perusahaannya itu.

Dalam tahun 1872 itu juga, pada masa huru-hara di Selangor kerana perang Raja Mahdi serta pengikut-pengikutnya melawan Tengku Kudin yang dibantu oleh Inggeris, Raja Mahdi telah pergi ke Bengkalis dan menyediakan kelengkapan perangnya di sana. Sebuah daripada kapal yang digunakan oleh Raja Mahdi di Bengkalis itu, dikatakannya pemberian daripada Maharaja Johor. Dari Bengkalis Raja Mahdi telah pergi ke Singapura, kemkudian, dengan kebenaran Maharaja Johor, ia telah tinggal di negeri Johor, iaitu sebelum Raja Mahdi balik semula ke negeri Selangor. Pada masa itu, ada pihak yang menyebelahi Tengku Kudin menaruh syak yang Maharaja Johor itu tidak menyetujui tindakan-tindakan Tengku Kudin yang hendak berkuasa di negeri Selangor itu; Maharaja itu menyetujui tuntutan putera sulung Sultan Selangor (Sultan Abdul Samad) yang bernama Raja Musa itu. (Lihat: Sejarah Selangor).

1873. Dalam tahun 1873, berbangkit pula huru-hara di daerah Muar, kerana ketua orang Bugis yang disebut Suliwatang itu dengan orang-orangnya telah datang lagi memungut cukai di situ; tetapi orang-orang Muar tidak mahu membayar cukai kepadanya, dan berlakulah pergaduhan hingga berbunuh-bunuh. Apabila berita kekacauan itu sampai ke Johor, Maharaja Abu Bakar telah menghantarkan orang-orangnya pergi menyiasat hal Suliwatang dan orang-orangnya yang membangkitkan huru-hara itu. Suliwatang dan beberapa orang pengikutnya telah dapat ditangkap. Apabila disiasat, Suliwatang telah menerangkan: Sultan Ali telah berjanji hendak memberi wang kepadanya kerana menyempurnakan suatu pekerjaan; tetapi wang itu tidak dibayar oleh Sultan Ali. Oleh sebab itu, dengan pertolongan beberapa orang dari kampung-kampung di darat Muar yang menyebelahinya, Suliwatang telah datang ke Kuala Muar memungut cukai daripada orang-orang yang keluar masuk di situ. Demikian keterangan daripada Suliwatang. Orang-orang yang datang dari Johor itu telah pergi pula ke kampung-kampung di darat Muar menyiasat orang-orang di situ yang telah masuk menyebelahi Suliwatang. Daripada penyiasatan

itu diketahui iaitu oleh sebab kejahilan dan salah faham orang-orang dan ketua-ketua kampung di sebelah hulu itu, lalu mereka masuk menyebelahi Suliwang melakukan pergaduhan di Kuala Muar. Akhirnya, beberapa orang yang telah melakukan kesalahan di Muar itu telah ditangkap, dibawa ke Johor Baharu, dibicarakan dan dihukum; dan Muar pun amanlah.

Pada 17 hari bulan September tahun 1873, Maharaja Abu Bakar telah memperolehi putera baginda yang kedua, dinamakan Tengku Ibrahim Iskandar, iaitu telah diputerakan di istana baginda di Bidadari, Serangoon, Singapura.

Pada 4 hari bulan November tahun 1873, Sir Andrew Clarke telah sampai ke Singapura jadi Gabenor Negeri-negeri Selat menggantikan Sir Harry Ord.

1875. Pada tahun 1875, Sultan Ali telah memberi kebenaran kepada seorang Konsul Amerika di Singapura bernama Studer serta rakan-rakannya memajak tanah di daerah Muar seluas 45 batu persegi. Pemajakan itu akhirnya telah menerbitkan pertikaian undang-undang yang telah berlanjutan di antara pemajak-pemajak itu dengan kerajaan Johor sendiri (Hingga tahun 1901).

Dalam tahun 1875 itu juga, Sultan Ali yang telah merasakan permusuhannya dengan keluarga Maharaja Johor itu sia-sia sahaja, lalu beliau pergi ke Singapura dengan tujuan hendak berdamai dengan Maharaja Abu Bakar dan melupakan segala perkara buruk yang telah berlaku itu. Pada 4 hari bulan April tahun 1875 itu, Gabenor Sir Andrew Clarke telah mempersilakan Sultan Ali dan Maharaja Abu Bakar keduanya berangkat ke Rumah Kerajaan di Singapura. Dalam perjumpaan bersama-sama dengan Gabenor Andrew Clarke itu Sultan Ali dengan Maharaja Abu Bakar telah bersalam-salaman berdamai dan melupakan segala persengketaan mereka yang telah lalu. Setelah itu Sultan Ali pun balik semula ke Umbai.

Pada akhir tahun 1875 itu juga, Maharaja Abu Bakar telah dipersilakan oleh Gabenor-Jeneral kerajaan Inggeris di Benggala pergi ke Calcutta, kerana menghadiri istiadat yang akan diadakan bagi menyambut keberangkatan Putera Mahkota Inggeris (Prince of Wales) ke negeri itu. Keberangkatan baginda ke Calcutta itu diiring oleh Enche' Ja'afar bin Haji Muhammad dan lain-lain orang besar Johor. Pada masa di Calcutta, Maharaja Abu Bakar telah

diberi kehormatan oleh kerajaan Inggeris dengan memberikan kepada baginda bintang kebesaran. Setelah itu baginda pun berangkat balik ke Singapura.

Pada akhir bulan Mei tahun 1875, Gabenor Sir Andrew Clarke telah berhenti daripada jawatannya, digantikan oleh Sir William Jervois jadi Gabenor Negeri-negeri Selat di Singapura.

1876. Dalam tahun 1876, Sultan Ismail bekas Sultan Perak yang telah menentang British dalam masa Perang Perak berkaitan dengan terbunuhnya Residen J.W.W. Birch di negeri Perak itu, telah menyerah diri kepada British, lalu Raja Ismail bekas Sultan itu dibawa ke Singapura. Dalam bulan Mac tahun itu juga (1876), Raja Ismail telah dihantarkan ke negeri Johor diserahkan kepada jajaan Maharaja Johor. Setelah orang-orang yang terbabit dalam pembunuhan Birch itu disiasat dan dibicarakan, mulai tahun 1877 Raja Ismail dihukum oleh British buang negeri dari negeri Perak, tinggal di Sekudai, Johor. (Akhirnya, pada 4 hari bulan September tahun 1889, Raja Ismail bekas Sultan Perak itu telah mangkat di negeri Johor, dimakamkan di Bukit Mahmudiah, Johor Baharu, dan disebut *Marhum Mangkat di Sekudai*.)

Oleh sebab jasa perkhidmatan dari pihak Maharaja Abu Bakar membantu British dalam Perang Perak sehingga British dapat menangkap dan menghukum beberapa orang pahlawan Perak yang melawan British, dalam tahun 1876 itu juga, ada kedengaran ura-ura dari London yang mengatakan: boleh jadi Maharaja Abu Bakar itu dijadikan Sultan dan takhta kerajaan negeri Perak diberikan kepada Maharaja itu. Apabila Gabenor Sir William Jervois mendengar hal itu, beliau pun terkejut. Pada 19 hari bulan Ogos tahun 1876 itu juga, Jervois telah menulis surat kepada pihak berkuasa kerajaan Inggeris di London. Rupanya isi surat Gabenor Jervois itu telah dicetak pula oleh kerajaan Inggeris ke dalam Buku Biru (Percetakan kerajaan Inggeris yang memakai kertas biru) dan telah sampai pula ke pengetahuan Maharaja Abu Bakar. Mengikuti keterangan ringkas daripada Maharaja itu, kandungan isi surat Gabenor Jervois yang dikirimkan kepada kerajaan Inggeris itu telah mengatakan: adapun pangkat Temenggong (Johor) itu, bukanlah pangkat pesaka turun-temurun bagi sesuatu keluarga, melainkan orang yang memegang pangkat atau jawatan itu, ialah dengan cara dipilih; jarang jawatan itu dipegang oleh orang-orang yang ber-

darah raja, dan tiada seorang pun daripada Temenggong itu yang dikurniakan taraf berdaulat dan merdeka. Dengan pertolongan British dan oleh kekayaan yang diperolehinya daripada perdagangan, pada tahun 1855, Ibrahim (Daing Ronggek) telah dapat membeli kedaulatan (Johor) daripada Sultan Ali; dan British juga yang telah menggelarnya (Abu Bakar) Maharaja; orang-orang Melayu telah tersenyum mendengarkan gelaran itu diberikan kepadanya dan orang-orang Melayu tidak menganggapnya sebagai seorang raja, dan Malaya (seluruh Semenanjung Tanah Melayu) akan marah jika ia dikelencongkan pula jadi Sultan. Sultan Ali itu telah dianggap sebagai putera raja pemerintah yang terbaik sekali, yakni gahara, di seluruh Malaya, dan di bawah daripadanya ialah Sultan Trengganu. Hendak mengiktiraf Maharaja itu menjadi seorang Sultan, bererti hendak mengambil suatu kuasa yang sebenarnya tidak ada di tangan British, dan akan merendahkan British pada pandangan raja-raja Melayu.

Sebagai menjawab kandungan surat Gabenor Jervis itu, Maharaja Abu Bakar telah menulis surat kepada kerajaan British dan baginda telah menunjukkan bahawa baginda keturunan daripada Tun Abbas putera Sultan Abdul Jalil (IV), Sultan Johor; dan Tun Abbas itu ialah kekanda kepada Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah, Sultan kerajaan Johor-Riau, dan anak saudara kepada Sultan Trengganu yang pertama (Sultan Zainal Abidin). Demikian keterangan yang diberikan oleh Maharaja Abu Bakar itu. Kesudahannya, ura-ura dari London itu hilang begitu sahaja.

Pada 23 hari bulan Ogos tahun 1876, suatu istiadat telah diadakan di Dewan Bandaran Singapura, kerana Gabenor Negeri-negeri Selat menyampaikan bintang kebesaran G.C.M.G. daripada kerajaan British kepada Maharaja Johor. Majlis istiadat itu telah dihadiri oleh beberapa ramai pegawai tinggi dan orang-orang kenamaan di Singapura dan Johor. Sehingga masa itu, hanya Maharaja Abu Bakar sahaja di antara orang-orang di Semenanjung Tanah Melayu yang telah menerima bintang kebesaran kerajaan British yang setinggi itu darjahnya.

1877. Pada 20 hari bulan Jun tahun 1877, Sultan Ali ibni almarhum Sultan Husain Shah, telah mangkat di Umbai, Melaka.

Mengikut *Hikayat Johor* karangan Haji Muhammad Sa'id mengatakan: pada masa itu putera almarhum Sultan Ali yang

bernama Tengku Alam ada di istananya di Kampong Gelam, Singapura. Setelah mendapat berita kemangkatan Sultan Ali itu, Maharaja Abu Bakar pun bersiap alat kelengkapan yang hendak dibawanya ke Melaka kerana memakamkan jenazah almarhum Sultan Ali itu. Pada masa itu juga Tengku Alam telah berunding dengan Gabenor di Singapura supaya ia dilantik menjadi Sultan menggantikan almarhum ayahandanya itu. Tetapi tiada disetujui oleh Gabenor itu, kerana apa gunanya menjadi Sultan tiada ber-negeri. Tetapi Tengku Alam tidak juga mahu pergi ke Melaka sebelum ia menerima keputusan daripada Gabenor mengenai kedudukannya itu, dan ia berkehendakkan pula jenazah ayahandanya itu dikebumikan di Singapura. Sehingga jenazah itu masuk hari yang kelapan belum juga Tengku Alam mahu pergi ke Melaka walaupun telah diajak bersungguh-sungguh oleh Maharaja Abu Bakar. Akhirnya, setelah Tengku Alam tahu bahawa Gabenor itu tidak akan melantiknya menjadi Sultan, baharu Tengku Alam bertolak dengan kapal Maharaja Johor pergi ke Melaka. Jenazah almarhum Sultan Ali telah dimakamkan dengan susah payah kerana kerandanya telah diperbesar lagi sebab sudah basah dan berat. Sekian daripada *Hikayat Johor* itu.

Sebenarnya, setelah mangkat Sultan Ali, timbul pula suatu perselisihan di antara keluarga almarhum itu dengan Maharaja Abu Bakar.

Nampaknya, tiada berapa lama sebelum ia mangkat itu, Sultan Ali telah membuat surat wasiat di hadapan majistret di Melaka, iaitu apabila ia mangkat, daerah Muar dan lain-lain harta pesakanya terserah kepada putera daripada isterinya yang ketiga dan orang kebanyakan pula, bernama Tengku Mahmud. Pada masa Sultan Ali mangkat, Tengku Mahmud itu baharu berumur sebelas tahun. Tidak diketahui dengan terangnya apakah sebabnya Sultan Ali tidak mewasiatkan harta pesakanya itu terpulang kepada putera sulung dan putera gaharanya Tengku Alam itu. Masa itu Tengku Alam telah berumur tiga puluh tahun. Dipercayai tentu ada sesuatu pertelingkahan dalam keluarga diraja itu.

Mengikut adat raja-raja Melayu, surat wasiat Sultan Ali yang menurunkan harta pesakanya kepada Tengku Mahmud itu, boleh dipersoalkan lagi; kerana apabila mangkat seseorang Sultan itu, putera sulung dan putera gahara almarhum itulah yang menggantikan almarhum ayahandanya dengan syarat dipersetujui pula oleh

orang-orang besar kesultanan itu. Jika hendak mengikut adat raja-raja Melayu (kecuali adat kesultanan di negeri Perak), tidak syak lagi. Tengku Alam ialah yang sah menggantikan almarhum ayahandanya itu. Oleh sebab itu maka timbul pertikaian siapa yang hendak menggantikan almarhum Sultan Ali itu.

Sebelum perkara pengganti almarhum Sultan Ali itu diputuskan, pada 29 hari bulan Jun tahun 1877 itu juga, Kolonel A.E.H. Anson yang jadi pegawai yang mentadbirkan pemerintahan Negeri-negeri Selat ketika itu, iaitu selama Gabenor sedang bercuti, dengan tidak merundingkan perkara itu lebih dahulu dalam Majlis Mesyuarat Kerja di Singapura, telah mengutus surat kepada Maharaja Abu Bakar yang dianggap oleh Anson "sebagai orang yang tertarik sangat kepada hal ehwal Muar itu selain daripada pemerintah Inggeris", meminta Maharaja itu mengambil kuasa jadi pemerintah sementara bagi daerah Muar. Dengan tidak berleengah-lelah lagi Maharaja Abu Bakar telah menerima tawaran itu sambil berkata sendirinya yang maksudnya: "Itulah yang sangat patut sebagai menyatakan bertambahnya kepercayaan kerajaan British kepada beta".

Tindakan Kolonel Anson melantik Maharaja Abu Bakar jadi pemerintah sementara bagi daerah Muar itu, nyatalah suatu perbuatan yang tidak bijak dan gopoh, kerana perselisihan lama antara kedua keluarga yang tidak persefahaman itu belum padam betul lagi. Tidaklah diketahui dengan jelas adakah Kolonel Anson betul-betul tahu hubungan di antara almarhum Sultan Ali dengan almarhum Daing Ibrahim itu; kerana apabila Tengku Alam menulis surat kepadanya menyatakan kemangkatan ayahandanya dan menuntut supaya ia dilantik menggantikan kedudukan almarhum ayahandanya, Kolonel Anson telah menjawab surat Tengku Alam itu, mengatakan:

"Tidak boleh sekali-kali disangkakan bahawa orang yang menerima harta almarhum Sultan Ali itu akan diakui pula menerima gelaran *Sultan*; pada masa dahulu gelaran itu dipunyai oleh pemerintah Johor, dan gelaran itu hanya terus diberikan lagi ialah sebagai menunjukkan budi bahasa kepada Sultan Husain Shah yang telah menjualkan kedaulatan Johor itu kepada Temenggong; oleh sebab itu gelaran itu sekarang ini telah hapus..."

Kenyataan Kolonel Anson yang menyebutkan Sultan Husain Shah telah menjualkan kedaulatan Johor kepada Temenggong itu, nyatalah tidak betul; kerana yang sebenarnya Sultan Ali yang telah

melakukannya; dan lagi kenyataan Anson yang menyebutkan pula gelaran *Sultan* itu telah hapus setelah mangkat Sultan Ali itu, itu pun tidak juga betul; kerana dalam Perjanjian Tahun 1855 itu ada menyebutkan bahawa gelaran *Sultan* itu boleh digunakan oleh waris-waris pengganti Sultan Ali turun-temurun selama-lamanya. (Lihat syarat yang ketiga dalam Perjanjian itu).

Tengku Alam telah membantah kenyataan Kolonel Anson yang menyatakan hapusnya gelaran *Sultan* itu setelah mangkat ayahandanya, dan juga telah membantah perbuatan Anson yang telah meletakkan Maharaja Abu Bakar jadi pemerintah sementara bagi daerah Muar itu; kerana dalam Perjanjian Tahun 1855 itu dengan terang ada dituliskan bahawa daerah Muar itu ialah hak milik Sultan Ali dan waris-waris selama-lamanya. Oleh sebab pertikaian yang berlanjutan antara Tengku Ali dengan Kolonel Anson itulah yang telah melambatkan jenazah almarhum Sultan Ali itu dimakamkan. (Berlainan sedikit dengan kisah yang tersebut dalam *Hikayat Johor* yang dipetek di atas tadi).

Setelah lebih daripada dua minggu lamanya jenazah almarhum Sultan Ali terbujur di rumahnya di Umbai, baharu jenazah itu dikebumikan dengan istiadatnya di kampung itu juga. Selain daripada putera-putera dan keluarga almarhum serta orang-orang besar Melayu yang menyebelahnya, hadir juga dalam istiadat pengkebumian itu Maharaja Abu Bakar dan Setiausaha Kerajaan Negeri-negeri Selat. Kehadiran Setiausaha Kerajaan Negeri-negeri Selat itu ialah khas dihantar oleh kerajaannya untuk memerhatikan supaya pada masa mengkebumikan jenazah itu jangan ada dibuat pengumuman melantik pengganti almarhum itu dan juga supaya jangan berlaku apa-apa pergaduhan.

Dalam pada itu, Temenggong Ismail Muar serta beberapa orang raja-raja dan penghulu-penghulu yang menyebelahi keluarga almarhum itu, dengan bersulit-sulit telah melantik Tengku Alam pengganti almarhum ayahandanya Sultan Ali. Temenggong Muar serta raja-raja dan penghulu-penghulu itu nampaknya tidak ber-setuju Kolonel Anson meletakkan Maharaja Abu Bakar jadi pemerintah sementara bagi daerah Muar itu, kerana mereka takut kuasa mereka di Muar itu akan hilang; padahal sebelum Sultan Ali mangkat lagi mereka telah memerintah di situ. Lagipun mereka berpendapat mengapa tidak salah seorang daripada mereka diletakkan jadi pemerintah di Muar itu sementara menantikan

keputusan yang menetapkan pemilihan ke atas Tengku Alam atau Tengku Mahmud.

Dalam Perjanjian tahun 1855 itu ada menyebutkan syarat yang maksudnya: jika Sultan Ali atau waris penggantinya hendak menjualkan daerah Muar itu, hendaklah ditawarkan dahulu kepada Kompeni Inggeris; jika Kompeni Inggeris tidak mahu membelinya, baharulah ditawarkan kepada Temenggong Johor. Berpegang kepada syarat itulah, Kolonel Anson berpendapat: cara yang sebaik-baik diambil oleh pemerintah Inggeris bagi menyelesaikan masalah Muar itu, hendaklah pemerintah Inggeris membeli daerah Muar itu, lepas itu baharulah Inggeris memberi Maharaja Abu Bakar pertolongan yang sepenuhnya mengikut undang-undang memasukkan daerah Muar itu ke dalam wilayah negeri Johor dengan syarat Maharaja Abu Bakar memberi suatu pembayaran kepada keluarga almarhum Sultan Ali itu.

Jika pendapat Anson itu dijalankan, akan jadilah perselisihan hendak menguasai daerah Muar itu bukan lagi perselisihan di antara Tengku Alam dengan adindanya Tengku Mahmud, melainkan akan bertukar jadi perselisihan di antara Maharaja Abu Bakar dengan keluarga almarhum Sultan Ali yang diketuai oleh Tengku Alam.

Untuk memahami peristiwa-peristiwa yang akan disebutkan mengenai masalah daerah Muar itu, elok diketahui juga sepintas lalu keadaan politik di Semenanjung Tanah Melayu pada masa itu. Perang Perak ekoran daripada pembunuhan Residen Birch di negeri Perak itu, baharu sahaja selesai. Oleh sebab itu kerajaan Inggeris telah berhati-hati hendak meneruskan campurtangannya dalam hal ehwal di negeri-negeri Melayu. Maharaja Abu Bakar ialah sebagai alat yang menolong British dalam hubungannya dengan negeri-negeri Melayu. Sultan Ismail bekas Sultan Perak telah diserahkan kepada Maharaja Abu Bakar yang telah mengaku kepada Inggeris akan menjaganya tidak akan balik ke negeri Perak. Maharaja Lela dan rakan-rakannya yang menentang British selama ini telah menyerah diri di negeri Perak kepada wakil Maharaja Johor. Maharaja Abu Bakar ialah seorang pemerintah yang bijak dan terkenal serta digemari dalam lingkungan masyarakat orang-orang Eropah di Singapura. Sebaliknya, Tengku Alam, walaupun ia seorang yang baik budi bahasanya dan cerdik, tetapi ia miskin dan tiada berapa dipedulikan orang. Oleh sebab itu, dalam perselisihan

yang disebutkan itu, Kolonel Anson cenderung menolong Maharaja Abu Bakar.

Sementara keputusan perselisihan hendak menguasai daerah Muar di antara Tengku Alam dengan adiknya Tengku Mahmud itu sedang dalam pertimbangan Setiausaha Negara Bagi Jajahan Koloni British di London, Temenggong Ismail Muar serta enam orang penghulu dari daerah Muar telah dibawa dengan sebuah kapal laut oleh orang-orang Maharaja Abu Bakar pergi ke Johor Baharu dan berjumpa dengan Maharaja Abu Bakar, dan kemudian berjumpa pegawai yang mentadbirkan kerajaan Negeri-negeri Selat di Singapura (Kolonel Anson).

Tiada lama selepas itu, pada 30 haribulan Julai (1877), Anson telah menerima dua pucuk surat; sepucuk daripada surat itu (bertarikh 16 Julai, 1877) ditandatangani oleh beberapa orang penghulu; dan sepucuk lagi (bertarikh 28 Julai, 1877) ditandatangani oleh Temenggong Ismail Muar. Dalam surat yang telah ditandatangani oleh penghulu-penghulu itu, mereka menyatakan kegembiraan mereka diletakkan di bawah perintah Maharaja Abu Bakar dan mereka akan taat menurut perintahnya, kerana, kata mereka, Maharaja itulah tuan mereka yang sebenarnya. Bahkan penghulu-penghulu itu menyatakan juga iaitu pada masa Sultan Ali hidup lagi, mereka telah mendengar marhum itu mengatakan: hal ehwal Muar itu telah diserahkan kepada Maharaja Abu Bakar. Dalam surat Temenggong Ismail Muar yang telah bercap dengan cap mohor Temenggong itu, beliau menyatakan: dia telah menandatangani surat pengumuman melantik Tengku Alam menggantikan almarhum ayahandanya di Melaka dahulu, ialah kerana pada masa itu ia telah "kehilangan fikiran oleh sebab dukacita tidak berhenti-henti bercakap fasal putera-putera almarhum itu"; sekarang beliau hendak membatalkan pengumuman yang telah ditandatanganinya itu, dan menyerahkan dirinya kepada pimpinan kerajaan Inggeris dan Maharaja Johor.

Berkenaan dengan keterangan dalam surat penghulu itu yang menyatakan Sultan Ali telah menyerahkan hal ehwal Muar itu kepada Maharaja Johor, dalam *Hikayat Johor* (karangan Haji Muhammad Sa'id) ada menyebutkan: "... dalam tahun 1877 (yakni sebelum mangkatnya) Sultan Ali telah menyatakan kepada Maharaja Abu Bakar ia tiada kuasa lagi menanggung susah, ia telah uzur, dan ia hendak menyerahkan daerah Kesang (antara

Sungai Muar dengan Sungai Kesang) kepada Maharaja itu turun-temurun. Sultan Ali anak beranak telah berangkat ke Johor dan telah disambut oleh Maharaja".

Temenggong Ismail Muar yang dengan serta-merta telah mengubah sikapnya itu, telah memarahkan Tengku Alam. Oleh sebab itu dengan segera Tengku Alam menulis surat kepada Kolonel Anson menuduh bahawa kedua-dua pucuk surat itu telah ditandatangani oleh pengirimnya kerana telah kena paksa. Mengikut pendapat Tengku Alam: Temenggong Muar dan penghulu-penghulu yang telah menandatangani surat-surat itu, sebenarnya ialah dengan perintah Maharaja Johor; mereka telah dibawa dengan paksa pergi ke Johor Baharu dan di sana Maharaja Johor telah memaksa mereka menulis surat-surat itu dan disuruh pula mereka bersumpah dalam masjid.

Pada masa itu surat-khabar tempatan telah menyiarkan berita-berita fasal *mencekup* itu, serta mengecam Kolonel Anson yang bersikap berat sebelah itu. Tersiarinya berita-berita angin fasal *mencekup* Temenggong Muar dan penghulu-penghulu itu, ialah kerana tindakan tidak bijak Kolonel Anson yang telah meminta Maharaja Abu Bakar menghantarkan kapal baginda yang bernama *Pulai* pergi ke Muar mengambil orang-orang itu pergi ke Singapura.

Dalam surat Lord Carnavon, Setiausaha Negara Bagi Jajahan Koloni British di London, bertarikh 3 hari bulan September tahun 1877, iaitu surat yang pertama dikirimkannya ke Singapura mengenai hal Muar itu, tidaklah beliau menyalahkan perbuatan Anson yang telah meletakkan Maharaja Abu Bakar jadi pemerintah sementara di daerah Muar itu; tetapi beliau telah menasihatkan Anson supaya berhati-hati dan menanggungkan ketetapan yang akan dibuat sehingga sampai Gabenor baharu dalam bulan Oktober. Tetapi sebelum surat Lord Carnavon itu sampai ke Singapura, Anson telah pun mengirimkan sepucuk surat lain ke London bertarikh 4 haribulan Ogos tahun 1877 mencadangkan tindakan mengambil daerah Muar itu dimasukkan ke dalam wilayah negeri Johor. Setelah menerima surat itu, Lord Carnavon telah merasa cemas oleh perbuatan Anson itu.

Berhubung dengan surat Anson bertarikh 4 Ogos 1877 yang menyokong tindakan mengambil daerah Muar dimasukkan ke dalam wilayah negeri Johor yang hanya bergantung kepada dua pucuk surat daripada Temenggong Ismail Muar dan penghulu-

penghulu itu, Lord Carnavon telah menjawab dalam suratnya bertarikh 25 September 1877 yang mengandungi maksud:

"Jika surat ini (surat-surat Temenggung dan penghulu-penghulu itu) menyatakan kehendak mereka yang sebenarnya, maka kenyataan yang betul itulah yang mustahaknya. Tetapi saya perhatikan, mereka telah dipanggil pergi ke Rumah Kerajaan di Singapura, dan oleh sebab itu, dalam kejadian-kejadian seperti ini, mestilah diingati bahawa perbuatan itu adalah mengikut tabiat orang-orang Melayu, dan jika mereka hanya menurunkan tandatangan mereka pada surat-surat bukti itu, pada masa itu mereka pun hendaklah telah berfikir bahawa perbuatan mereka itu bersesuaian dan mengikut kehendak Pemerintah Kolonial Inggeris..."

"Saya cukup sedar akan kenyataan bahawa sebuah pemerintah yang baik dan telah bertapak di Muar itu, memang sangat dikehendaki, dan saya sangka bahawa bagi pentadbiran dan kebolehan secara am, tidak ada pemerintah anak negeri yang boleh dibandingkan dengan Maharaja Johor itu; tetapi peluang ini janganlah pula digunakan dengan mengeneipkan siapa sahaja yang barangkali waris yang berhak, dan pemerintah yang diterima oleh rakyat."

"Saya hanya dapat menambah kata bahawa dalam hal-hal itu... pada masa ini tidaklah dapat saya mengizinkan sebarang langkah yang diambil untuk memasukkan bagi selama-lamanya daerah kecil itu (Muar) ke dalam negeri Johor".

Sementara itu, mengikut undang-undang Islam, Maharaja Abu Bakar telah menawarkan hendak memberi wang kepada Tengku Alam sebanyak \$68/- tiap-tiap bulan iaitu sebagai bahagian Tengku Alam daripada wang \$500/- yang diberi tiap-tiap bulan kepada waris-waris almarhum Sultan Ali mengikut perjanjian tahun 1855 itu. Tengku Alam telah menolak tiada mahu menerima bahagian yang sekecil itu sambil mengeluarkan perkataan yang kesat pula.

Maharaja Abu Bakar telah menghantarkan orang-orangnya pergi ke Muar mengaturkan pemerintahan di daerah itu dan mendirikan balai-balai polis. Tengku Mahmud adik Tengku Alam dimasukkannya pula belajar ke Sekolah Raffles (Raffles Institution) di Singapura, dan bersama-samalah Tengku Mahmud belajar di sekolah itu dengan dua orang putera Sultan Abdullah bekas Sultan Perak (Raja Mansur dan Raja Chulan). Pada 5 hari bulan Ogos tahun itu juga (1877) Maharaja Abu Bakar dan Kolonel Anson telah berangkat melawat ke Muar dan Segamat.

Kebaikan pertadbiran dan kemurahan Maharaja Abu Bakar mengeluarkan wang ringgitnya, telah dapat menawan hati penghulu-penghulu di daerah Muar. Pada 17 hari bulan Oktober (1877) pegawai yang mentadbirkan kerajaan Negeri-negeri Selat di

Singapura itu (Kolonel Anson) telah menerima sepucuk surat yang baharu pula (bertarikh 13 Oktober, 1877) ditandatangani oleh Temenggong dan empat belas orang penghulu di daerah Muar yang menyatakan kepuasan hati mereka akan pemerintahan Maharaja Johor itu, dan menyatakan juga mereka memang suka Maharaja itu jadi pemerintah mereka selama-lamanya, kerana "bagindalah yang dipertuan kami yang sebenarnya jika dibandingkan dengan putera-putera almarhum itu (Sultan Ali)". Mereka mengatakan lagi: mereka tidak begitu mesra dengan putera-putera Sultan Ali, dan bernasib baik kerajaan Inggeris tidak memilih salah seorang daripada putera-putera almarhum itu menjadi penggantinya.

Kolonel Anson telah mengambil kesimpulan bahawa pandangan-pandangan yang dinyatakan dalam surat itu terbit daripada perasaan penghulu-penghulu itu sebenarnya. Oleh sebab itu, dengan tidak menantikan perintah dari London lagi, Anson telah memberitahu penghulu-penghulu itu iaitu mereka hendaklah pergi ke Muar dan di sana, mengikut adat Melayu yang biasa dibuat dan dengan cara yang betul, bolehlah mereka memilih orang yang hendak mereka jadikan pemerintah mereka selama-lamanya. Anson memberitahu juga kepada penghulu-penghulu itu iaitu kerajaan Inggeris tidak berhajat hendak campur tangan dalam tindakan bebas yang dijalankan oleh penghulu-penghulu di Muar dalam pekerjaan memilih pemerintah mereka itu.

Tiada lama lepas itu, Sir William F.C. Robinson telah sampai ke Singapura menggantikan Sir William Jervois menjadi Gabenor Negeri-negeri Selat. Kolonel Anson balik semula memegang jawatan lamanya sebagai Leftenan Gabenor di Pulau Pinang.

Mengenai hal Muar, tak banyak lagi kerja yang hendak dibuat oleh Gabenor baharu itu, melainkan beliau mengikut sahaja apa yang telah dilakukan oleh Anson itu. Akhirnya, pada 7 hari bulan November (1877), Penolong Setiausaha Kerajaan di Singapura A.M. Skinner namanya, telah diperintahkan pergi ke Kesang menyaksikan pemilihan kerana hendak memilih pemerintah Muar yang baharu. Sebelum Skinner bertolak pergi ke Muar itu, ia telah diberi perintah khas mesti mengikut dasar tidak campur tangan dalam pemilihan itu, tetapi hendaklah memerhatikan supaya pemilihan itu dijalankan dengan cara yang benar-benar adil.

Sebagai yang telah disangkakan, dalam pemilihan yang telah dijalankan di Kesang itu, Temenggong dan penghulu-penghulu di

Muar itu dengan *sebulat suara* telah memilih Maharaja Abu Bakar jadi pemerintah Muar selama-lamanya. Tetapi mengikut pandangan pihak Tengku Alam: perkara-perkara yang dikehendaki dalam rancangan dan cara menjalankan pemilihan itu, banyak yang telah ditinggalkan.

Sungguhpun demikian, tetapi Skinner percaya bahawa pemilihan yang telah dibuat oleh penghulu-penghulu itu telah dijalankan dengan cara bebas dan dengan sendirinya mereka menyatakan kemahuan mereka. Sebab pun boleh jadi begitu, Skinner berpendapat, ialah kerana dua perkara: pertama, pemerintahan almarhum Sultan Ali dan wakilnya Temenggong Muar dahulu, tidak disukai oleh penghulu-penghulu itu dan mereka takut, kalau Tengku Alam terpilih, boleh jadi daerah Muar itu akan dimasukkan balik ke dalam perintah Temenggong. Kedua, pada masa daerah Muar dalam perintah sementara Maharaja Johor itu serta kecekapan yang telah ditunjukkan oleh Maharaja itu untuk mendapatkan kegemaran orang ramai, telah berjaya memikat hati mereka menyebelahi baginda.

Apabila keputusan pemilihan di Kesang itu diumumkan, Tengku Alam dan pembantu-pembantunya telah membuat bantahan keras. Tengku Alam telah memberitahu kepada Gabenor di Singapura ia akan menghantar permohonan kepada Setiausaha Negara Bagi Jajahan Koloni British di London supaya keluarganya diberi pertimbangan dengan adil. Tengku Alam telah menyatakan: dalam pemilihan itu, penghulu-penghulu itu telah memilih kerana terpaksa, kerana dua orang pegawai tinggi Maharaja Johor ada hadir pada masa pemilihan itu dijalankan, dan juga masa itu kapal bermeriam kepunyaan Maharaja Johor yang bernama *Pulai* ada bersiap sedia di kuala Sungai Muar. Tengku Alam telah mengemukakan pula: mengikut aturan adat Melayu, pangkat Sultan itu ialah turun-temurun kepada waris-waris Sultan itu juga, tiada pernah dibuat dengan jalan pemilihan ramai. Orang-orang yang boleh bersuara meluluskan seseorang raja itu menjadi Sultan, ialah waris, iaitu kerabat-kerabat kepada Sultan yang baharu mangkat itu, bukannya penghulu-penghulu seperti yang difahamkan oleh Anson penghulu-penghulu itulah waris. Tengku Alam telah menegaskan juga: dia dan Tengku Mahmudlah yang sepatutnya menjadi calon dalam pemilihan itu, baharu pemilihan itu dikirakan pemilihan yang betul.

Pemerintah Inggeris di Negeri-negeri Selat telah menjadi serba salah. Ibu Tengku Alam yang difikirkan oleh Kolonel Anson dahulu orang kebanyakan, sebenarnya seorang raja; surat wasiat Sultan Ali yang memberi hak kepada puteranya Tengku Mahmud itu didapati tidak bernilai dari segi politik. Kolonel Anson telah mengelirukan, kerana penghulu-penghulu itu dikatakannya waris. Ada beberapa perkara dalam tuduhan Tengku Alam mengenai pemilihan yang telah dijalankan itu nampaknya betul.

Suratkhabar *The Straits Times* telah mengeluarkan berita jika tuntutan Tengku Alam itu ditolak, boleh jadi ia akan berikhtiar mendapatkan pertolongan kerjasama dari negeri-negeri Melayu untuk menarik balik kuasa Maharaja Johor di Muar itu. Pada masa itu telah ada beberapa pucuk surat rayuan daripada orang-orang besar Melayu yang telah diterima oleh kerajaan Negeri-negeri Selat membantah pemilihan Maharaja Johor itu. W.H. Read telah memberitahu kerajaan, ia akan mengemukakan satu usul dalam Majlis Mesyuarat Undangan di Singapura mengutuk dasar pemerintah berhubung dengan pengganti Sultan di Muar itu.

Hendak menarik balik keputusan pemilihan yang telah dijalankan itu, lalu mengiktiraf Tengku Alam menjadi Sultan di Muar, ialah suatu perkara yang mustahil, kerana tindakan itu boleh menyebabkan penghulu-penghulu di Muar itu mendapat malu, dan tentulah sangat susah hendak mengubah pendirian penghulu-penghulu supaya menerima Tengku Alam yang telah mereka tolak itu.

Dalam menghadapi keadaan yang sukar seperti itu, akhirnya Gabenor Sir William Robinson menetapkan azamnya menyebelahi pihak Maharaja Abu Bakar dengan sebab kelebihan mutu Maharaja itu yang mempunyai kelayakan dan faedah yang akan didapati oleh daerah yang bersangkutan itu. Pada masa memanjangkan surat permohonan Tengku Alam kepada Setiausaha Negara Bagi Jajahan Koloni British di London, Gabenor itu telah mendesak supaya keputusan pemilihan yang telah dijalankan di Kesang itu disahkan oleh kerajaan Inggeris dengan alasan bahawa Maharaja Abu Bakar itu ialah seorang pemerintah yang bijaksana, kuat bekerja dan ada mempunyai kemampuan sendiri untuk mengaman dan memajukan daerah Muar itu. Sebaliknya, Tengku Alam itu, selain daripada miskin, pada pandangan Gabenor itu, juga seorang yang lemah dan tidak berpengalaman. Sir William

Robinson percaya, jika kerajaan atau Maharaja Johor memberikan pembayaran wang elaun yang sesuai kepada Tengku Alam itu, bantahannya kepada pemilihan itu akan senyap.

Dalam Majlis Mesyuarat Undangan di Singapura yang telah bersidang pada 7 hari bulan Disember tahun 1877, perkara pengganti Sultan di Muar itu telah dibincangkan. W.H. Read telah menuduh Maharaja Johor telah menangkap Temenggong dan penghulu-penghulu di Muar dan telah memaksa mereka menandatangani dua pucuk surat yang telah diterima oleh Anson, dan sebagai bukti, Read telah menunjukkan sepucuk surat yang dikatakannya pengumuman dengan bersumpah daripada seorang yang bernama Tengku Ahmad bahawa Tengku itu telah diperintah dengan kuasa Maharaja Johor menangkap Temenggong (Muar). Apabila tuduhan itu dirujukkan kepada Maharaja Abu Bakar, dengan murka baginda telah menolak tuduhan itu dan telah mengemukakan pula kenyataan-kenyataan bersumpah daripada pegawai-pegawai baginda yang telah dikatakan mengambil bahagian dalam penangkapan paksa itu. Segala keterangan mengenai perkara itu telah dirujukkan kepada Setiausaha Jajahan di London.

1878. Sementara menantikan keputusan dari London, Maharaja Abu Bakar diteruskan juga jadi pemerintah sementara bagi daerah Muar. Dalam bulan April tahun 1878 baharulah keputusan itu diketahui. Kelambatan itu barangkali ialah kerana perubahan kementerian di England; Lord Carnavon telah digantikan oleh Sir Michael Hicks Beach yang menjadi Setiausaha Negara Bagi Jajahan Koloni British di London.

Pada 11 hari bulan April tahun 1878, Setiausaha Jajahan yang baharu itu telah mengirim kawat kepada Gabenor di Singapura mengatakan: beliau belum bersedia hendak mencampuri pemilihan mengenai Muar itu. Tetapi dalam suratnya bertarikh 20 April (1878) yang mengikuti kawat itu, beliau telah menyatakan dukacitanya akan langkah-langkah yang telah dijalankan oleh Kolonel Anson meletakkan Maharaja Johor itu jadi pemerintah sementara bagi daerah Muar dan menjemput penghulu-penghulu di Muar itu datang ke Rumah Kerajaan di Singapura. Beliau mahu supaya Anson betul-betul tidak berat sebelah ke mana-mana pihak pun. Bagi panduan untuk masa yang akan datang kelak, Setiausaha

Jajahan itu telah menasihatkan Gabenor di Singapura supaya berunding dengan Majlis Mesyuarat Kerja di Singapura sebelum membuat sesuatu ketetapan mengenai negeri-negeri Melayu. Sir Hicks Beach telah menasihatkan Gabenor itu pula: sebelum ketetapan daripada kerajaan British mengenai hal Muar itu diumumkan kepada orang ramai, mula-mula hendaklah Gabenor itu mendamaikan dahulu Tengku Alam dengan Maharaja Johor, dengan mendesak Maharaja Johor itu memberi bayaran pencen yang sesuai lagi berpatutan kepada Tengku Alam yang telah kehilangan daerahnya itu; dan tatkala mengiktiraf Maharaja itu jadi pemerintah Muar, hendaklah dilakukan dengan cara mengurangkan sikap menunjuk-nunjukkan kesombongan.

Pada 19 hari bulan Jun (1878) Maharaja Abu Bakar telah berangkat bagi kali yang keduanya melawat ke benua Eropah; seorang daripada orang besar Johor yang mengiring baginda itu ialah Muhammad Ibrahim bin Abdullah Munsyi (yang kemudiannya menjadi Dato' Bentara Dalam, Johor). Banyaklah tempat-tempat di benua Eropah yang telah dilawati baginda.

Setelah menerima perintah dari London, Gabenor William Robinson telah membuat hubungan dengan W.H. Read, orang yang rapat hubungannya dengan keluarga almarhum Sultan Ali itu, bagi menentukan adakah keluarga itu mahu menerima daripada Maharaja Johor wang elaun ganti rugi kerana lucutnya daerah Muar dari tangan keluarga itu, dan jika mereka bersetuju "berapa pula banyaknya wang itu mencukupi supaya mereka senyap". Dalam pada itu, dengan tidak sengaja, tiba-tiba hubungan di antara Gabenor dengan Read itu telah dapat dijalankan dengan mudah, kerana pada masa itu juga tersiar dalam suratkhobar tempatan suatu berita telegraf dari London mengatakan: kerajaan Inggeris tidak bermaksud hendak mencampuri dalam perkara penggantian seseorang pemerintah itu, dan pemilihan yang memilih Maharaja (Johor) itu, barangkali akan diakui oleh kerajaan Inggeris.

Oleh sebab adanya siaran itu, terus sahaja Gabenor Robinson melangsungkan rundingannya dengan W.H. Read dengan tiada merujuk lagi kepada kawat yang baharu diterimanya dari London mengenai perkara itu. Gabenor itu telah mengatakan kepada Read: jika berita telegraf yang tersiar dalam suratkhobar itu disahkan, lebih baik keluarga almarhum Sultan Ali menerima sahaja pencen itu daripada menentang dengan tidak ada harapan.

Sungguhpun Read tidak mahu mengubah pendapatnya terhadap dasar pemerintah itu; tetapi ia telah berjanji akan memujuk keluarga diraja itu supaya mahu menerima elaun pencen itu; dalam pada itu Read merasa syak keluarga itu tidak akan mahu menerima wang elaun itu terus daripada Maharaja itu sendiri. Oleh itu, Gabenor itu mengaku akan berikhtiar supaya bayaran elaun pencen itu dibayar menerusi jabatan perbendaharaan (treasury) pemerintah Singapura atas nama Maharaja Johor.

Setelah beberapa lama Gabenor Robinson berunding dengan W.H. Read dan Maharaja Abu Bakar, dapatlah Gabenor itu menetapkan banyaknya wang pencen itu yang pada fikirannya boleh diterima oleh kedua belah pihak, iaitu pihak keluarga almarhum Sultan Ali dan Maharaja Johor; iaitu sebanyak \$1,250/- tiap-tiap bulan; daripada jumlah itu \$500/- kepada waris pengganti almarhum Sultan Ali mengikut Perjanjian Tahun 1855; baki daripada itu Tengku Alam menerima \$700/-; daripada \$700/- ini termasuklah \$120/- untuk membantu Tengku Mahmud; yang lebihnya ialah untuk lain-lain anggota dalam keluarga almarhum Sultan Ali itu. Seperkara lagi jika Shellapah Chitty menuntut hutang-hutang almarhum Sultan Ali daripada wang pembayaran mengikut Perjanjian Tahun 1855 itu dan tuntutan itu disokong oleh mahkamah yang berkelayakan, Maharaja Johor akan diringankan daripada membayar sebanyak yang dikehendaki oleh pihak yang menuntut itu.

Tengku Alam telah menolak tiada mahu menerima pencen yang ditawarkan kepadanya itu. Yang telah bersetuju dengan pembayaran pencen itu hanyalah W.H. Read sahaja. Frank Swettenham yang telah jadi jurubahasa dalam suatu pertemuan di antara Tengku Alam dengan Gabenor Singapura, telah mencatatkan percakapan mereka itu yang mengandungi maksud sebagai berikut:

Tengku Alam: Adakah (pencen) itu kerana negeri Johor?

Gabenor : Itu bukan kerana negeri Johor atau Muar, melainkan sebagai suatu penyelesaian untuk Tengku dan saudara-saudara Tengku, iaitu memandang kepada barangkali Maharaja Johor menjadi Raja bagi daerah Muar dan akan diiktiraf.

Tengku Alam: Adakah tawaran kepada saya ini sebagai tukaran dengan daerah Muar?

Gabenor : Tidak ada perkara fasal tukar-menukar—mengenai masalah Muar, sepanjang yang ada kenamengena dengan Tengku, sudah selesai; jika mengikut fikiran saya, kerajaan Inggeris mestilah mengakui pemilihan yang telah dibuat oleh penghulu-penghulu dan orang-orang Muar itu. Memandang kepada harusnya itulah saya telah mencuba sehabis-habis daya upaya saya kerana Tengku dan saudara-saudara Tengku....

Tetapi Tengku Alam tidak dapat dipujuk supaya menerima pencen yang ditawarkan kepadanya itu.

Dalam bulan September tahun 1878 itu juga, penghulu-penghulu di Muar dengan perasaan malu dan takut telah menghantar seorang utusan khas mereka membawa sepucuk surat kepada Gabenor di Singapura (barangkali peristiwa ini tidak diketahui oleh Tengku Alam) mengatakan: mereka telah memilih Maharaja Johor itu ialah kerana Maharaja itu telah mengambil mereka lalu dibawa ke Johor Baharu dan mereka telah dipaksa bersumpah dalam masjid supaya memilih Maharaja itu, dan pada masa menjalankan pemilihan itu, mereka telah dijaga, serupalah seperti yang telah dikatakan oleh Tengku Alam itu. Gabenor yang telah kebingungan hendak memahami peristiwa yang dihadapinya itu, terus sahaja mengatakan kepada utusan itu: perkara itu sudah ditutup. Utusan itu pun balik semula ke Muar.

Akhirnya, pada 24 hari bulan Oktober tahun 1878, Gabenor Negeri-negeri Selat telah menghantar surat pemberitahu kepada Tengku Alam menyatakan: kerajaan Inggeris telah mengiktiraf Maharaja Johor jadi pemerintah Muar dan bolehlah Tengku Alam mengambil wang pencennya dari pejabat perbendaharaan Singapura.

Pada 5 hari bulan November (1878), ketetapan yang telah dibuat oleh kerajaan Inggeris itu telah diumumkan pula oleh Gabenor dalam Majlis Mesyuarat Undangan di Singapura, dan untuk mententeramkan pendapat ramai yang telah heboh oleh pelbagai perdebatan itu, surat-surat terbuka mengenai pertikaian itu telah dibentangkan juga dalam Majlis Mesyuarat itu.

Sungguhpun semuanya itu telah dilakukan, tetapi Tengku Alam masih juga meneruskan perjuangannya mengadu untung

nasibnya. Pada 18 hari bulan Disember (1878) beliau telah menghantar lagi surat permohonannya kepada Setiausaha Jajahan di London.

1879. Pada 11 hari bulan Januari tahun 1879, beberapa orang Melayu dan Bugis telah berkumpul di Kampung Gelam Singapura, menjalankan suatu istiadat menggelar Tengku Alam dengan gelaran Sultan Alauddin Alam Shah sebagai Sultan Johor dan Pahang. Apabila Gabenor Singapura bertanya kepada Tengku Alam adakah perbuatan yang baharu dilakukan itu mengandungi pengertian hendak menentang pengakuan kerajaan Inggeris akan Maharaja Johor jadi pemerintah di Muar itu? Tengku Alam dengan acuh tak acuh telah menjawab mengatakan bahawa istiadat itu hanya untuk tujuan-tujuan agama.

Pada 5 hari bulan Februari (1879), dalam suatu istiadat yang telah diadakan di Johor Baharu, Maharaja Abu Bakar telah diisytiharkan menjadi Raja pemerintah Muar, dan tiada lama selepas itu daerah Muar itu pun dimasukkan menjadi sebuah daripada daerah negeri Johor.

Dengan itu tamatlah riwayat kesulatanan keturunan Sultan Husain Shah yang daripadanya orang Inggeris mendapat Singapura. Ada pun raja-raja cawangan Riau-Lingga pula, dapat juga memerintah di Riau-Lingga hingga Sultannya (Sultan Abdul Rahman Mu'azzam Shah: 1885-1911) dipecat oleh Belanda pula dalam tahun 1911.

Berkenaan dengan Tengku Alam pula, setelah beberapa kali dipujuk dan ditekan oleh Gabenor Singapura, akhirnya, baharu beliau menerima elaun pencen yang diuntukkan kepada beliau itu, dan pencen itu masih terus dibayar kepada waris-waris keturunan almarhum Sultan Ali yang berhak menerimanya hingga sekarang.

1880. Dalam tahun 1880 Sir Frederick A. Weld telah sampai ke Singapura menggantikan Sir William Robinson menjadi Gabenor Negeri-negeri Selat.

1881. Dalam tahun 1881, Maharaja Abu Bakar dalam suatu rombongan dengan pengiring-pengiring baginda telah berangkat pula melawat ke seluruh Tanah Jawa.

1882-1883. Pada 6 hari bulan Ogos tahun 1882, Bendahara Wan

Ahmad raja pemerintah negeri Pahang itu mula memakai gelaran *Sultan*. Tetapi pada 12 hari bulan Disember tahun 1884 baharulah baginda ditabalkan dengan rasmi oleh orang-orang besar Pahang dan digelar Sultan Ahmad Mu'azzam Shah; bagindalah Sultan Pahang yang pertama dalam keturunan Kesultanan Pahang yang sedang memerintah sekarang ini. Pada awal tahun 1887 baharulah pula kesultanan baginda itu diiktiraf oleh Kerajaan Inggeris.

Dalam tahun 1882 itu juga waris pengganti Shellapah Chitty telah menyaman Tengku Alam berhubung dengan hutang-hutang almarhum Sultan Ali kepada ceti itu yang telah berjumlah sebanyak \$121,025/-. Perkara itu telah berpanjangan hingga melarat-larat ke mahkamah. Tetapi akhirnya Tengku Alam bernasib baik, kerana, pada 6 hari bulan Januari tahun 1883, *Privy Council* di England telah memutuskan hukuman yang menolong Tengku Alam.

Dalam tahun 1883 itu juga, Maharaja Abu Bakar telah berangkat pula melawat ke Hongkong, Shanghai, Peking dan negeri Jepun dan telah berjumpa dengan Maharaja Jepun (Tenno Heika).

Pada tahun 1883 itu juga, Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah II, Sultan Riau-Lingga yang ke-IV telah mangkat di Lingga. Tetapi pada tahun 1885 baharu kerajaan Belanda melantik Raja Abdul Rahman putera Tengku Embong (isteri Yamtuan Muda Raja Muhammad Yusuf) puteri almarhum Sultan Mahmud Muzaffar Shah yang dipecat Belanda pada tahun 1857 dahulu (Sultan Mahmud itu mangkat di Pekan, Pahang) menjadi Sultan Riau-Lingga yang ke-V, dan bagindalah Sultan Riau-Lingga yang akhir (dipecat oleh Belanda dalam tahun 1911).

1884-1885. Pada tahun 1884, Gabenor Frederick Weld yang merasa kasihan kepada keluarga almarhum Sultan Ali itu, telah menghadiahkan sebuah istana besar kepada Tengku Alam, sebagai menggantikan wang \$20,000/- yang tidak dibayar kepada Sultan Ali oleh Gabenor Harry Ord untuk diberikan kepada Shellapah Chitty dalam tahun 1862 dahulu. Sehingga sekarang pun ada beberapa orang di antara keturunan almarhum Sultan Ali itu yang masih tinggal di Kampung Gelam, Singapura, masih menerima pencen itu, dan ramai di antara mereka itu yang merungutkan pencen yang mereka terima itu telah semakin bertambah kurang kerana bertambah ramainya bilangan anggota dalam keluarga mereka.

Berhubung dengan pertikaian yang panjang mengenai daerah

Muar-Kesang (antara Sungai Muar dengan Sungai Kesang) itu, W.H. Read dalam bukunya yang bernama *Play and Politic*, telah menulis dengan tepat (dan rasanya inilah sebagai penutup kisah pertikaian itu) mengatakan:

"Saya tak pernah menyalahkan dia (Abu Bakar) dan tidak juga menyalahkan ayahandanya (Daing Ibrahim), yang telah mengambil kesempatan yang diberikan kepada mereka; tetapi saya selalu berfikir bahawa Pemerintah Negeri-negeri Selatlah yang sepatutnya berpegang kepada neraca yang lebih adil, dan menunjukkan perasaan kejujuran yang lebih tinggi nilainya".

Dalam tahun 1884, Maharaja Abu Bakar telah menghantar orang-orang baginda membuka suatu tempat dekat kuala Sungai Muar dijadikan bandar. Setelah dibuka, bandar itu dinamakan *Bandar Maharani*, dan telah diletakkan seorang wakil baginda, beranam Engku Sulaiman, menjadi pemerintah di bandar dan daerah itu (Muar).

Sejak Gabenor Frederick Weld menjadi Gabenor Negeri-negeri Selat (1880), dia telah bergiat melanjutkan usaha-usaha gabenor yang dahulu daripadanya, seperti Clarke dan Jervis, hendak meluas dan menguatkan lagi penjajahan British di negeri-negeri Melayu. Hubungan Gabenor Weld dengan Maharaja Abu Bakar, tidaklah seperti hubungan Maharaja Abu Bakar dengan Gabenor Cavenagh, Ord dan Robinson dahulu, iaitu gabenor-gabenor yang memandang tinggi dan bersahabat baik dengan Abu Bakar. Tetapi Weld memandang baginda sebagai seorang raja Melayu yang bongkak dan agak tidak boleh diharapnya; sebabnya, pada pendapat Weld, ialah kerana perhatian tinggi yang telah diberikan kepada baginda oleh orang-orang Inggeris pada masa baginda melawat ke negeri Inggeris itu. Sebaliknya, Maharaja Abu Bakar pun langsung tidak percaya kepada Gabenor Weld itu. Nasihat-nasihat yang dikehendaki baginda berhubung dengan pemerintahan negeri, selalu diminta baginda daripada peguam-peguam di Singapura, terutama daripada syarikat peguam yang bernama *Rodyk dan Davidson* di Singapura.

Dalam tahun 1884 Gabenor Weld telah cuba menyatakan kepada kerajaan Inggeris: sudah sampai masanya kerajaan Inggeris membaharui dasar pemerintahannya terhadap negeri Johor, dengan alasannya menyatakan keburukan yang ada di negeri Johor yang dikatakan oleh Weld iaitu keburukan pertadbiran kerajaan negeri

itu; Maharaja itu menerima nasihat-nasihat yang tidak bertanggungjawab daripada peguam-peguam bangsa Eropah, dan pengaruh bangsa asing yang mungkin merosakkan negeri itu. Pada masa itu juga Gabenor Weld telah mengesyorkan kepada kerajaan Inggeris supaya melantik seorang Residen British di negeri Johor. Walaupun Gabenor itu tahu Maharaja Abu Bakar tidak akan mahu menerima Residen British itu, tetapi Weld mengatakan kepada kerajaan Inggeris: "perlantikan itu lambat laun akan diadakan juga di negeri Johor". Gabenor itu telah juga mengecam mengatakan: Maharaja Abu Bakar itu seorang pemboros; dan Gabenor itu merasa cemburu pula, mengatakan: kerana nasihat syarikat peguam-peguam *Rodyk dan Davidson* itulah maka negeri Johor masih tinggal merdeka.

Dalam pada itu, Gabenor Frederick Weld telah bercuti balik ke England, dan Cecil Clementi Smith menjadi Pemangku Gabenor di Singapura.

Pada awal tahun 1885, telah terdengar khabar-khabar angin di Singapura mengatakan: apabila Gabenor Weld datang balik ke Singapura, dengan kuasa yang diberikan kepadanya oleh kerajaan Inggeris, Gabenor itu akan mengambil negeri-negeri yang bernaung di bawah naungan perintah Inggeris, dan negeri Johor juga, langsung masuk ke dalam perintah kerajaan Inggeris. Maharaja Abu Bakar telah terkejut mendengar berita angin itu; dan baginda pun menetapkan hendak berangkat ke England seberapa segera.

Sebelum berangkat ke England, Maharaja Abu Bakar telah pergi berjumpa Cecil Clement Smith Pemangku Gabenor itu lalu menyatakan harapan baginda supaya kerajaan Inggeris tidak akan mengambil negeri Johor atau memaksa baginda menerima British Residen di negeri Johor, dan berbagai-bagai lagi keterangan yang telah dinyatakan baginda kepada Pemangku Gabenor itu untuk mengelakkan khabar-khabar angin yang mungkin jadi itu. Baginda telah menjemput Pemangku Gabenor itu datang sendiri melawat ke seluruh negeri Johor sebelum baginda berangkat ke England.

Cecil Clementi Smith telah datang melawat ke negeri Johor memeriksa rumah-rumah penjara; tempat jabatan kerjaraya; jabatan ukur dan lain-lain lagi. Berhubung dengan pemerhatiannya dalam lawatan ke negeri Johor itu, Pemangku Gabenor itu telah menghantarkan penyatannya kepada Setiausaha Jajahan di London, menyatakan: nampaknya telah ada tanda-tanda yang nyata

mengenai "penyusunan yang baik" dan "kemajuan yang memuaskan hati" di negeri Johor itu. Dan lagi katanya: baharu-baharu ini Maharaja Abu Bakar itu sendiri banyak menjalankan kegiatan untuk memajukan negerinya terutama membuka dan memajukan daerah Muar. Rumah-rumah penjara, tempat-tempat kerjaraya, dan jabatan ukur yang dilawatinya, pada pendapatnya, kerja di tempat-tempat itu, dalam beberapa perkara, "telah dibuat dengan baik" oleh kakitangannya orang-orang Melayu; dan yang lebih penting sekali ialah Maharaja Abu Bakar itu sangat suka menerima nasihatnya. Sekian di antara perkara-perkara yang telah dilaporkan oleh Cecil Clementi Smith ke London.

Sebenarnya, sangat payah pegawai-pegawai Inggeris di Singapura hendak menuduh-nuduh Maharaja Abu Bakar itu menjalankan pemerintahan yang tiada baik di negeri Johor itu. Oleh sebab pengaruh sahabat dan penasihatnya orang-orang Eropah, dengan beransur-ansur baginda telah mengadakan beberapa buah bangunan, perbadanan, dan jabatan-jabatan kerajaan dalam negeri baginda itu mengikut gaya Barat. Lagipun baginda itu bukanlah seorang yang mudah sahaja dapat digertak-gertak atau diperbodohkan, kerana baginda banyak mempunyai sahabat raja-raja dan orang-orang besar yang lebih tinggi pangkat mereka daripada pegawai-pegawai Inggeris di Singapura ataupun pegawai-pegawai di Pejabat Jajahan di London; Ratu Inggeris sendiri (Queen Victoria) bersahabat baik dengan baginda.

Setelah surat laporan daripada Pemangku Gabenor di Singapura itu sampai ke London, pegawai-pegawai tinggi di Pejabat Jajahan itu pun tidak lagi hendak menjalankan tindakan seperti yang disyorkan oleh Frederick Weld itu.

Dalam bulan Mei tahun 1885, Maharaja Abu Bakar bersama-sama dengan adinda baginda Ungku Muhammad Khalid, dan Dato' Seri Amar Diraja Abdul Rahman bin Andak, serta Dato' Seri Setia Diraja Abdullah bin Tahir, telah tiba di London kerana hendak menjalankan rundingan dengan kerajaan Inggeris mengenai kerajaan Johor. Pada masa itu Gabenor Weld yang sedang bercuti itu ada lagi di England.

Dari permulaan baginda berunding dengan pegawai-pegawai tinggi di Pejabat Jajahan Inggeris itu, baginda telah diberi pengakuan iaitu Inggeris tidak akan mengambil negeri Johor dan tidak juga akan meletakkan Residen British di negeri itu. Pada

masa baginda menjalankan rundingan di London itu, baginda dan kerajaan Inggeris telah berkira-kira pula hendak membuat suatu perjanjian baharu di antara kedua buah kerajaan itu. Oleh sebab banyak perkara yang akan ditetapkan, rundingan-rundingan di antara Maharaja Johor dengan pegawai-pegawai tinggi di Pejabat Jajahan Inggeris itu telah berlanjutan hingga lebih daripada enam bulan lamanya. Sepanjang rundingan di London itu, baginda terutamanya dibantu oleh setiausaha baginda Dato' Seri Amar Diraja Abdul Rahman, iaitu seorang orang besar Johor yang sangat bijak dan pandai pula berbahasa Inggeris serta sangat cemburu kepada muslihat-muslihat Inggeris yang hendak merosakkan taraf kemerdekaan negeri Johor itu.

Dalam rundingan-rundingan itu, baginda dan Dato' Abdul Rahman telah menentang rancangan Gabenor Frederick Weld yang hendak menjadikan negeri Johor itu jajahan takluk Inggeris. Apabila cadangan Weld itu tidak mendapat sambutan daripada pegawai-pegawai tinggi di Pejabat Jajahan Inggeris itu, dia telah mencuba pula supaya dalam perjanjian yang akan dibuat itu, dimasukkan syarat-syarat yang dapat menentukan supaya pengaruh Maharaja Johor itu terhad dalam negeri Johor sahaja, dan supaya baginda tidak dapat mengganggu dasar kerajaan Negeri-negeri Selat yang hendak dimasukkan ke negeri Pahang. Oleh sebab cadangan Weld hendak memasukkan Residen British ke negeri Johor itu tidak berjaya, dicubanya pula mendesak kerajaan Inggeris melantik seorang "Wakil British" diam di negeri Johor apabila pemerintah Inggeris di Negeri-negeri Selat menetapkan patut pegawai itu diadakan dalam negeri Johor. Cadangan itu telah dibangkang oleh Dato' Seri Amar Diraja yang mengatakan pula: supaya sesuai dengan dasar sebuah negeri yang merdeka, bolehlah Johor menerima seorang pegawai British yang bertaraf *Konsul* iaitu hanya bertugas sebagai pegawai dalam Jabatan *Konsul*; itu pun apabila diminta kepada kerajaan Johor oleh Setiausaha Jajahan British, di London.

Setelah Gabenor Frederick Weld balik ke Singapura, pada bulan September tahun 1885, apabila susunan kementerian kerajaan Inggeris di England bertukar dengan menggunakan pegawai-pegawai pemerintah yang baharu, kerajaan Inggeris telah menyerahkan kepada pegawainya yang baharu bernama Sir Robert Meade dengan dibantu oleh Frederick A. Stanley, Setiausaha

Jajahan British yang baharu, menjalankan perundingan dengan Maharaja Abu Bakar dan orang-orang besar baginda mengenai hal yang belum selesai itu.

Dalam rundingan-rundingan itu, dengan persetujuan Maharaja Abu Bakar, kerajaan Inggeris telah mencadangkan beberapa perkara dimasukkan ke dalam syarat-syarat perjanjian yang akan dibuat itu; di antaranya ialah: kerajaan Inggeris berkehendakkan juga dilantik seorang Wakil British tinggal di negeri Johor yang hanya mempunyai "tugas yang serupa dengan tugas-tugas seorang pegawai Jabatan Konsul"; kerajaan Inggeris mahu mengakui Maharaja Johor dan waris-waris penggantinya turun-temurun memakai gelaran *Sultan*; tetapi untuk mengelakkan supaya orang-orang Melayu jangan memikirkan gelaran *Sultan* baginda itu bererti sama seperti gelaran *Sultan* kerajaan Johor yang lama itu iaitu yang menguasai seluruh Johor, Riau, Lingga, Pahang dan lain-lain daerah lagi, maka kerajaan Inggeris telah menetapkan gelaran *Sultan* bagi baginda itu hendaklah disebut "Sultan bagi negeri dan jajahan Johor" sahaja. Dan dalam perjanjian itu akan disebutkan juga syarat yang membawa makna baginda "tiada boleh masuk campur dalam hal politik dan pertadbiran negeri-negeri Melayu" yang lain daripada Johor; dan jika tidak dengan kebenaran kerajaan Inggeris, baginda tiada boleh memberi kuasa pemajakan bebas di negeri Johor kepada sesiapa pun, melainkan kepada rakyat British, kompeni-kompeni British atau kepada orang-orang Cina, Melayu atau lain-lain bangsa Timur; dan banyak lagi perkara lain yang telah dirundingkan baginda dengan kerajaan Inggeris. Dalam pada itu, seperti yang telah dinyatakan kemudiannya oleh Pejabat Jajahan di London itu, bahawa hubungan di antara Raja pemerintah negeri Johor dengan Ratu Inggeris, ialah hubungan "persahabatan, bukannya hubungan menguasai atau menaklukan."

Akhirnya, pada 11 hari bulan Disember tahun 1885, perjanjian di antara kerajaan Johor dengan kerajaan Inggeris itu pun ditandatangani di Pejabat Tanah Jajahan Inggeris di London oleh Frederick A. Stanley, Setiausaha Negara Bagi Jajahan Koloni Inggeris bagi pihak kerajaan Inggeris, dengan Maharaja Abu Bakar bagi pihak kerajaan Johor. Di sini nampaknya ada suatu perbezaan: biasanya surat-surat perjanjian di antara negeri-negeri Melayu dengan kerajaan Inggeris, ditandatangani oleh Gabenor Negeri-

negeri Selat sahaja, tetapi surat perjanjian ini telah ditandatangani oleh Setiausaha Jajahan Inggeris pula.

Di antara tujuan-tujuan yang tersebut dalam perjanjian persahabatan di antara kerajaan Inggeris dengan kerajaan Johor bertarikh 11 hari bulan Disember tahun 1885 itu, ialah seperti yang disebutkan di bawah ini:

Surat perjanjian ini ialah mengenai hubungan di antara kerajaan Inggeris Negeri-negeri Selat dengan kerajaan Johor yang berpemerintahan sendiri (merdeka), yang diperbuat di antara Yang Amat Berhormat Frederick Arthur Stanley, Setiausaha Negara Tanah Jajahan Inggeris bagi pihak kerajaan Inggeris dengan Yang Maha Mulia Maharaja Johor.

Syarat-syaratnya:

- (1) Kedua-dua kerajaan ini sentiasa dengan tulus ikhlas menjaga ketetapan orang-orang isi negeri dengan aman dalam daerah masing-masing; bersatu keduanya menjaga musuh dari luar, dan akan serah-menyerah orang yang dituduh atau yang dihukum atas sebarang dosa atau kesalahan atas syarat-syarat yang boleh ditentukan antara kedua kerajaan itu.
- (2) Kerajaan Johor akan menyempurnakan jika diminta oleh kerajaan Negeri-negeri Selat bersama-sama membuat ikhtiar bagi menyenangkan perniagaan dan mengadakan perhubungan jalan darat menerusi negeri Johor ke negeri Pahang.
- (3) Jika kerajaan Negeri-negeri Selat, pada sebarang masa, hendak mengadakan seorang pegawai British menjadi wakil diam di negeri Johor yang berjawatan sebagai seorang konsular, kerajaan Johor akan menyediakan tempat kediaman pegawai itu.
- (4) Mata wang yang digunakan oleh kerajaan Negeri-negeri Selat, jika dikehendaki oleh kerajaan Johor, bolehlah digunakan dalam negeri Johor dengan nilai harga yang sama dan boleh didapati tukarannya daripada kerajaan Negeri-negeri Selat.
- (5) Gabenor Negeri-negeri Selat akan menjaga negeri Johor dan daerah-daerahnya daripada langgaran musuh dari luar; pegawai-pegawai Inggeris setiap waktu boleh bebas melalui laut negeri Johor, iaitu sempadannya sejauh tiga batu dari pantai laut negeri Johor, atau di laut yang lebarnya kurang daripada enam batu, hendaklah dianggarkan pada sama tengah di laut itu antara dua daratan yang diceraikan oleh laut itu.
- (6) Jika tidak dengan setahu atau dengan kebenaran kerajaan Inggeris, kerajaan Johor mengaku tiada akan membuat sebarang perjanjian bertulis atau masuk dalam sebarang perjanjian dengan sebarang kerajaan asing, dan tiada akan masuk campur dalam politik atau pertadbiran pemerintahan lain-lain negeri Melayu, atau memberi sebarang pemberian atau kuasa pemajakan bebas kepada lain daripada rakyat British, atau kompi British, atau orang-orang Cina, Melayu, atau lain-lain bangsa Timur; dan kerajaan Johor tiada akan menulis sebarang surat politik dengan sebarang kerajaan lain; kiranya hendak dijalankan juga, hendaklah dijalankan oleh kerajaan British.
- (7) Kerajaan Inggeris mengakui akan Maharaja Johor dan waris-waris gan-

ti-gantinya turun-temurun memakai gelaran "Sultan bagi negeri dan jajahan Johor".

Surat perjanjian ini telah ditandatangani oleh Yang Amat Berhormat Sir Frederick Arthur Stanley dan Yang Maha Mulia Maharaja Johor di Pejabat Jajahan Inggeris di London, pada 11 haribulan Disember tahun 1885.

Tandatangan: Frederick Arthur Stanley.

Tandatangan: Abu Bakar (dengan tulisan Jawi).

Disaksikan oleh:

Tandatangan: Robert G.W. Herbert,

Tandatangan: Abdul Rahman (Dato' Seri Amar Diraja).

1886. Dalam bulan Mac tahun 1886, pada masa Sultan Abu Bakar masih di negeri England lagi, baginda telah memberitahu kepada kerajaan Inggeris keinginan baginda hendak mengambil Kepulauan Natuna (Bunguran), Kepulauan Anambas (Siantan dan Jemaja) dan Kepulauan Tambelan yang terletak di Laut China Selatan, di barat laut Kalimantan itu, masuk ke dalam perintah kerajaan Johor. Tetapi keinginan baginda itu tiada berhasil, kerana kerajaan Inggeris telah mengakui pulau-pulau itu masuk ke dalam perintah kerajaan Hindia-Timur Belanda.

Pada masa di London itu juga baginda telah menubuhkan sebuah lembaga penasihat dinamakan Jemaah Penasihat Johor yang mengandungi ahli-ahlinya orang-orang Inggeris sahabat baginda, dan pengerusi lembaga itu dipilih baginda seorang sahabat karib baginda bernama Lt. Kolonel William Fielding. Tujuan baginda mengadakan lembaga itu ialah supaya baginda dapat berhubung terus, menerusi lembaga itu, dengan Pejabat Tanah Jajahan Inggeris di London; dan juga supaya lembaga itu dapat menasihati baginda mengenai perkara-perkara penting berhubung dengan pentadbiran pemerintahan di negeri Johor. Tetapi, yang sebenarnya ialah lembaga itu telah mengambil kerja-kerja yang dahulunya selalu dibuat oleh Gabenor di Singapura terhadap kerajaan Johor. Dengan adanya lembaga itu, baginda telah bertambah mudah mendapat nasihat-nasihat daripada Pejabat Jajahan di London mengenai pemerintahan baginda di negeri Johor, kerana pengerusi dan ahli-ahli dalam Jemaah Penasihat Johor di London itu berkenalan baik pula dengan pegawai-pegawai tinggi di Pejabat Jajahan itu; dan nasihat-nasihat yang berguna daripada pakar-pakar politik yang jadi ahli dalam

lembaga penasihat itu, memberi faedah pula kepada pegawai-pegawai pentadbir di negeri Johor.

Sebelum Sultan Abu Bakar berangkat balik ke Johor, pada hari Sabtu 13 hari bulan Februari tahun 1886 itu juga, Menteri Besar Johor, Dato' Ja'afar bin Haji Muhammad, telah mengisytiharkan ke seluruh negeri dan jajahan Johor akan gelaran *Sultan* yang telah diberikan kepada Maharaja Johor itu; baginda tidak lagi disebut Maharaja Abu Bakar, melainkan Sultan Abu Bakar.

Pada 8 hari bulan Julai tahun itu juga (1886), Sultan Abu Bakar dan pengiring-pengiring baginda dari benua Eropah itu telah sampai balik ke Singapura. Tiada lama lepas itu, dalam bulan Julai itu juga, dalam suatu istiadat besar yang telah diadakan di Johor Baharu, baginda telah ditabalkan dengan gelaran *Sultan* dan memakai mahkota kebesaran Johor. Gabenor Frederick Weld serta beberapa ramai orang-orang besar, pegawai-pegawai tinggi dan orang-orang kenamaan dari seluruh negeri Johor dan Singapura telah hadir menyaksikan istiadat pertabalan dan kemahkotaan Sultan Abu Bakar itu. Lepas itu, dalam suatu istiadat lagi, Sultan Abu Bakar telah mengurniakan bintang-bintang kebesaran kerajaan Johor yang telah baginda adakan mengikut cara negeri-negeri yang bertamadun, kepada beberapa orang kerabat diraja, orang-orang besar dan orang-orang kenamaan berbagai bangsa yang didapati baginda layak menerima bintang-bintang kebesaran itu. Menteri Besar Johor yang pertama, Dato' Ja'afar bin Haji Muhammad, telah dikurniakan bintang kebesaran kerajaan Johor yang bernama *Darjah Kerabat* yang amat dihormati pangkat pertama (D.K.). Pada masa itu juga, isteri baginda yang bernama Che' Fatimah telah diberi gelaran Sultanah Johor—Sultanah Fatimah.

Sejak tahun 1886 itu di negeri Johor telah diadakan pejabat-pejabat dan jabatan-jabatan kerajaan seperti di Singapura, iaitu pejabat setiausaha kerajaan, jabatan perbendaharaan, pejabat odit, mahkamah besar, pejabat percetakan kerajaan, jabatan kerjaraya, polis, pejabat ukur, pejabat tanah, pejabat pelajaran dan lain-lain. Pertadbiran negeri dijalankan mengikut arahan baginda Sultan dan Majlis Mesyuarat Negeri, dan dibantu juga oleh beberapa orang bangsa Eropah. Peladang-peladang bangsa Eropah yang telah datang ke negeri itu telah mula bertanam kopi, teh, koko, tembakau dan sagu, dan ada pula yang membuka perusahaan menggergaji



Sultan Abu Bakar

papan dan membuat batu-bata. Orang-orang Cina yang ramai diam di negeri itu terutama berladang lada hitam dan gambir.

Setelah Sultan Abu Bakar membuat perjanjian tahun 1885 itu, tiada lagi kekhuatiran yang dahulunya mungkin ada pada baginda terhadap keluarga almarhum Sultan Ali yang hendak menuntut memerintah negeri Johor itu; sekarang baginda telah mempunyai kuasa mutlak di negeri itu, dan membentuk kesultanan baharu bagi baginda dan waris pengganti baginda turun-temurun sebagai raja pemerintah di negeri Johor.

1887. Dalam tahun 1886 dan 1887, selalulah Sultan Abu Bakar menguatkan hak baginda sebagai seorang raja yang merdeka dan berdaulat, dan taraf baginda sekurang-kurangnya sama atau boleh jadi lebih lagi daripada taraf Gabenor di Singapura itu. Pada masa itu tidaklah lagi baginda mahu menerima nasihat daripada Gabenor di Singapura atau mendengar cadangan-cadangan Gabenor itu mengenai dasar-dasar pemerintahan di negeri Johor, dan tidak juga baginda mahu membuat apa-apa pinjaman wang daripada pemerintah Singapura, kerana takutkan kelak baginda terikat oleh pinjaman-pinjaman itu.

Berkenaan dengan perlantikan Wakil British tinggal di negeri Johor dengan tugas sebagai pegawai konsul yang telah diluluskan dalam perjanjian tahun 1885 itu, sebenarnya tidak pernah dilantik, kerana tatkala usul mengenai lantikan itu dikemukakan oleh Gabenor Weld dalam Majlis Mesyuarat Undangan di Singapura, ahli-ahli yang bukan rasmi dalam Majlis Mesyuarat itu tidak bersetuju perlantikan itu diadakan, dengan alasan: mengadakan pegawai seperti itu di negeri Johor tidak mustahak, kerana pegawai itu tidak akan dapat menjalankan kerjanya, dan perbuatan itu tidak bijak. Thomas Shelford yang memimpin pihak yang tidak menyetujui perlantikan itu, ialah seorang yang kanan dalam Dewan Perniagaan di Singapura, dan mempunyai gedung perniagaan besar di Singapura bernama *Paterson, Simon and Company*, dan dia juga sebagai wakil Sultan Johor di Singapura. Selain daripada itu, mereka menaruh syak pula akan tindakan Gabenor Weld hendak mengadakan Wakil British di negeri Johor itu ada mengandungi sesuatu tujuan, dan mereka telah menyatakan pula: tujuan mengadakan Wakil British itu ialah hendak mengintip gerak-geri Sultan Johor. Setelah Gabenor Weld mendapat tentangan seperti

itu, ia pun melaporkan pula ke London mengatakan: orang-orang Eropah yang menyebelahi Sultan Abu Bakar itu, ialah kerana mereka telah mendapat faedah daripada wang yang telah mereka pinjamkan kepada Sultan Abu Bakar; dan Gabenor Weld telah merayu supaya Pajabat Jajahan di London menjalankan "tindakan yang tegas dan tentu" terhadap kerajaan Johor itu. Sultan Abu Bakar sendiri pun, menerusi Pengerusi Jemaah Penasihat Johor di London, telah memberitahu Pejabat Jajahan itu iaitu: "Pada masa ini, baginda pun merasa keberatan hendak menerima Wakil British itu."

Akhirnya, Setiausaha Negara Tanah Jajahan Inggeris di London itu pun menetapkan: tidak akan menekan Sultan Johor mengenai perlantikan British Agent itu.

Pada tahun 1887 itu juga, Gabenor Frederick Weld telah berhenti daripada jawatannya di Singapura, digantikan oleh Sir Cecil Clementi Smith menjadi Gabenor Negeri-negeri Selat di Singapura.

1887-1888. Pada masa Gabenor Sir Cecil C. Smith itu pun, Sultan Abu Bakar begitu juga; baginda tetap tidak mahu mengikut telunjuk Gabenor di Singapura. Pegawai-pegawai tinggi di Pejabat Jajahan di London pun terus membiarkan sahaja baginda yang bertabiat mudah tersinggung dan suka membuat berbagai-bagai tuntutan itu; dan tidak pula mereka memikirkan Gabenor Cecil C. Smith itu ada menaruh apa-apa prasangka terhadap Sultan Abu Bakar. Dalam bulan Ogos tahun 1888, apabila Pejabat Jajahan di London bertanya kepada Gabenor Cecil C. Smith kalau-kalau Sultan Johor itu sudah mahu menerima seorang pegawai Inggeris berpangkat Wakil Konsul tinggal di negeri Johor sebab Gabenor Weld tak ada lagi, Gabenor Cecil C. Smith telah menjawab mengatakan: Sultan Abu Bakar masih juga menentang perlantikan itu; dan baginda telah menyatakan: pegawai seperti itu tidak mustahak bagi negeri Johor; bagi baginda sendiri baginda lebih suka berhubung terus dengan Gabenor di Singapura.

Dalam pada itu, Gabenor Cecil C. Smith tidak pula hendak menggalakkan atau mendesak Sultan Abu Bakar dalam perkara perlantikan itu, kerana Gabenor itu merasa ia akan dapat mempengaruhi baginda; tambahan pula Gabenor itu suka bersahabat

dengan Sultan Abu Bakar. Gabenor Cecil C. Smith percaya Sultan Abu Bakar itu masih berguna kepada Inggeris. Oleh sebab pengaruh Sultan Abu Bakarlah, dalam bulan Ogos tahun 1888 itu, Sultan Ahmad (Wan Ahmad) raja pemerintah negeri Pahang telah berkirim surat kepada Gabenor Cecil C. Smith meminta Gabenor itu menghantarkan seorang pegawai Inggeris ke negeri Pahang bagi menolong Sultan Pahang itu dalam pemerintahan di negeri baginda; langkah itu bererti dapatlah Inggeris mula memasukkan jarum penjajahannya ke negeri Pahang pula. Akhirnya, Gabenor Cecil Clementi Smith itu sendiri mencadangkan kepada kerajaan Inggeris supaya perlantikan Wakil British ke negeri Johor itu digugurkan langsung; dan Gabenor itu telah mengakukan pula kepada Setiausaha Jajahan di London dengan mengatakan: setelah ia melawat ke negeri Johor, ia merasa puas hati melihatkan pertadbiran di negeri itu sedang dijalankan dengan lebih saksama, dan keborosan seperti yang telah dilakukan dahulu telah disekat sedikit. Sejak itu Pejabat Jajahan di London telah mengambil ketetapan: selagi ada Sultan Abu Bakar, biarkan negeri Johor itu tinggal dalam keadaannya begitu juga, jangan diganggu.

1889. Dalam bulan Mac tahun 1889, Sultan Abu Bakar telah memindahkan semua kerabat baginda yang tinggal di Teluk Belanga, Singapura, ke Johor Baharu.

1890. Di antara tahun 1885-1890, oleh sebab Sultan Abu Bakar telah mengambil berat memajukan daerah Muar, Bandar Maharani pun bertambah ramai. Bandar itu telah menjadi pusat tempat berniaga lada hitam, gambir, pinang, kelapa dan lain-lain hasil pertanian dari daerah sekitarnya. Dalam tahun 1890 penduduk bandar itu telah ada seramai 5,000 orang; bangunan-bangunan kerajaan yang telah didirikan dalam bandar itu ialah istana Sultan Johor, rumah ketua pegawai daerah, mahkamah, balai polis, rumah-rumah berek, hospital dan pasar. Mulai bulan Mac tahun 1890 telah diadakan pula saluran paip air dimasukkan ke bandar itu dari sebuah kolam air sejauh 12 batu dari bandar itu. Dalam Bandar Maharani itu telah diadakan jalan-jalan raya, dan dibuat juga jalan keretapi jenis kecil sejauh lapan batu yang menghubungkan Bandar Maharani dengan sebuah daerah dekat di situ yang disebut namanya Padang; tempat ini didiami oleh orang-orang Jawa

seramai lebih kurang 10.000 orang; pekerjaan mereka terutamanya berkebun pokok pinang.

1890-1891. Dalam bulan Jun tahun 1890, Sultan Abu Bakar yang pada masa itu ada di tanah besar benua Eropah, telah menitahkan putera baginda Tengku Ibrahim berangkat ke benua Eropah, kerana baginda hendak mengenalkan putera baginda itu dengan sahabat-sahabat baginda di benua Eropah. Dalam bulan Ogos tahun itu juga (1890) baginda telah sampai ke negeri England dan telah mengenalkan putera baginda Tengku Ibrahim itu dengan beberapa orang raja dan orang-orang besar Inggeris sahabat baginda; di antaranya ialah Putera Mahkota Inggeris (Prince of Wales) dan Lt. Kolonel William Fielding.

Dalam tahun 1890 itu juga, tatkala Sultan Abu Bakar melawat di benua Eropah itu, Sultanah Fatimah telah mangkat di Singapura dan jenazahnya telah dibawa lalu dimakamkan di Johor Baharu. Sangatlah dukacita baginda apabila berita kemangkatan Sultanah itu disampaikan kepada baginda; tetapi lawatan baginda itu diteruskan juga.

Keberangkatan Sultan Abu Bakar ke negeri Inggeris itu telah dimulikan oleh kerabat diraja Inggeris. Pada 25 haribulan Februari tahun 1891, Sultan Abu Bakar serta orang-orang besar baginda yang melawat ke England itu telah dipersilakan hadir dalam suatu jamuan diraja yang telah diadakan oleh Queen Victoria di Istana Windsor. Dalam majlis jamuan itu Sultan Abu Bakar duduk di sebelah kanan Ratu Inggeris itu dan telah beramah-tamah dengan mesranya. Pada pertengahan bulan April tahun 1891 baginda pun selamat sampai balik ke negeri Johor.

Lebih kurang sebulan kemudian daripada itu, pada 23 hari bulan Mei tahun 1891, dalam suatu istiadat yang diadakan di Johor Baharu, Sultan Abu Bakar telah melantik putera baginda Tengku Ibrahim itu menjadi Tengku Mahkota Johor iaitu bakal Sultan Johor; pada masa itu Tengku Ibrahim baharu berumur lebih kurang lapan belas tahun.

Pada 26 hari bulan Ogos tahun 1891 itu juga, Tengku Alam (Sultan Alauddin Alam Shah) ibni almarhum Sultan Ali Iskandar Shah telah mangkat di istananya di Kampong Gelam, Singapura. Makam almarhum itu masih ada lagi sampai sekarang ini di bahagian hadapan sebelah bawah Masjid Sultan di Singapura.

Tengku Alam telah meninggalkan beberapa orang putera; di antaranya ialah Tengku Haji Ali, Tengku Aishah dan Tengku Mariam.

1892. Dalam tahun 1892, Sultan Ahmad Pahang telah menjalakan istiadat menghantar belanja kepada pihak Sultan Abu Bakar di Johor, kerana hendak mengahwinkan putera baginda Tengku Mahmud (Tengku Besar Pahang) dengan Tengku Mariam (Tengku Sulong) puteri sulung Sultan Abu Bakar. Sungguhpun telah sempurna menghantar belanja itu, tetapi perkahwinan antara putera-puteri diraja Pahang dan Johor itu telah ditangguhkan, kerana kegeringan Tengku Mahmud, di Pahang.

Kemudian, dalam tahun itu juga, Sultan Abu Bakar telah mengahwinkan Tengku Mahkota Tengku Ibrahim dengan sepupunya Ungku Maimunah binti Abdul Majid.

Pada akhir tahun itu, iaitu pada 3 hari bulan Disember (1892), Sultan Abu Bakar telah mengadakan istiadat dan jamuan besar kerana istiadat pembukaan rasmi istana baginda di Tanglin, Singapura (dekat Kebun Bunga Singapura), dan istana itu dinamakan *Istana Tyersall*; Sultan Ahmad Pahang, Gabenor Singapura dan beberapa ramai orang-orang besar dan orang-orang kenamaan berbagai bangsa dari Johor dan Singapura telah dijemput menghadiri istiadat dan jamuan diraja itu.

1893. Pada 23 hari bulan Februari tahun 1893 Sultan Abu Bakar telah berangkat lagi ke benua Eropah, kerana melawat-lawat, sebab pada masa itu baginda telah mulai uzur. Setelah baginda berehat di Switzerland, dan agak sihat sedikit, baginda pun berangkat melawat dan berjumpa beberapa orang raja di benua Eropah, iaitu Maharaja (Kaiser) Jerman, Raja Itali, Raja Austria dan Sultan Abdul Hamid, Sultan Turki. Sultan Turki itu telah menghormati baginda dengan mengurniakan bintang kebesaran kerajaan Turki darjah yang pertama. Setelah melawat sebentar ke London, baginda pun berangkat balik ke negeri Johor.

1894. Pada 28 hari bulan Februari tahun 1894, dengan titah Sultan Abu Bakar, dalam suatu istiadat terhad antara kaum ibu kerabat diraja Johor sahaja, yang telah diadakan di Istana Zahrah

Johor Baharu, isteri baginda yang bernama Che' Khatijah telah digelar Sultanah Johor.

Dalam tahun 1894 itu juga, bandar Tanjung Puteri yang telah diubah namanya Johor Baharu sejak dua puluh lapan tahun dahulu (1866) dan telah dijadikan ibu negeri Johor itu, telah bertambah-tambah ramai. Seorang Inggeris bernama H. Lake yang telah menulis sebuah rencana pada bulan April tahun 1894, ada menyebutkan perihal bandar Johor Baharu itu. Antara lain ia mengatakan:

Pada masa ini bandar yang kecil lagi mewah itu (Johor Baharu) telah mempunyai penduduk seramai lebih kurang 15,000 orang, pejabat kerajaan dan istana Sultan negeri itu. Dipandang dari seberang Singapura yang menghadap ke selat yang menceraikan Singapura dengan bandar itu, kelihatan bandar itu didirikan di pantai laut selat itu; di sekitarnya ada beberapa buah bukit kecil yang ditaburi oleh beberapa buah rumah, bercampur dengan rumah-rumah batu bangunan kerajaan. Istana Laut (Istana Besar) yang menghadap ke laut itu ialah tempat bersemayam yang utama bagi Sultan Johor; istana itu bangunan batu satu tingkat memanjang, yang dilengkapi seluruhnya dengan beberapa jenis alat perkakas yang memberi kerehatan dan kemewahan mengikut cara Eropah... Beberapa batang jalan yang baik, tempat bersiar-siar di tepi laut kira-kira sebatu panjangnya, kolam-kolam air, pangkalan kapal, yang telah diadakan di bandar itu, ialah menunjukkan kebijaksanaan dan kecekapan pertadbiran Sultan yang sekarang memerintah negeri itu.

Pada 28 hari bulan Oktober tahun 1894 itu juga, Ungku Maimunah isteri Tengku Mahkota Ibrahim telah berputerakan seorang anak lelaki, dinamakan Tengku Ismail (Anak sulung Ungku Maimunah yang telah dilahirkannya dalam bulan Ogos tahun 1893 dahulu, tiada berhayat).

Pada tahun 1894 itu juga, Gabenor Sir Cecil Clementi Smith di Singapura itu telah berhenti daripada jawatannya digantikan oleh Gabenor Sir Charles B.H. Mitchell.

1895. Pada 14 hari bulan April tahun 1895, Sultan Abu Bakar telah mengadakan suatu istiadat di Johor Baharu, kerana menandatangani dan mengisytiharkan *Undang-undang Tubuh Kerajaan* iaitu perlembagaan bagi negeri Johor yang telah disediakan oleh Jemaah Menteri-menteri baginda yang dibantu oleh syarikat peguam di Singapura yang bernama *Rodyk dan Davidson* itu. Dalam istiadat itu Undang-undang Tubuh Kerajaan itu telah ditandatangani oleh Sultan Abu Bakar, adinda baginda Ungku Muhammad Khalid ibni almarhum Temenggong Ibrahim, dan Tengku

Mahkota Ibrahim, serta diiringi pula dengan tandatangan Jemaah Menteri dan ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Johor. Di antara kerajaan-kerajaan Melayu di Tanah Melayu dalam Kurun Masihi yang ke-19 itu, kerajaan Johorlah yang mula-mula memakai Undang-undang Tubuh Kerajaan yang bertulis. Undang-undang itu panjang dan sangat luas kandungannya. Di antaranya, ada beberapa perkara seperti yang disebutkan di bawah ini.

Dalam pendahuluan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor itu ada menyebutkan:

"Bahawa sesungguhnya kami dengan hak kuasa kerajaan dan kebebasan kami sebagai pemerintah yang maha tinggi dan Yang Dipertuan Negeri Johor ini dan sekalian jajahan takluknya, serta dengan nasihat dan persetujuan dan kebenaran sekalian ahli Majlis Mesyuarat Menteri-menteri kami dan Majlis Mesyuarat Negeri serta pembesar-pembesar yang lain dan orang tua-tua negeri ini, telah kami memikir dan menimbangkan dan memasyhurkan, bahawa patut dan berfaedah dan menasabah pada masa dan zaman ini, yang kami dengan nama dan bagi pihak kami dan kerana bagi pihak waris-waris kami dan segala yang mengganti kami, pemerintah yang maha tinggi atau Sultan-Sultan Johor, patut, membuat menjadikan, mendirikan dan mengadakan, dan memberi, kurnia, menghebahkan dan menghadiahkan kepada dan bagi gunaan kerajaan dan rakyat dan isi negeri kami ini, suatu undang-undang dan peraturan bagi mentadbir dan menjalankan kerajaan negeri ini yang dipanggil *Undang-undang Tubuh Kerajaan* yang tetap dan tiada berputus daripada satu keturunan kepada satu keturunan akan jadi undang-undang kerajaan kami, negeri dan rakyat kami dan akan jadi pesaka yang tiada boleh diubah, dipinda atau ditokok, tiada boleh dibatal, dilalui ataupun dimansuh atau dibinasakan dengan sebarang jalan atau dengan sebarang perbuatan juapun.

Fasal yang ke-15 dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan itu ada menyebutkan:

Adalah Yang Maha Mulia Sultan itu "tiada boleh dengan sebarang jalan menyerah atau membuat sebarang perjanjian, atau pakatan menyerahkan negeri ini (Johor) atau sebarang bahagian daripada negeri dan jajahan Johor kepada sebarang bangsa atau kerajaan Eropah dan sebagainya dan demikian juga diletakkan dan dihukumkan tegahan dan larangan ini ke atas semua dan tiap-tiap seorang daripada waris-waris dan saudara-saudara Yang Maha Mulia Sultan itu".

Dalam fasal yang ke-16 pula ada menyebutkan larangan-larangan atau tegahan-tegahan seperti yang terkandung dalam fasal yang ke-15, ke atas menteri-menteri dan mereka yang menyokong negeri Johor itu.

Fasal yang ke-59 menyebutkan:

Bahawa negeri Johor "akan tertinggal di dalam keadaan persahabtan dan pakatan yang baik selama-lama serta kekalnya dengan lain-lain negeri. Istimewa dan terutama sekali dengan Inggeris atau bangsa dan kerajaan Inggeris".

Dalam fasal yang ke-60 menyebutkan:

Selagi tiada perbuatan kezaliman yang sebenar lagi sah dan besar lagi jahat yang dilakukan oleh pihak bangsa-bangsa atau kerajaan yang telah dibuat perjanjian dengan kerajaan Johor dan selagi tiada perbuatan mereka yang bebas atau perbuatan yang tiada menimbang rasa yang menyebabkan mereka mengubah setia daripada sebarang perjanjian atau perjanjian-perjanjian, maka hendaklah Yang Maha Mulia Sultan dan kerajaan Johor mengikut dan menyempurnakan selama-lamanya dengan tiada berputusan, dengan setia lagi taat dan dengan betulnya akan segala syarat-syarat perjanjian atau persetujuan yang telah sedia terbuat atau yang lagi akan diperbuat pada kemudian hari dengan negeri-negeri asing.

Dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor itu, ada pula ditetapkan syarat-syarat bagi melantik atau menabalkan Sultan serta menetapkan wang perbelanjaan dan aturan-aturan bagi menggantikan Sultan Johor itu hingga berketurunan. Juga ada ditentukan sekali berkenaan dengan peraturan dan kewajipan Majlis Mesyuarat Menteri-menteri dan Majlis Mesyuarat Negeri dan aturan-aturan berkenaan dengan agama dalam negeri Johor, serta menetapkan asas hukuman undang-undang yang akan dijalankan di dalam mahkamah keadilan.

Empat hari selepas Sultan Abu Bakar menandatangani dan mengisytiharkan Undang-undang Tubuh Kerajaan itu, pada 18 haribulan April tahun 1895, baginda pun berangkat bertolak dengan kapal dari Teluk Belanga, Singapura, menuju ke benua Eropah; di antara orang-orang besar Johor yang sama mengiringi baginda itu ialah Dato' Seri Amar Diraja Abdul Rahman bin Andak, dan Haji Kasim bin Taha sebagai Setiausaha Sulit baginda. Pada masa itu baginda sedang uzur. Baginda telah mendarat di pelabuhan Marseilles di negeri Perancis; dari situ pergi ke Paris, dan kemudian berangkat lalu sampai di bandar London pada 25 hari bulan Mei tahun 1895, bersemayam di Beiley's Hotel, tempat baginda biasa bersemayam selama di London. Pada masa itu baginda masih uzur juga dan semakin hari keuzuran baginda itu semakin bertambah.

Setelah sepuluh hari lamanya baginda bersemayam di London, pada 4 haribulan Jun tahun 1895, pukul 8.30 malam, Sultan Abu Bakar pun mangkat, kembali kerahmatullah. Dato' Seri Amar Diraja Abdul Rahman telah memberitahu hal kemangkatan baginda itu kepada Ratu Inggeris, kepada Sultan Turki dan lain-lain raja-raja sahabat almarhum itu di benua Eropah, dan terutama Dato' itu telah menghantar kawat memberitahu kepada Pemangku Raja Johor Tengku Mahkota Ibrahim. Setelah berita itu disampaikan kepada Menteri Besar Johor Dato' Ja'afar bin Haji Muhammad, pada malam itu juga tersebarlah berita kemangkatan baginda itu ke seluruh negeri Johor dan jajahannya.

Pada 18 hari bulan Julai tahun 1895, jenazah almarhum itu telah dibawa dengan kapal syarikat perkapalan P & O yang bernama *Bombay* bertolak dari England menuju ke Timur. Pada 28 haribulan Ogos (1895) jenazah itu telah sampai di pelabuhan Pulau Pinang, lalu dipindahkan ke sebuah kapal perang Inggeris yang bernama H.M.S. *Mercury*, dan sampai di Singapura pada 30 hari bulan Ogos (1895); petang itu juga jenazah itu dibawa ke Johor Baharu lalu disemayamkan di peterakna Istana Besar di Johor Baharu.

Seminggu kemudian, pada 7 hari bulan September tahun 1895, lebih kurang pada pukul 11.00 pagi, dalam suatu istiadat, diisytiharkanlah Putera Mahkota Tengku Ibrahim menggantikan almarhum ayahandanya menjadi Sultan Yang Dipertuan negeri Johor bergelar Sultan Ibrahim.

Lepas zuhur hari itu juga, 7 hari bulan September tahun 1895, jenazah almarhum Sultan Abu Bakar ibni almarhum Temenggong Daing Ibrahim Seri Maharaja Johor, dimakamkan dipermakaman diraja Johor yang disebut Makam Mahmudiah (di Johor Baharu), dan tamatlah riwayat pemerintahan almarhum itu selama lebih kurang tiga puluh tiga tahun.

Sultan Ibrahim (1895-1959):

1895. PADA hari Sabtu, 7 hari bulan September tahun 1895, pada masa hendak memakamkan jenazah almarhum Sultan Abu Bakar, dalam suatu istiadat di Istana Besar, Johor Baharu, diisytiharkanlah Tengku Mahkota Johor, Tengku Ibrahim, menjadi Sultan Johor menggantikan almarhum ayahanda baginda, bergelar Sultan Ibrahim; pada masa itu usia baginda baharu dua puluh dua tahun. Lebih kurang dua bulan kemudian, dalam suatu istiadat dan keramaian yang telah diadakan di Johor Baharu, pada 2 hari bulan November tahun 1895 itu juga, baginda pun ditabal dan dimahkotakan sebagai Sultan Yang Dipertuan negeri Johor; isteri baginda Ungku Maimunah binti Ungku Abdul Majid ibni almarhum Temenggong Ibrahim, digelar Tengku Ampuan Besar Johor; putera baginda Tengku Ismail dilantik menjadi Tengku Mahkota Johor.

Ada pun Sultan Ibrahim itu, selain daripada seorang yang masih muda belia, persekolahannya, baik Melayu atau Inggeris, tidaklah begitu tinggi. Lepas sahaja bersekolah baginda telah masuk berkhidmat dalam Pasukan Askar Johor. Setelah ditauliahkan pangkat leftenan muda dalam Pasukan Askar Johor itu, baginda bekerja jadi edikong kepada ayahanda baginda almarhum Sultan Abu Bakar. Dengan kehendak ayahanda baginda, pada tahun 1890 baginda telah berangkat ke benua Eropah bagi kali yang pertamanya. Tatkala baginda berumur lapan belas tahun (1891), baginda telah dilantik menjadi Tengku Mahkota Johor. Sejak dari mudanya lagi, kegemaran baginda ialah berolahraga, termasuk membawa motokar sports, menunggang kuda dan berburu binatang. Pada masa baginda mula dilantik jadi Sultan itu, belumlah banyak pengalaman baginda dalam hal pertadbiran pemerintahan negeri.



Sultan Ibrahim

Pada permulaan baginda menjadi Sultan itu, didapati baginda wang dalam perbendaharaan kerajaan Johor boleh dikatakan kosong; dan didapati juga sangat banyak hutang-hutang almarhum ayahanda baginda dan hutang-hutang kerajaan Johor juga yang belum dibayar. Oleh itu baginda pun mulalah menjalankan aturan yang agak keras mengenai pembayaran wang hasil kepada kerajaan, dan penggunaan wang kerajaan pun telah disekat baginda, tiada boleh dikeluarkan sesuka hati pegawai-pegawai kerajaan sahaja; dan kakitangan kerajaan pun telah diarahkan baginda mesti menjalankan kerja dengan betul dan menepati waktu serta berpakaian selengkapnya, tidak boleh mereka ikut suka hati masing-masing sahaja seperti dahulu.

Pada 22 hari bulan Mei tahun 1896, Raja Siam (Thai) yang bernama King Chulalongkorn dalam suatu rombongannya yang dibawa dari Singapura oleh Gabenor Negeri-negeri Selat telah datang melawat ke Johor Baharu dan telah disambut dengan istiadatnya oleh kerajaan Johor. Raja Siam itu telah berkenalan dengan Sultan Ibrahim dan orang-orang besar baginda. Tiada berapa lama di Johor Baharu Raja Siam itu pun berangkat balik ke Singapura.

Esoknya, pada 23 hari bulan Mei (1896), Sultan Ibrahim dalam suatu rombongan yang mengandungi orang-orang besar baginda serta dua tiga orang taukeh Cina sahabat baginda, telah berangkat belayar memudiki Sungai Johor pergi ke Kota Tinggi kerana hendak mengesahkan pembukaan rasmi bandar Kota Tinggi. Sambil itu baginda telah menziarahi makam raja-raja Johor di Makam Tauhid, Batu Sawar.

Ada kira-kira setahun lamanya Sultan Ibrahim berkerajaan, didapati kewangan kerajaan Johor dan wang baginda juga sangat merosot. Dalam bulan Ogos tahun itu juga (1896), Sir Robert Herbert, Pengerusi Jemaah Penasihat Johor di London (Sir Robert Herbert menggantikan William Fielding), telah merayu kepada Setiausaha Negara Tanah Jajahan Inggeris di London supaya beliau mengatitkan suatu peraturan membenarkan pemerintah Inggeris di Singapura mendahulukan wang kepada kerajaan Johor sebanyak \$150,000 hingga \$200,000 (iaitu jumlah yang lebih banyak daripada hutang-hutang kerajaan Johor), untuk kerajaan Johor menjelaskan hutang-hutangnya, supaya dapat kerajaan Johor "memulakan langkah baharu". Sir Robert menyatakan juga: "Lambat-laun negeri Johor itu tentu akan masuk juga ke dalam suatu jenis kawalan

British". C.P. Lucas, seorang pegawai tinggi di Pejabat Jajahan di London masa itu, berpendapat: adalah suatu kemalangan bagi negeri Johor yang letaknya di hujung Semenanjung Tanah Melayu itu, tidak masuk campur bersekutu ke dalam "Negeri-negeri Melayu Yang Bersekutu (Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang) yang baharu ditubuhkan itu (1896), dan Lucas berharap British dapat memujuk Johor memasuki "Persekutuan Melayu Baharu" itu, dan meminta supaya mahu pula kerajaan Johor menerima Residen-Jeneral Negeri-negeri Melayu Yang Bersekutu itu menjadi ketua penasihat bagi kerajaan Johor. Lucas telah mengemukakan pendapat dan harapannya itu kepada Herbert. Tetapi Lucas telah diberitahu bahawa pada masa itu belumlah kerajaan Johor mahu memasuki persekutuan Negeri-negeri Melayu Yang Bersekutu itu. Akhirnya, rayuan Sir Robert Herbert meminta British mendahulukan wang kepada kerajaan Johor itu tidak berhasil.

1897. Setelah hampir lima tahun ditangguhkan, akhirnya, pada 14 hari bulan September tahun 1897, Tengku Mariam (Tengku Sulong) puteri sulung almarhum Sultan Abu Bakar, kakak Sultan Ibrahim telah dikahwinkan dengan Tengku Mahmud, Tengku Besar Pahang (Bakal Sultan Pahang) putera Sultan Ahmad Pahang, dalam suatu istiadat perkahwinan yang telah diadakan di Johor Baharu.

Pada 9 hari bulan Oktober tahun 1897 itu juga, Gabenor Sir Charles Mitchell dari Singapura telah sampai ke Johor Baharu menyerahkan bintang kebesaran Kerajaan Inggeris, iaitu bintang K.C.M.G. kepada Sultan Ibrahim, dan bintang C.M.G. kepada Dato' Ja'afar bin Haji Muhammad Menteri Besar Johor, dalam suatu istiadat yang telah diadakan di Johor Baharu.

1898. Pada 17 hari bulan Februari tahun 1898, Che' Rogayah isteri Sultan Ibrahim yang tinggal di Istana Tyersall, di Singapura, telah berputerakan seorang anak lelaki, dinamakan Tengku Abu Bakar (kemudiannya bergelar Tengku Aris Bendahara).

Dalam bulan Februari tahun 1898 itu juga Sultan Ibrahim mula berangkat melawat ke Muar dan telah memerintahkan pegawai-pegawai baginda di situ mengadakan jalan-jalan raya yang lebih baik lagi menuju ke Melaka dan ke Tangkak, serta mengatur-

kan pertadbiran di daerah Segamat dan Tangkak.

Pada 24 hari bulan Mac tahun itu juga (1898), Tengku Mahmud, Tengku Besar Pahang, telah membawa isterinya Tengku Mariam serta pengiring-pengiringnya dari Johor Baharu pindah ke bandar Pekan, Pahang.

Pada 4 hari bulan Jun (1898) pula, suatu istiadat telah diadakan di Johor Baharu, kerana menyampaikan bintang kebesaran Kerajaan Turki dari Sultan Abdul Hamid, Sultan Turki, kepada Sultan Ibrahim; bintang itu dibawa dari negeri Turki oleh Dato' Seri Amar Diraja Abdul Rahman bin Andak.

Dalam pertengahan tahun 1898 itu, beberapa pengaduan daripada orang-orang di Johor dan Singapura terhadap pemerintahan Sultan Ibrahim di negeri Johor itu telah sampai ke London. Di antara pengaduan-pengaduan itu ada yang mengemukakan cara pemerintahan baginda yang dikatakan mereka pemerintahan ikut suka hati baginda sahaja; ada yang mengadukan fasal penindasan baginda terhadap seorang Cina di negeri Johor, dan orang-orang yang mengadu itu minta kerajaan Inggeris masuk campur tangan. Bapa saudara baginda, Ungku Muhammad Khalid itu pun telah membuat pengaduan kepada Pemangku Gabenor di Singapura (Sir James A. Swettenham) mengemukakan pertadbiran pemerintahan di negeri Johor, dan mengatakan bahawa tunggakan gaji Ungku itu sudah tidak berbayar beberapa bulan lamanya, dan beliau mengatakan juga bahawa anak saudaranya Sultan Ibrahim itu menjalankan pemerintahan ikut suka hatinya sahaja, dan nyatalah baginda telah melanggar syarat-syarat dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan negeri Johor. Mengenai pengaduan Ungku Muhammad Khalid itu, Pemangku Gabenor itu telah mengambil kesimpulan dan menyatakan ke London: dalam pertadbiran pemerintahan Sultan Ibrahim di negeri Johor itu, baginda sedang mencuba mengurangkan tanggungan perbelanjaan kerajaan di negeri itu; boleh jadi baginda telah menjumpai rasuah yang telah dilakukan oleh pegawai-pegawai kerajaan di negeri itu. Oleh sebab sokongan Pemangku Gabenor itu, akhirnya pengaduan-pengaduan terhadap baginda itu tiada mendapat layanan daripada kerajaan Inggeris.

1899-1904. Dalam tahun 1899, seorang peguam di Singapura bernama C.B. Buckley, iaitu seorang daripada peguam-peguam dalam syarikat peguam *Rodyk dan Davidson*, telah dilantik oleh Sultan

Ibrahim menjadi ahli yang kehormat dalam Majlis Mesyuarat Negeri di negeri Johor. Pada akhir tahun 1899 itu juga, Sultan Ibrahim telah berangkat ke Calcutta membawa kuda baginda kerana memasuki perlumbaan kuda di bandar itu. Dari Calcutta baginda telah berangkat ke Colombo (Ceylon), dan dari situ lalu pergi ke benua Australia, melawat bandar Perth, Adelaide, Melbourne dan Sydney dan baginda telah masuk dalam perlumbaan kuda di bandar itu. Setelah itu baginda pun berangkat balik ke Johor.

Kira-kira dalam bulan November tahun 1899, pekerjaan membuat jalan keretapi yang sedang dijalankan oleh kerajaan Negeri-negeri Melayu Yang Bersekutu, terutamanya diarahkan oleh Frank Swettenham, Residen-Jeneral Negeri-negeri Melayu Yang Bersekutu itu, hampir akan siap dibuat, iaitu dari Butterworth di utara sampai ke sempadan Negeri Sembilan dengan negeri Johor (Gemas); dan jalan keretapi di Singapura, dari bandar Singapura sampai ke tepi Selat Teberau yang bertentang dengan bandar Johor Baharu itu, sudah pun diluluskan membuatnya oleh pemerintah Singapura. Pada masa itu timbullah masalah hendak meneruskan pekerjaan membuat jalan keretapi itu dari sempadan Negeri Sembilan melalui negeri Johor sampai ke bandar Johor Baharu. Frank Swettenham berpendapat: jalan keretapi di Singapura itu tidak akan ada gunanya jika tidak bersambung dengan jalan keretapi Negeri-negeri Melayu Yang Bersekutu di Semenanjung Tanah Melayu; dan Swettenham berharap kerja membuat jalan keretapi menerusi negeri Johor itu dapat dimulakan membuatnya selewat-lewatnya dalam tahun 1902, iaitu apabila siap dibuat jalan-jalan keretapi di negeri yanguduknya di utara negeri Johor itu, kerana pada masa itu baharu boleh didapati jurutera-jurutera dan pekerja-pekerja yang akan bekerja membuat jalan keretapi di negeri Johor itu.

Frank Swettenham telah meminta kepada Sultan Ibrahim membenarkan kerajaan Negeri-negeri Melayu Yang Bersekutu membuat jalan keretapi dari sempadan Negeri Sembilan menerusi negeri Johor sampai ke bandar Johor Baharu, dan kerja itu akan dimulakan dalam tahun 1902. Tetapi jika kerajaan Johor sanggup membiayai pekerjaan itu, Swettenham mencadangkan bolehlah kerajaan Negeri-negeri Melayu Yang Bersekutu meminjamkan wang kepada kerajaan Johor dengan syarat-syaratnya, dan bolehlah

pegawai-pegawai daripada kerajaan Negeri-negeri Melayu Yang Bersekutu menjalankan kerja itu atas nama kerajaan Johor. Cadangan Frank Swettenham hendak membuat jalan keretapi menerusi negeri Johor itu telah disetujui oleh Gabenor di Singapura dan Pejabat Jajahan di London pun telah menyetujui sepenuhnya.

Sultan Ibrahim yang dibantu oleh Dato' Seri Amar Diraja Abdul Rahman bin Andak telah merasa "sangat syak" kepada cadangan-cadangan Frank Swettenham itu, kerana mereka takut apabila diterima bantuan pinjaman wang dan lain-lain bantuan daripada kerajaan Negeri-negeri Melayu Yang Bersekutu itu, boleh jadi akan membahayakan kemerdekaan Johor. Sultan Ibrahim dan Dato' Abdul Rahman telah merujuk perkara itu kepada "Jemaah Penasihat Johor" di London yang dipengerusikan oleh Sir Robert Herbert dan penolongnya Sir Cecil Clementi Smith (yang telah berhenti jadi Gabenor Negeri-negeri Selat pada tahun 1863). Sir Robert Herbert telah menyetujui cadangan Swettenham itu pada dasarnya, tetapi butir-butir selanjutnya mengenai cadangan itu, kata Sir Robert, mestilah Sultan Johor dinasihati dalam perkara-perkara yang boleh memberi faedah kepada negeri baginda walaupun bertentangan dengan faedah-faedah yang akan didapati oleh Negeri-negeri Melayu Yang Bersekutu.

Berhubung dengan perkara itu, yakni Johor tidak mahu dengan serta-merta menerima cadangan Swettenham, dan telah merujuk perkara itu kepada Jemaah Penasihat Johor di London, orang-orang Inggeris menyangka bahawa tindakan Johor itu ialah kerana kebijaksanaan Dato' Abdul Rahman yang telah menasihati Sultan Ibrahim; sebab dato' itu seorang yang bijak dan berpengalaman dalam hal hubungan dengan orang-orang Inggeris sejak zaman almarhum Sultan Abu Bakar dahulu lagi. Sampai kepada masa Sultan Ibrahim ini pun, baginda telah menyerahkan kepada dato' itu segala urusan mengenai hubungan dengan kerajaan Inggeris. Orang-orang Inggeris menyangkakan pula bahawa Sultan Ibrahim itu mengikut sahaja apa kata dato' itu. Frank Swettenham mengatakan: apabila Sultan Ibrahim tidak ada di negeri Johor, Dato' Abdul Rahman itulah yang sebenarnya menjalankan pemerintahan negeri itu. Sir Robert Herbert pun pernah mengatakan Sultan itu "takut kepada Abdul Rahman" kerana beliaulah yang merancang undang-undang di negeri Johor itu.

Semenjak cadangan hendak membuat jalan keretapi itu di-

rujukkan kepada Jemaah Penasihat Johor di London, sentiasalah Frank Swettenham berhubung dengan Pejabat Jajahan di London, dan Kerajaan Johor dengan Jemaah Penaishat Johor di London, berutus-utus surat mengenai hal itu sehingga perkara itu telah jadi berpanjangan dan berlanjutan hingga beberapa tahun lamanya (hingga tahun 1904).

Dalam masa itulah, apabila kerajaan Inggeris mencadangkan hendak membuat perjanjian yang mengandungi syarat-syarat yang menguntungkan pihak Inggeris, Sultan Ibrahim dan Dato' Abdul Rahman mengemukakan pula syarat-syarat yang boleh memberi faedah kepada Johor. Jemaah Penasihat Johor di London mengemukakan pula syarat-syarat secara bertolak ansur antara kedua belah pihak. Dalam pada itu, Sultan Ibrahim dan Dato' Abdul Rahman mengemukakan pula keinginan mereka hendak menyerahkan sahaja kerja membuat jalan keretapi di negeri Johor itu kepada sebuah syarikat jurutera di bandar London. Pejabat Jajahan Inggeris di London tidak sekali-kali bersetuju tindakan itu dijalankan.

Pemerintah Singapura dan Pejabat Jajahan di London memang telah bersetuju iaitu apabila ada sesuatu pertelingkahan mengenai perkara-perkara kecil di antara kerajaan Johor dengan pemerintah jajahan Inggeris, bolehlah dibiarkan kerajaan Johor itu menjalankan tindakannya sendiri. Tetapi dalam "perkara-perkara besar seperti jalan keretapi" itu iaitu suatu perkara yang "sangat penting" kepada Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Yang Bersekutu, Sultan Johor itu dijangkakan hendaklah dipimpin atau dipandu oleh nasihat British.

Untuk mengatasi tentangan dari pihak Sultan Johor itu, Gabenor di Singapura dan pegawai-pegawai tetap pihak Inggeris berpendapat: patutlah Setiausaha Tanah Jajahan Inggeris di London itu mengancam baginda dengan mengatakan hendak melantik Wakil British di negeri Johor seperti yang telah diluluskan dalam Perjanjian Tahun 1885 itu, ataupun melantik seorang Residen British jika mustahak. Tetapi Joseph Chamberlain yang jadi Setiausaha Tanah Jajahan Inggeris masa itu, berfikir: ancaman yang seperti itu nyatalah tidak patut, kecuali jika terbabit kepentingan kerajaan Inggeris. Juga pada pendapat Joseph Chamberlain: Sultan Johor itu hendaklah dinasihat supaya baginda menerima sesuatu yang boleh membantu kepentingan Johor, Negeri-negeri

Selat dan Negeri-negeri Melayu Yang Bersekutu.

Pada 20 hari bulan November tahun 1900, Ungku Muhammad Khalid ayah saudara Sultan Ibrahim itu telah mangkat di Telok Belanga, Singapura.

Pada awal tahun 1901, Queen Victoria, Ratu Inggeris itu telah mangkat di London; puteranya Putera Mahkota Inggeris dilantik menjadi Raja Inggeris bergelar King Edward VII. Sultan Ibrahim di negeri Johor telah menitahkan seluruh Johor turut berkabung kerana kemangkatan Ratu Inggeris itu.

Pada tahun 1901 itu juga, Sir Frank Swettenham telah dilantik menjadi Gabenor Negeri-negeri Selat bertempat di Singapura menggantikan Sir Charles B.H. Mitchell.

Pada 19 hari bulan April tahun 1901, tiada berapa lama selepas kemangkatan Queen Victoria, Sultan Ibrahim serta pengiring-pengiring baginda telah berangkat melawat ke benua Eropah dan telah melawat juga ke negeri Inggeris. Inilah lawatan baginda kali yang kedua ke benua Eropah, dan lawatan kali yang pertama sejak baginda menjadi Sultan.

Sultan Ibrahim telah sampai balik ke negeri Johor pada 23 hari bulan Mei tahun 1902, iaitu setelah lebih setahun lamanya baginda di benua Eropah.

Dalam tahun 1902, Cecil Clementi Smith, Penolong Pengerusi Jemaah Penasihat Johor di London telah terkejut mendengar berita yang mengatakan tak lama lagi Sultan Ibrahim akan pergi pula melawat ke England walaupun baginda baharu lagi pergi ke negeri itu; pada hal, pada pendapat Cecil C. Smith, negeri baginda yang masih dalam keadaan tiada baik itu, sangat berkehendakkan wang. Memandang kepada perangai dan sikap baginda yang tiada mengindahkan nasihat Jemaah Penasihat Johor itu dan juga nasihat daripada Pejabat Jajahan Inggeris, keduanya itu (Jemaah Penasihat dan Pejabat Jajahan) berpendapat bahawa taraf negeri Johor seperti yang ada itu, tidak boleh dibiarkan berlanjutan lagi, yakni bererti negeri Johor itu hendaklah ditakluk oleh Inggeris.

Oleh sebab kerajaan Inggeris hendak mengetahui "sesuatu yang lebih tepat lagi di negeri Johor itu untuk tindakan yang hendak dijalankan oleh Inggeris ke negeri Johor itu", Gabenor Sir Frank Swettenham telah diminta memberi laporan selengkapnya berkenaan dengan keadaan di Johor Baharu, khasnya mengenai keadaan-keadaan pasukan polis, rumah penjara, sekolah, hospital

dan lain-lain. Pada masa itu nyatalah nampaknya kerajaan Inggeris sedang bersedia hendak mencampuri pemerintahan negeri Johor, dan hal itu telah diketahui juga oleh Jemaah Penasihat Johor di London.

Setelah lebih kurang tujuh tahun lamanya Sultan Ibrahim memerintah (1895-1902), mengikut pandangan Inggeris: belum dapat Inggeris melentur baginda supaya mahu mengikut nasihat-nasihat dari Pejabat Tanah Jajahan Inggeris di London seperti almarhum ayahanda baginda dahulu yang walaupun tidak mahu menerima nasihat pegawai-pegawai Inggeris di Negeri-negeri Selat, tetapi almarhum itu mahu mengikut nasihat daripada Pejabat Jajahan di London itu. Orang-orang Inggeris percaya: dengan nasihat Dato' Abdul Rahman itulah sebabnya Sultan Ibrahim telah menunjukkan sikap baginda sebagai raja yang sebenarnya merdeka, lebih merdeka daripada almarhum ayahanda baginda dahulu. Pada masa itu Inggeris menilai baginda sebagai seorang raja yang kekurangan "mutu-mutu yang baik" seperti mutu-mutu yang ada pada almarhum ayahanda baginda.

Pada tahun 1903, dalam laporan Frank Swettenham yang dikirimkannya ke Pejabat Jajahan Inggeris di London, beliau mengatakan: setelah melawat ke Johor Baharu beliau merasa sukacita, lebih daripada yang disangkakan; bangunan hospital boleh dikatakan baik walaupun bukan yang tersangat baik; jalan-jalan raya dalam bandar itu semuanya baik, tetapi beliau ada mendengar khabar, beberapa batu di luar daripada bandar itu, jalan-jalan rayanya masih buruk, dan jauh lagi daripada itu jalan-jalan rayanya belum lagi bertambak batu; rumah-rumah penjara ialah yang terbaik sekali dalam segala perkara; murid-murid sekolah ramai, walaupun belum ada guru yang cukup pandai, tetapi keputusan-keputusan peperiksaan didapati lebih baik daripada yang disangkakan; pusat balai polis dan mata-mata yang ada di dalamnya didapati sangat baik—orang-orangnya cekap, cerdik dan berpakaian baik; pejabat-pejabat rumah-rumah berek dan tempat lokap (tempat menahan orang yang dituduh) semuanya baik; setelah memerhatikan seorang ketua majistret menjalankan suatu perbincangan dalam sebuah mahkamah, didapati majistret itu telah menjalankan kerjanya dengan cukup memuaskan.

Selain daripada yang nampaknya semua baik itu, Swettenham telah membuat kecaman pula, mengatakan: semua pegawai Melayu

di pejabat setiausaha kerajaan di bandar itu; berpura-pura menjalankan kerja dengan betul, tetapi butir-butir kerja itu tidaklah diketahui mereka sedalam-dalamnya. Dalam laporannya itu Swettenham telah menyebutkan juga: tidak syak lagi, ada pun yang dikatakan pertadbiran negeri Johor itu, ialah suatu permainan kelakar; tetapi kakitangannya pandai membuat kerja-kerja mereka yang kelihatan seperti betul-betul kepada penonton umum. Sultan Ibrahim itu memang benar telah berbuat sekehendak hatinya. Baginda itu seorang yang tidak tetap tingkahlaku dan fikirannya; dan baginda tidak hiraukan akibat sesuatu perbuatan yang dikerjakannya; dalam pada itu baginda mempunyai keazaman yang kuat hendak mendapatkan sesuatu yang dikehendaknya, dan tidak cermat menjaga tingkah lakunya di hadapan khalayak ramai.

Selain daripada laporan yang disebutkan itu, walau bagaimanapun, Swettenham merasa mestilah ia menyatakan kepada pihak yang berkuasa Inggeris di England iaitu: jika negeri Johor itu hanya dikirakan sebagai sebuah Negeri Melayu dengan raja pemerintahnya yang merdeka dan ditadbirkan oleh pegawai-pegawai Melayu, dalam pemerintahannya yang ada sekarang, sangatlah sedikit perkaranya yang hendak dicampuri (oleh Inggeris).

Sebagai penutup laporan itu, Swettenham telah mengatakan: negeri itu sebenarnya menderita, rakyatnya menderita dan Singapura pun menderita kerana Singapura berkehendakkan jiran yang maju dan diperintah dengan baik; dalam pada itu sukarlah hendak merangkakan sesuatu tuduhan. Perkara yang menegakkan Johor, sebagai yang kita ketahui, ialah Sultannya, iaitu seorang yang mempunyai kebolehan boleh mengadakan beberapa kemajuan; samalah seperti beberapa orang raja pemerintah yang lain.

Pendeknya, daripada laporan Swettenham dalam tahun 1903, itu, tidaklah boleh kerajaan Inggeris mengemukakan bahawa pertadbiran yang tiada baik di negeri Johor itu menjadi sebab yang membolehkan kerajaan Inggeris menguasai hal ehwal di negeri itu. Oleh sebab itu Pejabat Jajahan Inggeris di London cuba pula mencari ikhtiar lain supaya dapat juga Inggeris masuk campur dalam pemerintahan negeri Johor itu.

Kerajaan Inggeris telah menetapkan tidak akan membiarkan

Sultan Johor menyerahkan kerja membuat jalan keretapi di negeri itu kepada sesebuah syarikat persendirian, dan juga supaya negeri Johor itu jangan termasuk ke dalam cengkaman Negeri-negeri Melayu Yang Bersekutu. Dalam pada itu Swettenham berpendapat pula: sebarang rancangan hendak membuat jalan keretapi di negeri Johor itu, mestilah rancangan itu menjadi sebahagian daripada rancangan jalan keretapi Negeri-negeri Melayu Yang Bersekutu; oleh sebab itu mustahaklah rancangan itu di bawah kawalan Negeri-negeri Melayu Yang Bersekutu, kerana, kata Swettenham: "kepentingan kita pada jalan keretapi itu akan bertambah-tambah lagi, iaitu bagi menanamkan kepentingan politik kita dalam negeri itu, dan perkara itu lebih mustahak daripada yang lain".

Kerajaan Inggeris telah memberi kuasa kepada Frank Swettenham supaya mengancam Sultan Johor dengan mengatakan Inggeris hendak melantik seorang Wakil British di negeri Johor. Tetapi ancaman itu tidak jadi dilancarkan oleh Swettenham, kerana Sultan Johor telah beralah kepadanya.

Tetapi selepas itu Sultan Johor telah menjalankan tindakan baginda yang beralih-dalih supaya jalan keretapi yang akan dibuat di negeri Johor itu dalam pegangan kerajaan Johor juga. Baginda telah cuba mendapatkan sebahagian daripada wang untuk perbelanjaan membuat jalan keretapi itu di bandar London dan hendak menggunakan kontraktor dan jurutera-jurutera yang ditempah baginda sendiri, dan baginda telah menulis surat kepada Swettenham mengatakan: Johor hanya akan berdiri sebagai penonton sahaja di luar gelanggang tindakan yang akan dijalankan itu (membuat jalan keretapi).

Apabila melihat perdirian Sultan Johor itu telah berubah pula, Swettenham pun mengancam baginda terus mengatakan: jika Johor membuat jalan keretapinya sendiri, Negeri-negeri Melayu Yang Bersekutu akan menolak, tiada mahu menyambungkan jalan keretapi Johor itu dengan jalan keretapi Negeri-negeri Melayu Yang Bersekutu. Akhirnya, Sultan Johor pun bersetuju menerima rancangan asal Frank Swettenham itu walaupun ada di antara orang-orang besar baginda tiada menyetujui persetujuan baginda itu. Tetapi Dato' Menteri Besar Johor pula mengatakan kepada Swettenham: ahli-ahli Majlis Mesyuarat Johor memang sudah mengundi bersetuju menerima rancangan asal pelawaan kerajaan Negeri-negeri Melayu Yang Bersekutu itu.

1904. Pada tahun 1904 Sir Frank Swettenham berhenti menjadi Gabenor Negeri-negeri Selat, digantikan oleh Gabenor Sir John Anderson.

Mulai tahun 1904 itu juga, Sultan Ibrahim telah mengambil peguam C.B. Buckley di Singapura itu jadi Penasihat Kewangan dan Penasihat Am kepada kerajaan Johor.

Pada 4 hari bulan Januari tahun 1904, Sultan Ibrahim dengan diiringi oleh beberapa orang-orang besar baginda telah bertolak dengan kapal dari Singapura menuju ke benua Eropah. Baginda telah melawat ke bandar-bandar di tanah besar benua Eropah, terutama ke bandar Paris.

Dalam bulan Februari tahun itu juga (1904), mengikut ketetapan yang telah ditentukan, tiga orang putera Sultan Ibrahim, iaitu Tengku Mahkota Ismail, Tengku Abu Bakar dan Tengku Ahmad, bersama-sama dengan lima orang lagi anak orang-orang besar Johor iaitu Ungku Sulaiman bin Muhammad Khalid, Onn bin Ja'afar, Wan Idris bin Ibrahim, Ismail bin Muhammadun dan Abu Bakar bin Yahya, berjumlah kesemuanya lapan orang telah bertolak belayar ke negeri Inggeris kerana masuk belajar ke sekolah di negeri itu.

Pada masa Sultan Ibrahim di bandar Paris, Sir Robert Herbert di London yang ingin hendak menyelesaikan segera fasal membuat jalan keretapi di negeri Johor itu, telah menghantar seorang daripada ahli Jemaah Penasihat Johor di London pergi ke Paris hendak mendapatkan tandatangan Sultan Ibrahim mempersetujui dimulakan pekerjaan membuat jalan keretapi di negeri Johor itu. Tetapi tidaklah Sir Robert Herbert dapat tandatangan baginda itu; sebaliknya ia telah menerima secebis surat peringatan pendek dan tajam daripada baginda menyuruh Herbert jangan meneruskan tindakan itu, dan tidak juga baginda membayangkan dalam surat baginda itu bila baginda akan berangkat ke London.

Pada masa Sultan Ibrahim di Paris itu juga baginda telah menerima sepucuk surat dari Pejabat Jajahan di London atas nama Setiausaha Tanah Jajahan Inggeris yang mendesak baginda supaya mahu membuat surat perjanjian persetujuan fasal membuat jalan keretapi di negeri Johor itu yang mengandungi syarat-syarat seperti yang baginda sendiri telah mempersetujuinya. Tetapi surat itu tidak dijawab oleh Sultan Ibrahim; melainkan baginda telah menyuruh Sir Robert Herbert menjawab surat itu dengan cara yang

munasabah, atas nama baginda sendiri. Pada masa itu Sir John Anderson, Gabenor Negeri-negeri Selat, ada di London dan sedang menanti-nanti dengan penuh minat akan keputusan perkara hendak membuat jalan keretapi itu.

Pada masa itu pegawai-pegawai tinggi di Pejabat Jajahan di London telah membincangkan fasal sikap Sultan Johor itu. Di antara mereka ada yang mengatakan: walaupun di negeri Johor itu tidak didapati cara pertadbiran pemerintahan yang tidak betul, tetapi sikap Sultan Johor yang tidak menepati perutusan daripada Setiausaha Tanah Jajahan itu, sudah patut dilantik dengan seberapa segera seorang Wakil British di negeri Johor itu, dan kemudian jawatan itu diubah menjadi Residen British. Pegawai-pegawai Inggeris itu mengatakan juga: sikap Sultan Johor yang tidak menepati janji itu dan tiada pula mahu "dirinya dipimpin oleh kehendak-kehendak kerajaan British", boleh dijadikan alasan oleh kerajaan Inggeris untuk menjalankan "tindakan keras". Akhirnya, Alfred Lyttelton, Setiausaha Negara Tanah Jajahan Inggeris masa itu, telah mengirim sepucuk surat yang pendek dan tegas kepada Sultan Ibrahim di Paris, dan setelah menerima surat itu baginda pun bertolak pergi ke London menyempurnakan panggilan British itu.

Dalam bulan Mac tahun 1904 itu juga, Sultan Ibrahim dari London telah memanggil orang-orang besar baginda di Johor datang ke London membantu baginda hendak merundingkan fasal perjanjian mengenai kerja membuat jalan keretapi di negeri Johor itu. Orang-orang besar Johor yang telah pergi ke London menyempurnakan panggilan Sultan Ibrahim itu ialah Ungku Sulaiman bin Daud, Dato' Seri Amar Diraja Abdul Rahman bin Andak dan Dato' Yahya bin Awaluddin.

Pada masa Sultan Ibrahim masih di England lagi, pada 5 hari bulan April tahun 1904 itu juga, Dato' Muhammad Ibrahim bin Abdullah Munshi, Dato' Bentara Dalam, telah kembali kerahmatullah, dan dikebumikan di permakaman Mahmudiah, Johor Baharu.

Akhirnya, pada 11 hari bulan Julai tahun 1904, dil Pejabat Jajahan Inggeris di London, dengan perasaan enggan tetapi tak dapat mengelak lagi, Sultan Ibrahim telah menandatangani sebuah perjanjian persetujuan berkenaan dengan pekerjaan membuat jalan keretapi di negeri Johor yang telah sekian lama belum didapati

keputusannya itu. Mengikuti surat perjanjian itu, pekerjaan membuat jalan keretapi di negeri Johor itu diletakkan di bawah tadbir sebuah lembaga yang mengandungi ahli-ahlinya pegawai-pegawai daripada kerajaan Negeri-negeri Melayu Yang Bersekutu dan daripada kerajaan Johor, dan kerja membuat jalan keretapi itu diserahkan kepada kerajaan Negeri-negeri Melayu Yang Bersekutu.

Sultan Ibrahim yang akhirnya bersetuju menandatangani perjanjian itu, telah mencatatkan dalam rekod kerajaan Johor yang maksudnya: perbuatan yang telah dilakukan oleh baginda itu ialah setelah "mengorbankan ketinggian taraf" kerajaan Johor, kerana kemerdekaan Johor itu sangat tinggi nilainya kepada kita sekalian.

Oleh sebab pertikaian yang lanjut di antara kerajaan Inggeris dengan Sultan Ibrahim fasal hendak membuat jalan keretapi di negeri Johor itu dan juga disebabkan oleh kelakuan baginda yang tiada manis pada pandangan ramai pada masa baginda di benua Eropah termasuk di negeri Inggeris juga, telah menjadikan hubungan baginda dengan pegawai-pegawai tinggi Inggeris tidak begitu baik; mereka tidak lagi memandang baginda sebagai seorang raja yang berkaliiber tinggi. Permintaan Sultan Ibrahim yang berharap sangat hendak menghadap Raja Inggeris, King Edward VII, telah ditolak oleh Setiausaha Tanah Jajahan Inggeris di London walaupun Sir Robert Herbert memuji-muji Sultan Ibrahim.

1905. Pada 21 hari bulan April tahun 1905, Sultan Ibrahim dengan Dato' Seri Amar Diraja Abdul Rahman telah berangkat balik ke negeri Johor (orang-orang besar baginda yang lainnya telah balik lebih dahulu).

Sepulangnya dari negeri Inggeris itu, Sultan Ibrahim masih juga bersikap sebagai raja yang merdeka. Berhubung dengan hendak mengeluarkan surat kebenaran kepada seorang Konsul-Jeneral Jerman yang hendak tinggal di Johor Baharu, baginda telah memberitahu bahawa surat permohonan meminta keizinan seperti itu hendaklah dikirimkan kepada baginda, bukan kepada Gabenor di Singapura.

Kemudian, dengan tidak berunding atau memberitahu lebih dahulu kepada Gabenor di Singapura atau Setiausaha Tanah Jajahan Inggeris di London, Sultan Ibrahim telah memberikan hak-hak monopoli kepada sebuah kompeni bernama *Johore State Corporation Ltd.* selama 20 tahun bagi menjalankan usaha-usaha pem-

bangunan ekonomi negeri Johor; dan kompeni itu telah diberi kuasa boleh memulakan sebuah bank pertanian, membuat kerja pembangunan kerjaraya dan melombong bijih timah di negeri Johor; kompeni itu disokong oleh pemodal-pemodal dari negeri Belanda dan sebahagian daripada modal permulaan kompeni itu telah dapat dikumpulkan di bandar London.

Jemaah Penasihat Johor di London telah memberitahu kepada Pejabat Tanah Jajahan Inggeris akan hal penubuhan kompeni itu di negeri Johor yang disokong oleh Sultan Johor itu, dan Jemaah Penasihat itu telah memberitahu juga segala tugas kompeni itu di negeri Johor. Pejabat Jajahan di London itu sangatlah tiada ber-setuju syarikat bersendirian seperti itu memasukkan modal ke negeri Johor dan diberi hak-hak kuasa yang begitu besar dan lama. Kerajaan Inggeris berpendapat: adanya kompeni (syarikat) yang seperti itu di negeri Johor, boleh menggalang kerajaan Inggeris pada masa yang akan datang apabila sampai ketikanya didapati mustahak kerajaan Inggeris masuk campur menguasai negeri dan kerajaan Johor. Inggeris juga berpendapat bahawa kemajuan ekonomi di negeri Johor itu, boleh jadi akan menghalang perkembangan kekuasaan Inggeris di negeri itu. Akhirnya, kerajaan Inggeris telah berjaya memberhentikan kompeni itu memulakan kerja-kerjanya di negeri Johor.

Boleh jadi pihak berkuasa Inggeris ada juga alasan yang memikirkan bahawa Sultan Johor yang telah memberi kuasa begitu besar kepada sebuah syarikat bersendirian seperti itu, tidak bijak. Orang-orang Inggeris mengatakan mereka telah mempunyai pengalaman mengenai hal seperti itu, iaitu tanah-tanah pajakan di negeri-negeri Melayu yang telah ditinggalkan atau yang tiada dapat dimajukan itu, telah jadi batu penggalang kepada perkembangan ekonomi di negeri-negeri Melayu. Sungguhpun barangkali benar juga seperti pendapat orang Inggeris itu, tetapi dalam hal negeri Johor ini, nampaknya kerajaan Inggeris sengaja tidak mahu memberi peluang kepada Sultan negeri itu (Johor) mempelajari sesuatu pekerjaan daripada pengalaman yang akan ditempuh oleh baginda sendiri; pendeknya: apabila ada sesuatu cara yang hendak dibuat baginda bagi memajukan negeri baginda sendiri, telah disekat pula oleh kerajaan Inggeris. Sultan Ibrahim telah merasa kesal, kerana baginda berharap usaha-usaha yang akan dibuat oleh kompeni itu dapat dijadikan "suatu asas baharu bagi kemakmuran Johor".

Dalam tahun 1905 itu juga, apabila Sultan Ibrahim dapat tahu bahawa pengerusi dan ahli-ahli dalam Jemaah Penasihat Johor di London itu tidak jujur terhadap baginda dan telah menjalankan pakatan sulit dengan Pejabat Tanah Jajahan mengenai rundingan-rundingan fasal jalan keretapi itu, dan sekarang fasal kompeni di Johor itu pula, baginda pun murka lalu memotong wang perbelanjaan lembaga itu, dan baginda telah memberitahukan pula hal itu ke Pejabat Jajahan di London. Pengerusi dan ahli-ahli Jemaah Penasihat Johor itu pun meletakkan jawatan berhenti berkhidmat dalam lembaga itu. Sultan Ibrahim telah menubuhkan Jemaah Penasihat Johor yang baharu mengandungi ahli-ahlinya orang-orang lain pula. Dalam lembaga yang baharu ini, Dato' Seri Amar Diraja Abdul Rahman bin Andak telah dimasukkan menjadi ahli kerana jawatannya (*ex-officio*). Jemaah Penasihat Johor di London yang baharu ini mempunyai tujuan utama, iaitu: kerajaan Johor hendaklah menjalankan "kuasanya yang penuh sebagai sebuah negeri merdeka" berhubung dengan hal ehwal dalam di negeri Johor, kerana Johor memang berhak berbuat demikian, tak payah lagi mesti menerima nasihat ikut suka hati kerajaan Inggeris sahaja.

Kerajaan Inggeris tahu bahawa cita-cita tinggi kerajaan Johor seperti itu, tentu datangnya dari Dato' Abdul Rahman. Pada masa almarhum Sultan Abu Bakar dahulu pun British telah menghadapi beberapa kesulitan kerana almarhum itu pun telah bersikap sebagai raja yang benar-benar merdeka dan tidak mahu langsung menerima nasihat-nasihat daripada Gabenor di Singapura — semuanya itu disangkakan oleh Inggeris ialah galakan daripada Dato' Abdul Rahman.

Oleh sebab sikap yang akan diambil oleh Sultan Johor itu tiada disetujui oleh kerajaan Inggeris, pada tahun 1905 itu juga, Setiausaha Tanah Jajahan Inggeris telah menetapkan: kerajaan Inggeris tidak mahu lagi membuat apa-apa hubungan dengan Jemaah Penasihat Johor di London yang baharu ditubuhkan itu; dan Inggeris menguatkan pula: dari masa itu seterusnya, perhubungan di antara kerajaan Johor dengan kerajaan Inggeris, hanya boleh dibuat menerusi Pesuruhjaya Tinggi British di Negeri-negeri Melayu Yang Bersekutu (yakni Gabenor Negeri-negeri Selat).

Tindakan yang dibuat oleh Pejabat Tanah Jajahan Inggeris itu, nyatalah nampaknya sebagai mengembalikan taraf kerajaan Johor

kepada keadaan tarafnya pada masa sebelum tahun 1886, dan nyatalah juga perbuatan Inggeris itu bertujuan hendak menunjukkan bahawa pengakuan Johor kepada *kemerdekaan* itu tidak diperkenankan oleh kerajaan Inggeris; dan kerajaan Inggeris hendakkan pula: Johor patut menerima nasihat daripada Pesuruhjaya Tinggi British seperti lain-lain negeri naungan perintah Inggeris di Tanah Melayu.

Baharu lebih kurang tiga bulan Sultan Ibrahim bersemayam di negeri Johor, pada 17 hari bulan Julai tahun 1905 itu juga, baginda bersama-sama dengan Dato' Abdul Rahman bertolak lagi ke benua Eropah; baginda telah melawat ke negeri-negeri Jerman, Perancis dan England.

Dalam suatu perjumpaan di London, seorang pegawai tinggi dari Pejabat Jajahan Inggeris telah memberitahu kepada Sultan Ibrahim dan Dato' Abdul Rahman yang maksudnya: Alfred Lyttelton Setiausaha Tanah Jajahan Inggeris itu telah memikirkan bahawa Lembaga Jemaah Penasihat Johor yang ada di London itu, tidak guna diadakan lagi, kerana tak ada apa-apa tujuannya yang berfaedah; beliau menasihatkan baginda dengan bersungguh-sungguh supaya baginda mengambil peluang menghapuskan sahaja lembaga itu, dengan harapan, bagi kepentingan masa depannya, baginda hanya akan mendapat pimpinan daripada nasihat Pesuruhjaya Tinggi British di Negeri-negeri Melayu apabila ia datang ke negeri Johor ataupun nasihat daripada Setiausaha Jajahan di London. Setiausaha Tanah Jajahan itu yakin baginda akan menyetujui cadangannya itu. Sekarang, Pesuruhjaya Tinggi British di Negeri-negeri Melayu itu akan diberi kuasa boleh meletakkan seorang Wakil British di negeri Johor apabila difikirkannya patut berbuat begitu...

Dalam perjumpaan itu juga Dato' Abdul Rahman telah menerangkan pula: surat-surat di antara kerajaan Johor dengan Jemaah Penasihatnya di London itu, sepatutnya tidak boleh disampaikan pula ke Pejabat Tanah Jajahan Inggeris, jika tidak dengan kebenaran Sultan Johor. Lagi pun, Johor berkehendakkan adanya Jemaah Penasihatnya di London itu ialah supaya lembaga itu memberikan "nasihat secara bebas" kepada kerajaan Johor apabila berlaku kejadian-kejadian yang berhubung dengan kepentingan Johor yang tidak "serupa keseluruhannya" dengan kepentingan Negeri-negeri Melayu Yang Bersekutu atau Negeri-negeri Selat. Jika

ada kepentingan yang berlawanan, negeri Johor, seperti lain-lain negeri yang merdeka juga, sepatutnya boleh mendapat faedah daripada nasihat yang bebas itu.

Sebaliknya, daripada keterangan Dato' Abdul Rahman itu, Pejabat Jajahan Inggeris mengambil kesimpulan pula iaitu: sudah sampai masanya taraf kerajaan Johor itu boleh diletakkan sama seperti taraf lain-lain negeri naungan perintah Inggeris. Walau bagaimanapun, pada tahun 1905 itu, mulalah Pejabat Tanah Jajahan Inggeris di London tidak lagi mengiktiraf Jemaah Penasihat Johor yang ada di London itu.

Selain daripada tidak mengiktiraf Jemaah Penasihat Johor di London itu, Pejabat Tanah Jajahan Inggeris telah mencadangkan pula perlantikan seorang Wakil British di negeri Johor sebagai suatu langkah menuju kepada apa yang dicita-citakan oleh Inggeris terhadap Johor.

Tetapi, Gabenor Sir John Anderson di Singapura tidak bersetuju perlantikan Wakil British itu diadakan pada masa itu juga. Beliau yang sudah faham benar-benar akan tabiat Sultan Ibrahim yang "garang" itu, merasa sudah tentu sahaja Wakil British yang akan dilantik dan tinggal di negeri Johor itu akan berhadapan dengan suatu "pakatan sulit yang senyap" di negeri itu. Lagi pun, mengikut perjanjian tahun 1885, pegawai itu tidak ada mempunyai apa-apa hak atau kuasa hendak berbuat apa-apa jikalau ia tidak ada menerima apa-apa pengaduan daripada rakyat British atau daripada rakyat bangsa asing yang tinggal di negeri itu. Untuk menunjukkan kepentingan adanya Wakil British di negeri Johor itu, hendaklah ia menjadi seorang daripada ahli-ahli dalam Majlis Mesyuarat Negeri di negeri Johor itu yang mempunyai hak boleh menyasat dan memeriksa sebarang jabatan kerajaan di negeri itu; tetapi itu tentu Sultan Ibrahim tiada akan menyetujuinya kecuali jika baginda dipaksa, dan paksaan itu tidak patut. Gabenor John Anderson telah merayu kepada kerajaan Inggeris supaya perlantikan itu ditangguhkan hingga apabila tiba masanya ada peluang kerajaan Inggeris patut masuk campur memerintah negeri Johor dengan mengemukakan berbagai-bagai alasan. Sementara itu, sebelum ada berlaku apa-apa kejadian yang membolehkan Inggeris masuk campur, biarlah ia (Gabenor) memberi nasihat sahaja apabila dikehendaki oleh Sultan Johor. Pejabat Jajahan di London

telah bersetuju menanggukkan lagi perlantikan Wakil British di negeri Johor itu.

1906. Pada akhir tahun 1905 didapati Jemaah Penasihat Johor di London itu tidak lagi menyokong Sultan Ibrahim, dan Pejabat Tanah Jajahan Inggeris pun tidak berapa lagi menghargai Sultan Ibrahim; tambahan pula melihatkan tingkah laku baginda yang tiada disukai oleh orang-orang Barat. Pada awal tahun 1906, pada masa Sultan Ibrahim yang masih muda belia itu di benua Eropah, baginda telah menceburkan diri dalam kehidupan bermewah-mewah yang berlebih-lebihan. Pada masa baginda di England, sebuah suratkhbar telah membuat suatu ulasan mengenai baginda, mengatakan: "Dia lebih suka motokar dan perawan daripada sebuah kerajaan di Malaya; selain daripada giginya yang bersumbi dengan intan-intan itu, dia mempunyai sebuah motokar Mercedes 120 kekuatan kuda, hanya sebuah itulah sahaja motokar jenis itu yang ada di Britain".

Menteri Besar Johor, Setiausaha kerajaan Johor dan lain-lain pegawai di negeri Johor tidak sukakan tingkahlaku Sultan Ibrahim itu. Menteri Besar itu telah memberitahu Gabenor di Singapura mengatakan: tabiat baginda itu sangat mudah terpengaruh dan gerak-geri baginda pun tidak tetap dan tidak teratur; banyak kerja yang telah diganggu oleh baginda sehingga sukar orang lain hendak menghadapi kerja itu. Pada masa baginda di benua Eropah, baginda telah meminta dikeluarkan wang yang bukan sedikit banyaknya dari perbendaharaan kerajaan Johor untuk elaun baginda di luar negeri, iaitu sebanyak \$40,000/- sebulan; pada hal mengikut anggaran perbelanjaan kerajaan Johor, elaun baginda yang telah ditetapkan ialah sebanyak \$18,000/- hingga \$20,000/- sahaja tiap-tiap bulan. Oleh sebab hasil pendapatan kerajaan Johor tidak dapat memenuhi kehendak baginda itu, Menteri Besar dan Setiausaha kerajaan Johor telah meminta Gabenor John Anderson berjumpa baginda di England dan cuba memujuk baginda supaya baginda mengetahui keadaan kewangan kerajaan Johor yang sebenarnya. Mereka juga mengatakan kepada Gabenor itu: apabila baginda balik semula ke negeri Johor, eloklah pegawai British ada di negeri Johor, supaya dapat memberi pertolongan kepada kerajaan Johor.

Pada tahun 1906 itu juga, pada masa Sultan Ibrahim masih di England lagi, Gabenor John Anderson di Singapura telah menghantarkan laporannya ke Pejabat Tanah Jajahan di London mengenai suatu kegentingan yang berbahaya kepada negeri Johor. Gabenor itu telah mendengar iaitu Sultan Johor telah memberikan hak kuasa pemajakan tanah-tanah yang luas di negeri Johor kepada orang-orang di Britain, dan perbuatan itu boleh jadi bertentangan pula dengan pemajakan-pemajakan tanah yang dibuat di negeri Johor sendiri.

Tak sampai dua minggu lepas itu, Gabenor John Anderson telah menghantar kawat kepada Lord Elgin, Setiausaha Tanah Jajahan Inggeris di London, meminta beliau dengan segera memberi amaran kepada Sultan Ibrahim supaya jangan lagi baginda memberi hak-hak kuasa pemajakan yang tiada berfaedah dan dengan tiada berkira-kira serta dengan syarat-syarat yang tertentu sahaja akan merosakkan pertadbiran di negeri Johor. Gabenor itu mencadangkan juga supaya Lord Elgin menuntuf kepada baginda hendak melantik Douglas G. Campbell (yang pada masa itu jadi Residen British di Negeri Sembilan) dijadikan Residen British di negeri Johor, dan dibenarkan pula ia duduk dalam Majlis Mesyuarat Negeri di negeri Johor.

Tetapi, Setiausaha Tanah Jajahan itu tidak nampak bagaimana jalannya hendak memasukkan Residen British ke negeri Johor itu, kerana dalam perjanjian tahun 1885 itu hanya meluluskan perlantikan seorang Wakil British dengan tugasnya sebagai pegawai konsul sahaja.

Sebenarnya, di London pun telah diketahui iaitu baharu-baharu ini Sultan Ibrahim telah memberikan dua hak kuasa pemajakan tanah di negeri Johor itu untuk membuka ladang getah kepada rakyat British. Satu daripada hak-hak kuasa pemajakan itu, mengandungi kawasan seluas 25,000 ekar tanah, berhampiran dengan sebuah perhentian keretapi, untuk membuka ladang getah, telah diberikan oleh Sultan Ibrahim kepada Sir Frank Swettenham (bekas Gabenor Negeri-negeri Selat), dan Frank Swettenham itu, berdua dengan Kolonel A.G. Durand (ahli dalam Jemaah Penasihat Johor di London) ialah juga di antara pengarah-pengarah bagi sebuah ladang getah di negeri Johor yang bernama *Rubber Estates of Johore Ltd.*

Sungguhpun Pejabat Tanah Jajahan Inggeris di London telah

menyatakan dukacitanya kerana bekas Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu itu telah terbabit dalam perkara pemajakan tanah di negeri Johor itu, tetapi yang lebih mendukacitakan Pejabat itu ialah fasal perhubungan Sultan Johor dengan syarikat yang bernama *Guthrie and Company* (yang ada perniagaannya di Singapura dan di London) yang hendak menubuhkan sebuah kompeni yang mendapat hak-hak kuasa termasuk hak-hak kuasa boleh mengadakan keretapi jenis kecil, boleh mengambil sebahagian kawasan tanah di tepi laut di Johor Baharu untuk membangunkan tempat-tempat mendarat, limbungan, pangkalan pelabuhan dan lain-lainnya.

Sultan Ibrahim telah berazam iaitu wang modal yang ada pada baginda hendak digunakan baginda untuk membangunkan sebuah "pelabuhan yang penting", bukan hanya sebuah "perhentian di tepi jalan" untuk faedah Singapura. Oleh sebab Sultan Ibrahim murka kerana baginda telah tidak dipertimbangkan dengan sewajarnya berhubung dengan perjanjian membuat jalan keretapi pada tahun 1904 yang lalu, baginda telah meminta supaya Lord Elgin menahan "pelanggaran hak yang melampaui batas" terhadap hak-hak keistimewaan baginda. Baginda telah menyatakan juga: ada pun kompeni yang dipersoalkan itu, bukan sebuah kompeni yang bercorak monopoli; dan baginda menerangkan pula iaitu maksud baginda ialah hendak menarik modal British dimasukkan ke dalam "negeri baginda yang mundur" itu.

Sesungguhnya pada masa itu (1906), tidak ada perkara yang dapat dijadikan alasan yang sebenarnya untuk memasukkan kuasa pemerintahan British menguasai politik negeri Johor, kerana di negeri Johor itu tidak ada berlaku apa-apa huru-hara dan tidak juga ada kesalahan besar dalam cara pentadbiran pemerintahan di negeri itu. Tetapi yang nyata ialah Sultan negeri itu sahaja (Sultan Ibrahim) yang tidak mengambil berat hal ehwal pemerintahan dalam negerinya sendiri; baginda lebih banyak mementingkan hal kemewahan diri baginda sendiri daripada mementingkan hal ehwal di negeri Johor.

Oleh sebab itu Lord Elgin telah menetapkan hendak memberi amaran secara peribadi sahaja kepada Sultan Ibrahim dengan harapan dapat memujuk baginda supaya baginda menumpukan perhatian baginda sepenuhnya kepada negeri Johor, dan yang lebih mustahaknya, ialah supaya baginda menerima nasihat daripada Pesuruhjaya Tinggi British di Negeri-negeri Melayu (yakni Gabenor

di Singapura). Lord Elgin telah memanggil Gabenor John Anderson di Singapura datang ke London dan telah menetapkan juga hendak memanggil Sultan Ibrahim datang ke pejabatnya bertemu-ramah.

Pada 3 hari bulan April tahun 1906, Sultan Ibrahim telah datang ke Pejabat Tanah Jajahan Inggeris di London bertemu-ramah dengan Lord Elgin. Dalam pertemuan itu hadir sama juga Dato' Abdul Rahman bin Andak dan Gabenor John Anderson. Mereka telah membincangkan berbagai-bagai perkara mengenai Johor, dan akhirnya Lord Elgin telah mengemukakan tiga perkara besar kepada Sultan Ibrahim:

- (1) Kerajaan Inggeris "sangat tertarik hati" kepada negeri Johor sebagai jirannya dan sebagai suatu kuasa yang dapat melindunginya (Singapura); oleh sebab itu mustahaklah "pertadbiran negeri Johor itu dijalankan dengan cara yang sesuai pada keseluruhannya mengikut pandangan-pandangan kerajaan Inggeris"; apabila kerajaan Inggeris dikehendaki memberi nasihat, kerajaan Inggeris percaya pula bahawa nasihatnya itu dituruti.
- (2) Berkenaan dengan cadangan daripada orang-orang yang hendak mendapatkan hak-hak kuasa pemajakan di negeri Johor itu, diharap Sultan Johor berunding dengan Pesuruhjaya Tinggi British Negeri-negeri Melayu (Gabenor di Singapura) dan dipimpin oleh nasihat beliau itu. Cara yang seperti ini memang sudah diterima oleh raja pemerintah Johor yang dahulu daripada Sultan Ibrahim iaitu sejak tahun 1878 lagi.
- (3) Sultan Ibrahim hendaklah berangkat balik ke negeri Johor "seberapa lekas yang boleh"; pada masa yang ke hadapan kelak, jika baginda berhajat hendak keluar bagi sementara waktu meninggalkan negeri Johor, hendaklah lebih dahulu mendapat kebenaran daripada Pesuruhjaya Tinggi British bagi negeri-negeri Melayu dan juga daripada Setiausaha Jajahan Inggeris di London. Jika tidak dilakukan demikian itu, Setiausaha Tanah Jajahan Inggeris akan menimbangkan pula sekiranya ada apa-apa perubahan yang hendak dibuat dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan negeri Johor yang membolehkan pertadbiran negeri itu dijalankan.

Dalam pertemuan itu Lord Elgin telah memberi amaran pula kepada Sultan Ibrahim yang maksudnya:

"Sepanjang yang telah berlaku dalam pertemuan ini, saya percaya Yang Maha Mulia Sultan (Johor) telah cukup menyedari akan kedudukan perkara ini; dan saya yakin, pada bila-bila masa pun tidaklah dikehendaki kerajaan Inggeris mesti menjalankan langkah-langkahnya disebabkan oleh kemahuan dan nasihatnya tidak dipedulikan".

Amaran Lord Elgin yang berterus terang itu telah menjadikan Sultan Ibrahim insaf. Dalam pada itu baginda berdukacita pula kerana baginda tak dapat lebih lama lagi bercuti di benua Eropah.

Gabenor John Anderson telah merayu kepada Pejabat Tanah Jajahan supaya mengambil sikap berlembut lagi terhadap baginda yang berkehendakkan baginda segera berangkat balik ke negeri Johor itu, kerana Gabenor itu pun tidak suka baginda balik ke Johor dalam keadaan wajahnya "yang sangat muram" itu.

Gabenor Anderson percaya, segala kesukaran yang dihadapi oleh kerajaan Inggeris berhubung dengan Sultan Johor itu, berpunca daripada nasihat dan galakan yang diberi oleh Dato' Abdul Rahman, yang selalu sahaja mendampingi Sultan Johor itu barang ke mana baginda berangkat. Gabenor Anderson sangat tidak bersetuju Dato' itu menjadi penasihat baginda; Anderson menggelar Dato' itu "Si Kerdil yang nakal".

Pada 25 hari bulan Jun tahun 1906, Sultan Ibrahim dan Dato' Seri Amar Diraja Abdul Rahman, telah sampai balik ke negeri Johor setelah berada di benua Eropah hampir setahun.

1907. Sebagai yang telah diketahui, dengan kehendak kerajaan Inggeris, pada tahun 1907 Lembaga Jemaah Penasihat Johor (Johor Advisory Board) di London yang mula ditubuhkan oleh almarhum Sultan Abu Bakar dahulu, telah dimansuhkan.

Dalam bulan Januari tahun 1907, baharu lebih kurang enam bulan Sultan Ibrahim dan Dato' Abdul Rahman balik dari benua Eropah, Gabenor John Anderson di Singapura telah menasihatkan Sultan Ibrahim supaya memberhentikan Dato' Abdul Rahman berkhidmat dalam kerajaan Johor, berpencen dan pergi tinggal di benua Eropah, jangan menetap di negeri Johor lagi; pada hal masa itu Dato' Abdul Rahman ialah orang besar Johor yang karib dengan Sultan Johor, sebagai penasihat baginda dan beliaulah yang menjaga perhubungan di antara kerajaan Johor dengan kerajaan Inggeris, supaya kerajaan Inggeris jangan berbuat apa suka sahaja terhadap Sultan dan kerajaan Johor; kerana Dato' Abdul Rahman itu seorang yang bijak, pandai dan fasih berbahasa Inggeris, bahkan sudah masak dalam pergaulan masyarakat orang-orang Barat, dan isterinya pun orang Jerman.

Perbuatan Gabenor John Anderson itu nyatalah disebabkan oleh orang Inggeris tersangat irihati dengan kepandaian dan kebolehan Dato' Abdul Rahman yang tak boleh dicapak-capak sahaja oleh orang-orang Inggeris. Gabenor Anderson, sebagai yang telah diketahui, sangat tidak percaya kepada Dato' Abdul Rahman.

Adanya Dato' Abdul Rahman itu dalam kerajaan Johor, Anderson mengatakan:

Selagi beliau bekerja jadi jurucakap bagi pihak kerajaan Johor, nyatalah menjadi suatu ancaman yang berbahaya dalam perhubungan baik antara kedua buah kerajaan (British—Johor). Jika Abdul Rahman sudah tidak ada di negeri Johor, Anderson percaya, Sultan Johor itu "mahu membuat apa yang saya kehendaki". Dato' Menteri Besar dan Dato' Setiausaha kerajaan Johor itu, ialah orang-orang yang "berterus-terang"; pegawai-pegawai kerajaan Johor yang lainnya hitung panjang semuanya "sangat mudah ditakutkan dan mereka bekerja lembab", jadi tidaklah mereka menentang Gabenor itu. Tetapi Dato' Abdul Rahman itu ialah seorang yang "sangat pandai". Gabenor itu berpendapat pula: orang-orang Melayu di Johor tidak suka kepada Dato' Abdul Rahman.

Demikian kata Gabenor John Anderson.

Akhirnya, Sultan Ibrahim menyerah kalah kepada tekanan pihak British, lalu memberhentikan Dato' Abdul Rahman daripada jawatan kerajaan Johor dengan mendapat pencen £1,000 setahun.

Mengikut *Hikayat Johor* karangan Haji Muhammad Sa'id: Dato' Abdul Rahman bin Andak itu, ialah orang besar Johor yang "taat setia dan bijaksana membuat kerja-kerja besar". Tatkala beliau meninggalkan Johor "amatlah dukacita kaum kerabatnya dan orang-orang Johor sekalian". Dato' Abdul Rahman itu telah bertolak meninggalkan Johor untuk selama-lamanya pergi ke benua Eropah dalam bulan April tahun 1909.

1908. Sejak Dato' Abdul Rahman berhenti daripada jawatan kerajaan Johor, pada pandangan Inggeris, perhubungan di antara kerajaan Inggeris dengan kerajaan Johor telah menjadi baik; nasihat daripada Gabenor di Singapura tidak lagi diketepikan begitu sahaja oleh Sultan Johor; apa-apa hal mengenai perkara-perkara besar dalam pemerintahan di negeri Johor itu, baginda meminta nasihat daripada Gabenor, kerana nasihat-nasihat daripada Jemaah Penasihat Johor di London dan daripada Dato' Abdul Rahman tidak didapati lagi, bahkan Sultan sendiri pun, apabila hendak keluar meninggalkan negeri Johor mesti meminta kebenaran daripada British, dan sejak itu masalah-masalah dalam pemerintahan negeri telah bertambah banyak lagi. Perhubungan

yang seperti itu yang dikatakan oleh kerajaan Inggeris "perhubungan baik" itu.

Pada 14 hari bulan Februari tahun 1908 itu juga, beberapa orang pemuda Johor, iaitu anak-anak raja dan anak orang-orang besar negeri itu yang telah belajar di negeri Inggeris, telah balik ke negeri Johor, iaitu Ungku Sulaiman bin Muhammad Khalid, Wan Idris bin Ibrahim, Ismail bin Muhammadun, Abu Bakar bin Yahya, dan dua orang putera saudara Sultan Ibrahim iaitu Ungku Abdul Aziz dan Ungku Abdul Majid.

Dalam bulan April (1908) pula, mengikut syor daripada C.B. Buckley, yang telah dilantik oleh Sultan Ibrahim menjadi penasihat peribadi baginda dan penasihat kerajaan Johor juga, dengan persetujuan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan telah diperkenankan oleh Sultan Ibrahim, beberapa tambahan telah dimasukkan ke dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan negeri Johor untuk menyesuaikan perkembangan di negeri itu dengan aliran zaman. Dalam pada itu, nampaknya, dari semasa ke semasa, beberapa tambahan lagi telah dimasukkan juga ke dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan itu.

Pada akhir bulan September tahun 1908, jalan keretapi dari Gemas melalui negeri Johor hingga ke bandar Johor Baharu telah siap dibuat dan telah diadakan istiadat pembukaannya di perhentian keretapi Johor Baharu oleh Sultan Ibrahim. Tetapi jalan keretapi itu belum lagi dibuka bagi penggunaan ramai hingga tahun 1909.

1909. Dalam bulan April tahun 1909, Dato' Abdul Rahman bin Andak, Dato' Seri Amar Diraja Johor yang telah berhenti daripada jawatan kerajaan Johor dengan desakan Gabenor John Anderson dalam tahun 1907 dahulu, serta anak isteri dato' itu, telah bertolak meninggalkan negeri Johor pergi menetap di negeri England. Pemergian dato' itu sangat mendukacitakan orang-orang Johor sekaliannya. Sultan Ibrahim telah meminta juga kepada dato' itu melihat-lihatkan putera-putera baginda yang sedang belajar di negeri Inggeris itu. Sejak itu Dato' Abdul Rahman tidak lagi balik ke negeri Johor; tinggal di London hingga meninggal dunia di sana; tetapi riwayat perjuangannya mempertahankan kemerdekaan Sultan dan kerajaan Johor daripada penjajahan British tetap tinggal dalam sejarah Johor.



Dato' Seri Amar Diraja Abdul Rahman bin Andak

Pada 30 hari bulan Jun tahun 1909, jalan keretapi di negeri Johor yang telah bersambung dengan jalan keretapi Negeri-negeri Melayu Yang Bersekutu itu, mula dibuka bagi penggunaan ramai. Dari Johor Baharu disambungkan oleh kapal feri ke jalan keretapi Woodlands di Singapura hingga ke bandar Singapura.

Sejak dibuka jalan keretapi itu, perhubungan kenderaan di antara negeri Johor dengan negeri-negeri Melayu yang lainnya telah bertambah mudah, dan banyaklah perubahan-perubahan yang telah didatangkannya bagi negeri Johor, termasuk kemudahan membawa pekerja-pekerja di ladang-ladang getah di negeri Johor itu, dan ramai pula rakyat negeri yang dapat bekerja dalam perkhidmatan keretapi itu, dan yang mustahaknya, semakin bertambah banyak ladang-ladang getah yang dapat dibuka di negeri Johor yang tentu sahaja menambahkan hasil pendapatan negeri itu; bagi pihak kerajaan Inggeris pula, adanya, jalan keretapi itu ialah menambah rapatkan pertadbiran di negeri-negeri Johor dengan negeri-negeri Melayu lainnya yang di bawah naungan British dan dengan Negeri-negeri Selat, dan itulah yang sangat dikehendaki oleh British, kalau-kalau dapat pula British menjadikan Johor seperti Negeri-negeri Melayu Yang Bersekutu (Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang).

Pada 2 hari bulan September tahun 1909 itu juga, Tengku Ampuan Besar (Sultanah) Maimunah binti Ungku Abdul Majid, isteri pertama Sultan Ibrahim, dan ibu Tengku Mahkota Ismail, telah mangkat kembali ke rahmatullah, dan jenazah almarhumah itu telah dimakamkan berhampiran dengan makam ayahandanya almarhum Ungku Abdul Majid ibni almarhum Temenggung Daing Ibrahim, di permakaman diraja, Johor Baharu.

Dalam bulan Oktober tahun 1909, Sultan Ibrahim telah menghantar permintaan dengan rasmi kepada Gabenor John Anderson di Singapura supaya Gabenor itu memberikan seorang pegawai British bekerja dengan baginda di negeri Johor. Setelah dirundingkan, dengan kehendak Gabenor itu juga, pegawai yang akan bekerja dengan baginda itu akan digelar *General Adviser* atau *Penasihat Am*, dan Gabenor itu telah mencadangkan Douglas G. Campbell yang menjadi Residen British di Negeri Sembilan itu juga yang akan datang ke negeri Johor memegang jawatan itu. Gabenor Anderson telah meminta kebenaran kepada Pejabat Jajahan di London, dan menyatakan juga: bolehlah Penasihat Am itu "men-

jalankan pengelolaan yang rapi dalam semua jabatan kerajaan di negeri Johor dengan tujuan hendak menaikkan lagi mutu pertadbiran kerajaan di negeri itu hingga mencapai seperti mutu pertadbiran kerajaan di Negeri-negeri Melayu Yang Bersekutu". Permintaan Gabenor itu telah diluluskan oleh Pejabat Jajahan di London.

Mengikut pandangan kerajaan Inggeris: pada masa itu Douglas Campbell itu ialah seorang daripada pegawai-pegawai terbaik yang ada dalam perkhidmatan pemerintahan Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Yang Bersekutu. Gelaran Penasihat Am itu ialah cadangan daripada Gabenor John Anderson sendiri kerana hendak mengikut gelaran yang digunakan oleh Raja Chulalongkorn, Raja Siam (Thai) bagi gelaran seorang pegawai orang putih yang menolong Raja Siam itu memodenkan negerinya.

Sementara itu, Gabenor John Anderson telah menolong membuatkan surat Sultan Ibrahim memberhentikan C.B. Buckley peguam di Singapura yang selama ini menjadi penasihat baginda. Dalam surat baginda itu antara lain mengatakan: "Sebagai yang tuan ketahui, Dato' Menteri (Besar) beta sudah sangat tua, jika Dato' Muhammad (Setiausaha Kerajaan Johor) jatuh sakit... beta tiada mempunyai siapa pun yang akan menolong dan menasihatkan beta... tetapi tuan dan tuan tinggal di Singapura, tiadalah selalu boleh dapat". Dalam surat itu baginda menambah lagi mengatakan: "Sekarang oleh sebab orang-orang Eropah sudah sangat ramai masuk ke negeri Johor, jadi beta berkehendakkan seorang yang dekat beta menasihatkan beta". Pada akhir tahun 1909, C.B. Buckley pun berhenti daripada jawatannya sebagai Penasihat Kewangan dan Penasihat Am bagi kerajaan Johor, iaitu jawatan yang telah dipegangnya sejak tahun 1904 dahulu.

Bagaimanakah perasaan Dato' Menteri Besar Johor (Dato' Ja'afar bin Haji Muhammad) mengenai hal baginda hendak mengambil seorang pegawai Inggeris, yang kelihatan seperti menggantikan dato' itu, tiadalah diketahui dengan terang. Tetapi dato' itu sendiri telah menulis sepucuk surat panjang kepada Sultan Ibrahim menyatakan persetujuannya akan baginda berkehendakkan nasihat dari luar itu dan dato' itu meluluskan perlantikan itu.

1910-1914. Pada awal bulan Januari tahun 1910, Douglas G.

Campbell yang telah berhenti daripada jawatan Residen British di Negeri Sembilan, telah sampai ke Johor Baharu mula memegang jawatan Penasihat Am di negeri Johor bagi memenuhi permintaan Sultan Ibrahim. Dengan terlantiknya Douglas Campbell menjadi Penasihat Am di negeri Johor itu, bererti permulaan dalam sejarah Johor negeri itu memasuki lingkungan pertadbiran dan pengawalan kerajaan Inggeris. Perlantikan Douglas Campbell di negeri itu ialah sebagai orang yang bekerja kepada Sultan Johor; dialah yang akan menasihati baginda; tetapi tidak semesti baginda mengikuti nasihatnya itu. Lagipun, sebarang nasihat yang diberikan oleh Penasihat Am itu hendaklah mendapat kelulusan pula daripada Gabenor di Singapura. Sungguhpun pada amnya taraf jawatan Campbell itu sebagai seorang pegawai dalam kerajaan Johor dan menjalankan tugas-tugas sebagai penasihat kepada kerajaan Johor, tetapi pada amalannya dia bertanggungjawab kepada Gabenor di Singapura. Selain daripada bertugas sebagai Penasihat Am itu, Campbell telah diletakkan juga menjadi ketua menjaga jabatan per-bendaharaan, pejabat tanah, menjadi hakim di mahkamah membicarakan kes orang-orang Eropah dan juga menghadiri Majlis Mesyuarat Negeri bagi negeri Johor itu.

Sungguhpun negeri Johor telah ada orang putih menjadi Penasihat Amnya, tetapi kerajaan Johor masih dalam kepicikan wang, kerana hutang-hutang lama yang dibeban oleh kerajaan itu masih banyak lagi yang belum diselesaikan. Surat khabar *Strait Echo* mengatakan: "dalam tahun 1910 itu, kerajaan Johor sedang dalam keadaan bankrap". Oleh itu Sultan Johor telah mengambil dan memeriksa sendiri kerja-kerja yang dijalankan dalam beberapa jabatan di negeri itu, seperti pejabat-pejabat yang memungut cukai-cukai hasil negeri, Pasukan Askar Johor, rumah-rumah penjara dan pejabat-pejabat yang mengelolakan jalan-jalan raya di negeri itu.

Pada 25 hari bulan Mac tahun 1910, Tengku Mahkota Ismail serta Enche' Onn bin Ja'afar yang belajar di negeri Inggeris itu telah sampai ke negeri Johor. Tengku Abu Bakar dan Tengku Ahmad putera-putera Sultan Ibrahim masih tinggal belajar lagi di England. Tiada lama lepas itu Tengku Mahkota Ismail pergi melanjutkan pelajaran beliau ke *Malay College, Kuala Kangsar, Perak*. Rakan-rakan yang sama belajar dengan beliau di kolej itu masa itu, ialah Tengku Abdul Rahman (kemudiannya menjadi Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan dan Yang Dipertuan Agong yang pertama),

Raja Yusuf (kemudiannya menjadi Sultan Perak—Sultan Yusuf Izuddin Shah) dan Tengku Alam Shah (kemudian menjadi Sultan Hishamuddin Alam Shah Sultan Selangor, dan Yang Dipertuan Agong yang kedua). Pada akhir tahun 1911 Tengku Mahkota Ismail telah diserang oleh penyakit ceret-beret lalu dibawa balik ke Johor Baharu. (Lihat tahun 1913).

Sejak Douglas Campbell menjadi Penasihat Am di negeri Johor, kerja-kerja pertadbiran kerajaan di negeri itu telah semakin banyak. Selain daripada kerja-kerja tambahan yang telah diberikan kepada Campbell itu, beliau telah diberi juga pekerjaan melihatkan kerja-kerja dalam jabatan-jabatan yang menjaga perlombongan, kebersihan, tempat-tempat memasak candu, pejabat pencegah anai-anai, keretapi, banci penduduk negeri, keadaan pekerja, pasukan bomba dan sekolah-sekolah juga. Dalam bulan April tahun itu juga (1910) Sultan Ibrahim telah meminta kepada Gabenor di Singapura meminjamkan kepada kerajaan Johor seorang pegawai ukur dan sukat bangsa Eropah yang pandai. Kemudian, dalam bulan Julai (1910) pula, menurut nasihat Campbell dan telah dipersetujui oleh Majlis Mesyuarat Negeri, Sultan Ibrahim meminta pula kepada Gabenor di Singapura meminjamkan empat orang lagi pegawai bangsa Eropah datang bekerja di negeri Johor untuk mengajar orang-orang baginda "kaedah pertadbiran yang terbaharu" supaya dengan jalan itu bolehlah negeri Johor diperintah "seperti pemerintahan dalam jajahan Inggeris". Apabila pegawai-pegawai orang putih itu datang ke negeri Johor, mereka telah diberi memangku jawatan-jawatan menjadi: Penasihat Undang-undang, Penolong Kepada Penasihat Am, Pesuruhjaya Kastam dan Kepala Pemungut Cukai Tanah. Beberapa bulan kemudian daripada itu, selain daripada menjadi Penasihat Am, Campbell telah dilantik pula menjadi Pesuruhjaya bagi Jabatan Tanah, Lombong dan Ukur.

Kira-kira pada masa itu juga, apabila Bandar Maharani (Muar) dan Batu Pahat (Bandar Penggaram) telah berkembang pembangunannya dan ramai serta cukup dengan jalan-jalan raya dan perbekalan air, dengan nasihat Campbell, kerajaan Johor telah menghantarkan dua orang lagi pegawai bangsa Eropah bekerja di tempat-tempat itu bagi menolong kerja-kerja Pesuruhjaya kerajaan Johor di bandar-bandar itu. Pada masa itu selain daripada

Penasihat Am, sudah tujuh orang pegawai orang putih bekerja dengan kerajaan Johor.

Pada 7 hari bulan Mei tahun 1910, King Edward VII, Raja Inggeris, telah mangkat di London; digantikan oleh Putera Mahkota Inggeris menjadi Raja Inggeris bergelar King George V. Sultan Ibrahim telah memerintahkan seluruh Johor berkabung kerana kemangkatan Raja Inggeris itu.

Dalam tahun 1910 itu Douglas Campbell terutama menumpukan kerjanya mengenai permohonan tanah baharu di negeri Johor; kerana pada masa itu banyak permohonan tanah baharu diterima oleh kerajaan. Tetapi, mulai daripada masa itu, gerangan tanah yang dikeluarkan oleh kerajaan Johor ialah geran tanah yang disebut *geran hidup*, iaitu pemilik tanah itu kena membayar cukai tahunan kepada kerajaan; tidak lagi dikeluarkan geran kurnia raja yang disebut *geran mati* seperti dahulu. Tujuan kerajaan berbuat begitu ialah kerana hendak menarik orang-orang datang ke negeri Johor menanam modal mengeluarkan hasil yang berfaedah bagi negeri itu. Pada masa itu, oleh sebab harga getah telah naik melambung tinggi, berduyun-duyun orang meminta tanah baharu hendak menanam getah. Ramai orang-orang Jepun, Cina dan orang-orang Eropah telah memohon tanah baharu hendak membuka ladang-ladang getah yang luas-luas. Dalam enam bulan yang pertama tahun 1910 itu, sudah ada 250,000 ekar tanah yang telah didapati oleh pemohon-pemohon yang hendak membuka ladang-ladang getah.

Dalam tahun 1910 itu juga banyak hasil pertanian dan cukai-cukai kastam di negeri Johor itu yang telah didapati oleh kerajaan. Sepanjang tahun 1910 itu jumlah wang hasil yang telah didapati oleh kerajaan Johor adalah sebanyak \$3,323,185/-, berbanding dengan anggaran perbelanjaan kerajaan sebanyak \$2,718,105/- (tidak masuk hutang kerajaan Johor masa itu yang masih ada lagi sebanyak \$11,676,310/-). Sejak itu semakin bertambah-tambah banyak hasil pendapatan kerajaan Johor yang membolehkan kerajaan itu mengansurkan hutang-hutangnya hingga selesai.

Usaha yang telah dijalankan oleh Douglas Campbell bagi memulihkan pertadbiran kerajaan Johor itu ialah dengan bantuan Dato' Muhammad bin Mahbub, Setiausaha Kerajaan Johor masa itu. Kemudian beliau bertukar menjadi Timbalan Menteri Besar Johor.

Pada tahun 1911, Sir Arthur Henderson Young sampai di Singapura menjadi Gabenor Negeri-negeri Selat menggantikan Sir John Anderson.

Dalam tahun 1911 itu juga, Sultan Abdul Rahman Muazzam Syah, Sultan Riau-Lingga yang ke-5, yang telah dilantik menjadi Sultan Riau-Lingga pada tahun 1885 dahulu, telah dipecat oleh kerajaan Belanda diturunkan dari takhta kerajaan Riau-Lingga, kerana baginda tidak mahu menurut perintah dan arahan kerajaan Belanda yang dianggap baginda sebagai penjajah negeri baginda. Bagindalah Sultan Riau-Lingga yang akhir sekali, dan sejak itu hapus langsung kerajaan Melayu Riau-Lingga, iaitu lebih kurang seratus tahun kemudian daripada Inggeris menghiris-hiris kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang dahulu (1819). Pendeknya tangan Inggeris dan Belandalah yang seperti kata Bendahara Tun Ali Pahang dahulu: yang telah memisahkan orang adik-beradik dan anak beranak; dan jika dipandang dari segi politik: merekalah yang telah memecah belahkan rumpun bangsa Melayu yang sedarlah sedaging. Sultan Abdul Rahman bekas Sultan Riau-Lingga itu serta beberapa ramai pengikut baginda telah berpindah lalu menetap di Singapura dan ada pula di antara orang-orang baginda itu yang telah pindah ke negeri Johor. (Sultan Abdul Rahman itu telah mangkat di Singapura pada tahun 1929 dan dimakamkan di Telok Belanga, Singapura). Sejarah penjajahan orang-orang Barat akan berulang pula di negeri Johor seperti yang sedang diperkatakan ini; tetapi tidaklah sampai seteruk Singapura, Riau-Lingga.

Setelah Sir Arthur H. Young menjadi Gabenor di Singapura, mulalah Sultan Ibrahim tidak mahu mengikut nasihat-nasihat daripada Gabenor Negeri-negeri Selat itu. Perbuatan baginda itu boleh jadi kerana baginda tidak mahu mengikut amaran kerajaan Inggeris kepada baginda dalam tahun 1906 dahulu yang mengatakan: pertadbiran negeri Johor itu mustahak "dijalankan secara yang sesuai pada keseluruhannya mengikut pandangan kerajaan Inggeris".

Gabenor Young telah memberitahu kepada Sultan Ibrahim iaitu mulai daripada bulan Januari tahun 1912, semua surat-surat rasmi daripada kerajaan Johor yang hendak dikirimkan kepadanya hendaklah surat itu dialamatkan kepada Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu, seperti surat-surat daripada Negeri-negeri Melayu Yang Bersekutu juga; jangan dialamatkan kepada Gabenor

Negeri-negeri Selat. Tetapi Sultan Ibrahim telah menolak aturan yang diberitahu itu, kerana pada pendapat baginda perubahan seperti itu bererti meletakkan kedudukan Johor sama seperti kedudukan negeri-negeri yang hampir-hampir telah masuk langsung di bawah kawalan British. Baginda tahu bahawa perbuatan Gabenor itu ialah hendak mencuba dengan perlahan-lahan memasukkan negeri Johor ke dalam persekutuan negeri-negeri Melayu. Sultan Ibrahim telah berjuang pula mempertahankan kemerdekaan negeri Johor yang hampir lucut itu.

Sebagai hendak menunjukkan kemerdekaan baginda, baginda telah mengurus dengan peguamnya di London, E.F. Turner namanya, mengambil beberapa orang di Britain yang akan dijadikan guru di negeri Johor. Tetapi Gabenor di Singapura telah mengingatkan baginda iaitu dalam tahun 1906 dahulu baginda telah diberitahu mestilah menerima nasihat Gabenor di Singapura dalam sebarang perlantikan jawatan bagi orang-orang Eropah di negeri Johor.

Sejak itu selalu Sultan Ibrahim menunjukkan kemurkaan baginda kepada Douglas Campbell dalam beberapa perkara.

Dalam tahun 1912 itu juga, Douglas Campbell telah menghantarkan pengaduannya kepada kerajaan Inggeris membantah perbuatan Sultan Ibrahim yang telah menjalankan pemerintahan secara mutlak (autocrat) yakni ikut suka hati baginda sahaja; dan Campbell menegaskan pula: "tak ada satu pun" yang telah dibuat oleh Sultan Ibrahim bagi kemajuan negeri Johor; sebaliknya, baginda telah "menyekat dan menghalang perkembangan di negeri Johor". Jika dibandingkan dengan lain-lain negeri Melayu, kecuali Pahang, keadaan di negeri Johor itu lebih gemar kepada kekuasaan yang dijalankan dengan sewenang-wenang. Di negeri Johor tidak ada orang besar daerah (jajahan) yang turun-temurun memegang pangkat itu. Pegawai-pegawai kerajaan di negeri itu, termasuk ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negerinya, kedudukan dan gaji mereka bergantung bulat kepada Sultan Johor. Jika dibandingkan dengan lain-lain raja-raja Melayu, memanglah Sultan Ibrahim itu jauh lebih kaya daripada mereka; kerana selain daripada wang elaun yang didapati baginda daripada perbendaharaan kerajaan Johor, baginda ada pula mempunyai sumber-sumber pendapatan per-sendirian daripada ladang-ladang getah baginda, kilang-kilang papan, kilang batu-bata dan lain-lain perusahaan dan perniagaan yang ada saham-saham baginda di dalamnya. Rakyat baginda

“telah ditakluk langsung” oleh baginda dan sekaliannya “gerun” melihat baginda, kerana bukan sahaja tubuh badan baginda lebih besar dan tegap, tetapi juga baginda mempunyai “peribadi yang lebih kuat”. Selain daripada seorang raja pemerintah yang mutlak, baginda sangat cemburu kuasa yang ada ditangannya diambil oleh orang lain; itu sebabnya baginda tidak mengakui kuasa orang-orang besar dan pegawai-pegawai baginda membuat perhubungan dengan pihak lain selain daripada kerja-kerja biasa setiap hari, dan dalam Majlis Mesyuarat Negeri yang dipengerusikan oleh baginda sendiri, semuanya ikut kehendak baginda sahaja. Dalam keadaan yang seperti itulah Penasihat Am itu telah mendapati bahawa pengaruhnya di negeri Johor telah tersekat. Demikian kata Campbell.

Selain daripada itu, Douglas Campbell menyatakan juga: dalam persidangan Majlis Mesyuarat Negeri, dengan pandainya pula Sultan Ibrahim membantutkan pengaruh Campbell, iaitu dengan jalan baginda tidak hadir dalam persidangan dengan alasan berpura-pura mengatakan baginda kurang sihat. Oleh sebab itu bolehlah baginda menolak, tidak mahu membaca minit-minit persidangan itu “sampai seminggu atau lebih” atau mengubah ataupun membatalkan keputusan-keputusan yang telah diambil dalam persidangan itu “dengan tak payah lagi menyatakan apa sebabnya baginda berbuat begitu”. Selain daripada perbuatan menggalang secara langsung dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan baginda, baginda juga akan “menggalang sesuatu kerja itu dengan cara yang tidak disedari tetapi berkesan”, iaitu dengan cara yang menjadikan orang tahu bahawa baginda tidak menyukai seseorang pegawai atau sesuatu langkah yang telah dicadangkan itu. Apabila baginda berbuat begitu, “dengan serta-merta sahaja pegawai-pegawai baginda mengikut kecenderungan baginda itu”.

“Surat perintah yang mustahak daripada Setiausaha Kerajaan yang dihantar ke pejabat-pejabat, dilupakan ataupun tersalah letak oleh si penerima surat itu. Kakitangan yang berpangkat rendah telah salah faham apa yang telah diterangkan kepada mereka—kerani-kerani telah meletakkan surat-surat pada sebarang tempat sehingga sukar didapati; kerja atau cadangan daripada seseorang pegawai itu tinggal terpendam sahaja”. Douglas Campbell mengaku juga bahawa Sultan Johor itu “tidak ada mempunyai

sesuatu dasar yang tertentu untuk menolak sesuatu kemajuan yang akan diperbuat di dalam negerinya", melainkan baginda terus sahaja sakit hati jika peruntukan perbelanjaan kerajaan yang dibuat itu tidak berkaitan dengan faedah kewangan baginda sendiri ataupun tidak ada mendatangkan faedah untuk memenuhi kesukaan dan angan-angan baginda. Untuk membuktikan kecemannya terhadap Sultan Ibrahim itu, Campbell menegaskan: Sultan Ibrahim itu yang lebihnya ialah dipimpin atau dipandu oleh dirinya sendiri, bukan dipandu oleh pertimbangan terhadap orang ramai.

Dalam bulan September tahun 1912, Douglas Campbell telah memberitahu kepada Setiausaha Kerajaan Johor iaitu orang-orang Eropah yang dipinjamkan bekerja dengan kerajaan Johor itu, tidak akan menghadiri majlis jamuan besar yang akan diadakan untuk menyambut ulangtahun hari keputeraan Sultan Ibrahim; kerana dalam suatu jamuan yang baharu diadakan, pegawai-pegawai bangsa Eropah itu telah ditempatkan pada meja-meja yang kedudukannya merendahkan taraf mereka.

Pada tahun 1913, Sultan Ibrahim telah menghantar putera baginda Tengku Mahkota Ismail pergi lagi belajar ke England, dan baginda telah menyerahkan putera baginda itu kepada jajaan sahabat baginda E.F. Turner yang ada di London. Selama belajar itu, Putera Mahkota Ismail telah melawat ke beberapa buah negeri di benua Eropah.

Dalam tahun 1913 itu juga, perhubungan di antara Sultan Ibrahim dengan Penasihat Am (Douglas Campbell) baginda dan Gabenor Arthur Young di Singapura telah bertambah tegang. Di antara bulan Mei hingga bulan Oktober tahun itu (1913), hanya dua kali Campbell berjumpa Sultan Ibrahim. Baginda masih juga tidak mempedulikan atau tidak juga meminta apa-apa nasihat daripada Campbell. Dalam pada itu Campbell telah mengumpulkan surat-surat pengaduan yang makin lama semakin banyak membantah perbuatan-perbuatan Sultan Ibrahim yang tiada baik mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan pelajaran, kehakiman, rumah-rumah penjara, kerja raya dan perkara kewangan di negeri itu. Orang-orang yang sedang menjalankan hukuman dalam penjara di Johor Baharu telah diberi layanan yang buruk oleh pengawal di penjara itu, dan telah memaksa orang-orang salah itu bekerja di ladang-ladang atau di kawasan kepunyaan Sultan sendiri.

Dalam tahun 1913, pegawai-pegawai Inggeris di Johor dan Gabenor di Singapura telah mengambil persetujuan iaitu: sudah sampai masanya Penasihat Am di negeri Johor itu mempunyai kedudukan yang diiktiraf, berhak masuk campur betul-betul dalam pemerintahan Johor dan sebagainya, supaya dapat beliau meneruskan tugasnya memajukan negeri itu serta menyusun pertadbiran kerajaan di negeri itu dengan tidak diganggu oleh Sultan Johor. Selama ini kerajaan Inggeris memang telah dicegah mengambil kekuasaan yang penuh di negeri Johor itu, kerana pegawai-pegawai tinggi Inggeris di Pejabat Tanah Jajahan di London mengatakan: pegawai-pegawai Inggeris di Negeri-negeri Selat tidak dapat "menunjukkan sebarang cara pemerintahan yang tiada betul ada dijalankan di negeri Johor itu yang boleh dijadikan alasan yang benar untuk mengambil sesuatu langkah yang kuat". Sungguhpun dahulunya pihak Inggeris lebih suka negeri Johor itu dengan sendirinya sahaja meresap 'masuk ke dalam perintah Inggeris disebabkan oleh kejadian atau pergerakan yang berlaku "dalam negeri" itu sendiri, tetapi sekarang, pegawai-pegawai Inggeris itu telah menetapkan tidak mahu menanti-nanti lebih lama lagi, melainkan sekaranglah masanya, iaitu dengan gerakan "dari luar" membawa negeri itu masuk ke dalam kuasa Inggeris.


Berdasarkan kepada bukti-bukti yang telah didapati dengan nyata berkenaan dengan pertadbiran yang tiada baik telah dilakukan oleh kerajaan Johor di penjara Johor Baharu, Gabenor Young di Singapura telah memaksa Sultan Ibrahim mesti menerima suatu Suruhanjaya Penyiasat yang akan menjalankan penyiasatannya ke penjara di Johor Baharu mulai bulan Oktober tahun 1913, dan Suruhanjaya itu akan memberikan penyatannya kepada kerajaan Inggeris. Sultan Ibrahim tiada dapat berbuat apa-apa; penyiasatan itu pun dijalankan.

Dalam penyata Suruhanjaya Penyiasat itu yang telah diserahkan kepada kerajaan Inggeris, ada menyatakan perkara-perkara yang menunjukkan beberapa keburukan dan kejahatan yang selama ini telah dijalankan di penjara Johor Baharu. Suruhanjaya itu telah mendesak kerajaan Inggeris dengan mencadangkan: keadaan itu "mestilah diubah dengan segera"; dan supaya keburukan seperti itu jangan pula berlaku dalam jabatan-jabatan lain di negeri itu. Suruhanjaya itu mencadangkan pula supaya kuasa-kuasa Penasihat Am di negeri Johor itu diperbesar lagi.

Bagi meyakinkan lagi Pejabat Tanah Jajahan Inggeris di London, supaya meluaskan lagi pengawasan Inggeris di negeri Johor dan supaya mengurangkan kuasa Sultan Johor, Gabenor Sir Arthur H. Young di Singapura telah menghantarkan dua buah memorandum atau penyata panjang ke Pejabat Tanah Jajahan Inggeris di London iaitu: sebuah memorandum daripada M.H. Whitley, Penasihat Undang-undang mengenai pertadbiran dalam jabatan kehakiman di negeri Johor, dan sebuah lagi memorandum daripada Suruhanjaya Penyiasat yang ditulis oleh Campbell. Dalam kedua-dua penyata itu mengandungi perkara-perkara yang membesarkan kesalahan dan kelemahan Sultan Ibrahim, dan mencadangkan suatu perubahan dalam *status quo* (keadaan yang sedang ada seperti dahulu juga) di negeri Johor itu.

Dalam penyata yang ditulis oleh Douglas Campbell itu, dia telah menyatakan juga kesukaran-kesukaran yang ditemui oleh Suruhanjaya Penyiasat itu hendak mendapatkan gambaran yang betul menunjukkan keadaan di penjara Johor Baharu itu — keadaan yang sebenarnya lebih buruk daripada yang telah dituliskan dalam penyata itu — serta tanggungjawab Sultan Johor sendiri mengenai keadaan itu. Campbell menerangkan juga fasal pengaduan pegawai-pegawai Inggeris yang telah didengarnya, iaitu mengatakan: "Sultan itu mengirakan seluruh negeri itu (Johor) dengan penjaranya serta segala cawangan pertadbiran di negeri itu ialah sebagai harta kepunyaan baginda sendiri yang akan ditadbirkan untuk faedah baginda sendiri". Campbell mengatakan lagi: sejak tahun 1912 Sultan Johor itu telah menunjukkan dirinya "makin lama semakin kurang cenderung menerima nasihat Gabenor dan lebih banyak bersifat menentang kerajaan British".

Penyata M.H. Whitley, Penasihat Undang-undang negeri Johor itu, menyatakan fasal pertadbiran dalam jabatan kehakiman di negeri itu. Antara lain ia mengatakan: hingga tahun 1911 tugas kehakiman dalam negeri Johor itu semuanya dalam tangan orang-orang Melayu. Kemudian, baharulah orang-orang Eropah menjadi majistret, dan Penasihat Undang-undang diwartakan pula menjadi hakim dalam mahkamah tinggi; tetapi diberi kerja-kerja mengenai "perkara-perkara yang sangat kecil dalam kerja-kerja kehakiman" yang bersangkutan dengan kepentingan orang-orang Eropah sahaja. Sungguhpun dalam "tiga empat tahun yang lalu ada juga sedikit-sedikit kemajuan" dalam kerja-kerja bahagian ini pada



kerajaan Johor bertambah banyak. Majlis Mesyuarat Negeri di Johor telah menggandakan elaun baginda daripada \$120,000/- itu naik menjadi \$240,000/- setahun, kerana mengambil sempena ulangtahun hari keputeraan baginda berusia empat puluh tahun walaupun tidak disetujui oleh Penasihat Am Kerajaan Johor. Gabenor di Singapura telah menulis surat kepada baginda mengatakan kerajaan Inggeris tidak meluluskan ulangtahun hari keputeraan baginda sebagai menjadi alasan yang cukup munasabah untuk menggandakan elaun baginda itu. Tetapi Majlis Mesyuarat Negeri Johor tetap juga dengan keputusan yang telah diambil itu dengan mengatakan \$120,000/- setahun tidak mencukupi kepada taraf kemuliaan dan kebesaran baginda. Lagi sekali Gabenor di Singapura dan Pejabat Tanah Jajahan di London marah kepada kerajaan Johor.

Perkara yang ketiga, ialah fasal keburukan pertadbiran di penjara Johor Baharu yang telah disiasat dan ditulis dalam penyata Suruhanjaya Penyiasat seperti yang telah disebutkan. Dalam tahun 1911 dan 1912, Douglas Campbell dan penolongnya J.B. Elcum telah menghantar surat pengaduan kepada Sultan Johor berkenaan dengan kebengisan yang telah berlaku dalam penjara itu. Orang-orang salah dalam penjara itu dikenakan belunggu besi sehingga mereka tak dapat berjalan; pengawal-pengawal penjara itu menggunakan rotan memukul orang-orang salah itu; layanan perubatan doktor tidak mencukupi. Sultan Ibrahim telah menerima beberapa cadangan yang telah diberikan oleh Elcum untuk membaiki keburukan di penjara itu; tetapi cadangan itu tidak dijalankan walaupun Sultan Ibrahim sendiri yang mengetuai pertadbiran penjara itu.

Selain daripada itu, lepas tahun 1910, pada masa harga getah naik dan kekurangan buruh, Sultan Ibrahim telah mengambil pekerja-pekerja yang dikeluarkan dari penjara disuruh bekerja di ladang-ladang baginda. Oleh sebab itu, kebanyakan daripada pekerja-pekerja dari penjara itu menyangkakan mereka telah diamputkan oleh Sultan Ibrahim.

Whitley, Campbell dan Gabenor Young telah sekata mem-persetujui iaitu: Sultan Ibrahim "tidak dibenarkan lebih lama lagi melambatkan kemajuan dan menghalang pembangunan dalam bahagian Semenanjung Tanah Melayu di tempat ini (Johor)". Campbell pula menambah, mengatakan: "Kalau ada pun keingi-

menyelesaikannya; pegawai-pegawai bangsa Eropah yang dilantik berkhidmat dengan kerajaan Johor dengan persetujuan penuh dari Gabenor, bagi sementara waktu hendaklah mereka dikirakan sebagai pegawai-pegawai kerajaan Johor, dan diharap mereka itu (kecuali Penasihat Am) memakai uniform pegawai-pegawai kerajaan Johor; bahasa Melayu dan bahasa Inggeris hendaklah diterima sebagai bahasa-bahasa rasmi dalam negeri Johor, dan orang-orang Melayu Johor yang berkelayakan hendaklah diutamakan mendapat kerja dengan kerajaan dan sama taraf dengan pegawai-pegawai bangsa Eropah.

Syarat yang ketiga dalam perjanjian tahun 1885 yang dipinda dengan syarat baharu itu ialah: syarat lama yang menyatakan Wakil British yang hanya mempunyai kuasa sebagai pegawai konsul itu, digantikan dengan Penasihat Am "yang nasihatnya mesti dipinda dan dijalankan dalam segala perkara mengenai pertadbiran negeri (Johor) dan mengenai segala persoalan kecuali perkara-perkara yang mengenai agama dan adat Melayu"; dan dalam syarat baharu itu juga menyatakan: "pemungutan dan pengawalan segala hasil-mahsul dalam negeri hendaklah diaturkan mengikut nasihat Penasihat Am itu", dan gaji, belanja serta tempat kediaman Penasihat Am itu di negeri Johor ditanggung oleh kerajaan Johor.

Sekian perkara-perkara yang tersebut dalam surat-surat Sultan Ibrahim itu, dan nyatalah semuanya itu mengikut rencana yang telah diaturkan lebih dahulu oleh kerajaan Inggeris.

Pada 12 hari bulan Mei tahun 1914, surat perjanjian itu pun ditandatangani oleh Sultan Ibrahim bagi pihak kerajaan Johor dan Gabenor Sir Arthur Henderson Young bagi pihak kerajaan Inggeris.

Sejak itu walaupun ketua pegawai Inggeris yang diletakkan di negeri Johor itu memakai gelaran Penasihat Am juga, tetapi nyatalah ia telah mempunyai taraf hak berkuasa di negeri itu, dan kuasa-kuasanya itu serupa seperti kuasa Residen Inggeris di Negeri-negeri Melayu Yang Bersekutu, dan bererti, pada masa itu (1914) tamatlah dasar pemerintahan Inggeris di negeri Johor yang hanya memberi nasihat dan mengawal negeri itu secara tidak rasmi, dan sekarang mula Inggeris masuk sama memerintah dan mengawal negeri Johor.

Douglas Campbell diteruskan juga jadi Penasihat Am di negeri Johor. Sebagai hendak memelihara taraf kebesaran Sultan Johor

itu, kerajaan Inggeris membolehkan baginda mengalamatkan surat-surat rasmi baginda kepada Gabenor Negeri-negeri Selat, tidak kepada Pesuruhjaya Tinggi seperti surat-surat rasmi daripada raja-raja di Negeri-negeri Melayu Yang Bersekutu; dan di rumah atau di pejabat Penasihat Am di Johor Baharu itu tidak juga dikibarkan bendera Inggeris (Union Jack). Dengan jalan "mengurangkan tanda-tanda perubahan yang nampak" itu, telah menambahkan mudah kerajaan Inggeris menjalankan perubahan dalam pengawalan mereka ke atas negeri Johor; bahkan tiada berapa lama kemudian, Sultan Ibrahim itu sendiri dihiasi pula oleh kerajaan Inggeris dengan bintang-bintang kebesaran seperti yang akan disebutkan lagi.

Sepanjang yang telah disebutkan itu, nampaklah dengan terang betapa tindak-tanduk Inggeris dari semasa ke semasa melemahkan kuasa dan kedudukan Sultan Ibrahim di negeri Johor; mula-mula kerajaan Inggeris tiada mahu membuat perhubungan dengan Jemaah Penasihat Johor yang ada di London, dan tidak mengiktiraf lembaga itu; lepas itu dengan helah Inggeris dikeluarkan Dato' Seri Amar Diraja Abdul Rahman bin Andak dari negeri Johor, dan akhirnya pada tahun 1909 (mulai bekerja pada awal tahun 1910) Inggeris cuba meletakkan seorang pegawai Inggeris di negeri Johor dengan gelaran Penasihat Am dengan tidak ada mempunyai sesuatu kuasa yang tertentu, tetapi lama kelamaan Penasihat Am itu diberi kuasa yang lebih kuat hingga pengawalan seluruh pertadbiran negeri Johor itu masuk ke bawah kuasa Gabenor Inggeris di Singapura.

Sekali pandang, kejadian yang berlaku pada diri Sultan Ibrahim di antara tahun 1910-1914 yang mulanya mahu menurut *nasihat* Inggeris dan kemudiannya telah menentang dasar itu hingga Inggeris dapat langsung *mengawal* negeri Johor itu, seolah-olah sama seperti kejadian pada diri Sultan Abdullah di Perak antara tahun 1874-1876 yang juga mulanya mahu menerima nasihat tetapi akhirnya lebih menyedihkan lagi daripada riwayat Sultan Ibrahim — Sultan Abdullah dipecat dari takhta kerajaan dan diasingkan keluar negeri — semuanya akibat pada mulanya mahu menerima "nasihat". Mujur kerajaan Inggeris mahu "memelihara kebesaran dan kemasyhuran baginda" (Sultan Ibrahim).

Memandang balik kepada perhubungan di antara kerajaan Inggeris dengan Johor seperti yang telah disebutkan itu, nampaknya

terutama berputar di sekitar sifat-sifat peribadi Sultan Ibrahim dan beberapa orang pegawai Inggeris terutama Gabenor-gabenor di Singapura. Mengikut pandangan Inggeris: peribadi Sultan Ibrahim itu tidaklah sekuat peribadi ayahandanya almarhum Sultan Abu Bakar, baik sebagai diri perseorangan ataupun sebagai ketua pemerintah. Tabiat-tabiati boros dan menjalankan pemerintahan dengan sesuka hati yang memang ada pada keduanya itu, pada pandangan Inggeris, lebih banyak lagi adanya pada Sultan Ibrahim; tetapi keduanya telah berjuang hendakkan kemerdekaan. Dalam pada itu tidaklah dinafikan, tingkah laku Sultan Ibrahim yang tidak bijaksana itulah yang telah menyegerakan kerajaan Inggeris memasukkan kuasanya ke negeri Johor dengan tak dapat dielakkan lagi oleh baginda. Selain daripada itu, oleh sebab kedudukan negeri Johor yang tak jauh di selatannya bercokol kekuasaan Inggeris di Singapura dan di utaranya ada pula negeri-negeri Melayu yang telah bernaung di bawah perintah Inggeris, tidaklah berdaya kerajaan Johor hendak mengekalkan kemerdekaannya daripada penjajahan Inggeris, bahkan terpaksa ekonomi dan politik di negeri Johor itu disesuaikan dengan keadaan di negeri-negeri yang berjiran dengannya yang memang telah dipengaruhi dan dikuasai oleh Inggeris.

1915. Pada masa Perang Dunia I (1914-1918), dalam tahun 1915 satu daripada pasukan tentera yang berkawal di Singapura, ialah pasukan tentera *5th Light Infantry Regiment* yang terdiri daripada orang-orang India Islam seramai 850 orang, telah bangkit menderhaka melawan pihak Inggeris. Gerak penderhakaan itu mula berlaku pada 15 hari bulan Februari tahun 1915; huru-hara penderhakaan itulah yang disebut oleh orang-orang Melayu Singapura *Perang Pathan*.

Sebelum terjadi huru-hara itu, askar-askar India pasukan *5th Light Infantry Regiment* itu ditempatkan diberek tentera di Tanglin (Singapura), dan telah dijadualkan pasukan itu akan dihantar ke Hongkong pada 15 hari bulan Februari (tahun 1915) itu. Tetapi, lebih kurang pada pukul 3.00 petang, hari itu juga, dengan tidak disangka-sangka oleh pihak British, askar-askar India itu telah bangkit menderhaka. Mereka telah mengamuk memecahkan rumah-rumah tempat askar berkawal di Tanglin itu, mengambil peluru, memutuskan dawai telefon dan membunuh siapa sahaja

orang putih yang mereka jumpai; mereka telah membunuh dua orang pegawai orang putih dalam pasukan mereka sendiri; tiga orang askar dari Pasukan Askar Johor yang sama berkawal di Tanglin itu telah dibunuh oleh askar-askar India itu; lepas itu mereka pun merayau ke sana ke mari sambil membunuh orang-orang putih yang mereka jumpa di jalan-jalan. Petang itu juga, askar Pasukan Askar Johor yang dipimpin oleh Sultan Ibrahim sendiri dari Johor Baharu telah pergi ke Singapura menolong pihak Inggeris berkawal di tempat Gabenor. Oleh sebab malam itu tidak ada apa-apa hal yang berlaku di tempat askar-askar Johor itu berkawal, esoknya Sultan Ibrahim pun membawa askar-askar baginda itu balik ke Johor Baharu.

Gerakan penderhakaan atau pemberontakan yang telah dibangkitkan oleh askar-askar India itu telah mencemaskan pihak Inggeris di Singapura, kerana pada masa itu askar-askar pihak Inggeris tidak begitu ramai di Singapura. Tetapi pihak Inggeris telah dapat bantuan askar-askar yang datang dari kapal-kapal Perancis, Rusia dan Jepun yang sedang berlabuh dan yang datang ke pelabuhan Singapura, dan juga pertolongan daripada askar-askar Johor yang ada di Singapura. Pada 17 hari bulan Februari (1915), sebahagian ramai daripada askar-askar India yang memberontak itu telah dapat ditangkap dan beberapa orang pula yang telah ditembak mati.

Dalam pada itu, pihak Inggeris telah dapat tahu ada lebih kurang 50 orang daripada askar-askar India itu yang lengkap dengan alat senjata mereka telah menyeberang di Seletar (Singapura) pergi ke negeri Johor. Apabila berita itu diberitahu kepada Sultan Ibrahim di Johor Baharu, baginda pun memerintahkan askar-askar Johor berkawal dan mencari askar-askar India itu yang datang ke negeri Johor.

Mengenai riwayat askar India itu yang telah masuk ke negeri Johor hingga mereka tertangkap, ada diceritakan dalam *Hikayat Johor* oleh Dato' Haji Muhammad Sa'id yang pada masa itu berpangkat leftenan dalam pasukan *Johore Volunteer Forces* dan juga menjadi Setiausaha Sulit kepada Sultan Johor; demikian katanya:—

"...dari mula berjaga adalah hari-hari dapat tangkap sedikit sebanyak dibawa ke Bukit Timbalan mana yang kadar disyakkan sahaja dilepaskan dan mana-mana yang nyata dari pihak *Indian 5th*

Light Infantry iaitu ditahan dan diserahkan di penjara besar Johor hingga datang pihak askar dari Singapura mengambilnya.

“Setelah beberapa hari bekerja bersungguh-sungguh itu dapatlah khabar ada suatu puak askar India itu di jalan Kota Tinggi dengan bersenjata, maka dipintaslah dengan jalan laut dan ketua-ketua yang pergi Major Daud, Kapten Ungku Muhammad bin Muhammad Khalid dan Jemidar Alladad bagi pihak Pasukan Askar Johor. Mereka telah dijumpai berada hampir dengan Kota Tinggi di suatu tempat lalu dipujuk akan mereka bagi mengadap Sultan Johor. Maka pada akhirnya dengan syarat senjata-senjata mereka seperti senapang, peluru dan benet juga pistol tiada diganggu, masing-masing membawa sendiri, mereka semua berjumlah 40 orang. Berjalanlah mereka ke kapal lalu belayar balik ke Johor (Johor Baharu) dan dalam kapal itu mereka dijamu dengan nasi minyak dan buah-buahan hingga masing-masing merasa gembira.

“Hatta kira-kira pukul 5.30 petang sampailah dengan selamat ke Johor Baharu dan berjalanlah mereka dengan berbaris memikul senapang naik ke Bukit Timbalan. Maka Yang Maha Mulia Kolonel Komandan (Sultan Ibrahim) dengan uniform tetapi tiada bersenjata suatu pun bersama-sama Kapten Abdul Hamid dan Subadar Piranjas berdiri di hadapan bilik pengawal menerima mereka. Apakala askar India itu sampai ke hadapan Yang Maha Mulia, berhentilah mereka lalu berpusing mengadap kepada Yang Maha Mulia beratur berderet dengan bersenjata, maka Yang Maha Mulia pun tampil kepada mereka dengan laku yang tenang dan wajah yang persih bertitah dengan lembut kepada mereka dengan perkataan yang mengandungi nasihat yang baik lalu diterjemahkan oleh Subadar itu kepada mereka dengan terus terang dan masing-masing yang mendengar dengan rupa yang ria. Apabila selesai Yang Maha Mulia bertitah, ada dua tiga orang ketua mereka bertanya tiga empat fasal dan semuanya dijawab oleh Yang Maha Mulia dengan tiada tergamam dan masing-masing pun nampaknya puas hati.

“Arkian dengan suatu perintah dari ketuanya masing-masing pun berdahulu-dahulu meletakkan senjata mereka di hadapan kaki Yang Maha Mulia sambil mencium tangan Duli Yang Maha Mulia dan bertimbunlah benet, pistol, bendulia dan peluru di hadapan Yang Maha Mulia, kemudian bersoraklah mereka beberapa kali

dengan kesukaan. Apabila selesai, datanglah dua tiga orang ketuanya hampir kepada Yang Maha Mulia lalu diajak oleh Yang Maha Mulia duduk dekat di situ dibawakan kerusi dan minuman ringan dan lain-lain naik ke padang baris dijamu dengan minuman ringan dan buah-buahan hingga masing-masing mengambil rehat di situ menghisap rokok dan hari pun malam.

"Syahadan apakala telah gelap dinyatakan kepada mereka baiklah beredar kepada suatu tempat yang disediakan makanan dan minuman boleh mereka mandi berehat dan tidur di situ hingga besok. Maka sukalah mereka dan naiklah berlumba-lumba ke atas lori-lori lalu dibawa terus ke penjara besar dijamu mereka dan ditahan mereka di sana. Maka pada hari esoknya pagi-pagi, datanglah pihak ibu pejabat menerima akan mereka serta yang lain-lain dalam tahanan Johor dibawa ke Singapura dengan selamatnya.

"Syahadan pada hari yang dibicara di mahkamah polis di Singapura dengan hakim yang khas, tatkala itu banyaklah daripada pegawai-pegawai askar dan volunteer Johor hadir bersama-sama, didapati 22 orang daripada mereka yang ditangkap di Johor itu dihukum tembak, iaitu nyata sabit kesalahannya, maka hampir semua yang lain itu kena hukum penjara sedikit sebanyak. Maka yang dihukum tembak itu, dilakukan pada keesokan pagi di luar tembok penjara besar Singapura, demikianlah kesudahan mereka. Maka hal Johor berkawal itu hingga bertengah bulan, tetapi tiadalah apa hanyalah satu dua orang sahaja yang sesat dan juga senjata-senjata mereka dibuang atau disembunyikan mereka. Maka perkawalan itu dikurangkan dari satu ke satu masa hingga berhentilah sekali adanya".

1916. Pada 11 hari bulan Mei tahun 1916, suatu istiadat dan keramaian besar telah diadakan di Johor Baharu. Kerajaan Inggeris telah menghormati Sultan Ibrahim dengan menganugerahkan bintang kebesaran *G.C.M.G.*, kerana jasa "pekerjaan baginda dalam pertadbiran awam" di negeri Johor. Gabenor Negeri-negeri Selat, Sir Arthur Henderson Young, dari Singapura telah pergi ke Johor Baharu menyampaikan bintang kebesaran itu kepada baginda dalam suatu istiadat yang gemilang.

1918. Hampir-hampir dua tahun kemudian, pada 16 hari bulan

Mac tahun 1918, Sultan Ibrahim telah diberi lagi oleh kerajaan Inggeris bintang kebesaran, iaitu bintang kebesaran *K.B.E.*, kerana jasa baginda membantu Inggeris dalam Perang Dunia I itu.

Pada 18 hari bulan tahun 1918 itu juga, Douglas Campbell, Penasihat Am kerajaan Johor itu, yang telah sakit selama beberapa hari, telah meninggal dunia di hospital besar Singapura, dan telah dikebumikan di Perkuburan Bidadari, Singapura.

1919. Setelah beberapa hari uzur, pada 3 haribulan Julai tahun 1919, Dato' Ja'afar bin Haji Muhammad, Menteri Besar Johor, telah kembali kerahmatullah di rumahnya di Johor Baharu dalam usia 81 tahun. Istiadat pengkebumian allahyarham itu telah dijalankan dengan penuh kehormatan oleh kerajaan Johor dengan kawalan kehormatan pihak askar dan telah dihadiri oleh beribu-ribu orang yang terdiri daripada orang-orang besar dan orang ramai dari berbagai-bagai bangsa. Jenazah allahyarham itu telah dikebumikan di permakaman diraja Johor di Makam Mahmudiah, Johor Baharu. Almarhum itu telah digantikan oleh Dato' Muhammad bin Mahbub jadi Menteri Besar Johor.

Allahyarham Dato' Ja'afar bin Haji Muhammad itu telah diperanakkan di Teluk Belanga, Singapura, pada tahun 1838. Pada masa berumur 16 tahun beliau telah mula bekerja menjadi pelatih kerani kepada ayah saudaranya bernama Ence' Long yang jadi menteri kepada almarhum Temenggong Daing Ibrahim. Pada zaman Sultan Abu Bakar, baginda telah melantik beliau menjadi Dato' Bentara Luar; kemudian dijadikan Dato' Menteri. Pada masa pemerintahan Sultan Ibrahim, beliau dijadikan Dato' Menteri Besar Johor, dan beliaulah Dato' Menteri Besar Johor yang pertama. Seorang daripada anak lelaki dato' itu bernama Onn bin Ja'afar, yang kemudiannya terkenal dengan nama Dato' Onn bin Ja'afar, telah menjadi pemimpin ulung orang-orang Melayu di seluruh Semenanjung Tanah Melayu.

1920. Pada tahun 1920, Gabenor Sir Laurence Nunns Guillemard telah tiba di Singapura menggantikan Sir Arthur Henderson Young menjadi Gabenor Negeri-negeri Selat.

Pada 5 hari bulan Mac tahun 1920 itu juga, Tengku Ismail, Tengku Mahkota Johor, serta adindanya Tengku Abu Bakar (putera Sultanah Rogaiyah), iaitu putera-putera Sultan Ibrahim

yang belajar di negeri Inggeris itu telah balik semula ke negeri Johor.

Pada 24 hari bulan April tahun itu juga (1920), Sir Laurence Guillemard, Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu (dan juga Gabenor Negeri-negeri Selat) dan isterinya serta orang-orang besar dan pegawai-pegawai dari Singapura, bersama-sama dengan Sultan Ibrahim serta orang-orang besar baginda, telah menaiki sebuah kapal dari pangkalan Istana Besar Johor Baharu, lalu belayar pergi ke tengah-tengah Selat Teberau, antara Woodlands (Singapura) dengan bandar Johor Baharu; di situ Pesuruhjaya Tinggi itu telah menjalankan istiadat bagi memulakan pekerjaan membuat "Tambak Johor" yang akan menyambungkan jalan keretapi dan jalan raya dari Johor Baharu terus ke Woodlands di Singapura. Setelah dijalankan istiadat itu, mulalah orang-orang bekerja membuat Tambak Johor (Johore Causeway) iaitu satu daripada pekerjaan besar yang pernah dibuat di Semenanjung Tanah Melayu.

Pada 30 hari bulan Ogos tahun 1920 itu juga, kerajaan Johor telah mengadakan dua istiadat diraja di Johor Baharu. Pada hari itu isteri Sultan Ibrahim yang bernama Che' Rogaiyah dilantik dan dimahkotakan menjadi Sultanah Johor — Sultanah Rogaiyah. (Sejak mangkat Ungku Maimunah, Tengku Ampuan Besar Johor, yang dianggap juga sebagai Sultanah Johor, pada tahun 1909 dahulu, ini pula baharu Johor mengadakan Sultanah). Pada hari itu juga, Tengku Mahkota Ismail dikahwinkan dengan saudara dua pupunya Ungku Aminah binti Ungku Ahmad ibni Ungku Muhammad Khalid. Pada masa itu juga dikahwinkan pula adinda Tengku Mahkota yang bernama Tengku Abu Bakar dengan seorang lagi puteri Ungku Ahmad itu. Tengku Abu Bakar itulah yang digelar Tengku Aris Bendahara.

1922. Dalam bulan Februari tahun 1922, Tengku Ahmad putera Sultan Ibrahim yang belajar di negeri Inggeris itu telah sampai balik ke negeri Johor. Tiada berapa lama lepas itu, gelaran Temenggong Muar itu telah dihapuskan, lalu Tengku Ahmad putera baginda itu digelar Tengku Temenggong Johor, dan beliau telah dikahwinkan dengan sepupunya Ungku Elek Maimunah binti Ungku Ahmad.

Pada 11 hari bulan Februari itu juga (1922), isteri Tengku Abu Bakar (Tengku Aris Bendahara) telah melahirkan seorang anak

perempuan dinamakan Tengku Zahrah (disebut juga Tengku Molek); puteri inilah cucunda kesayangan Sultan Ibrahim.

1924. Pada tahun 1924, King Rama, Raja Siam (Thai) yang menggantikan Raja Chulalongkorn, telah datang melawat ke Johor Baharu dan telah disambut oleh Sultan Ibrahim dengan istiadat kemuliaan. Setelah Raja Siam balik ke negerinya, raja itu telah mengurniakan Sultan Ibrahim dengan bintang kebesaran kerajaan Siam — *Bintang Gajah Putih* darjah yang pertama. Setelah mangkat King Rama, digantikan pula oleh King Prajadhipok menjadi Raja Siam.

Setelah kira-kira empat tahun lamanya orang-orang bekerja siang malam, siaplah dibina Tambak Johor yang menyambungkan jalan keretapi dan jalan raya dari Johor Baharu ke Singapura, iaitu sepanjang 3,465 kaki; separuh bahagian arah ke negeri Johor masuk perintah Johor, dan separuh bahagian arah ke Singapura masuk perintah Singapura. Istiadat rasmi pembukaan awal Tambak Johor itu telah diadakan pada 24 hari bulan Julai tahun 1924 oleh Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Sir Laurence Nunns Guillemard (Gabenor Negeri-negeri Selat) dan majlis istiadat itu, selain daripada dihadiri oleh orang-orang besar dan orang ramai, telah dihadiri juga oleh Sultan Ibrahim Sultan Johor, Sultan Perak (Sultan Alang Iskandar), Sultan Selangor (Sultan Alauddin Sulaiman Shah) dan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan (Tuanku Muhammad).

1926. Pada 8 hari bulan Mac tahun 1926, Sultanah Rogaiyah telah mangkat di Istana Pasir Pelangi, Johor Baharu, dan telah dikebumikan di perkuburan diraja Johor di Makam Mahmudiah, Johor Baharu. Sejak itu Johor tiada memakai Sultanah hingga tahun 1930.

1928. Dalam tahun 1928, Raja Siam yang bernama King Prajadhipok dengan Permaisurinya Queen Rambai Dharni, dalam lawatan mereka yang tidak rasmi, telah melawat ke Johor Baharu dari Singapura melalui Tambak Johor. Kedatangan Raja Siam itu telah disambut dengan penuh istiadat oleh kerajaan Johor.

1929. Setelah lebih kurang 23 tahun lamanya Sultan Ibrahim

tiada pernah berangkat ke England (iaitu sejak tahun 1905). pada 8 hari bulan Mac tahun 1929, dengan nasihat doktor, Sultan Ibrahim dengan diiringkan oleh Kapten Shaikh Abdullah bin Yahya, sebagai Setiausaha Peribadi baginda telah berangkat ke benua Eropah, dan dibawa baginda juga cucunda baginda Tengku Zahrah (Tengku Molek). Inilah keberangkatan baginda kali kelima ke benua Eropah. (Kali yang pertama pada tahun 1890, kali yang kedua pada tahun 1901, kali ketiga tahun 1904, kali keempat pada tahun 1905). Baginda telah pergi bersemayam ke negeri Switzerland kerana mengambil angin sihat. Setelah itu baginda berangkat ke London bersemayam di bangunan Grosvenor Hotel di bandar London, iaitu hotel yang biasa didiami baginda selama baginda bersemayam di London.

Pada masa itulah, Dato' Seri Amar Diraja Abdul Rahman bin Andak yang telah bersara dan menetap di London itu, dengan keadaannya yang telah tua dan uzur datang mengadap Sultan Ibrahim di hotel tempat bersemayam baginda dengan air matanya yang bercucuran, kerana telah lama tiada berjumpa baginda, dan baginda pun menyambut kedatangan dato' itu dengan hati yang sedih. Dato' Abdul Rahman telah menyembahkan kepada baginda sebuah lukisan cat gambar almarhum Sultan Abu Bakar. Baginda telah menerima persembahan itu dan berjanji akan menggantungkan gambar itu di Istana Besar, Johor Baharu. Setelah berbual-bual sekian lama dengan penuh perasaan gembira dan sedih, dato' itu pun bermohon kembali ke tempatnya. Ada kira-kira enam bulan lamanya di benua Eropah itu, Sultan Ibrahim pun berangkat balik ke negeri Johor.

Tiada berapa lama di Johor, pada 18 hari bulan Oktober tahun 1929 itu juga, Sultan Ibrahim berangkat lagi, bagi kali yang keenamnya, ke benua Eropah, dan dibawa baginda bersama-sama cucunda baginda Tengku Zahrah. Pada akhir tahun itu juga, baginda telah menitahkan Tengku Aris Bendahara (Tengku Abu Bakar), ayahanda Tengku Zahrah, serta Kapten Shaikh Abdullah datang segera mendapatkan baginda di benua Eropah.

1930. Dalam bulan Mac tahun 1930, Tengku Abu Bakar Aris Bendahara bersama-sama puterinya Tengku Zahrah telah balik semula ke negeri Johor. Sultan Ibrahim dengan setiausaha baginda itu telah berangkat ke negeri Jerman, dan telah sampai balik ke

negeri Johor pada 6 hari bulan September tahun 1930.

Empat hari setelah baginda sampai ke negeri Johor, pada 10 haribulan September tahun 1930, Dato' Abdul Rahman bin Andak telah meninggal dunia di London dalam usia lebih kurang tujuh puluh tahun. Urusan pengkebumian jenazah almarhum itu telah disempurnakan oleh imam dan orang-orang Islam di Woking, London, dan telah dikebumikan di perkuburan orang-orang Islam di tempat itu juga. Isteri allahyarham perempuan Jerman itu pun kemudiannya telah meninggal dunia di London juga dan telah dikebumikan di sisi kubur suaminya oleh anak lelaki mereka yang bernama Doktor Murad Abdul Rahman dan Ma'aruf Abdul Rahman.

Pada 19 hari bulan September tahun 1930 itu juga, iaitu baharu lebih kurang dua minggu sahaja bersemayam di Johor, Sultan Ibrahim berangkat lagi, bagi kali yang ketujuhnyanya, ke benua Eropah dan baginda telah pergi ke London.

Pada 15 hari bulan Oktober tahun itu juga (1930), Sultan Ibrahim telah berkahwin dengan seorang perempuan Inggeris bernama Helen dan telah digelar baginda Sultanah Helen Ibrahim. Bagi mengambil sempena perkahwinan baginda itu, di negeri Johor telah dikeluarkan setem yang menunjukkan gambar baginda dengan isteri baharu baginda itu.

1931. Setelah lebih sedikit setahun lamanya di benua Eropah, pada 17 hari bulan November tahun 1931 Sultan Ibrahim dengan Sultanah Helen Ibrahim telah sampai balik ke negeri Johor. Esoknya, pada 18 hari bulan November (1931) suatu istiadat telah diadakan di Istana Besar, Johor Baharu, kerana merasmikan perlantikan dan memahkotakan Sultanah Helen Ibrahim sebagai Sultanah Johor.

1932. Pada 9 hari bulan September tahun 1932, Sultan Ibrahim telah berangkat lagi, bagi kali yang kelapannya ke England kerana mengambil angin laut dan juga mengambil Sultanah Helen yang telah pergi ke England dalam bulan Julai yang lalu. Baginda dan Sultanah telah kembali semula ke negeri Johor pada 15 hari bulan November tahun 1932 itu juga.

1933. Pada 8 hari bulan Januari tahun 1933, Sultan Ibrahim dan

Sultanah Helen telah berangkat melawat ke negeri-negeri: Siam (Bangkok), Kemboja (Angkor Wat dan Phnom Phen), Indo-China (Saigon), Annam (Hue dan Haipong) dan Hongkong. Pada tiap-tiap negeri yang dilawati oleh baginda itu, baginda telah disambut dengan kemuliaan oleh raja-raja di negeri-negeri yang disebutkan itu. Dari Hongkong baginda suami isteri berangkat balik dan telah sampai semula ke negeri Johor pada 8 haribulan Februari tahun itu juga (1933).

1934. Pada tahun 1934, Sir Shenton Thomas telah sampai di Singapura menggantikan Sir Laurence N. Guillemard menjadi Gabenor Negeri-negeri Selat.

Pada 12 hari bulan Mac tahun 1934, Sultan Ibrahim dan Sultanah Helen telah meninggalkan negeri Johor, belayar ikut arah timur hendak ke benua Eropah, bagi kali yang kesembilan, langsung mengelilingi dunia. Dalam pelayaran itu, baginda suami isteri telah melawat: Hongkong, Shanghai; dari Shanghai ke negeri Jepun melawat bandar-bandar Kobe, Nara, Nagoya lalu ke Tokyo. Di Tokyo baginda telah berjumpa dan disambut oleh Tenno Heika (Maharaja Jepun), dan pada 9 hari bulan April (1934) baginda telah diberi penghormatan oleh kerajaan Jepun dengan bintang kebesaran *Matahari Terbit* darjah yang pertama. Dari Tokyo baginda suami isteri telah berangkat ke Yokohama lalu belayar menyeberangi Lautan Pasifik. Setelah singgah di Honolulu, di Pulau Hawaii, lalu ke negeri Amerika Syarikat melawat San Francisco, Los Angeles (Hollywood), Chicago, Washington dan New York. Dari New York menyeberangi Lautan Atlantik lalu ke England terus ke bandar London. Pada masa di London baginda telah menghadiri istiadat perkahwinan seorang daripada keluarga diraja Inggeris, iaitu Duke of Kent.

1935. Setelah selesai istiadat perkahwinan keluarga diraja Inggeris itu, Sultan Ibrahim dan Sultanah Helen pun bertolak belayar menuju ke Timur dan telah sampai balik ke negeri Johor pada 22 hari bulan Januari tahun 1935.

Pada 6 hari bulan Mei tahun 1935 itu juga, Sultan Ibrahim bagi pihak kerajaan Johor telah menghadiahkan wang sebanyak £500,000 kepada kerajaan Inggeris sebagai tanda muhibbah dari pada kerajaan Johor menyambut genap 25 tahun King George V

menduduki takhta kerajaan Inggeris; wang itu khususnya untuk menyegerakan pembangunan pangkalan tentera laut Inggeris di Singapura. Kemudian, pada 17 hari bulan September tahun 1935 itu juga, telah diadakan istiadat dan keramaian di negeri Johor bagi menyambut ulangtahun hari keputeraan Sultan Ibrahim yang telah berumur 62 tahun, dan genapnya 40 tahun baginda menduduki takhta kerajaan Johor. Pada masa itu juga kerajaan Johor telah mengambil ketetapan akan menyembahkan kepada baginda sebuah istana besar dan indah serta lengkap segala alat kelengkapannya bagi mengenangkan jasa pemerintahan baginda di negeri Johor. (Istana itu kemudiannya baharu dibangunkan, dan dinamakan Istana Bukit Serene).

1936. Dalam bulan Januari tahun 1936, Raja Inggeris, King George V telah mangkat di London; puteranya, Putera Mahkota Inggeris (Prince of Wales) dilantik menggantinya menjadi Raja Inggeris bergelar King Edward VIII. Kemangkatan King George V itu telah sampai beritanya ke Johor pada 20 hari bulan Januari tahun 1936, dan Sultan Ibrahim telah memerintahkan seluruh Johor turut berkabung.

Pada 28 hari bulan Mei tahun 1936 itu juga Sultan Ibrahim telah berangkat, bagi kali yang kesepuluh, ke benua Eropah dan telah sampai di London. Pada masa di London itu baginda telah berjumpa juga dengan Sultan Alauddin Sulaiman Shah, Sultan Selangor, dengan putera baginda Tengku Musauddin, Raja Muda Selangor yang baharu dipecat oleh kerajaan Inggeris kerana hasutan fitnah daripada T.S. Adams, Residen British di Selangor masa itu. Kedatangan Sultan Selangor itu ialah kerana hendak meminta kerajaan Inggeris menimbangkan semula pemecatan putera baginda itu; tetapi kehendak Sultan Selangor itu tiada berjaya. Sultan dan Sultanah Johor telah berangkat balik dalam sebuah kapal bernama *Dempo* bersama-sama dengan Sultan Selangor dan Tengku Musauddin, dan selama dalam pelayaran itu mereka telah berbalas-balas jamuan. Sultan Ibrahim telah sampai balik ke negeri Johor dalam bulan Disember tahun 1936 itu juga.

Dalam bulan Disember itu juga (1936), Raja Inggeris, King Edward VIII itu, dengan suka hatinya sendiri telah menurunkan dirinya dari takhta kerajaan Inggeris, kerana rancangan beliau hendak mengahwini seorang perempuan janda bangsa Amerika

yang sangat dicintainya tiada diluluskan oleh perlembagaan kerajaan Inggeris. Adindanya telah menggantikan baginda menjadi Raja Inggeris bergelar King George VI, dan kekanda baginda yang telah menurunkan dirinya dari takhta kerajaan itu, memakai gelaran *Duke of Windsor* lalu beliau berkahwin dengan janda yang dicintainya itu. Peristiwa itu telah menggemparkan seluruh dunia.

1937. Pada 19 hari bulan April tahun 1937, Sultan Ibrahim dan Sultanah Helen telah berangkat, bagi kali yang kesebelas, pergi ke London kerana hendak menghadiri istiadat dan keramaian menabal dan memahkotakan King George VI, Raja Inggeris yang baharu itu, di bandar London. Sultan Ibrahim telah balik semula ke negeri Johor pada 12 hari bulan November tahun 1937.

Pada akhir tahun 1937 itu juga, kerana sesuatu persengkeatan antara suami isteri, dengan persetujuan kedua belah pihak, Sultan Ibrahim dengan isteri baginda Helen itu telah bercerai. Pada 31 hari bulan Disember tahun itu juga (1937), Helen yang telah dibenarkan memakai gelaran Lady Helen, telah bertolak meninggalkan Johor balik semula ke negerinya di England.

1938. Dalam pertengahan tahun 1938, ada sebentar Sultan Ibrahim pergi mengambil angin sihat ke negeri Ceylon. Kemudian, dengan nasihat doktor baginda, pada 1 haribulan September tahun 1938 itu juga, Sultan Ibrahim yang tiada berapa sihat itu, telah berangkat lagi, bagi kali yang kedua belasnya, pergi ke benua Eropah; baginda telah pergi mengambil angin sihat ke Switzerland. Setelah beransur sihat, berangkat pula baginda ke negeri Jerman. Ada kira-kira sebulan di negeri Jerman, baginda balik semula ke Switzerland.

Pada akhir tahun 1938 itu, orang-orang Jerman Nazi yang telah berkuasa kuat di negeri Jerman di bawah pimpinan seorang pemimpin Jerman yang sangat terkenal bernama Adolph Hitler, telah menakluk beberapa buah negeri di benua Eropah.

1939. Pada masa Sultan Ibrahim masih di benua Eropah, pada 1 hari bulan Mac tahun 1939, cucunda kesayangan baginda, Tengku Zahrah (Tengku Molek) puteri Tengku Aris Bendahara Abu Bakar, telah kembali kerahmatullah di Johor Baharu, dan

telah dikebumikan di Makam Mahmudiah. Sultan Ibrahim sendiri tiada dapat balik ke Johor dan sangatlah baginda berdukacita mendengar berita kemangkatan cucunda baginda itu.

Oleh sebab keadaan di benua Eropah telah bertambah-tambah genting disebabkan oleh serangan pihak Jerman Nazi ke beberapa buah negeri di benua Eropah, dalam bulan Ogos tahun 1939, Sultan Ibrahim pun berangkat pergi ke London dan bersemayam di tempat biasa baginda, di Grosvenor Hotel.

Pada 3 hari bulan September tahun 1939, Inggeris dan Perancis telah memasyhurkan perang terhadap Jerman Nazi, dan berlakulah Perang Dunia II yang kemudiannya menjalar hampir ke seluruh dunia. Pada masa itu, sungguhpun baginda terasa ingin benar hendak balik ke Johor, tetapi tiada dapat dilakukan, kerana pelayaran di Lautan Atlantik dan di Laut Mediterranean dalam bahaya perang. Tinggallah baginda di England dengan dukacita, dan Jerman pun telah mula pula, hampir setiap hari, mengebom negeri Inggeris.

1940. Pada 10 hari bulan Mac tahun 1940, Tengku Mahkota Ismail, dalam suatu upacara, telah meletakkan batu asas bagi bangunan pejabat-pejabat kerajaan Johor yang akan didirikan di atas Bukit Timbalan, Johor Baharu. Sejak itu mulalah orang bekerja mendirikan bangunan itu.

Pada masa Sultan Ibrahim sedang berada di bandar London yang sedang berkecamuk dengan serangan bom Jerman itu, pada 6 hari bulan November tahun 1940, Sultan Ibrahim telah berkahwin dengan seorang perempuan bangsa Rumania bernama Macella Mendel.

1941. Pada akhir tahun 1940, dengan pertolongan kerajaan Inggeris, Sultan Ibrahim dengan isteri baginda Lady Marcella Mendel itu serta beberapa orang pegawai-pegawai baginda, telah bertolak dengan kapal dari pelabuhan Liverpool dengan diiringkan oleh suatu angkatan kapal perang dan kapal selam Inggeris belayar di Lautan Atlantik menuju ke Afrika Selatan. Pada masa itu, Selat Gibraltar, Laut Mediterranean dan Terusan Suez tiada dapat ditempuh, kerana peperangan sedang berlaku di situ. Kapal yang ditumpangi oleh Sultan Johor dan rombongan baginda itu telah singgah di pelabuhan Free Town (dari situ kapal perang dan kapal

selam Inggeris yang mengiringi kapal Sultan Johor itu balik semula ke England); baginda telah belayar mengelilingi Afrika Selatan, singgah di Cape Town; singgah di Mombassa; dari situ menyeberang ke Bombay, ke Colombo, ke Pulau Pinang dan sampai di Singapura lalu terus balik ke Johor Baharu pada 4 haribulan Januari tahun 1941.

Pada tahun 1941 itu juga bangunan Pejabat kerajaan Johor setinggi sembilan tingkat di atas Bukit Timbalan, Johor Baharu, telah siap dibina lalu digunakan. Oleh sebab bangunan itu terletak di atas sebuah bukit, jadilah ia bangunan yang tertinggi sekali dalam Johor Baharu.

Sedang peperangan di benua Eropah, Afrika dan di Timur Tengah berlarutan di antara pihak Jerman dan sekutunya menentang British-Amerika serta ikatannya, pada 8 hari bulan Disember tahun 1941, kerajaan Jepun telah mengisytiharkan perang terhadap Amerika Syarikat dan British.

Serempak dengan perisytiharan perang itu, pihak tentera Jepun telah mengebom angkatan perang laut Amerika Syarikat di Pearl Harbour (di Pulau Hawaii), dan juga mengebom Manila, Singapura, serta mendaratkan angkatan perang mereka di Senggora, Patani dan mencuba pula mendaratkan angkatan perang mereka di Kota Baharu, Kelantan.

Askar-askar Jepun yang telah mendarat di Senggora, Patani dan Kota Baharu itu, terus maju menyerang ke negeri-negeri di Tanah Melayu mengikut tiga jurusan, iaitu mengikut sebelah barat, tengah dan sebelah timur Semenanjung Tanah Melayu, dengan maksud hendak menyerang sampai ke Singapura, tempat pangkalan kekuatan tentera British di Asia Tenggara.

Setelah tentera Jepun masuk menyerang Malaya (Malaya — seluruh Semenanjung Tanah Melayu termasuk Singapura), dengan persetujuan Sultan Ibrahim, Pasukan Askar Johor dan juga Pasukan Volunteer Johor telah digunakan membantu pihak British bagi menjaga lapangan kapal terbang dan tempat-tempat pergentingan serta tempat-tempat penting di negeri Johor dan di Singapura juga. General Gordon Bennett, ketua panglima perang pasukan askar-askar Australia yang membantu British, telah membenarkan baginda membuat pejabat besarnya di Johor Baharu, dan bangunan lama rumah sakit otak di Tampoi, dekat Johor Baharu, dijadikan rumah sakit besar askar-askar Australia. Pada

masa itu selalulah Sultan Ibrahim berjumpa Gordon Bennett dan lain-lain panglima perang pihak British mengenai pertahanan pihak British di negeri Johor.

Sultan Ibrahim telah menyerahkan pertadbiran pasukan-pasukan askar dan Volunteer Johor itu di bawah pentadbiran seorang yang dilantik menjadi Pegawai Penasihat Tentera di negeri Johor; hal ehwal pentadbiran dan pemerintahan negeri diserahkan baginda ke bawah kelolaan Menteri Besar Johor (Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Majid), putera baginda Temenggong Ahmad dan Penasihat Am Johor.

Askar-askar Jepun yang lengkap dengan kereta kebal, dengan dibantu pula oleh serangan-serangan dari kapal terbang mereka, telah datang menyerang Malaya dari utara menuju ke selatan mengikut tiga jurusan yang disebutkan tadi, dan telah bertempur dengan askar-askar British yang bertahan di negeri-negeri Melayu itu; tetapi semua askar-askar British itu telah dapat diundur oleh askar-askar Jepun, lalu mereka mengalahkan negeri-negeri: Kedah, Pulau Pinang (tiada berperang), Perak, Kelantan, Trengganu, Pahang, Selangor, Melaka, dan Negeri Sembilan.

1942-1945. Pada pertengahan bulan Januari tahun 1942, askar-askar tentera Jepun yang telah mengalahkan negeri-negeri itu telah masuk pula menyerang negeri Johor mengikut tiga jurusan juga, iaitu dari arah Muar (barat), Segamat (tengah), dan Endau-Mersing (timur), dan telah berlaku pertempuran dengan pasukan-pasukan Australia, British dan askar-askar India yang bertahan di tempat-tempat pertahanan mereka di Segamat, Muar, Batu Pahat, Bakri, Parit Sulong, Pontian, Labis, Yong Peng, Ayer Hitam, Simpang Renggam, Mersing, Jemaluang, Kahung, Keluang dan lain-lain, dan sambil askar-askar British itu berundur arah ke Johor Baharu, askar-askar Jepun terus mara menyerang menuju ke Johor Baharu juga.

Pada 28 hari bulan Januari tahun 1942, oleh sebab serangan askar-askar Jepun itu telah semakin bertambah hebat dan tiada dapat ditahan lagi, dengan permintaan pihak British, Sultan Ibrahim pun bersetuju lalu membubarkan Pasukan Askar dan Pasukan Volunteer Johor dan membenarkan ahli-ahli pasukan itu balik ke tempat masing-masing, dan peperangan melawan pihak

Jepun itu diteruskan oleh pihak British dan ikatannya (askar-askar Australia dan askar-askar India).

Pada masa itu juga dengan izin Sultan Ibrahim, makanan yang banyak disimpan dalam pejabat kerajaan di Johor Baharu telah diberikan dengan percuma kepada orang ramai, dan ramailah penduduk negeri yang dapat makanan-makanan itu lalu dibawa ke tempat mereka masing-masing. Pada masa itu penduduk bandar Johor Baharu pun mula meninggalkan rumah dan kampung halaman mereka pergi melindungi diri di sekitar tempat itu; bandar Johor Baharu telah tinggal sunyi senyap. Sungguhpun demikian, tetapi Sultan Ibrahim, Putera Mahkota, Temenggong Ahmad, Menteri Besar Johor serta beberapa ramai lagi orang-orang besar Johor, tidak pula meninggalkan Johor Baharu, melainkan mereka tetap tinggal di istana-istana dan di rumah mereka masing-masing ataupun di rumah kaum kerabat mereka.

Pada 31 hari bulan Januari tahun 1942, askar-askar Jepun dengan kereta kebal mereka yang telah mengalahkan negeri-negeri lain di Tanah Melayu selama lima puluh lima hari di bawah pimpinan panglima perang Jepun yang bernama Tomoyuki Yamashita telah masuk ke Johor Baharu; membuat pusat pejabat perangnya di bangunan kerajaan di Johor Baharu, lalu memulakan serangan menembakkan meriam-meriam besar mereka arah ke Pulau Singapura yang dipertahankan oleh askar-askar British, Australia, India dan juga askar-askar Pasukan Askar Melayu yang pertama dari Port Dickson. Pemerintah tertinggi di Singapura pada masa itu ialah Gabenor Sir Shenton Thomas, dan ketua panglima perang pihak British ialah Leftenan General Arthur E. Percival.

Setelah bandar Johor Baharu diduduki oleh tentera Jepun, dengan kehendak pemerintah tertinggi tentera Jepun, beberapa orang pegawai tentera Jepun telah menjumpai Sultan Ibrahim dan menyatakan kepada baginda iaitu bandar Johor Baharu akan jadi medan perang besar. Oleh itu pegawai-pegawai tentera Jepun itu telah mengiringkan baginda berpindah ke Batu Pahat supaya selamat.

Kira-kira seminggu lepas itu, askar-askar Jepun yang menyerang Singapura dari arah Keranji (Woodlands), dari arah barat dan dari arah timur pulau itu dengan bantuan kereta kebal, tembakan meriam-meriam besar dari Johor Baharu, dan dengan bantuan serangan dari kapal terbang mereka di angkasa, dapatlah

tentera Jepun mendarat di Pulau Singapura lalu menyerang arah ke bandar Singapura.

Setelah seminggu pula lamanya berperang di Pulau Singapura, sebelum tentera Jepun menyerang ke bandar Singapura, panglima-panglima perang British yang dipimpin oleh Jeneral Percival pun bermesyuarat. Memandang kepada kekurangan kelengkapan perang dan kapal-kapal terbang pejuang pihak British di Singapura pun tidak mencukupi untuk menentang serangan kapal-kapal terbang Jepun yang berpuluh-puluh banyaknya datang menyerang ke Singapura, serta memandang kepada kesulitan air yang di-datangkan menerusi saluran dari Johor itu, dan memandang kepada kehilangan jiwa orang ramai yang tentu sahaja akan bertambah serta lain-lain keburukan lagi jika peperangan itu diteruskan, akhirnya, pada 15 hari bulan Februari tahun 1942, iaitu setelah Jepun bertempur hanya selama 70 hari dari utara Malaya sampai ke Singapura, Jeneral Percival serta beberapa orang panglima perang pihak British di bawahnya, mewakili seluruh pihak tentera British di Singapura telah menyerah kalah dengan tiada bersyarat kepada pihak tentera Jepun yang dipimpin oleh Jeneral Tomoyuki Yamashita. Surat perjanjian penyerahan kalah pihak British itu telah ditandatangani oleh ketua-ketua perang kedua belah pihak dalam sebuah bangunan Syarikat Motokar Ford di Jalan Bukit Timah, Singapura, dan mengikut syarat yang telah dipersetujui bersama, pada pukul 8.30 malam itu juga (15 Februari, 1942), kedua belah pihak mestilah memberhentikan perang yakni memberhentikan tembak-menembak, dan sejak itu Malaya pun jatuh ke tangan tentera Jepun.

Dalam pada itu, pada malam itu juga, Jeneral Gordon Bennett ketua panglima perang askar-askar Australia serta beberapa orang pengikutnya yang tiada mahu ditawan oleh pihak Jepun, telah melepaskan diri dari Singapura dengan sebuah tongkang menyeberang ke Pulau Sumatera, kemudian ke Tanah Jawa, lalu balik ke Australia melaporkan hal ehwal peperangan di Malaya sehingga jatuh ke tangan tentera Jepun itu.

Setelah negeri Johor diduduki dan diperintah oleh tentera Jepun, orang-orang Jepun memandang hormat kepada Sultan Ibrahim, kerana baginda telah dihormati oleh Tenno Heika (Maharaja Jepun) dengan bintang kebesaran kerajaan Jepun yang tertinggi, iaitu bintang kebesaran *Matahari Terbit*. Pada masa

Jepun menduduki Johor itu, baginda tiada mengambil bahagian dalam apa-apa hal pertadbiran dan pemerintahan negeri, melainkan diserahkan kepada Tengku Mahkota Ismail dan Menteri Besar Johor Ungku Abdul Aziz bin Abdul Majid yang diperintah pula oleh pegawai-pegawai tentera Jepun yang menguasai seluruh Malaya.

Sejak itu hingga tiga tahun setengah lamanya Malaya, termasuk Johor, telah diduduki dan diperintah oleh Pentadbiran Tentera Jepun, dan penduduk Malaya seluruhnya telah menderita kekurangan makanan, kekurangan pakaian serta menderita oleh kezaliman askar-askar Jepun terhadap orang ramai, bahkan boleh dikatakan penderitaan pahit seperti itu belum pernah dialami sepanjang sejarah Semenanjung Tanah Melayu (Negeri-negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat).

Setelah tentera Jepun yang di bawah pimpinan Yamashita mengalahkan Malaya, pasukan-pasukan tentera Jepun yang lain pula meneruskan serangan dan penaklukan mereka ke Pulau-pulau Hindia-Timur Belanda (Indonesia sekarang), ke Burma, ke Pulau-pulau Filipina, dan ke Pulau Papua. Sungguhpun pihak Amerika Syarikat dan British telah menyekat kemaraan tentera Jepun masuk ke India dan ke Australia, tetapi tidaklah Amerika dan British dapat menumpukan segenap kekuatan mereka menentang Jepun di sebelah Timur ini, kerana pada masa itu (1942-1945), Amerika, British dan Rusia dan lain-lain sebagai pihak berikat sedang bersungguh-sungguh menentang Jerman Nazi dan sekutunya di benua Eropah, Afrika dan di Timur Tengah. Akhirnya, setelah Jerman menyerah kalah kepada pihak berikat Amerika, British, Rusia, pada 8 hari bulan Mei tahun 1945, Hitler pemimpin agung Jerman Nazi yang sangat masyhur itu telah mati membunuh diri, baharulah Amerika dan British menumpukan penentangannya di sebelah Timur memerangi Jepun.

Pada 6 hari bulan Ogos tahun 1945, Amerika telah menggugurkan bom atom ke bandar Hiroshima di negeri Jepun dan telah menghancurkan-leburkan bandar itu serta membunuh berpuluh-puluh ribu orang Jepun. Pada 8 hari bulan Ogos tahun 1945 itu juga, Rusia telah mengisytiharkan perang menentang Jepun. Esoknya, pada 9 hari bulan Ogos (1945), Amerika telah menggugurkan bom atom lagi ke bandar Nagasaki pula. Lima hari selepas itu, pada 14 hari bulan Ogos (1945), Tenno Heika (Maharaja Jepun) bagi

pihak kerajaan Jepun telah mengeluarkan surat perisytiharan mengaku kalah dengan tiada bersyarat kepada pihak berikat Amerika-British-Rusia dan kawan-kawannya, dan perisytiharan mengaku kalah oleh kerajaan Jepun itu telah disiarkan ke seluruh dunia pada 15 hari bulan Ogos tahun 1945. Surat perjanjian penyerahan kalah dengan tiada bersyarat oleh kerajaan Jepun itu telah ditandatangani oleh wakil Maharaja Jepun di hadapan pemerintah tertinggi pihak angkatan perang Amerika Syarikat (Jeneral Douglas MacArthur) di atas kapal perang Amerika bernama *Missouri* di Teluk Tokyo pada 2 hari bulan September tahun 1945.

Oleh sebab penyerahan kalah kerajaan Jepun kepada Amerika Syarikat dan sekutunya dalam pertengahan bulan Ogos tahun 1945 itu telah berlaku dengan tiada disangka-sangka, jadi angkatan tentera British di bawah pimpinan Admiral Lord Louis Mountbatten yang telah bersedia di negeri India dan di Ceylon yang dicadangkan hendak menyerang Jepun di Malaya itu, tidak perlu dengan segera datang ke Malaya mengambil alih pemerintahan di Malaya dari tangan tentera Jepun, melainkan pada awal bulan September tahun 1945 baharulah tentera British datang ke Malaya.

Oleh sebab itu, di antara pertengahan bulan Ogos tahun 1945 hingga kepada masa kedatangan tentera British ke Malaya pada awal bulan September (1945), orang-orang Cina dalam pasukan yang bernama M.P.A.J.A. (*Malayan Peoples' Anti-Japanese Army*) dipimpin oleh orang-orang Cina ahli-ahli Parti Komunis Malaya (Malayan Communist Party) yang menjadi pasukan gerila membantu pasukan gerila British yang dipanggil Pasukan 136 yang diam di hutan-hutan dan di gunung-gunung di Malaya masa pendudukan Jepun dahulu, telah keluar dari hutan-hutan datang ke bandar kecil yang tiada berapa banyak askar-askar Jepun di situ, lalu mengambil balai-balai polis dan menjalankan kuasa mereka di sekitar tempat itu. Askar-askar Cina itu ada membawa senjata-senjata mereka seperti pistol, senapang, senapang mesin, bom tangan, parang, cangkul dan lain-lainnya; senjata-senjata api itu telah diberikan kepada mereka oleh pasukan gerila British (Pasukan 136) yang telah dihantar ke Malaya dengan kapal selam dan payung terjun untuk melawan Jepun dengan bersembunyi-sembunyi. Askar-askar M.P.A.J.A. itu memakai uniform perang dan bertopi serkup bersegi lapan dan pada topi itu ada tanda *Bintang Tiga*; itulah sebabnya orang ramai menyebut mereka itu

askar-askar *Bintang Tiga*. Askar-askar Cina yang keluar dari hutan-hutan itu, ada juga yang memakai tanda *Bintang Satu* pada topi mereka.

Askar-askar bintang tiga itu sangat ramai keluar di negeri Perak, Selangor, Johor dan Negeri Sembilan. Mereka telah berkuasa di tempat-tempat yang mereka datang itu, kerana pada masa itu askar-askar Jepun seolah-olah tidak berkuasa lagi (kerajaan Jepun telah menyerah kalah kepada Amerika dan sekutunya), dan tentera British belum pula sampai. Askar M.P.A.J.A. itu mengatakan pula: merekalah yang telah menyebabkan kemenangan pihak British di Malaya ini. Pada masa lebih kurang dua minggu itu, askar-askar bintang tiga itu telah menangkap, membicarakan, menghukum, bahkan membunuh siapa sahaja yang disyak mereka atau yang telah dikenali mereka pernah menyebelahi atau membantu atau jadi talibarut tentera Jepun dahulu (1942-1945). Pada masa itu ramailah orang-orang Melayu, India, Serani, Cina dan lain-lain, terutama anggota-anggota polis, yang telah ditangkap dan dibunuh oleh askar-askar M.P.A.J.A. itu dengan cara yang bengis dan kejam. Ahli-ahli M.P.A.J.A. itu telah mengadakan juga sekatan-sekatan di jalan-jalan raya menahan dan memeriksa sekalian orang-orang yang lalu-lalang di situ dan telah memaksa orang-orang yang lalu di tempat-tempat sekatan itu menghormati mereka seperti menghormati askar-askar Jepun dahulu juga. Pada masa itu negeri-negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat (Singapura, Pulau Pinang dan Melaka) adalah dalam keadaan pemerintahan yang negeri, seolah-olah tiada mempunyai undang-undang yang betul; nyawa manusia seolah-olah tiada berharga lagi.

Pada masa itu juga, di negeri Johor, terutama di daerah Batu Pahat, telah meletus perkelahian bunuh-membunuh di antara orang-orang Cina dengan orang-orang Melayu, dan ramai orang-orang Cina di daerah itu yang telah terbunuh. Seorang daripada panglima Melayu yang terkenal sebagai pemimpin orang-orang Melayu di Batu Pahat itu disebut namanya Panglima Saleh. (Perkelahian yang seperti itu telah berlaku juga di negeri Perak, iaitu di wilayah Sungai Manek dekat Teluk Anson dalam daerah Hilir Perak). Perkelahian di antara orang-orang Cina dengan orang-orang Melayu di Batu Pahat itu telah dapat diberhentikan dengan jasa baik dan kebijaksanaan Dato' Onn bin Ja'afar, dan beliau pada masa itu menjadi Pegawai Daerah di Batu Pahat.

Mengikuti pendapat orang-orang British: perkelahian di antara orang-orang Cina dengan orang-orang Melayu itu ialah terbit daripada hasutan orang-orang Jepun yang mengatakan orang-orang Cina akan mengambil negeri-negeri Melayu, dan orang-orang Jepun telah memberi senjata kepada orang-orang Melayu. Askar-askar Komunis yang keluar dari hutan-hutan itu telah membantu pihak orang-orang Cina dalam perkelahian itu. Tetapi, sepanjang yang telah diketahui ramai masa itu, perkelahian itu ialah terbit daripada perbuatan bengis dan zalim yang telah dilakukan oleh askar-askar *Bintang Tiga* (M.P.A.J.A.) dan *Bintang Satu* terhadap orang ramai terutama kepada orang-orang Melayu. Pada masa itu ada pula berita-berita angin yang dipercayai pula oleh orang-orang Cina iaitu: tentera yang akan datang mengambil Malaya daripada tangan tentera Jepun ialah pasukan tentera Chiang Kai Shek yang datang dari negeri China, bukan tentera British. Dalam pada itu, pemimpin-pemimpin M.P.A.J.A. yang terdiri daripada ahli-ahli Parti Komunis itu memang hendak menjadikan Malaya ini sebuah negara Republik Komunis.

Pada 12 hari bulan September tahun 1945, surat perjanjian menyerah kalah dengan tiada bersyarat dari pihak Tentera Jepun di Malaya kepada pihak Tentera British, telah ditandatangani di dewan bangunan Municipal Singapura (sekarang Dewan Bandaraya) oleh Jeneral Itagaki bagi pihak Tentera Jepun yang kalah, dan Admiral Lord Louis Mountbatten bagi pihak Tentera British yang menang. Sejak itu, seluruh Malaya, termasuk negeri Johor, diletakkan di bawah perintah Pentadbiran Tentera British yang berpusat di Singapura.

Lebih kurang sebulan lepas itu, pada 11 hari bulan Oktober tahun 1945, Sir Harold MacMichael, wakil khas kerajaan British, telah sampai ke Malaya dengan tujuan hendak meminta sembilan orang raja-raja pemerintah di negeri-negeri Melayu menurunkan tandatangan mereka pada perjanjian baharu di antara mereka dengan kerajaan British mempersetujui penubuhan suatu pemerintahan baharu dan semua negeri-negeri di Malaya, kecuali Singapura, akan disatukan dan dinamakan *Malayan Union* yang mengandungi sebelas buah negeri, iaitu sembilan buah negeri-negeri Melayu serta Pulau Pinang dan Melaka dijadikan satu pemerintahan di bawah kuasa kerajaan British.

Pada 20 hari bulan Oktober tahun 1945, Harold MacMichael

telah berjumpa dan menerangkan tujuan kedatangannya itu kepada Sultan Ibrahim, Sultan Johor, di Istana Pasir Pelangi, Johor Baharu, lalu baginda pun menurunkan tandatangan baginda pada perjanjian baharu itu, dengan disaksikan oleh putera baginda Tengku Temenggong Ahmad dan Setiausaha Sulit baginda Kapten Abdul Kadir bin Haji Muhammad Sa'id.

Pendeknya, pada 21 hari bulan Disember tahun 1945, Harold MacMichael telah dapat mengambil semua tandatangan raja-raja pemerintah negeri-negeri Melayu pada perjanjian baharu yang disogokkannya itu.

Lebih kurang dua minggu selepas Sultan Ibrahim menandatangani perjanjian baharu yang sebagai dipaksakan oleh wakil khas kerajaan British itu, pada 3 hari bulan Disember tahun 1945, baginda serta Sultanah Marcella pun berangkat meninggalkan Johor pergi ke England, dan Tengku Mahkota Ismail tinggal menjadi Pemangku Raja memerintah negeri Johor.

1946. Pada 6 hari bulan Januari tahun 1946 Sir Harold MacMichael telah bertolak dari Singapura balik ke London. Pada 22 hari bulan Januari tahun itu juga (1946), kerajaan Inggeris telah menerangkan dalam Parlimen di London fasal *Malayan Union* yang akan diadakan di Malaya itu.

Sejak itu hebohlah orang-orang Melayu di seluruh negeri-negeri Melayu dan suratkhbar Melayu juga, menentang penubuhan *Malayan Union* yang telah dirancangkan oleh British itu, kerana orang-orang Melayu sedar bahawa perbuatan British itu nyatalah hendak merampas kuasa raja-raja Melayu yang bererti merampas hak kedaulatan bangsa Melayu juga di tanah air mereka sendiri. Dalam Mesyuarat Parlimen di London yang bersidang dalam bulan Mac tahun 1946 itu juga, di antara surat-surat raja-raja Melayu lainnya, surat daripada Sultan Ibrahim Johor telah dibacakan dalam Parlimen itu yang maksud baginda mengatakan: "Beta tidak menurunkan tandatangan dengan penuh kemahuan; akan tetapi setelah memikirkan semua perkara itu, beta telah berpendapat yang beta menurunkan tandatangan itu dengan tidak menghalusi isi perjanjian itu dengan sedalam-dalamnya sebagaimana yang sepatutnya dan malangnya beta tidak sedar akan maksud-maksud yang lebih jauh".

Dalam bulan Mac itu juga (1946), keseluruhan orang-orang

Melayu dari semua negeri-negeri Melayu telah menghantar wakil-wakil mereka menghadiri kongres yang telah diadakan di Kuala Lumpur, di bawah pimpinan Dato' Onn bin Ja'afar, iaitu seorang pegawai pentadbir di negeri Johor, kerana hendak menubuhkan suatu pertubuhan Melayu yang akan mengumpulkan seluruh tenaga dan suara orang-orang Melayu membantah penubuhan *Malayan Union* yang akan dilakukan oleh kerajaan British itu, dan juga hendak meminta raja-raja pemerintah negeri-negeri Melayu memulaukan perlantikan Gabenor Inggeris yang akan dilantik menjadi Gabenor *Malayan Union* itu.

Dalam pada itu, British telah berkeras juga hendak melangsungkan kemahumannya itu. Pada akhir bulan Mac tahun 1946, kerajaan British telah menamatkan Pertadbiran Tentera British di Malaya, dan pada 1 hari bulan April tahun 1946, kerajaan British telah menubuhkan pemerintahan *Malayan Union* yang mengandungi sembilan buah negeri-negeri Melayu (termasuk negeri Johor) serta Pulau Pinang dan Melaka. (Singapura ditetapkan tinggal sebagai Tanah Jajahan British). Pada hari itu juga Sir Edward Gent telah dilantik jadi Gabenor *Malayan Union* di Kuala Lumpur. Tetapi istiadat perlantikan itu telah tidak dihadiri oleh seorang pun raja-raja Melayu — mereka telah memulaukan istiadat perlantikan itu kerana membantah penubuhan *Malayan Union*.

Pada 11 dan 12 hari bulan Mei tahun 1946, satu kongres besar yang dihadiri oleh ramai wakil-wakil orang Melayu dari seluruh negeri-negeri Melayu, telah bersidang di Istana Besar, Johor Baharu. Pada hari itu juga mula ditubuhkan sebuah pertubuhan politik untuk orang-orang Melayu, dan pertubuhan itu dinamakan "Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu" atau dalam bahasa Inggerisnya disebut *United Malays National Organisation* (U.M.N.O.), dan Yang Dipertuanya ialah Dato' Onn bin Ja'afar, dan tujuar utama pertubuhannya ialah hendak meneruskan perjuangan orang-orang Melayu membantah penubuhan *Malayan Union*. Dari semenjak itu orang-orang Melayu di seluruh negeri-negeri Melayu di bawah pimpinan ketua-ketua mereka dalam U.M.N.O. di negeri masing-masing dan di bawah penganjur besar mereka Dato' Onn bin Ja'afar, tidak berhenti-henti mengadakan perhimpunan dan perarakan tunjuk perasaan membangkang penubuhan pemerintahan *Malayan Union* yang telah tertubuh itu.

Dalam tahun 1946 itu juga kerajaan British telah menghantar



Dato' Sir Onn bin Ja'afar

dua orang ahli Parlimen British datang ke negeri-negeri Melayu untuk berjumpa pemimpin-pemimpin Melayu dan meninjau bantahan orang-orang Melayu terhadap *Malayan Union* itu.

1947. Dalam bulan September tahun 1947, Sultan Ibrahim dan Sultanah Johor telah kembali semula ke negeri Johor (dari Eropah).

1948. Oleh sebab tersangat kuat bantangan orang-orang Melayu yang dipimpin oleh Dato' Onn membantah *Malayan Union* itu, akhirnya, pada 21 hari bulan Januari tahun 1948, raja-raja Melayu telah menandatangani suatu perjanjian baharu dengan kerajaan British yang dinamakan Perjanjian Persekutuan, iaitu perjanjian yang membatalkan *Malayan Union*, dan menggantikannya dengan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang ditubuhkan mulai dari-pada 1 hari bulan Februari tahun 1948.

Oleh sebab pada 21 hari bulan Januari tahun 1948 itu Sultan Ibrahim sedang uzur, tiadalah baginda dapat berangkat ke Kuala Lumpur menandatangani Perjanjian Persekutuan bersama-sama dengan raja-raja Melayu yang lainnya itu; melainkan pada hari itu juga surat-surat Perjanjian Negeri dan Perjanjian Persekutuan yang dikehendaki baginda menandatangani itu, telah dibawa-kan dari Kuala Lumpur ke Johor Baharu dengan kapal terbang oleh Dr. W. Linehan, Penasihat Perlembagaan, dan Dato' Onn bin Ja'afar, lalu surat-surat perjanjian itu ditandatangani baginda dalam suatu upacara yang diadakan di Johor Baharu.

1949-1958. Pada 25 hari bulan Mei tahun 1949, Sultan Ibrahim dan Sultanah Marcella telah berangkat lagi ke benua Eropah, kerana baginda hendak mengambil angin sihat di Switzerland. Dari sana baginda berangkat ke England dan bersemayam di London. Pada 18 haribulan September tahun 1950, semasa di London, Sultanah Marcella telah melahirkan seorang puteri dan dinamakan Tengku Mariam. Setelah puteri baginda itu berusia kira-kira setahun, pada 11 hari bulan September tahun 1951 baginda suami isteri serta puteri baginda yang baharu itu pun selamat sampai balik ke negeri Johor.

Semenjak baginda dikurniakan puteri Tengku Mariam itu, selalulah sahaja baginda berulang-alik ke benua Eropah terutama kerana baginda hendak mengambil angin sihat, kerana pada masa

itu usia baginda telah lanjut dan selalu pula uzur. Sepeninggalan baginda keluar negeri itu, pemerintahan negeri Johor terserah kepada putera baginda Tengku Mahkota Ismail sebagai Pemangku Raja. Pada 27 hari bulan Mac tahun 1952, Sultan, Sultanah dan Tengku Mariam telah berangkat ke benua Eropah. Lebih kurang setahun di sana, pada 15 hari bulan September tahun 1953 baginda bertiga beranak telah balik semula ke negeri Johor. Dua hari selepas itu, pada 17 hari bulan September (1953), pada ulang tahun hari keputeraan baginda berusia 80 tahun, baginda bertiga beranak mula bersemayam di istana baharu baginda yang dinamakan Istana Bukit Serene.

Setelah kira-kira setahun pula baginda bersemayam di negeri Johor, pada 2 hari bulan September tahun 1954, baginda bertiga beranak berangkat lagi ke benua Eropah; dan setelah lebih kurang setahun di sana, dalam bulan Ogos tahun 1955 baginda bertiga beranak sampai balik ke negeri Johor.

Kira sebulan lepas itu, pada 17 hari bulan September tahun 1955, perayaan besar telah diadakan di Johor Baharu dan juga di seluruh negeri Johor bagi menyambut dan memperingati pemerintahan Sultan Ibrahim di negeri Johor telah berjalan selama 60 tahun. Perayaan itu disebut *Perayaan Jubilee Intan*; bersama-sama itu dirayakan juga ulangtahun memperingati hari keputeraan baginda yang telah berusia 82 tahun.

Pada masa *Perayaan Jubilee Intan* itu, dalam majlis istiadat yang telah diadakan di balairong Istana Besar Johor Baharu, dari atas singgahsana takhta kerajaannya, Sultan Ibrahim telah bertitah menyambut ucapan-ucapan selamat dan tanda taat setia daripada ketua-ketua kaum segala bangsa penduduk negeri Johor, dan juga ucapan-ucapan selamat daripada raja-raja Melayu, kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Majlis yang gilang-gemilang itu dihadiri oleh Raja-raja Melayu, Sultan Berunai, Tunku Abdul Rahman Putra, Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Pesuruhjaya Tinggi British di Persekutuan Tanah Melayu dan pegawai-pegawai tinggi kerajaan Persekutuan Tanah Melayu rakan-rakan seperjuangan Tunku Abdul Rahman Putra.

Selain daripada ucapan titah menerima ucap selamat dan pengakuan taat setia itu, Sultan Ibrahim telah mengeluarkan titah yang telah menggemparkan. Baginda telah bertitah dengan terus terang iaitu antara lain baginda menyatakan bahawa baginda risau

dan tidak suka melihatkan negeri Johor yang telah dibina baginda itu mengalami nasib yang tidak menguntungkan dalam percantumannya dengan Persekutuan Tanah Melayu; dan baginda tidak suka melihatkan, bukan sahaja kekayaan negeri Johor telah dicurahkan bukan pada tempatnya, bahkan pegawai-pegawai baginda yang cekap dalam urusan pertadbiran pun telah diambil beramai-ramai berkhidmat di luar Johor. Baginda telah menyatakan risau baginda melihatkan negeri Johor, bahkan seluruh Tanah Melayu, sedang dicengkam oleh bahaya Komunis; malangnya — titah baginda — rakyat tidak pula memberi kerjasama yang sepenuhnya bagi menghancurkan gerombolan Komunis itu; mengapa dibiarkan askar-askar orang putih mati bergelimpangan kerana mempertahankan negeri kita ini? Dan mengapa dalam saat yang demikian gentingnya setengah orang-orang kita terburu-buru hendak merdeka?

Sambil menggerak-gerakkan tangan baginda bertitah pula yang maksudnya: baginda berasa hairan mengapa British mahu juga menghantarkan askar-askarnya mati terbunuh di negeri ini; pada hal setengah-setengah orang mahukan mereka itu (British) keluar dari negeri kita ini. Baginda mengatakan juga: "Kalaulah beta orang British, hari ini beta keluar. Tetapi ingat; kalau hari ini British keluar, esok ada orang lain masuk ke negeri ini". Dan titah baginda juga: "Kalau Malaya diduduki oleh Komunis, 99 kali lebih buruk daripada pendudukan Jepun di negeri ini seperti yang baru lagi kita rasa".

Tatkala berucap dalam bahasa Inggeris pula, baginda telah bertitah kepada sekalian yang hadir dalam majlis itu, termasuk Tunku Abdul Rahman Putra, yang maksudnya: pada masa baginda di benua Eropah, baginda telah mengikuti segala jerit pekik yang gemuruh di negeri ini berkehendakkan kemerdekaan itu. "Memang bagus berteriak bergemuruh hendakkan kemerdekaan itu;" titah baginda, "tetapi mana kapal-kapal perang kamu? Mana kapal-kapal terbang kamu? Dan mana pasukan-pasukan tentera kamu bagi melawan dan menghalau serangan-serangan yang datang dari luar? Kalau hari ini British keluar, esok mereka (Komunis) akan masuk ke negeri ini." — demikianlah antara lain titah yang telah diucapkan oleh Sultan Ibrahim pada masa menyambut *Perayaan Jubilee Intan* pemerintahan baginda, di Johor Baharu.

Titah ucapan baginda itu, bukan sahaja telah menggepar-

kan, tetapi juga telah menimbulkan kemarahan ahli-ahli politik di Tanah Melayu yang sedang meluap-luap di jiwa mereka dengan semangat perjuangan hendak membebaskan tanah air sendiri daripada cengkaman British.

Ibu Pejabat U.M.N.O. (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu) telah mengeluarkan suatu kenyataan yang menyatakan bahawa Tunku Abdul Rahman Putra sebagai Yang Dipertua U.M.N.O. serta pegawai-pegawai tinggi *Perikatan* (U.M.N.O. dan parti-parti yang berikat dengannya) telah mengambil keputusan memulaukan *Perayaan Jubilee Intan* itu yang akan diadakan selepas daripada mendengar ucapan titah Sultan Ibrahim yang tiada menyenangkan pihak U.M.N.O. itu. Tindakan yang telah diambil oleh pihak ibu pejabat U.M.N.O. ialah sebagai memban-tah pandangan yang telah diucapkan oleh baginda itu. Dalam pada itu, Tunku Abdul Rahman bagi pihak diri beliau sendiri dan bagi pihak *Perikatan*, telah menulis surat kepada Menteri Besar Johor supaya membenarkan mereka tidak akan menghadiri jamuan kerajaan dan lain-lain keramaian yang akan diadakan berhubung dengan *Perayaan Jubilee Intan* itu. Sambil itu Tunku Abdul Rahman telah mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai kerajaan Johor yang telah bersusah payah memberi layanan dan kemudahan kepada beliau dan rakan-rakan beliau selama mereka berada di negeri Johor sebagai tetamu kerajaan Johor.

Dalam tahun 1956 Sultan Ibrahim telah berangkat lagi ke negeri Inggeris. Walau bagaimanapun, perjuangan ahli-ahli politik dan orang-orang yang bersemangat kebangsaan di Persekutuan Tanah Melayu (termasuk negeri Johor) yang dipimpin oleh Tunku Abdul Rahman, telah berjaya. Pada 31 haribulan Ogos tahun 1957 Persekutuan Tanah Melayu telah merdeka daripada perintah British. Sultan Ibrahim yang pada masa itu ada di negeri Johor adalah dalam keadaan yang agak uzur.

Dalam bulan Jun tahun 1958, Sultan Ibrahim dalam keadaan yang agak uzur, bersama-sama dengan Sultanah Marcella dan Tengku Mariam telah berangkat lagi ke London dan bersemayam di tempat bersemayam baginda yang biasa — di Grosvenor Hotel, London.

1959. Pada masa Sultan Ibrahim bersemayam di London itu, keuzuran baginda telah bertambah berat. Akhirnya, pada pukul

-8.05 minit pagi waktu Tanah Melayu, hari Jumaat, 8 hari bulan Mei tahun 1959, iaitu selepas tengah malam, malam Jumaat, di London, Sultan Ibrahim pun mangkat, dihadapi oleh isteri baginda Sultanah Marcella, puteri baginda Tengku Mariam dan Tengku Yaakub Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu di London. Ketika itu usia baginda 86 tahun dan telah memerintah Johor selama 63 tahun.

Setelah kemangkatan baginda itu diberitahu ke Johor Baharu dan ke Kuala Lumpur, seluruh Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura, terutama negeri Johor, telah berkabung sebagai menandakan dukacita akan mangkatnya seorang daripada Raja-raja Melayu yang sangat terkenal itu. Malam itu juga (8 hari bulan Mei tahun 1959), orang-orang besar kerajaan Johor telah melantik putera almarhum, Tengku Mahkota Ismail, menjadi Sultan Johor menggantikan almarhum ayahanda baginda; tatkala itu baginda telah berusia kira-kira 64 tahun.

Pada 4 hari bulan Jun tahun 1959, jenazah almarhum Sultan Ibrahim yang dibawa dengan kapal Belanda bernama *Willem Ruys* telah selamat sampai balik ke negeri Johor, lalu disemayamkan di Istana Besar, Johor Baharu. Dua hari lepas itu, pada 6 hari bulan Jun (1959), jenazah almarhum itu pun dimakamkan di sisi makam almarhum ayahandanya Sultan Abu Bakar di Makam Diraja Mahmudiah, Johor Baharu, dengan selamatnya.

Sultan Ismail (1959 — sedang berkerajaan):

1959. Baginda telah dilantik menjadi Sultan Johor menggantikan almarhum ayahanda baginda, pada hari Jumaat (malam), di Istana Besar, Johor Baharu, pada 8 hari bulan Mei tahun 1959. Pada 6 hari bulan Jun (1959), tatkala hendak memakamkan jenazah ayahanda baginda Sultan Ibrahim, baharulah Sultan Ismail putera almarhum itu, diisytiharkan sebagai Sultan Yang di-Pertuan negeri Johor.

1960. Pada 10 hari bulan Februari tahun 1960, Sultan Ismail telah ditabal dan dimahkotakan sebagai Sultan Johor, dan isteri baginda Ungku Tun Aminah sebagai Sultanah Johor. Istiadat bersiram tabal baginda itu telah dilangsungkan di Istana Bukit Serene (Johor Baharu) sehari lebih dahulu, dan istiadat pertabalan dan kemahkotaan baginda yang cemerlang itu telah diadakan di Istana Besar, Johor Baharu, pada tarikh yang disebutkan itu. Yang di-Pertuan Agong yang pertama Persekutuan Tanah Melayu (Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Muhammad) telah berangkat menyaksikan istiadat pertabalan dan kemahkotaan Sultan Ismail di Johor Baharu itu. Sultan dan Sultanah Johor itu telah mempunyai dua orang putera dan seorang puteri, iaitu Tengku Mahmud Iskandar (Tengku Mahkota), Tengku Abdul Rahman (Tengku Bendahara) dan Tengku Maimunah.

1961. Dalam bulan Januari tahun 1961, seluruh Persekutuan Tanah Melayu amnya, dan Johor khususnya, telah ditimpa dukacita, kerana pada hari Jumaat, 19 hari bulan Januari tahun 1961, pukul 7.34 malam, Dato' Onn bin Ja'afar, bekas Yang Dipertua yang pertama Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (atau lebih

Text block above the image, likely a title or introductory paragraph.



Sultan Ismail

terkenal U.M.N.O.) telah kembali kerahmatullah di rumahnya di Johor Baharu. Untuk mengenangkan jasa Dato' Onn bin Ja'afar kepada Negara dan bangsa Melayu, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman Putra, telah memerintahkan supaya istiadat mengkebumikan jenazah Allahyarham Dato' Onn itu dijalankan dengan segala adat istiadat kebesaran Negara. Dengan meninggalnya Dato' Onn bin Ja'afar (bekas Menteri Besar Johor juga), Johor telah kehilangan seorang puteranya yang sangat berjasa memimpin seluruh umat Melayu di Semenanjung Tanah Melayu menghapuskan *Malayan Union* dan mengembalikan semula kuasa Raja-raja Melayu yang telah dirampas oleh kerajaan British dalam tahun 1946 dahulu, sehingga, dengan pimpinan Tunku Abdul Rahman Putra pula kemudiannya, Persekutuan Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaannya dalam tahun 1957.

Sultan Ismail, Sultan Johor itu ialah juga seorang Raja Melayu yang berani dan tegas menjalankan sesuatu ketetapan jika didapati baginda ada sesuatu perkara yang akan mencederakan nama kerajaan baginda walaupun perbuatan baginda itu barangkali tidak menyenangkan hati keluarga diraja Johor. Dalam bulan Ogos tahun 1961 itu juga, kerana hendak menjaga ketinggian dan kemegahan nama kerajaan Johor, baginda telah memecat putera baginda Tengku Mahmud Iskandar daripada pangkat jawatannya sebagai Tengku Mahkota Johor, dan melantik putera baginda Tengku Abdul Rahman menjadi Tengku Mahkota Johor.

Sejak Sultan Ismail berkerajaan di negeri Johor, baginda telah menurut jejak langkah almarhum ayahanda baginda hendak memajukan negeri dan rakyat Johor. Dasar yang terutama dipegangi baginda ialah menjalankan pemerintahan yang adil dan hendak memajukan rakyat di luar bandar dan di kampung-kampung. Sejak baginda memerintah, dengan bantuan kerajaan pusat Persekutuan Tanah Melayu, kerajaan Johor telah membuka berpuluh-puluh ribu ekar tanah untuk diusahakan oleh rakyat Johor; kerajaan juga telah mendirikan beberapa banyak rumah-rumah murah yang boleh dibeli oleh penduduk negeri Johor; dan kerajaan telah membangunkan pula beberapa buah rumah yang boleh dibeli oleh kakitangan kerajaan yang sedang bekerja dan yang telah bersara daripada jawatan kerajaan; dan kerajaan Johor juga telah mendirikan rumah-rumah pangsa bagi penduduk di bandar-bandar. Rumah yang telah didirikan oleh kerajaan itu terutama di bandar



Sultanah Tun Aminah

Johor Baharu, Muar, Batu Pahat, Keluang dan Mersing. Demikian juga beberapa banyak tempat telah diadakan bekalan air; beberapa buah jambatan di jalan-jalan raya menyeberangi sungai-sungai telah didirikan juga di beberapa buah tempat di seluruh negeri Johor bagi kemudahan rakyat; di antara jambatan yang telah didirikan itu ialah jambatan besar dan panjang yang telah dibina menyeberangi Sungai Muar dan Sungai Batu Pahat bagi menggantikan motobot dan feri untuk menyeberangi sungai-sungai itu; baginda sendiri telah berangkat menjalankan istiadat pembukaan rasmi jambatan di Sungai Muar yang panjang dan indah itu.

1963. Dalam bulan September tahun 1963, di seluruh negeri Johor telah mengadakan keramaian kerana menyambut tertubuhnya Negara Malaysia, kerana negeri Johor juga ialah sebuah daripada negeri-negeri dalam Malaysia.

Table 1
Table 1

1. Sultan Mahmud Shah I	1811-1528
2. Sultan Alauddin (Muzafar) Shah II	1721-1948
3. Sultan Mahmud Shah	1509-1528
4. Sultan Iskandar Shah I	1578-79
5. Sultan Alauddin Ahmad Shah II	1530-1549
6. Sultan Alauddin Ahmad Shah III	1579-1615
7. Sultan Alauddin Ahmad Shah	1617-17-1623
8. Sultan Iskandar Shah II	1623
9. Sultan Iskandar Shah	1672-1678
10. Sultan Iskandar Shah II	1687-1694
11. Sultan Iskandar Shah III	1697-1734
12. Sultan Iskandar Shah	1735-1752
13. Sultan Iskandar Shah	1753-1763
14. Sultan Iskandar Shah	1763-1784
15. Sultan Iskandar Shah	1784
16. Sultan Iskandar Shah	1784-1812
17. Sultan Iskandar Shah	1812-1819

(SILSILAH)

Sultan dan Raja-raja Pemerintah Johor

Tarikh Memerintah
(Tahun Masihi)


1. Sultan Mahmud Shah I	1511-1528
2. Sultan Alauddin Riayat Shah II		1528-1564
3. Sultan Muzaffar Shah	1564-1570
4. Sultan Abdul Jalil Shah I	1570/71
5. Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Shah II			..	1570/71-1597
6. Sultan Alauddin Riayat Shah III	1597-1615
7. Sultan Abdullah Ma'ayat Shah	1615/16-1623
8. Sultan Abdul Jalil Shah III	1623-1677
9. Sultan Ibrahim Shah	1677-1685
10. Sultan Mahmud Shah II	1685-1699
11. Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV			..	1699-1718
12. Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah	1718-1722
13. Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah			..	1722-1760
14. Sultan Abdul Jalil Muazzam Shah	1760-1761
15. Sultan Ahmad Riayat Shah	1761
16. Sultan Mahmud Shah III	1761-1812
17. Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah			..	1812-1819

SEJARAH JOHOR

- | | | |
|---|---------|-----------------------------|
| 18. Sultan Husain Shah | | 1819-1835 |
| 19. Temenggong Tun Ibrahim dan Sultan Ali | | 1835-1862 |
| 20. Temenggong Abu Bakar Seri Maharaja
(1862-1868); Maharaja Abu Bakar (1868-
1885); Sultan Abu Bakar (1885-1895) | | 1862-1895 |
| 21. Sultan Ibrahim | | 1895-1959 |
| 22. Sultan Ismail | | 1959-sedang
berkerajaan. |

SILSILAH SULTAN JOHOR DARI SULTAN ABDUL JALIL IV.

(Dari Tahun Masjidi 1699 hingga sekarang)



X = berkahwin.

PEMBACAAN

- Sejarah Melayu* oleh Tun Seri Lanang (Suntingan W.G. Shellabear).
A Portuguese Account of Johor, translated by T.D. Hughes: *JMBRAS* Vol. XIII Part II, Oktober, 1935, m.s. 11-156.
- Sejarah Melayu* (Dari naskhah simpanan Raffles No. 18: *JMBRAS*, Vol. XVI, Part 3, Disember, 1938).
- Hikayat Negeri Johor: *JMBRAS*, Vol. X Part 1, Januari, 1932.
- Tuhfatu'n-Nafis* oleh Raja Ali Haji bin Raja Ahmad, Riau.
- Silsilah Melayu dan Bugis* oleh Raja Ali Haji bin Raja Ahmad, Riau.
- Hikayat Raja-raja Pasai*.
- Sejarah Alam Melayu*, Penggal IV oleh Buyong bin Adil.
- Hikayat Abdullah bin Abdul Kadir Munshi*.
- Hikayat Johor* (I dan II) oleh Dato' Haji Muhammad Sa'id bin Haji Sulaiman.
- Tawarikh Johor* oleh Shahrom bin Husain.
- Tata Negara Majapahit* oleh Prof. Muhammad Yamin.
- Tarikh Aceh dan Nusantara* oleh H.M. Zainuddin.
- Singa Aceh* oleh H.M. Zainuddin.
- Raja Haji* oleh W.E. Maxwell.
- The Golden Chersonese* oleh Paul Wheatley.
- A History of Malaya oleh R.O. Winstedt: *JMBRAS*, Vol. XIII, Part 1, Mac 1935.
- A History of Johore (1365-1895) oleh R.O. WINSTEDT: *JMBRAS*, Vol. X, Part 3, Disember, 1932.
- A History of Pahang oleh W. Linehan: *JMBRAS*, Vol. XIV Part 2, Mei, 1936.
- A History of Selangor oleh R.O. Winstedt: *JMBRAS*, Vol. XII Part 3, Oktober, 1934.
- The Kings of 14th Century Singapore oleh W. Linehan: *JMBRAS*, Vol. XX Part 2, Disember, 1947.
- 1613 Description of Malacca oleh Godinho de Eredia and Notes oleh J.V. Mills: *JMBRAS*, Vol. VIII Part 1, September, 1930.
- British Malaya oleh L.A. Mills: *JMBRAS* Vol. XXXIII Part 3, 1960.
- Three 17th. Century Visitors to the Malay Peninsula oleh J.J. Sheehan: *JMBRAS* Vol. XII Part 2, Ogos, 1934.
- On the Alleged Death of Sultan Alauddin of Johore at Aceh, in 1613 oleh C.A. Gibson Hill: *JMBRAS* Vol. XIX Part 1, Mei, 1956.
- The Temenggongs of Muar oleh R.O. Winstedt: *JMBRAS* Vol. X Part 1, Januari, 1932.
- The Bendaharas and Temenggongs oleh R.O. Winstedt: *JMBRAS* Vol. X Part 1, Januari, 1932.
- Mahmud II and Abdul Jalil III oleh R.J. Wilkinson: *JMBRAS* Vol. IX Part 1, Mei, 1931.

SEJARAH JOHOR

- The Siege and Capture of Malacca from the Portuguese in 1640-1641 oleh P.A. Leupe: *JMBRAS* Vol. XV Part 1, Januari, 1936.
- Fortification of Bukit China, Malacca oleh C.A. Gibson Hill: *JMBRAS* Vol. XXIX Part 3, Ogos, 1956.
- Two Dutch-Portuguese Sea-fights oleh J.V. Mills: *JMBRAS* Vol. XVI Part 1, Julai, 1938.
- British Policy Towards Johore: From Advice to Control oleh Eunice Thio: *JMBRAS* Vol. XL Part 1, Julai, 1967.
- The British Advance in Johor, 1885-1914 oleh Keith Sinclair: *JMBRAS* Vol. XL Part 1, Julai, 1967.
- British Policy in the Malay Peninsula and Archipelago, 1824-1871 oleh Nicholas Tarling: *JMBRAS* Vol. XXX Part 3, Oktober, 1957.
- Johor Lama in the 16th. Century, and the Portuguese in Malaya 1511-1641 oleh Ian A. Macgregor: *JMBRAS* XXVIII Part 2, Mei, 1955.
- Johore Lama and other ancient sites oleh C.A. Gibson Hill: *JMBRAS* Vol. XXVIII Part 2, Mei, 1955.
- Raffles of the Eastern Isles* oleh C.E. Wurtzburg.
- Malaysia* oleh Rupert Emerson.
- An Anecdotal History of Old Times in Singapura 1819-1867* oleh C.B. Buckley.
- The Johore Succession Controversy 1858-1878* (Thesis) oleh Abdullah bin Ayub.
- History of Malaya (1400-1959)* oleh Joginder Singh Jessy.
- The Making of Modern Malaya* oleh N.J. Ryan.
- Malaya Upside Down* oleh Chin Kee Onn.
- Menace in Malaya* oleh Harry Miller.
- Malaya* oleh J.M. Gullick.
- Report on A Mission to Malaya* oleh Sir Harold MacMichael Oktober 1945—
Januari 1946.
- Noone of the Ulu* oleh Dennis Holman.
- The Origins of Malay Nationalism* oleh William R. Roff.
- The Chinese in Southeast Asia* oleh Victor Purcell.
- Malaysia Selected Historical Readings* oleh John Bastin and R.W. Winks.
- The Knights of Bushido* oleh Lord Russell of Liverpool.
- Peristiwa-peristiwa Siasah di Tanah Air* oleh A.H. Edrus.
- Putera Diraja dan Perdana Menteri* oleh Harry Miller (Dimelayukan oleh Mustaffa Suhaimi).
- A Souvenir Commemorating the Diamond Jubilee of H.H. the Sultan of Johore*
(Major-General H.H. Sir Ibrahim).
- Buku: *U.M.N.O. 20 Tahun*.
- Risalat Rasmi Kemahkotaan Sultan Ismail, Johor*.
- JMBRAS* = Journal of the Malayan (Malaysian) Branch Royal Asiatic Society (Singapore).

Indeks

A

- Abang Johor: 192, 193.
- Abdul Ghafur, Sultan (Pahang): 66, 70, 72.
- Abdul Hamid, Captain: 338.
- Abdul Jalil Shah I, Sultan (Johor): 32, 53, 53.
- Abdul Jalil Shah III (Raja Bujang), Sultan (Johor): 75-76.
- Abdul Jalil, Sultan (Inderagiri): 10, 12.
- Abdul Jalil Rahmat Shah (Raja Kecil), Sultan (Johor): 107-113.
- Abdul Jalil Riayat Shah IV (Tun Abdul Jalil), Sultan (Johor): 98-110.
- Abdul Jamil, Sultan (Pahang): 7.
- Abdul Kadir bin Ahmad Shahib: 209-210.
- Abdul Kadir bin Haji Muhammad Sa'id, Captain: 357.
- Abdullah bin Tahir (Dato' Seri Setia Raja): 276.
- Abdullah Munshi: 201.
- Abdul Majid, Tun (Bendahara Pahang, anak Bendahara Tun Abbas): 119, 122, 126, 134, 149, 158, 159, 165, 166, 172, 175, 179.
- Abdul Rahman bin Andak (Dato' Seri Amar Diraja): 276-277, 280, 296-298, 306, 308-310, 313, 314-318, 335, 343, 344.
- Abdul Rahman Putera, Tunku: 361, 363, 367.
- Abdul Rahman, Raja (Yamtuan Muda Riau VII: putera Yamtuan Muda Raja Ja'afar): 206, 207, 208, 215.
- Abdul Rahman, Tengku (Raja Juma'at, "Si-Komeng", Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah, Sultan Riau-Lingga I): 172, 174, 175, 176-204, 196, 198, 199, 203-204, 208, 226, 234.
- Abraham Couperus: 162, 167, 169.
- Abraham van den Broek: 64.
- Abu Bakar bin Yahya: 304, 317.
- Abu Bakar, Wan (Tun) (Temenggong; Maharaja; Sultan (Johor): 213, 224, 243, 246-291.
- Acheh: 22-26, 28-30, 34-36, 46, 47, 53, 66-78.
- Adams, T.S.: 346.
- Adriaen Koek: 185, 194, 196.
- Adriaen Weyland: 85.
- Ahmad Shah, Sultan (Melaka): 5, 6, 8.
- Ahmad Shah, Sultan (Pahang): 7, 17.
- Alauddin Mansur Shah, Sultan (Acheh): 36, 53.
- Alauddin Mughayat Shah, Sultan (Perak): 118.
- Alauddin Riayat Shah I, Sultan (Melaka): 5.
- Alauddin Riayat Shah II, Sultan (Johor): 8, 16-26, 28, 34.
- Alauddin Riayat Shah III, Sultan (Johor): 54-70, 75.
- Alauddin Riayat Shah Al-Qahhar, Sultan (Acheh): 23, 26.
- Alexander (Resident Melaka): 236.
- Alexander Hamilton: 94, 101.
- Alfonso d' Albuquerque: 5, 7, 9.
- Alfred Lyttleton: 305, 309.
- Ali Jalla Abdul Jalil Shah II (Raja Umar), Sultan (Johor): 33-53.
- Andre Furtado de Mendoca: 57.

INDEKS

- Andrew Clarke, Sir: 255-256, 274.
 AngeBeek, van: 203.
 Anson, Colonel A.E.H. (General Sir Archibald Anson): 259-265, 267-268.
 Antonio Correa: 11.
 Antonio de Albuquerque Coelho: 104.
 Antonio de Andrea: 52.
 Antonio de Noronha: 43, 44, 46-51.
 Antonio van Dieman: 77.
 Arnoldus Lemker: 152-153.
 Arong Lenga: 156.
 Arong Pala: 122.
 Arong Pasarai: 115.
 Aru: 23-24, 26, 53, 66.
 Ary Verbrugge: 131.
 Asahan: 134.
 Askar "Bintang Tiga": 354, 356.
 Ayer Leleh: 3.
 Azevedo, Jerenimo de: 43, 44, 46.
- ### B
- Baboo Ramasamy: 253.
 Badang: 2.
 Balthasar Bort: 85.
 Bandar Hassan: 175.
 Bandar Hilir (di Melaka): 155, 156.
 Bandar Maharani (Muar): 274, 285, 322.
 Bandar Penggaram (Batu Pahat): 322.
 Bangka, Pulau: 101, 160, 167.
 Bangkahulu (Bengkulin): 182, 186, 189, 196, 200.
 Bannerman, Colonel: 194, 195.
 Batangan (di Riau): 137.
 Batang Tiga (di Melaka): 153, 155, 157.
 Batu Bara (Batu Bahara): 66, 102, 103, 121, 127-129, 136, 137.
 Batu Belah: 21.
 Batu Hampar: 5.
 Batu Pahat: 3, 213, 252, 322, 350, 351, 355, 369.
 Batu Sawar: 52-57, 61-62, 76, 78, 80, 84-86, 294.
 Begbie, P.J.: 209, 213.
 Beiley's Hotel, London: 290.
 Bendahara Lubok Batu: 7.
 Bendahara Paduka Tuan: 6.
 Bendahara Pekok (Bendahara Tua, Tun Abdul Jamal, Pahang): 112.
 Bendahara Tambak (Tun Khoja Ahmad): 16.
 Bendahara Tepok: 6, 8.
 Bendahara Tun Mutahir, Pahang (Lihat: Tun Mutahir).
 Bengkalis: 13, 78, 80, 85, 93, 102, 254.
 Bentan: 7-15, 23, 52, 79.
 Bentayan: 5, 6, 7.
 Benut: 213.
 Bernado de Menezes: 51.
 Bernam: 118.
 Bertam: 5.
 Beruas: 9, 12.
 Berunai: 66.
 Betawi: 73, 77, 81, 84, 85, 90, 125, 133, 151, 156, 157, 162, 168, 170, 203, 221.
 "Betsy" (kapal): 150.
 Biawak Busuk: 3.
 Birch, J.W.W.: 256, 261.
 Blundell, E.A.: 221-225, 234, 236-237, 240, 242, 244.
 Boekholtz: 182.
 "Bombay" (kapal): 291.
 Bonham, Samuel George: 214-215.
 Brown, A: 168.
 Buckley C.B.: 296, 304, 317, 320.
 Bukit Batu: 150, 167.
 Bukit China (di Melaka): 46, 133, 155, 156.
 Bukit Larangan (Fort Canning, di Singapura): 217.
 Bukit Piatu: 98.
 Bukit Seluyut: 28.
 Bukit Senjuang (di Melaka): 155.
 Bukit Sungai Tukul: 98.
 Bukit Supai (di Kuala Linggi): 133.
 Bukit Timbalan (di Johor Baharu): 338, 348, 349.
 Bulang: 13, 81, 117, 119, 120, 141, 165, 172, 173-174, 179, 181, 201.
 "Bulang Linggi" (kapal): 134, 136.
 Bunga Raya (di Melaka): 155.
 Bunga Tanjung (di Muar): 171.
 Buru, Pulau: 129, 147, 200, 201.
 Bustanu's-Salatin: 26, 28.
 Butterworth, W.J.: 215-219, 225, 226, 230, 236.

C

- Campbell, Douglas, G.: 312, 319-340.
 Castanheda: 8.
 Cavenagh, William Orfeur: 244, 247-248, 250-252, 274.
 Cecil Clementi Smith, Sir: 275-276, 284-285, 288, 298, 300.
 Che' Engku Besar (anak Temenggong Daing Ibrahim): 241.
 Che' Engku Chik (anak Bendahara Tun Mutahir, Pahang): 243.
 Che' Gandariah (isteri Raja Haji; ibu Raja Ja'afar): 148.
 Che' Khatijah (Sultanah Johor): 288.
 Che' Makoh (bonda Sultan Husain, Singapura): 175.
 Che' Mariam: 175.
 Che' Nusamah: 98.
 Che' Pong: 103-104.
 Che' Puan Bulang: 173.
 Che' Puan Esah (anak Bendahara Muda Tun Koris): 174, 175.
 Chiang Kai Shek: 356.
 Church, Thomas (Residen Singapura): 214, 218, 219, 222, 228, 229.
 Cornelis Matelief, Admiral: 58-63.
 Cox: 204.
 Crawford, John (Residen Singapura): 198-204.

D

- Daik (Lihat: Lingga).
 Daing Abdullah (anak Temenggong Abdul Rahman, Singapura): 203.
 Daing Chelak (Daing Pali Yamtuan Muda Riau II): 101, 103, 111, 112, 115, 118-124, 127, 141, 147.
 Daing Kechil (Temenggong Abdul Hamid): 119, 143, 171, 173.
 Daing Kemasi: 101, 111, 112, 115.
 Daing Kemboja: 101, 118, 120, 124-149.
 Daing Ma'asik: 122.
 Daing Masuru: 111.
 Daing Matekko (Daing Matkah): 118, 120, 121.
 Daing Maturang (Enche' Ja'afar): 175.
 Daing Menambun: 101, 111, 112, 115, 118.

- Daing Menampok (Raja Tua): 111, 114, 116, 117, 119.
 Daing Mengetok: 111, 115.
 Daing Mengika: 89-90.
 Daing Menipi (Suliwatang di Singapura): 175.
 Daing Merewah (Kelana Jaya Putera, Yamtuan Muda Riau I): 101, 111-118.
 Daing Perani: 101, 103, 109, 111, 112, 115, 116.
 Daing Ronggek (Lihat: Temenggong Daing Ibrahim).
 Daing Selikang: 156.
 Dato' Lubok Batu: 6.
 Dato' Nisan Besar: 21.
 David Ruhde: 162.
 Deli: 66, 102, 121, 125.
 "Dempo" (kapal): 346.
 "de Voiltour" (kapal): 89.
 Dinding: 1.
 Diogo de Azambuja: 45.
 Diogo de Couto: 37-39.
 "Dolphijn" (kapal): 157.
 Don Sancho Enriquez: 13.
 Douglas MacArthur, General: 354.
 Duarte de Mello: 11.
 Duarte de Menezes: 40.
 Durand, Colonel A.G.: 312.
 Duyong: 155.

E

- Elcum, J.B.: 331.
 Elout, C.P.J.: 204-207.
 Enche' Abdul Manan: 179.
 Enche' Andak (Raja Tua): 159.
 Enche' Burok atau Ahok (Temenggong Muar): 171.
 Enche' Ibrahim (Muar): 171.
 Enche' Kalok: 180.
 Enche' Kamar: 55.
 Enche' Konik (Temenggong Muar): 171, 208.
 Enche' Long: 340.
 Enche' Saban: 193.
 Enche' Sa'id (Temenggong Muar): 208.
 Endau: 99, 172, 247, 251, 350.
 Engku Muda Muhammad (Bulang): 119, 143, 170, 172-173.

INDEKS

Engku Sulaiman (Muar): 274.
Esteveo da Gama: 20-22.

F

Farquhar, Andrew: 197.
Farquhar, William: 182-192, 194-196,
197-198.
Fernaõ Peres de Andrade: 7.
Fortaleza de Muar: 56.
Fort Filipina (Kota Belanda di Kuala
Linggi): 133, 135.
Francisco de Souza Pereira: 52.
Frederick A. Stanley: 277-280.
Frederick Rudolph Carel: 156.

G

Gajah Mada, Patch Aria: 2.
Gangga Nagara: 1.
Garcia de Sa: 11, 19.
Genggayu: 1.
Gent, Sir Edward: 358.
Geronggong (di Perak): 118.
Gerrid Pangal: 151.
Goa: 7, 36, 40, 42, 43, 46, 50, 52, 60,
66.
Godinho de Eredia: 56.
Goncalo Pereira: 10.
Gonggong (di Johor): 34.
Gordon Bennett, General: 349, 352.
Guillemard, Sir Laurence Nunns: 341,
342, 345.
Guthrie and Company: 313.
Grosvenor Hotel, London: 343, 348,
363.

H

Haji Kasim bin Taha: 290.
Hamzah Fansuri: 67.
Hang Nadim, Laksamana: 7, 8, 10, 12,
14.
Hang Tuah: 8.
Harry Ord, Sir: 252-255, 273, 274.
Haru: 12, 16.
Hāsan, Tun (Bendahara, anak Ben-
dahara Tun Abbas): 119, 122, 126,
129, 134, 143, 148.
Hayam Wuruk: 2.
Henry Newcome, Captain: 168-169.

Hikayat Abdullah: 182, 188, 192, 197,
209-210.

Hiroshima: 353.

Hitler, Adolph: 347, 353.

"Hoogly" (kapal): 244.

Hujung Medini: 2, 3.

Hujung Tanah: 3, 18, 23.

Hulu Muar: 5, 250.

I

Ibrahim Shah, Sultan (Johor 1677-
1685): 88-90, 97.
Ibrahim, Sultan (Johor 1895-1959):
292-353.
Inderagiri: 9, 10, 23, 49, 84, 102, 144,
147.
Indian 5th Light Infantry Regiment:
336-339.
Iskandar Muda Mahkota Alam, Sultan
(Acheh): 66, 68, 72-76.
Ismail bin Muhammadun: 304, 317.
Istana Besar (di Johor Baharu): 291,
292, 341, 343, 344, 358, 364.
Istana Bukit Serene (di Johor Baharu):
361, 365.
Istana Pasir Pelangi (di Johor Baharu):
342, 356.
Istana Tyersall (di Tanglin, Singapura):
287, 295.
Istana Windsor (di England): 286.
Istana Zahrah (di Johor Baharu): 287.
Itagaki: 356.

J

Ja'afar bin Haji Muhammad: 252, 291,
295, 320.
Jacob Buijsen: 56.
Jacob Pietersz Enkhuijen: 56.
Jacob Pieter van Braam: 158, 159.
Jacob van Heemskerck: 55.
Jemaah Penasihat Johor: 280, 284,
294, 298-300, 307-315.
Jambi: 73, 76, 80, 82-90, 102, 144,
147.
Jan Meine: 79.
Japara: 24.
Jemidar Alladad: 338.
George Botelho: 9.
George d'Albuquerque: 10, 13.

Jerenimo Rebello: 46.
 Jervois, Sir William: 256, 265, 274.
 Joao da Gama: 36.
 Joao da Silva: 40-46.
 Joao Lopez d' Amorcirra: 65.
 Joao Pereira: 37-38, 50.
 Joao Rebello: 37-39.
 Johan van Twist: 80.
 Johor Baharu: 251, 253, 262, 263, 272, 281, 285, 286, 288, 291, 292, 294, 295, 297, 301, 313, 328, 329, 331, 337, 338, 340-343, 348-351, 357-358, 361-364, 365.
 Johor Lama: 15, 27, 28, 34-37, 39, 48-52, 57, 64, 85, 90-91, 94, 98, 102, 105, 209, 213.
 John Anderson, Sir: 304, 305, 310, 311, 312, 314, 315, 316, 319, 320, 324.
 Joseph Chamberlain: 299.

K

Kampar (di Sumatera): 6, 9, 10, 15, 16, 19, 23, 49, 78, 80, 117.
 Kampong Bulang: 141.
 Kampong China (di Pahang): 65.
 Kampong Gelam (di Singapura): 197, 209, 214, 231, 234, 248, 258, 272, 273, 286.
 Kampong Johor Lama: 34, 51.
 Kampong Marhum: 111.
 Kampong Pulai (di Johor): 213.
 Kangka Lubok Pekan: 18.
 Kavena Chana Shellapah Chitty: 243, 248, 270, 273.
 Keasberry: 235.
 Kedah: 90, 99, 115-116, 148.
 Kelana Che' Unok (anak Daing Merawah): 118, 120.
 Kelana Jaya Putera (Lihat: Daing Merawah).
 Kelana Pengeran Suta Wijaya (Lihat: Raja Haji).
 Kelang: 2, 81, 84, 92, 130, 173.
 Kelantan: 53.
 Kelebang (di Melaka): 133.
 Kemaman: 172.
 Kepala Chedun: 119.
 Kepulauan Anambas (Siantan dan Jemaja): 280.

Kepulauan Natuna (Bunguran): 280.
 Keppel Harbour (Pelabuhan Keppel di Singapura): 43, 236.
 Kerumutan: 9.
 Kesang: 231, 262, 265, 266, 267, 274.
 Kesu'ma Dewi, Puteri: 18.
 King Chulalongkorn: 294, 320.
 King Edward VII: 252, 300, 306, 323.
 King Edward VIII: 346.
 King George V: 323, 346.
 King George VI: 347.
 King Prajadhipok: 342.
 King Rama: 342.
 Kitul: 8.
 Klang-kio: 1.

L

Lake, H.: 288.
 Laksamana Nakhoda Sekam: 110.
 Langkat: 66.
 Lela Wangsa (Acheh): 67, 68.
 Lela Wangsa (Johor): 81.
 Lingga, Pulau (Daik): 9, 63, 72-75, 82, 111, 148, 166-185, 191-204, 207-208, 215, 221, 226, 238, 239, 251, 272-273, 324.
 Linggi: 112, 128-134, 142.
 Locq: 86.
 Long Pandak (Kelantan): 122.
 Lord Carnavon: 263-264, 268.
 Lord Elgin: 312-314.
 Lord Louis Mountbatten: 354, 356.
 Lord Minto: 174.
 Lubok Batu (di Segamat): 6.
 Lucas, C.P.: 295.

M

Ma'aruf Abdul Rahman: 344.
 MacMichael, Sir Harold: 357.
 Maharaja Lela (Perak): 261.
 Mahmud Shah I, Sultan: 3-17.
 Mahmud Shah II., Sultan (Johor): 92-98, 104, 109, 125.
 Mahmud Shah III, Sultan (Johor) 143-176.
 Mahmud, Sultan (Pahang): 7, 18.
 Mahmud, Sultan (Raja Mahmud atau Raja Buang, Siak): 117, 120-121, 125, 128-129, 135, 137.

INDEKS

- Mahmud Shah, Sultan (Perak): 147.
 Mahmud Shah, Raja (Sultan Mahmud Shah III): 127, 137, 141.
 Mahmud Muzaffar Shah, Sultan (Sultan Riau-Lingga III): 215-217, 221, 226, 238-239, 247-248, 251, 273.
 Maimunah binti Abdul Majid, Ungku (Sultanah Johor): 287.
 Majapahit: 3.
 Major Daud: 338.
 Makam Mahmudiah (di Johor Baharu): 291, 305, 340, 342, 348, 364.
 Makam Tauhid: 79, 80, 93, 102, 294.
 "Malakka's Welvaren" (kapal): 152.
 Malayan Communist Party (Parti Komunis Malaya): 354-356.
 Malaysia: 369.
 Manuel de Almada: 41, 42, 51.
 Mansur Shah I, Sultan (Pahang): 9, 17, 18.
 Mansur Shah II, Sultan (Pahang): 25.
 Mansur Shah, Sultan (Trengganu) (Lihat: Tun Dalam).
 Marhum Batangan: 137, 139, 140.
 Marhum Bongsu (Sultan Ibrahim Shah, Johor): 91.
 Marhum Bukit Batu: 8.
 Marhum Bukit Cengkeh (Sultan Abdul Rahman, Riau-Lingga): 208, 215.
 Marhum Johor Lama: 27.
 Marhum Kampar: 16, 17.
 Marhum Keratun (Sultan Muhamad, Riau-Lingga): 218.
 Marhum Kota Tinggi: 96.
 Marhum Mahkota Alam: 76, 78.
 Marhum Mampura: 137.
 Marhum Mangkat di Aceh: 70.
 Marhum Mangkat di Balai (Raja Ismail, Siak): 150.
 Marhum Mangkat di Batu: 53.
 Marhum Mangkat di Julang: 96, 98, 103, 109, 115, 125.
 Marhum Mangkat di Kayu Anak (Tun Mahmud Yamtuan Muda): 105.
 Marhum Mangkat di Kota (Daing Celak): 124.
 Marhum Mangkat di Kuala Pahang: 111, 120.
 Marhum Mangkat di Laut (Bendahara Tun Muhammad, Pahang): 172.
 Marhum Mangkat di Pahang (Marhum Besar): 87.
 Marhum Mangkat di Seluyut: 30, 53, 72.
 Marhum Mangkat di Sungai Baru: 118.
 Marhum Murshid (Raja Haji Abdullah, Yamtuan Muda Riau IX): 243.
 Marhum Padang Saujana: 94, 117.
 Marhum Pulau Bayan (Raja Ali Yamtuan Muda Riau V): 173.
 Marhum Saleh (Raja Lumu, Selangor): 150.
 Marhum Shahid Mangkat di Aceh: 26.
 Marhum Tambelan: 74-75, 78, 87.
 Marhum Telok Ketapang (Raja Haji): 157, 170, 172, 175.
 Marhum Tengah: 143.
 Masjid Sultan (di Singapura): 286.
 Mas Radin: 110.
 Matan: 111, 127, 162.
 Matheus Pereira Sampaio: 51.
 Mathurin Barbaron: 151.
 Megat Mansur: 55.
 Megat Seri Rama: 95-96.
 Melaka: 3-15, 19-25, 29-30, 34-37, 40-47, 58-61, 63, 77-79, 85, 126, 129-131, 133-136, 152-158, 162-164, 169, 182, 184, 185, 194, 200, 209-212, 214, 240, 241, 248, 257, 260.
 Mempawah: 118, 148.
 "Mercury" (kapal): 291.
 Michael Hicks Beach, Sir: 268-269.
 Minangkabau: 84, 90, 101-104.
 "Missouri" (kapal): 354.
 Mitchell Sir Charles B.H.: 288, 295, 300.
 Mon-Khmer: 1.
 Mount Faber (di Singapura): 249.
 Muar: 3-9, 11, 22-24, 48, 121, 125, 151, 154, 157, 166, 171, 208, 213, 228-229, 231, 232, 237, 240, 243, 245, 247-248, 254-255, 259-270, 272-276, 285, 295, 322, 350.
 Muhammad, Sultan (Pahang): 7, 11.
 Muhammad Amin Bandar: 146.
 Muhammad Ibrahim bin Abdullah Munshi, Dato': 269, 305.
 Muhammad Khalid, Ungku: 276, 288.
 Muhammad bin Mahbub, Dato': 323, 340.
 Muhammad bin Muhammad Khalid, Ungku: 338.

Muhammad Shah, Sultan (Riau-Lingga): 208, 215.
 Munawwar Shah, Sultan (Kampar): 15.
 Murad Abdul Rahman, Doktor: 344.
 Murchison, Kenneth (Resident Singapura): 211.
 Muzaffar Shah, Sultan (Melaka): 3.
 Muzaffar Shah, Sultan (Pahang): 21.
 Muzaffar Shah I, Sultan (Perak): 19-20.
 Muzaffar Shah III., Sultan (Perak): 123.
 M.P.A.J.A. (Malayan Peoples' Anti-Japanese Army): 354-356.

N

Nagarakertagama: 2.
 Naning: 45, 84.
 Newbold, Captain: 212-214.
 Nuruddin Ar-Raniri, Shaikh: 67.

O

Onn bin Ja'afar, Dato': 304, 321, 340, 358, 365.

P

Padang (di Muar): 208, 213, 285.
 Padang Saujana: 94.
 Pagar Ruyong (di Minangkabau): 102-104.
 Pagoh: 5-9, 11, 213.
 Pahang: 1, 7, 11, 23, 24, 65, 70, 72-77, 87-88, 109-111, 120, 122, 148-149, 166, 173-175, 178, 180, 195, 215, 226, 239-243, 245-253, 287, 295.
 Palembang: 89, 101, 121, 147, 160.
 Palembang Tua: 1.
 Panchor: 98-102, 105.
 Pangkalan Kota (di Muar): 213.
 Panglima Saleh: 355.
 Parit Siput: 213.
 Pasir Raja: 63, 64, 67, 80.
 Pasukan 136 (Pasukan Gerila British): 354.
 Paterson, Simon and Company: 283.
 Paulo da Gama: 22.
 Paulo de Lima Pereira: 47, 49, 50, 51.
 Pearl Harbour (di Hawaii): 349.

Pedas (di Rembau): 134, 137, 139.
 Pedro Alvares de Abreu: 50.
 Pedro de Lima: 52.
 Pedro Mascarenhaas: 13, 14.
 Pekan Tua: 18-21.
 Penarekan: 7.
 Penggawa Tarum: 118-119.
 Penghulu Besar (di Muar): 213.
 Penghulu Dagang (di Muar): 213.
 Penghulu Mungkal (di Muar): 213.
 Penghulu Tanjong (di Muar): 213.
 Perak: 1, 9, 19, 24, 35, 118, 123, 147-148, 256, 261, 330.
 "Perang Kerimun": 206-207.
 "Perang Pathan" (di Singapura): 336-339.
 Perayaan Jubilee Intan: 361-363.
 Percival, Lt. General Arthur E: 351.
 "Perjanjian Persekutuan": 360.
 Permaisura: 3.
 Persekutuan Tanah Melayu: 360, 361.
 Persetiaan Marhum Sungai Baru: 115, 136.
 Pentadbiran Tentera British (British Military Administration): 356-358.
 Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (U.M.N.O.): 358, 363, 367.
 Patani: 66, 73, 77, 79, 102.
 Pieter Gerurdus Bruijn: 151, 161.
 Pieter Verhoeff, Admiral: 64-65, 68.
 Pieter Willemsz: 79.
 Pontian (di Johor): 213.
 Pontianak: 148, 182.
 Prapancha: 2.
 Prince (Residen Singapura): 204.
 "Princess Louisa" (kapal): 156.
 "Pulai" (kapal): 263, 266.
 Pulau Berani (di Singapura): 249.
 Pulau Guntong (di Siak): 126, 129, 135.
 Pulau Kaban: 252.
 Pulau Kerimun: 128, 181, 200-207.
 Pulau Pinang: 166, 182, 186, 194, 195, 204, 208, 225, 253, 265, 291.
 Pulau Sekijang (St. John's Island): 186.
 Pulau Seri Buat: 252.
 Pulau Singkep: 167, 173, 181.
 Pulau Tekong (di Singapura): 239-241.
 Pulau Tiga (di Perak): 123.
 Punggor (di Melaka): 10.
 Puspawati, Puteri: 18, 26.

INDEKS

Puteri Kamaliah: 73.
 "Putroe Phang": 73.

Q

Queen Rambai Dharni: 342.
 Queen Victoria: 252, 276, 286, 300.

R

Radin Bahar: 27.
 Raffles, Thomas Stamford: 182, 186-198, 218-219, 234.
 Raja Abdul (Abdullah, Siak): 12.
 Raja Abdullah (Kampar): 6, 9-10, 16.
 Raja Abdullah (Raja Bongsu, Raja Seberang, Yang di-Pertuan di Hilir, Sultan Abdullah Ma'ayat Shah, Johor): 29, 33, 54-58, 62-72.
 Raja Abdullah (adik Raja Ismail, Siak): 145.
 Raja (Haji) Abdullah (Yamtuan Muda Riau IX): 238, 239.
 Raja Abdul Jalil (Sultan Abdul Jalil Shah I, Johor): 29-32, 33.
 Raja Abdul Jalil (Raja di Baroh, Sultan Abdul Jalil Muazzam Shah): 123, 125, 127, 129, 130, 132, 136-143, 175.
 Raja Abdul Samad (anak Daing Kemboja): 149.
 Raja Adil (Rembau): 135.
 Raja Ahmad (ayah Raja Umar): 18, 26.
 Raja Ahmad, Pahang (ayah Raja Mughal): 70, 72.
 Raja Ahmad (Sultan Ahmad Riayat Shah): 127, 137, 141-143.
 Raja Ahmad (saudara Yamtuan Muda Ja'afar): 205.
 Raja Alam (Sultan Azimuddin Siak): 102, 120-121, 126-129, 138, 145.
 Raja Ali (Raja Alauddin, putera Sultan Mahmud Shah dengan Tun Fatimah): 8.
 Raja Ali (Yamtuan Muda Riau V, anak Daing Kemboja): 147, 149, 158-159, 161-162, 166, 168, 171-173.
 Raja Ali (Yamtuan Muda Riau VII, anak Yamtuan Muda Raja Ja'afar): 216, 221, 238.
 Raja Ali (saudara Sultan Abdul Rah-

man, Riau-Lingga): 330.
 Raja Ali Haji, Riau: 95.
 Raja Aminah (anak Daing Chelak): 124, 130, 132, 135, 141.
 Raja Andak (anak Daing Kemboja): 147.
 "Raja Api": 157.
 Raja Bajau (Yamtuan Muda): 74, 78, 82-83, 87.
 Raja Bayang: 144.
 Raja Beraleh: 101.
 Raja Bismu (Sultan Muhammad Shah, Perak): 123.
 Raja Chulan (Perak): 264.
 Raja Daud (putera Raja Mahmud atau Raja Buang, Siak): 121.
 Raja Embong (di Singapura): 192.
 Raja Fatimah (Johor): 18, 25, 28, 33, 53.
 Raja Haji (Yamtuan Muda Riau IV; Marhum Telok Ketapang): 124, 126-128, 130-132, 134-141, 144-145, 147-157, 162, 170, 172, 173, 175, 179, 208.
 Raja Halimah (anak Daing Chelak): 124, 130, 132, 135, 141.
 Raja Halimah (Inderagiri): 144.
 Raja Hamidah (Engku Puteri): 172, 175, 178, 179, 180, 196, 198.
 Raja Hasan (putera Sultan Ali Jalla, Johor): 53.
 Raja Hashim (Acheh): 35, 53.
 Raja Hatijah: 11, 17.
 Raja Hitam (Siak): 90.
 Raja Husain (putera Sultan Ali Jalla, Johor): 53.
 Raja Ibrahim, Selangor (Sultan Ibrahim Shah, Selangor): 147, 148, 150, 153-158, 162, 166, 167, 170-171.
 Raja Ibrahim Johor (putera Raja Bajau). (Lihat: Sultan Ibrahim Shah).
 Raja Inu (Perak): 118.
 Raja Ja'afar (Yamtuan Muda Riau VI, putera Raja Haji): 148, 158, 173-174, 176-188, 192-193, 196, 198-199, 203-207.
 Raja Kasim (Pulau Kerimun): 207.
 Raja Kechil, Siak (Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah, Johor): 90, 102-112, 117, 119, 120, 125.

Raja Khadijah (anak Daing Perani: isteri Raja Alam): 101, 121, 127.
 Raja Lumu (Sultan Salehuddin, Selangor): 124, 130, 131, 135-139, 144, 145, 147, 149.
 Raja Mahdi (Selangor): 254.
 "Raja Mahkota": 51.
 Raja Mahmud (putera Sultan Ali Jalla, Johor): 53.
 Raja Maimunah (anak Daing Perani: isteri Temenggong Abdul Jamal): 119, 143.
 Raja Mansur (putera Sultan Muzaffar Shah I, Perak): 8.
 Raja Mansur, Johor (putera Raja Umar). (Lihat: Alauddin III, Sultan Johor).
 Raja Mansur, Trengganu (Lihat: Tun Dalam).
 Raja Mansur (putera Sultan Abdullah, Perak): 264.
 Raja Mudeliar: 8.
 Raja Mughal (Pahang, Aceh). (Lihat: Iskandar Thani, Sultan Aceh).
 Raja Muhammad Ali, Siak: 121, 138, 145, 147, 150, 155, 167, 171.
 Raja Muhammad Yusuf (Yamtuan Muda Riau X): 238, 243, 273.
 Raja Musa ibni Sultan Abdul Samad, Selangor: 254.
 Raja Musa (adik Raja Ismail, Siak): 145, 150.
 Raja Nala (Raja Muda, Selangor): 148, 150, 153.
 Raja Nara Singa: 10.
 "Raja Negara" (Singapura): 103, 145.
 Raja Puteh: 12.
 Raja Sa'id (anak Daing Merewah): 118, 120, 124, 133, 166.
 Raja Sulaiman, Johor (Lihat: Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah): 98, 107, 108, 111-113.
 Raja Selamah (anak Raja Haji): 148.
 Raja Suran: 1.
 Raja Umar bin Raja Ahmad (Lihat: Ali Jalla Abdul Jaliil Shah II, Sultan Johor).
 Rajendra Chola I: 1.
 Ratu Mas (Jambi): 144.
 Read, W.H.: 218, 225, 227, 267-270, 274.

Rebat: 21.
 Rekan (Rokan): 80.
 Rembau: 45, 84, 92, 132-140, 152-157, 161, 244.
 Robert Geddes, Captain: 150.
 Robert G.W. Herbert: 280, 294-295, 298, 304.
 Robert Meade, Sir: 277.
 Robinson, Sir William F.C.: 265-272.
 Rodyk dan Davidson: 275, 288, 296.

S

Sabatiao Serrao: 55.
 Saiyid Akil: 204-207.
 Saiyid Ali, Siak: 121, 127, 150, 171.
 Saiyid Muhammad Zain Al-Kudsi, Engku: 179, 205-206.
 Saiyid Umar (Siak): 136.
 Saiyid Uthman Ash-Shahab (Siak): 121, 127, 150, 171.
 Saiyid Yasin: 197.
 Samuel Garling: 210, 211, 212.
 Sang Naya: 10, 19-20.
 "Santa Catharina" (kapal): 55.
 Sayong: 2, 3, 15, 21.
 Sedili: 213.
 Segamat: 208, 214, 236, 247, 296, 350.
 Sejarah Melayu: 1-3, 6-8, 15-18, 26-27, 28, 29, 63, 66-67, 70.
 Sejarah Melayu (Naskah Simpanan Raffles No. 18): 16, 17.
 Sekudai (di Johor): 256.
 Selangor: 9, 12, 15, 19, 92, 112, 115, 118, 122-124, 126, 130, 131, 133-139, 144-149, 153, 157-158, 162, 166, 167, 171, 173, 254.
 Selat Santa Barbara: 43.
 Selat Singapura: 42, 103, 236.
 Selat Teberau: 341.
 Seluang: 3.
 Seluyut: 28-29, 33, 54, 72, 109.
 Semabok (di Melaka): 133, 155, 156.
 Senggora: 167.
 Seri Bija Wangsa (Johor): 96.
 Seri Raja Negara: 58.
 Seri Rana Wirakerma: 2.
 Seri Wijaya: 1.
 Shahbandar Abdullah (Riau): 198-199.
 Shahbandar Muhammad: 179.

INDEKS

- Shaikh Abdullah bin Yahya, Captain: 343.
 Shaikh Shamsuddin Samatrani: 67.
 Sharif Abdul Rahman, Sultan (Pontianak): 148.
 Shenton Thomas, Sir: 351.
 Siak: 12, 23, 53, 65, 66, 78, 80, 90, 93, 102, 103, 113, 117, 119, 120-121, 125-130, 135-136, 137-138, 146, 147, 150, 155, 167, 172, 182, 185, 221.
 Siam-Asli: 1, 2.
 Siantan Pulau: 101, 108, 127, 138, 162, 166, 280.
 Simao de Abreu: 47-48.
 Simao de Ferreira: 37-38.
 Skinner, A.M.: 265.
 Studer: 255.
 Subadar Piranjas: 338.
 Sukadana: 159, 161, 162.
 Sulaiman bin Daud, Ungku: 305.
 Sulaiman bin Muhammad Khalid, Ungku: 304, 317.
 Suliwatang (hal ehwal di Muar): 237-238, 240, 241, 244, 254.
 Suliwatang Ibrahim: 179.
 Sultan Abdullah (bekas Sultan Perak): 264.
 Sultan Abdullah Ma'ayat Shah: 72-74, 87.
 Sultan Abdul Hamid, Turki: 287.
 Sultan Abdul Jalil I, Johor: 32.
 Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah (1812-1819). (Lihat: Abdul Rahman, Tengku).
 Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah (II). (1885-1911). (Sultan Riau-Lingga yang akhir): 272, 273, 324.
 Sultan Ahmad Muazzam Shah, Pahang (Lihat: Wan Ahmad).
 Sultan Alang Iskandar Shah (Perak): 342.
 Sultan Alauddin Sulaiman Shah (Selangor): 342, 346.
 Sultan Ali Iskandar Shah (Muar). (Lihat: Tengku Ali).
 Sultan Hasan (Inderagiri): 144.
 Sultan Hisamuddin Alam Shah (Selangor): 322.
 Sultan Husain Shah (Lihat: Tengku Husain).
 Sultan Husain (Haru): 12, 16.
 Sultan Ibrahim Shah, Johor (1677-1685). (Lihat: Raja Ibrahim): 88-91.
 Sultan Ibrahim Shah, Selangor (Lihat: Raja Ibrahim).
 Sultan Ibrahim, Johor (Tengku Ibrahim Iskandar; Tengku Mahkota Johor): 265, 286-289, 291-364.
 Sultan Ismail, Johor (Tengku Ismail; Tengku Mahkota Johor): 288, 292, 304, 319, 321, 327, 340, 348, 351, 353, 357, 361, 365-369.
 Sultan Khoja Ahmad (Siak): 12.
 Sultan Lembayang: 101.
 Sultan Mansur Shah, Trengganu (Lihat: Tun Dalam).
 Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (1722-1760): 114-138.
 Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (II). (1857-1883). (Sultan Riau-Lingga IV): 239, 273.
 Sultan Umar, Trengganu: 241, 247, 249.
 Sultan Yusuf Izuddin (Perak): 322.
 Sultanah Aminah (Ungku Tun Aminah): 341, 365.
 Sultanah Fatimah (Che' Fatimah): 281, 286.
 Sultanah Helen Ibrahim (Lady Helen): 344, 347.
 Sultanah Khatijah: 288.
 Sultanah Maimunah (Ungku Maimunah binti Abdul Majid; Tengku Ampuan Besar): 287, 288, 292, 319, 341.
 Sultanah Marcella (Marcella Mendel): 348, 357, 360, 364.
 Sultanah Rogaiyah (Che' Rogaiyah): 295, 340-341, 342.
 Sultanah Tajul Alam (Acheh): 78.
 Sungai Baru (di Melaka): 153.
 Sungai Baru (di Riau): 118.
 Sungai Charang (Riau): 79.
 Sungai Damar: 80.
 Sungai Endau: 99.
 Sungai Kesang: 228, 231, 235, 263, 274.
 Sungai Melaka: 45.
 Sungai Muar: 5, 7, 11, 228, 231, 235, 263, 274.
 Sungai Pahang: 7.

Sungai Papan: 209.
 Sungai Riun: 63.
 Sungai Sayong: 18, 21.
 Sungai Seluyut: 28.
 Sungai Serting: 7.
 Sungai Tukul: 98-99.
 Sungai Ujong: 84, 92, 133.

T

Taboh Naning: 45.
 Tambak Johor (Johore Causeway): 341, 342.
 Tampin: 92.
 Tanjong Anggut: 171.
 Tanjong Batu: 24, 34, 44, 57, 88, 102.
 Tanjong Bemban: 111.
 Tanjong Gading (di Muar): 245.
 Tanjong Keling (di Melaka): 131, 153, 155.
 Tanjong Palas: 154-157.
 Tanjong Pinang (di Riau): 162, 164.
 Tanjong Puteri: 235, 246, 250, 251, 288.
 Tanjong Tuan (Cape Rachado): 41.
 Telok Belanga (di Singapura): 197, 203, 215, 231, 235, 246, 249, 285, 290, 300, 324, 340.
 Telok Kandang (di Pahang): 111.
 Telok Ketapang (di Melaka): 133, 154-157.
 Telok Penadah (di Perak): 147.
 Temenggong Abdul Jamal (anak Bendahara Tun Abbas): 119, 143.
 Temenggong Abdul Rahman (Temenggong Seri Maharaja): 172, 173, 174, 184-203, 217-218, 233, 249.
 Temenggong Daing (Tun) Ibrahim (Daing Ronggek, Tengku Chik): 203, 210-246, 249, 257, 259, 274, 319, 340.
 Temenggong Dato' Sa'id (Muar): 208.
 Temenggong Ismail (Muar): 247, 260-263.
 Temenggong Muar: 208, 213, 235-240, 266, 268.
 Tengku Abdul Jalil (putera Sultan Husain, Singapura): 211.
 Tengku Abdul Rahman ibni Sultan Ismail, Johor: 365, 367.
 Tengku Abu Bakar (Tengku Aris Ben-

dahara): 295, 304, 321, 340, 341, 343, 347.
 Tengku Ahmad (Tengku Temenggong, Putera Sultan Ibrahim, Johor): 304, 321, 341, 350, 351, 357.
 Tengku Alam (Sultan Alauddin Alam Shah, putera Sultan Ali): 258-273.
 Tengku Ali (Sultan Ali Iskandar Shah): 211-245, 247-257.
 Tengku Andak (puteri Sultan Husain, Singapura): 210.
 Tengku (Daing, Raja) Badariah (anak Raja Alam, Siak): 121, 127, 150, 171.
 Tengku Buntit: 177.
 Tengku (Raja) Embong (bonda Sultan Abdul Rahman, Riau-Lingga): 238, 273.
 Tengku Haji Ali (putera Tengku Alam): 287.
 Tengku Hitam (anak Daing Chelak): 124, 136, 141, 144.
 Tengku Husain atau Tengku Long (Sultan Husain Shah): 173-181, 184-212.
 Tengku Ja'afar (saudara Tengku Ali putera Sultan Husain Shah): 228.
 Tengku Kamariah: 103, 109, 111, 117, 121, 125.
 Tengku Kudin (Selangor): 254.
 Tengku Mandak (Tengku Puan Mandak): 103, 109, 111.
 Tengku Mahmud (putera Sultan Ali): 258, 261, 262, 264, 267, 270.
 Tengku Mahmud (Tengku Besar Pahang): 287, 295.
 Tengku Mahmud Iskandar ibni Sultan Ismail, Johor: 365, 367.
 Tengku Maimunah binti Sultan Ismail, Johor: 365, 367.
 Tengku Mariam (Tengku Sulong, anak sulung Maharaja Abu Bakar): 253, 295.
 Tengku Mariam (puteri Sultan Ibrahim, Johor): 361, 364.
 Tengku Musauddin (Selangor): 346.
 Tengku Penoh (Tengku Besar), puteri Raja Lumu, Selangor): 147.
 Tengku Perak (anak Daing Kemboja): 134.
 Tengku Puan Berima (Selangor): 115.

INDEKS

- Tengku Puteh (anak Daing Chelak): 124, 127, 136, 141, 144.
- Tengku Tengah (Tengku Erang): 103, 107, 109, 111, 115.
- Tengku Ya'akub (Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu): 364.
- Tengku Zahrah (Tengku Molek): 342, 343, 347.
- Tenno Heika (Maharaja Jepun): 345, 352, 353.
- Terangkera (di Melaka): 133, 155, 156.
- Trengganu: 49, 93, 109, 117, 119-120, 122, 124, 126, 132, 145, 150, 165, 167, 172, 198, 216.
- Thomas Shelford: 283.
- Timmerman Thyssen: 185, 194, 195, 196.
- Timutu Raja (Utimuti Raja): 6.
- Togar Aboc: 152.
- Tuan Bujang: 102.
- Tuanku Abdul Rahman Yang di-Pertuan Agong yang pertama: 365.
- Tuanku Muhammad (Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan): 342.
- Tuhfatu'n-Nafis: 95, 96, 105, 169, 172, 174, 178, 181, 184-185, 186, 196, 199, 203-207.
- Tun Abbas: 111, 114, 119, 120, 122.
- Tun Abdullah (Bendahara Paduka Raja): 103, 105, 109.
- Tun Abdul Jalil (Bendahara Paduka Raja): 94, 98.
- Tun Abdul Jamal (Bendahara Pekok, Bendahara Tua, Pahang; adik Sultan Abdul Jalil IV): 109, 112, 122.
- Tun Abdul Hamid (Tun Nara Wangsa): 110.
- Tun Aceh: 67.
- Tun Ahmad Paduka Raja: 29.
- Tun Ali: 8.
- Tun (Wan) Ali (Bendahara Pahang): 174, 175, 179, 180-195, 201, 215, 219, 226, 239.
- Tun Aris Bija Diraja (Beruas): 12.
- Tun Bambang: 66.
- Tun Burhat: 67.
- Tun (Engku) Che' Ayu: 115.
- Tun Dalam (Raja Mansur, Yang di-Pertuan Kechil; Sultan Mansur Shah, Trengganu): 119, 122, 124, 126-135, 145, 150, 155, 166-168.
- Tun Enah: 115.
- Tun Enah (anak Bendahara Tun Hussain, Trengganu): 120.
- Tun Fatimah: 8, 16.
- Tun Genggang: 29.
- Tun Habib Abdul Majid (Bendahara Seri Maharaja; Marhum Padang Saujana): 88, 93-94, 117.
- Tun Hamzah (Seri Nara Diraja): 14, 21.
- Tun Hassan Temenggong: 7, 8.
- Tun Hussain (Bendahara di Trengganu): 109, 117, 119, 122.
- Tun Isap Berakah (Paduka Tuan; Bendahara Paduka Tuan): 12, 15-19.
- Tun Isap Misai (Bendahara Seri Maharaja): 29, 32, 33.
- Tun Kechik: 115.
- Tun Khoja Ahmad (Tun Pikrama; Bendahara Paduka Raja): 8, 14-16.
- Tun Koris (Bendahara Pahang): 172, 174.
- Tun (Wan) Koris (Bendahara Muda Pahang): 241, 243, 246-248, 250.
- Tun Lela Pahlawan: 81.
- Tun Mahmud (anak Tun Isap Berakah): 12, 15, 19.
- Tun Mahmud (Yamtuan Muda, Johor; Marhum Mangkat di Kayu Anak): 98, 100, 102, 104-105, 115.
- Tun Mas Anum (Bendahara Seri Maharaja): 102.
- Tun Mas Jiwa: 26.
- Tun Muhammad (Lihat: Tun Seri Lanang).
- Tun Muhammad (Tun Nara Wangsa): 21.
- Tun Muhammad (Bendahara Pahang, anak Bendahara Tun Abdul Majid): 172.
- Tun Mutahir (Bendahara Seri Maharaja, Melaka): 8, 14.
- Tun Mutahir (Bendahara Pahang, anak Bendahara Tun Ali): 226, 239-243, 245-246, 248-250.
- Tun Seri Lanang: 1, 16, 18, 29, 33, 54, 62, 66-67, 70.
- Tun Tahir (Seri Nara Diraja, Melaka): 8, 14.
- Tun Terang: 8.
- Tun (Tengku) Tipah: 115.

Tun Zainal Abidin (Trengganu): 109, 117, 119.
Turner, E.F.: 325, 327.

U

Ujong Pasir (di Melaka): 155, 156.
Umbai, Kampong (di Melaka): 248, 250, 253, 255, 257, 260.
Undang-undang Tubuh Kerajaan (Johor): 288, 290, 296, 314, 317.
Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Majid: 350, 353.
Ungku Elek Maimunah binti Ungku Ahmad: 341.
"Utrecht" (kapal): 156, 158, 159, 161.

V

Vasco da Gama: 20.
Vaughan: 99-100.

W

Wak Puasa (di Pulau Kerimun): 206.
Wan Abdullah: 192.
Wan Abdul Rahman (Wan Aman, Pahang): 247.
Wan (Tun) Ahmad (Bendahara; Sultan

Ahmad Muazzam Shah, Pahang): 239-241, 244, 247-253, 273, 285, 287, 295.

Wan Idris bin Ibrahim: 304, 317.
Weld, Sir Frederick, A.: 272-274, 275-277, 281-284.
William Fielding, Lt. Colonel: 280, 286, 294.
"Willem Ruys" (kapal): 364.
Whitley, M.H.: 329-331.
Wijbrand van Warwijck: 57.
Wurawari: 1, 2.
Wylde: 80.

Y

Yahya, Raja (Sultan Yahya, Siak): 150, 166-167, 172.
Yahya bin Awaluddin: 305.
Yamashita, Tomoyuki: 353.
Young, Sir Arthur Henderson: 324, 328-330, 331-334, 339-340.

Z

Zainal Abidin I, Sultan (Trengganu): 117, 119.
Zainal Abidin II, Sultan (Trengganu): 168.